

**HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN  
ERA DR. MAHATHIR, 1981-1990**

**MOHD AFENDI BIN DAUD**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN  
ERA DR. MAHATHIR, 1981-1990**

**MOHD AFENDI BIN DAUD**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **MOHD AFENDI DAUD**

No. Matrik: **AHA090014**

Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk: Tesis(“Hasil Kerja ini”):

**HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN ERA DR. MAHATHIR, 1981-1990.**

Bidang Penyelidikan: **SEJARAH MALAYSIA**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedaresepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## ABSTRAK

Ramai sarjana telah melakukan kajian berkenaan dengan Dr. Mahathir sama ada dalam negara mahupun luar negara. Kajian telah ditulis dalam pelbagai isu tetapi tidak memfokuskan penulisan dan penyelidikan dalam aspek hubungan luar Malaysia dengan Britain. Oleh itu, kajian ini mengkaji aspek hubungan luar Malaysia dengan Britain era Dr. Mahathir, 1981-1990 secara lebih mendalam. Mahathir terkenal di peringkat antarabangsa sebagai seorang pemimpin yang lantang bersuara mengkritik negara-negara Barat sehingga mereka melabelkan beliau sebagai seorang anti-Barat. Pandangan ini berbeza dari Negara-negara Dunia Ketiga yang telah melabelkan Dr. Mahathir sebagai jurucakap Dunia Ketiga. Bagi Malaysia, beliau adalah seorang pemimpin yang berbeza dari pemimpin lepas terutama pandangan beliau terhadap Barat. Tesis ini dibahagikan kepada lapan bab, bermula dengan bab pertama iaitu pengenalan dan kemudian diikuti bab kedua adalah latar belakang hubungan Malaysia dengan Britain. Bab ketiga tesis ini juga memaparkan latar belakang Dr. Mahathir. Seterusnya tesis ini mengkaji beberapa aspek penting terutama dari sudut ekonomi dalam hubungan dua hala pada bab keempat. Begitu juga bab kelima, enam dan tujuh dari sudut politik, pendidikan dan pertahanan yang turut diberi perhatian. Akhir sekali adalah bab kelapan iaitu kesimpulan yang merupakan hasil dari kajian ini. Tesis ini mendapati Dr. Mahathir telah mengambil tindakan dengan melaksanakan *Buy British Last* (BBL) sebagai protes terhadap sikap Britain yang angkuh dan mengambil mudah rungutan Malaysia terhadap beberapa isu. Salah satu isu utama yang merenggangkan hubungan luar Malaysia dengan Britain adalah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang memerlukan kerjasama daripada Britain tetapi tidak diberi perhatian serius oleh Britain. Kajian ini juga melihat impak BBL terhadap hubungan Malaysia dengan Britain. Pelaksanaan BBL telah menyebabkan Britain membuat perubahan sikap terhadap Malaysia dan ia adalah satu titik perubahan

era baru dalam hubungan Malaysia dengan Britain. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa hubungan luar Malaysia dengan Britain melalui proses perubahan yang signifikan dalam mencorakkan hubungan Malaysia dengan Britain era Dr. Mahathir dari tahun 1981 hingga 1990.

University of Malaya

## ABSTRACT

Many studies have been done by scholars either locally or abroad on Dr. Mahathir Mohamad. But not much research has focused on Malaysia's external relations with Britain during the Mahathir era, 1981-1990. Thus this study examines in depth aspects of the relations between Malaysia and Britain. Mahathir is internationally known as a leader who has criticized the West and has been labelled as anti-West. The Third World countries, however, view him differently and have labelled him as a Third World spokesman. For Malaysia, he is a leader who is quite different from previous leaders, especially in respect of his views of the West. This thesis is divided into eight chapters, the first chapter begins with an introduction and is followed by a background discussion of Malaysia's relationship with Britain. Chapter three describes Dr. Mahathir's rise to leadership. The study then examines important aspects beginning with the economic aspect of bilateral relations in chapter four. Chapter 5, 6 and 7 discuss the political, education and defence aspect of bilateral relations. Chapter 8 is a conclusion to this study. This thesis found that Dr. Mahathir implemented the Buy British Last (BBL) policy in protest against Britain's arrogant attitude and indifference toward several issues raised by Malaysia. One of the major issues that alienated Malaysia's relations with Britain is the implementation of the New Economic Policy which required cooperation from Britain but which was not taken seriously by Britain. The study also looked at the impact of the BBL on the relationship between Malaysia and Britain. The implementation of the BBL led to a change in Britain's attitude towards Malaysia and was a turning point in relations between Malaysia and Britain. This study clearly shows that there was a significant change in Malaysia's relations with Britain during the Mahathir era from 1981 to 1990.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis Profesor Madya Dr. Joseph M. Fernando yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta mencurahkan pengalaman beliau kepada penulis untuk dipelajari bagi sepanjang waktu menyiapkan kajian ini dan sering meluangkan masa untuk berbincang serta memberi perangsang supaya menyiapkan kajian ini walaupun menghadapi pelbagai dugaan yang mencabar dan komitmen lain. Penulis turut berterima kasih kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan segala tenaga dan pengetahuan sepanjang pengajian ini. Turut tidak dilupakan kepada isteri, Azizah Ismayatim dan anak-anak, Yasmin Syazana, Muhamad Izz Aiman dan Muhamad Faris Arif yang telah memberikan semangat untuk meneruskan kajian ini.

University of Malaya

## JADUAL KANDUNGAN

### **BAB 1**

#### **PENGENALAN**

Pengenalan	1 - 5
Latar Belakang Kajian	5 - 6
Persoalan Kajian	6 - 7
Objektif Kajian	7
Kepentingan Kajian	7 - 8
Masalah dan Batasan Kajian	8 - 9
Metodologi Kajian	9
Sorotan Literatur	9 - 18
Ringkasan Bab	18

### **BAB 2**

#### **LATAR BELAKANG HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN**

Pengenalan	19 - 20
Dr. Mahathir dan Britain	21 - 28
Aspek Ekonomi	28 - 37
Aspek Politik	37 - 52
Aspek Pendidikan Dan Pertahanan	52 - 53
Kesimpulan	53 - 54

### **BAB 3**

#### **LATAR BELAKANG DR. MAHATHIR**

Pengenalan	55
Kehidupan Awal Dr. Mahathir	55 - 57



Perjalanan Politik Awal Dr. Mahathir	57 - 68
Perjalanan Politik Dr. Mahathir Selepas 1981	68 - 84
Penentangan Terhadap Kepimpinan Dr. Mahathir Dalam UMNO 1987	84 - 97
Selepas Pemilihan UMNO 1987	97 - 108
Kesimpulan	109 - 110

#### **BAB 4**

##### **HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN ASPEK EKONOMI**

Pengenalan	111 - 113
<i>Buy British Last</i> (BBL)	113 - 133
London Metal Exchange (LME)	133 - 138
Pengambilalihan Syarikat Guthrie Corporation	139 - 153
Penerbangan Tambahan MAS ke London	153 - 159
Dasar Pandang Ke Timur (DPT)	159 - 188
Antah-Biwater	188 - 190
Kesimpulan	190 - 191

#### **BAB 5**

##### **HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN ASPEK POLITIK**

Pengenalan	192 - 197
Hubungan Renggang Malaysia Dengan Britain	197 - 200
Pertemuan Awal Dalam Memperbaiki Hubungan Malaysia Dengan Britain	200 - 212
Pertemuan Dr. Mahathir Dengan Margaret Thatcher	212 - 228
Isu Bukit Carcosa	228 - 231
Pandangan Dr. Mahathir Terhadap Komanwel	231 - 243
Dr. Mahathir dan Dasar Aparteid di Afrika Selatan	243 - 270

Kesimpulan	271 - 272
------------	-----------

## **BAB 6**

### **HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN ASPEK PENDIDIKAN**

Pengenalan	273 - 278
Isu Kenaikan Yuran	278 - 286
Usaha Kerajaan Malaysia	287 - 300
Implikasi Selepas BBL	300 - 307
Kesimpulan	307 - 308

## **BAB 7**

### **HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN ASPEK PERTAHANAN**

Pengenalan	309 - 315
Pembelian Peralatan Pertahanan	315 - 328
<i>Five Power Defence Arrangement (FPDA)</i>	328 - 337
Kerjasama Pertahanan Dengan Lain Negara	337 - 340
Implikasi Perlaksanaan BBL	340 - 341
Kesimpulan	341 - 342

## **BAB 8**

<b>KESIMPULAN</b>	343 - 354
-------------------	-----------

<b>BIBLIOGRAFI</b>	355 - 391
--------------------	-----------

## SENARAI CARTA

Carta 4.1	Import/Eksport Malaysia-Britain 1981-1990	128
Carta 4.2	Import/Eksport Malaysia-Jepun 1981-1990	182
Carta 4.3	Import/Eksport Malaysia-Korea Selatan 1981-1990	184
Carta 6.1	Bilangan Pelajar Malaysia menuntut di Britain Dari sesi 1976-77 sehingga sesi 1980-81	304
Carta 6.2	Bilangan Pelajar Malaysia menuntut di Britain Dari tahun 1980 hingga 1990	306

University of Malaya

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Keputusan Pemilihan UMNO 1987 - Presiden dan Timbalan Presiden	94
Jadual 3.2	Keputusan Pemilihan UMNO 1987 – Naib Presiden	95
Jadual 4.1	Import/Eksport Malaysia-Britain 1981-1990	127
Jadual 4.2	Bantuan Pinjaman Jepun kepada Malaysia, 1972-1982	164
Jadual 4.3	Import/Eksport Malaysia-Jepun 1981-1990	181
Jadual 4.4	Import/Eksport Malaysia-Korea Selatan 1981-1990	183
Jadual 5.1	Malaysia: Struktur Eksport 1970-1989	237
Jadual 6.1	Kenaikan yuran mengikut kursus, 1980/81 – 1981/82	281
Jadual 6.2	Pengambilan pelajar ke universiti tempatan 1981 - 1989	288
Jadual 6.3	Bilangan pelajar pra-Universiti di pelbagai negara	290
Jadual 6.4	Jumlah Bantuan Britain sesi 1984-90	293
Jadual 6.5	Kadar Baru Elaun Buku dan Tesis berkuatkuasa 1 Ogos 1990	294
Jadual 6.6	Bilangan Pelatih dan Pelajar Malaysia ke Jepun 1982-1987	298
Jadual 6.7	Bilangan Pelajar Malaysia menuntut di Britain dari sesi 1976-77 sehingga sesi 1980-81	304
Jadual 6.8	Bilangan Pelajar Malaysia menuntut di Britain dari tahun 1980 hingga 1990	305
Jadual 7.1	Bilangan Anggota Tentera Kursus di Luar Negara	333
Jadual 7.2	Jumlah Perbelanjaan Kursus di Luar Negara 1986 – 1988	334
Jadual 7.3	Pusat Latihan Dalam Negeri	335
Jadual 7.4	Latihan Bersama dengan lain negara	339 - 340

## SENARAI KEPENDEKAN

2M	Mahathir-Musa
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ACP	Afrika, Caribbean dan Pasifik
AKDN	Akta Keselamatan Dalam Negeri
AMC	Algamated Metal Corporation
AMCJA	All-Malaya Council of Joint Action
AMDA	Anglo-Malayan Defence Agreement/ Perjanjian Pertahanan Britain-Tanah Melayu
ANZUS	Australia, New Zealand, United States Security
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
ASWJ	Asian Wall Street Journal
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BA	British Airways
BBC	British Broadcasting Corporation
BBL	Buy British Last
BBMB	Bank Bumiputra Malaysia Berhad
BMF	Bumiputra Malaysia Finance
BMITA	British-Malaysian Industry and Trade Association
BN	Barisan Nasional
BOAC	British Overseas Airways Corporation
CHOGM	Commonwealth Heads of Government Meeting /Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel
CFTC	Commonwealth Financial Technical Cooperation /Program Kerjasama Teknikal Kewangan Komanwel
DAP	Democratic Action Party

DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPT	Dasar Pandang ke Timur/Look East Policy
EC	European Community
EEC	European Economic Community
EU	European Union/Kesatuan Eropah
FCO	Foreign and Commonwealth Office
FEER	Far Eastern Economic Review
FPDA	Five Power Defence Arrangement
GEC	General Electric Company
GSP	Generalised System of Preferences
HICOM	Heavy Industries Corporation of Malaysia
IBJ	Industrial Bank of Japan
INTAN	Institut Tadbir Awam Negara Malaysia
IPF	All-Malaysian Indian Progressive Front
ITA	International Tin Agreement
ITU	Institut Teknologi Udara
ISA	Internal Security Act
ISIS	Institute of Strategic and International Studies
JAMECA	Japan-Malaysia Economic Association/ Persatuan Ekonomi Jepun Malaysia
JPPM	Jawatan Kuasa Perundingan Perpaduan Malaysia
KEDA	Kedah Development Authority
LATEDA	Sekolah Latihan Tentera Darat
LME	London Metal Exchange/Pasar Logam London
LNG	Liquefield Natural Gas/Gas Asli Cecair
LSE	London Stock Exchange/Pasaran Saham London

MAJECA	Malaysia-Japan Economic Association/ Persatuan Ekonomi Malaysia Jepun
MAS	Malaysian Airline System
M.B.B.S	Ijazah Doktor Perubatan
MCA	Malaysian Chinese Association
MCKK	Malay College Kuala Kangsar/Kolej Melayu Kuala Kangsar
MDU	Malayan Democratic Union
MIC	Malaysian Indian Congress
MIDA	Malaysian Industrial Development Authority
MISC	Malaysia International Shipping Corporation
MITI	Ministry of Trade and Industry
MMC	Malaysia Mining Corporation
MPHB	Multi-Purpose Holding Berhad
MSA	Malaysia/Singapore Airlines
MSSC	The Malaysian Students Societies Council / Majlis Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia
MTD	Maktab Tentera Diraja
NAM	Non-Align Movement
NDC	National Defence College
NIC	New Industry Country
NEP	New Economy Policy
NVCD	Nuclear Biological Chemical Defence
OIC	Organisation of Islamic Conference
ODA	Official Development Assistance
PAP	People's Action Party
PAS	Parti Islam Se Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

PMIP	Pan Malaysia Islamic Party
PKM	Parti Komunis Malaya
PKKU	Parti Komunis Kalimantan Utara
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PLPK	Pusat Latihan Peperangan Khas
PLR	Pusat Latihan Rekrut
PLUS	Projek Lebuhraya Utara-Selatan
PPP	People's Progressive Party
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PROTON	Perusahaan Otomobil Nasional Berhad
PTTD	Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik
PULADA	Pusat Latihan Darat
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
PWTC	Putra World Trade Centre
RAMD	Rejimen Askar Melayu Diraja
RCDS	Royal College of Defence Studies
R & D	Research and Development
RRC	Republik Rakyat China
SEAD	South East Asia Department
SIA	Singapore International Airlines
SITC	Sultan Idris Training College/Maktab Perguruan Sultan Idris
SME	Syarikat Malaysia Explosion Sdn Bhd
SMG	Syarikat Steyr Mannlicher
TESL	Teaching English as Second Language/ Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua
TDM	Tentera Darat Malaysia
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia



## BAB 1

### PENGENALAN

#### Pengenalan

Hubungan Malaysia dengan Britain telah lama wujud<sup>1</sup> dan mempunyai nilai sentimental. Sejak tahun 1874 bermulanya campurtangan pihak Britain secara langsung dan termeterai perjanjian Pangkor.<sup>2</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya berpendapat dengan meminta bantuan daripada Britain telah memberi peluang kepada mereka untuk campurtangan: “The letter from Sultan Abdullah was the ‘key to the door’ which in 1874 finally led to political intervention,”<sup>3</sup> seterusnya, British meneruskan usaha untuk menguasai Tanah Melayu dan munculnya Negeri-Negeri Bersekutu, Negeri-Negeri Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat. Kemudiannya dicantum menjadi Malaya<sup>4</sup> dan seterusnya Malaysia apabila berlakunya pergabungan dengan Sabah dan Sarawak serta Singapura (kemudiannya dipisahkan dari Malaysia). Selepas merdeka pada tahun 1957 hubungan Malaysia-Britain terus terjalin. Hubungan Malaysia-Britain era pentadbiran Tunku Abdul Rahman<sup>5</sup> jelas menampakkan wujudnya hubungan yang rapat dengan pihak Britain.<sup>6</sup> Tunku pernah menyatakan bahawa: “Malaya ta’ boleh berdiri sendiri kalau ta’ ada bantuan British,”<sup>7</sup> sehingga ramai para sarjana menyatakan Tunku adalah seorang pro-Barat.<sup>8</sup> Jelas pada waktu itu Malaya yang

---

<sup>1</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1997, hlm. 1; Pada kurun ke-18 pihak British telah melibatkan diri dalam politik Tanah Melayu.

<sup>2</sup> Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, (2<sup>nd</sup> Edition), *A history of Malaysia*, London: Palgrave, 2001, hlm. 158.

<sup>3</sup> *Ibid*, hlm. 159.

<sup>4</sup> Muhamad Mustafa Ishak, *Politik bangsa Malaysia, Pembinaan pelbagai etnik* Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2014, hlm. 8; Malaya merujuk kepada sembilan negeri Melayu di Semenanjung serta Negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka.

<sup>5</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri dan dasar luar Malaysia 1957-2005*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007, hlm. 24-25; Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, lahir di Istana Tiga Tingkat, Alor Setar, Kedah pada 8 Februari, 1903; Lihat Joseph M. Fernando, *The making of the Malayan constitution*, Kuala Lumpur: MBRAS Monograph, No. 31, 2002, hlm. 221.

<sup>6</sup> *Federation of Malaya: Official Year Book*, Vol. 1, Kuala Lumpur: Perchetakan Kerajaan, 1961, hlm. 87.

<sup>7</sup> *Berita Harian*, 28 September, 1957, hlm. 1.

<sup>8</sup> Abdullah Ahmad, ‘Tengku Abdul Rahman and Malaysia’s foreign policy, 1963-1970’, Tesis Ijazah Sarjana Muda, University of Cambridge, 1984, hlm. (i); Faridah Jaafar, ‘Peribadi politik Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Malaysia, 1957-1970’, dalam Mohamad Redzuan Othman, et. al., *Sejarah pembinaan negara bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 243.

baru merdeka dan masih mentah memerlukan bantuan daripada pihak Britain sama ada dari segi keselamatan mahupun ekonomi.<sup>9</sup>

Sebelum mencapai kemerdekaan segala urusan pentadbiran hubungan luar negara dikendalikan oleh kerajaan Britain di London.<sup>10</sup> Selepas merdeka, tanggungjawab dasar luar negara telah diberikan kepada pemimpin pada waktu itu untuk menggubal dan mengendalikannya.<sup>11</sup> Namun peranan Malaya tidak begitu aktif di peringkat antarabangsa dan menampakkan haluan condong ke barat terutama ke negara Britain. Sebagai sebuah negara yang baru merdeka, panduan dan nasihat dari Britain diperlukan bagi menangani isu-isu antarabangsa.<sup>12</sup> Chandran Jeshurun mendapati: “The plans for establishing a Foreign Service within the Government were set in motion under the guidance of the British colonial administration, and one of the steps was the recruitment of personnel.”<sup>13</sup> Kebanyakan kakitangan kerajaan pada waktu itu mendapat didikan dan latihan dari Britain sama ada dalam negara ataupun di Britain sendiri. Ini ditegaskan oleh Tunku sendiri: “...government officials were all English educated and trained under the British Administration.”<sup>14</sup>

Selepas Tunku<sup>15</sup> meletakkan jawatan sebagai perdana menteri (1957-1970) dan digantikan oleh Tun Abdul Razak<sup>16</sup> (1970-1976) Malaysia masih meneruskan hubungan dengan pihak Britain. Begitu juga selepas Tun Abdul Razak yang telah digantikan oleh Tun Hussein Onn<sup>17</sup> (1976-1981) turut mengekalkan hubungan tradisi yang baik dengan pihak Britain. Walau bagaimanapun apabila Dr. Mahathir Mohamad<sup>18</sup> mengambil alih

---

<sup>9</sup> Khadijah Md. Khalid, *Malaysia-Japan relations: Explaining the root cause of the pro Japan orientation of Malaysia in the post 1981 period*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of London, 1999, hlm. 34.

<sup>10</sup> *Federation of Malaya: Official Year Book*, Vol. 1, Kuala Lumpur: Perchetakan Kerajaan, 1961, hlm. 87; Chandran Jeshurun, *Malaysia: Fifty years of diplomacy, 1957-2007*, Singapore: Talisman Publishing Pte Ltd, 2008, hlm. 4; Rozeman Abu Hassan, *Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein: Dasar luar Malaysia 1970-1976*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003, hlm. 35.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Murugesu Pathmanaban, ‘Dasar luar Malaysia: Cabaran masa depan’, dalam *Berita Harian*, 16 Oktober, 1990, hlm. 10.

<sup>13</sup> Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 8.

<sup>14</sup> J. S. Solomon, (edited), (2<sup>nd</sup> edition), *Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj: The challenging times*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 2007, hlm. 75.

<sup>15</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 24-25.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 56-57; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 120.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 92-93; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 136.

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 124-125; Dr. Mahathir dilahirkan pada 20 Disember, 1925, seorang doktor dan berkhidmat di klinik sendiri dan meninggalkan lapangan kedokteran sejak tahun 1974 bagi menumpukan karier politik beliau. Pada 16 Julai 1981, beliau dilantik

tampak kerajaan pada tahun 1981, hubungan Malaysia-Britain masih diteruskan tetapi rentak hubungannya tidak sama seperti dengan pentadbiran Perdana Menteri sebelum beliau.<sup>19</sup> Dr. Mahathir meneruskan usaha menjalinkan hubungan dengan Britain tetapi beliau lebih tegas dalam menangani beberapa isu yang timbul semasa pentadbiran beliau.

Pada mulanya ketegasan Dr. Mahathir dalam menangani beberapa isu telah menimbulkan ketegangan perhubungan di antara kedua-dua buah negara.<sup>20</sup> Isu-isu yang berbangkit telah menimbulkan kekeruhan perhubungan di antara kedua-dua buah negara namun jalan penyelesaian dicari dan telah merapatkan semula hubungan Malaysia-Britain yang masih memerlukan antara satu sama lain. Ini telah meletakkan kedudukan hubungan Malaysia tidak lagi hanya sehalu sahaja. Margaret Thatcher menjelaskan bahawa: “Kedua-dua kami telah dapat mengatasi masalah ini dan menjalin persahabatan erat sambil memulakan era baru hubungan Malaysia-Britain berdasarkan kerjasama dan rakan yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah.”<sup>21</sup> Malaysia tidak menerima apa saja daripada pihak Britain dan mempunyai pandangan yang tersendiri serta tidak dipengaruhi ataupun menerima tekanan dari pihak Britain.

Dasar luar Malaysia menampakkan aliran dan pengaruh perdana menteri yang memerintah pada waktu itu dan hala tuju sesuatu dasar luar Malaysia mencerminkan dominasi seorang perdana menteri.<sup>22</sup> Kajian ini melihat usaha Dr. Mahathir dalam mencorakkan hala tuju Malaysia yang berbeza tidak seperti pemimpin-pemimpin

---

menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat; Lihat Murugesu Pathmanathan dan David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastview Productions Sdn Bhd, 1984, hlm. 8-10; Lihat Sivamurugan Pandian, *Abdullah Ahmad Badawi: Jalan ke puncak*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2005, hlm. 1; Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2005, hlm. 22-24, 29-30; J. Victor Morais, *Mahathir: A Profile in courage*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd, 1982, hlm. 1.

<sup>19</sup> Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

<sup>20</sup> Khadijah Md. Khalid dan Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 116-117.

<sup>21</sup> *Utusan Malaysia*, 4 September, 1983, hlm. 1.

<sup>22</sup> Nor Azizan Idris, 'Etnisiti dan ideologi dalam hubungan Malaysia-China', dalam Sity Daud dan Zarina Othman, (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 123.

sebelum beliau yang mendapat pendidikan di London.<sup>23</sup> Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri dari dunia ketiga yang telah menamatkan ‘dasar pandang ke Barat’.<sup>24</sup> Selama ini ia menjadi teras kepada hubungan luar negara-negara yang pernah dijajah oleh Britain.<sup>25</sup> Dr. Mahathir lebih mengutamakan hubungan daripada pelbagai negara dengan tidak mengira apa ideologi sesebuah negara<sup>26</sup> terutama dari aspek ekonomi. Malaysia tiada halangan menjalinkan hubungan selagi Malaysia memperoleh keuntungan daripada hubungan yang terjalin.<sup>27</sup> Pandangan dan persepsi rakyat Malaysia yang memandang tinggi terhadap orang Barat terutama pihak Britain perlu dihakis kerana negara telah lama merdeka.<sup>28</sup> Di peringkat antarabangsa Dr. Mahathir memang menyerlah sebagai seorang pemimpin yang berwibawa. Beliau mendapat perhatian dunia apabila mengkritik ketidakadilan pihak Barat terhadap dunia ketiga. Sehingga beliau telah dianggap dan diiktiraf sebagai jurucakap kepada dunia ketiga dan di Asia malah hanya Dr. Mahathir Mohamad sahaja yang konsisten menjadi jaguh Dunia Ketiga.<sup>29</sup> Dr. Mahathir berani menyuarakan pendapat dan pandangan yang bertentangan dengan pihak-pihak tertentu terutama negara-negara Barat. Sivamurugan berpendapat bahawa berakhirnya Perang Dingin membolehkan Dr. Mahathir bertindak tanpa menyebelahi mana-mana blok.<sup>30</sup> Dr. Mahathir mempunyai pandangan tersendiri tentang Barat: “Unfortunately, although the West advocates free speech, they don’t like others to freely criticise them.”<sup>31</sup> Pandangan dan pendapat beliau telah mendapat perhatian dunia dan ini telah menjadikan beliau sebagai tumpuan kepada pemimpin-pemimpin lain dan juga pihak media terutama dari Barat yang sering mencari peluang untuk

---

<sup>23</sup> Joseph Liow Chinyong, ‘Personality, exigencies and contingencies: Determinants of Malaysia’s foreign policy in the Mahathir administration’, in Ho Khai Leong dan James Chin, *Mahathir’s administration: Performance and crisis in government*, Singapore: Times Book International, 2001, hlm. 130.

<sup>24</sup> Rusdi Omar dan Muhammad Afifi Abdul Razak, ‘Dasar luar Malaysia dalam konteks hubungan Malaysia-Jepun’, dalam Zulhilmi Paidi dan Asrar Omar, (editor), *Hubungan luar antarabangsa*, Bentong: PTS Publications and Distributor Sdn Bhd, 2003, hlm. 134.

<sup>25</sup> *Utusan Malaysia*, 21 Julai 1987, hlm. 2.

<sup>26</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 154.

<sup>27</sup> *Utusan Malaysia*, 27 September, 1983, hlm. 3.

<sup>28</sup> Ibid.; Khadijah Md. Khalid dan Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 116-117.

<sup>29</sup> Mahathir Mohamad, *Reflections on Asia*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2002, hlm. 62; J. Saravanamuttu, ‘Iconoclasm and foreign policy – The Mahathir years’, in Bridget Welsh, (editor), *Reflection: The Mahathir years*, hlm. 307; Johan Saravanamuttu, ‘ASEAN in Malaysia foreign policy discourse and practice 1967–1997’, in *Asian Journal of Political Science*, Vol. 5, No. 1, June 1997.

<sup>30</sup> Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 234.

<sup>31</sup> Mahathir Mohamad, *Reflections on Asia*, hlm. 10.

mengkritik beliau.<sup>32</sup> Kelantangannya dalam membawa sesuatu isu telah mendapat perhatian dunia<sup>33</sup> dan dengan mengkritik pihak Barat telah mengangkat beliau sebagai seorang yang dianggap berani dalam mempersoal kewibawaan pihak Barat. Dr. Mahathir menyatakan: “Now we would like to have a more balanced relationship between the West and the East.”<sup>34</sup>

### **Latar Belakang Kajian**

Dr. Mahathir mempunyai karisme dan dikatakan lebih dominan dalam mentadbir negara khususnya melaksanakan dan menyesuaikan dasar luar Malaysia yang menghadapi pelbagai cabaran sama ada dari dalam mahupun luar negara.<sup>35</sup> Dr. Mahathir mempunyai aspirasi dalam meletakkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa dan mempunyai cita-cita meletakkan nama Malaysia setanding dengan negara-negara lain.<sup>36</sup>

Dr. Mahathir memang terkenal di peringkat antarabangsa dan telah melalui pelbagai cabaran dalam melaksanakan dasar luar Malaysia. Walau bagaimanapun cara pendekatan dan corak hubungan luar yang dilaksanakan agak berbeza terutama dalam hubungan Malaysia ke atas Britain.<sup>37</sup> Dr. Mahathir yang dikenali sebagai seorang yang anti-Barat. Di setiap forum yang dijemput Mahathir akan mengkritik polisi Barat terutama negara Amerika Syarikat, Eropah, Britain dan Australia<sup>38</sup> dan ramai sarjana yang menyatakan Dr. Mahathir adalah seorang yang anti-Barat. Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir bukanlah secara keseluruhan seorang yang anti-Barat,<sup>39</sup> disebabkan beliau seorang yang lantang bersuara dalam menegaskan pendirian beliau dan Malaysia di peringkat antarabangsa malah berani menegur negara-negara besar terutama di Barat

---

<sup>32</sup> Razali Ismail, ‘Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, globalisasi dan cabaran Malaysia’, dalam Mohamed Anwar Omar Din (editor), *Dinamika bangsa Melayu menongkah arus globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 43-44.

<sup>33</sup> Mahathir Mohamad, *Reflections on Asia*, hlm. 100; Beliau mengkritik PBB, “In reality, only five countries decide what to do.”

<sup>34</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, March 1983, Vol. 16, No. 1, hlm. 19.

<sup>35</sup> Nor Azizan Idris, ‘Etnisiti dan ideologi dalam hubungan Malaysia-China’, dalam Sity Daud dan Zarina Othman, (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 123.

<sup>36</sup> Khadijah Md. Khalid dan Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 116.

<sup>37</sup> *Ibid.*, hlm. 122; Sikap antipati Dr. Mahathir terhadap Britain difahami.

<sup>38</sup> Cheah Boon Kheng, *Malaysia: The making of a nation*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2002, hlm. 211.

<sup>39</sup> Mahathir Mohamad, *Reflections on Asia*, hlm. 93.

dalam beberapa isu yang dianggap tidak adil dan hanya berat kepada pihak Barat<sup>40</sup> sahaja sama ada berkenaan politik, ekonomi dan sosial.

Ada yang beranggapan hubungan Malaysia dengan Britain semasa pentadbiran Dr. Mahathir tidak sama dengan perdana menteri sebelum beliau adalah kerana beliau seorang yang anti-Barat.<sup>41</sup> Corak hubungan Malaysia dengan Britain semasa era Dr. Mahathir telah berlaku perubahan dan akan dibincangkan dalam bab seterusnya. Ia merupakan satu manifesto yang menjelaskan bahawa hubungan Malaysia dengan Britain perlunya satu kedudukan hubungan yang sama rata, dua hala dan lebih adil. Ini diperjelaskan lagi oleh J. Saravanamuttu, dasar luar mana-mana negara sekalipun selalu sahaja berubah dan perubahan seperti ini mencerminkan usaha sesebuah negara untuk mencari cara-cara baru untuk mencapai dan memupuk kepentingannya dalam sistem antarabangsa yang juga sering berubah.<sup>42</sup> Dr. Mahathir telah melaksanakan dasar luar berasaskan urutan rasmi di mana keutamaan pertama ialah negara-negara ASEAN, diikuti oleh Negara-negara Islam (OIC), seterusnya Negara-negara Berkecuali (NAM) dan akhirnya negara-negara Komanwel.<sup>43</sup> Namun hubungan dengan negara Britain tetap diteruskan dan turut diberi perhatian walaupun tidak seakrab sebelumnya.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang ingin dikaji ialah apakah corak hubungan bilateral Malaysia-Britain semasa era Dr Mahathir, 1981-1990?

Seterusnya, apakah isu-isu utama yang memberi impak terhadap hubungan Malaysia-Britain semasa era Dr Mahathir, 1981-1990?

Sejauhmanakah pendirian politik peribadi Dr Mahathir memberi impak kepada hubungan Malaysia-Britain dalam tempoh 1981-1990?

---

<sup>40</sup> Ibid., hlm. 99.

<sup>41</sup> Khadijah Md. Khalid dan Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 115.

<sup>42</sup> J. Saravanamuttu, 'Rupabentuk dan perkembangan dasar luar Malaysia Sejak 1957', dalam Zuraina Majid, *Masyarakat Malaysia: Edisi II*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1985, hlm. 30.

<sup>43</sup> Rusdi Omar et. al., *Hubungan Malaysia-Singapura era Mahathir*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2005, hlm. 1.

Sejauhmanakah dasar 'Buy British Last' memberi impak hubungan ekonomi Malaysia-Britain?

Akhir sekali, bagaimana Malaysia dapat memulihkan hubungan dengan Britain selepas wujudnya pertikaian bilateral?

### **Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini ingin mengkaji sejauhmana pentadbiran era Dr. Mahathir berjaya membawa perubahan dalam menjalin hubungan luar dengan Britain, 1981-1990.

Objektif kedua kajian ini ingin menilai tahap pencapaian hubungan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir dalam melaksanakan serta mencorak hubungan luar Malaysia terhadap Britain.

Seterusnya objektif ketiga kajian ini ingin mendalami sejauhmana sentimen yang dilaungkan bahawa Dr. Mahathir adalah seorang yang berpendirian anti-Barat mempengaruhi hubungan luar Malaysia ke atas Britain.

Objektif keempat dan terakhir, kajian ini juga ingin menyelidik pengaruh Dr. Mahathir secara langsung atau tidak langsung ke atas hubungan Malaysia dengan Britain dan ia juga dapat memberi justifikasi kepada pentadbiran Dr. Mahathir.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan kerana tiada kajian yang mengkaji hubungan Malaysia-Britain era Dr. Mahathir secara lebih khusus lagi. Memandangkan aliran hubungan antarabangsa Malaysia yang telah beralih kepada negara-negara lain dan tidak hanya memberi tumpuan kepada Britain. Malah banyak isu-isu besar dunia telah melibatkan Malaysia terutama ASEAN, NAM, OIC dan pelbagai isu yang masih lagi bergolak seperti isu di Iraq, Palestin, Afghanistan dan lain-lain lagi. Namun Malaysia tidak boleh memandang remeh terhadap hubungan Malaysia-Britain.

Kajian ini juga memberi gambaran corak era pentadbiran Dr. Mahathir dalam hubungan luar Malaysia-Britain yang telah mengambil kira pelbagai perspektif, pertimbangan juga situasi pada zaman yang dilalui. Ini akan memberikan lebih pemahaman terhadap pelaksanaan sesuatu dasar yang mempengaruhi hubungan Malaysia-Britain yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir.

Kajian ini juga dapat memberi sumbangan hasil historiografi yang menjurus kepada hubungan Malaysia-Britain secara khusus dan dinamika, antara negara yang pernah dijajah.

Secara lebih luas lagi kajian ini akan memberi pandangan dalaman ke dalam proses penggubalan dasar luar Malaysia dan turut boleh dijadikan sebagai panduan atau hala tuju yang lebih berkesan lagi sama ada boleh diguna pakai oleh era pentadbiran yang lain.

### **Masalah dan Batasan Kajian**

Skop kajian ini menjuruskan hubungan luar Malaysia-Britain semasa era pentadbiran Dr. Mahathir daripada tahun 1981 hingga 1990 iaitu kira-kira 10 tahun supaya dapat melakukan kajian yang lebih terperinci. Kajian ini turut melihat ketika tampok kerajaan Britain diterajui oleh Margaret Thatcher. Oleh itu, hubungan luar negara difokuskan kepada hubungan dengan Britain pada waktu era pentadbiran Margaret Thatcher sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kajian ini mendapati sukar untuk menemuduga responden yang dianggap dapat membantu dalam kajian ini kerana sukar untuk membuat temu janji atau untuk menghubungi mereka serta keengganan bekerjasama kerana ada maklumat-maklumat yang masih dianggap rahsia. Maklumat-maklumat yang diperoleh adalah maklumat yang berhubung dengan hubungan Malaysia dengan Britain. Kebanyakan sumber yang digunakan adalah keratan akhbar, dokumen-dokumen, perpustakaan dan Arkib Negara



serta temuduga. Terdapat dokumen dan surat menyurat antara kerajaan Malaysia dan Britain masih diklasifikasikan sebagai sulit. Ini agak menyekat dalam proses mendapatkan sumber primer bagi tujuan penyelidikan ini.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi yang digunakan adalah cara historikal menggunakan kaedah tematik, deskriptif dan analitikal. Di dalam kajian ini, data dan maklumat dikumpulkan daripada dua sumber iaitu sumber utama (primer) dan sumber kedua (sekunder). Penyelidik melakukan kaedah penyelidikan perpustakaan dengan mengumpul dan menganalisa sumber-sumber data dan maklumat seperti dokumen-dokumen, laporan akhbar, tesis, majalah dan buku-buku. Penyelidik juga telah melakukan kaedah temubual dengan responden yang dianggap terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjalinkan hubungan Malaysia-Britain dan dapat membantu menyiapkan kajian ini. Penyelidik juga telah mendapatkan sumber-sumber dan data-data yang berada di Arkib Negara Britain, Arkib Negara Singapura, Arkib Negara Malaysia, Universiti Nasional Singapura dan Institute of Southeast Asian Studies Singapura.

### **Sorotan Literatur**

Walaupun terdapat beberapa sarjana<sup>44</sup> yang mengkaji hubungan luar Malaysia, kebanyakan kajian dan penyelidikan yang dilakukan terhadap dasar luar Malaysia hanya sekitar seorang pemimpin sahaja atau antara beberapa pemimpin dan ada yang hanya mengikut kronologi atau sesuatu tempoh hubungan luar itu dilaksanakan. Tiada satu pun kajian atau penyelidikan yang menumpukan atau menfokuskan hubungan Malaysia-Britain semasa era pentadbiran Dr. Mahathir. Terdapat hanya sedikit sahaja yang

---

<sup>44</sup> R. J. Caird, 'New Zealand's foreign policy and Malaya/Malaysia 1955-1965', Tesis Sarjana, University of Canterbury, 1970; Grace Wong, 'Malaysia-Philippine relations, 1957-1968: A Study in conflict and cooperation', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1971; Danny Wong Tze-Ken, 'Vietnam-Malaysian relations during the Cold War, 1945-1990', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1993; Khadijah Md. Khalid, 'Malaysia-Japan relations: Explaining the root cause of the pro Japan orientation of Malaysia in the post 1981 period', Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of London, 1999.

membincangkan topik ini dan kebanyakan artikel atau jurnal yang ditulis hanya mengambil beberapa isu sahaja. Kajian yang dilakukan ini dapat menjelaskan secara lebih mendalam dinamika hubungan Malaysia dengan Britain serta cabaran-cabaran yang dihadapi dan turut melihat cara penyelesaian yang dilakukan.

Kajian yang dilakukan oleh Johan Saravanamuttu<sup>45</sup> mengkaji daripada sudut teori konstruktif. Mempunyai empat tema iaitu neutral, regionalisme, Islam dan globalisasi. Beliau membahagikan zaman bermula daripada pentadbiran Tunku Abdul Rahman (1957-1969) yang dianggap sebagai zaman pro-Barat, manakala zaman pentadbiran Tun Razak (1970-1976) pula dikatakan sebagai neutral dalam hubungan luar. Zaman regionalisme turut dikategorikan dalam zaman Tun Razak yang dikatakan telah mula dilakukan oleh Tun Razak dan diteruskan oleh Tun Hussein Onn (1976-1981). Perspektif Islam berlaku di zaman Dr. Mahathir (1981-2003) sehingga zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi yang dianggap penting pada waktu itu dan globalisasi menjadi dominan sejak tahun 1970-an lagi. Kajian ini menarik kerana melihat dasar luar Malaysia sejak merdeka lagi (1957). Namun begitu, kajian ini tidak menyentuh hubungan Malaysia-Britain secara khusus dalam mana-mana era pentadbiran perdana menteri. Ia adalah berbeza daripada kajian yang dilakukan oleh penyelidik.

Karminder Singh Dhillon pula dalam bukunya berjudul *Malaysian Foreign Policy in the Mahathir era, 1981 – 2003: Dilemmas of Development* memaparkan Dasar Luar Malaysia era Dr. Mahathir daripada tahun 1981 sehingga 2003 secara tematik dan membahagikan kepada tiga bahagian iaitu faktor idiosinkratik<sup>46</sup>, faktor dalaman dan faktor luaran. Dalam bab 5, penulis ada menyentuh isu *Buy British Last* dan Komanwel. Penulis turut juga memaparkan beberapa faktor penyebab hubungan Malaysia-Britain menjadi renggang antaranya isu *London Metal Exchange*, pengambilalihan Syarikat Guthrie dan Dunlop, kenaikan yuran pendidikan dan kebenaran tambahan pendaratan

---

<sup>45</sup> Johan Saravanamuttu, *Malaysia's foreign policy: The first fifty years*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2010.

<sup>46</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 17; Idiosinkratik atau faktor individu. Ia berkait rapat dengan personaliti dan imej individu.

MAS di London. Penulis terus menyingkap suasana ketegangan hubungan Malaysia-Britain buat kali keduanya pada tahun 1994 yang dilabelkan sebagai 'BBL II'. Penulis mengguna sumber daripada ucapan-ucapan Dr. Mahathir, penerbitan dan dokumen rasmi. Buku, artikel, keratan akhbar dan penerbitan yang belum diterbitkan turut digunakan. Kajian ini agak menarik tetapi masih tidak menfokuskan secara menyeluruh hubungan Malaysia-Britain. Isu hubungan Malaysia-Britain dibincang dalam sub-topik sahaja dan tidak membicangkannya sebagai topik utama. Oleh itu kajian ini juga tidak memberi perhatian dan fokus kepada corak hubungan Malaysia-Britain yang sebenarnya.

Chandran Jeshurun mengkaji dasar luar Malaysia dari tahun 1957 hingga 2007 mengambil tempoh selama 50 tahun.<sup>47</sup> Kajian beliau menjelaskan keadaan dari tahun 1957 hingga 1962 yang serba kekurangan bukan sahaja dari pengetahuan tetapi juga kakitangan yang terlatih bagi melaksanakan hala tuju dasar luar. Peranan Dr. Ismail dan Tunku dalam mencorakkan hala tuju dasar luar juga ada ditulis oleh Chandran. Seterusnya beliau memaparkan peristiwa yang berlaku dari tahun 1963 hingga 1971, waktu Tunku menghadapi tekanan dari negara jiran Indonesia dan Filipina. Disamping itu turut dipaparkan pemisahan Singapura. Peristiwa 13 Mei turut dibincangkan sehingga perantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia menggantikan Tunku (1971-1976). Tidak banyak yang diperkatakan tentang Hussein Onn (1976-1981). Namun era Dr. Mahathir dibincangkan dalam dua bab bermula dari tahun 1981 hingga 1989 dan 1990 hingga 1999. Seterusnya beliau membicarakan peristiwa yang berlaku sehingga tahun 2007. Tempoh kajian yang dilakukan agak panjang iaitu selama 50 tahun dan secara kronologi. Ia tidak dapat memberikan fokus kepada topik yang dibincangkan. Agak sukar bagi Chandran untuk membicangkannya secara mendalam hubungan Malaysia-Britain dan penyelidik berpendapat perlunya kajian yang lebih

---

<sup>47</sup> Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*.

fokus dan menjurus kepada satu kajian yang lebih komprehensif dilakukan. Beliau melihat rekod-rekod daripada perpustakaan, Wisma Putra dan arkib di Malaysia dan *Institute of Southeast Asian Studies* di Singapura. Beliau ada menggunakan sumber primer seperti kertas persendirian dan penerbitan dokumen rasmi. Sumber yang digunakan oleh Chandran lebih memberi fokus kepada temubual dengan responden yang terlibat dalam penulisan beliau.

Sivamurugan Pandian<sup>48</sup> lebih memfokuskan kepada peranan keperibadian Dr. Mahathir dalam mengurus pentadbiran negara serta menangani cabaran-cabaran yang dihadapi bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai perdana menteri Malaysia. Terdapat pelbagai isu yang diketengahkan dan dibincangkan dan pada bab 5 Sivamurugan membincangkan pengiktirafan antarabangsa dan dasar luar. Topik ini membincangkan hubungan dengan negara ASEAN, OIC, NAM, Komanwel, G15, Negara Anggota Dunia Ketiga, Krisis Matawang dan Trajedi 11 September 2001. Dalam bab ini penulis ada menyentuh *Buy British Last* secara ringkas sahaja. Penulis menggunakan cara penulisan tematik dan kebanyakan penulisannya secara naratif. Di bahagian kesimpulan baru penulis membincangkan isu-isu yang timbul tetapi tidak secara analitikal. Secara keseluruhan ia tidak memfokuskan kepada hubungan luar Malaysia dengan Britain. Tujuan kajian beliau untuk melihat legitimasi politik Dr. Mahathir. Sumber yang digunakan adalah artikel dan buku yang pernah ditulis oleh Dr. Mahathir, Ucapan Dr. Mahathir, Ucapan Dr. Mahathir di Perhimpunan Agung UMNO, buku, jurnal, majalah, kertas kerja, tesis, latihan ilmiah, buku-buku popular, akhbar dan laman web. Penulis hanya menggunakan sumber sekunder sebagai bahan kajian dan tiada sumber primer.

Faridah Jaafar pula dalam bukunya *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005*<sup>49</sup> membuat kajian dari sudut keperibadian kelima-lima perdana menteri Malaysia bermula dari 1957 sehingga 2005 dan memberi tumpuan kepada dasar luar

---

<sup>48</sup> Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*.

<sup>49</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*.

Malaysia. Di antara kelima-lima perdana menteri Malaysia, penulis lebih banyak membicarakan era Dr. Mahathir dan dasar luarnya daripada tahun 1981 sehingga 2003. Penulis turut menyentuh hubungan Malaysia-Britain tetapi secara ringkas dari sudut politik dan ekonomi. Kajian ini juga tidak memberi ruang yang secukupnya hubungan Malaysia-Britain untuk dibincangkan bagi melihat sejauhmana corak hubungan dijalinan antara Malaysia dengan Britain. Sumber yang digunakan adalah dari Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan di Malaysia, Rakaman Televisyen dan Radio dan Internet. Penulis ada melakukan wawancara dengan beberapa responden tetapi tidak dinyatakan pada bibliografi.

Archana Sharma<sup>50</sup> pula hanya mengkaji dasar luar Malaysia-Britain dalam tempoh 10 tahun iaitu bermula pada tahun 1957 sehingga 1967. Walau bagaimanapun penulis telah membentangkan kajiannya bermula sebelum tahun 1945 lagi. Dalam penulisan beliau, tumpuan terhadap soal keselamatan adalah diutamakan dan perjanjian AMDA merupakan topik utama dalam kajian beliau. Dasar Britain terhadap Malaysia didedahkan oleh beliau bukanlah semata-mata kebergantungan terhadap Britain demi menjamin keselamatan negara tetapi pihak Britain juga memerlukan Malaysia bagi memainkan peranan penting dalam menjaga kedudukan Britain di Malaysia dan kawasan serantaunya daripada jatuh ke tangan pihak Komunis serta menjamin kedudukan pelaburan mereka tidak terganggu. Ekonomi Britain juga bergantung terhadap perkembangan ekonomi Malaysia dan Singapura yang telah membantu meningkatkan ekonomi negara Britain terutama dalam pelaburan Sterling. Oleh itu, kajian ini juga terhad sehingga tahun 1967 dan tidak membincang hubungan Malaysia-Britain semasa era pentadbiran Dr. Mahathir.

---

<sup>50</sup> Archana Sharma, *British policy towards Malaysia 1957-1967*, London: Sangam Books, 1993.

Hajrudin Somun<sup>51</sup> menulis tentang kejayaan Dr. Mahathir dalam beberapa isu termasuk peristiwa di Bosnia. Beliau turut menyentuh isu *Buy British Last*, pengambilalihan syarikat Guthrie dan pemulangan semula Carcosa. Seterusnya, beliau terus menulis tentang *Look East Policy*. Penulis tidak menyentuh secara keseluruhan isu hubungan Malaysia-Britain dan tidak mengkaji secara langsung corak hubungan Malaysia-Britain.

Terdapat kajian dilakukan melalui tesis seperti yang dilakukan oleh J. B. Dalton<sup>52</sup> menyentuh tentang hubungan Malaysia-Britain dalam era Tunku Abdul Rahman iaitu dalam tempoh 1957 sehingga 1963. Tesis ini juga hanya memaparkan era pentadbiran Tunku Abdul Rahman sahaja dan pada waktu itu kebanyakan sarjana gemar mengkaji dasar luar Tunku Abdul Rahman. Namun kajian ini hanya terhad dari tahun 1957 sehingga tahun 1963 dan tidak menyentuh langsung era pentadbiran Dr. Mahathir.

Mokhtar Muhammad<sup>53</sup> dalam kajiannya lebih memberi tumpuan kepada dasar-dasar luar yang telah dilaksanakan oleh tiga orang Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir. Pendekatan yang dilakukan ialah dengan melihat perubahan dasar luar yang dilakukan untuk mengubah corak penglibatan Malaysia di peringkat antarabangsa. Kajian ini juga mengkaji perbezaan pendekatan yang dilakukan antara tiga orang Perdana Menteri Malaysia. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak melihat corak hubungan Malaysia-Britain semasa era pentadbiran Dr. Mahathir secara langsung.

Abdullah Ahmad<sup>54</sup> dalam kajiannya memaparkan dasar luar semasa kepimpinan Tunku Abdul Rahman dalam tempoh 1963 sehingga 1970. Isu yang dibawanya berkisar hanya kepada dasar luar yang dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman. Penubuhan

---

<sup>51</sup> Hajrudin Somun, *Mahathir: The secret of the Malaysian success*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2003.

<sup>52</sup> J. B. Dalton, 'The development of Malayan external policy, 1957-1963', Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of Oxford, 1967.

<sup>53</sup> Mokhtar Muhammad, 'Dasar luar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dari tahun 1970-1990: Kesenambungan dan perubahan', Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 1998.

<sup>54</sup> Abdullah Ahmad, 'Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970', Tesis Ijazah Sarjana Muda, University of Cambridge, 1984.

Malaysia dan seterusnya membawanya kepada konfrontasi dengan Indonesia turut dipaparkan dalam kajiannya. Walaupun ada menyentuh tentang hubungan Malaysia-Britain tetapi tidaklah secara menyeluruh. Kajian ini juga terhad hanya sehingga tahun 1970 dan turut tidak melihat langsung era pentadbiran Dr. Mahathir.

Abdul Wahab Che Din<sup>55</sup> pula melihat perkembangan dasar luar Malaysia era pentadbiran Dr Mahathir dalam tempoh 14 tahun menjadi Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, tumpuan yang diberikan kepada hubungan dua hala iaitu antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Singapura. Kajian yang dilakukan telah menggunakan ucapan-ucapan Dr. Mahathir dalam Perhimpunan Agung UMNO dan Manifesto Pilihanraya Umum Barisan Nasional. Dalam kajian ini juga telah merumuskan bahawa dasar Malaysia boleh dibahagikan kepada enam tema iaitu ASEAN, OIC, NAM, Komanwel, Dasar Pandang ke Timur dan Isu Antartika. Kajian ini tidak menyentuh hubungan Malaysia-Britain.

Terdapat juga artikel-artikel<sup>56</sup> dalam jurnal yang menyentuh hubungan luar Malaysia-Britain tetapi masih tiada yang menjuruskan hubungan Malaysia-Britain semasa era pentadbiran Dr. Mahathir.

J. Saravanamuttu,<sup>57</sup> pula menulis tentang dasar luar Malaysia dengan ASEAN, bermula daripada Tunku Abdul Rahman sehinggalah kepada Dr. Mahathir. Hanya melihat peranan tiap-tiap Perdana Menteri dalam melaksanakan hubungan dengan ASEAN. Bermula dengan Tunku Abdul Rahman yang mencetuskan idea penubuhan ASA yang kemudiannya terbentuk ASEAN. Seterusnya era pentadbiran Tun Abdul Razak dengan ASEAN, Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir dalam penglibatan mereka

---

<sup>55</sup> Abdul Wahab bin Che Mat, 'Dr. Mahathir dan dasar luar Malaysia: Kajian kepimpinannya dalam mengurus isu-isu hubungan Malaysia-Singapura', Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, 1998.

<sup>56</sup> T. H. Silcock, 'The development of Malayan foreign policy', dalam *Australian Outlook*, Vol. 17, No. 1, Melbourne, April 1963; Joseph Liow Chinyong, 'Vision serumpun: Tun Abdul Razak and the golden years of Indo-Malay blood brotherhood, 1967-1975', dalam *Southeast Asia Research*, Vol. 11, No. 3, November 2003, London: University of London; J. O. Sutter, 'Two faces of konfrontasi: 'Crush Malaysia' and the 'Gestapu'', dalam *Asian Survey*, Vol. 6, No. 10, October 1966; Joseph M. Fernando, 'The formation of Malaysia: Shared history, varied images', dalam *Malaysia In History*, Vol. 29, 2005, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2005.

<sup>57</sup> J. Saravanamuttu, 'ASEAN in Malaysia foreign policy discourse and practice, 1967-1997', dalam *Asian Journal of Political Science*, Vol. 5, No. 1, June 1997.

dengan ASEAN. J. Saravanamuttu hanya menumpukan kajiannya terhadap ASEAN. Oleh itu, kajian ini turut tidak melibatkan hubungan Malaysia-Britain semasa era pentadbiran Dr. Mahathir.

Mohamed Jawhar bin Hassan<sup>58</sup> pula memaparkan hubungan Malaysia-Britain di bawah pentadbiran Dr. Mahathir bermula daripada tahun 1994 (era pentadbiran John Major). Artikel ini membincangkan hubungan Malaysia-Britain di bawah era pentadbiran Dr. Mahathir dan hanya selepas tahun 1994. Mohamed Jawhar tidak melihat daripada mulanya Dr. Mahathir memegang tampok kerajaan Malaysia iaitu pada tahun 1981. Selepas berlakunya pemulihan hubungan Malaysia-Britain (era pentadbiran Margaret Thatcher), pergeseran dan ketegangan hubungan Malaysia-Britain berlaku lagi pada tahun 1994. Isu yang dibangkitkan adalah isu Empangan Pergau dan melibatkan pembelian kelengkapan dan peralatan pertahanan Malaysia dari Britain. Artikel ini tidak memberi sumbangan kepada objektif kajian dan tempoh kajian yang dilakukan iaitu 1981-1990.

Begitu juga dengan artikel-artikel dalam buku<sup>59</sup> yang diterbitkan dan ada menyentuh hubungan luar Malaysia tetapi masih tiada yang mengkaji hubungan Malaysia-Britain secara lebih khusus lagi.

J. Saravanamuttu,<sup>60</sup> memaparkan dasar luar Malaysia bermula sejak 1957 sehingga 1981. Beliau ada menyentuh dasar luar Malaysia keempat-empat Perdana Menteri tetapi era pentadbiran Dr. Mahathir, beliau hanya menyentuhnya secara ringkas. Penulis hanya mengikut kronologi dasar luar keempat-empat Perdana Menteri Malaysia.

---

<sup>58</sup> Mohamad Jawhar bin Hassan, 'Malaysia in 1994: Staying the course', dalam *Asian Survey*, Vol. XXXV, No. 2, Februari 1995, New York: Columbia University Press.

<sup>59</sup> Mohamad Rodzi Abd Razak, 'Penyelesaian konfrontasi Indonesia Malaysia 1966: Isu dan kontroversi', dalam Maizatun Haizan Mahbob dan Mohamad Zain bin Musa, (editor), *Tinjauan baru politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005; Khaw Guat Hoon, 'Dasar Malaysia terhadap persaingan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara', dalam Zuraina Majid, *Masyarakat Malaysia: Edisi II*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1985; Joseph Liow, 'Personality, exigencies and contingencies: Determinants of Malaysia's foreign policy in the Mahathir administration', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, *Mahathir's administration: Performance and crisis in government*, Singapore: Times Book International, 2001; Mohammed Azhari Karim (editor), *Malaysia foreign policy: Issues on perspectives*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN), 1995; Rohani Hj Ab Ghani, 'Perkecualian Asia Tenggara: Latar belakang sejarah', dalam Radziah Abd Rahim (editor), *Issues in international affairs*, Sintok: University Utara Malaysia Press, 2001; Bridget Welsh, (editor), *Reflection: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, antaranya Lee Poh Ping, 'The Look East policy, the Japanese Model and Malaysia'; Khadijah Md. Khalid, 'Malaysia-Japan relations under Mahathir turning Japanese?'

<sup>60</sup> J. Saravanamuttu, 'Rupabentuk dan perkembangan dasar luar Malaysia sejak 1957', dalam Zuraina Majid, *Masyarakat Malaysia: Edisi II*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1985.



Jelas juga tiada pengkhususan kajian berkenaan hubungan Malaysia-Britain semasa era pentadbiran Dr. Mahathir.

J. Saravanamuttu juga turut menulis dalam artikel bertajuk ‘Iconoclasm and Foreign Policy – The Mahathir Years’ yang menyentuh dasar luar Malaysia semasa era pentadbiran Dr. Mahathir. Beliau ada menyentuh tentang hubungan Malaysia-Britain tetapi terlalu ringkas dan lebih memberi tumpuan kepada Dasar Pandang ke Timur, hubungan Selatan-Selatan, politik Muslim dan kegagalan International Monetary Fund (IMF).<sup>61</sup>

Roger Kershaw<sup>62</sup> dalam artikelnya menyentuh hubungan luar Malaysia-Britain dalam era pentadbiran Dr. Mahathir. Sudah tentu artikel ini ada menyentuh polisi *Buy British Last* dan juga membawa isu keretakan semula hubungan Malaysia-Britain pada tahun 1994. Penulisan ini hanya menyentuh era pentadbiran Dr. Mahathir sahaja dan tidak menyentuhnya corak hubungan Malaysia dengan Britain sebagai satu kajian yang lebih mendalam. Beliau hanya memaparkan isu yang berlaku pada tahun 1981 hingga 1983 dan turut menyentuh hubungan Malaysia-Britain pada tahun 1994 secara ringkas sahaja.

Lee Poh Ping pula dalam artikelnya yang berjudul ‘The Look East Policy, The Japanese Model and Malaysia’ ada menyentuh tentang hubungan Malaysia-Britain tetapi secara ringkas dan penumpuan lebih kepada hubungan Malaysia-Jepun.<sup>63</sup>

Begitu juga dengan Khadijah Md. Khalid dalam artikelnya yang bertajuk ‘Malaysia-Japan relations under Mahathir: “Turning Japanese”?’ turut menyentuh

---

<sup>61</sup> J. Saravanamuttu, ‘Iconoclasm and foreign policy – The Mahathir years’, dalam Bridget Welsh, (editor), *Reflection: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 307.

<sup>62</sup> Roger Kershaw, ‘Brown humanity strikes back: Confronting Britain is a good cause?’, dalam Bridget Welsh, (editor), *Reflection: The Mahathir years*, hlm. 343.

<sup>63</sup> Lee Poh Ping, ‘The Look East policy, The Japanese model and Malaysia’, dalam Bridget Welsh, (editor), *Reflection: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 318.

hubungan Malaysia-Britain secara ringkas sahaja sebagai pengenalan dalam artikelnya yang seterusnya memberikan tumpuan kepada hubungan Malaysia-Jepun.<sup>64</sup>

Rusdi Omar dan Muhammad Afifi Abdul Razak pula turut menulis artikel bertajuk 'Dasar Luar Malaysia dalam konteks hubungan Malaysia-Jepun' memaparkan hubungan Malaysia-Britain secara ringkas dan memberi tumpuan kepada perkembangan hubungan Malaysia Jepun sejak zaman Tunku lagi. Dalam artikel tersebut mereka ada menyatakan bahawa hubungan Malaysia-Britain yang kurang baik semasa pentadbiran Dr. Mahathir adalah sebagai salah satu faktor<sup>65</sup> Dr. Mahathir telah memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur.<sup>66</sup> Oleh itu penulisan ini juga tidak dapat memberi gambaran sebenarnya hubungan Malaysia-Britain semasa era pentadbiran Dr. Mahathir.

Apabila menyentuh persoalan Dasar Pandang ke Timur, penulis seperti di atas<sup>67</sup> tetap turut menyentuh hubungan Malaysia-Britain tetapi tidaklah secara terperinci, mereka hanya mengambilnya sebagai satu perkara yang perlu diperkatakan.

### **Ringkasan Bab**

Kajian ini dibahagikan kepada lapan bab utama. Bermula dengan bab satu, pengenalan menyatakan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, masalah dan batasan kajian, metodologi kajian, sorotan literatur dan ringkasan bab. Bab kedua adalah latar belakang hubungan Malaysia dengan Britain. Bab ketiga pula melihat latar belakang Dr. Mahathir. Manakala bab keempat pula melihat hubungan Malaysia-Britain era Dr. Mahathir dari aspek ekonomi. Begitu juga bab kelima yang memaparkan hubungan Malaysia dengan Britain dari aspek politik. Bab yang keenam adalah merupakan bab yang melihat dari aspek pendidikan. Sementara bab yang ketujuh melihat dari aspek pertahanan. Bab yang kelapan adalah merupakan bab penutup atau kesimpulan kajian ini.

---

<sup>64</sup> Khadijah Md. Khalid dalam artikelnya yang bertajuk 'Malaysia-Japan relations under Mahathir: "Turning Japanese"?' dalam Bridget Welsh, (editor), *Reflection: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 325.

<sup>65</sup> Rusdi Omar dan Muhammad Afifi Abdul Razak, 'Dasar luar Malaysia dalam konteks hubungan Malaysia-Jepun', dalam Zuhilmi Paidi dan Asrar Omar, (editor), *Hubungan luar antarabangsa*, Bentong: PTS Publications and Distributor Sdn Bhd, 2003, hlm. 141.

<sup>66</sup> *Ibid.*, hlm. 133.

<sup>67</sup> Lee Poh Ling, Khadijah Md. Khalid, Rusdi Omar dan Muhamad Afifi Abdul Razak.

## BAB 2

### LATAR BELAKANG HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN

#### Pengenalan

Hubungan Malaysia dengan Britain merupakan satu jalinan hubungan yang begitu lama, bersejarah dan mempunyai nilai sentimental.<sup>1</sup> Hubungan ini juga merupakan salah satu hubungan luar Malaysia yang terpenting di antara kedua-dua buah negara terutama aspek politik dan ekonomi. Oleh itu tesis ini lebih menjuruskan kepada aspek politik dan ekonomi. Di samping tesis ini turut meninjau dari aspek pendidikan dan pertahanan yang merupakan salah satu faktor wujudnya hubungan yang begitu lama. Terlebih dahulu tesis ini perlu melihat perkembangan hubungan Malaysia dengan Britain dari awal lagi. Ini bagi memahami latar belakang hubungan dua hala sebelum tahun 1981 untuk memudah memahami dan melihat corak hubungan yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir Mohamad. Tesis ini ingin mengkaji corak hubungan Malaysia dengan Britain era Dr. Mahathir Mohamad, 1981-1990.

Hubungan luar bermula dari campurtangan pihak Britain terhadap Tanah Melayu sehingga selepas mencapai kemerdekaan daripada Perdana Menteri Malaya yang pertama Tunku Abdul Rahman<sup>2</sup> sehingga kepada kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad.<sup>3</sup> Sebelum Dr. Mahathir mengambil alih tampok pemerintahan sebarang pertikaian diselesaikan secara diplomatik dan rundingan. Walaupun Malaysia menerima layanan yang kurang memuaskan dan corak hubungan Malaysia dengan Britain berat

---

<sup>1</sup> Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, *Malaysia: The road to independence*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2007, hlm. 151.

<sup>2</sup> Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 1985, hlm. 12; *Asiaweek*, 10 May, 1985, hlm. 52; Dilahirkan pada 8 Februari, 1903. Anak yang ke 21 daripada 25 orang anak Sultan Kedah. Ibu Tunku Abdul Rahman adalah isteri yang keenam daripada lapan orang isteri Sultan Kedah. Adik beradik Tunku seramai dua belas orang dan Tunku adalah putera yang keenam.

<sup>3</sup> Lihat Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2005, hlm. 22; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, Taiping: Firma Malaysia Publishing, 1997, hlm. 13; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2009, hlm. 723; Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastview Production Sdn Bhd, hlm. 8; Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 1999, hlm. 15; Faridah Jaafar, 'Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif', Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2011, hlm. 117; Robin Adshed, *Mahathir of Malaysia*, United Kingdom: Hibiscus, 1989, hlm. 23; Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 102.

sebelah terutama dalam bidang ekonomi tetapi hubungan Malaysia dengan Britain terus berjalan dengan baik. Secara keseluruhan hubungan Malaysia dengan Britain banyak memberi kelebihan dan keistimewaan kepada pihak Britain. Malaysia menyuarakan rasa tidak puas hati dalam pelbagai isu yang timbul tetapi tidak mendapat layanan dan perhatian daripada pihak Britain. Ini telah membawa kepada suasana yang tidak selesa dalam hubungan Malaysia dengan Britain. Hubungan terus berjalan seperti biasa dan tidak menunjukkan sebarang protes dari kedua-dua belah pihak dan tiada rasa ketegangan dalam hubungan Malaysia dengan Britain. Suasana hubungan Malaysia dengan Britain telah berubah apabila Dr. Mahathir menggantikan Hussein Onn, corak hubungan adalah berbeza dan telah menjadi tegang tetapi ia tidak membawa kepada putusannya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Dr. Mahathir telah mengambil tindakan yang lebih berani dan lebih vokal untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap layanan yang telah diberikan oleh pihak Britain selama ini.<sup>4</sup> Hubungan luar Malaysia dengan Britain telah mengalami corak yang berbeza. Malaysia tidak lagi mahu terlalu menghormati dan memandang tinggi pihak Britain serta tidak terlalu bergantung dan dipengaruhi oleh Britain. Ini dapat dilihat apabila terdapat beberapa isu antarabangsa Malaysia tidak sependapat dengan pihak Britain. Malaysia mampu untuk membuat keputusan sendiri serta memberi pandangan dan pendirian sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Di bawah kepimpinan Dr. Mahathir hubungan luar diteruskan lagi dengan mempelbagaikan hubungan dengan mana-mana negara tanpa mengira ideologi sesebuah negara dan tidak terletak kepada sesebuah negara atau blok.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, London: Harper Press, 1993, hlm. 502.

<sup>5</sup> *Utusan Malaysia*, 27 September, 1983, hlm. 3.

## **Dr. Mahathir dan Britain**

Sejak di alam persekolahan lagi Dr. Mahathir telah diterapkan dengan nilai-nilai anti penjajahan British dan sehingga beliau memegang jawatan perdana menteri Malaysia.<sup>6</sup> Tambahnya lagi suasana pada waktu itu adanya semangat kebangkitan menentang penjajahan British terutama apabila berlakunya penentangan terhadap penubuhan Malayan Union.<sup>7</sup> Beliau aktif dalam Angkatan Muda Melayu Kedah yang menjalankan gerakan anti British secara sulit dan terbuka, terutama dalam usaha menampal poster protes anti penjajahan pada malam hari.<sup>8</sup> Pada tahun 1942 waktu pendudukan Jepun, Dr. Mahathir berusia 16 tahun dan tinggal di Alor Star, Kedah. Pengalaman beliau itu telah diterjemahkan dalam satu artikel di *Nihom Keizai Shimbun* pada keluaran tiga dan enam November 1995. Beliau menyatakan pihak Jepun telah menyuarakan slogan Kebebasan Asia Timur dari kuasa Eropah dan Amerika.<sup>9</sup> Namun kanak-kanak seperti beliau tidak merasakan orang Melayu kekurangan makanan, pakaian atau perumahan di bawah pemerintahan British dan mereka tidak merasa layanan buruk dari pihak British. Tambah beliau lagi: “Many Malays had naturally accepted British rule since they were born.”<sup>10</sup> Apa yang hendak disampaikan oleh Dr. Mahathir adalah mentaliti tidak menentang pemerintahan pihak British telah ditanam sejak kecil lagi. Begitu juga dengan Khoo Kay Kim: “Above all, they have come to know the Western world better and no longer awed by it.”<sup>11</sup> Sejarah hubungan Malaysia dengan Britain sentiasa memberi kelebihan kepada Britain dari sudut pendidikan, latihan, teknologi dan juga pelancongan. Kelebihan menggunakan bahasa Inggeris telah menjadi “derigeur” kepada rakyat Malaysia.<sup>12</sup>

---

<sup>6</sup> Ibid., hlm. 145.

<sup>7</sup> Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir*, hlm. 12.

<sup>8</sup> Zainuddin Maidin, *Di depan api di belakang duri: Kisah sejarah Utusan Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2013, hlm. 156.

<sup>9</sup> Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, hlm. 7.

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 7; David Lazarus, 'Foreign policy is people', in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 20.

<sup>12</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 47.

Dr. Mahathir menyatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara berkonsep British kerana mewujudkan satu konsep negara yang bersatu, negara yang berbentuk persekutuan yang mana negeri Melayu dicantumkan menjadi sebuah negara yang dinamakan 'Malaya'. Semasa berucap dalam dialog dan perjumpaan pertama dengan ahli-ahli Kelab UMNO UK/Eire pada 14 Januari 1987 di Dewan Bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, Dr. Mahathir berpendapat bahawa hasrat Britain bukanlah untuk kepentingan negara tetapi mereka mahu kekal di Malaysia.<sup>13</sup> Di dalam penulisan beliau yang bertajuk "Kebangkitan Semula Asia" kebanyakan masyarakat Malaysia telah menerima "bebanan psikologi" iaitu kepercayaan bahawa hanya orang Eropah iaitu Barat boleh memerintah negara dengan berkesan.<sup>14</sup> Dr. Mahathir menjelaskan bahawa sikap orang putih secara terbuka menyatakan orang Melayu adalah bodoh dan malas serta tidak mampu menyumbang apa-apa kepada pembangunan negeri mereka.<sup>15</sup> Ini menyebabkan tekanan kepada pemikiran orang Melayu dan terbelenggu kepercayaan bahawa orang putih adalah yang terbaik. Pada zaman penjajah pemikiran bangsa yang dijajah terkongkong sehingga mereka percaya bahawa mereka tidak mampu untuk mentadbir negara mereka sendiri.<sup>16</sup> Kepercayaan disemai bahawa peranan negara yang dijajah ialah mengeluarkan bahan mentah untuk dieksport ke negara metropolitan untuk diproses. Secara tidak langsung walaupun negara yang dijajah telah merdeka tetap menjadi 'colony' kepada penjajah dahulu.<sup>17</sup>

Dr. Mahathir pernah melahirkan fikirannya di dalam bukunya, *The Malay Dilemma* bahawa penjajahan British yang menjadi punca utama orang Melayu menjadi malas. Mengikut Dr. Mahathir: "Kalau British boleh berkata begitu dan dengan lantang

---

<sup>13</sup> *Utusan Malaysia*, 20 Januari, 1987, hlm. 8.

<sup>14</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, hlm. 17.

<sup>15</sup> *Utusan Malaysia*, 23 September, 2011, 'Suara hati Dr. Mahathir'.

<sup>16</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz, *Koleksi ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai pemodenan Pentadbiran Awam Malaysia*, Sintok: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, 2010, hlm. 120.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 121.

pula, mengapa pula orang Melayu tidak boleh berbuat demikian.”<sup>18</sup> Tanggapan bahawa pihak Barat tidak boleh dikritik dan menyatakan sesuatu keburukan mereka tidak boleh diterima lagi tambahan pula apa yang diperkatakan itu betul.<sup>19</sup> Beban psikologi ini telah membuat pandangan Dr. Mahathir terhadap Barat adalah berbeza daripada pemimpin sebelum. Beliau mempunyai sikap anti-penjajah, pendendam dan begitu sensitif. Ia dapat dilihat melalui penulisan Dr. Mahathir.<sup>20</sup> Ini juga turut diakui oleh Dr. Mahathir kepada Zainuddin Maidin.<sup>21</sup> Dr. Mahathir tidak mempunyai sebarang ikatan sentimen dengan British dan terhutang budi kerana beliau tidak mendapat pendidikan di Barat.<sup>22</sup> Karminder Singh menyatakan: “He did not have the first hand experience of the land, culture and lifestyles of his country’s colonial power. The British system did not have the opportunity to influence Mahathir in the way its education combined with years as students in England may have had on the belief systems of other leaders of their colonies”.<sup>23</sup> Pendidikan yang beliau perolehi di Singapura adalah berbeza daripada menuntut di London dan suasana persekitaran di Singapura adalah tidak sama seperti di London.<sup>24</sup> Ini tidak dapat mempengaruhi Dr. Mahathir dengan cara pemikiran dan gaya hidup Barat. Karminder Singh turut menyatakan: “Not being in Britain during these formative years probably had considerable impact on Mahathir’s political beliefs.”<sup>25</sup>

Semasa pertemuan dengan Margaret Thatcher pada tahun 1985 Dr. Mahathir telah memberi ingatan terhadap kesan penjajahan: “So that Malaysians will not forget that they were once colonized by various European powers.”<sup>26</sup> Dr. Mahathir menyatakan tempoh hubungan Malaysia dengan Britain telah wujud paling lama sekali

---

<sup>18</sup> *New Straits Times*, 20 Sep. 1973, hlm. 20, ‘Racialist’ says Mahathir; Mahathir mengkritik polisi imigresen Britain yang tidak mahu menerima warga asing walaupun diiktiraf sebagai warga negara Britain. Dr. Mahathir melabelkan polisi imigresen Britain sebagai “racialist” and “biased to colour”.

<sup>19</sup> Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*, Kuala Lumpur: Buku Harakah, 2008, hlm. ix.

<sup>20</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 129.

<sup>21</sup> *Ibid*, hlm. 129-130; *The Age*, 2 Aug. 1982, hlm. 13, ‘A blunt decisive nationalist’.

<sup>22</sup> *Ibid*, hlm. 130; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 25.

<sup>23</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 25.

<sup>24</sup> *The Age*, 2 Aug. 1982, hlm. 13, ‘A blunt decisive nasionalist’.

<sup>25</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 25.

<sup>26</sup> *The Glasgow Herald*, 6 Apr. 1985, hlm. 1, ‘Thatcher shrugs of snub in Malaysia’.

walaupun terdapat penjajahan dari Portugis dan Belanda.<sup>27</sup> Malah Jepun sendiri telah menakluk Malaya semasa pemerintahan di bawah pihak British dan waktu itu berlakunya Perang Dunia Kedua. Kemenangan Jepun ini telah membuatkan ramai yang membuka mata dan terkejut terutama orang Asia sendiri kerana selama ini mereka beranggapan tiada kuasa yang dapat menandingi pihak Britain,<sup>28</sup> lebih-lebih lagi kuasa dari Asia.<sup>29</sup> Dr. Mahathir menjelaskan: “The war, however change my attitude, first of all because they were able to defeat the British.”<sup>30</sup> Ini juga telah menyedarkan rakyat Malaya dan kesedaran dan kebangkitan semangat nasionalisme bertambah meningkat. Kesedaran ini menyebabkan tidak perlu lagi merasa rendah hati kepada orang-orang Barat kerana mereka juga boleh dikalahkan.<sup>31</sup> Khoo Kay Kim menjelaskan: “...he has broken the tradition of maintaining strong political as well as economic ties with the West, in particular Britain.”<sup>32</sup> Bebanan psikologi iaitu memandang pihak Inggeris terlalu tinggi akhirnya terungki setelah dikalahkan oleh pihak Jepun. Walaupun masih terdapat lagi mereka yang masih menyanjung orang Inggeris tetapi reputasi mereka telah dicalarkan dan pandangan terhadap mereka telah berubah.<sup>33</sup> Dr. Mahathir berpendapat: “But though the East has succeeded and the West, in relative terms has failed, the habit of copying the West and acknowledging Westerners as trend and pace-setters in all fields has remained. Therefore the East continues to copy blindly whatever the West does.”<sup>34</sup>

Sebelum menjadi Perdana Menteri beliau telah membidas kerajaan Britain dan benci kepada orang Inggeris kerana kecewa dengan sikap pemimpin negara itu yang

---

<sup>27</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No.2, hlm. 85.

<sup>28</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, hlm. 19; Sity Daud, ‘Negara, pemerintah dan perlembagaan’, dalam Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 79.

<sup>29</sup> Mahathir Mohamad, *A new deal for Asia*, hlm.15; Kazuki Katayama, *China’s rise and Japan’s Malaysia policy*, hlm. 6; Ghazali Shafie, *Malaysia, Asean and the new world order*, hlm. 26.

<sup>30</sup> *Ibid.*, hlm. 16.

<sup>31</sup> Kazuki Katayama, *China’s rise and Japan’s Malaysia policy*, hlm. 7.

<sup>32</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 6.

<sup>33</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, hlm. 17-19; Kazuki Katayama, *China’s rise and Japan’s Malaysia policy*, hlm. 7.

<sup>34</sup> Mahathir Mohamad, *Mahathir Mohamad: The challenge*, hlm. 49.



tidak menjenguk jenazah Allahyarham Tun Razak yang meninggal dunia di London.<sup>35</sup> Begitu juga sikap tidak memberi muka kepada Britain telah disuarakan oleh Dr. Mahathir pada penggal pertama sebagai ahli parlimen. Beliau telah menggesa dihentikan keutamaan yang diberikan kepada pihak Britain.<sup>36</sup> Dr. Mahathir menggesa supaya pengurangan cukai yang diberikan kepada barang-barang import dari Britain dihentikan.<sup>37</sup> Sebaliknya, Tunku dan penyokong setia beliau tidak sependapat dengan Dr. Mahathir.<sup>38</sup> Dr. Mahathir dalam perbahasan parlimen pada 26 Januari 1968 telah tidak bersetuju dengan pendapat yang menyatakan penurunan nilai sterling pound akan membantu meningkatkan ekonomi Britain.<sup>39</sup> Nilai pound telah diturunkan sebanyak dua kali dan ekonomi Britain masih tidak pulih.<sup>40</sup> Adalah sukar untuk Dr. Mahathir mengubah pendirian pemimpin-pemimpin pada waktu itu kerana pemerintahan negara yang diketuai oleh Tunku dianggap amat pro-Britain dan hubungan Malaya dengan Britain masih lagi erat dan tidak terjejas.<sup>41</sup> Semasa menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri beliau telah menyuarakan pendapat bahawa dalam UMNO terdapat kumpulan berpendidikan Barat dan bukan Barat perlu bersatu dengan menyatakan: “During the Colonial period, the British had pursued a policy of “divide and rule” not only by setting one race against another, but by setting Malays against each other.”<sup>42</sup> Cara mudah pihak Britain untuk mentadbir orang Melayu adalah dengan memecahkan perpaduan di antara mereka.

Dr. Mahathir lantang bersuara dalam memberi pandangan sesuatu isu di peringkat antarabangsa dan beliau berani mengecam negara-negara Barat. Selain itu, beliau sering membawa isu-isu Negara Dunia Ketiga untuk diberi perhatian oleh seluruh

---

<sup>35</sup> *Berita Harian*, 6 Mac, 1987.

<sup>36</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 212.

<sup>37</sup> *Ibid.*, hlm. 213.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*, hlm. 215.

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Shakila Parween Yacob (terjemahan), Nicholas J. White, *Perniagaan British di Malaysia pascapenajajah 1957-70, 'Neokolonialisme' atau 'Pengunduran'*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010, hlm. 81; Hubungan atas dasar 'kawan lama'; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 215.

<sup>42</sup> *FCO15/2682/0036*, hlm. 6; Report Meeting of Sixth High Commissioners and Force Commanders Singapore bertarikh 18 Julai, 1980.

dunia terutama pihak Barat.<sup>43</sup> Dr. Mahathir berani menyuarakan pendapat dan pandangan secara terus terang dalam persidangan-persidangan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, OIC, ASEAN, NAM, Komanwel, G15, G8 dan banyak lagi. Dr. Mahathir membidas negara-negara maju dan mempertahankan negara-negara membangun dalam isu penindasan yang dilakukan oleh negara-negara maju terhadap negara-negara membangun seperti soal hak asasi manusia, isu alam sekitar, dasar perlindungan Barat, bahkan soal-soal moral.<sup>44</sup> Malaysia tidak lagi mengharapkan Britain sebagai pelindung dan mampu mempunyai pendirian tersendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak terutama Britain. Dr. Mahathir apabila menyuarakan pendirian di peringkat antarabangsa tidak pernah memikir saiz negara yang kecil, kemampuan ketenteraan yang minimum dan jumlah penduduk yang sedikit.<sup>45</sup> Persoalan ini penyelidik pernah bertanya kepada Mantan Menteri Kewangan Daim Zainuddin dan beliau menyatakan sebenarnya Dr. Mahathir telah mengambil kira terlebih dahulu sebelum melakukannya dan melihat implikasi kenyataan tersebut. Sekiranya terdapat masalah, pihak Kementerian Luar Negara akan menasihati Dr. Mahathir.<sup>46</sup> Sikap Dr. Mahathir yang berani menyuarakan pendapat dan rasa tidak puas hati di peringkat antarabangsa tanpa mengira kedudukan negara telah menaikkan nama Malaysia semakin dikenali di peringkat antarabangsa dan suara Dr. Mahathir mendapat perhatian masyarakat antarabangsa terutama kritikan-kritikan berani beliau dalam membidas negara maju.<sup>47</sup> Dasar dalam dan luar negara yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir agak menyimpang daripada dasar yang diketengahkan oleh ketiga-tiga pemimpin negara yang lalu, terutama dasar yang tidak berkiblat ke Barat. Sebaliknya dasar yang dipopularkan oleh Dr. Mahathir ialah berpaling ke Timur. Dr. Mahathir berpendapat

---

<sup>43</sup> Tim Lankester, *The politics and economics of Britain's foreign aid*, London: Routledge, 2013, hlm. 51.

<sup>44</sup> Abdul Latif Hambali, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, Batu Caves: Penerbit Wadah Karya, 2001, hlm. 28.

<sup>45</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 134.

<sup>46</sup> Wawancara penyelidik dengan Daim di pejabat beliau di Wisma YPR, Kuala Lumpur, pada 4 September, 2009.

<sup>47</sup> *Berita Harian*, 4 September, 1989, hlm. 10, 'Apakah faedahnya menyertai NAM?'; *Foreign Affairs Malaysia*, March 1987, Vol. 20, No. 1, hlm. 7.

tidak ada ertinya negara Malaysia membeli barang-barang Britain dengan harga mahal kerana dengan berbuat demikian akan menggalakkan lagi kenaikan gaji pekerja mereka dan menambah sikap kemalasan pekerja mereka. Negara-negara Barat terutama Britain tidak lagi boleh dijadikan sebagai contoh kerana Malaysia tidak perlu menjadi 'pak turut' selama-lamanya. Perlunya mencari satu pemikiran aliran baru yang dapat membantu Malaysia berubah daripada memandang tinggi kepada pihak Barat.<sup>48</sup> Semasa menjawat Timbalan Perdana Menteri beliau telah meneruskan usaha membuat perubahan nama jalan yang masih lagi mengekalkan identiti Britain telah ditukar kepada nama yang lebih kepada identiti Malaysia seperti Campbell Road kepada Jalan Dang Wangi dan Jalan Birch kepada Jalan Maharaja Lela. Ini telah menarik perhatian pihak Britain dan merisaukan mereka kerana tindakan menukar nama jalan membawa satu pengertian bahawa Malaysia telah melakukan protes terhadap Britain:<sup>49</sup> "...and these are now accompanied by plans to erect monuments to "heroes" of the "Malay freedom struggle" against the British in 19<sup>th</sup> Century".<sup>50</sup>

Dr. Mahathir telah membuka ruang kepada negara-negara lain bagi mempelbagaikan dan mengembangkan sektor ekonomi. Tanpa mengira ideologi dan blok negara, Malaysia mengalukan kedatangan mereka untuk melabur di Malaysia selagi ia akan memberi keuntungan kepada Malaysia. Sebagai seorang yang pragmatik beliau telah menarik ramai pelabur asing tanpa mengira ideologi.<sup>51</sup> Namun hubungan

---

<sup>48</sup> Hambali Abdul Latif, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, hlm. 29; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 29.

<sup>49</sup> FCO15/2683/1240; Surat dari Suruhanjaya Tinggi Britain kepada Pejabat Luar Negara dan Komanwel di London bertarikh 21 Julai, 1980; *New Straits Times*, 18 Jul. 1980.

<sup>50</sup> FCO15/2685/0017; Surat dari Suruhanjaya Tinggi Britain kepada Pejabat Luar Negara dan Komanwel di London bertarikh 7 Ogos, 1980.

<sup>51</sup> Phua Kai Lit dan Soo Keing Soon, *What's ahead for Malaysia? Contemporary challenges and emerging trends*, hlm. 45; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 3; *The New Sunday Times*, 18 Oct. 1981, hlm. 1, 'Minister: No change in trade policies'; Menteri Perdagangan dan Industri, Tengku Ahmad Rithauddeen menyatakan: "Malaysia would continue to adhere to its policies of attracting foreign investments. The recent deterioration in trade relationships with investors from one country had not in any way affected Malaysia's general investment policy."

dengan Britain masih wujud sebagai sahabat lama tetapi layanan istimewa tidak lagi seperti dahulu.<sup>52</sup>

### **Aspek Ekonomi**

Sejarah hubungan Malaysia dengan Britain yang begitu lama adalah berpunca daripada kepentingan ekonomi. Kedatangan pihak Britain ke Tanah Melayu adalah berpunca daripada adanya sumber hasil bumi iaitu bijih timah.<sup>53</sup> Apabila pihak Britain mula menjajah Tanah Melayu mereka berpeluang untuk menghasilkan getah. Benih getah dibawa dari Brazil ke Royal Botanical Garden, di Kew, England. Pada tahun 1876, benih getah dibawa ke Botanical Garden, Singapura dan juga ditanam oleh Sir Hugh Low di kawasan rumah beliau di Kuala Kangsar, Perak.<sup>54</sup> Kedua-duanya menjadi bahan komoditi yang penting bagi Britain untuk mengaut keuntungan daripada Tanah Melayu.<sup>55</sup>

Sistem ekonomi feodal beransur dihapuskan dengan pembasmian perhambaan, sistem kerah dan sumber ekonomi lain seperti cukai sungai terhadap barangan dagangan yang melalui sungai.<sup>56</sup> Ini merupakan tamparan hebat kepada asas ekonomi golongan pembesar-pembesar Melayu. Hasil cukai yang dikenakan oleh pembesar-pembesar Melayu telah diambil alih oleh Residen.<sup>57</sup> Oleh itu, penentangan awal golongan pemerintah Melayu terhadap penjajahan Inggeris memang tidak memeranjatkan

---

<sup>52</sup> Ibid.; Tengku Ahmad Rithauddeen menyatakan: "They have taken a commendable initiative of issuing a statement saying that they are studying what steps the British business community should take towards restoring amicable relations with Malaysians."

<sup>53</sup> Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007, hlm. 125; Bijih timah ditemui di kaki bukit Larut; Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 139; Bijih timah ditemui di Sungei Ujong.

<sup>54</sup> Ibid., hlm. 148; Amarjit Kaur, *Historical dictionary of Malaysia: Asian historical dictionaries, No. 13*, London: The Scarecrow Press Inc., 1993, hlm. 133; Dikenali dengan nama *Hevea brasiliensis*.

<sup>55</sup> John Gullick, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, London: Ernst Benn Limited, 1981, hlm. 1; Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 172.

<sup>56</sup> William Shaw, *Tun Razak: Riwayat hidup dan zamannya*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn Bhd, 1977, hlm. 38; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysia: Tradition, modernity and Islam*, United States of America: Westview Press, Inc, 1986, hlm. 17; Cheah Boon Kheng, 'Malay politics and the murder of J. W. W. Birch, British resident in Perak, in 1875: The humiliation and revenge of the Maharaja Lela', in *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. LXXI, No. 274, Part 1, 1998, June 1998, hlm. 83.

<sup>57</sup> Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 133; Dalam perjanjian Pangkor termaktub satu artikel yang menyatakan kuasa Residen: "the collection and control of all revenues and the general administration of the country."

misalnya, Perang Naning diketuai oleh Dol Said pada tahun 1831 dan 1832,<sup>58</sup> di Pasir Salak, Perak, pembunuhan J. W. W. Birch oleh Datuk Maharaja Lela,<sup>59</sup> di Pahang pada tahun 1891, penentangan oleh pembesar-pembesar Pahang<sup>60</sup> seperti Tok Gajah, Orang Kaya Semantan, Mat Kilau,<sup>61</sup> di Kelantan pada tahun 1915, diketuai oleh Haji Mat Hassan dikenali dengan nama Tok Janggut,<sup>62</sup> di Terengganu pada tahun 1928 yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong<sup>63</sup> dan lain-lain lagi.<sup>64</sup> William Shaw beranggapan bahawa penentangan yang diterima oleh pihak Inggeris bukanlah sebagai gerakan rakyat menentang penjajah tetapi ia adalah satu perjuangan oleh pembesar-pembesar Melayu yang telah menderhaka menentang tindakan menghapuskan hak mereka untuk mengekalkan cukai dan penggantian mereka sebagai pentadbir dan pemerintahan awam.<sup>65</sup> Ada sejarawan beranggapan bahawa perjuangan menentang pihak Inggeris hanya berlaku pada peringkat setempat sahaja dan ini bukanlah satu kebangkitan nasionalisme. Sentimen anti penjajah bermula seawal abad ke 19. Walau bagaimanapun ia masih belum dianggap sebagai kebangkitan semangat nasionalisme.<sup>66</sup>

Selepas pengalaman ini, pihak penjajah Inggeris mengurangkan penentangan pembesar dengan menyerapkan golongan ini dalam pentadbiran penjajah atau dengan memberi tanah dan pencen kepada pembesar tertentu. Sementara itu, mereka telah memperkenalkan dasar tanah dan buruh demi mengelakkan pemberontakan kaum petani Melayu terhadap penjajah. Ini dipelajari oleh pihak Inggeris dari pengalaman

---

<sup>58</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1997, hlm. 1; Mohd Daud Mat Din (Penterjemah), Wan Hashim, *Hubungan etnik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2011, hlm. 12.

<sup>59</sup> Patrick Sullivan, 'Social relations of dependence in a Malay state', in *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Monograph No. 10, Kuala Lumpur: MBRAS, 1982, hlm. 15; Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 146; Maharajah Lela dihukum gantung pada bulan Januari, 1877 di Larut; Abdullah Zakaria Ghazali, 'Kebangkitan-kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu', dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: Salam Press Sdn Bhd, 1979, hlm. 43.

<sup>60</sup> Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 161.

<sup>61</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, 'Kebangkitan-kebangkitan anti-British di Semenanjung Tanah Melayu', dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, hlm. 44-45; Mohd Daud Mat Din (Penterjemah), Wan Hashim, *Hubungan etnik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2011, hlm. 12.

<sup>62</sup> Lihat Cheah Boon Kheng, *To' Janggut: Legends, histories, and perceptions of the 1915 rebellion in Kelantan*, Singapore: Singapore University Press, 2006; Abdullah Zakaria Ghazali, 'Kebangkitan-kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu', dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, hlm. 46.

<sup>63</sup> Mohd Daud Mat Din (Penterjemah), Wan Hashim, *Hubungan etnik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2011, hlm. 12.

<sup>64</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, 'Kebangkitan-kebangkitan anti-British di Semenanjung Tanah Melayu', dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, hlm. 42-47; Dol Said di Naning dan Abdul Rahman Limbong di Terengganu.

<sup>65</sup> William Shaw, *Tun Razak: Riwayat hidup dan zamannya*, hlm. 38.

<sup>66</sup> Mohd Daud Mat Din (Penterjemah), Wan Hashim, *Hubungan etnik di Malaysia*, hlm. 12.

penjajahan di tempat lain. Selepas mengatasi penentangan-penentangan ini, pihak Inggeris menumpukan kepada usaha mengaut keuntungan ekonomi Tanah Melayu iaitu bijih timah dan getah.<sup>67</sup> Bijih timah dan getah telah menjadikan Tanah Melayu sebagai pengeluar yang terbesar di dunia<sup>68</sup> dan telah dapat memberikan kemakmuran kepada ekonomi Tanah Melayu.<sup>69</sup> Getah dan bijih timah merupakan 85 peratus eksport negara dan 69 peratus daripada dua juta penduduk yang bekerja dalam sektor pertanian.<sup>70</sup>

Pihak Inggeris menjajah kerana terdapatnya bijih timah yang dapat membantu industri mereka dan kejayaan menanam getah di Tanah Meayu juga telah membantu menambahkan hasil pendapatan mereka.<sup>71</sup> Pihak British telah mengeksploitasi ekonomi Tanah Melayu yang sememangnya terkenal sebagai pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia.<sup>72</sup> Ia telah menjadi tumpuan dan berjaya menarik ramai pedagang dari luar negara terutama dari Eropah.<sup>73</sup> Mereka berlumba-lumba untuk memperolehi bijih timah dan turut mahu menguasai lombong-lombong bijih timah. Pihak British tidak ketinggalan dalam usaha untuk mengawal kawasan lombong bijih timah. Bijih timah telah menjadi faktor penarik kepada pihak British untuk campurtangan urusan dalaman negeri-negeri Tanah Melayu. Ia adalah kerana akan dapat membantu peningkatan ekonomi mereka dan juga bersaing dalam Revolusi Industri yang rancak berlaku.<sup>74</sup> Sebelum memberi kemerdekaan kepada Malaya, pihak British mahu memastikan

---

<sup>67</sup> Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 173; Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 125; Benih getah dibawa dari Amazon ke *Botanic Garden*, Singapura dan Kuala Kangsar, Perak; Mohd Yusof Ahmad, '50 years of Malaysia's 'Economic diplomacy': The continuing struggle for peace, security and developments', in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 10, No. 1, 2008, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2008, hlm. 48.

<sup>68</sup> Charles Hirschman, 'Ownership and control in the Malayan economy revisited: A review of research since the publication of J. J. Puthuchery's classic', in Dominic J. Puthuchery and Jomo K. S., (edited), *James Puthuchery. No cowardly past: Writings, poems, commentaries*, (2<sup>nd</sup> Edition), Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2010, hlm. 72.

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix, 2010, hlm. 72.

<sup>71</sup> Colin Barlow, *The natural rubber industry: Its development, technology and economy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. 27.

<sup>72</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1997, hlm. 1; Shamsul Amri Baharuddin, 'National unity: Malaysia's model for self-reliance', in *Malaysian development experience: Change and challenge*, hlm. 10.

<sup>73</sup> Colin Barlow, *The natural rubber industry: Its development, technology and economy in Malaysia*, 1978, hlm. 1.

<sup>74</sup> *Ibid.*

kepentingan ekonomi mereka di Malaya adalah terjamin selamat di masa hadapan.<sup>75</sup> Ancaman utama adalah dari pihak komunis, dengan adanya kepentingan British sebanyak 60 peratus di sektor getah dan timah menyebabkan British tidak membenarkan komunis menguasai Malaya.<sup>76</sup> Sekiranya komunis mengambil alih tampok pemerintahan kepentingan ekonomi mereka di Malaya akan terganggu.<sup>77</sup> Sehingga selepas merdeka, Malaya tetap menjadi tumpuan pelabur-pelabur British melabur di Malaya.

Selepas mencapai kemerdekaan, dasar ekonomi *laissez faire* yang diamalkan oleh pihak British diteruskan lagi oleh Tunku.<sup>78</sup> Ini telah membuka peluang kepada pelabur-pelabur asing dan pelabur-pelabur yang sedia ada melabur di Malaya. John Gullick menyatakan:

In its constitution and in its economic and social system Malaysia bears, the mark of British colonial rule to which every part of the country was subject for a long period of years. It is one of the most prosperous among developed countries. But its wealth has been obtained by undue specializations in the past in the production of raw materials, rubber and tin, for export.<sup>79</sup>

Malaya adalah pembekal kedua-dua komoditi tersebut dan kebanyakan permintaan adalah dari negara-negara Perindustrian.<sup>80</sup> Malaya bergantung kepada negara-negara tersebut<sup>81</sup> dan harga komoditi di pasaran dikawal oleh negara-negara perindustrian. Bagi Malaya yang baru merdeka pula memerlukan pelabur asing melabur dan belum mampu untuk menolak British. Khadijah Md. Khalid menyatakan:

---

<sup>75</sup> Shamsul Amri Baharuddin, 'National unity: Malaysia's model for self-reliance', in *Malaysian development experience: Change and challenge*, hlm. 16; Joseph M. Fernando, 'British attitude towards Malayan independence', 1945-1957', dalam Mohamad Redzuan Othman, et. al., *Sejarah pembinaan negara bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 213.

<sup>76</sup> Ibid.; Archana Sharma, *British policy towards Malaysia, 1957-1967*, London: Sangam Books Limited, 1993, hlm. 31.

<sup>77</sup> Lukhman Thaib, *The politics and governments of South East Asia*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn Bhd, 1997, hlm. 125.

<sup>78</sup> Mohd Yusof Ahmad, '50 years of Malaysia's 'Economic diplomacy': The continuing struggle for peace, security and developments', in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 10, No. 1, 2008, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2008; Zuraina Majid, *Masyarakat Malaysia: Tinjauan perbincangan terhadap beberapa isu dan topik semasa*, Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia, 1982, hlm. 49.

<sup>79</sup> John Gullick, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, London: Ernst Benn Ltd, 1981, hlm. 1.

<sup>80</sup> Johan Saravanamuttu, *Malaysia's foreign policy: The first fifty years*, hlm. 55; Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix, 2010, hlm. 73.

<sup>81</sup> Ibid., hlm. 56-57; Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970*, hlm. 12.

...as newly independently country [Malaya] needed foreign investment in its effort to diversify its economy. British investors were generally contented with their long-established investment in the plantation and mining sectors. As such, in its effort to diversify its economy into other sectors such as manufacturing, the government had to seek other potential investors.<sup>82</sup>

Salah satu kesan dari peninggalan British telah mewujudkan penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum di Malaya dan memecah belahkan kedudukan kaum mengikut sektor ekonomi. Ianya berlaku apabila permintaan dunia ke atas dua komoditi bertambah dan pihak British memerlukan tenaga kerja yang ramai. Oleh itu, pihak British telah membawa ramai pekerja dari negara China<sup>83</sup> dan India untuk bekerja di lombong-lombong dan ladang-ladang.<sup>84</sup> Kemudian dasar buruh British diperkenalkan bagi memantapkan usaha membawa pekerja-pekerja dari luar untuk membekalkan tenaga kerja yang perlu dalam perkembangan ekonomi kapitalis penjajahan.<sup>85</sup> Kebanyakan kaum buruh yang dibawa masuk adalah terdiri daripada kaum pendatang.<sup>86</sup> Ini telah menyebabkan wujudnya pembahagian kelas pekerja berdasarkan kaum. Oleh sebab petani Melayu mempunyai tanah sendiri maka didapati sukar untuk memujuk mereka supaya bekerja dalam sektor kapitalis yang keadaan kerjanya amat teruk sedangkan upahnya rendah.<sup>87</sup> Sebaliknya, kaum pendatang yang tidak dapat bekerja sendiri kerana tidak mempunyai alat atau sumber pengeluaran sendiri terpaksa mencari upah dengan menjual tenaga kerja mereka. Kebanyakan mereka berasal dari negara China, India dan Indonesia.<sup>88</sup>

---

<sup>82</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm.49.

<sup>83</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2001, hlm. 9-12.

<sup>84</sup> Mohd Yusof Ahmad, '50 years of Malaysia's 'economic diplomacy': The continuing struggle for peace, security and developments', in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 10, No. 1, 2008, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2008, hlm. 46; Mohamad Muzammi Mohamad Nor, 'Sejarah sosioekonomi dan pendidikan masyarakat Melayu Kedah tahun 1900-1950', dalam Ishak Saat dan Mohd Akbal Abdullah, *Isu-isu terpilih dalam sejarah politik dan perjuangan: Sumbangan kepada Profesor Madya Dr. Mohd Isa Othman*, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2010, hlm. 34-35.

<sup>85</sup> Ghazali Shafie, *Malaysia, Asean and new world order*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 25.

<sup>86</sup> Sity Daud, 'Negara, pemerintah dan perlembagaan', dalam Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 78; Terdiri dari orang China dan India; Ghazali Shafie, *Malaysia, Asean and the new world order*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 25.

<sup>87</sup> *New Straits Times*, 30 May, 1983, hlm. 2, 'Dr. M on leaders who command respect and support'.

<sup>88</sup> Jomo K. S., *Masyarakat Malaysia: Cabaran sosio ekonomi*, Kuala Lumpur: INSAN, 1991, hlm. 5.



Pihak British telah membiarkan jurang ekonomi antara kaum di Malaysia tidak seimbang. Fungsi ekonomi pula menurut kaum. Kaum Melayu dibiarkan dengan ekonomi pertanian. Kaum Cina pula dibawa masuk ke Tanah Melayu adalah bertujuan untuk bekerja di lombong bijih timah pada mulanya. Ia berubah apabila kaum Cina turut terlibat dalam perniagaan. Manakala kaum India diletakkan di estet-estet atau ladang-ladang getah.<sup>89</sup> Kedudukan ekonomi orang Melayu sememangnya mundur dan tidak dapat bersaing dengan kaum lain terutama kaum Cina. Persoalan ini pernah disuarakan oleh Onn Jaafar semasa mengkritik rancangan menggubal perlembagaan Malaya yang disyorkan oleh Suruhanjaya Reid bahawa walaupun dilindungi dengan “hak istimewa Melayu” tidak akan menjamin nasib orang Melayu.<sup>90</sup> Selepas mencapai kemerdekaan keadaan sebegini terus berlarutan.<sup>91</sup> Tunku Abdul Rahman tidak mengambil langkah-langkah bagi merapatkan jurang ekonomi yang tidak seimbang itu. Tunku tidak campurtangan dalam bidang ekonomi dan tidak banyak yang dilakukan untuk menstruktur semula “ekonomi penjajah”.<sup>92</sup> Kaum Cina terus menguasai ekonomi Malaya pada waktu itu dan dikatakan adanya perjanjian yang berbentuk persefahaman di antara pemimpin UMNO dan pemimpin MCA iaitu kaum Melayu menguasai politik dan kaum Cina pula menguasai ekonomi.<sup>93</sup> Menurut Barry Wain mereka yang bersama Mahathir termasuk Musa Hitam dan Abdullah Ahmad merasakan: “The “social contract” had failed, that UMNO had conceded too much to the Chinese, and the country must be “returned” to the Malays.”<sup>94</sup>

---

<sup>89</sup> Shamsul Amri Baharuddin, ‘Perancangan pembangunan negara selepas merdeka 1957-1975: Tinjauan sejarah perkembangan sosio-ekonomi Malaysia’, dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: Salam Press, 1978, hlm. 58.

<sup>90</sup> Ramlah Adam, *Dato Onn Jaafar: Pengasas kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 336.

<sup>91</sup> Shamsul Amri Baharuddin, ‘Perancangan pembangunan negara selepas merdeka 1957-1975: Tinjauan sejarah perkembangan sosio-ekonomi Malaysia’, dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, hlm. 58.

<sup>92</sup> Shakila Parween Yacob (terjemahan), Nicholas J. White, *Perniagaan British di Malaysia pascapenjajah 1957-70, ‘Neokolonialisme’ atau ‘Pengunduran’*, Kuala Lumpur: hlm. 90.

<sup>93</sup> *FCO15/2682/1248*, Ucapan Lim Kit Siang bertajuk “Malaysia in the 1980s – The political perspective” di Konvensyen Malaysia Ekonomi, Hotel Rasa Sayang, Pulau Pinang pada 9 Mei, 1980; Leon Comber, *13 May 1969: A historical Sino-Malay relations*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1983, hlm. 53.

<sup>94</sup> Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 26.

Pendirian Tunku menolak negara-negara berideologikan komunis<sup>95</sup> dan ini telah memberi peluang kepada negara-negara Barat terutama Britain menguasai ekonomi negara sehingga selepas merdeka Britain masih kekal dalam mengeksploitasi ekonomi Malaya.<sup>96</sup> Turut memberi kelebihan kepada kaum Cina yang turut menguasai ekonomi Malaya sehinggakan pembahagian kekayaan Malaya tidak sama rata terutama kepada kaum Melayu yang masih mundur walaupun negara sudah mencapai kemerdekaan dan golongan Melayu sebagai majoriti mentadbir Malaya.<sup>97</sup> Tunku menyedari hakikat bahawa kaum Cina telah menguasai ekonomi Malaysia dan walau bagaimanapun hak mereka tidak boleh dinafikan dengan menyatakan:

Sesungguhnya ada jaminan hak-hak istimewa Melayu dalam perjanjian Persekutuan tetapi ini tidak sekali-kali mencegah atau menyekat bangsa-bangsa yang bukan Melayu daripada mencapai kesenangan dan kekayaan, dan lagi sehingga sekarang hak-hak istimewa itu masih belum lagi menghasilkan keadaan yang setaraf di antara orang Melayu dengan yang bukan Melayu.<sup>98</sup>

Persefahaman ini telah berubah apabila meletusnya peristiwa 13 Mei dan selepas peristiwa 13 Mei, Tunku telah meletakkan jawatan sebagai perdana menteri dan beliau telah digantikan dengan Tun Razak. Tun Razak telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru pada 21 Jun, 1970<sup>99</sup> bagi mengurangkan jurang ekonomi antara kaum Melayu dengan kaum Cina.<sup>100</sup> Perkembangan ekonomi kaum Melayu disasarkan daripada 2.4 peratus kepada 30 peratus, kaum Cina daripada 34.3 peratus kepada 40 peratus dan

---

<sup>95</sup> Sity Daud, 'Negara, pemerintah dan perlembagaan', dalam Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 177.

<sup>96</sup> Joseph M. Fernando, 'British attitude towards Malayan independence', 1945-1957', dalam Mohamad Redzuan Othman, et. al., *Sejarah pembinaan negara bangsa*, hlm. 213.

<sup>97</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither Look East policy*, hlm. 92; Nor Ghani Md. Nor, 'Transformasi drastik ekonomi', dalam *Berita Harian*, 31 Ogos, 2007, Keluaran Khas, hlm. 16; Mohd Yusof Ahmad, '50 years of Malaysia's 'Economic diplomacy': The continuing struggle for peace, security and developments', in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 10, No. 1, hlm. 51.

<sup>98</sup> *Malaya Merdeka*, 26 April, 1956.

<sup>99</sup> Jomo Kwame Sundaram and Wee Chong Hui, *Malaysia@50: Economic development, distribution, disparities*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2014, hlm. 15; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism: An intellectual biography of Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, hlm. 103; Mohd Yusof Ahmad, '50 years of Malaysia's 'Economic diplomacy': The continuing struggle for peace, security and developments', in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 10, No. 1, 2008, hlm. 52-53.

<sup>100</sup> *Ibid.*, hlm. 16.

kaum asing daripada 63.3 peratus kepada 30 peratus pada tahun 1990.<sup>101</sup> Ada sarjana yang berpendapat bahawa punca kepada ketidak seimbangan jurang ekonomi ini adalah peninggalan daripada pihak Britain yang telah mengamalkan sistem ‘pecah dan perintah’.<sup>102</sup> Ini adalah bagi memudahkan mereka untuk mentadbir dan mengeksploitasi ekonomi Malaya.<sup>103</sup> R. S. Milne pula berpendapat bahawa pihak Britain tidak mengamalkan sistem ‘pecah dan perintah’ kerana keadaan sudah sedia ada telah berpecah antara kaum.<sup>104</sup>

Peristiwa 13 Mei telah menyebabkan keadaan negara tidak aman dan terpaksa diisytiharkan darurat.<sup>105</sup> Ini telah memburukkan imej Malaysia. Sebagai sebuah negara yang baru merdeka dan sedang membangun, Malaysia perlu memajukan ekonomi dan ini akan dapat menstabilkan politik domestik serta dapat memberikan suasana yang aman. Kestabilan politik dan suasana negara yang aman dapat menarik ramai pelabur datang melabur. Malaysia pula sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum perlu mencari jalan supaya peristiwa 13 Mei tidak berulang lagi. Malaysia telah merumuskan satu rancangan bagi mengimbangi ekonomi<sup>106</sup> antara kaum dengan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.<sup>107</sup> Bagi pihak Britain pula yang sememangnya telah lama mengamalkan ekonomi secara terbuka atau dikenali sebagai *laissez faire* telah tidak bersungguh-sungguh untuk menyokong aspirasi kerajaan Malaysia dan berlakulah perselisihan faham yang akan dibentangkan dalam tesis ini. Pelbagai isu yang timbul daripada satu kejutan kepada satu kejutan antara kedua-dua negara yang telah membawa kepada hubungan Malaysia dengan Britain mengalami satu

---

<sup>101</sup> Mohd Yusof Ahmad, ‘50 years of Malaysia’s ‘Economic diplomacy’: The continuing struggle for peace, security and developments’, in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 10, No. 1, 2008, hlm. 52-53.

<sup>102</sup> Ibid., hlm. 46; Shamsul Amri Baharuddin, National unity: Malaysia’s model for self-reliance’, in *Malaysian development experience: Change and challenge*, hlm. 6.

<sup>103</sup> Ibid., hlm. 52; Leon Comber, *13 May 1969: A historical survey of Sino-Malay relations*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1983, hlm. 24.

<sup>104</sup> Abdul Rauf Mohd Napis dan Ramlah Muhamad, (penterjemah), R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 28.

<sup>105</sup> Ghazali Shafie, *Malaysia, Asean and the new world order*, hlm. 17; Ghazali Shafie tidak bersetuju dengan pendapat Dr. Ismail yang menyatakan demokrasi di Malaysia telah mati.

<sup>106</sup> Jomo Kwame Sundaram and Wee Chong Hui, *Malaysia@50: Economic development, distribution, disparities*, hlm. 15.

<sup>107</sup> Affifudin Omar dan Shafiee Salleh, ‘Perubahan entiti Melayu: Antara ketuanan dan tuntutan global dalam kerangka wawasan ekonomi-politik’, dalam Mohamed Anwar Omar Din, (disunting), *Dinamika bangsa Melayu: Menongkah arus globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 87; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism: An intellectual biography of Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995, hlm. 103.

keadaan yang tegang dan perlu diambil perhatian oleh kedua-dua buah negara. Hubungan antara kedua buah negara mula berubah, Malaysia telah mengambil sikap dengan tidak menganggap lagi Britain sebagai “rakan istimewa” tetapi sebagai “rakan biasa” sahaja.<sup>108</sup>

Selain itu, Tun Razak telah mula mengambil beberapa langkah bagi memulihkan imej Malaysia yang dianggap sebagai sebuah negara pro-Barat dan pelbagai usaha dilakukan bagi mempelbagaikan dan meluaskan pasaran Malaysia di peringkat antarabangsa bagi mengurangkan pergantungan dengan Britain terutama dalam bidang ekonomi. Beliau telah membuka pintu negara dan menerima mana-mana negara walaupun berbeza ideologi.<sup>109</sup> Beliau turut berusaha menarik ramai pelabur baru serta mengurangkan pergantungan terhadap Barat ke tahap paling minimum.<sup>110</sup> Usaha beliau masih tidak mencukupi untuk memulihkan imej Malaysia yang pro Barat. Ini adalah kerana pihak Barat telah melaksanakan suatu keadaan ekonomi di Asia yang berorientasikan untuk memenuhi permintaan Barat terutama bahan mentah dan semulajadi untuk kegunaan perindustrian mereka.<sup>111</sup> Walau bagaimanapun Tun Razak yakin bahawa pemimpin di Asia juga mampu untuk memimpin negara sendiri dan bersaing dengan Barat.<sup>112</sup> Usaha Tun Razak terus dilaksanakan oleh Dr. Mahathir bagi membangunkan ekonomi Malaysia yang tidak hanya bergantung kepada sesebuah negara terutama Britain. Sejak lama Malaysia mempertahankan hubungan yang baik dengan Britain walaupun terdapat ketidakadilan dan rasa tidak puas hati dalam menjalinkan hubungan terutama dalam bidang ekonomi. Hubungan tradisi dengan Britain yang lama itu mula berubah apabila adanya tanda-tanda keretakan dalam

---

<sup>108</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastview Production Sdn Bhd, hlm. 17.

<sup>109</sup> *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1971*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1976

<sup>110</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 83.

<sup>111</sup> Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix, 2010, hlm. 71; Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*. Subang Jaya: Pelanduk Publications, 1999, hlm. 17.

<sup>112</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*. 1999, hlm. 20.

hubungan Malaysia dengan Britain. Tambahan pula sikap Mahathir yang berbeza dalam menjalinkan hubungan antara kedua negara.

Tesis ini melihat hubungan dari aspek ekonomi kerana kedua-dua negara mempunyai kepentingan dan menyebabkan ketegangan kepada hubungan bilateral. Hubungan Malaysia dengan Britain era Dr. Mahathir dianggap berbeza dari segi pendekatan beliau dalam menjalinkan hubungan ekonomi antara kedua-dua buah negara<sup>113</sup> kerana beliau telah membuat perubahan hala tuju yang baru dan tidak terlalu condong kepada Britain atau berpaksakan kepada Britain. Pendekatan yang diambil dikatakan melawan arus tradisi hubungan Malaysia dengan Britain.

### **Aspek Politik**

Hubungan Malaysia dengan Britain dari sudut politik tidak mempunyai masalah kerana kedua-dua negara tidak mencampuri hal ehwal dalam negara masing-masing. Suasana politik dunia juga tidak membenarkan mana-mana negara mencampuri hal ehwal sesebuah negara. Punca berlakunya ketegangan hubungan Malaysia dengan Britain adalah rasa tidak puas hati terhadap layanan pihak Britain dalam menyelesaikan beberapa isu ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia. Apabila pihak Britain tidak mengambil tindakan isu-isu ini secara serius sehingga berlarutan dan tidak dapat diselesaikan. Setelah Dr. Mahathir memperkenalkan *Buy British Last* barulah ada usaha untuk berbincang dan mencari jalan penyelesaian antara kerajaan dengan kerajaan. Pihak Britain telah mengambil beberapa inisiatif bagi membaiki hubungan kedua-dua negara. Ini telah membawa kepada hubungan politik antara kedua-dua negara tetapi tidak sampai ke tahap yang membimbangkan dan hubungan diplomatik masih diteruskan seperti biasa.

---

<sup>113</sup> Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, hlm. 71; Malaysia sebagai pembekal bahan mentah dan sebagai pasaran tersedia bagi produk perkilangan yang dihasilkan.

Kedua-dua negara masih mahu hubungan sejarah yang begitu lama diteruskan tetapi Malaysia mahukan satu hubungan yang sama rata dan dihormati sebagai sebuah negara yang telah lama mencapai kemerdekaan. Dalam kajian ini apabila melihat hubungan Malaysia dengan Britain dari aspek politik, terlebih dahulu perlu melihat sejarah awal hubungan antara kedua-dua negara. Ini bagi lebih memahami bagaimana hubungan Malaysia dengan Britain boleh terjalin dengan begitu lama dan seterusnya melihat corak hubungan Malaysia dengan Britain dari awal sehingga kepada era Dr. Mahathir, 1981-1990. Apakah faktor yang menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain yang pada mulanya dianggap berjalan dengan baik tetapi tidak pada era Dr. Mahathir.

Sejarah hubungan Malaysia dengan Britain bermula dengan penguasaan Inggeris ke atas Pulau Pinang pada 15 Julai, 1786<sup>114</sup> oleh Francis Light yang berjaya memperdayakan Sultan Kedah, Sultan Abdullah Mukaram Shah.<sup>115</sup> Beliau berjaya mempengaruhi Sultan Kedah dengan menjanjikan perlindungan daripada ancaman Siam dan bayaran tahunan sebanyak \$30,000.00 sebagai pampasan kerana kehilangan pendapatan perdagangan.<sup>116</sup> Sultan Kedah telah membenarkan Francis Light bertapak di Pulau Pinang.<sup>117</sup> Bermulanya Tanah Melayu telah dijajah secara tidak langsung oleh pihak Inggeris.<sup>118</sup> Dari Pulau Pinang, kemudian mereka bertapak pula di Melaka pada tahun 1795<sup>119</sup> dan seterusnya Singapura pula menjadi hak Inggeris.<sup>120</sup> Mereka mengambil Singapura daripada Kesultanan Johor dengan termetri perjanjian pada 6

---

<sup>114</sup> Lihat L. A. Mills, 'British Malaya, 1826-47', *Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. 33, No. 191, Part 3, 1961, Nov. 1960, hlm.36-89.

<sup>115</sup> *Ibid.*, hlm. 48; Pihak Inggeris tidak mahu campurtangan dalam hal ehwal politik di Tanah Melayu tetapi lebih mengutamakan hal perdagangan.

<sup>116</sup> Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 67; John Gullick, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, hlm. 19; Lihat L. A. Mills, 'British Malaya, 1826-47', hlm 50.

<sup>117</sup> L. A. Mills, 'British Malaya, 1826-47', hlm. 31; Harry Miller, *Malaysian heritage.*, hlm. 68; Francis Light menamakan Pulau Pinang sebagai "Prince of Wales".

<sup>118</sup> John Gullick, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, hlm. 19; Willard A. Hanna, *Sequel to colonialism: The 1957-1960, Foundations of Malaysia*, USA: American Universities Field Staff, Inc., 1965, hlm. 22; Tunku Abdul Rahman, *As a matter of interest*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1981, hlm. 44 and 209; Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 67-68.

<sup>119</sup> *Ibid.*, hlm. 21.

<sup>120</sup> Lihat L. A. Mills, 'British Malaya, 1826-47', hlm.60-85.

Januari, 1819.<sup>121</sup> Kemudiannya negeri-negeri tersebut telah disatukan menjadi Negeri-negeri Selat.<sup>122</sup> Pihak Inggeris mula bertapak dan mengembangkan pengaruh mereka di Negeri-negeri Selat. Kewujudan British di Negeri-negeri Selat telah berjaya meletakkan status mereka sebagai satu kuasa yang dapat memberi bantuan kepada negeri-negeri di Nusantara Melayu terutama Tanah Melayu.

Faktor yang memberi peluang kepada British untuk bertapak di Tanah Melayu dan meluaskan pengaruh mereka kerana berlakunya perebutan kuasa antara raja-raja Melayu. Campurtangan British<sup>123</sup> atau dikenali sebagai penjajahan Inggeris ke atas Tanah Melayu adalah dengan cara diplomasi atau tidak secara paksaan kerana mereka membantu perebutan kuasa di antara raja-raja Melayu.<sup>124</sup> Mereka telah dijemput untuk menyelesaikan masalah perebutan kuasa di Perak. Perlantikan Sultan Perak yang baru bukan berasaskan keturunan tetapi mempunyai tiga tahap iaitu Sultan, Raja Muda dan Raja Bendahara. Namun begitu pembesar-pembesar Perak mempunyai budi bicara untuk menolak calon sekiranya merasakan tidak sesuai.<sup>125</sup> Ini berlaku apabila Sultan Ali iaitu Sultan yang memerintah Perak telah mangkat di Sayong pada 20 Mei, 1871.<sup>126</sup> Kebiasaannya sebelum kebumikan Sultan Perak yang telah mangkat, perlantikan Sultan Perak baru perlu diumumkan terlebih dahulu. Raja Abdullah tidak hadir apabila upacara perlantikan Sultan Perak yang baru diadakan kerana takutkan keselamatan diri dan beliau telah diancam untuk tidak hadir di upacara perlantikan Sultan Perak yang baru.<sup>127</sup> Ini bagi menghalang Raja Abdullah daripada menjadi Sultan Perak yang baru. Oleh

---

<sup>121</sup> Ibid., Willard A. Hanna, *Sequel to colonialism: The 1957-1960, Foundations of Malaysia*, hlm. 22; Donna J. Amoroso, *Traditionalism and the ascendancy of the Malay ruling class in colonial Malaya*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2014, hlm. 4; Paridah Abd Samad, *The myth of Dato' Onn Jaafar: The forgotten hero*, Kuala Lumpur: Partisan Publication and Distribution, 2011, hlm. 35.

<sup>122</sup> James P. Ongkili, *Nation building in Malaysia, 1946-1974*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 8; William Shaw, *Tun Razak: Riwayat hidup dan zamannya*, hlm. 7; Leong Yee Fong, 'Zaman penjajahan dan munculnya susunan politik baharu di Tanah Melayu', dalam Abdul Rahman Ismail, *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan, Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 229.

<sup>123</sup> Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara, Jilid II*, hlm. 380.

<sup>124</sup> Willard A. Hanna, *Sequel to colonialism: The 1957-1960, Foundations of Malaysia*, hlm. 22; John Gullick, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, hlm. 25.

<sup>125</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, hlm. 6.

<sup>126</sup> Ibid., hlm. 5.

<sup>127</sup> Ibid.

kerana ketiadaan Raja Abdullah semasa upacara pengkebumian Sultan Ali<sup>128</sup> pihak pembesar Perak<sup>129</sup> telah mengambil keputusan untuk melantik Raja Ismail sebagai Sultan Perak yang baru.<sup>130</sup> Ini telah menyebabkan Raja Abdullah merasa tidak puas hati dan berlakulah perebutan kuasa antara Raja Abdullah dengan Raja Ismail. Raja Abdullah telah meminta pertolongan daripada pihak Inggeris<sup>131</sup> untuk menjaminkan takhta beliau di Perak. Ini telah membawa kepada Perjanjian Pangkor yang ditandatangani oleh Andrew Clarke sebagai wakil pihak British dan Sultan Abdullah iaitu salah seorang calon yang sepatutnya dilantik sebagai Sultan Perak<sup>132</sup> berserta dengan beberapa pembesar Melayu Perak<sup>133</sup> pada 20 Januari, 1874, di Pulau Pangkor, Perak.<sup>134</sup> Abdul Aziz Bari menyatakan: “Interestingly enough, the British came to the land through treaties, which started with the one signed with the Sultan of Perak in 1874.”<sup>135</sup>

Pertolongan pihak British kepada Raja Abdullah adalah dengan bersyarat, Raja Abdullah dilantik sebagai Sultan Perak yang dinyatakan dalam Perjanjian Pangkor iaitu: “Pertama. - Bahawa Raja Muda Abdullah diiktiraf sebagai Sultan Perak”<sup>136</sup> tetapi Sultan Abdullah terpaksa memenuhi permintaan British yang mahu melantik seorang pegawai mereka yang dikenali sebagai Residen yang akan membantu Sultan Perak dalam hal ehwal pentadbiran negeri Perak dan Sultan Perak dikekalkan sebagai ketua negeri tetapi beliau hanya berkuasa dalam soal adat resam dan agama Islam sahaja.<sup>137</sup> Dalam perjanjian Pangkor ada menyatakan bahawa: “That the Sultan receive and provide a

---

<sup>128</sup> Ibid.; Dimakam pada 29 Jun 1871.

<sup>129</sup> Ibid., hlm. 6; Pembesar yang hadir ialah Temenggung, Maharaja Lela, Raja Bendahara Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Dato' Sagor, dan Dato' Panglima Kinta.

<sup>130</sup> Ibid.; Raja Ismail memakai gelaran Sultan Ismail Muabidin Shah.

<sup>131</sup> Merujuk kepada bangsa di England.

<sup>132</sup> Patrick Sullivan, 'Social relations of dependence in a Malay state', in *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Monograph No. 10, Kuala Lumpur: MBRAS, 1982, hlm. 14-15.

<sup>133</sup> *Perjanjian dan dokumen lama Malaysia, 1791-1965*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2009, hlm. 35; terdiri dari Bendahara Perak, Temenggung Perak, Menteri Perak, Syahbandar Perak, Raja Mahkota Perak, Laksamana Perak, dan Dato' Sagor; Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, hlm. 13.

<sup>134</sup> John Gullick, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, hlm. 25; Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 133.

<sup>135</sup> Abdul Aziz Bari, 'The monarchy and state governing', in Abdul Razak Baginda, (edited), *Governing Malaysia*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009, hlm. 81.

<sup>136</sup> *Perjanjian dan dokumen lama Malaysia, 1791-1965*, hlm. 32.

<sup>137</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, hlm. 13; John Gullick, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, hlm. 25.



suitable residence for a British officer to be called Resident.”<sup>138</sup> Walaupun Residen ini adalah sebagai penasihat tetapi segala nasihat beliau perlu dipatuhi oleh Sultan.<sup>139</sup> Secara langsung ini telah memberi kuasa pentadbiran negeri Perak di bawah kuasa Residen sepenuhnya. Secara diplomasi kuasa Sultan Perak diambil alih oleh Residen kerana kuasa sebenar telah diberikan kepada Residen. Residen adalah sebenar pemerintah negeri Perak.<sup>140</sup> Menurut Perjanjian Pangkor<sup>141</sup> Artikel 6 perlantikan seorang Residen dan “whose advice must be asked and acted upon on all questions other than those touching Malay Religion and Customs.”<sup>142</sup>

Pihak British mengambil kuasa Sultan Perak secara tidak langsung dengan menggunakan strategi diplomasi iaitu dengan cara kuasa dipusatkan atas nama Sultan, tetapi sebenarnya kuasa politik dan ekonomi dipegang oleh penasihat British yang dikenali sebagai Residen. Penggunaan disebalik nama Sultan adalah kerana budaya masyarakat Melayu yang taat kepada perintah Sultan dan ini telah memberi kelebihan pihak British untuk mentadbir dengan menggunakan nama Sultan. Kenyataan “Nasihat Residen perlu dipatuhi oleh Sultan” telah memberi kuasa mutlak kepada Residen dan Sultan tidak boleh bantah atau tidak menerima nasihat daripada Residen. Akibatnya, kuasa dan pengaruh golongan pemerintah Melayu dan pembesar-pembesar Melayu telah merosot. Secara politiknya pihak British telah menggunakan nama Sultan<sup>143</sup> tetapi

---

<sup>138</sup> James P. Ongkili, *Nation-building in Malaysia, 1946-1974*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 9; Patrick Sullivan, ‘Social relations of dependence in a Malay state’, in *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Monograph No. 10, hlm. 15.

<sup>139</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, hlm. 13.

<sup>140</sup> Zarina Abu Bakar and Izyan Syazwani Mohamad, *Perdana discourse series: Keynote speeches by Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Putrajaya: Perdana Leadership Foundation, 2012, hlm. 78; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2003, hlm. 29.

<sup>141</sup> John Gullick, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, hlm. 19; Perjanjian Pangkor telah ditandatangani oleh Andrew Clark dan Raja Abdullah dan beberapa pembesar Melayu yang lain pada 20 Januari, 1874 di Pulau Pangkor, Perak; Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 133.

<sup>142</sup> Patrick Sullivan, ‘Social relations of dependence in a Malay state’, in *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Monograph No. 10, hlm. 15; John Gullick, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, hlm. 25; Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, *A history of Malaysia*, hlm. 159.

<sup>143</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, hlm. 13; Lihat Sity Daud, ‘Negara, pemerintah dan perlembagaan’, dalam Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 73-78.

disebaliknya Residenlah yang sebenar-benar berkuasa. Ia dikenali sebagai “indirect rule”.<sup>144</sup>

Kemudian pihak British meneruskan penguasaan dan pengaruh mereka dengan bertapak di Tanah Melayu sehingga terdapat sebelas buah negeri yang berasing telah diletakkan di bawah tiga bentuk pemerintahan iaitu Negeri-negeri Melayu Bersekutu,<sup>145</sup> Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu<sup>146</sup> dan Negeri-negeri Selat.<sup>147</sup> Sehingga Tanah Melayu bertukar menjadi Malaya. Walaupun Malaya tidak ditadbir secara langsung oleh Pejabat Kolonial tetapi hakikatnya mereka mengawal sepenuhnya perjalanan pentadbiran di Malaya. Hubungan luar negara dan pertahanan adalah terletak di bawah penguasaan Pejabat Kolonial sehingga merdeka. Kepakaran mengenai hubungan luar tiada dan Malaya bergantung terus kepada Britain dan negara-negara Komanwel pada waktu itu seperti Kanada, Australia, dan New Zealand.<sup>148</sup>

Apabila meletusnya Perang Dunia Kedua keadaan ekonomi dunia jatuh meleset dan ekonomi Malaya turut jatuh dengan teruknya.<sup>149</sup> Malaya sedang menghadapi tentangan daripada Parti Komunis Malaya<sup>150</sup> yang turut mahu mewujudkan sebuah negara yang berideologikan komunis secara kekerasan.<sup>151</sup> Oleh itu dengan mempunyai hubungan rapat dengan blok Barat terutama British dapat membantu Malaya dalam

---

<sup>144</sup> Mohd Nor Yazid, *Hegemonic powers, radical politics and developmental state: The case of Indonesia-Malaysia political relations during the Cold War*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 102-103; Sity Daud, ‘Negara, pemerintah dan perlembagaan’, dalam Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, hlm. 78.

<sup>145</sup> Harry Miller, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, hlm. 162; William Shaw, *Tun Razak: Riwayat hidup dan zamannya*, hlm. 7; Negeri-negeri Melayu Bersekutu ditubuhkan pada tahun 1895 terdiri daripada Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang; C. D. Cowan, *Nineteenth-century Malaya: The origin of British political control*, London: Oxford University Press, 1961, hlm. 257; ‘a Federation to be known as the Protected Malaya states.’

<sup>146</sup> Abdul Rauf Mohd Napis dan Ramlah Muhamad, (penterjemah), R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 19; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 14; Donna J. Amoroso, *Traditionalism and the ascendancy of the Malay ruling class in colonial Malaya*, hlm. 4; Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pula terdiri daripada Johor, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah.

<sup>147</sup> James P. Ongkili, *Nation building in Malaysia, 1946-1974*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 8; William Shaw, *Tun Razak: Riwayat hidup dan zamannya*, hlm. 7; Donna J. Amoroso, *Traditionalism and the ascendancy of the Malay ruling class in colonial Malaya*, hlm. 4; Leong Yee Fong, ‘Zaman penjajahan dan munculnya susunan politik baharu di Tanah Melayu’, dalam Abdul Rahman Ismail, *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan, Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 229; Negeri-negeri Selat terdiri dari Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

<sup>148</sup> *Ucapan Tun Dr. Ismail di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Sesi 12*, pada 25 September, 1957.

<sup>149</sup> Azhar Mad Aros, ‘Militarisme Jepun 1895-1945: Polisi penjepunan dan penentangan di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak’, dalam Mohammad Redzuan Othman et. al., *Sejarah pembinaan negara bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 187-188.

<sup>150</sup> Mokhtar Muhammad, ‘Dasar Tun Abdul Razak, Dato’ Hussein dan Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad dari tahun 1970-1990: Kesenambungan dan perubahan’, hlm. 17; Chamil Wariya, *Pergolakan antarabangsa: Perkembangan dan isu utama sejak 1945*, Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn Bhd, 1989, hlm. 196.

<sup>151</sup> *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1960*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri, 1975, hlm. 43.

menangani masalah dalaman negara dan juga dari luar negara di mana berlakunya Perang Dingin.<sup>152</sup> Pihak Jepun telah membuat kejutan dengan mengalahkan pihak British dan menguasai Malaya dari tahun 1942 hingga 1945.<sup>153</sup> Pihak Jepun telah menukarkan sistem pentadbiran British kepada sistem pemerintahan tentera Jepun (Gunseikan).<sup>154</sup> Dalam suasana politik yang telah mula berubah selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah mewujudkan golongan anti-imperialisme dan adanya ura-ura dan usaha-usaha untuk mencantumkan Malaya dengan Indonesia yang dikenali sebagai 'Indonesia Raya'.<sup>155</sup> Ini telah membimbangkan pihak British, lebih-lebih lagi wujudnya golongan radikal yang lebih mirip kepada haluan kiri.<sup>156</sup> Pihak British berjaya menguasai semula Malaya selepas kekalahan pihak Jepun disebabkan pengguguran dua butir bom atom di Hiroshima pada 6 Ogos, 1945 dan di Nagasaki pada 9 Ogos, 1945 oleh Amerika Syarikat. Jepun menyerah kalah secara rasmi pada 2 September 1945 di atas kapal 'Missouri' di Teluk Tokyo, Jepun<sup>157</sup> tetapi ini telah membangkitkan semangat nasionalisme dan anti penjajahan yang luas serta tidak dapat dibendung lagi. Pandangan rakyat Tanah Melayu telah mula berubah terhadap pihak British yang selama ini dirasakan tidak dapat dikalahkan.<sup>158</sup> Tanggapan terhadap British telah berubah "the British Empire was after all not invincible."<sup>159</sup> British masih dapat mengekalkan penguasaan terhadap Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang kaya dengan hasil

---

<sup>152</sup> Zarina Abu Bakar and Izyan Syazwani Mohamad, *Perdana discourse series: Keynote speeches by Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 47-49; Robin Ashead, *Mahathir of Malaysia*, United Kingdom: Hibiscus, 1989, hlm. 55; Chamil Wariya, *Pergolakan antarabangsa: Perkembangan dan isu utama sejak 1945*, hlm. 196.

<sup>153</sup> In Wong-Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 36; Ho Hui Ling, 'Pergerakan komunis dan kesannya terhadap ekonomi di Tanah Melayu 1948-1960: Tumpuan kepada sektor getah dan bijih timah', dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012, hlm. 150.

<sup>154</sup> Azhar Md. Aros, 'Lingkungan sekemakmuran Asia Timur Raya, 1941-1945: dari negara matahari terbit ke Tanah Melayu', dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, hlm. 95.

<sup>155</sup> Kunaseelan Muniandy, *Hubungan Malaysia Indonesia 1957-1970*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 38; Ramlah Adam, *Biografi politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 318.

<sup>156</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, 'Gerakan pro-kemerdekaan di Pahang', dalam Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dastar Pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, hlm. 349; Joseph M. Fernando, 'Parti Perikatan dan peranannya dalam menuntut kemerdekaan', dalam Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dastar Pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, hlm. 229; Parti haluan kiri seperti PKMM, MDU, AMCJA, PUTERA dan PKM yang bersifat anti kolonial.

<sup>157</sup> Ibid., hlm. 104; Mohd Isa Othman, 'Penentangan, masa peralihan dan perkembangan politik di Kedah, 1942-1946', dalam Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dastar Pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, 2012, hlm. 315; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981-2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 48; Dapat mengurangkan inferiority complex.

<sup>158</sup> Mahathir Mohamad, *A new deal for Asia*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 1999, hlm. 16.

<sup>159</sup> Ghazali Shafie, *Malaysia, Asean and the New World Order*, hlm. 26.

bumi seperti bijih timah dan getah dan juga kedudukannya yang strategik bagi British adalah sangat penting untuk dikekalkan dalam cengkaman mereka.

Sekembalinya pihak British ke Tanah Melayu pada bulan September 1945, Tanah Melayu diletakkan di bawah pentadbiran militari British (British Military Administration).<sup>160</sup> Kemudian cubaan penubuhan Malayan Union<sup>161</sup> telah diusahakan oleh pihak British bagi menggantikan sistem pemerintahan yang terbahagi kepada tiga iaitu Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat.<sup>162</sup> Ini bertujuan untuk memulihkan imej pihak British yang telah dicalarkan oleh pihak Jepun.<sup>163</sup> Usaha penubuhan Malayan Union gagal dan digantikan dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu<sup>164</sup> pada tahun 1948.<sup>165</sup> Ini disebabkan penentangan orang Melayu terhadap usaha penubuhan Malayan Union yang dianggap mencabar kedudukan istimewa orang Melayu. Timbulnya dua puak yang bertentangan pendapat dan dikenali sebagai nasionalis radikal<sup>166</sup> dan nasionalis konservatif.<sup>167</sup> Pihak British telah bertindak menentang golongan ‘nasionalis radikal’ dan merestui pengaruh golongan ‘nasionalis konservatif’. Strategi ini adalah bagi menjaga kepentingan ekonomi British dan telah mencapai kejayaan seperti mana yang dikehendaki oleh pihak British untuk memindahkan kuasa negara dengan selamat pada tahun 1957 kepada golongan konservatif yang boleh dibawa berunding.<sup>168</sup>

---

<sup>160</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 36; Azhar Md. Aros, ‘Lingkungan sekemakmuran Asia Timur Raya, 1941-1945: dari negara matahari terbit ke Tanah Melayu’, dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, hlm. 95; Ho Hui Ling, ‘Pergerakan komunis dan kesannya terhadap ekonomi di Tanah Melayu 1948-1960: Tumpuan kepada sektor getah dan bijih timah’, dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012, hlm. 150.

<sup>161</sup> Abdul Rauf Mohd Napis dan Ramlah Muhamad, (penterjemah), R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan kerajaan di Malaysia*, hlm. 31-34.

<sup>162</sup> Zarina Abu Bakar and Izyan Syazwani Mohamad, *Perdana discourse series: Keynote speeches by Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 79; Jomo Kwame Sundaram and Wee Chong Hui, *Malaysia@50: Economic development, distribution, disparities*, hlm. 1.

<sup>163</sup> Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, hlm. 9.

<sup>164</sup> Abdul Rauf Mohd Napis dan Ramlah Muhamad, (penterjemah), R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan kerajaan di Malaysia*, hlm. 34-36.

<sup>165</sup> In Wong-Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 38; Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, hlm. 10.

<sup>166</sup> Azmah Abd. Manaf, *Malaysia: Gerakan kesedaran dan nasionalisme*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2012, hlm. 42.

<sup>167</sup> Ibid.

<sup>168</sup> Jomo K. S., *Masyarakat Malaysia: Cabaran sosio-ekonomi*, hlm. 12; Azmah Abd. Manaf, *Malaysia: Gerakan kesedaran dan nasionalisme*, hlm. 42.

Kemerdekaan yang dicapai pada 31 Ogos 1957 tanpa menggunakan kekerasan tetapi melalui rundingan di antara nasionalis konservatif dengan pihak British. Kemerdekaan Malaya bukanlah satu kejayaan yang menyeluruh bagi semua rakyat. Parti Perikatan yang dikatakan mewakili kesemua kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India untuk mencapai kemerdekaan telah digunakan oleh pihak British demi menjaga kepentingan mereka di Malaya selepas kemerdekaan.<sup>169</sup> Perjuangan golongan nasionalis konservatif adalah dengan cara sederhana dan sedia bekerjasama dengan British.<sup>170</sup> Kebanyakan mereka berpendidikan di London<sup>171</sup> dan memudahkan pihak British untuk berunding secara aman dan mudah mencapai persefahaman. Ini juga dapat mengelakkan daripada pilihan lain yang akan mengancam kepentingan British di Malaya terutama golongan nasionalis radikal yang berjuang secara radikal dan tidak mahu bekerjasama dengan pihak British bahkan aliran ini menunjukkan sikap bermusuhan dengan pihak British.<sup>172</sup> Mereka lebih mirip perjuangan ke Indonesia.<sup>173</sup> Golongan nasionalis radikal<sup>174</sup> telah membuat bantahan dengan mengadakan Kongres Melayu 1957 yang diadakan pada 4 Mei 1957 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur sebagai simbolik kepada Kongres Melayu 1946. Tujuan diadakan Kongres Melayu 1957 adalah untuk memberi cadangan balas kepada Suruhanjaya Reid dan mengkritik UMNO yang telah menyeleweng dari dasar perjuangan.<sup>175</sup>

Ada yang berpendapat terdapat perjanjian yang tidak bertulis di antara pihak British dengan Perikatan dalam pemberian tuntutan kemerdekaan kepada Tunku sebagai *quid pro quo* (balasan) iaitu pihak British mengekalkan penguasaan terhadap

---

<sup>169</sup> Joseph M. Fernando, 'Dato' Onn Jaafar dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957', dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan Esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, hlm. 191-206; Joseph M. Fernando berpendapat bahawa pengaruh Dato' Onn terhadap proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan 1957 adalah signifikan; Jomo Kwame Sundaram and Wee Chong Hui, *Malaysia@50: Economic development, distribution, disparities*, hlm. 2.

<sup>170</sup> Azmah Abd Manaf, *Malaysia: Gerakan kesedaran dan nasionalisma*, hlm. 42.

<sup>171</sup> Ibid.; Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix, 2010, hlm. 41.

<sup>172</sup> Ibid.; Jomo K.S., *Masyarakat Malaysia: Cabaran sosio-ekonomi*, hlm. 106; Johan Saravanamuttu, *Malaysia's foreign policy, The first fifty years*, hlm. 12.

<sup>173</sup> Jomo K.S., *Masyarakat Malaysia: Cabaran sosio-ekonomi*, hlm. 106; Johan Saravanamuttu, *Malaysia's foreign policy, The first fifty years*, hlm. 73.

<sup>174</sup> Joseph M. Fernando, *The making of the Malayan constitution*, hlm. 148; Parti Negara, PMIP dan Parti Ra'ayat.

<sup>175</sup> Ramlah Adam, *Kemelut politik semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998, hlm. 172-173.

kepentingan ekonomi mereka di Malaya.<sup>176</sup> Kemerdekaan yang dicapai melalui politik tetapi ekonomi Malaya masih lagi dikuasai dan bergantung kepada pihak British. Walaupun Malaya telah mencapai kemerdekaan tetapi ekonomi Malaya masih tidak bebas sepenuhnya daripada dikuasai oleh pihak British.

Pihak British berharap Parti Negara yang dipimpin oleh Onn Jaafar akan memenangi Pilihanraya Persekutuan 1955 tetapi itu tidak berlaku. Pengundi melihat Parti Negara mempunyai hubungan yang rapat dengan pentadbiran British dan kekurangan sumber kewangan sebagai faktor kekalahan Parti Negara.<sup>177</sup> Pihak British terpaksa akur dengan keputusan pilihanraya dan meletakkan Parti Perikatan sebagai satu-satunya parti yang diberi kuasa untuk berunding dalam soal kemerdekaan Malaya. Pihak British tidak mengambil kira pendapat dan pandangan dari parti-parti lain selain daripada Parti Perikatan sahaja. Ini bertujuan bagi memudahkan perbincangan dan sememang diketahui bahawa kebanyakan pemimpin dalam Parti Perikatan adalah berpendidikan dan lebih condong kepada British.<sup>178</sup> Menurut Joseph M. Fernando, parti haluan kiri di antara organisasi awal yang mula memberikan tekanan politik terhadap pentadbiran kolonial British untuk mempercepatkan penubuhan kerajaan sendiri.<sup>179</sup> Walau bagaimanapun, pihak British telah memberi pengiktirafan kepada Parti Perikatan berdasarkan kekuatan dan pengaruh mereka di kalangan rakyat dan parti-parti lain secara tidak langsung telah terpinggir dari arus rundingan mencapai kemerdekaan. Kemenangan besar parti Perikatan dalam Pilihanraya Persekutuan 1955 telah membuktikan mereka merupakan parti yang disokong secara keseluruhan oleh rakyat Malaya untuk mentadbir negara.<sup>180</sup>

---

<sup>176</sup> Shakila Parween Yacob (terjemahan), Nicholas J. White, *Perniagaan British di Malaysia pascapenjah 1957-70, Neokolonialisme' atau 'Pengunduran'*, hlm. 2.

<sup>177</sup> Joseph M. Fernando, *The making of the Malayan constitution*, hlm. 59.

<sup>178</sup> Ramlah Adam, *Kemelut politik semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 175.

<sup>179</sup> Joseph M. Fernando, 'Parti Perikatan dan peranannya dalam menuntut kemerdekaan', dalam Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dasar Pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, hlm. 229.

<sup>180</sup> *Ibid.*, hlm. 243.

Tunku lebih terpengaruh dengan British dan negara-negara Komanwel dan berpendapat pengaruh British amat sukar untuk ditinggalkan. Tunku menyatakan: “The question is not that we are trying to perpetuate Colonialism. We have had enough of it but at the same time we are not in the race to bring disaster to this country.”<sup>181</sup> Selepas mencapai kemerdekaan perlunya pengisian kemerdekaan yang lebih bermakna sebagai sebuah negara yang baru bebas dari cengkaman penjajah pada dasarnya. Pengaruh yang telah terlalu lama adalah amat sukar untuk dipisahkan dalam masa yang singkat. Pengaruhnya bukan saja mempengaruhi dari segi fizikal tetapi turut dipengaruhi pemikiran dan cara berfikir yang lebih condong kepada Barat terutama British. Tunku juga mengakui bahawa Malaya masih di bawah pengaruh pihak British dan wujudnya Perang Dingin:

I do admit that in this world there are two distinct political groups of countries one represents the free world and the other represents the Communists. Britain belongs to the free world and so does America. We ourselves in this country have been brought in this free world and until there is this Communist trouble all men and women are allowed to do exactly as they like provided they keep within the limits of justice.<sup>182</sup>

Tunku menegaskan Malaya tidak tunduk kepada British dalam menguruskan soal negara sama ada dalam atau luar negara. “Let me tell him that the British have no say in our internal or external affairs.”<sup>183</sup> Syed Hamid Albar berpendapat bahawa: “...we were dependent for internal and external security on Britain. Our world-view was very much shaped by the relationship with Britain.”<sup>184</sup> Tunku tidak berseorangan dalam meletakkan Malaya di bawah pengaruh British. Malaysia adalah sebuah negara demokrasi berparlimen ala Westminster<sup>185</sup> sama yang terdapat di United Kingdom

---

<sup>181</sup> *Ucapan Tunku Abdul Rahman* di Majlis Legislatif Persekutuan di Kuala Lumpur pada 9 Disember, 1957, hlm. 162.

<sup>182</sup> *Ibid.*, hlm. 165.

<sup>183</sup> *Ibid.*

<sup>184</sup> Syed Hamid Albar, ‘Malaysia in world politics: The challenges ahead’, in Ruhanas Harun (edited), *Malaysia's foreign: Issues and challenges*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2006, hlm. 6.

<sup>185</sup> Syed Husin Ali, ‘Demokrasi di Malaysia: Satu pendidikan asas mengenainya’, dalam Mohamed Anwar Omar Din, (disunting), *Dinamika bangsa Melayu: Menongkah arus globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 99; Di kebanyakan negara Barat, demokrasi berparlimen diasaskan kepada apa yang dikenali sebagai sistem Westminster ialah tempat terletaknya Parlimen Inggeris.

kerana para pengasas kemerdekaan kebanyakan terdiri daripada mereka yang mendapat pendidikan di England. Semasa menuntut di England mereka telah dipengaruhi dengan sistem yang terdapat di England sehingga cara kehidupan dan pemikiran mereka turut berubah.<sup>186</sup> Ini juga terbawa kepada pemikiran kebanyakan rakyat Malaysia yang lebih mengagumkan orang Inggeris dengan panggilan ‘Orang Putih’.<sup>187</sup>

Kebanyakan pemimpin Malaya adalah produk British dan kedudukan Malaya yang baru merdeka serta persekitaran politik antarabangsa yang berteraskan kepada persaingan di antara blok barat dan komunis telah menyebabkan Tunku mengambil pendekatan berhati-hati dalam melaksanakan dasar luar supaya tidak terdedah dengan sebarang ancaman yang boleh menggugat kedaulatan dan kestabilan negara.<sup>188</sup> Kestabilan negara adalah perkara utama bagi membantu Malaya dapat meneruskan agenda pembangunan negara. Bagi mengelakkan suasana negara yang tidak stabil, Malaya mengambil pendirian berpihak kepada Barat.<sup>189</sup> Malaya tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan Republik Sosialis Soviet (USSR) dan Republik Rakyat China kerana keadaan negara yang diancam oleh Parti Komunis Malaya<sup>190</sup> yang bertindak secara kekerasan bagi mengambil alih tampok pemerintahan sehingga Malaya terpaksa mengisytiharkan Darurat<sup>191</sup> pada 18 Jun, 1948.<sup>192</sup> Parti Komunis Malaya

---

<sup>186</sup> Murugesu Pathmanathan, ‘The dimensions of Malaysia’s foreign policy’, in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastern Productions Sdn Bhd, 1984, hlm. 33; Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, hlm. 41.

<sup>187</sup> Roger Kershaw, ‘Brown humanity strikes back: Confronting Britain in a good cause?’ in Bridget Welsh (editor), *Reflections: The Mahathir years*, hlm. 345.

<sup>188</sup> Zatul Himmah Adnan, ‘Isu Palestin dari perspektif Malaysia: Perkembangan dan kepentingan’, dalam Siti Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 177.

<sup>189</sup> *Utusan Malaysia, Keluaran Khas*, 31 Ogos, 1987, hlm. 1; Chamil Wariya, ‘Dasar Luar Malaysia berubah menurut perkembangan’.

<sup>190</sup> Ho Hui Ling, ‘Pergerakan komunis dan kesannya terhadap ekonomi di Tanah Melayu 1948-1960: Tumpuan kepada sektor getah dan bijih timah’, dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, hlm. 150; PKM ditubuhkan pada April, 1930.

<sup>191</sup> Ho Hui Ling, ‘Pergerakan komunis dan kesannya terhadap Ekonomi di Tanah Melayu 1948-1960: Tumpuan kepada sektor getah dan bijih timah’, dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, hlm. 150; Peristiwa pembunuhan tiga orang peladang Eropah oleh Komunis di Sungai Siput, Perak pada 16 Jun, 1948 telah menyebabkan Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British bertindak mengisytiharkan undang-undang Darurat; Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, *Looking back Monday musings and memories*, hlm. 278.

<sup>192</sup> *Berita Harian*, 16 Oktober, 1990, hlm. 10, ‘Dasar Luar Malaysia: Cabaran masa depan’; Ho Hui Ling, ‘Pergerakan komunis dan kesannya terhadap ekonomi di Tanah Melayu 1948-1960: Tumpuan kepada sektor getah dan bijih timah’, dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, hlm. 149; Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, *Looking back: Monday musings and memories*, Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd, 2011, hlm. 278.



dikatakan bertindak secara ganas dan bercanggah dengan perlembagaan Malaya.

Ghazalie Shafie menjelaskan:

Likewise, Communism, I said had different rules. Since the Communist parties of the world did not allow rules other than their own we found it necessary not to allow them to play among us according to their rules with unfair advantages to them including the right of armed insurrection which they were at that time vigorously carrying out killing and intimidating our people in order to impose their form of government.<sup>193</sup>

Tunku beranggapan perjuangan komunis adalah bersifat antarabangsa.<sup>194</sup> Bagi mengimbangi suasana politik dunia pada waktu itu, Tunku memilih pro-barat dan anti komunis.<sup>195</sup> Peperangan menentang komunis di Malaya dilancarkan dengan lebih agresif lagi<sup>196</sup> dan darurat ditamatkan pada 1 Ogos, 1960 'over and ended'.<sup>197</sup> Walaupun darurat telah ditamatkan tetapi kegiatan komunis masih diteruskan secara gerila. Sehingga 2 Disember 1989, perjanjian Haadyai telah ditandatangani antara Malaysia, Thailand dan Parti Komunis Malaya bagi menamatkan perjuangan komunis.<sup>198</sup>

Apabila tiba Tun Razak mengambil alih tampok pemerintahan daripada Tunku Abdul Rahman, beliau telah memberi penekanan dalam dasar luar negara: "...a fresh look be taken on foreign policy questions and in particular on events and developments in the region."<sup>199</sup> Beliau telah mengambil keputusan dengan menamatkan dasar pro-barat dan anti komunis. Tun Abdul Razak menegaskan: "I have also affirmed that our foreign policy is based on the principles of non-alignment."<sup>200</sup> Beliau mengambil

<sup>193</sup> Ghazalie Shafie, *Malaysia, Asean and the new world order*, hlm. 21.

<sup>194</sup> Ho Hui Ling, 'Pergerakan komunis dan kesannya terhadap Ekonomi di Tanah Melayu 1948-1960: Tumpuan kepada sektor getah dan bijih timah', dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, hlm. 150.

<sup>195</sup> Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970*, hlm.1; Chamil Wariya, *Pergolakan antarabangsa: Perkembangan dan isu utama selepas 1945*, hlm. 196.

<sup>196</sup> Paridah Abd Samad, *The myth of Dato' Onn Jaafar: The forgotten hero*, Kuala Lumpur: Partisan Publication and Distribution, 2011, hlm. 67; Rancangan Briggs.

<sup>197</sup> Ibid., hlm. 71; Abdul Rauf Mohd Napis dan Ramlah Muhamad, (penterjemah), R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan kerajaan di Malaysia*, hlm. 3.

<sup>198</sup> Joseph M. Fernando, 'Sejarah pergerakan Parti Komunis Malaya (PKM) di Malaysia, 1930-1989', dalam Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dastar Pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012, hlm. 221-222.

<sup>199</sup> *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1971*, hlm. 309.

<sup>200</sup> Ibid.

pendirian berkecuali tetapi Dasar Berkecuali telah mula dilaksanakan sejak tahun 1970 semasa Tunku masih menjadi Perdana Menteri. Secara rasminya Tun Razak menyatakan dasar berkecuali semasa menghadiri Sidang Negara-negara Berkecuali di Lusaka, Zambia<sup>201</sup> serta mengadakan hubungan dengan luar negara tanpa mengira ideologi sesebuah negara.<sup>202</sup> Tun Abdul Razak mahukan hubungan dengan mana-mana negara tanpa kira bentuk atau sistem kerajaan asalkan mengiktirafkan kemerdekaan dan kedaulatan serta saling hormat menghormati antara satu sama lain dan tidak mencampuri hal dalaman negara masing-masing.<sup>203</sup> Pengalaman semasa menghadapi konfrontasi Indonesia menyebabkan Malaysia mengubah dasar yang terlalu bergantung kepada Britain.<sup>204</sup> Walau bagaimanapun, Tun Razak tidaklah menamatkan dasar pro Barat tetapi mengurangkan pergantungan terhadap Barat terutama Britain. Bagi mengimbangi kedua kuasa besar dunia Tun Razak menyatakan: “Today we enjoy good relations with the US and the Soviet Union.”<sup>205</sup>

Bagi Tun Abdul Razak untuk menangani masalah komunis bukanlah dengan cara menjadi anti-komunis atau “menerima capitalism Barat dengan melulu.”<sup>206</sup> Semasa pentadbiran Tunku lagi Tun Razak telah merancang untuk tidak terlalu pro-Barat dan mengambil kedudukan yang neutral. Tun Razak telah menghantar satu rombongan<sup>207</sup> ke persidangan Pertubuhan Solidariti Rakyat Afro-Asian atau Afro-Asian People’s Solidarity Organisation (APSO) yang diadakan di Winneba, Ghana pada tahun 1964<sup>208</sup>

---

<sup>201</sup> Mokhtar Muhammad, ‘Dasar Tun Abdul Razak, Dato’ Hussein dan Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad dari tahun 1970-1990: Kesenambungan dan perubahan’, hlm. 155.

<sup>202</sup> Ibid., hlm. 310; Chamil Wariya, *Najib Razak: 30 tahun dalam politik*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix, 2006, hlm. 13-14; *Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1974*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1979, hlm. 100.

<sup>203</sup> Ibid., hlm. 302; *Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1974*, hlm. 100; *Foreign Affairs Malaysia*, 1971, Vol. 4, hlm. 44.

<sup>204</sup> Chamil Wariya, *Pergolakan antarabangsa: Perkembangan dan isu utama selepas 1945*, hlm. 195; Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia’s foreign policy, 1963-1970*, hlm. i-ii; *Berita Harian*, 9 September, 1989, hlm. 10, ‘Perubahan besar negara berbanding 60-an’; Ruhanas Harun, ‘The evolution and development of Malaysia’s national security’, in Abdul Razak Baginda, (edited), *Malaysia’s defence and security since 1957*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009, hlm. 43.

<sup>205</sup> *Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1974*, hlm. 100.

<sup>206</sup> Ibid., hlm. 30; *Berita Harian*, 4 September, 1989, ‘Apakah faedahnya menyertai NAM?’, hlm. 10.

<sup>207</sup> Dominic Puthuachery, ‘James Puthuachery, his friends and his times’, in Dominic J. Puthuachery and Jomo K. S., (edited), *James Puthuachery, No cowardly past: Writings, poems, commentaries*, (2<sup>nd</sup> Edition), Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2010, hlm. 30; Dr. Mahathir, Musa Hitam, Samad Ismail, James Puthuachery dan Abdullah Ahmad.

<sup>208</sup> Ibid.

tanpa pengetahuan Tunku yang semasa itu berada di Tokyo, Jepun.<sup>209</sup> Tunku tidak merestui usaha Tun Razak dan beranggapan sia-sia kerana APSO merupakan pertubuhan yang kebanyakan ahlinya daripada blok komunis. Usaha Tun Razak membawa Malaysia untuk menjadi ahli APSO gagal.<sup>210</sup>

Semasa era Hussein Onn tidak banyak perubahan yang dilakukan terutama dalam hubungan dengan pihak Britain. Beliau hanya meneruskan rancangan yang telah dilakukan oleh Tun Razak.<sup>211</sup> Beliau menghadapi krisis Perang Vietnam<sup>212</sup> yang berlaku sehingga membimbangkan negara-negara jiran Vietnam termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia telah mendapat kepastian daripada Presiden Soviet Union, Brezhnev memberi jaminan kepada Hussein Onn bahawa Vietnam tidak akan menakluk mana-mana negara ASEAN.<sup>213</sup> Walaupun Malaysia mengamalkan dasar berkecuali namun Malaysia secara tidak langsung telah memihak kepada pihak Barat. Hussein Onn masih mengekalkan hubungan yang baik dengan pihak Britain. Dalam satu pertemuan dengan pihak Britain, Hussein Onn pernah menyatakan: “Which was one of close and unshakeable friendship. Malaysia was always keen to reach agreement with Britain, even when the nature of the problem was such that the agreement could not be ideal for either side.”<sup>214</sup> Selepas Hussein Onn meletakkan jawatan sebagai perdana menteri Malaysia, Dr. Mahathir telah mengambil alih tampok pemerintahan pula. Beliau telah berusaha mengalihkan pandangan dan persepsi rakyat Malaysia terhadap Britain secara langsung. Dr. Mahathir telah melawan arus pentadbiran yang selama ini condong

---

<sup>209</sup> Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970*, hlm. 60; *Berita Harian*, 9 September, 1989, hlm. 10, 'Perubahan besar negara berbanding 60-an'.

<sup>210</sup> Zarina Abu Bakar and Izyan Syazwani Mohamad, *Perdana discourse series: Keynote speeches by Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 51-52; *Berita Harian*, 9 September, 1989, hlm. 10, 'Perubahan besar negara berbanding 60-an'.

<sup>211</sup> Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 1.

<sup>212</sup> Mokhtar Muhammad, 'Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dari tahun 1970-1990: Kesenambungan dan perubahan', hlm. 16; Perang Vietnam ini dianggap sebagai peperangan proxi kuasa besar di antara Amerika Syarikat dengan negara China dan Soviet Union. Peperangan yang berlaku adalah bagi meluaskan lagi pengaruh ideologi antara kuasa-kuasa besar dunia dan lanjutan dari Perang Dingin. Istilah Perang Dingin mula digunakan oleh penasihat Amerika Syarikat, Bernard Baruch pada tahun 1947.

<sup>213</sup> FCO15/2503/0032; Surat bertarikh 9 Oktober, 1979 bertajuk "Call by the Prime Minister of Malaysia" daripada Foreign and Commonwealth Office kepada Downing Street; Jatswan S. Sidhu, 'Malaysia's defence and security since 1957: An overview', in Abdul Razak Baginda, (edited), *Malaysia's defence and security since 1957*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009, hlm. 8.

<sup>214</sup> FCO15/2363/1388; Rekod pertemuan di antara Lord Goronwy-Robert, Setiausaha Luar Negara dan Komanwel Britain dengan Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia pada 23 Mac, 1978 di Kuala Lumpur.

kepada Barat terutama Britain, beliau tidak lagi mahu Malaysia masih terlalu condong dan bergantung dengan pihak Britain.<sup>215</sup>

### **Aspek Pendidikan dan Pertahanan**

Dalam soal hubungan Malaysia dengan Britain dilihat dari aspek pendidikan tidak banyak yang berubah kerana Malaysia masih memerlukan Britain sebagai tempat untuk memperolehi ilmu yang dianggap masih terbaik. Malaysia masih mengiktiraf Britain sebagai sumber pendidikan. Salah satu punca kemerosotan dalam hubungan Malaysia dengan Britain adalah disebabkan kenaikan yuran pengajian oleh pihak Britain. Sedikit sebanyak kenaikan ini turut menjejaskan ekonomi Malaysia kerana kenaikan berkali ganda itu secara mengejut.<sup>216</sup> Tambahan pula Malaysia masih belum ada perancangan bagi mencari alternatif yang sesuai untuk mengubah pelajar Malaysia untuk menuntut ke lain negara. Hubungan pendidikan yang begitu lama dengan Britain adalah menyukarkan Malaysia untuk menolak Britain sebagai sumber pendidikan dengan sewenang-wenangnya dan pendidikan tinggi di Malaysia tidak dapat menampung permintaan pelajar Malaysia yang semakin hari semakin bertambah.

Keengganan pihak Britain untuk berbincang dan menolak permintaan Malaysia supaya tidak dikenakan bayaran yuran yang tinggi telah menyinggung perasaan pemimpin Malaysia terutama mereka yang telah berpengalaman menuntut di Britain. Begitu juga dengan Dr. Mahathir yang tidak menuntut di Britain mahukan pihak Britain menganggap Malaysia sebagai rakan istimewa dan sedia membantu Malaysia mengurangkan bebanan yuran yang tinggi sedangkan pihak Britain telah memberi keistimewaan kepada pelajar dari Komuniti Ekonomi Eropah dengan tidak menaikkan yuran pendidikan.<sup>217</sup>

---

<sup>215</sup> *New Straits Times*, 11 Dec. 1987, hlm. 13.

<sup>216</sup> Mohd Yusof Ahmad, 'Continuity and change in Malaysia's foreign policy, 1981-1986', Dissertation Doctor of Philosophy, hlm. 319.

<sup>217</sup> *Ibid.*

Dari segi pertahanan Malaysia tiada masalah dengan Britain. Sebelum merdeka lagi Malaysia telah bergantung dengan pihak Britain sehingga selepas merdeka masih tidak mampu untuk mempertahankan negara sendiri. Oleh itu, Tunku telah meminta bantuan pertahanan daripada pihak Britain dan termeterai perjanjian yang dikenali sebagai *Anglo-Malayan Defence Agreement (AMDA)*.<sup>218</sup> Seterusnya apabila pihak Britain mahu menarik diri dari terus membantu Malaysia dalam soal pertahanan dengan memansuhkan perjanjian AMDA, Tun Razak telah meminta pihak Britain terus membantu Malaysia walaupun tidak secara langsung dan termeterainya satu lagi perjanjian pertahanan dengan pihak Britain yang dikenali dengan nama *Five Power Defence Arrangement (FPDA)*. FPDA berterusan sehingga ke pentadbiran Dr. Mahathir yang turut mengekalkan perjanjian ini. Begitu juga dengan latihan dan pembelian kelengkapan pertahanan masih lagi dilakukan dengan pihak Britain. Dr. Mahathir cuba untuk mendapatkan kelengkapan pertahanan dari negara lain tetapi pihak Britain masih juga menjadi pilihan Malaysia.

### **Kesimpulan**

Era pentadbiran Dr. Mahathir adalah satu era peralihan daripada terlalu bergantung kepada Barat kepada mempelbagaikan hubungan dengan lain-lain negara tanpa mengira ideologi sesebuah negara. Beliau meneruskan lagi usaha Tun Razak dalam usaha tidak terlalu bergantung dengan negara Barat terutama Britain.

Dasar yang dilaksanakan adalah suatu dasar yang tidak lagi mencontohi Barat sebagai “role model”. Pada waktu lalu Malaysia terlalu mendewa dan menghormati apa saja yang datang dari Barat. Memandangkan negara Barat tidak lagi menunjukkan teladan baik terutama dari segi disiplin dan daya pengeluaran untuk dicontohi oleh Malaysia dan sebagai sebuah negara membangun perubahan perlu dilakukan bagi

---

<sup>218</sup> Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970*, hlm. i; Azhari-Karim, 'Future directions in Malaysian foreign policy', in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 13, No. 1, July 2013, hlm. 22.

memajukan negara. Suasana politik yang stabil dan negara yang aman dapat membantu melaksanakan dasar yang tidak lagi bergantung dengan Barat dan dapat menarik ramai pelabur asing ke Malaysia. Politik dunia turut berubah membolehkan Malaysia menerima pelabur dari pelbagai negara dan ideologi. Ini membolehkan Malaysia menerima mana-mana negara dan tidak perlu condong kepada negara Barat sahaja terutama Britain. Secara tidak langsung, hubungan silam dengan Britain mula direnggangkan dan Malaysia dalam proses berdikari dalam membangunkan negara.

Dari aspek ekonomi dan politik hubungan Malaysia dengan Britain memerlukan satu perubahan dan tidak lagi melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang pernah dijajah. Manakala dari sudut pendidikan dan pertahanan, Malaysia sejak dulu lagi terlalu bergantung dengan pihak Britain. Kebergantungan kepada Britain masih diperlukan terutama kepakaran daripada pihak Britain. Oleh itu, kajian ini akan melihat sejauhmana corak hubungan Malaysia dengan Britain dalam era pentadbiran Dr. Mahathir, 1981-1990 dan menumpukan kepada aspek ekonomi, politik, pendidikan dan pertahanan.

## BAB 3

### LATAR BELAKANG DR. MAHATHIR

#### Pengenalan

Kajian hubungan Malaysia dengan Britain era Dr. Mahathir Mohamad perlu melihat latar belakang Dr. Mahathir yang mempunyai hubungan kait dalam mempengaruhi tindakan beliau menguruskan hubungan dengan Britain. Ramai sarjana yang menyatakan bahawa latar belakangnya yang bukan daripada keturunan aristokrat dan pendidikan yang diperolehi oleh beliau telah menyebabkan hubungan dengan Britain tidak mempunyai nilai sentimental.<sup>1</sup> Beliau dikenali sebagai seorang yang berani mengeluarkan kenyataan yang lantang tanpa mengira negara dan lebih fokus kepada negara Barat. Bukan mudah sebagai seorang pemimpin yang berbeza dengan pemimpin sebelum beliau untuk membawa dan mengubah haluan negara dan persepsi rakyat secara amnya. Bab ini akan mengkaji latar belakang Dr. Mahathir dan kebangkitan beliau dalam politik sehingga menjadi perdana menteri pada tahun 1981 dan seterusnya melalui kemelut politik UMNO pada tahun 1987 yang menggugat kedudukan beliau sebagai perdana menteri.

#### Kehidupan Awal Dr. Mahathir

Dr. Mahathir Mohamad dilahirkan pada 20 Disember 1925, di rumah No. 18, Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Setar, Kedah.<sup>2</sup> Menurut Dr. Mahathir tarikh lahir beliau sebenar pada 10 Julai 1925.<sup>3</sup> Beliau merupakan anak bongsu daripada sembilan

---

<sup>1</sup> *Asiaweek*, 9 Oct. 1981, hlm. 15; M. Rajendran, *Mahathir Mohamad: Prime Minister of Malaysia*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd, 2003, hlm. 13.

<sup>2</sup> Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 22; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 13; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2009, hlm. 723.

<sup>3</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 8; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 723; Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 1999, hlm. 15.

adik beradik hasil perkahwinan Mohamad Iskandar dan Wan Tempawan Wan Hanafi.<sup>4</sup> Bapa beliau berkerja sebagai seorang guru besar<sup>5</sup> dan kemudiannya bertukar kerja sebagai seorang juruaudit kerajaan.<sup>6</sup> Beliau mulakan persekolahan pada tahun 1930 di Sekolah Melayu Seberang Perak. Selepas dua tahun di sekolah Melayu Seberang Perak, beliau telah melanjutkan pendidikan di Sekolah Inggeris Alor Setar.<sup>7</sup> Beliau telah memperolehi keputusan Senior Cambridge yang cemerlang. Pada tahun 1947, beliau ditawarkan dengan biasiswa Negeri Kedah bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine di Singapura.<sup>8</sup> Dr. Mahathir mahu meneruskan pengajian beliau di dalam bidang undang-undang<sup>9</sup> tetapi tidak memperolehi biasiswa. Beliau ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan.<sup>10</sup> Ada sarjana yang berpendapat ini telah menyebabkan Mahathir merasa tidak puas hati terhadap pihak British.<sup>11</sup> Dr. Mahathir berpendapat: “The British colonialists actually believed it was safer to train a doctor than a lawyer; a lawyer would only give them a lot of trouble.”<sup>12</sup> Selama enam tahun belajar di Singapura dan beliau menumpukan hampir sepenuh perhatian dalam bidang pengajian perubatan.<sup>13</sup> Beliau tidak melibatkan diri secara langsung dengan politik.<sup>14</sup>

---

<sup>4</sup> Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 22; Faridah Jaafar, ‘Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif’, hlm. 117; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir’s paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 13; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 723.

<sup>5</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 102; Mahathir Mohamad, *A new deal for Asia*, hlm. 3.

<sup>6</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, hlm. 15; Robin Adshed, *Mahathir of Malaysia*, United Kingdom: Hibiscus, 1989, hlm. 23.

<sup>7</sup> Faridah Jaafar, ‘Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif’, hlm. 119; Robin Adshed, *Mahathir of Malaysia*, hlm. 23; Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 8.

<sup>8</sup> Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 22; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir’s paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 14; Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 101.

<sup>9</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 6; Mahathir Mohamad, *A new deal for Asia*, hlm. 21; Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981-2003*, hlm. 25.

<sup>10</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 102; Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981-2003*, hlm. 25.

<sup>11</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981-2003*, hlm. 25.

<sup>12</sup> Mahathir Mohamad, *A new deal for Asia*, hlm. 21.

<sup>13</sup> Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir’s paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 13; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 11-12; Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 101; Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981-2003*, hlm. 26; Beliau berkesempatan menterjemahkan idea-idea dan pandangan beliau terutama keadaan masyarakat pada waktu itu dalam akhbar *Sunday Times (Singapura)* dengan menggunakan nama pena C.H.E. Det.

<sup>14</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, hlm. 22; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 5.



Pada tahun 1953 beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Perubatan (M.B.B.S).<sup>15</sup> Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar, Alor Setar pada tahun 1956.<sup>16</sup> Kemudian ditukarkan ke Langkawi selama enam bulan dan kembali semula berkhidmat di Hospital Besar, Alor Setar.<sup>17</sup> Pada tahun 1957 beliau telah membuka klinik persendirian di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar dengan nama Klinik Maha.<sup>18</sup>

### Perjalanan Politik Awal Dr. Mahathir

Perjalanan awal politik Dr. Mahathir apabila memenangi kerusi Parlimen Kota Setar Selatan pada tahun 1964<sup>19</sup> sebagai calon Perikatan mengalahkan calon PAS<sup>20</sup> tetapi pilihanraya pada tahun 1969, Dr. Mahathir gagal mempertahankan kerusi parlimen Kota Setar Selatan menentang Haji Yusof Rawa dengan majoriti sebanyak 989 undi.<sup>21</sup> Beliau telah tewas<sup>22</sup> dan juga Parti Perikatan gagal mempertahankan majoriti dua pertiga.<sup>23</sup> Imej Dr. Mahathir yang lebih dikenali sebagai seorang yang kuat semangat

<sup>15</sup> Faridah Jaafar, 'Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif', hlm. 120; Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, 1999, hlm. 23.

<sup>16</sup> Robin Adshed, *Mahathir of Malaysia*, hlm. 40.

<sup>17</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 9; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 724.

<sup>18</sup> Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 24; Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 125; Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, hlm. 24; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 18.

<sup>19</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 9; Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1988, hlm. 10; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 17; Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 25; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 18.

<sup>20</sup> Khoo Boo Teik, *Beyond Mahathir: Malaysian politics and its discontents*, hlm. 144; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 30; Mohd Shaari Haji Abdul Shukur dengan majoriti 4,210 undi. Dr. Mahathir mendapat undi sebanyak 12,406 undi dan Mohd Shaari mendapat sebanyak 8,196 undi.

<sup>21</sup> Ibid., Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 30; Haji Yusof Rawa mewakili PAS mendapat 13,201 undi dan Dr. Mahathir pula mewakili Perikatan mendapat sebanyak 12,032 undi.

<sup>22</sup> Mahathir Mohamad, *Blogging to unblock: A citizen's rights*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2013, hlm. 62; Kekalahan Dr. Mahathir dikatakan berpunca daripada ucapan beliau ketika berkempen secara terbuka mengeluarkan cabaran bahawa beliau tidak mengharapkan sokongan daripada kaum Cina yang telah menyebabkan isu tersebut disensasikan sehingga beliau tewas. Menurut Dr. Mahathir di Kota Setar Selatan terdapat seramai 35,000 pengundi dan 30,000 pengundi adalah orang Melayu. Sekiranya pengundi bukan Melayu tidak mengundi beliau masih lagi boleh menang; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 28; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 20-21.

<sup>23</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 10; Ooi Kee Beng, *Hak untuk berbeza pendapat: Lim Kit Siang, sebuah lakaran biografi*, Kuala Lumpur: Research for Social Advancement, 2012, hlm. 119; Perikatan hilang 23 kerusi Parlimen dan kerajaan negeri Pulau Pinang, hampir kehilangan kerajaan negeri Perak dan Selangor. Perikatan masih mengekalkan majoriti di Dewan Rakyat; Perikatan tidak hilang majoriti dua pertiga dalam pilihanraya umum 1969, pihak pembangkang memenangi 37 kerusi parlimen sahaja iaitu DAP memenangi 13 kerusi, PMIP 12 kerusi, lapan kerusi untuk Gerakan dan empat kerusi untuk People's Progressive Party (PPP). Manakala Perikatan memenangi 66 kerusi. Bagi menafikan dua pertiga majoriti pihak pembangkang memerlukan sebanyak 49 kerusi daripada 144 keseluruhan kerusi yang dipertandingkan. Oleh itu, pihak pembangkang masih kurang 12 kerusi lagi; *FCO24/857/0011*; Background Note; Oleh kerana berlakunya peristiwa 13 Mei dan perisytiharan darurat, pilihanraya di Sabah dan Sarawak telah ditunda pada Mei, 1970. Keputusannya, parti Perikatan menyapu bersih kesemua kerusi di Sabah. Manakala di Sarawak hanya 7 kerusi diperolehi daripada 24 kerusi yang dipertandingkan. Keseluruhannya Perikatan memperoleh 89 kerusi daripada 144 kerusi yang dipertandingkan dan memperoleh majoriti mudah (*simple majority*).

Melayu dan juga dikenali sebagai Melayu Ultra<sup>24</sup> telah menyukarkan kedudukan Dr. Mahathir. Undi kaum Melayu telah berpecah dan undi kaum bukan Melayu dapat membantu menambahkan lagi undi beliau tetapi sebaliknya telah berlaku.<sup>25</sup>

Sebelum kejadian 13 Mei, Dr. Mahathir telah dapat merasakan akan berlakunya pergaduhan antara kaum dan memberi amaran supaya mengambil langkah-langkah bagi mencegah kejadian yang mengakibatkan negara dalam keadaan huru hara tetapi tiada tindakan yang drastik diambil.<sup>26</sup> Apabila berlakunya peristiwa 13 Mei, 1969<sup>27</sup> telah menyemarakkan lagi protes Dr. Mahathir terhadap kepimpinan Tunku Abdul Rahman dan timbul kebimbangan Tunku tidak mampu mengawal chauvinis Melayu yang bersifat melampau dalam parti beliau sendiri (UMNO).<sup>28</sup> Dr. Mahathir telah dipecat daripada UMNO pada 26 September, 1969<sup>29</sup> kerana telah menulis surat yang mengkritik dasar Tunku pada 17 Jun, 1969<sup>30</sup> sebagai protes terhadap kepimpinan Tunku.<sup>31</sup> Tindakan Dr. Mahathir ini dianggap sebagai melanggar peraturan parti UMNO.<sup>32</sup> Pengaruh surat itu dikatakan boleh mengancam kedudukan Tunku dan keselamatan negara.<sup>33</sup> Tun Dr.

---

<sup>24</sup> Ho Khai Leong, 'Kerangka politik dan pentadbiran: Cabaran dan pembaharuan di bawah pentadbiran Mahathir', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003, hlm. 10; Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981-2003*, hlm. 27.

<sup>25</sup> Ibid., hlm. 17; Charles Allers, *Anwar Ibrahim: Evolution of a muslim democrat*, hlm. 68; Mahathir Mohamad, *Blogging to unblock: A citizen's rights*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2013, hlm. 62.

<sup>26</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 25; Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, hlm. 102; Mahathir Mohamad, *Dilema Melayu*, Shah Alam: Marshall Cavendish, 2008, hlm. 22; Pergaduhan antara orang Melayu dengan Cina di Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada tahun 1964 dan rusuhan Hartal di Pulau Pinang pada tahun 1968 adalah tanda bahawa perpaduan di antara orang Melayu dengan orang Cina telah menampakkan adanya ketegangan antara kaum.

<sup>27</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 99; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 25; 196 mati dan 439 cedera; Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*, Kuala Lumpur: Buku Harakah, 2008, hlm. 27.

<sup>28</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 26; Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 113; Shakila Parween Yacob (terjemahan), Nicholas J. White, *Perniagaan British di Malaysia pascapenajajah 1957-70, 'Neokolonialisme' atau 'Pengunduran'*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010, hlm. 64.

<sup>29</sup> Chamil Wariya, *UMNO Era Mahathir*, hlm. 11; Tunku Abdul Rahman, *13 Mei: Sebelum dan selepas*, hlm. 108; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 23; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 25.

<sup>30</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 230; Tunku Abdul Rahman, *13 Mei: Sebelum dan selepas*, hlm. 106; Empat helai kertas yang bertaip dan berbahasa Melayu; Nik Anuar Nik Mahmud, et. al., *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan patriot*, hlm. 280.

<sup>31</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 26; Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*, hlm. 28; Zainuddin Maidin, *Di depan api di belakang duri: Kisah sejarah Utusan Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2013, hlm. 150.

<sup>32</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 229-230; Surat tersebut ditulis berpunca daripada kenyataan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir dalam satu wawancara melalui telefon. Ini telah menarik perhatian Tunku dan seterusnya Tunku telah menulis surat kepada Dr. Mahathir bertarikh 6 Jun, 1969. Di dalam surat tersebut Tunku menyatakan pendirian Dr. Mahathir berhubung dengan peristiwa 13 Mei tidak membantu suasana tetapi memburukkan lagi keadaan dan meminta supaya Dr. Mahathir tidak membuat sebarang kenyataan sehingga keadaan pulih; Khoo Boo Teik, *Beyond Mahathir: Malaysian politics and its discontents*, 2003, hlm. 99; "Tunku tidak menyukai Dr. Mahathir, bête noire".

<sup>33</sup> Tunku Abdul Rahman, *13 Mei: Sebelum dan selepas*, hlm. 108; Melarang surat tersebut disiarkan kepada umum dan sesiapa yang menyimpan tanpa kebenaran boleh dipenjarakan setahun atau denda seribu ringgit atau kedua-dua sekali. Manakala mereka yang

Ismail sebagai Menteri Hal ehwal Dalam Negeri telah mengambil tindakan pada 14 Julai, 1969 mengeluarkan perintah di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri 1960.<sup>34</sup> Bagi mengelakkan daripada dipecat terdapat usaha memujuk Dr. Mahathir supaya meminta maaf namun Dr. Mahathir enggan berbuat demikian.<sup>35</sup> Tindakan diambil bagi menangani masalah ini yang telah mencemar nama baik Tunku<sup>36</sup> dengan pemecatan Dr. Mahathir daripada UMNO.<sup>37</sup> Tunku mahukan satu tindakan bagi menjamin kedudukan beliau tidak tergugat.

Dr. Mahathir tidak bersetuju dengan pendirian Tunku yang menyatakan biar kaum Cina menjadi peniaga dan kaum Melayu sebagai ahli politik.<sup>38</sup> Kesan daripada sikap Tunku ini telah menyebabkan kaum Melayu ketinggalan kebelakang terutama dari segi ekonomi.<sup>39</sup> Pihak PAS telah membuat tuduhan bahawa isu kemunduran ekonomi orang Melayu adalah disebabkan oleh UMNO yang menjadi alat kepada MCA dan berkompromi dengan MCA.<sup>40</sup> Jurang perbezaan ekonomi antara kaum Melayu dan Cina semakin hari semakin besar. Dr. Mahathir melihatnya sebagai satu penindasan terhadap kaum Melayu.<sup>41</sup> Menurut Jamaie Hamil pihak penjajah telah membentuk dasar diskriminasi terhadap orang Melayu kerana mahu memelihara kepentingan ekonomi mereka.<sup>42</sup> Penentangan Dr. Mahathir terhadap kepimpinan Tunku bukanlah bersendirian malah ada ahli-ahli UMNO yang sependapat dengan Dr. Mahathir tetapi tidak seberani

---

menerbit, mencetak atau mengedar boleh dihukum penjara selama tiga tahun atau denda dua ribu atau kedua-dua sekali.; Johan Savaranamuttu, *Malaysia's foreign policy: The first fifty years*, hlm. 150.

<sup>34</sup> Ibid.; Hajrudin Somun, *Mahathir: The secret of the Malaysian success*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2003, hlm. 56.

<sup>35</sup> Hajrudin Somun, *Mahathir: The secret of the Malaysian success*, hlm. 56; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 27; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 235.

<sup>36</sup> Tunku Abdul Rahman, *13 Mei: Sebelum dan selepas*, hlm. 107; Persidangan Majlis Kerja Tinggi telah berbincang selama sejam diadakan di Sri Taman, Kuala Lumpur pada 12 Julai, 1969.

<sup>37</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 23; Tunku Abdul Rahman, *13 Mei: Sebelum dan selepas*, hlm. 107.

<sup>38</sup> Ibid., hlm. 26; Hajrudin Somun, *Mahathir: The secret of the Malaysian success*, hlm. 54.

<sup>39</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 261; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 11; Ibrahim Saad, (Terjemahan), *Dilema Melayu: Mahathir bin Mohamad*, Kuala Lumpur: Federal Publications, 1982; Awal tahun 1970, Dr. Mahathir telah menulis sebuah buku bertajuk "*The Malay Dilemma*" yang mengupas permasalahan dihadapi negara terutama kaum Melayu; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 28; *The New York Times*, 29 Aug. 1981, 'Malaysia Ends Ban on Premier's book'; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 25; Buku ini turut diharamkan.

<sup>40</sup> Ramlah Adam, *Dato Onn Jaafar: Pengasas kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 336; Abdul Rahman Ibrahim, *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011, hlm. 50-54.

<sup>41</sup> Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 26-27; Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 110.

<sup>42</sup> Jamaie Hamil, *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*, hlm. 224.

Dr. Mahathir dalam menyuarakan kritikan dan pandangan terhadap Tunku.<sup>43</sup> In-Won Hwang menyatakan selepas peristiwa 13 Mei, 1969 berlakunya konflik dalaman UMNO antara generasi tua yang diketuai oleh Tunku dan generasi muda yang diketuai oleh Tun Abdul Razak.<sup>44</sup> Menurut Tunku: “Setakat yang saya tahu, mereka mahu mengadakan satu “order” baru dalam UMNO dan dalam negara ini.”<sup>45</sup>

Tun Razak berpendapat punca peristiwa 13 Mei berlaku kerana kesan daripada ketidaksamaan pembahagian ekonomi peninggalan pihak penjajah dan sikap Tunku yang terus melaksanakan dasar *laissez faire*. Tunku tidak campurtangan dalam bidang ekonomi dan tidak banyak yang dilakukan untuk menstruktur semula “ekonomi penjajah”.<sup>46</sup> Chamil Wariya menyatakan Tunku Abdul Rahman terlalu banyak mengalah kepada kaum Cina.<sup>47</sup> Zainuddin Maidin berpendapat orang Cina merasakan mereka tidak dapat layanan yang sama dan bagi orang Melayu pula tidak berpuas hati kerana Tunku telah banyak memberi kepada kaum Cina.<sup>48</sup> Tunku dianggap sebagai seorang pemimpin yang gagal mententeramkan dan mengawal keadaan yang bergelora serta lambat mengambil tindakan. Beliau hanya menyalahkan parti pembangkang, kongsi gelap dan komunis.<sup>49</sup> Pihak Britain telah meramalkan kejatuhan Tunku oleh golongan nasionalis Melayu Ultra dalam UMNO sendiri: “But he may be forced out by the ultra Malay nationalists in UMNO.”<sup>50</sup> Tunku tidak dapat melihat permasalahan yang

---

<sup>43</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, et. al., *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan patriot*, hlm. 280-285; Shakila Parween Yacob (terjemahan), Nicholas J. White, *Perniagaan British di Malaysia pascapenjajah 1957-70, 'Neokolonialisme' atau 'Pengunduran'*, hlm. 79; Suatu ‘xenophobia Melayu’ mengancam keharmonian kaum dan kestabilan politik.

<sup>44</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 117; Lihat William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, Australia: Monash Asia Institute, 1996, hlm. 124-125.

<sup>45</sup> Tunku Abdul Rahman, *13, Mei: Sebelum dan selepas*, hlm. 109.

<sup>46</sup> Graham K. Brown, *Balancing the risks of corrective surgery: The political economy of horizontal inequalities and the end of the New Economic Policy in Malaysia*, Oxford: CRISE, 2005, hlm. 4; Shakila Parween Yacob (terjemahan), Nicholas J. White, *Perniagaan British di Malaysia pascapenjajah 1957-70, 'Neokolonialisme' atau 'Pengunduran'*, hlm. 90.

<sup>47</sup> Chamil Wariya, *Najib Razak: 30 tahun dalam politik*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix, 2006, hlm. 11; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, 105-106; R. K. Vasil, *Ethnic politics in Malaysia*, New Delhi: Radiant Publisher, 1980, hlm. 184; Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970*, hlm. 12.

<sup>48</sup> Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970*, hlm. 12; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 28; Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*, hlm. 28; Wong Chin Huat and Noraini Othman, ‘Malaysia at 50 – An “Electoral one party state”’, in Abdul Razak Baginda, (edited), *Governing Malaysia*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009, hlm. 12.

<sup>49</sup> FCO24/486/2238; Surat dari Information Research Department, Foreign and Commonwealth Office kepada Suruhanjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur bertarikh 17 Jun. 1969; Tunku menyatakan rusuhan 13 Mei, 1969 adalah disebabkan komunis tetapi dinafikan oleh pihak Britain; William Case, ‘Comparative Malaysia leadership: Tunku Abdul Rahman and Mahathir Mohamad’, in *Asian Survey*, Vol. 31, No. 5, May 1991, hlm. 461.

<sup>50</sup> FCO24/530/0018; Report – Arms for Malaya bertarikh 11 Jun. 1969; Shakila Parween Yacob (terjemahan), Nicholas J. White, *Perniagaan British di Malaysia pasca penjajah 1957-70, 'Neokolonialisme' atau 'Pengunduran'*, hlm. 87.

sebenarnya mengapa terjadinya peristiwa 13 Mei. Kedudukan beliau terancam kerana dasar-dasar yang beliau telah laksanakan dan mendapat tentangan dari dalam UMNO sendiri. Aishah Ghani turut mengkritik dasar Tunku: “Dasar-dasar yang diamalkan adalah dasar-dasar tolak ansur, malangnya lebih banyak kena tolak, lebih jauh pula beransur ke belakang.”<sup>51</sup> Tunku bukan sahaja menghadapi pelbagai polemik yang mencabar terutama ancaman komunis sama ada dari dalam mahupun luar negara.<sup>52</sup>

Atas desakan<sup>53</sup> dan tekanan yang diterima akhirnya Tunku melepaskan jawatan Perdana Menteri<sup>54</sup> dan digantikan oleh Tun Abdul Razak<sup>55</sup> pada 22 September, 1970.<sup>56</sup> Walaupun ada usaha dari Tun Razak<sup>57</sup> dan Tun Dr. Ismail<sup>58</sup> mempertahankan Tunku sebagai Perdana Menteri tetapi ianya tidak dapat menahan desakan dan tekanan supaya Tunku meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia kerana ramai telah tidak berpuas hati dengan kepimpinan Tunku.<sup>59</sup> Apabila Tun Razak mengambil alih tampok pemerintahan, beliau telah bertindak dengan tidak memberi tempat kepada mereka yang kuat pengaruh semasa pentadbiran Tunku.<sup>60</sup> Tunku tidak bersetuju dengan suasana politik dalam UMNO yang terbahagi kepada dua kumpulan iaitu “Order Baru” dan “Order Lama”.<sup>61</sup> Slogan Order Lama diwujudkan bagi memisahkan pengikut Tunku dengan pengikut Tun Razak.<sup>62</sup> Menurut R.S Milne dan Diane K. Mauzy “His rebellion effectively removed Tunku from power, Mahathir turned out to be not just a brave rebel,

---

<sup>51</sup> Aishah Ghani, *Aishah Ghani: Memoir seorang pejuang*, hlm. 148.

<sup>52</sup> *Ibid.*, hlm. 157; William Shaw, *Tun Razak: Riwayat hidup dan zamannya*, hlm. 18.

<sup>53</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 31; Johan Saravanamuttu, *Malaysia's foreign policy: The first fifty years*, hlm. 150-151; Syed Husin Ali, *Orang Melayu: masalah dan masa depan*, hlm. 28; R. K. Vasil, *Ethnic politics in Malaysia*, New Delhi: Radiant Publisher, 1980, hlm. 184.

<sup>54</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, 1971, Vol. 4, hlm. 39; Setelah mentadbir selama 15 tahun.

<sup>55</sup> Graham K. Brown, *Balancing the risks of corrective surgery: The political economy of horizontal inequalities and the end of the New Economic Policy in Malaysia*, hlm. 4; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 108-109.

<sup>56</sup> Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 108; Chamil Wariya, *Najib Razak: 30 tahun dalam politik*, hlm. 12; Bruce Gale, *Musa Hitam: A political biography*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd, 1982, hlm. 117-118.

<sup>57</sup> *The Straits Times*, 19 Jul. 1969, hlm. 1, ‘Back the Tunku: Appeal by Razak’.

<sup>58</sup> *Ibid.*, 15 August, 1969; ‘The intellectuals and the younger generation will have to accept that the Tunku is Prime Minister.’

<sup>59</sup> R. K. Vasil, *Ethnic politics in Malaysia*, hlm. 186.

<sup>60</sup> Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 139; Bruce Gale, *Musa Hitam: A political biography*, hlm. 117-118; Tokoh pertama dari golongan tua UMNO yang disingkirkan adalah Senu Abdul Rahman bekas Menteri Penerangan dan Penyiaran dan melantik beliau sebagai Setiausaha Agung UMNO. Manakala Khir Johari yang berpengaruh semasa pentadbiran Tunku dan pernah menyaingi Tun Razak telah dilantik sebagai Duta ke Amerika Syarikat. Beliau juga telah menyingkirkan ramai Menteri Kabinet dan Menteri Besar iaitu Perak, Perlis, Pahang dan Terengganu dilucutkan jawatan.

<sup>61</sup> *Tunku: Pengorbanan dan kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2005, hlm. 44.

<sup>62</sup> Shariff Ahmad, *Tunku Abdul Rahman: Memoir politik*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1991, hlm. 113.

but also a successful one.”<sup>63</sup> Ketiadaan Tunku telah memberi ruang semula kepada Dr. Mahathir untuk kembali kepada pangkuan UMNO<sup>64</sup> dan terdapat usaha-usaha memujuk Dr. Mahathir kembali menyertai UMNO seperti Datuk Harun Idris<sup>65</sup> sendiri telah pergi ke Alor Setar, Kedah memujuk Dr. Mahathir kembali menjadi ahli UMNO<sup>66</sup> dan Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman juga turut membantu dalam usaha membawa Dr. Mahathir kembali ke UMNO. Tunku Abdullah menyatakan: “...of which I [Tunku Abdullah] was Head, was the first to write to Tun Razak to reinstate in UMNO.”<sup>67</sup> Pemecatan Dr. Mahathir tidak menamatkan riwayat politik beliau dalam UMNO.<sup>68</sup> “...and his expulsion from UMNO became a turning point in Mahathir’s political career.”<sup>69</sup> Setelah Tunku berundur, Dr. Mahathir kembali semula menjadi ahli UMNO di cawangan Rawang, Selangor yang diketuai oleh Tunku Abdullah Tunku Abdul Rahman<sup>70</sup> dan merupakan sahabat baik Dr. Mahathir.<sup>71</sup> Beliau menyatakan: “We started the move and Kedah subsequently made the proposal to readmit Mahathir.”<sup>72</sup> Ketua Penerangan UMNO Ustaz Osman Abdullah telah menegaskan bahawa permohonan Dr. Mahathir tidak boleh diterima oleh cawangan sebelum ditimbang oleh Jawatankuasa Tertinggi.<sup>73</sup> Dr. Mahathir memohon sekali lagi melalui cawangan Kota Setar Selatan kerana permohonan beliau untuk menjadi ahli UMNO perlu mendapat kelulusan daripada ibu pejabat.<sup>74</sup> Pada minggu pertama bulan Mac, Majlis Tertinggi UMNO telah

---

<sup>63</sup> R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 25.

<sup>64</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 99.

<sup>65</sup> Menteri Besar Selangor dan Ketua Pemuda UMNO.

<sup>66</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 11; Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 119;

<sup>67</sup> Tunku Halim, *Tunku Abdullah: A passion for life*, Kuala Lumpur: All Media Publications Sdn Bhd, 1998, hlm. 152.

<sup>68</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 11; Mahathir Mohamad, *New deal for Asia*, hlm. 22.

<sup>69</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 23.

<sup>70</sup> *Ibid.*, hlm. 12; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 290; Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 119; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad in turbulence times*, hlm. 23; Kerabat diraja Negeri Sembilan dan dikenali dengan nama “Charlie”

<sup>71</sup> Edmund Terrence Gomez, *Money politics in the Barisan Nasional*, Kuala Lumpur: Forum, 1991, hlm. 4; *Lihat* Tunku Halim, *Tunku Abdullah: A passion for life*, hlm. 148-155.

<sup>72</sup> Tunku Halim, *Tunku Abdullah: A passion for life*, hlm. 152.

<sup>73</sup> *Berita Harian*, 4 Julai, 1971, hlm. 15; *Lihat* Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 32.

<sup>74</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 290.

meluluskan permohonan Dr. Mahathir dan dengan rasminya pada 7 Mac, 1972,<sup>75</sup> Dr. Mahathir diterima semula menjadi ahli biasa UMNO.<sup>76</sup>

Pada tahun 1973, Dr. Mahathir dilantik sebagai Senator mewakili Kedah dalam Dewan Negara.<sup>77</sup> Seterusnya, Dr. Mahathir bertanding bagi kerusi Majlis Tertinggi UMNO dan memenangi kerusi tersebut.<sup>78</sup> Tun Razak telah memberi kepercayaan kepada Dr. Mahathir dengan mencalonkan beliau bertanding di kerusi Parlimen Kubang Pasu, Kedah.<sup>79</sup> Dr. Mahathir telah memenangi Pilihanraya Umum pada tahun 1974,<sup>80</sup> tanpa bertanding selepas calon bebas, Ghazali Ya'acob memutuskan tidak mahu bertanding<sup>81</sup> dan seterusnya beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran<sup>82</sup> menggantikan Hussein Onn yang telah dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.<sup>83</sup> Pada tahun 1975 berlakunya pemilihan pucuk pimpinan UMNO.<sup>84</sup> Pemilihan kali ini bertumpu kepada kerusi Naib Presiden yang dianggap begitu sengit.<sup>85</sup> Tun Razak mempunyai pilihan tersendiri dan bagi mencapai tujuan tersebut dalam ucapan perasmian,<sup>86</sup> beliau telah membayangkan pilihan beliau dan menyebut nama ketiga-tiga pemimpin tersebut<sup>87</sup> iaitu

<sup>75</sup> Yusof Harun, *Dr. Mahathir Mohamad: Perjuangan tanpa sempadan*, hlm. 48; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 33.

<sup>76</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 292-293.

<sup>77</sup> Yusof Harun, *Dr. Mahathir Mohamad: Perjuangan tanpa sempadan*, hlm. 48; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 39; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 22.

<sup>78</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 31.

<sup>79</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 326; Sepatutnya beliau bertanding di Padang Terap tetapi atas permintaan ahli-ahli UMNO Kubang Pasu yang diketuai oleh Osman Arof.

<sup>80</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, 1984, hlm. 9; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 115; Keseluruhannya Barisan Nasional (BN) memenangi kerusi parlimen sebanyak 135 daripada 154 kerusi parlimen (87.7%).

<sup>81</sup> Yusof Harun, *Dr. Mahathir Mohamad: Perjuangan tanpa sempadan*, hlm. 48; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 326; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 40.

<sup>82</sup> *Ibid.*; Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 12; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 124; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 327.

<sup>83</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 124; *Utusan Malaysia*, 24 September, 2000, 'Isu minggu ini - MCA mahu Ku Li-Lee San Choon tidak restui perlantikan Dr. Mahathir'; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggara), *Amanat Presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1970-1975, Tun Abdul Razak Hussein*, hlm. 75.

<sup>84</sup> *Ibid.*, hlm. 125; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 149.

<sup>85</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 13; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 125; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 149.

<sup>86</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 32; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat Presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1970-1975, Tun Abdul Razak Hussein*, hlm. 109-115; Dalam ucapan tersebut Tun Abdul Razak merakamkan terima kasih kepada Ghafar Baba kerana telah memangku jawatan Perdana Menteri selama tiga minggu semasa beliau mengadakan lawatan ke luar negara. Tengku Razaleigh pula diberi pujian atas perlantikan beliau sebagai pengerusi Petronas. Manakala Dr. Mahathir pula diberi tanggungjawab sebagai ketua sebuah jawatankuasa bagi menyemak pelaksanaan dasar pendidikan negara.

<sup>87</sup> Ahmad Mustapha Hassan, *The unmaking of Malaysia: Insider's reminiscences of UMNO, Razak and Mahathir*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2007, hlm. 58.

Ghaffar Baba,<sup>88</sup> Tengku Razaleigh<sup>89</sup> dan Dr. Mahathir.<sup>90</sup> Akhirnya, ahli UMNO memberi mandat kepada ketiga-tiga pemimpin tersebut.<sup>91</sup> Datuk Harun Idris sendiri telah tewas kepada Dr. Mahathir dengan 47 undi sahaja.<sup>92</sup> Zainuddin Maidin pula melihat sebaliknya "...ada pula yang melihat Dr. Mahathir akan dapat menyekat kemaraan Harun."<sup>93</sup>

Berita kematian Tun Razak secara mengejut telah menggemparkan negara.<sup>94</sup> Ketiadaan Tun Razak, dengan secara automatik memberi laluan kepada Hussein Onn<sup>95</sup> menjawat jawatan Perdana Menteri.<sup>96</sup> Bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri, Hussein Onn terpaksa membuat pilihan antara ketiga-tiga Naib Presiden UMNO.<sup>97</sup> Pada mulanya, Hussein Onn mempertimbangkan Ghazali Shafie<sup>98</sup> sebagai Timbalan Perdana Menteri tetapi telah menerima tekanan dari Naib-naib Presiden UMNO supaya melantik salah seorang daripada mereka.<sup>99</sup> Setelah membuat pertimbangan,<sup>100</sup> Hussein Onn telah

---

<sup>88</sup> Lihat Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia: Asian Historical Dictionaries, No. 13*, London: The Scarecrow Press Inc., 1993, hlm. 23.

<sup>89</sup> Lihat Abd. Rahim Kassim, *Mengapa saya tentang Mahathir – Tengku Razaleigh*, Petaling Jaya: AZ Distributors, 1989. hlm. iii-iv; Lahir pada 13 April 1937 di Kelantan.

<sup>90</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 125; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 127.

<sup>91</sup> Yusof Harun, *Dr. Mahathir Mohamad: Perjuangan tanpa sempadan*, hlm. 48; Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 13; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 343.

<sup>92</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981-2003*, hlm. 31.

<sup>93</sup> Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 40; Percaturan politik Harun yang telah berusaha membawa semula Dr. Mahathir ke pangkuan UMNO dan berharap akan dapat mengukuhkan kedudukan beliau dalam parti tidak kesampaian. Malah Dr. Mahathir telah mendahului Harun.

<sup>94</sup> Chamil Wariya, *Najib Razak: 30 tahun dalam politik*, hlm. 3; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 23; Nik Anuar Nik Mahmud, et. al., *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan patriot*, hlm. 396-397; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 122; Pada 14 Januari 1976, Tun Razak telah meninggal dunia di London pada usia 54 tahun setelah enam tahun memegang jawatan perdana menteri kerana penyakit leukemia.

<sup>95</sup> *Ibid.*, hlm. 75 dan 78; Pada bulan Ogos 1973; Timbalan Perdana Menteri pada masa itu Tun Dr. Ismail telah meninggal dunia. Beliau telah digantikan oleh Hussein Onn yang merupakan Naib Presiden UMNO dan Menteri Pelajaran. Beliau telah menjadi Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada Julai 1969; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 123.

<sup>96</sup> *Ibid.*, hlm. 806; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 125; Perlembagaan UMNO 9.9 menyatakan: "Jika Presiden berhenti maka Timbalan Presiden hendaklah memegang jawatan itu sehingga diadakan Perhimpunan Agung untuk memilih Presiden baru mengikut Fasal 9.3 dan ia mempunyai kuatkuasa mengikut Fasal 9.8.1."

<sup>97</sup> Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 154; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 33.

<sup>98</sup> FCO15/2682/1364; Surat dari Grownby-Roberts kepada Secretary of State, 'Discussion with Malaysian Minister of Home Affairs; Hubungan Ghazali dengan Hussein Onn adalah rapat; Ahmad Mustapha Hassan, *The unmaking of Malaysia: Insider's reminiscences of UMNO, Razak and Mahathir*, hlm. 60; Rais Yatim, 'Ghazali Shafie, The enigmatic man', in Rais Yatim, et. al., *King Ghaz: A man of his time*, Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 2010, hlm. 77.

<sup>99</sup> Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 154; Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, Kuala Lumpur: Media Printext (M) Sdn Bhd, 1990, hlm. 256; Syed Husin Ali, *Two faces: Detention without trial*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2008, hlm. 108; Rais Yatim, 'Ghazalie Shafie: The enigmatic man', in Dr. Rais Yatim, et. al., *King Ghaz: A man of his time*, Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 2010, hlm. 77.

<sup>100</sup> *Utusan Malaysia*, 24 September, 2000; 'Dalam minggu ini-MCA mahu Ku Li-Lee San Choon tidak restui perlantikan Dr. Mahathir; perbincangan dengan Abdullah Ahmad dan wasiat Tun Razak yang mahukan Dr. Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri'. Menurut Abdullah Ahmad, Tun Razak sedang menyiapkan Dr. Mahathir sebagai bakal Perdana Menteri dengan langkah pertama adalah membawa Dr. Mahathir masuk ke dalam kabinet pada tahun 1974. Seterusnya, langkah kedua iaitu dengan membuat rombakan kabinet yang sepatutnya diumumkan pada 26 Januari, 1976 di Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri di Pulau Langkawi dengan melantik Dr. Mahathir ke jawatan Menteri Dalam Negeri menggantikan Ghazali Shafie yang ditukarkan ke Kementerian Luar Negeri. Rancangan tersebut tidak sempat dilakukan kerana Tun Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976.



menggunakan haknya untuk melantik Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 5 Mac 1976,<sup>101</sup> walaupun beliau kurang senang dengan pilihan tersebut.<sup>102</sup> Hussein Onn tiada pilihan kerana hanya mempunyai tiga pilihan sahaja antara Ghafar Baba, Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir.<sup>103</sup> Ghafar Baba<sup>104</sup> dan Dr. Mahathir merupakan bukan pilihan Hussein Onn. Beliau lebih cenderung kepada Tengku Razaleigh<sup>105</sup> tetapi kedudukan beliau yang masih muda<sup>106</sup> dan belum berkahwin menyebabkan belum layak lagi memegang tanggungjawab sebagai Timbalan Perdana Menteri.<sup>107</sup> Tengku Razaleigh memberi laluan kepada Dr. Mahathir atas alasan faktor usia yang masih muda walaupun beliau lebih senior menjawat jawatan naib presiden UMNO<sup>108</sup> dan telah dilantik sebagai Menteri Kewangan manakala Musa Hitam sebagai Menteri Pelajaran menggantikan Dr. Mahathir.<sup>109</sup> Ghafar Baba pula ditawarkan sebagai Menteri Pertanian tetapi ditolak oleh beliau dan seterusnya meletakkan jawatan daripada kabinet.<sup>110</sup> Walaupun Hussein Onn telah membuat pilihan namun terdapat usaha untuk menjatuhkan Mahathir dengan cuba melibatkan Dr. Mahathir dengan kumpulan yang

---

Penjelasan tersebut tidak dapat meyakinkan Hussein Onn. Abdullah Ahmad juga menyatakan bahawa Tunku juga mengesahkan perkara itu dan Hussein Onn terpaksa memilih Dr. Mahathir kerana itu adalah wasiat Tun Razak.

<sup>101</sup> Yusof Harun, *Dr. Mahathir Mohamad: Perjuangan tanpa sempadan*, hlm. 48; Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*, hlm. 297; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 39; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 35.

<sup>102</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981-2003*, hlm. 31; Ahmad Mustapha Hassan, *The unmaking of Malaysia: Insider's reminiscences of UMNO, Razak and Mahathir*, hlm. 238; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 153-154.

<sup>103</sup> *Utusan Malaysia*, 24 September, 2000, 'Dalam Minggu ini-MCA mahu Ku Li-Lee San Choon tidak restui perlantikan Dr. Mahathir'; Hussein Onn memberitahu Abdullah Ahmad, "I Can't Have Ghafar. You know why, beside he is not well educated."; "Tengku Razaleigh –Your good friend would have been a serious contender but I won't consider him either because he declined the appointment offered to him by Tun Razak in 1974."; and "Dr. Mahathir is the best candidate except that I do not know him well enough and he has no international experience."

<sup>104</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 256; Berpendidikan setakat Maktab Perguruan Sultan Idris; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 33.

<sup>105</sup> *Utusan Malaysia*, 24 September, 2000; 'MCA mahukan Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri kerana Dr. Mahathir dikenali sebagai pemimpin radikal UMNO.

<sup>106</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 256.

<sup>107</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 126; Graham K. Brown, *Balancing the risks of corrective surgery: The political economy of horizontal inequalities and the end of the New Economic Policy in Malaysia*, hlm. 9; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 33.

<sup>108</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 128; Temubual In-Won Hwang dengan Tengku Razaleigh di Kuala Lumpur pada 17 Februari, 1998.

<sup>109</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, 1996, hlm. 126.

<sup>110</sup> Alias Mohamed (editor), *Ghafar Baba, Kupasan oleh profesor dan cendekiawan Melayu*, Petaling Jaya: Gateway Publishing Home, 1993, hlm. 7-9; Bagi Ghafar pula beliau tidak dipilih kerana terdapat perbezaan pendapat antara beliau dengan bapa Hussein Onn iaitu Onn Jaafar. Stail politik Onn Jaafar adalah terlalu baik dengan pihak British dan tidak mempunyai kekuatan untuk memperjuangkan kemerdekaan; Paridah Abd Samad, *The myth of Dato' Onn Jaafar: The forgotten hero*, Kuala Lumpur: Partisan Publication and Distribution, 2011, hlm. 138; Slogan UMNO 'Hidup Melayu'; Alias Mohamed, *A biography: Ghafar*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, 1993, hlm. 53; Ghafar Baba tidak dipilih oleh Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana pendidikan Ghafar tidak tinggi hanya setakat Sijil Perguruan Maktab Perguruan Sultan Idris.

dituduh di bawah ISA (*Internal Security Act*) atasan tuduhan terlibat dengan dakwaan komunis.<sup>111</sup>

Dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada 15 September 1978, kedudukan Dr. Mahathir agak terjamin kerana tidak dicabar tetapi Hussein Onn telah dicabar oleh Sulaiman Ahmad Palestine.<sup>112</sup> Cabaran ini adalah kerana adanya protes daripada ahli-ahli UMNO yang tidak berpuas hati dengan kepimpinan Hussein Onn<sup>113</sup> terutama dalam mengendali kes Harun Idris.<sup>114</sup> Kemenangan bagi Hussein Onn dengan memperolehi undian sebanyak 898, manakala Sulaiman Palestine hanya mendapat undian sebanyak 250.<sup>115</sup> Pada 15 Mei 1981, dalam satu sidang di Johor Bahru, Hussein Onn telah mengumumkan akan meletakkan jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri<sup>116</sup> atas sebab kesihatan.<sup>117</sup> Sejak tahun 1979, kesihatan Hussein Onn telah terganggu dan ini dinyatakan oleh Setiausaha Sulit Perdana Menteri Britain, Michael Alexander: “I should perhaps also record that Datuk Hussein was obviously far from fully recovered from his recent illness. He evidently found the walk up to the first floor distinctly tiring.”<sup>118</sup> Pengunduran Hussein Onn telah memberi peluang kepada Mahathir dengan secara automatik menjawat kedua-dua jawatan tersebut. Pada 16 Julai 1981 Hussein Onn

---

<sup>111</sup> Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*, hlm. 29; Syed Husin Ali, *Two faces: Detention without trial*, hlm. 108; Dua orang Timbalan Menteri dan seorang editor akhbar iaitu Abdullah Ahmad, Majid Abdullah dan Samad Ismail ditangkap atas tuduhan bersubahat dengan pihak komunis. Begitu juga dengan Syed Husin Ali ditangkap dan ada usaha cuba memujuk beliau mengaitkan Dr. Mahathir dengan gerakan komunis.

<sup>112</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 261; Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*, hlm. 297; *Malaysian Business*, Mar. 1981, hlm. 55; Mohammad Agus Yusoff, ‘The politics of Malaysian federalism: The case of Kelantan’, *Jebat*, 28(2001) 24, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm. 2.

<sup>113</sup> *Ibid.*

<sup>114</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 133; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 39; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 261; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 70; *The New York Times*, 31 August, 1982; Pada 24 November 1975, Harun telah ditangkap oleh Biro Siasatan Negara dan dihadapkan ke Mahkamah Tengah Khas di bawah Akta Mencegah Rasuah 1961 dan Ordinan Darurat. Harun didakwa atas beberapa tuduhan rasuah yang melibatkan Hong Kong and Shanghai Bank dan Bank Rakyat yang dilakukan antara Mei 1975 hingga Disember 1977.

<sup>115</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 261; Mohammad Agus Yusoff, ‘The politics of Malaysian federalism: The case of Kelantan’, in *Jebat*, 28(2001) 1-24, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm. 2.

<sup>116</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 152; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 377; *Malaysian Business*, Aug. 1981, hlm. 56; *Asiaweek*, May 29, 1981, hlm. 17, ‘Exit Hussein, enter Mahathir’; Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara*, Jilid II, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1997, hlm. 289.

<sup>117</sup> FCO15/2685/0004; Call by the Secretary of states on the Yang DiPertuan Agong of Malaysia; *Malaysian Business*, Aug. 1981, hlm. 56; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 152; *Malaysian Business*, Mar. 1981, hlm. 53; Menjalani pembedahan jantung; FCO15/2865/0004; Call by the Secretary of states on the Yang DiPertuan Agong of Malaysia; Mendapat rawatan klinik swasta di London dan dinasihati oleh doktor supaya berehat.

<sup>118</sup> FCO15/2503/0032; Surat bertarikh 9 Oktober, 1979 bertajuk “Call by the the Prime Minister of Malaysia”.

meletak jawatan sebagai Perdana Menteri<sup>119</sup> dan Mahathir mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri.<sup>120</sup> Syed Husin Ali menyatakan perletakkan jawatan Hussein Onn adalah konspirasi Dr. Mahathir di belakang tabir untuk menjatuhkan Hussein Onn dan digantikan dengan beliau.<sup>121</sup> Dr. Mahathir telah menafikan adanya perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin teratas UMNO.<sup>122</sup> Dalam Laporan dari pihak Britain bertajuk: *Defence Adviser Malaysia – Annual Report June 1978 – June 1979* menyatakan: “His performance has been erratic and has caused us to wonder whether the prime minister has him fully under control or whether he was deliberately using him as a trouble shooter.”<sup>123</sup> Perwatakan Hussein Onn dikatakan berbeza daripada Dr. Mahathir yang lebih lantang apabila berbicara dan lebih berani menyatakan sesuatu isu. Persepsi pihak Britain terhadap Dr. Mahathir dapat dilihat apabila beliau mengeluarkan kenyataan menggesa negara-negara Islam mengeluarkan senjata sendiri seperti bom atom sekiranya mahukan kemenangan. Kenyataan ini telah mengejutkan Britain dan menyatakan: “The episode seems typical of Mahathir’s tendency to go further than he or his government intend, of his reference in May 1979 to ‘shooting’ refugees, ...it should not be allowed to pass unremarked, though we would obviously not wish to drive the Malaysians into a corner by an over-reaction.”<sup>124</sup> Dr. Mahathir dianggap lebih agresif daripada Hussein Onn.<sup>125</sup>

Ada percubaan untuk menjatuhkan Mahathir kerana tiga hari sebelum Dr. Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri, pada 13 Julai, 1981, Siddiq Mohamed

---

<sup>119</sup> Bruce Gale, *Musa Hitam: A political biography*, hlm. 112; *The New York Times*, 30 May, 1990.

<sup>120</sup> Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*, HPI Lectures Sdn Bhd, Kuala Lumpur: 2007, hlm. 809; *The Star*, 25 Jun. 1981; Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 8.

<sup>121</sup> Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*, hlm. 29; *Malaysian Business*, February 1981, hlm. 53; Pada 10 Februari 1981, Dr. Mahathir telah menafikan terdapat perebutan kuasa dalam UMNO; *Asiaweek*, 5 Jun. 1981, hlm. 13, ‘Now all eyes on Harun’; Tunku telah meminta Dr. Mahathir supaya membuat rayuan kepada Agong bagi membebaskan Dato’ Harun semasa Hussein Onn menjalani pembedahan jantung di London.

<sup>122</sup> *Malaysian Business*, Feb. 1981, hlm. 53.

<sup>123</sup> BT245/1857/0848, hlm. 1-4, Laporan bertajuk: *Defence Adviser Malaysia – Annual Report June 1978 – June 1979*.

<sup>124</sup> FCCO15/2683/0011; Telegram No. 313 bertarikh 2 Oktober 1980 dari Foreign and Commonwealth Office kepada British High Commission – ‘Info Washington’.

<sup>125</sup> *The Age*, 2 Aug. 1982, hlm. 13, ‘A blunt decisive nasionalist’; Kua Kia Soong, (edited), *K. Das and the Tunku tapes*, Petaling Jaya: Strategic Info Research Development, 2001, hlm. 116.

Ghouse, Setiausaha Politik<sup>126</sup> Dr. Mahathir ditahan di bawah Seksyen 8, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), 1960 atas tuduhan menjalankan aktiviti-aktiviti yang mengancam keselamatan negara sebagai ejen Soviet<sup>127</sup> yang turut melibatkan tiga orang kakitangan kedutaan Rusia di Kuala Lumpur<sup>128</sup> sebagai ejen KGB telah dihalau keluar daripada negara.<sup>129</sup> Ini sedikit sebanyak mencalarkan imej Mahathir. Ada yang beranggapan bahawa tindakan penangkapan ini adalah usaha Ghazali Shafie untuk menjatuhkan Mahathir.<sup>130</sup> Dr. Mahathir menghadapi pelbagai cabaran dan kontroversi dari dalam dan juga luar dalam usaha membawa perubahan pentadbiran beliau.<sup>131</sup> Seterusnya kajian ini melihat perjalanan politik Mahathir dan tekanan dari dalam UMNO sendiri terhadap kepimpinan beliau.

### **Perjalanan Politik Dr. Mahathir Selepas 1981**

Secara automatik Dr. Mahathir menjawat Presiden UMNO kerana jawatan tersebut tidak dipertandingkan dan secara tidak langsung beliau boleh melantik Timbalan Presiden UMNO tetapi membiarkan ahli-ahli UMNO memilih sendiri antara Tengku Razaleigh<sup>132</sup> dan Musa Hitam.<sup>133</sup> Ini dinyatakan oleh Mahathir sendiri “Dalam kes saya dulu, saya tunggu sehingga berakhir pemilihan Umno untuk mendapat timbalan presiden. Selepas itu barulah saya melantik Timbalan Perdana Menteri (Tan Sri Musa

<sup>126</sup> Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, Petaling Jaya: Kumpulan Rusa, 1994, hlm. 40; Dilantik sejak Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri; *Malaysian Business*, Aug. 1981, hlm. 56; *Asiaweek*, 31 Jul. 1981, hlm. 33, ‘Siddiq: Average and ambitious’.

<sup>127</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 4; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 48, 18 Mac, 1983, hlm. 6647; *Malaysian Business*, Jul. 1981, hlm. 56; Khoo Boo Teik, *Beyond Mahathir: Malaysian politics and its discontents*, hlm. 102; Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysia hero*, hlm. 43-44; Kegiatan mengintip berlaku sejak tahun 1979.

<sup>128</sup> *The New York Times*, 14 Jul. 1981; Mereka terdiri daripada Setiausaha Kedua di Kedutaan Rusia yang telah dituduh mengambil Mohammed Ghouse sebagai ejen Rusia. Beliau dibantu oleh G. I. Stepanov, Setiausaha Pertama dan seorang lagi Z. L. Khamidalin; *The Age*, 14 Jul. 1981, hlm. 7, ‘Malaysian official held as spy: 3 Soviets expelled’.

<sup>129</sup> Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, hlm. 40; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 37; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 73.

<sup>130</sup> *FCO15/2682/0026*; Civil Aviation. Brief No. 6; Ghazali Shafie pernah tidak bersetuju dengan cara Dr. Mahathir menangani isu Concorde semasa berunding dengan pihak Britain; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 37; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 73; Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysia hero*, hlm. 44; “he made the arrest decision together with Ghazali”.

<sup>131</sup> Ho Khai Leong, ‘Kerangka politik dan pentadbiran: Cabaran dan pembaharuan di bawah pentadbiran Mahathir’, dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, hlm. 8.

<sup>132</sup> Tunku Abdul Rahman, *Lest we forget: Further candid reminiscences*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd, 1983, hlm. 186; Menteri Kewangan.

<sup>133</sup> *Ibid.*; Menteri Pelajaran.

Hitam).”<sup>134</sup> Secara tradisinya, Tengku Razaleigh sepatutnya dilantik menjadi Timbalan Presiden UMNO<sup>135</sup> dan seterusnya Timbalan Perdana Menteri tetapi Dr. Mahathir mempunyai agenda tersendiri dengan membenarkan Musa Hitam<sup>136</sup> menentang Tengku Razaleigh.<sup>137</sup> Bagi Tengku Razaleigh telah wujudnya perjanjian yang beliau akan dilantik sebagai orang nombor dua dan ini menyebabkan Tengku Razaleigh terus memberi sokongan terhadap Dr. Mahathir sebagai orang nombor satu.<sup>138</sup> Sanusi Junid berpendapat bahawa Dr. Mahathir dalam keadaan sukar untuk memilih antara dua sahabat dan membiarkan ahli-ahli UMNO membuat pilihan sendiri melalui pertandingan.<sup>139</sup> Kedua-dua tokoh ini diramalkan oleh pihak Britain berpontensi memegang jawatan Perdana Menteri.<sup>140</sup> Britain lebih menyokong Musa Hitam semasa beliau masih lagi menjadi Menteri Perusahaan Utama dan berpendapat beliau mempunyai masa depan yang cerah dengan menyatakan: “We therefore have practical reasons of self interest in maintaining good relations with Musa not only in his present capacity as Ministry of Primary Industries but on more a long terms ground”.<sup>141</sup>

Pada 9 Mei, 1981, Tengku Razaleigh<sup>142</sup> dengan rasmi mengumumkan untuk bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO, “Saya telah menjelajah ke seluruh Semenanjung dan saya telah dapat melihat bahawa sokongan kuat buat saya memegang jawatan Timbalan Presiden itu memang ada.”<sup>143</sup> Tengku Razaleigh turut membuat kenyataan sekiranya tewas, beliau akan bersara daripada politik. Bagi

<sup>134</sup> *Utusan Malaysia*, 12 November, 2003, ‘PM mempunyai keperluan lantik timbalan pada masa ini’.

<sup>135</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 238; Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan perlaksanaan dasar*, hlm. 84; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 262; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir’s paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 165; Tunku memilih Tun Razak, Tun Razak memilih Hussein Onn, Hussein Onn memilih Dr. Mahathir sebagai timbalan perdana menteri.

<sup>136</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 84; Anak seorang pembaca meter air; Mohamad Abdah Mohamad Zain, ‘Mahathir’s Corporatism vs Razaleigh’s Liberalism Capitalist expansionism, class fractionalization and intra-Bourgeoisie party factionalism’, dalam *Kajian Malaysia*, VI, 2 Disember, 1988, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1989, hlm. 31.

<sup>137</sup> *Ibid.*; Anak seorang putera raja.

<sup>138</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 128; Temubual In-Won Hwang dengan Tengku Razaleigh di Kuala Lumpur pada 23 Februari, 1998; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 59; Temubual Barry Wain dengan Tengku Razaleigh di Kuala Lumpur pada 21 Mac, 1987.

<sup>139</sup> Ucapan Sanusi Junid di Majlis Anjuran Universiti Malaya Perlis dan Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Universiti Utara Malaysia di Dewan 2020, Kangar, Perlis pada 8 Mac, 2011.

<sup>140</sup> *FCO15/2075/0042*, hlm. 3, surat daripada Kedutaan Britain di Malaysia - Notes for Consideration.

<sup>141</sup> *Ibid.*

<sup>142</sup> *Berita Harian*, 10 Mei, 1981; Tunku Abdul Rahman, *Lest we forget: Further candid reminiscences*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd, 1983, hlm. 187; Ahli Majlis Tertinggi UMNO sejak tahun 1963 dan pada tahun 1973 sebagai Naib Presiden UMNO sejak lapan tahun.

<sup>143</sup> *Ibid.*

perwakilan pula kenyataan tersebut sebagai satu ancaman atau ugutan bahawa Tengku Razaleigh bersungguh-sungguh untuk bertanding dan yakin akan memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO.<sup>144</sup> Tengku Razaleigh merasa yakin akan menang<sup>145</sup> dalam percaturan jawatan Timbalan Presiden UMNO dengan menyatakan pada bulan Disember 1980, Hussein Onn telah memanggil beliau bersama Dr. Mahathir dan menyatakan hasrat untuk bersara dari politik dan kerajaan.<sup>146</sup> Beliau merasa betapa pentingnya beliau kerana turut dipanggil dan diberitahu berita penting yang orang lain belum tahu. Dalam pertemuan tersebut Hussein Onn menggesa mereka berdua berkerjasama.<sup>147</sup> Tan Chee Khoon berpendapat kenyataan-kenyataan yang berunsur “bombastik” oleh Tengku Razaleigh telah menyebabkan adanya ahli-ahli UMNO mengambil keputusan tidak menyokong Tengku Razaleigh.<sup>148</sup> Pada 5 April 1981, Musa Hitam hanya mengumumkan akan bertanding semula untuk jawatan Naib Presiden. Beliau bertindak secara berhati-hati dengan menyatakan “Saya akan mengkaji dan meneliti secara mendalam terlebih dahulu sebelum membuat keputusan.”<sup>149</sup>

Pada mulanya Dr. Mahathir menyatakan beliau menerima sesiapa sahaja Timbalan Presiden UMNO yang dipilih oleh majoriti ahli-ahli UMNO. Beliau menyatakan: “As someone who upholds the principles of democracy, I will accept the delegates decision.”<sup>150</sup> Apabila kedudukan Tengku Razaleigh agak baik untuk memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO, Dr. Mahathir telah membuat kenyataan bahawa sesiapa yang memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO tidak semestinya

---

<sup>144</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 83.

<sup>145</sup> *Berita Harian*, 10 Mei, 1981; “Saya tahu saya yang akan memegang jawatan itu.”; Mohamad Abdah Mohamad Zain, ‘Mahathir’s Corporatism vs Razaleigh’s Liberalism Capitalist expansionism, class fractionalization and intra-Bourgeoisie party factionalism’, dalam *Kajian Malaysia*, VI, 2 Disember, 1988, hlm. 30.

<sup>146</sup> *Ibid.*, 23 Mei, 1981.

<sup>147</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 59; In-Won Hwang, ‘Malaysia’s “Presidential Premier” Explaining Mahathir’s dominance’, in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 68.

<sup>148</sup> *The Star*, 23 May, 1984.

<sup>149</sup> *Berita Harian*, 18 Mei, 1981; Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 83; Pada 24 Mei 1981, beliau mengumumkan bahawa beliau belum mendapat pencalonan untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO sebagai taktik untuk membenarkan beliau bertanding merebut jawatan tersebut adalah atas menghormati permintaan ahli-ahli UMNO.

<sup>150</sup> *The Star*, 25 Jun, 1981, ‘Dr. M: Loser will stay on’.

menjadi Timbalan Perdana Menteri.<sup>151</sup> Ini menjelaskan bahawa Dr. Mahathir akan tetap memilih calon beliau sendiri walaupun perwakilan memilih calon lain daripada kehendak beliau. Ini menjawab kenyataan Tengku Razaleigh yang menyatakan: “Siapa yang akan menjadi Timbalan Presiden UMNO merangkap Timbalan Perdana UMNO adalah sesuatu yang sudah dipakat...”<sup>152</sup> Dr. Mahathir telah mempunyai pilihan sendiri bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri kerana beliau mempunyai kuasa untuk melantik Timbalan Perdana Menteri dengan menyatakan: “Tidak ada undang-undang mengenai perkara itu [perlantikan Timbalan Perdana Menteri] cuma adat sahaja menjadikan Timbalan Presiden UMNO itu Timbalan Perdana Menteri”<sup>153</sup> tetapi beliau melepaskan kepada perwakilan untuk membuat pilihan antara Tengku Razaleigh dan Musa Hitam bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO. Dr. Mahathir telah memberitahu Sanusi Junid, beliau lebih aman berkerja jika Musa Hitam menjadi timbalannya. Pengakuan ini telah membuatkan Sanusi Junid memberi sokongan kepada Musa Hitam.<sup>154</sup> Ini secara langsung telah menambahkan sokongan terhadap Musa Hitam.<sup>155</sup> Perselisihan faham antara Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir telah berlaku sejak Dr. Mahathir menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri. Tengku Razaleigh dikatakan tidak menghormati Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri dan akan menjatuhkan Dr. Mahathir dalam tempoh sembilan bulan selepas memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO.<sup>156</sup> Pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO dan Naib Presiden diadakan pada hari Jumaat 26 Februari, 1981<sup>157</sup> dan kemenangan oleh Musa Hitam<sup>158</sup> dengan mendapat undian sebanyak 722,<sup>159</sup> manakala Tengku Razaleigh mendapat undian

---

<sup>151</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 86.

<sup>152</sup> *Berita Harian*, 10 Mei, 1981.

<sup>153</sup> *Ibid.*, 25 Mei, 1981.

<sup>154</sup> Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 186; Ucapan Sanusi Junid di Majlis Anjuran Universiti Malaya Perlis dan Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Universiti Utara Malaysia di Dewan 2020, Kangar, Perlis pada 8 Mac, 2011.

<sup>155</sup> *Ibid.*, hlm. 186-187.

<sup>156</sup> *Ibid.*

<sup>157</sup> Bruce Gale, *Musa Hitam: A political biography*, hlm. 112.

<sup>158</sup> *FCO15/2075/0041*; Notes for Consideration; Pihak Britain menyatakan Musa Hitam adalah berpotensi menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia.

<sup>159</sup> *Ibid.*, hlm. 117; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 11; *Malaysian Business*, Aug. 1981, hlm. 56.

sebanyak 517.<sup>160</sup> Musa Hitam terpilih sebagai Timbalan Presiden UMNO dengan majoriti sebanyak 205 undi.<sup>161</sup>

Pada 18 Julai, 1981, Mahathir mengumumkan kabinet baru dengan Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Mahathir turut memegang jawatan Menteri Pertahanan. Mahathir masih mengekalkan Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan walaupun telah menyatakan beliau akan meletakkan jawatan sekiranya tewas.<sup>162</sup> Mahathir telah membuat kenyataan: “Tengku Razaleigh and Datuk Musa Hitam will continue to serve UMNO and the Government whoever was the party deputy presidency on Friday.”<sup>163</sup> Tindakan ini bagi merapatkan semula perpaduan dalam UMNO. Menurut Dr. Mahathir, falsafah beliau dalam politik adalah yang menang tidak membolot segala-galanya dan yang kalah tidak hilang semuanya. Hakikatnya, pada waktu itu (1981) kedua-dua tokoh tersebut mempunyai sokongan yang kuat dan seimbang malah mereka juga popular di kalangan ahli UMNO. Dr. Mahathir tidak mahu menolak salah seorang daripada mereka kerana ini akan mengurangkan sokongan daripada ahli-ahli UMNO terhadap beliau. Ini adalah pengalaman beliau sendiri dalam mengharungi politik negara. Oleh itu, beliau mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet<sup>164</sup> bagi mengelak salah seorang daripada mereka menentang beliau. Kedua-duanya menumpukan perebutan bagi kedudukan Timbalan Presiden UMNO. Pada waktu itu tiada ahli UMNO yang mampu untuk bertanding bagi jawatan Presiden UMNO.

Seterusnya pemilihan UMNO pada tahun 1984, Mahathir masih tidak dicabar dan mengekal kedudukan sebagai Presiden UMNO. Walaupun jawatan Timbalan Presiden UMNO dipegang oleh Musa Hitam, Tengku Razaleigh masih tidak berputus

<sup>160</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 11; Mohamad Abdah Mohamad Zain, ‘Mahathir’s Corporatism vs Razaleigh’s Liberalism Capitalist expansionism, class fractionalization and intra-Bourgeoisie party factionalism’, dalam *Kajian Malaysia*, VI, 2 Disember, 1988, hlm. 31; *Malaysian Business*, Aug. 1981, hlm. 56.

<sup>161</sup> Bruce Gale, *Musa Hitam: A political Biography*, hlm. 113-115; Manakala Naib Presiden pula telah dimenangi oleh Ghafar Baba (869), Harun Idris (757) dan Tengku Ahmad Rithaudeen (717).

<sup>162</sup> *Malaysian Business*, Aug. 1981, hlm. 56; Bruce Gale, *Musa Hitam: A political biography*, hlm. 123-124; Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Malaysia Great hero*, hlm. 21.

<sup>163</sup> *The Star*, 25 Jun, 1981.

<sup>164</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 394.



asa dan masih lagi menawarkan diri untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO.<sup>165</sup> Secara tradisi pertembungan merebut jawatan tertinggi dalam UMNO biasanya apabila jawatan tersebut dikosongkan. Sejarah UMNO sehingga 1981, hanya dua kali kerusi Timbalan Presiden UMNO dipertandingkan iaitu di antara Tun Razak dengan Tun Dr. Ismail dan Tengku Razaleigh dengan Musa Hitam.<sup>166</sup> Tengku Razaleigh masih mahu bertanding dan mahu menewaskan Musa Hitam. Dr. Mahathir telah memberi nasihat supaya tiada pertandingan kali ini kerana jawatan Timbalan Presiden UMNO telah dipegang oleh Musa Hitam tetapi tetap tidak dihiraukan oleh Tengku Razaleigh.<sup>167</sup>

Dr. Mahathir sekali lagi membantu Musa Hitam apabila dalam perhimpunan Agung UMNO pada 19 Ogos 1983,<sup>168</sup> telah memberi ucapan secara langsung dengan membayangkan kepada ahli UMNO beliau menyokong Musa Hitam dengan menyatakan: “Bersama-sama dengan Dato’ Musa sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri, satu *team* yang berkesan telah diwujudkan untuk membuat beberapa perubahan yang dianggap penting untuk kesejahteraan negara.”<sup>169</sup> Beliau turut berterima kasih kepada perwakilan UMNO kerana memilih Musa Hitam pada tahun 1981 dengan menyatakan: “Saya mengucapkan terima kasih kepada perwakilan 1981 yang memilih seorang Timbalan Presiden yang boleh berkerjasama sebagai satu *team* dengan saya. Dengan kerjasama ini maka kepimpinan menjadi lebih mudah dan berkesan.”<sup>170</sup> Dr. Mahathir menyatakan pendirian secara terbuka kepada ahli-ahli UMNO dan keputusan pemilihan adalah terpulang kepada perwakilan untuk membuat pilihan masing-masing.

---

<sup>165</sup> Graham K. Brown, *Balancing the risks of corrective surgery: The political economy of horizontal inequalities and the end of the New Economic Policy in Malaysia*, hlm. 9.

<sup>166</sup> *Utusan Malaysia*, 20 Ogos, 1983, hlm. 1-2.

<sup>167</sup> Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir: Triumph after trials. Aftermath 1990 elections, the second phase*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed and Co., 1990, hlm. 98; Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 36.

<sup>168</sup> Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 167; *Malaysian Business*, Sep. 1983, hlm. 15.

<sup>169</sup> Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara, Jilid II*, hlm. 354; Ucapan Perhimpunan Agung UMNO yang ke 34 pada 19 Ogos 1983 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur; *Utusan Malaysia*, 20 Ogos, 1983 hlm. 1-2; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 61.

<sup>170</sup> *Ibid.*; *Utusan Malaysia*, 20 Ogos, 1983 hlm. 1-2.; *Berita Harian*, 20 Ogos, 1983, hlm. 1; ‘Kita Perlu Semangat Pasukan’; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 61.

Beliau menyatakan secara terbuka kerana: “Ini bukan soal memilih. Ini adalah soal kestabilan parti...bagi keteguhan parti.”<sup>171</sup> Mahathir melihat apabila kedua-dua pemimpin besar berkempen dan mengkritik sesama sendiri akan membawa kepada rasa tidak puas hati terutama yang tewas dan berlakunya perpecahan di kalangan ahli-ahli UMNO yang mengakibatkan UMNO menjadi lemah. Mahathir turut membuat kenyataan bahawa kerjasama yang diperolehi daripada Musa Hitam amat baik dan sukar digantikan. Mahathir secara langsung turut membantu Musa Hitam dengan menyatakan: “Beliau mahu kalau boleh Datuk Musa Hitam menjadi Timbalan Presiden.”<sup>172</sup> Kenyataan sedemikian dilakukan secara terbuka dengan memberikan persepsi kepada ahli UMNO bahawa Dr. Mahathir mahu mengekalkan Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.<sup>173</sup> Kem Tengku Razaleigh tidak menghirau pesanan-pesanan Dr. Mahathir, mereka terus berkempen bagi memastikan kemenangan Tengku Razaleigh dan ini membawa kepada wujudnya “orang Musa” dan “orang Tengku Razaleigh”.<sup>174</sup> Kenyataan secara terbuka oleh Mahathir yang memberi sokongan kepada Musa Hitam bagi meredakan suasana berkempen yang semakin panas,<sup>175</sup> tetapi Sanusi Junid berpendapat tindakan Dr. Mahathir hanya dapat memperlahankan rentak berkempen dari kem Tengku Razaleigh. Beliau berkata: “But it will probably slow them [the lieutenants] down a bit.”<sup>176</sup> Tan Chee Khoon menyatakan Tengku Razaleigh telah mulakan kempen menentang Musa Hitam secara senyap dan terdapat penyokong Tengku Razaleigh yang dikenali sebagai “Leftenan” telah melawat semua cawangan UMNO dan membuatkan Tengku Razaleigh dikenali kepada ahli-ahli biasa UMNO (grassroot).<sup>177</sup>

---

<sup>171</sup> *Berita Harian*, 20 Ogos, 1983, hlm. 1, ‘Kita Perlu Semangat Pasukan’.

<sup>172</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 85.

<sup>173</sup> *Ibid.*, hlm. 86; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 183; Graham K. Brown, *Balancing the risks of corrective surgery: The political economy of Horizontal inequalities and the end of the New Economic Policy in Malaysia*, hlm. 172.

<sup>174</sup> Shamsul A.B., ‘The “Battle Royal”: The UMNO elections of 1987’, in *Southeast Asian Affairs 1987*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1987, hlm. 172.

<sup>175</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 61.

<sup>176</sup> *New Straits Times*, 20 Aug. 1983.

<sup>177</sup> *The Star*, 23 May, 1984.

Wujud kem-kem dan kempen-kempen yang rancak di kalangan ahli-ahli UMNO<sup>178</sup> telah menyedarkan Mahathir soal perpaduan dalam UMNO amat perlu diberikan perhatian oleh beliau sendiri dan semua ahli-ahli UMNO. Mahathir telah mengingatkan ahli UMNO supaya tidak bertindak keterlaluan untuk merebut jawatan sehingga melupakan perpaduan dalam UMNO. Sebelum persidangan perwakilan UMNO berlangsung, Mahathir telah mula bertindak menyampaikan mesej kepada ahli-ahli UMNO supaya tidak ada pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO. Beliau menyuarakan pandangan dengan menyatakan menurut tradisi UMNO sebelum ini tidak mengadakan pertandingan jawatan Timbalan Presiden UMNO demi mengutamakan perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO<sup>179</sup> dan tidak mahu kempen-kempen yang dijalankan akan memberi kesan kepada perpaduan dalam UMNO yang akhirnya membawa kepada perpecahan di kalangan ahli-ahli UMNO.<sup>180</sup> Apabila berkempen tiada had dan batasan akan membawa kepada kehancuran parti tidak sama sekali dihiraukan<sup>181</sup> terutama pihak yang tewas merasa tidak puas hati dan mengakibatkan mereka lupa kepada perjuangan asal UMNO hingga sanggup menghancurkan UMNO sendiri.<sup>182</sup> Kemenangan Musa Hitam telah meretakkan lagi perpaduan di kalangan ahli UMNO. Wujudnya 'orang Musa' dan 'orang Razaleigh' yang telah bertindak untuk menjatuhkan antara kedua-dua pemimpin tersebut. Berlakunya perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO di antara kedua-dua pemimpin telah memberi kelebihan kepada Mahathir untuk mengekalkan dan mempertahankan kedudukannya sebagai Presiden UMNO tanpa bertanding.

Kedua-dua pemimpin ini (Mahathir dan Musa Hitam) berjaya menyingkirkan Tengku Razaleigh namun kombinasi Mahathir-Musa (2M) mula diperkatakan telah

---

<sup>178</sup> *New Straits Times*, 20 Aug. 1983.

<sup>179</sup> *Berita Harian*, 3 Mei, 1983, hlm. 2; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 172; Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1996, hlm. 36.

<sup>180</sup> *Ibid.*

<sup>181</sup> *Utusan Malaysia*, 20 Ogos, 1983, hlm. 1-2.

<sup>182</sup> *Berita Harian*, 3 Mei, 1983, hlm. 2.

retak sejak tahun 1985 lagi tapi dinafikan oleh mereka.<sup>183</sup> Agenda utama perletakan jawatan oleh Musa Hitam adalah kerana Dr. Mahathir tidak menurut kehendak beliau yang mahukan Tengku Razaleigh dipecat dari kabinet.<sup>184</sup> Musa Hitam tidak mahukan penentangan daripada Tengku Razaleigh lagi kerana beliau masih lagi bertanding menentang Musa Hitam dalam pemilihan UMNO pada tahun 1984 walaupun beliau telah tewas pada pemilihan UMNO 1981.<sup>185</sup> Musa Hitam terus mendesak Dr. Mahathir supaya memecat Tengku Razaleigh namun beliau masih mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet dan lagi mengecewakan setelah dua kali perubahan dalam kabinet tetapi masih tidak memecat Tengku Razaleigh.<sup>186</sup> Ini tidak memberi kelebihan kepada Musa Hitam kerana Tengku Razaleigh masih mempunyai kuasa dan pengaruh kerana Dr. Mahathir menukarkan Tengku Razaleigh ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.<sup>187</sup> Beliau kali pertama ditukarkan ke Kementerian lain dan kedudukan ini masih dianggap penting tetapi tidak sepenting Menteri Kewangan.<sup>188</sup> Musa Hitam bukan sahaja mahu menolak Tengku Razaleigh yang dianggap sebagai penghalang kerjaya politik beliau tetapi turut mahu menguatkan kedudukannya dengan meminta jawatan Menteri Dalam Negeri yang dipegang oleh beliau diberikan kepada Abdullah Ahmad Badawi dan beliau pula dipindahkan ke Kementerian Luar Negeri. Permintaan beliau ditolak dan Dr. Mahathir memberi syarat bahawa Tengku Rithaudeen akan memegang jawatan Menteri Dalam Negeri dan Abdullah Ahmad Badawi ke Kementerian Luar Negeri. Musa Hitam tidak bersetuju.<sup>189</sup> Abdullah Ahmad Badawi adalah merupakan penyokong Musa Hitam (orang Musa Hitam) dan Ketua

---

<sup>183</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 229; *Malaysian Business*, Jul. 1, 1985, hlm. 15.

<sup>184</sup> *Malaysian Business*, Jul. 1, 1985, hlm. 15.

<sup>185</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 231.

<sup>186</sup> Graham K. Brown, *Balancing the risks of corrective surgery: The political economy of horizontal inequalities and the end of the New Economic Policy in Malaysia*, hlm. 10; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 41; Lukman Thaib, *The politics and governments of South East Asia*, hlm. 139; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 209.

<sup>187</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 238; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 107; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 41.

<sup>188</sup> R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 41; In-Won Hwang, 'Malaysia's "Presidential Premier" Explaining Mahathir's dominance', in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 69; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysia: Tradition, modernity and Islam*, hlm. 60; Sejak zaman Tun Razak lagi beliau memegang jawatan Menteri Kewangan yang dianggap penting dan tinggi.

<sup>189</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 239; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 167.

Perhubungan UMNO Pulau Pinang dilantik menjawat jawatan Menteri Pelajaran.<sup>190</sup> Bagi mengimbang pengaruh Abdullah Ahmad Badawi, Dr. Mahathir melantik Anwar Ibrahim yang dikatakan dididik oleh Dr. Mahathir untuk memegang jawatan tertinggi negara dari jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ke jawatan Menteri Pertanian.<sup>191</sup> Pengaruh Tengku Razaleigh masih kuat dan kedudukan Dr. Mahathir semakin bertambah kuat.<sup>192</sup> Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati Musa Hitam terhadap kepimpinan Dr. Mahathir.<sup>193</sup> Musa berharap dengan pemecatan Tengku Razaleigh dalam kabinet akan memberi ruang yang luas dan memudahkan beliau untuk merebut jawatan Presiden UMNO. Tiada calon yang akan menentang beliau dan tidak lagi perlu menghadapi pertandingan dalam merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO. Ini memudahkan beliau menumpukan perhatian terhadap masa depan politik beliau. In-Won Hwang menyatakan: “Thereby strengthen his own position as Malaysia’s prime-minister in waiting.”<sup>194</sup>

Bagi Musa Hitam pengaruh Tengku Razaleigh masih kuat kerana masih mempunyai ‘kuasa wang’<sup>195</sup> dan ini akan menggugat kedudukan beliau. Menurut Chamil, Dr. Mahathir mempunyai strategi tersendiri dalam menangani masalah hubungan Musa dan Tengku Razaleigh.<sup>196</sup> Dr. Mahathir telah melantik Daim Zainuddin<sup>197</sup> sebagai Menteri Kewangan.<sup>198</sup> Beliau merupakan kawan rapat Dr. Mahathir daripada Kedah dan telah memainkan beberapa peranan sebagai orang tengah

---

<sup>190</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 167; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir: Triumph after trials. Aftermath 1990 elections, the second phase*, hlm. 98; *Malaysian Business*, Jul. 1, 1985, hlm. 15.

<sup>191</sup> *Ibid.*; *Malaysian Business*, Jul. 1, 1985, hlm. 15.

<sup>192</sup> *Malaysian Business*, Jul. 1, 1985, hlm. 15.

<sup>193</sup> Chamil Wariya, *Najib Razak: 30 tahun dalam politik*, hlm. 137-138; R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 41.

<sup>194</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 129.

<sup>195</sup> *The Star*, 23 May, 1984.

<sup>196</sup> *Ibid.*; Chamil Wariya, *Naik jatuh dan bangun semula: Abdullah Ahmad Badawi dan politik Malaysia*, Shah Alam: Times Editions, Marshal Cavendish, 2005, hlm. 24.

<sup>197</sup> Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 7; Nama beliau ialah Abdul Daim bin Zainuddin lahir pada 29 April, 1938 di Derga, Alor Setar, Kedah; *Malaysian Business*, Jul. 1, 1985, hlm. 15.

<sup>198</sup> Hambali Abdul Latif, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, Batu Caves: Penerbit Wadah Karya, 2001, hlm. 48; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir’s paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 168; Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 1; Menjadi Menteri Kewangan pada 17 Julai, 1984.

Dr. Mahathir dalam menyelesaikan beberapa isu di luar negara.<sup>199</sup> Daim turut memberitahu penyelidik bahawa sebelum beliau terlibat dalam politik beliau selalu memberikan pendapat kepada Dr. Mahathir.<sup>200</sup> Tindakan Dr. Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet adalah untuk mengimbangi pengaruh beliau dalam politik UMNO supaya tidak berlaku krisis kepimpinan yang boleh menghancurkan UMNO. Dr. Mahathir berhati-hati dengan pengaruh Musa Hitam yang sedang meningkat. Seterusnya akan menggugat kedudukan beliau dan menentang beliau.<sup>201</sup> Musa Hitam pula melihat kedudukan Tengku Razaleigh dalam kabinet boleh mengancam kedudukan beliau di masa hadapan<sup>202</sup> dan beranggapan dengan mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet akan menyebabkan berlakunya pertandingan lagi seterusnya pada tahun 1987.<sup>203</sup> Tengku Razaleigh boleh menjadi penghalang cita-cita Musa Hitam untuk menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir. Sejak zaman Tunku, pihak Britain berpendapat bahawa Musa Hitam berpotensi dilantik sebagai perdana menteri Malaysia.<sup>204</sup>

Dr. Mahathir menghormati sokongan yang diberikan oleh penyokong Tengku Razaleigh dalam dua pemilihan UMNO iaitu pada tahun 1981 dan 1984.<sup>205</sup> Sokongan yang diperolehi oleh Tengku Razaleigh menampakkan kekuatan pengaruh Tengku Razaleigh yang mampu menggugat perpaduan dalam UMNO.<sup>206</sup> Sekiranya Dr. Mahathir menolak Tengku Razaleigh, penyokong-penyokong Tengku Razaleigh akan merasa tidak puas hati terhadap beliau dan ini akan menggugat kedudukan Dr. Mahathir serta memecah belahkan perpaduan dalam UMNO sendiri.<sup>207</sup> Musa Hitam terlalu

---

<sup>199</sup> Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 183; Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 25-26.

<sup>200</sup> Wawancara penyelidik dengan Tun Daim Zainuddin di Wisma YPR, Kuala Lumpur, pada 4 September, 2009.

<sup>201</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 129; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 168.

<sup>202</sup> Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn Bhd, 1988, hlm. 6.

<sup>203</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 130; Temubual In-Won Hwang dengan Musa Hitam di Kuala Lumpur pada 13 Februari, 1998.

<sup>204</sup> *FCO15/2075/0041*; Surat daripada Kedutaan Britain di Malaysia - Notes for Consideration; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 169.

<sup>205</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 394.

<sup>206</sup> *Ibid.*

<sup>207</sup> *Ibid.*; Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 36.

tertekan apabila Dr. Mahathir menuduhnya “bermain politik” dengan menyebarkan khabar angin dan ada usaha-usaha untuk memburukkan imej Dr. Mahathir dengan tujuan untuk menjatuhkan Dr. Mahathir.<sup>208</sup> Tekanan-tekanan ini akan membuatkan Dr. Mahathir melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri.<sup>209</sup> Dalam surat tersebut Musa Hitam ada menyatakan bahawa beliau tidak lagi boleh bekerjasama dengan Dr. Mahathir kerana tidak lagi diberi kepercayaan kepada beliau.<sup>210</sup> Musa Hitam juga turut menyatakan sikap Dr. Mahathir yang telah berubah dan tidak lagi mempercayai beliau sebagai orang nombor dua.<sup>211</sup> Musa Hitam mengambil keputusan mengundur diri dengan cara bersara untuk memberi kebebasan kepada Dr. Mahathir.<sup>212</sup> Menurut Chamil ada golongan menyebarkan sebab Musa Hitam meletakkan jawatan bukan kerana tidak dapat kepercayaan Dr. Mahathir tetapi adalah kerana tidak sehaluan dan tidak bersetuju dengan beberapa dasar yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir<sup>213</sup> seperti projek jambatan Pulau Pinang<sup>214</sup> kos pembinaannya berjumlah RM850 juta sepanjang 18.5 km yang dibina oleh syarikat daripada Korea Selatan<sup>215</sup> dan kereta nasional<sup>216</sup> di bawah perhatian sendiri oleh Dr. Mahathir<sup>217</sup> dianggap membazir duit rakyat.<sup>218</sup>

Perbezaan pendapat antara Dr. Mahathir dengan Musa Hitam telah membawa kepada konflik dalaman yang tidak diketahui umum dan berlarutan sehingga membawa kepada perletakkan jawatan Musa Hitam secara mengejut.<sup>219</sup> Kedua-dua pemimpin cuba menafikan bahawa hubungan di antara kedua telah retak. Bagi mengelak perhatian

---

<sup>208</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62; Khoo Boo Teik, *Beyond Mahathir: Malaysian politics and its discontents*, hlm. 79.

<sup>209</sup> *The Rocket*, Vol. 19, Issue No. 5, April 1986, hlm. 16; Di dalam surat bertarikh 26 Februari, 1986.

<sup>210</sup> Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, hlm. 8; Sivamurugan Pandian, *Abdullah Ahmad Badawi: Menuju ke puncak*, hlm. 4; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 229.

<sup>211</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 130.

<sup>212</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62.

<sup>213</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 102; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 173.

<sup>214</sup> *New Straits Times*, 21 Mar. 1987, hlm. 2, 'Don't be fooled by the selfish: PM'; Projek Jambatan Pulau Pinang telah disuarakan oleh Tun Razak pada tahun 1969 tetapi tidak dilaksanakan kerana projek ini dianggap mewah dan pada waktu itu kerajaan Malaysia tidak mempunyai wang untuk membiayai projek ini.

<sup>215</sup> Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 173; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 211.

<sup>216</sup> Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 211; Usaha yang dibantu oleh Mitsubishi dari Jepun; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 173.

<sup>217</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Jilid 1, Bil. 39, 16 Disember, 1983, hlm. 5093.

<sup>218</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 241; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 169.

<sup>219</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62.

umum Musa Hitam semasa menggulung ucapan Perhimpunan Agung UMNO ke 36 telah mengumumkan sokongan terhadap Dr. Mahathir dan polisi beliau.<sup>220</sup> Musa Hitam menyatakan: “While Dr. Mahathir took charge of heavy industries, I was looking after light industries and rural development. If the prime minister was Looking East, I was dealing with the Western nations”. Musa Hitam turut menegaskan “When I do not make my stand on heavy industries as stressed by Dr. Mahathir for instance, it does not mean I am not in favour of him or his ideas.”<sup>221</sup> Manakala Dr. Mahathir pula menafikan wujudnya konflik antara beliau dengan Musa Hitam: “I have never doubted Datuk Musa’s loyalty to the party or government.”<sup>222</sup>

Strategi Musa Hitam sendiri yang mahu menguatkan kedudukannya telah gagal dan ini menambahkan rasa tidak puas hati Musa Hitam dengan tindakan Dr. Mahathir serta terdapat tekanan-tekanan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir sendiri. Musa Hitam bertindak dengan meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan juga Timbalan Presiden UMNO.<sup>223</sup> Dalam surat beliau kepada Dr. Mahathir bertarikh 26 Februari, 1986<sup>224</sup> ada menyatakan keputusan muktamad beliau untuk melepaskan semua jawatan berkuatkuasa pada 16 Mac, 1986.<sup>225</sup> Tindakan Musa Hitam membawa diri ke luar negara<sup>226</sup> dengan memberi alasan bahawa beliau tidak mahu diganggu oleh penyokong-penyokong beliau.<sup>227</sup> Perletakkan jawatan Musa Hitam secara tiba-tiba membuatkan ramai ahli UMNO yang tertanya-tanya tujuan beliau meletakkan jawatan. Bagi mengelakkan daripada ketegangan berlaku, Dr. Mahathir telah menjelaskan desakan Musa Hitam yang mahu Tengku Razaleigh tidak dilantik

---

<sup>220</sup> *The Star*, 30 Sep. 1985.

<sup>221</sup> *New Straits Times*, 30 Sep. 1985, hlm. 5.

<sup>222</sup> *The Star*, 30 Sep. 1985, hlm. 1.

<sup>223</sup> Graham K. Brown, *Balancing the risks of corrective surgery: The political economy of horizontal inequalities and the end of the New Economic Policy in Malaysia*, hlm. 10; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 130; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62.

<sup>224</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62; Surat perletakkan jawatan Musa Hitam sebanyak tujuh helai; *The Rocket*, Vol. 19, Issue No. 5, April 1986, hlm. 16; Mohammad Agus Yusoff, *Malaysian federalism: Conflict or consensus*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 140.

<sup>225</sup> Jomo K. S., *My way: Mahathir’s economic legacy*, Kuala Lumpur: FORUM, 2003, hlm. 7; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 216; *The Rocket*, Vol. 19, Issue No. 5, April 1986, hlm. 16; Di dalam surat bertarikh 26 Februari, 1986. Musa Hitam ada menyatakan sebab-sebab beliau meletakkan jawatan.

<sup>226</sup> Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, hlm. 7; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 141; Beliau telah berlepas ke Arab Saudi mengerjakan Umrah dan seterusnya ke London.

<sup>227</sup> *Ibid.*, hlm. 100; *The Rocket*, Vol. 19, Issue No. 5, April 1986, hlm. 16.



sebagai Menteri Perdagangan dan Industri.<sup>228</sup> Majlis Tertinggi UMNO pada 1 Mac 1986 telah mengumumkan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Dr. Mahathir dan bersetuju untuk menghantar satu rombongan terdiri daripada empat orang Menteri Besar(MB)<sup>229</sup> dalam usaha memujuk Musa Hitam supaya menarik balik semua perletakkan jawatan beliau.<sup>230</sup> Percubaan Musa Hitam untuk mendapat simpati dan perhatian daripada ahli-ahli UMNO telah gagal.<sup>231</sup> Pada 14 Mac 1986, Musa Hitam sebagai menghormati suara ahli UMNO hanya bersetuju mengekalkan kedudukan beliau sebagai Timbalan Presiden UMNO sahaja kerana kedudukan ini bukanlah atas perantikan oleh Perdana Menteri tetapi atas pilihan ahli-ahli UMNO. Menurut Sanusi Junid perletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri tidak dapat ditarik balik kerana Dr. Mahathir sahaja yang berkuasa untuk melantik semula dan beliau tidak bercadang untuk berbuat demikian.<sup>232</sup>

Dr. Mahathir mempunyai pandangan tersendiri dengan tindakan Musa Hitam meletakkan jawatan secara mengejut kerana ia salah satu strategi politik yang diatur secara terancang dan kemas oleh Musa. Ini dinafikan oleh Musa Hitam,<sup>233</sup> perletakkan jawatan secara mengejut adalah strategi untuk mendapatkan simpati daripada ahli-ahli UMNO terutama Majlis Tertinggi. Seolah-olah Musa Hitam telah teraniaya dan ditindas oleh Dr. Mahathir sehingga beliau terpaksa mengambil jalan keluar dengan meletakkan semua jawatan. Apabila isu ini menjadi hangat dan hebat diperbincangkan secara tidak langsung telah menaikkan imej dan populariti Musa Hitam sebagai seorang yang “gentleman” dengan meletakkan jawatan kerana tidak sehaluan dengan cara kepimpinan

<sup>228</sup> *The Star*, 25 Mar. 1987, ‘I’m no dictator and I’ve no great wealth: Dr. M’.

<sup>229</sup> Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 96; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir’s paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 170; Chamil Wariya, *Naik jatuh dan bangun semula: Abdullah Ahmad Badawi dan politik Malaysia*, Shah Alam: Times Editions, Marshal Cavendish, 2005, hlm. 25; MB Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad, MB Pahang, Najib Razak, MB Perak, Ramli Ngah Talib dan MB Johor, Ajib Ahmad.

<sup>230</sup> Mahathir Mohamad, *Blogging to unblock: A citizen’s rights*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2013, hlm. 69; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 231.

<sup>231</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 169; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 151.

<sup>232</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 285; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 231; Chamil Wariya, *Naik jatuh dan bangun semula: Abdullah Ahmad Badawi dan politik Malaysia*, hlm. 25; Ucapan Sanusi Junid di Majlis Anjuran Universiti Malaya Perlis dan Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Universiti Utara Malaysia di Dewan 2020, Kangar, Perlis pada 8 Mac, 2011.

<sup>233</sup> Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 141; *The Rocket*, Vol. 19, Issue No. 5, April 1986, hlm. 16.

Dr. Mahathir. Apabila situasi ini telah dicapai, Musa yang telah bersara akan kembali semula dengan sokongan daripada ahli UMNO dan dengan kekuatan yang baru. Seterusnya Musa Hitam akan menjadi “duri dalam daging” yang akan memaksa Dr. Mahathir meletakkan semua jawatan dengan secara terhormat dan Musa Hitam adalah calon yang paling layak menggantikan Dr. Mahathir.<sup>234</sup>

Bagi Dr. Mahathir perletakkan jawatan adalah sandiwara politik oleh Musa Hitam kerana politik adalah darah daging Musa Hitam. Beliau tidak akan sewenang-wenangnya meletakkan jawatan dan meninggalkan arena politik begitu sahaja.<sup>235</sup> Ianya mempunyai strategi dan muslihat untuk menggugat kedudukan Dr. Mahathir dan mendapat simpati dari ahli-ahli UMNO.<sup>236</sup> Dr. Mahathir tidak mahu melayan karenah politik Musa Hitam dan tetap dengan pendirian beliau menerima perletakan jawatan Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri.<sup>237</sup> Dr. Mahathir telah mengambil keputusan bahawa beliau tidak mahu memujuk dan berkerjasama lagi dengan Musa Hitam. Tanpa menunggu Perhimpunan Agung UMNO, Dr. Mahathir telah melantik Ghafar Baba<sup>238</sup> dengan menggunakan kuasanya untuk melantik Timbalan Perdana Menteri. Tindakan ini berbeza semasa Dr. Mahathir baru dilantik menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981 iaitu mahukan ahli UMNO membuat pilihan sendiri dalam perhimpunan Agung UMNO.<sup>239</sup> Pada 7 Mei 1986, Dr. Mahathir mengumumkan perantikan Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri menggantikan Musa

---

<sup>234</sup> Ibid., Mohammad Agus Yusoff, *Malaysian federalism: Conflict or consensus*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 138.

<sup>235</sup> Ibid.; Pertemuan Zainuddin Maidin dengan Dr. Mahathir di kediaman Dr. Mahathir pada 28 Februari 1986, sebelum Majlis Kerja Tinggi bersidang untuk membincangkan surat perletakkan jawatan Musa Hitam.

<sup>236</sup> Ibid.

<sup>237</sup> Alias Mohamed, *A Biography: Ghafar*, hlm. 11; Pada waktu pagi, Ghafar menerima berita perletakkan jawatan Musa Hitam dan pada waktu petang beliau menerima panggilan daripada Dr. Mahathir yang telah meminta bantuan beliau dan memberi masa seminggu untuk memberi jawapan.

<sup>238</sup> Chamil Wariya, *Naik jatuh dan bangun semula: Abdullah Ahmad Badawi dan politik Malaysia*, hlm. 25; Ucapan Sanusi Junid di Majlis Anjuran Universiti Malaya Perlis dan Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Universiti Utara Malaysia di Dewan 2020, Kangar, Perlis pada 8 Mac, 2011.

<sup>239</sup> Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*, hlm. 298; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62; Edmund Terence Gomez, 'Politics of the media business: The press under Mahathir', in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies program, 2004, hlm. 477.

Hitam.<sup>240</sup> Perlantikan Ghafar Baba telah melangkaui dua orang Naib Presiden UMNO kerana kedua-dua mereka mendapat undi melebihi Ghafar Baba pada perhimpunan UMNO 1984.<sup>241</sup> Terdapat dua orang lagi naib presiden iaitu Wan Mokhtar dan Abdullah Ahmad Badawi. Wan Mokhtar tidak dipilih kerana beliau adalah Menteri Besar Terengganu. Manakala Abdullah Ahmad Badawi adalah “orang Musa Hitam”.<sup>242</sup> Tunku telah mengkritik perlantikan Ghafar Baba yang telah menerima jawatan Timbalan Perdana Menteri kerana beliau sedang menghadapi masalah kewangan.<sup>243</sup>

Perlantikan Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri telah meletakkan Dr. Mahathir sekali lagi menolak Tengku Razaleigh<sup>244</sup> walaupun mempunyai kuasa untuk melantik Tengku Razaleigh. Tengku Razaleigh telah menjangkakan Dr. Mahathir akan memilih Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila beliau ditanya oleh wartawan: “Saya fikir jawatan itu akan diberikan kepada Encik Ghafar Baba.”<sup>245</sup> Dr. Mahathir tidak memilih Tengku Razaleigh sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana pengaruh Tengku Razaleigh dalam UMNO masih boleh menggugat kedudukan beliau. Secara tidak langsung telah memberi sokongan kepada Tengku Razaleigh sebagai bakal Perdana Menteri dan juga akan menyebabkan ada ahli-ahli UMNO yang tidak berpuas hati terutama di kalangan ahli-ahli UMNO kem Musa Hitam. Dr. Mahathir tidak mahu memberi laluan kepada Tengku Razaleigh dan menyokong beliau untuk bertanding menentang Musa.<sup>246</sup> Ghafar Baba meninggalkan kabinet selepas Hussein Onn memilih Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri tetapi

---

<sup>240</sup> Ibid., hlm. 298; Seorang veteran dan Naib Pesiden UMNO selama 25 tahun; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*; Edmund Terence Gomez, ‘Politics of the media business: The press under Mahathir’, in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, hlm. 477.

<sup>241</sup> Abdullah Tahir, ‘Jejak-jejak seorang pemimpin’, dalam Alias Mohamed (editor), *Ghafar Baba, Kupasan oleh profesor dan cendekiawan Melayu*, Petaling Jaya: Gateway Publishing Home, 1993, hlm. 68.

<sup>242</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 255-256; *Utusan Malaysia*, 3 April 2009, ‘Menghargai legasi Pak Lah’.

<sup>243</sup> Kua Kia Soong, (edited), *K. Das and the Tunku tapes*, hlm. 116.

<sup>244</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 169; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 233.

<sup>245</sup> *Utusan Malaysia*, 2 April, 1986; Tengku Razaleigh: Jangan kaitkan saya dengan lantikan Timbalan Perdana Menteri.

<sup>246</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 79.

mengekalkan kedudukan beliau sebagai Naib Presiden UMNO.<sup>247</sup> Namun untuk melantik Ghafar Baba sebagai Timbalan Presiden UMNO, Dr. Mahathir terpaksa menunggu perhimpunan agung UMNO kerana ahli-ahli UMNO yang akan menentukan kedudukan Timbalan Presiden UMNO. Lagipun, Musa Hitam masih memegang jawatan Timbalan Presiden UMNO dan masih mempertahankan jawatan tersebut dalam pemilihan UMNO 1987.

Dr. Mahathir menggunakan kesempatan ini untuk menguatkan lagi kedudukan beliau dengan melantik Anwar Ibrahim menjawat jawatan Menteri Pelajaran menggantikan Abdullah Ahmad Badawi yang ditukarkan ke Kementerian Pertahanan.<sup>248</sup> Manakala Sanusi Junid ditukarkan ke Kementerian Pertanian menggantikan Anwar Ibrahim.<sup>249</sup> Shahrir Abdul Samad bekas Setiausaha Politik Musa Hitam dan juga merupakan orang kuat Musa Hitam telah ditukarkan dari Kementerian Wilayah ke Kementerian Kebajikan dan Sosial. Najib Razak, Menteri Besar Pahang yang turut dilabelkan sebagai penyokong Musa Hitam telah ditukarkan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ajib Ahmad Menteri Besar Johor turut dikenakan tindakan dengan melantik beliau sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Adib Adam pula telah digugurkan daripada jawatan Menteri Tanah dan Pembangunan Luar Bandar.<sup>250</sup> Tindakan Dr. Mahathir menyemarakkan lagi protes terhadap kepimpinan beliau dan dikatakan sebagai 'politik cantas'.

### **Penentangan terhadap kepimpinan Dr. Mahathir dalam UMNO 1987**

Persoalan perpaduan yang nampak mula retak telah lama dikesan oleh pihak wartawan tetapi cuba dinafikan oleh Dr. Mahathir. Ketika temuramah dengan wartawan yang

---

<sup>247</sup> Abdul Latiff Abu Bakar, 'Penderitaan dan perjuangan', dalam Alias Mohamed (editor), *Ghafar Baba. Kupasan oleh profesor dan cendekiawan Melayu*, Petaling Jaya: Gateway Publishing Home, 1993, hlm. 49; Beliau telah bergiat dalam bidang perniagaan dan menjadi pengarah kepada 25 buah syarikat sendirian berhad dan menjadi pengarah dalam 11 buah syarikat awam.

<sup>248</sup> *Utusan Malaysia*, 3 April 2009, 'Menghargai Legasi Pak Lah'; Hanya setahun memegang jawatan tersebut dari tahun 1986 hingga 1987; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 130.

<sup>249</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 170; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 130.

<sup>250</sup> *Ibid.*, hlm. 168; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 131.

diadakan pada 13 Julai 1983, Dr. Mahathir menyatakan: “Problem in Umno not as big as it’s made out to be. I don’t think the problem is as big as you make out. But you – the Press, I think is beginning to believe its own reports.”<sup>251</sup> Beliau ada menyatakan terdapat masalah dalaman berkenaan dengan perpaduan ahli UMNO tetapi merasa optimis dapat menyelesaikan masalah tersebut dengan keyakinan pemimpin-pemimpin UMNO tidak akan memecah belahkan perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO. Dr. Mahathir berkata “They would not want to split the party. But of course sometimes they are carried away by the urgings and exhortations of their supporters...They are not going to split the party.”<sup>252</sup>

Musa Hitam hanya berdiam diri sementara waktu dan kedudukan beliau dalam politik negara menjadi tanda tanya<sup>253</sup> sehinggalah terdapat khabar angin yang menyatakan beliau akan bergabung dengan Tengku Razaleigh bagi menentang Dr. Mahathir dalam perhimpunan Agong UMNO pada tahun 1987.<sup>254</sup> Pada 11 Februari 1987, Musa Hitam telah membuat pengumuman akan mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO.<sup>255</sup> Musa Hitam mengumumkan pencalonan terlebih dahulu untuk mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO yang masih disandang oleh beliau. Ini telah menyebabkan Tengku Razaleigh tiada pilihan jawatan untuk bertanding dan terpaksa mengambil pendirian bertanding menentang Mahathir dalam perebutan jawatan Presiden UMNO.<sup>256</sup> Pada mulanya, Tengku Razaleigh tidak memberi sebarang respon dan menafikan berita tersebut<sup>257</sup> tetapi pada 11 April 1987 bertempat di Pulau Pinang Tengku Razaleigh telah mengumumkan keputusan untuk menentang Dr. Mahathir dibuat selepas mendapat persetujuan daripada bekas Perdana Menteri iaitu

---

<sup>251</sup> *News Straits Times*, 16 Jul. 1983, hlm. 4.

<sup>252</sup> *Ibid.*

<sup>253</sup> Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, hlm. 107.

<sup>254</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 168; *The New York Times*, 28 Mar. 1987, ‘Malaysia leader facing major revolution in his party’.

<sup>255</sup> Chamil Wariya, *Naik jatuh dan bangun semula: Abdullah Ahmad Badawi dan politik Malaysia*, hlm. 28; Sekembali daripada percutian di Switzerland dan Bombay.

<sup>256</sup> *Ibid.*

<sup>257</sup> *Utusan Malaysia*, 28 April, 1986.

Tunku Abdul Rahman dan Hussein Onn.<sup>258</sup> Sebagai simbolik gabungan mereka, Tengku Razaleigh telah merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO cawangan Segamat, Johor pada 27 Februari, 1987<sup>259</sup> yang diketuai oleh Musa Hitam.<sup>260</sup> Manakala Musa Hitam telah merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO cawangan Gua Musang, Kelantan yang diketuai oleh Tengku Razaleigh pada 20 Mac 1987.<sup>261</sup> Menjelang perhimpunan Agung UMNO 1987, Musa Hitam dan Tengku Razaleigh telah mengumumkan untuk bertanding bagi menentang Dr. Mahathir<sup>262</sup> dan Ghafar Baba.<sup>263</sup> Tengku Razaleigh telah kalah sebanyak dua kali kepada Musa Hitam dan mahu terus menentang Dr. Mahathir.<sup>264</sup> Musa Hitam pula menentang Ghafar Baba bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO. Beliau tidak menentang Dr. Mahathir kerana tidak mahu menggantikan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri.<sup>265</sup> Musa Hitam menjelaskan pendirian untuk bersama Tengku Razaleigh menentang Dr. Mahathir: “We might have differed politically but we did so in the spirit of democracy.”<sup>266</sup>

Menurut Mohammad Agus berlakunya kerjasama antara Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh adalah kerana rasa tidak puas hati ahli senior yang melihat stail kepimpinan Dr. Mahathir yang autokratik dan menguatkan pengaruh peribadi, melaksanakan polisi tanpa mendapat pandangan dan nasihat daripada pakar dan

<sup>258</sup> Mohd Ali Kamarudin, *Penaung dalam kepimpinan politik Melayu: UMNO Kelantan, 1946-1990*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1998, hlm. 476; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 263.

<sup>259</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 131; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 262.

<sup>260</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 189; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 262; *Malaysian Business*, Mar. 16, 1987, hlm. 7; Musa Hitam berucap di mesyuarat tersebut menjelaskan mengapa beliau bergabung dengan Tengku Razaleigh: “Although we may have competed twice before, I tell you... we stand together now without bitterness and completely united. We might have differed politically but we did so in spirit of democracy. And if we find there is need for change, then we can put aside our differences and offer ourselves as candidates.”

<sup>261</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 131; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 262.

<sup>262</sup> BT245/1857/0848; Laporan bertajuk: Defence Adviser Malaysia – Annual Report June 1978 – June 1979, hlm. I-4.

<sup>263</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 142; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 41.

<sup>264</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 189; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 131.

<sup>265</sup> Ibid.

<sup>266</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 292; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62; *The New York Times*, 28 Mar. 1987, ‘Malaysia Leader Facing Major Revolt in his party’; *New Straits Times*, 21 Mar. 1987, hlm. 2, ‘Don’t be fooled by the selfish: PM’; Mahathir menyatakan Demokrasi adalah berkonsep Barat. Walaupun parti UMNO menurut demokrasi tetapi ahlinya tidak boleh lepas pandang kepada adat dan tradisi Melayu.

perunding politik<sup>267</sup> bagi melaksana strategi ekonomi dan kos projek yang berprestij seperti pembinaan Jambatan Pulau Pinang<sup>268</sup> dan Projek Kereta Nasional.<sup>269</sup> Stail kepimpinan Dr. Mahathir ini dianggap berlawanan dengan cara pelaksanaan sesuatu dasar sebagaimana pemimpin-pemimpin lalu. Mohammad Agus menyatakan: “Such a style of leadership went against the practice of previous administrations.”<sup>270</sup>

Kerancangan dalam berkempen telah mewujudkan Team A dan Team B. Team A bagi gabungan Dr. Mahathir dan Ghafar Baba. Manakala Team B pula gabungan Tengku Razaleigh dan Musa Hitam.<sup>271</sup> Perebutan jawatan tertinggi dalam UMNO dan gabungan antara Tengku Razaleigh dengan Musa Hitam dikatakan berpunca dari rasa tidak puas hati kedua-dua pemimpin itu terhadap tindakan dan cara Dr. Mahathir mentadbir negara dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset.<sup>272</sup> Kejatuhan harga barang kerana pelabur asing hilang kepercayaan terhadap kerajaan Malaysia pimpinan Dr. Mahathir.<sup>273</sup> Ia juga dikaitkan dengan tindakan Dr. Mahathir yang sering mengkritik dan membidas negara maju.<sup>274</sup> Musa Hitam mengkritik Dr. Mahathir, “Be friendly to all nations, as we started off. Don’t try to lecture the world. Don’t try to become a big power.”<sup>275</sup> Di dalam surat perletakkan jawatan Musa Hitam bertarikh 26 Februari, 1986 kepada Dr. Mahathir, Musa Hitam ada menyatakan: “Sepanjang masa saya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, saya mengaku memanglah ada beberapa dasar serta cara-cara pelaksanaan atas nama kerajaan pimpinan saudara yang saya sendiri persoalkan tetapi banyak daripadanya saya beritahu kepada saudara sendiri dalam

---

<sup>267</sup> Mohammad Agus Yusoff, ‘The politics of Malaysian federalism: The case of Kelantan’, *Jebat*, 28(2001) 24, hlm. 2; Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 96.

<sup>268</sup> Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 211.

<sup>269</sup> *Buku Rasmi Tahunan Malaysia, 1987*, Jilid ke 19, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1988, hlm. 94; Proton ditubuhkan pada 5 Mei, 1983 dan rakan seniaga adalah Syarikat Motor Mitsubishi Jepun; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 211; *Aliran*, Vol. 9, No. 1, 1989, hlm. 39.

<sup>270</sup> Mohammad Agus Yusoff, ‘The politics of Malaysian federalism: The case of Kelantan’, *Jebat*, 28(2001) 24, hlm. 2.

<sup>271</sup> Sivamurugan Pandian, *Abdullah Badawi: Menuju ke puncak*, hlm. 25; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 191; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 41.

<sup>272</sup> Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 103; projek Dayabumi dibina oleh kontraktor Jepun dengan kos perbelanjaan RM500 juta tetapi kontraktor tempatan hanya dengan kos RM171 juta telah ditolak; Jomo K.S., *Warisan ekonomi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2010, hlm. 47; Joseph Liow, ‘Keperibadian, Tuntutan dan Luar-Jangkaan: Penentu dasar luar Malaysia’, dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentaabiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003, hlm. 153; Ekonomi meleset pada tahun 1985 dan 1986.

<sup>273</sup> *Dewan Masyarakat*, Mei 1987, hlm. 9.

<sup>274</sup> *Ibid.*

<sup>275</sup> *The New York Times*, 28 Mar. 1987.

pertemuan-pertemuan yang begitu kerap kita adakan.”<sup>276</sup> Musa Hitam tidak terus memprotes tetapi akur kepada pendapat dan cadangan Dr. Mahathir kerana lebih mementingkan “prinsip tanggungjawab bersama atau ‘collective responsibility’.”<sup>277</sup>

Musa Hitam dikatakan seorang kosmopolitan yang pro-Barat.<sup>278</sup> Sejak awal politik Musa lagi beliau telah diiktiraf oleh pihak Britain sebagai salah seorang ahli politik yang terbaik: “...must be considered in due course as a potential Prime Minister.”<sup>279</sup> Dalam soal Dasar Ekonomi Baru Musa Hitam sendiri tidak sependapat. Ini dinyatakan oleh pihak Britain dalam pertemuan mereka dengan Musa Hitam di London yang menyatakan “...arithmetical nonsense and in addition that the effect would be to scare off foreign investors.”<sup>280</sup> Kesempatan pandangan Musa Hitam ini telah memberi ruang kepada pihak Britain untuk bercadang menggunakan Musa Hitam: “He could prove a useful ally of this.”<sup>281</sup> Beliau mempunyai pandangan yang berbeza dari Dr. Mahathir terutama beberapa dasar yang ingin dilaksanakan oleh Dr. Mahathir. Antaranya, Musa Hitam tidak tertarik dengan dasar “Pandang ke Timur” yang dianggap lebih merugikan negara.<sup>282</sup> Beliau beranggapan Jepun dan Korea Selatan mengambil kesempatan dengan mengeksploitasi dasar tersebut dan merebut sebanyak peluang yang boleh sehingga terdapat sungutan daripada pemborong tempatan.<sup>283</sup> Dr. Mahathir pernah meluahkan rasa tidak puas hati terhadap tindakan Jepun<sup>284</sup> dan Korea Selatan yang tidak bersungguh-sungguh membantu Malaysia dalam memindahkan teknologi (technology transfer) mereka kepada Malaysia.<sup>285</sup> Dalam persidangan Dewan Rakyat pada 1 Ogos, 1983, Dr. Mahathir menyatakan perdana menteri Jepun Yasuhiro

---

<sup>276</sup> *The Rocket*, Vol. 19, Issue No. 5, April 1986, hlm. 16; Surat bertarikh 26 Februari, 1986;

<sup>277</sup> *Ibid.*

<sup>278</sup> Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, hlm. 74.

<sup>279</sup> *FCO15/2075/0041*, hlm. 2, Surat daripada Kedutaan Britain di Malaysia - Notes for Consideration.

<sup>280</sup> *Ibid.*

<sup>281</sup> *Ibid.*

<sup>282</sup> Mohd Noor Yazid, *Hegemonic powers, radical politics and development state: The case of Indonesia-Malaysia political relations during the Cold War*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 185; Mohammad Agus Yusoff, *Malaysian federalism: Conflict or consensus*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 138; *Aliran*, Vol. 9, No. 1, 1989, hlm. 38.

<sup>283</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 59, 1 Ogos 1983, hlm. 8528-8529.

<sup>284</sup> *Ibid.*

<sup>285</sup> Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, hlm. 18.



Nakasone memahami dasar kerajaan Malaysia dan memberi jaminan akan menggalakkan syarikat swasta Jepun untuk bekerjasama dengan kontraktor-kontraktor Malaysia.<sup>286</sup> Musa Hitam berpendapat bahawa DPT tidak memberi faedah kepada Malaysia dan beliau lebih berminat untuk melihat ke Barat sebagai contoh kerana bagi beliau Barat adalah segala pusat tamadun, industri, kewangan, kebudayaan dan pendidikan. Kebanyakan rakyat Malaysia lebih mengenali dan mudah berurusan dengan Barat daripada Jepun dan Korea Selatan yang masih asing kepada negara.<sup>287</sup> Beliau juga tidak begitu yakin dengan pertolongan daripada Jepun dan menyatakan: “The danger of Japanese taking over if you did not know how to do it.”<sup>288</sup> Apabila Dr. Mahathir ingin melaksanakan dasar perindustrian, Musa Hitam tidak begitu yakin dengan kemampuan negara pada waktu itu untuk melaksanakan dasar tersebut.<sup>289</sup> Beliau memberi alasan iaitu, pertama, negara masih kekurangan tenaga pekerja mahir. Kedua, negara masih kekurangan modal dan ketiga, tidak mampu bersaing dengan negara-negara maju kerana sering gagal apabila bersaing dengan negara-negara maju.<sup>290</sup>

Musa Hitam yang tidak berpuashati telah menggunakan saluran antarabangsa dalam mengkritik kepimpinan Dr. Mahathir dan mahu menjatuhkan nama Dr. Mahathir di peringkat antarabangsa. Melalui majalah *International Herald Tribune* pada 4 April, 1987 menyatakan Dr. Mahathir telah menyalahguna kuasa dan wang dalam mentadbir negara.<sup>291</sup> Musa Hitam membuat tuduhan Dr. Mahathir mengenakan sekatan terhadap akhbar kerajaan dalam menyuarakan suara dan beliau disamakan dengan tindakan oleh Ferdinand E. Marcos di Filipina dan Presiden Suharto di Indonesia.<sup>292</sup> Dalam wawancara dengan akhbar *The New York Times*, Musa menyatakan: “Money misused, power abused” dan cara Dr. Mahathir menangani masalah ekonomi, tanggungjawab Dr.

---

<sup>286</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 59, 1 Ogos 1983, hlm. 8528-8529.

<sup>287</sup> Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, hlm. 18.

<sup>288</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 123.

<sup>289</sup> Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 39.

<sup>290</sup> Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, hlm. 18-19.

<sup>291</sup> Ghafar Baba, *Pendamai: Antara cabaran dan pergolakan*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, 1986, hlm. 93; Skandal BMF, MAMINCO, Koperatif, Sogososha, Pan Elektrik serta UMBC.

<sup>292</sup> Mary McCourt, ‘Malaysian leader beats challenge’, in *EIR*, Volume 14, Number 23, Jun. 5 1987, hlm. 53.

Mahathir terhadap skandal kewangan yang melibatkan kerajaan dan institusi dan juga stail kepimpinan beliau.<sup>293</sup> Musa Hitam juga menyatakan keperluan negara Malaysia yang memerlukan pelabur-pelabur asing telah dinafikan oleh sikap Dr. Mahathir yang telah mengkritik pihak Barat kerana layanan yang tidak adil kepada negara-negara sedang membangun.<sup>294</sup> Dr. Mahathir juga mengkritik Zionisme dan media negara-negara Barat yang dipengaruhi oleh pihak Zionis. Begitu juga dengan DPT dan polisi BBL turut dikritik oleh Musa Hitam.<sup>295</sup>

Begitu juga Tengku Razaleigh yang tidak berpuas hati dengan keadaan ekonomi negara yang meleset disebabkan cara Dr. Mahathir menangani masalah tersebut.<sup>296</sup> Beliau beranggapan tindakan menentang Dr. Mahathir sebagai menentang “kemungkaran politik dan ekonomi”. Beliau turut menyatakan gaya kepimpinan Dr. Mahathir sebagai seorang diktator dan autokratik. Beliau juga mengkritik cara kepimpinan Dr. Mahathir dalam menangani kemelut ekonomi: “...hasil perancangan ekonomi yang tidak teliti, kecenderungan menumpukan kekayaan kepada segelintir golongan...skandal-skandal kewangan dan perniagaan semakin berleluasa... peluang-peluang ekonomi di kalangan bumiputera sendiri tidak lagi diagih-agihkan dengan adil dan saksama.”<sup>297</sup> Turut dinyatakan dalam bidang hubungan luar negara yang dikatakan sebagai tidak harmoni. Ini disebabkan oleh tindakan dan cara Dr. Mahathir dalam melaksanakan hubungan luar terutama dengan negara Barat yang dianggap anti-Barat. Tengku Razaleigh menyatakan: “Hubungan kita dengan berbagai negara berdaulat di serata dunia tidak semata-mata ditentukan oleh perhitungan emosional atau kepentingan tertentu...”<sup>298</sup> Saranan untuk berbaik-baik dengan pelbagai negara telah diperkatakan

---

<sup>293</sup> *The New York Times*, 28 Mar. 1987

<sup>294</sup> Ghafar Baba, *Pendamai: Antara cabaran dan pergolakan*, hlm. 91; Pelabur sektor pembuatan dari Britain telah merosot dari RM80 juta dalam tahun 1982 kepada RM70 juta dalam tahun 1983. Seterusnya pada tahun 1986, hanya RM19 juta. Begitu juga pelaburan dari Amerika Syarikat telah merosot dari RM37 juta dalam tahun 1985 kepada RM17 juta dalam tahun 1986. Ini telah dinafikan oleh Ghafar Baba bahawa kemerosotan pelaburan dari negara Barat bukan sahaja Malaysia mengalami malah lain negara turut terlibat.

<sup>295</sup> Mary McCourt, ‘Malaysian leader beats challenge’, in *EIR*, Volume 14, Number 23, Jun. 5 1987, hlm. 53.

<sup>296</sup> Ucapan Tengku Razaleigh pada 19 April, 1987.

<sup>297</sup> *Ibid.*

<sup>298</sup> *Ibid.*

oleh Lim Kit Siang dalam persidangan Parlimen pada 15 Oktober, 1982: “Kita mesti mengamalkan dasar diplomatik yang lebih positif dan dinamik...Malaysia mengamalkan dasar luar yang berkecuali dan kita mesti berikhtiar untuk berbaik-baik dengan semua negara.”<sup>299</sup>

Tengku Razaleigh tidak melepaskan peluang menentang Dr. Mahathir walau pun pada mulanya Musa Hitam adalah musuh politik beliau. Beliau telah berkompromi dengan Musa Hitam dalam usaha menjatuhkan Dr. Mahathir. Musa Hitam bukan lagi penghalang beliau untuk menentang Dr. Mahathir dan beranggapan Dr. Mahathir telah mengamalkan dasar politik pecah dan perintah.<sup>300</sup> Musa Hitam tidak bertanding menentang Dr. Mahathir tetapi membiarkan Tengku Razaleigh sebagai lawan Dr. Mahathir. Bermulanya keretakan dalam UMNO apabila Musa Hitam secara mengejut mengumumkan perletakan jawatan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Presiden UMNO.<sup>301</sup> Salah satu sebab beliau meletakkan jawatan kerana Dr. Mahathir masih mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet dan tidak melayan desakan Musa Hitam supaya Tengku Razaleigh tidak diberi tempat dalam kabinet.<sup>302</sup> Musa Hitam mahu memastikan tiada lagi pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO.<sup>303</sup> Kali ini Musa Hitam berkompromi dengan Razaleigh dalam usaha untuk menjatuhkan Dr. Mahathir dari dalam UMNO sendiri. Ini adalah permainan politik Musa Hitam yang sukar diramalkan. Beliau meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri tetapi tidak jawatan Timbalan Presiden UMNO supaya beliau dapat bangkit semula menerusi dari dalam UMNO sendiri. Temubual wartawan *Aliran* dengan Musa Hitam pada tahun 1989, beliau menyatakan:

---

<sup>299</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 5, 15 Oktober 1982, hlm. 588.

<sup>300</sup> Abd. Rahim Kassim, *Mengapa Saya Tentang Mahathir – Tengku Razaleigh*, hlm. 98.

<sup>301</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 62.

<sup>302</sup> Khoo Boo Teik, *Beyond Mahathir: Malaysian politics and its discontents*, hlm. 123.

<sup>303</sup> Lihat In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 129.

Politics is art of the possible, with only one objective in mind, that is, to gain power, let me unashamedly say this, anybody who gets into politics and says that I'm really not interested in power is bullshitting. In one way or another he's interested in power, either at its ultimate or being nearest to it.<sup>304</sup>

Terdapat faktor lain yang menyebabkan mereka bertanding kerana melihat strategi Dr. Mahathir yang menguatkan kedudukannya dengan membawa orang baru ke dalam UMNO dan memberi jawatan penting kepada mereka.<sup>305</sup> Terutama Anwar Ibrahim<sup>306</sup> dan Daim Zainuddin<sup>307</sup> yang diberi kepercayaan dalam mengendalikan beberapa projek penting<sup>308</sup> dan telah mengenyahkan beberapa orang lama UMNO yang berpengaruh seperti Tengku Razaleigh yang sebelum ini telah diberikan kepercayaan oleh Tun Razak dan Hussein Onn terutama dalam menguruskan ekonomi negara.<sup>309</sup> Turut dilantik Sanusi Junid dipilih sebagai Setiausaha Agong UMNO.<sup>310</sup> Kehadiran Anwar Ibrahim memberi tekanan kepada kedudukan Musa Hitam yang dijangkakan adanya persaingan baru<sup>311</sup> dalam merebut jawatan Presiden UMNO. Kemunculan Anwar secara mendadak diterima oleh Dr. Mahathir. Anwar Ibrahim menyatakan: "I think I can serve better working from within UMNO."<sup>312</sup> Anwar Ibrahim bukanlah baru kepada Dr. Mahathir kerana turut menyokong dalam tahun 1969–1970 semasa pertelingkahan dengan Tunku Abdul Rahman<sup>313</sup> dan telah lama mempunyai hubungan

<sup>304</sup> *Aliran*, Vol. 9, No. 1, 1989, hlm. 37.

<sup>305</sup> Mohammad Agus Yusoff, 'The politics of Malaysian federalism: The case of Kelantan', in *Jebat*, 28(2001) 24, hlm. 2.

<sup>306</sup> *Malaysian Business*, Dec. 16-31, 1989, hlm. 15; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 127; Dr. Mahathir beranggapan adalah lebih baik menarik Anwar Ibrahim ke dalam UMNO daripada dibiarkan bersekongkol dengan parti PAS yang sudah tentu akan menambahkan populariti parti PAS. Ini juga akan menghindar UMNO daripada dikritik dan menjadi ancaman kepada Anwar yang pada waktu itu namanya begitu popular sebagai seorang yang gemar mengkritik kerajaan dan di bawah pengaruh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Ini terbukti apabila Anwar Ibrahim dipecat daripada UMNO; *Asiaweek*, Sep. 24, 1982, hlm. 17, 'A though critic joins the club'; *Malaysian Business*, Oct. 1, 1986, hlm. 5.; M. Rajendran, *Mahathir Mohamad: Prime Minister of Malaysia*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd, 2003, hlm. 14; Presiden ABIM dan penyertaan UMNO pada 29 Mac 1982.

<sup>307</sup> Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 147; *Malaysian Business*, Dec. 16-31, 1989, hlm. 15; Jamaie Hamil, *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*, hlm. 127-131.

<sup>308</sup> Jamaie Hamil, *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*, hlm. 129-131; *New Straits Times*, 27 Mar. 1987, hlm. 19, 'Jealously spovns anti-Mahathir drive'.

<sup>309</sup> Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*, hlm. 298; Mohammad Agus Yusoff, 'The politics of Malaysian federalism: The case of Kelantan', in *Jebat*, 28(2001) 1-24, hlm. 2.

<sup>310</sup> Hasana Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, hlm. 239; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir: Triumph after trials. Aftermath 1990 elections, the second phase*, hlm. 99.

<sup>311</sup> *Malaysian Business*, Oct. 1, 1986, hlm. 5; Musa berusaha untuk menjatuhkan Anwar.

<sup>312</sup> *Asiaweek*, Sep. 24, 1982, hlm. 16, 'By joining the party I do not sacrifice my principles'; Khoo Boo Teik, *Beyond Mahathir: Malaysian politics and its discontents*, hlm. 89.

<sup>313</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 469; Abu Hassan Adam, *Menebus Maruah*, hlm. 38; Charles Allers, *Anwar Ibrahim: Evolution of a muslim democrat*, hlm.68; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 106-107.

dengan Anwar Ibrahim terutama dalam membincang soal-soal politik dan ekonomi.<sup>314</sup> Beliau dikatakan bakal Perdana Menteri<sup>315</sup> dan ini telah mengancam kedudukan Musa Hitam.<sup>316</sup> Begitu juga ahli-ahli UMNO lain yang senior.<sup>317</sup> Kebanyakan ahli UMNO rasa tidak puas hati terhadap perlantikan Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan. Beliau dianggap tidak layak memegang jawatan Menteri Kewangan kerana mempunyai kepentingan dalam perniagaan (conflict of interest).<sup>318</sup> Projek-projek besar kerajaan dibolot oleh golongan tertentu yang ada hubungan keluarga, politik atau persahabatan dengan Daim.<sup>319</sup> Daim dianggap tidak popular di kalangan ahli-ahli UMNO tetapi setelah Dr. Mahathir melantik beliau menjawat jawatan Bendahari UMNO dan Menteri Kewangan<sup>320</sup> menggantikan Tengku Razaleigh yang ditukarkan ke Kementerian Perdagangan dan Industri,<sup>321</sup> beliau terus mendadak naik.<sup>322</sup>

Bagi Ho Khai Leong pertandingan pada pemilihan UMNO 1987 merupakan satu peristiwa yang gamat dan bergelora. Tradisi kepimpinan UMNO tanpa cabaran telah runtuh dan Tengku Razaleigh sebagai pencetus budaya politik baru UMNO yang telah tidak mengikuti tradisi ketaatan mutlak kepada pemimpin telah berakhir.<sup>323</sup> Tunku sendiri berpendapat bahawa pemilihan UMNO 1987 ini adalah tidak seperti biasa dan “but not this bitter, not this intense.”<sup>324</sup> Diane K. Mauzy melihat perebutan jawatan UMNO 1987 adalah sesuatu yang berbeza daripada amalan dan cara orang Melayu.

<sup>314</sup> R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysia: Tradition, modernity and Islam*, United States of America: Westview Press, Inc., 1986, hlm. 51; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 127.

<sup>315</sup> *Malaysian Business*, Apr. 16, 1987, hlm. 12.

<sup>316</sup> Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, hlm. 13; *Malaysian Business*, Oct. 1, 1986, hlm. 5.

<sup>317</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 469; *New Straits Times*, 27 Mar. 1987, hlm. 19, ‘Jealously spowns anti-Mahathir drive’.

<sup>318</sup> Izhah Mahmud, ‘Korporat Melayu di pentas dunia’, dalam Mohamed Anwar Omar Din, (disunting), *Dinamika Bangsa Melayu: Menongkah arus globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 74; Tugas seorang Menteri Kewangan bukanlah mudah dan tidak ramai yang layak memegang jawatan tersebut. Ini kerana Menteri Kewangan merupakan salah satu dari portfolio yang terpenting dalam kabinet malah mungkin yang terpenting di Malaysia, kerana Menteri berkenaan bertanggungjawab terhadap kestabilan ekonomi dan keteguhan kewangan negara.

<sup>319</sup> Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, hlm. 15; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 126; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 190-191.

<sup>320</sup> *Ibid.*, hlm. 35; Daim adalah calon yang tidak menyebelahi mana-mana antara dua puak iaitu Tengku Razaleigh dan Musa Hitam.

<sup>321</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 167; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 101; Jomo K. S., ‘Mahathir’s flawed economic policy legacy’, in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 255.

<sup>322</sup> Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 49.

<sup>323</sup> Ho Khai Leong, ‘Pentadbiran Dr. Mahathir terkepung’, dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, hlm. 18.

<sup>324</sup> *Malaysian Business*, Apr. 16, 1987, hlm. 11.

Among other elements, a method of problem – solving and conflict avoidance that has helped to soothe political tempers. It emphasizes traditional courtesy and good manners, wide consultation, compromise, avoidance of direct confrontation when possible (but leaving a role of innuendo) and a striving for consensus rather than imposing the will of a (sometimes narrow) majority. If possible, critics are wooed rather than repressed and defeated.<sup>325</sup>

Menurut Diane K. Mauzy pula percaturan jawatan UMNO sebelum ini lebih kepada cara Melayu iaitu menyelesaikan masalah dan mengelakkan konflik daripada menimbulkan rasa tidak puas hati. Mengutamakan jalan penyelesaian dengan cara hormat dan beradab baik, merujuk (konsultansi), kompromi, mengelakkan konfrontasi secara langsung dan lebih mementingkan konsensus. Diane K. Mauzy menyatakan: “While the formal processes of politics, namely elections, and parliamentary rules are based on the Western democratic model of majority rule, the informal processes have always been guided by the “Malay Way”.”<sup>326</sup> Dalam perebutan jawatan pada tahun 1987, regu Dr. Mahathir dan Ghafar Baba yang dikenali sebagai Team A telah menewaskan Tengku Razaleigh dan Musa Hitam yang dikenali sebagai Team B.<sup>327</sup>

**Jadual 3.1: Keputusan Pemilihan UMNO 1987 – Presiden dan Timbalan Presiden**

CALON	PENAMAAN	PENAMAAN %	UNDI	UNDI %
<b>PRESIDEN</b>				
<b>MAHATHIR MOHAMAD</b>	88	66.2	761	51.45
<b>TENGGU RAZALEIGH HAMZAH</b>	37	27.8	718	48.55
<b>TIMBALAN PRESIDEN</b>				
<b>GHAFFAR BABA</b>	74	55.6	739	49.97
<b>MUSA HITAM</b>	50	37.6	699	47.26
<b>UNDI ROSAK</b>			41	2.77

*Sumber:* Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1996, hlm. 118.

<sup>325</sup> Diane K. Mauzy, ‘Malaysia in 1987: Decline of “The Malay way”’, in *Asian Survey*, Vol. XXVIII, No. 2, February, 1988, hlm. 213.

<sup>326</sup> *Ibid.*

<sup>327</sup> Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*, hlm. 366; Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 312.

Dr. Mahathir mendapat undi sebanyak 761,<sup>328</sup> manakala Tengku Razaleigh mendapat undi sebanyak 718.<sup>329</sup> Kemenangan kepada Dr. Mahathir dengan mendapat kelebihan undi sebanyak 43.<sup>330</sup> Ghafar Baba mendapat undi sebanyak 739<sup>331</sup> manakala Musa Hitam mendapat undi sebanyak 699.<sup>332</sup> Kemenangan menyebelahi Ghafar Baba dengan kelebihan undi sebanyak 40<sup>333</sup> dan undi rosak sebanyak 41<sup>334</sup> yang disebabkan oleh rasa tidak puas hati penyokong Tengku Razaleigh terhadap Musa Hitam.<sup>335</sup> Kemenangan ini juga dikatakan oleh kerana faktor Pemuda UMNO yang diketuai oleh Najib Razak telah condong memihak kepada Team A di saat-saat terakhir. Ini telah mempengaruhi keputusan bagi kedua-dua jawatan tersebut.<sup>336</sup>

**Jadual 3.2: Keputusan Pemilihan UMNO 1987 – Naib Presiden**

CALON	PENAMAAN	PENAMAAN %	UNDI	UNDI %
<b>NAIB PRESIDEN</b>				
<b>WAN MOKHTAR</b>	54	40.6	935	21.07
<b>ANWAR IBRAHIM</b>	76	57.1	850	19.16
<b>ABDULLAH AHMAD BADAWI</b>	75	56.4	879	19.81

*Sumber:* Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1996, hlm. 118.

Dua daripada tiga Naib Presiden telah dimenangi oleh Team A<sup>337</sup> ia itu Wan Mokhtar mendapat undi sebanyak 935<sup>338</sup> dan Anwar Ibrahim pula mendapat undi

<sup>328</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 269; R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 43; Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 313.

<sup>329</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 64; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 140; Temubual Zainuddin dengan Dr. Mahathir pada 19 Ogos 1988; Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 313.

<sup>330</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 192; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 64; Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 313; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 269.

<sup>331</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 64; Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 313; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 269-270.

<sup>332</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 192; Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 313; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 269-270.

<sup>333</sup> Ibid.; Barry Wain, *Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad Turbulent Time*, hlm. 64; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 195; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 269-270.

<sup>334</sup> Mohamad Abdah Mohamad Zain, 'Mahathir's Corporatism vs Razaleigh's Liberalism Capitalist expansionism, class fractionalization and intra-Bourgeoisie party factionalism', dalam *Kajian Malaysia*, VI, 2 Disember, 1988, hlm. 23; *Malaysian Business*, Jan. 1, 1988, hlm. 6.

<sup>335</sup> Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 64; *Malaysian Business*, Jan. 1, 1988, hlm. 6.

<sup>336</sup> Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan perlaksanaan dasar*, hlm. 366; *Dewan Masyarakat*, Julai 1987, hlm. 28.

<sup>337</sup> R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 43; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 192.

<sup>338</sup> Mohamad Abdah Mohamad Zain, 'Mahathir's Corporatism vs Razaleigh's Liberalism Capitalist expansionism, class fractionalization and intra-Bourgeoisie Party Factionalism', dalam *Kajian Malaysia*, VI, 2 Disember, 1988, hlm. 23; *Malaysian Business*, May 1, 1987, hlm. 13.

sebanyak 850.<sup>339</sup> Manakala Team B dimenangi oleh Abdullah Ahmad Badawi mendapat undi sebanyak 879.<sup>340</sup> Kemenangan Team A juga disebabkan Najib Razak telah membuat pilihan untuk menyokong Team A dan dijanjikan jawatan Ketua Pemuda UMNO menggantikan Anwar Ibrahim.<sup>341</sup> Najib dituduh bermain “politik lalang” yang tidak mempunyai pendirian.<sup>342</sup> Manakala dua pertiga daripada ahli Majlis Tertinggi dimenangi oleh Team A iaitu 15 ahli daripada dua puluh lima ahli yang bertanding.<sup>343</sup>

Pada mula pertandingan yang dijalankan tidak menampakkan akan berlakunya perpecahan perpaduan dikalangan ahli UMNO dan dijangkakan dapat merapatkan semula hubungan antara satu sama lain tetapi sebaliknya telah berlaku, perpecahan antara Team A dan Team B.<sup>344</sup> Perpecahan di kalangan ahli UMNO telah membawa kepada pengharaman parti UMNO. Ini dituruti pula oleh tertubuhnya sebuah lagi parti bagi orang Melayu yang baru dikenali sebagai Semangat 46<sup>345</sup> yang diketuai oleh Tengku Razaleigh dan pengikut-pengikutnya yang tidak berpuas hati dengan kepimpinan Dr. Mahathir.<sup>346</sup> Terdapat berita yang menyatakan secara rasmi Tengku Razaleigh adalah pemenang sebenar setelah pengiraan pertama dilakukan tetapi apabila kali kedua pengiraan dilakukan didapati Dr. Mahathir telah diisytiharkan sebagai pemenang.<sup>347</sup> Ini telah menimbulkan keraguan ke atas kemenangan Dr. Mahathir terutama daripada Team B. Dr. Mahathir merasa kecewa apabila Tengku Razaleigh menentang beliau kerana berpendapat apabila pihak atasan berpecah turut sama

<sup>339</sup> Ibid.; *Malaysian Business*, May 1, 1987, hlm. 13.

<sup>340</sup> Sivamurugan Pandian, *Abdullah Ahmad Badawi: Jalan ke puncak*, hlm. 25; Terdiri daripada enam orang ahli UMNO yang bertanding iaitu Team A diwakili oleh Wan Mokhtar, Anwar Ibrahim dan Ramli Ngah Talib. Manakala Team B pula diwakili oleh Harun Idris, Rais Yatim dan Abdullah Ahmad Badawi; *Malaysian Business*, May 1, 1987, hlm. 13.

<sup>341</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 192; Mohamad Abdah Mohamad Zain, ‘Mahathir’s Corporatism vs Razaleigh’s Liberalism Capitalist expansionism, class fractionalization and intra-Bourgeoisie Party Factionalism’, dalam *Kajian Malaysia*, VI, 2 Disember, 1988, hlm. 23; *Malaysian Business*, May 1, 1987, hlm. 10.

<sup>342</sup> Chamil Wariya, *Najib Razak: 30 tahun dalam politik*, hlm. 182; *Malaysian Business*, May 1, 1987, hlm. 10; Dua hari sebelum pemilihan UMNO 1987, Najib bersama Exco Pemuda UMNO mengisytihar memberi sokongan kepada Dr. Mahathir.

<sup>343</sup> R.S. Milne and Diane K. Mauzy; *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 43; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 192; *Malaysian Business*, May 1, 1987, hlm. 13.

<sup>344</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 191; Hambali Abdul Latif, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, Batu Caves: Penerbit Wadah Karya, 2001, hlm. 16.

<sup>345</sup> Lukman Thaib, *The politics and governments of South East Asia*, hlm. 142; Parti baru yang memperjuangkan UMNO lama. Merujuk kepada tahun UMNO ditubuhkan; Meredith L. Weiss, *Mengatasi politik berasaskan ras di Malaysia: Menentukan norma untuk kerjasama berbilang etnik yang lebih mendalam*, dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003, hlm. 83.

<sup>346</sup> Hambali Abdul Latif, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, hlm. 16; Oo Yu Hock, *Ethnic chameleon: Multiracial politics in Malaysia*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1991, hlm. 22.

<sup>347</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 133; *Malaysian Business*, May 1, 1987, hlm. 9; Ada laporan menyatakan Tengku Razaleigh telah mendahului sebanyak 80 hingga 120 undi.



berpecah di pihak bawahan dan walaupun demokrasi membenarkan pertandingan tetapi tradisi UMNO tidak sedemikian. Beliau sendiri tidak menentang Hussein Onn walaupun terdapat beberapa perbezaan pendapat.<sup>348</sup>

### **Selepas Pemilihan UMNO 1987**

Pertandingan merebut jawatan di peringkat atas secara terbuka dalam tahun 1981, 1984 dan 1987 telah menjadi tradisi baru dalam politik UMNO. Ini telah menyebabkan ahli-ahli UMNO berpuak-puak dalam mempertahankan pemimpin-pemimpin yang mereka sokong dan telah membawa bibit perpecahan di kalangan ahli UMNO sendiri. Selepas pemilihan UMNO 1987, jelas menunjukkan telah berlakunya perpecahan yang amat besar di kalangan ahli UMNO dan tradisi setiap ahli UMNO yang kalah akur dengan keputusan telah tidak berlaku. Penentangan terhadap kepimpinan Dr. Mahathir terus berlaku.<sup>349</sup>

Selepas kalah dalam pemilihan UMNO 1987, Musa Hitam membuat kenyataan: "We should respect the democratic process. Now that the election is over we must unite."<sup>350</sup> Berbeza dengan Tengku Razaleigh yang telah mengumumkan perletakan jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Industri dan diikuti pula oleh Rais Yatim meletakkan jawatan sebagai Menteri Luar Negeri.<sup>351</sup> Perpecahan yang lebih teruk lagi apabila Dr. Mahathir telah menggunakan kuasa dan pengaruhnya selepas kemenangan tersebut dengan mencantas mereka yang menentang beliau, lebih-lebih lagi daripada Team B.<sup>352</sup> Selepas sehari Tengku Razaleigh dan Rais Yatim meletak jawatan,<sup>353</sup> Dr. Mahathir mengirim surat kepada tiga menteri dan empat timbalan menteri menyatakan

---

<sup>348</sup> *Malaysian Business*, Jan. 1, 1988, hlm. 6.

<sup>349</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 172.

<sup>350</sup> *The New York Times*, 25 Jul. 1987, 'Malaysian holds party leadership by a narrow vote'.

<sup>351</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 193; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 270; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 155; *The New York Times*, 28 Mar. 1987; Rais Yatim berkata: "burning his bridges".

<sup>352</sup> *Ibid.*, hlm. 193; Tujuh Menteri dan Timbalan Menteri yang menyokong Tengku Razaleigh; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 64.

<sup>353</sup> Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 196-197; Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 121; *Malaysian Business*, May 16, 1987, hlm. 4.

perkhidmatan mereka tidak diperlukan lagi selepas 7 Mei 1987.<sup>354</sup> Mereka adalah Shahrir Samad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Ajib Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Salah seorang yang tidak diberi apa-apa jawatan dalam kabinet ialah Abdullah Ahmad Badawi<sup>355</sup> walaupun beliau berjaya mempertahankan jawatan Naib Presiden UMNO.<sup>356</sup> Manakala empat orang Timbalan Menteri ialah Kadir Sheikh Fadzir, Timbalan Menteri Luar Negara, Rahmah Osman, Timbalan Menteri Pengangkutan, Zainal Abidin Zin, Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos dan Radzi Sheikh Ahmad, Timbalan Menteri Perusahaan Utama.<sup>357</sup> Melalui Ketua Setiausaha Negara, telah mengumumkan pembentukan kabinet baru dan menyatakan tindakan mencantas mereka yang dianggap telah menentang Mahathir adalah untuk “membersihkan kabinet”.<sup>358</sup> Ini menyebabkan rasa tidak puas hati memuncak terutama Team B yang diketuai oleh Tengku Razaleigh dan disokong oleh kedua-dua bekas perdana menteri iaitu Tunku dan Hussein Onn.<sup>359</sup> Dr. Mahathir menyatakan beliau perlu melakukan sesuatu untuk menguatkan kedudukan selepas beliau menang dengan tipis. Beliau memilih mereka yang menyokong daripada mereka yang menentang beliau kerana tidak mahu kehilangan lebih banyak sokongan.<sup>360</sup> Bagi memperkuatkan kedudukan beliau memerlukan sokongan yang padu daripada ahli-ahli UMNO, tiada sebarang penentangan yang boleh menggugat kedudukan beliau. Seterusnya akan

---

<sup>354</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 155; *Buku Rasmi Tahunan Malaysia, 1987*, Jilid 19, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1988, hlm. 378; Tindakan ini dikatakan sebagai “membersihkan kabinet”.

<sup>355</sup> *Utusan Malaysia*, 3 April, 2009; Selama tiga tahun tidak memegang sebarang jawatan dalam kabinet; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 155; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 270; *Malaysian Business*, May 16, 1987, hlm. 3.

<sup>356</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 193; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir's paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 197.

<sup>357</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 155; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 270; Chamil Wariya, *Naik jatuh dan bangun semula: Abdullah Ahmad Badawi dan politik Malaysia*, hlm. 25; Kesemua mereka daripada Team B; *Malaysian Business*, May 16, 1987, hlm. 4.

<sup>358</sup> *Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1987*, Jilid 19, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1988, hlm. 378; Pada waktu ini juga, Dr. Mahathir menaikkan ahli UMNO yang menyokong beliau seperti Daim Zainuddin, Megat Junid, Anwar Ibrahim yang menggantikan Abdullah Badawi (Menteri Pertahanan), Sanusi Junid dilantik menjadi Menteri Pertanian dan Rafidah Aziz, Ketua Wanita UMNO, ke jawatan Menteri Perdagangan dan Industri.

<sup>359</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 131; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 216.

<sup>360</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 271; *Malaysian Business*, Jan. 1, 1988, hlm. 7.

menjejaskan pelaksanaan dasar-dasar yang ingin dilaksanakan oleh beliau. Menurut Belveer Singh: “Winners take all”.<sup>361</sup>

Rasa tidak puas hati telah berlanjutan ke mahkamah dan pada 25 Julai 1987, dua belas orang ahli UMNO<sup>362</sup> mengemukakan saman di Mahkamah Tinggi supaya mengisytiharkan pemilihan UMNO pada 24 April 1987 dibatalkan dan tidak sah.<sup>363</sup> Kemudian salah seorang daripada mereka telah menarik diri setelah Dr. Mahathir berjaya memujuk seorang wakil dari Pahang<sup>364</sup> dan tinggal hanya sebelas orang ahli UMNO<sup>365</sup> yang meneruskan tuntutan tersebut.<sup>366</sup> Mereka mendakwa terdapat 53 cawangan yang tidak berdaftar daripada tujuh bahagian<sup>367</sup> telah turut serta mengundi dalam pemilihan UMNO 1987<sup>368</sup> dan mendakwa sekurang-kurangnya 45 undi diambil kira adalah terdiri daripada cawangan yang tidak berdaftar.<sup>369</sup> Kumpulan 11 mendakwa terdapat 78 ahli UMNO yang tidak sah daripada 1,479<sup>370</sup> delegasi telah mengambil bahagian walaupun mereka telah membantahnya secara lisan dan bertulis kepada kepimpinan teratas UMNO dan juga Sanusi Junid sebelum pemilihan UMNO tetapi tiada sebarang tindakan diambil bagi menghalang ahli-ahli UMNO yang tidak sah turut

---

<sup>361</sup> Belveer Singh, ‘Southeast Asia in 1987: Hope amidst problems’ in *Southeast Asian Affairs 1987*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1987.

<sup>362</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 194; Tiga dari Kelantan, tiga dari Pulau Pinang dan satu dari Pahang; Mohammad Agus Yusoff, *Malaysian federalism: Conflict or consensus*, hlm. 156.

<sup>363</sup> *New Straits Times*, 5 Feb. 1988, hlm. 1, ‘High Court dismisses suit by Harun Hashim’; *Utusan Malaysia*, 3 April 2008, ‘UMNO Mampu Hilang Kuasa’; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 279.

<sup>364</sup> *Ibid.*; Hussain Manap, Setiausaha UMNO cawangan Pasir Panjang, Pekan, Pahang.

<sup>365</sup> *Ibid.*; Mohamed Nor bin Othman, UMNO cawangan Nibong Tebal, Mohamed Yusof bin Othman, UMNO cawangan UMNO Kampung Baru, Nibong Tebal, Muda bin Yaacob, Cawangan UMNO Bukit Yong “A”, Pasir Puteh, Mohamed Yusof bin Yunus, cawangan UMNO Gong Kedak, Pasir Puteh, Abdul Rahman bin Ya’acob, cawangan UMNO Batu Hitam, Pasir Puteh, Abdul Rahman bin Hassan, cawangan UMNO Pengkal Meleret, Machang, Daud Che Soh, cawangan UMNO Kampung Pek, Machang, Mohamed Noor bin Senak, cawangan UMNO Pengkalan Machang, Rantau Panjang, Mokhtar @ Ahmad Mokhtar bin Haji Mohamed, cawangan UMNO Pekan Lama, Pekan, Kamaruddin bin Haji Awang Teh, cawangan UMNO, bahagian UMNO Bruas dan Abdul Rahim bin Abdul Rahman, cawangan UMNO Tanjung Agas, Telok Kemang.

<sup>366</sup> R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian Politics Under Mahathir*, hlm. 43; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 194-195.

<sup>367</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 157; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 279.

<sup>368</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 194; *The New York Times*, 7 Feb. 1988, ‘Malay party ruled illegal, spurring conflicts’; Chamil Wariya, *Najib Razak, 30 tahun dalam politik*, hlm. 47.

<sup>369</sup> *The New York Times*, 7 Feb. 1988, ‘Malay party ruled illegal, spurring conflicts’; Mohammad Agus Yusoff, *Malaysian federalism: Conflict or consensus*, hlm. 156.

<sup>370</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 279; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 157.

serta dalam pengundian pemilihan UMNO tersebut.<sup>371</sup> Mereka mahukan perisytiharan kemenangan Dr. Mahathir dibatalkan dan diadakan semula pemilihan yang baru.<sup>372</sup>

Bagi menangani kemelut ini, pada 26 September 1987, Majlis Tertinggi UMNO menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang diketuai oleh Abdullah Ahmad Badawi bagi menyelesaikan kes saman tersebut di luar mahkamah.<sup>373</sup> Perjumpaan berlaku pada 12 Oktober 1987 buat kali pertama dan gagal mencapai kata sepakat.<sup>374</sup> Dr. Mahathir berpendapat pemilihan semula Majlis Tertinggi akan menyebabkan pertandingan yang lebih sengit akan berlaku dan ini akan memburukkan lagi perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO.<sup>375</sup> Ini bukan sahaja melibatkan parti UMNO malah keadaan akan menjadi lebih teruk lagi dan akan menggugat kestabilan politik negara.

Pada 26 Januari 1988, bermulanya perbicaraan ke atas saman yang dibawa oleh Kumpulan 11 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan pada 4 Februari 1988, Hakim Mahkamah Tinggi, Harun Hashim telah menolak permintaan Kumpulan 11<sup>376</sup> di bawah seksyen 12(3) Akta Pertubuhan 1966<sup>377</sup> dan mengisytiharkan UMNO sebagai tidak sah<sup>378</sup> kerana menerima wakil dari tiga puluh cawangan yang tidak berdaftar<sup>379</sup> semasa

<sup>371</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 157; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 279; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 43.

<sup>372</sup> *New Straits Times*, 5 Feb. 1988, hlm. 1, 'High Court dismisses suit by Harun Hashim'; Chamil Wariya, *Najib Razak, 30 tahun dalam politik*, hlm. 47; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 279.

<sup>373</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 158; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 279; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 156; Majlis Tertinggi UMNO melantik sebuah jawatankuasa terdiri daripada lima orang ahli Majlis Tertinggi UMNO bagi menyelesaikan masalah secara rundingan dan diluar mahkamah tetapi tidak berjaya.

<sup>374</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 156; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 158; Perbincangan bermula dari 1 Oktober 1987 hingga 14 Oktober 1987 – tiada kompromi dicapai; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 279; Dalam perbincangan tersebut jawatankuasa Majlis Tertinggi telah memberi amaran sekiranya tindakan membawa kes ke mahkamah akan mengakibatkan seluruh pertubuhan UMNO diharamkan. Kumpulan 11 tidak menghiraukan amaran tersebut malah mendesak mahukan diadakan pemilihan Majlis Tertinggi semula.

<sup>375</sup> *Ibid.*; *New Straits Times*, 5 Feb. 1988, hlm. 1, 'High Court dismisses suit by Harun Hashim'.

<sup>376</sup> Chamil Wariya, *Najib Razak: 30 tahun dalam politik*, hlm. 47; Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, hlm. 313; Jamaie Hamil, *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*, hlm. 33; Jam 6:20 petang; *New Straits Times*, 5 Feb. 1988, hlm. 1, 'High Court dismisses suit by UMNO 11'; Albert Hoh Kin, *Mahathir and Malaysian modernization*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1999, hlm. 46.

<sup>377</sup> *New Straits Times*, 5 Feb. 1988, hlm. 1, 'High Court dismisses suit by Harun Hashim'; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 158; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 7, 16 Mac, 1988, hlm. 1151.

<sup>378</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 195-200; Hashim Harun mengisytiharkan UMNO tidak sah; Hambali Abdul Latif, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, hlm. 8; Kemuncak kepada "pertelingkahan dalaman" UMNO; *The New York Times*, 7 Feb. 1988, 'Malay party ruled illegal, spurring conflicts'; *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988.

<sup>379</sup> *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988, hlm. 4; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 143; *The New York Times*, 7 Jul. 1988; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 158; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 7, 16 Mac, 1988, hlm. 1151-1152.

pemilihan Jawatankuasa Bahagian dan ianya menjejaskan pemilihan Majlis Tertinggi.<sup>380</sup> Harun Hashim memberi keputusan: “Very sadly, I have to make a finding in law that, at the material time, Umno was an unlaw society.”<sup>381</sup> Menurut Seksyen 12(3) Akta Pertubuhan menyatakan: “Where a registered society established a branch without the prior approval of the registrar, such registered society and the branch so established should be deemed to be unlawful societies.”<sup>382</sup> Oleh itu, pihak mahkamah tiada pilihan lain melainkan mengisytiharkan parti UMNO tidak sah.<sup>383</sup> Harun Hashim menegaskan: “It is no nonsense provision.”<sup>384</sup> Berita pengharaman parti UMNO<sup>385</sup> mendapat liputan luas terutama orang ramai yang tidak menyangka bahawa sebagai sebuah parti politik yang besar dan berkuasa telah diisytiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi.<sup>386</sup> Tunku menyatakan: “I do not know how such a thing could have happened causing UMNO, the biggest Malay Party in the country which was at the helm of Government to become an [un]lawful body.”<sup>387</sup>

Pihak UMNO telah diberikan surat tunjuk sebab mengapa UMNO tidak boleh didaftarkan semula. Sanusi Junid sebagai Setiausaha Agung UMNO hanya menjawab dengan sehelai muka surat sahaja.<sup>388</sup> Tiada usaha yang bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan UMNO dari diisytiharkan tidak sah.<sup>389</sup> Apabila UMNO diharamkan terdapat usaha untuk memulihkan semula UMNO daripada kedua-dua pihak dan ada yang berpendapat Dr. Mahathir boleh menyelamatkan UMNO sebagai Menteri Dalam

---

<sup>380</sup> *New Straits Times*, 5 Feb. 1988; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 729.

<sup>381</sup> *Ibid.*

<sup>382</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 158; *Aliran*, December/January 1987/88, Volume 7:12, hlm. 5; Semasa perbincangan Gopal Sri Ram yang mewakili UMNO telah melibatkan kesahihan UMNO secara keseluruhannya sebagai sebuah parti yang sah manakala ia berbeza dengan Raja Aziz Adruse yang hanya mahu menumpukan kepada cawangan-cawangan yang tidak sah sahaja.

<sup>383</sup> *Ibid.*, hlm. 159.

<sup>384</sup> *New Straits Times*, 5 Feb. 1988, hlm. 1, ‘High Court dismisses suit by Harun Hashim’.

<sup>385</sup> *Malaysian Business*, Jan. 1, 1988, hlm. 5.

<sup>386</sup> *The New York Times*, 7 Jul. 1988.

<sup>387</sup> *Aliran*, December/January 1987/88, Volume 7:12, hlm. 1; Keluaran November/Disember 1987, Vol. 7:11, Stop Press 4; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 160; Keputusan Mahkamah bahawa UMNO tidak sah adalah keputusan teknikal sahaja tetapi Setiausaha Agung UMNO, Sanusi Junid telah gagal dalam menjalankan tugas kerana tiga puluh cawangan yang tidak sah itu boleh didaftarkan.

<sup>388</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm.160; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 7, 16 Mac, 1988, hlm. 1151-1152; Dalam surat bertarikh 8 Februari 1988 kepada Setiausaha Agung UMNO, Pendaftaran Pertubuhan telah meminta pihak UMNO memberikan sebab mengapa pertubuhannya tidak patut dibatalkan.

<sup>389</sup> *Aliran*, December/January, 1987/88, Volume 7:12, hlm. 6.

Negeri daripada diharamkan dengan membatalkan Seksyen 12(3) dengan menggunakan Seksyen 70 Akta Pertubuhan tetapi beliau tidak berbuat apa-apa hanya membiarkan pihak Mahkamah menentukan nasib UMNO sendiri.<sup>390</sup> Dr. Mahathir boleh mendaftar semula cawangan-cawangan yang tidak sah dan mengadakan semula pemilihan parti.<sup>391</sup> Ini tidak dilakukan oleh Dr. Mahathir bagi mengelakkan pertandingan semula. Dr. Mahathir mempunyai pendirian tersendiri dengan menyatakan: “Kerajaan tidak ada kena mengena dengan apa yang dihadapi oleh UMNO.”<sup>392</sup> Beliau tidak berbuat apa-apa kerana ia dapat mengukuhkan kedudukannya dalam UMNO yang baru dan dikelilingi oleh penyokong-penyokong beliau dan pada masa yang sama, mereka yang menentang dapat dilenyapkan daripada UMNO.<sup>393</sup> Dalam wawancara dengan *Malaysian Business* Dr. Mahathir menyatakan: “Don’t get me wrong. If it goes to the courts...I don’t care what the result is.”<sup>394</sup>

Selepas empat hari keputusan mahkamah iaitu pada 8 Februari 1988,<sup>395</sup> pihak Tengku Razaleigh yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan keputusan untuk mendaftar parti baru yang dinamakan UMNO Malaysia.<sup>396</sup> Beliau turut menulis surat kepada Tengku Razaleigh menggesa supaya beliau turut bersama memulihkan UMNO tetapi Tengku Razaleigh tidak mahu terlibat kerana tidak mahu disalah anggap.<sup>397</sup> Menurut Tunku, Tengku Razaleigh mahukan beliau sendiri memulihkan UMNO, “But, on the other hand, Tengku Razaleigh wanted me as ‘Bapa Malaysia’, to lead the struggle to save and rebuild UMNO.”<sup>398</sup> Tunku juga menulis surat

---

<sup>390</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 161; Kua Kia Soong, (edited), *K. Das and the Tunku tapes*, Petaling Jaya: Strategic Info Research Development, 2001, hlm. 122; *Aliran*, December/January, 1987/88, Volume 7:12, hlm. 1, ‘Ummno’s Misfortune’; Ini turut dijelaskan oleh Tunku: “...by using its power under Section 70 of the Societies Act to exempt UMNO from Section 12(3) and Section 41.

<sup>391</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 161.

<sup>392</sup> *Utusan Malaysia*, 5 Februari 1988.

<sup>393</sup> *Aliran*, December/January, 1987/88, Volume 7:12, hlm. 6; Barry Wain, *Malaysian maverick: Mahathir Mohamad turbulent times*, hlm. 53; In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 174.

<sup>394</sup> *Malaysian Business*, Jan. 1, 1988, hlm. 6.

<sup>395</sup> *Ibid.*, hlm. 162.

<sup>396</sup> R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 43; *Aliran*, December/January, 1987/88, Volume 7:12, hlm. 6; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 157; *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988, hlm. 4; Jawatankuasa pro-tem turut melibatkan Hussein Onn, Marina Yusoff, Rais Yatim, Rahmah Osman dan Zainal Abidin Zin.

<sup>397</sup> *Ibid.*

<sup>398</sup> *Aliran*, December/January 1987/88, Volume 7:12, Stop Press, hlm. 2.

kepada Dr. Mahathir menjemput beliau turut sama dalam usaha memulihkan UMNO tetapi ianya ditolak kerana Dr. Mahathir juga sedang berusaha untuk menubuhkan parti baru.<sup>399</sup> Selepas sehari Tunku mendaftar parti baru, pada 9 Februari 1988, Dr. Mahathir telah mendaftar parti baru dengan nama UMNO 88.<sup>400</sup> Kedua-dua parti baru ini ditolak pendaftarannya kerana parti UMNO belum dibatalkan pendaftarannya.<sup>401</sup> Pada 12 Februari, 1988, Zakiah Hashim Pendaftar Pertubuhan telah mengeluarkan surat rasmi bahawa UMNO adalah pertubuhan haram<sup>402</sup> dan pada 13 Februari, 1988, Dr. Mahathir mendaftar sekali lagi dengan nama UMNO (Baru) dan diluluskan selepas tiga hari oleh Pendaftaran Pertubuhan.<sup>403</sup> Tertubuhnya parti baru ini yang ditaja oleh beliau dan pengikut setia beliau telah membuka ruang yang luas untuk beliau meluaskan pengaruh dan kuasa sekeliling oleh “orang” beliau yang setia dan menguasai UMNO sepenuhnya.<sup>404</sup> Dr. Mahathir berjaya menubuhkan sebuah parti baru dengan memberi nama UMNO Baru dan mempertahankan kedudukannya sebagai Presiden UMNO tetapi ini telah memberikan tekanan kepada beliau dalam mengukuhkan kedudukannya kerana ada ahli-ahli UMNO yang masih tidak berpuas hati dan mengambil tindakan undang-undang bagi membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi.<sup>405</sup> Beliau terpaksa mengambil langkah seterusnya menghalang Kumpulan 11 dalam usaha untuk memulihkan UMNO yang telah dibatalkan.<sup>406</sup> Rasa tidak puas hati Kumpulan 11 tidak berakhir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tetapi mereka telah meneruskan usaha dengan membuat rayuan ke Mahkamah Agong (Supreme Court)<sup>407</sup> bagi mengadakan pemilihan UMNO 1987

---

<sup>399</sup> *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988, hlm. 4.

<sup>400</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 162.

<sup>401</sup> Ibid.; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 43; *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988, hlm. 4; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 157.

<sup>402</sup> Jamaie Hamil, *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*, hlm. 33.

<sup>403</sup> *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988, hlm. 4; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 143.

<sup>404</sup> In-Won Hwang, ‘Malaysia’s “Presidential Premier” Explaining Mahathir’s dominance’, in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 70.

<sup>405</sup> Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*, hlm. 298; Lihat William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 200; Presiden UMNO – Dr. Mahathir, Timbalan Presiden UMNO – Ghafar Baba dan Bendahari UMNO – Daim Zainuddin; William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 200.

<sup>406</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 164.

<sup>407</sup> *Utusan Malaysia*, 3 April, 2008; *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988, hlm. 5.

sekali lagi. Usaha ini membimbangkan Dr. Mahathir kerana akan melibatkan pertandingan semula.<sup>408</sup> Dr. Mahathir tidak mahu adanya pertandingan semula dalam masa yang terdekat dengan alasan ia akan menyebabkan perpecahan yang lebih besar di kalangan ahli UMNO berlaku. Dr. Mahathir juga mendapat tekanan daripada pihak pembangkang yang di ketuai oleh Lim Kit Siang yang telah mengambil kesempatan daripada krisis UMNO ini untuk mendesak supaya Dr. Mahathir meletakkan jawatan dengan menyatakan “he heads an unlawful party.”<sup>409</sup> Dr. Mahathir yakin kedudukannya sebagai Perdana Menteri<sup>410</sup> tidak tergugat dengan menyatakan: “Perdana Menteri dan Kerajaan boleh digugurkan jika ada undi tidak percaya atau jika tidak mendapat sokongan ahli-ahli Parlimen tetapi kita tahu keadaan ini tidak wujud sekarang.”<sup>411</sup> Di dalam keadaan ini Dr. Mahathir masih mendapat kepercayaan besar daripada ahli-ahli Dewan.<sup>412</sup> Abdullah Badawi mempunyai pandangan terhadap kesan daripada krisis yang melanda UMNO telah memberi peluang kepada Dr. Mahathir untuk melaksanakan dasar mengikut kemahuan beliau. Menurut beliau lagi “He didn’t ask for it, no doubt, but it got served to him on silver platter.”<sup>413</sup>

Dr. Mahathir menggunakan kuasa yang ada untuk membuang mereka yang menentang beliau.<sup>414</sup> Dr. Mahathir membuat kenyataan “Not all members of the old UMNO will be automatically admitted. Loyalty to the party will be the paramount consideration.” Pro-tem jawatankuasa UMNO Baru telah menetapkan syarat-syarat kemasukan menjadi ahli adalah tidak membenarkan sesiapa yang terlibat dalam perbicaraan yang membawa kepada UMNO tidak sah, mereka yang berusaha untuk menubuhkan parti baru dan mereka yang terlibat dalam usaha penubuhan UMNO

---

<sup>408</sup> William Case, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, hlm. 102.

<sup>409</sup> *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988, hlm. 5.

<sup>410</sup> *The New York Times*, 7 Feb. 1988, ‘Malay party ruled illegal, spurring conflicts’.

<sup>411</sup> *Utusan Malaysia*, 6 Februari 1988; *The New York Times*, 7 Feb. 1988, ‘Malay party ruled illegal, spurring conflicts’; *New Straits Times*, 14 Apr. 1987, hlm. 1, ‘How to remove PM who won’t resign: Dr. M’.

<sup>412</sup> Chamil Wariya, *Malaysia: 50 fakta asas kenegaraan*, Kuala Lumpur: Matrix, 2007, hlm. 199; “mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli dewan itu.”; Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, Institusi pemerintahan, lambang kebebasan*, hlm. 224-225; Mengikut Perkara 43(4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan: “Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli Dewan Rakyat maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Yang di-Pertuan Agong membubarkan parlimen.”

<sup>413</sup> *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988, hlm. 5.

<sup>414</sup> Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 142.



Malaysia. Ini turut melibatkan Tunku dan Hussein Onn.<sup>415</sup> Dr. Mahathir menambahkan tekanan kepada Team B apabila membuat kenyataan bahawa “people like Tengku Razaleigh Hamzah or Datuk Rais Yatim will not be allowed to join the new party.”<sup>416</sup> Perlembagaan UMNO turut diubah bagi menguatkan kedudukan Dr. Mahathir dengan mengadakan pemilihan UMNO secara tiga tahun sekali dan sistem undi bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden diperkenalkan dengan sistem undi bonus sebanyak sepuluh.<sup>417</sup> Ini bagi menguatkan kedudukan Presiden dan Timbalan Presiden supaya tidak dicabar dengan sewenang-wenangnya. Sekiranya ada mana-mana cawangan yang mencadangkan nama Presiden dan Timbalan Presiden UMNO untuk pemilihan secara secara automatik mendapat kelebihan sepuluh undi.<sup>418</sup> Kegagalan dalam usaha untuk merebut peluang memulihkan UMNO, Tengku Razaleigh telah keluar dari UMNO dan menubuhkan parti baru yang dikenali sebagai Semangat 46.<sup>419</sup> Tengku Razaleigh menyatakan apabila Dr. Mahathir menyingkir mereka iaitu Tunku, Hussein Onn, Musa Hitam dan beberapa ahli UMNO terutama Team B daripada penubuhan UMNO Baru menyebabkan mereka tiada pilihan selain daripada membentuk satu parti baru bagi meneruskan wadah perjuangan mereka. Tengku Razaleigh menyatakan: “When UMNO refused to admit us, we became ‘homeless’. But most of us were MPs and active politicians and so we set up Semangat 46 at the suggestion of Tunku.”<sup>420</sup> Di Kota Baru, Tengku Razaleigh telah mengumumkan “As loyal citizens we swear that we will defend the Umno of ’46. I urge all of you here today to remain patient so that we can better devote our energies to the final success of Umno ’46.”<sup>421</sup> Setelah gagal menubuhkan Dr. Mahathir dari dalam UMNO, Tengku Razaleigh telah bertindak di luar parti UMNO

---

<sup>415</sup> *Malaysian Business*, Mar. 1, 1988, hlm. 5; *Malaysian Business*, Apr. 1, 1988, hlm. 4.

<sup>416</sup> *Ibid.*, Apr. 1, 1988, hlm. 4.

<sup>417</sup> John Funston, ‘UMNO: What legacy will Mahathir leave?’, in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 135; Mohammad Agus Yusoff, *Malaysian federalism: Conflict or consensus*, hlm. 157.

<sup>418</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 174; Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*, Kuala Lumpur: HPI Lecturers Sdn Bhd, 2007, hlm. 301.

<sup>419</sup> *Utusan Malaysia*, 3 Januari, 1999; ‘Yang Tersurat Yang Tersirat’, Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 143; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, London: Routledge, 1999, hlm. 43.

<sup>420</sup> *Sun Daily*, 22 Sep. 2012.

<sup>421</sup> *Malaysian Business*, Apr. 1, 1988, hlm. 4.

dalam usaha untuk menjatuhkan Dr. Mahathir.<sup>422</sup> Tengku Razaleigh menegaskan: “Since the attempt to revive Umno through the courts had failed, they will take it to the people’s tribunal.”<sup>423</sup>

Semasa pertelingkahan sedang berlaku di kalangan ahli-ahli UMNO, Ketua Hakim Negara Salleh Abas telah menetapkan tarikh mendengar rayuan Kumpulan 11 pada 13 Jun, 1988 dan menubuhkan tribunal yang diwakili oleh sembilan Hakim Mahkamah Agong.<sup>424</sup> Pada 27 Mei, 1988, Salleh Abas telah dipanggil oleh Dr. Mahathir dan pertemuan tersebut disertai oleh Ghafar Baba dan Ketua Setiausaha Negara, Sallehudin.<sup>425</sup> Sehari selepas pertemuan tersebut Salleh Abas telah menulis surat perletakkan jawatan dengan alasan mengambil persaraan awal<sup>426</sup> dan pada hari yang sama Dr. Mahathir membalas surat tersebut dengan menerima perletakkan jawatan Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara.<sup>427</sup> Pada 29 Mei 1988, beliau telah menarik balik surat perletakkan jawatan.<sup>428</sup> Tindakan Salleh ini dianggap sebagai “Your conduct as such cannot but raise doubts as to your ability to make a firm decision and act upon it which is required of a judge.” Salleh Abas tetap dengan pendirian beliau dengan menyatakan: “I have no doubt – and few would now disagree – that it was the UMNO saga that led to my destruction as a judge.”<sup>429</sup> Perkhidmatan Salleh Abas digantung kerana “lack of dignity judicial propriety and impartiality”<sup>430</sup> kerana beliau telah

---

<sup>422</sup> Joseph Liow, ‘Keperibadian, tuntutan dan luar-jangkaan: Penentu dasar luar Malaysia’, dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, hlm. 154; Tengku Razaleigh telah membawa Semangat 46 bergabung dengan PAS, Berjasa dan Hamim di bawah nama Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Manakala gabungan Semangat 46 dengan DAP, PRM dan IPF (All-Malaysian Indian Progressive Front) di bawah nama Gagasan Rakyat. Semangat 46 memainkan peranan penting dalam usaha menggabungkan Semangat 46 dengan parti pembangkang iaitu DAP dan PAS. Buat pertama kali dalam sejarah pembangkang Malaysia berjaya bersatu di bawah satu bentuk perikatan.

<sup>423</sup> *The Rocket*, Vol. 21, Issue No. 6, September/October, 1988, hlm. 3.

<sup>424</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 164; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 292; Mohamed Salleh Abas, *Kebebasan kehakiman: Singa di bawah takhta dijerat (satu kezaliman)*, hlm. 30; *The Rocket*, Vol. 21, Issue No. 6, September/October, 1988, hlm. 1.

<sup>425</sup> *Aliran*, April/May, 1988, Volume 8:4, hlm. 5; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 292; Peter Alderidge Williams, *Judicial misconduct*, hlm. 58.

<sup>426</sup> *Aliran*, May/June, 1988, hlm. 3, ‘Charges against Lord President’; Mohamed Salleh Abas, *Kebebasan kehakiman: Singa di bawah takhta dijerat (satu kezaliman)*, hlm. 79; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 292; Peter Alderidge Williams, *Judicial misconduct*, hlm. 59; Salleh Abas menyatakan: “to avoid embarrassment all around, ...I have decided that it is better in the national interest for me to retire immediately...”

<sup>427</sup> *Ibid.*, Mohamed Salleh Abas, *Kebebasan kehakiman: Singa di bawah takhta dijerat (satu kezaliman)*, hlm. 81; Peter Alderidge Williams, *Judicial misconduct*, hlm. 59.

<sup>428</sup> *Ibid.*, Mohamed Salleh Abas, *Kebebasan kehakiman: Singa di bawah takhta dijerat (satu kezaliman)*, hlm. 83-86; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 292; Albert Hoh Kin, *Mahathir and Malaysian modernization*, Tesis, Sarjana, hlm. 52.

<sup>429</sup> K. Das, *May day for justice: The Lord President’s version*, Kuala Lumpur: Magnus Books, 1989, hlm. xx.

<sup>430</sup> *The New York Times*, 27 Oct. 1988; *Aliran*, April/May 1998, Volume 8:4, hlm. 5.

menulis sepucuk surat kepada Yang DiPertuan Agong Sultan Mahmood Iskandar dengan membuat aduan tentang tingkah laku Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri yang telah bertindak mengkritik dan menyekat kebebasan Badan Kehakiman dengan melakukan pindaan perlembagaan<sup>431</sup> bagi mengatasi keputusan badan kehakiman.<sup>432</sup> Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1988, Artikel 121(1)<sup>433</sup> dengan menggantikan perkataan “judicial power” kepada “High Courts and inferior courts shall have such powers as may be conferred by or under Federal law” dan Artikel 145 telah dipinda. Klaus 3 digantikan dengan 3(A) yang menyatakan “Federal law may confer on the Attorney General power to determine the courts in which or the venue at which any proceedings which he has power under Clause (3)...”<sup>434</sup> Ini telah dianggap sebagai menhad kebebasan kehakiman.<sup>435</sup> Walau bagaimanapun Dr. Mahathir berpendapat: “The functions of the three branches of government must be clearly defined for the government to be stable.” Adanya beberapa keputusan Mahkamah yang tidak menyebelahi pihak kerajaan telah menyebabkan Dr. Mahathir mengambil tindakan dengan meminda semula undang-undang yang tidak menyebelahi pihak kerajaan.<sup>436</sup>

Salleh Abas mempertikaikan tuduhan tersebut dengan menyatakan tindakan menggantung jawatan beliau dilakukan sebaik sahaja ditetapkan tarikh perbicaraan UMNO 11 pada 13 Jun dan dihakimi oleh sembilan orang hakim.<sup>437</sup> Tarikh perbicaraan

---

<sup>431</sup> *Aliran*, May/June, 1988, hlm. 3, ‘Charges against Lord President’; Chamil Wariya, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, hlm. 38; Parlimen terdiri daripada Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Yang Di-Pertuan Agong diberi kuasa untuk meminda Perlembagaan Persekutuan mengikut Perkara 159 dan Perkara 161E; *Lihat* hlm. 38-39; Pindaan boleh dilakukan dengan empat cara; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 292.

<sup>432</sup> *The New York Times*, 27 Oct. 1988; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 292; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir’s paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 120.

<sup>433</sup> *Malaysian Business*, Apr. 1, 1988, hlm. 5; Diluluskan oleh parlimen dengan undian 88 peratus menyokong pindaan tersebut; *Aliran*, Januari/February, 1988, Vol.8:1, hlm. 3, ‘Amendments Challenge Authority of Judiciary’.

<sup>434</sup> *Ibid.*; *Aliran*, Januari/February, 1988, Vol. 8:1, hlm. 3, ‘Amendments Challenge Authority of Judiciary’; Pindaan ini telah menyebabkan kuasa kehakiman tidak lagi terletak di dalam perlembagaan tetapi melalui Parlimen (statutes). Kuasa kehakiman telah ditarik balik dan peguam negara boleh menentukan mahkamah mana yang boleh mendengar sesuatu kes.

<sup>435</sup> R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 48; Albert Hoh Kin, *Mahathir and Malaysian modernization*, Tesis, Sarjana, Universiti Malaya, 1999, hlm. 48; *Malaysian Business*, Apr. 1, 1988, hlm. 5.

<sup>436</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 277-278; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir’s paradigm shift: The man behind the vision*, hlm. 126.

<sup>437</sup> *Ibid.* hlm. 24, ‘The Prime Minister and the judiciary’; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 292; Mohammad Agus Yusoff, *Malaysian federalism: Conflict or consensus*, hlm. 156; Peter Alderidge Williams, *Judicial misconduct*, hlm. 64; *Aliran*, Vol. 9, No. 11, 1989, hlm. 9.

UMNO 11 itu telah ditarik balik dan diadakan semula pada 8 Ogos, 1988<sup>438</sup> bersamaan dengan tarikh beliau dipecat dari jawatan Ketua Hakim Negara.<sup>439</sup> Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada perbicaraan UMNO 11 dilaksanakan oleh Salleh Abas sendiri. Perbicaraan ini akan melibatkan kedudukan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO akan terjejas sekiranya rayuan UMNO 11 berjaya.<sup>440</sup> Begitu juga dengan kedudukan Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Barisan Nasional turut terjejas.<sup>441</sup>

Abdul Hamid Omar sebagai pemangku Ketua Hakim Negara telah menunda rayuan Kumpulan 11 dan menetapkan semula pada 8 Ogos 1988 dengan tiga Hakim Mahkamah Agung yang tidak digantung tugas dan melantik dua Hakim Mahkamah Tinggi yang dipilih oleh Abdul Hamid Omar. Pada 9 Ogos 1988, Mahkamah Agung telah menolak rayuan Kumpulan 11.<sup>442</sup> Mereka tidak berjaya menafikan kemenangan Dr. Mahathir dan ini telah memberi mandat secara tidak langsung kepada Dr. Mahathir untuk meneruskan usaha beliau dalam meneraju negara. Keputusan ini juga telah mendapat kritikan daripada pelbagai pihak terutama daripada Majlis Peguam Malaysia<sup>443</sup> dan pihak pembangkang. Rasa tidak puas hati dengan keputusan tersebut telah membawa konflik antara Dr. Mahathir dengan Badan Kehakiman.<sup>444</sup>

## Kesimpulan

Bab ini melihat kepada latar belakang Dr. Mahathir dan perjalanan politik beliau. Bagaimana Dr. Mahathir menghadapi cabaran mempertahankan kedudukan beliau sebagai perdana menteri dalam usaha melaksanakan beberapa pembaharuan dan perubahan dasar kerajaan yang selama ini condong kepada Barat terutama Britain. Stail

---

<sup>438</sup> Mohamed Salleh Abas, *Kebebasan kehakiman: Singa di bawah takhta dijerat (satu kezaliman)*, 1989, hlm. 166; Mahkamah Agung terdiri daripada Pemangku Ketua Hakim Negara, Hakim Besar Borneo, Tan Sri Hashim Yeop Sani, Hakim Mahkamah Tinggi Dato' Yusof Mohammed dan Dato' Gan Chit Tuan bersidang mendengar kes rayuan UMNO 11.

<sup>439</sup> Ibid. hlm. 188; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 293.

<sup>440</sup> Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2009, hlm. 72.

<sup>441</sup> *Aliran*, May/June, 1988, hlm. 24, 'The Prime Minister and The Judiciary'; *Aliran*, Vol. 9, No. 11, hlm. 9.

<sup>442</sup> In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, hlm. 165; R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 48.

<sup>443</sup> Kua Kia Soong, (edited), *K. Das and the Tunku tapes*, hlm. 143.

<sup>444</sup> Oo Yu Hock, *Ethnic chameleon: Multiracial politics in Malaysia*, hlm. 32.

kepemimpinan Dr. Mahathir dan pelaksanaan dasar kerajaan telah menyebabkan beliau mendapat tentangan dari dalam UMNO sendiri. Persepsi ini mahu diubah oleh Dr. Mahathir dalam melaksanakan perubahan dasar-dasar ini tetapi terdapat rasa tidak puas hati di kalangan ahli UMNO sendiri yang mana sejarah kepemimpinan UMNO mempunyai ikatan sejarah yang kuat dengan pihak Britain dan kebanyakan pemimpin UMNO adalah produk daripada Britain.

Kajian ini mendapati bermulanya tentangan dari dalam UMNO apabila Musa Hitam meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Cubaan Musa Hitam mahu menarik perhatian ahli-ahli UMNO tidak mendapat sambutan dan usaha menjatuhkan Dr. Mahathir gagal. Kegagalan ini telah menyebabkan Musa Hitam berkompromi dengan Tengku Razaleigh dalam usaha untuk menumbangkan kepemimpinan Dr. Mahathir. Ini adalah kerana hala tuju dan stail kepemimpinan Dr Mahathir dianggap telah berbeza daripada pemimpin-pemimpin sebelum ini. Kemuncaknya pada tahun 1987, kedua-dua tokoh UMNO iaitu Tengku Razaleigh dan Musa Hitam telah mengambil keputusan menentang Dr. Mahathir dalam pemilihan UMNO pada tahun 1987 sehingga wujudnya Team A dan Team B. Satu perpecahan besar berlaku dan meruntuhkan perpaduan dalam UMNO. Protes kedua-dua pemimpin, Tengku Razaleigh dan Musa Hitam tertumpu stail kepemimpinan Dr. Mahathir dan rasa tidak puas hati terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir iaitu pelaksanaan BBL yang telah mengganggu gugat hubungan dengan pihak Britain dan juga mereka berpendapat bahawa pelaksanaan DPT tidak begitu meyakinkan untuk dicontoh. Usaha untuk menjatuhkan Mahathir gagal. Dr. Mahathir mendapat tentangan dari pelbagai sudut bukan sahaja Badan Kehakiman, malah pihak pembangkang dan ahli UMNO sendiri sehinggalah perpecahan dalam UMNO berlaku. Rasa tidak puas hati Tengku Razaleigh terhadap kepemimpinan Mahathir telah menyebabkan beliau menubuh parti Semangat 46 yang diketuai oleh beliau sendiri dan disokong oleh Tunku Abdul Rahman dan Hussein

Onn dalam usaha menjatuhkan Mahathir. Bab ini melihat usaha Mahathir dalam mengubah paradigma dan persepsi rakyat Malaysia terhadap Barat dan telah mendapat tentangan dari dalam UMNO sendiri. Namun begitu landasan untuk berubah telah diusahakan oleh Mahathir dan ianya bergantung seterusnya kepada pemimpin selepas beliau sama ada mahu meneruskannya atau kembali kepada tahap lama.

University of Malaya

## BAB 4

### HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN ASPEK EKONOMI

#### Pengenalan

Secara tradisi hubungan di antara Malaysia dan Britain adalah baik tetapi selepas Dr. Mahathir mengambil alih tampok pemerintahan ianya berbeza dan jelas pada awal lagi Dr. Mahathir telah memberi tamparan kepada pihak Britain dan meletakkan hubungan dengan Britain tidak sama seperti sebelum ini. Keistimewaan yang diperolehi oleh pihak Britain telah berubah.<sup>1</sup> Dr. Mahathir menyatakan: “The old relationship will never return. But neither should we drift further apart. There is a tremendous reservoir of goodwill in both countries. It should be an easy matter to tap this reservoir.”<sup>2</sup> Pihak Britain tidak mengenakan tekanan ke atas Tun Razak kerana imej beliau menampakkan kesinambungan tradisi dan sistem birokrasi yang diwarisi daripada Tunku.<sup>3</sup> Begitu juga dengan Hussein Onn yang hanya meneruskan kesinambungan hala tuju yang telah dirancang oleh Tun Razak. Hussein Onn masih mengekalkan hubungan tradisi berbaik dengan pihak Britain. Berbeza dengan Dr. Mahathir yang bertindak untuk membawa Malaysia keluar dari condong ke Barat dan mengubah hala tuju ke arah Timur.<sup>4</sup> Tindakan ini secara tidak langsung telah mempelbagaikan hubungan Malaysia dengan negara luar dan tidak terlalu bergantung dengan negara Barat terutama Britain. Semasa lawatan Margaret Thatcher ke Malaysia pada tahun 1985, beliau telah menyatakan:

---

<sup>1</sup> Chew Huat Hock, ‘Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia’s bilateral relations with Britain and Singapore in 1981’, in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No. 3, December 1982, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1982, hlm. 346.

<sup>2</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 58.

<sup>3</sup> FCO24/857/0024; Telegram: ‘Tunku’s future’. British High Commission, Kuala Lumpur kepada Foreign and Commonwealth Office, London; Tunku menyatakan: “there was no doubt that Tun Razak would take his place, everybody has got used to him for the last thirteen years he has been with me. There would be no change in country’s policies.”

<sup>4</sup> Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 161; Mohd Yusof Ahmad, ‘50 years of Malaysia’s ‘Economic Diplomacy’: The continuing struggle for peace, security and developments’ in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 10, No. 1, 2008, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2008, hlm. 56.

Malaysia is a land of opportunity as well as immense potential, not only for Malaysians but for British firms who have good, competitive and well designed products and have the stamina and perseverance to sell them.<sup>5</sup>

Sebelum merdeka lagi pihak Britain telah nampak potensi Malaysia sebagai sumber ekonomi Britain. Begitu juga dengan Margaret Thatcher yang berpendapat bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai potensi dan Britain pula mempunyai keupayaan untuk bersaing memberi kelebihan kepada Britain untuk memperolehi banyak peluang yang sedia ada untuk direbut.<sup>6</sup>

Dasar Britain semasa menjajah Malaya telah membiarkan jurang ekonomi antara kaum tidak seimbang dan memperkenalkan fungsi ekonomi menurut kaum.<sup>7</sup> Ini telah menyebabkan kaum Melayu ketinggalan di belakang.<sup>8</sup> Selepas merdeka, Tunku turut tidak mengambil langkah untuk mengurangkan jurang ekonomi antara kaum. Beliau tidak campurtangan dalam hal ekonomi negara dan membiarkan kaum Cina menguasai ekonomi. Menurut Jamaie Hamil selepas mencapai kemerdekaan Tunku lebih mengutamakan aspek politik dengan memantapkan kuasa politik dan memastikan kekuatan politik beliau terlebih dahulu.<sup>9</sup> Secara langsung terdapat persefahaman di antara pemimpin UMNO dan MCA bahawa UMNO menguasai politik dan MCA menguasai ekonomi.<sup>10</sup> Apabila Malaysia memperkenalkan DEB pihak Britain tidak mahu bekerjasama untuk mematuhi syarat dan aturan yang telah ditetapkan terutama dalam meningkatkan ekonomi kaum Melayu kepada tiga puluh peratus.<sup>11</sup> Perselisihan faham ini berlanjutan dan tidak dapat diselesaikan dan pihak Britain masih mengambil sikap tidak menghiraukan pelaksanaan DEB. Ini telah membawa kepada era Dr.

---

<sup>5</sup> *New Straits Times*, 8 Apr. 1985, hlm. 4.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Shamsul Amri Baharuddin, 'Perancangan pembangunan negara selepas merdeka 1957-1975: Tinjauan sejarah perkembangan sosio-ekonomi Malaysia', dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: Salam Press, hlm. 58.

<sup>8</sup> Sity Daud, 'Negara, pemerintah dan perlembagaan', dalam Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 190.

<sup>9</sup> Jamaie Hamil, *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 225.

<sup>10</sup> Leon Comber, *13 May 1969: A historical survey of Sino-Malay relations*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1983, hlm. 53;

Shamsul Amri Baharuddin, 'National unity: Malaysia's model for self-reliance', in *Malaysian development experience: Change and challenge*, hlm. 6.

<sup>11</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 104.



Mahathir dan telah membawa kepada satu tindakan tegas yang diambil oleh Dr. Mahathir bagi memberi kefahaman dan menyelesaikan masalah DEB yang berlarutan. Bagi Mahathir DEB bukanlah semata-mata dasar ekonomi tetapi ia juga adalah dasar politik dan perlu diberi perhatian. Kegagalan pembahagian kekayaan negara akan membawa kepada ketidakstabilan politik negara.<sup>12</sup> Dr. Mahathir menegaskan: “Kestabilan politik adalah lebih penting dari pertumbuhan ekonomi.”<sup>13</sup>

### ***Buy British Last (BBL)***

Selepas tiga bulan, Dr Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia telah membuat kejutan dengan mengisytiharkan *Buy British Last*.<sup>14</sup> Beberapa isu telah timbul dan telah menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi renggang. Antara isu yang menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain adalah kenaikan yuran pendidikan di Britain pada tahun 1981 walaupun isu ini telah berlaku sejak tahun 1979 tetapi kenaikan yuran pendidikan kali ini telah menyemarakkan lagi rentak hubungan Malaysia dengan Britain. Kegagalan dalam memohon rayuan daripada pihak Britain untuk mendapatkan pengecualian atau bantuan dari Britain menyebabkan Dr. Mahathir telah bertindak dengan melaksanakan BBL.<sup>15</sup> Ini bukanlah satu-satunya faktor penyebab Dr. Mahathir mengambil tindakan yang begitu drastik,<sup>16</sup> ia adalah kesan dan rentetan daripada beberapa isu yang telah menyebabkan Malaysia merasakan tidak mendapat perhatian dan layanan yang sewajarnya dari pihak Britain. Ia merupakan hubungan luar yang paling teruk diterima oleh pihak Britain.<sup>17</sup> Khoo Boo Teik menyatakan: “Buy British Last policy was Mahathir’s act of retaliation coming after a series of frustrations

---

<sup>12</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, hlm. 129; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 27 Oktober, 1981.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 130.

<sup>14</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 94; Joseph Liow, ‘Keperibadian, tuntutan dan luar-jangkaan: Penentu dasar luar Malaysia’, dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003, hlm. 143.

<sup>15</sup> R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, London: Routledge, 1999, hlm. 139; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2002, hlm. 207.

<sup>16</sup> Kazuki Katayama, *China’s rise and Japan’s Malaysia policy*, hlm. 15; *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 30-31; Jomo K. S., *Warisan ekonomi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2010, hlm. 43.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 15; *The Age*, 2 Aug. 1982, hlm. 13, ‘A blunt decisive nationalist’.

at British attitudes towards Malaysia.”<sup>18</sup> Bagi Ahmad Atory Hussain, pelaksanaan BBL adalah sesuatu yang dapat menyedarkan pihak Britain dan perlunya pihak Britain merasa sensitif terhadap perubahan yang telah berlaku di Malaysia. Malaysia telah lama merdeka dan pihak Britain perlu menghormati Malaysia dan mengikis sikap kolonialisme. Walaupun selama ini Malaysia telah memberi layanan istimewa kepada Britain tetapi menerima balasan yang kurang baik daripada pihak Britain.<sup>19</sup> Beliau juga berpendapat tindakan Dr. Mahathir melaksanakan BBL adalah satu tindakan yang radikal tetapi amat sesuai dan tepat masanya.<sup>20</sup> Tindakan Dr. Mahathir ini dianggap berani dan mengikut perubahan waktu.

Kebergantungan terhadap Britain telah mula diregangkan sejak zaman Tun Razak lagi melalui konsep ASEAN<sup>21</sup> dan ZOPFAN<sup>22</sup>. Kedua-dua konsep ini telah menjadi keutamaan dan komitmen kepada pentadbiran Tun Razak dan beliau telah memecah tradisi hubungan luar Malaysia dengan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara Sosialis dan Komunis di Eropah Timur.<sup>23</sup> Ia mempunyai tiga matlamat utama iaitu pertama, untuk menggalakkan pertumbuhan dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan di rantau Asean melalui program-program usahasama; kedua, untuk menjaga kestabilan ekonomi dan politik di rantau Asean; dan ketiga, sebagai tempat perundingan dan penyelesaian kepada sebarang masalah mahu pun perbezaan yang timbul dalam rantau Asean.<sup>24</sup> Walau bagaimanapun, perubahan yang dilakukan tidak memberi kesan secara langsung kepada hubungan Malaysia dengan Britain. Walaupun terdapat masalah dalam hubungan Malaysia dengan Britain ia diselesaikan dengan cara baik. Hubungan yang dijalinkan adalah dengan suasana

---

<sup>18</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 56.

<sup>19</sup> Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2002, hlm. 151.

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 150-151.

<sup>21</sup> Murugesu Pathmanaban, 'Dasar luar Malaysia: Cabaran masa depan', dalam *Berita Harian*, 16 Oktober, 1990, hlm. 10; Jayum A. Javan, *Malaysian politics and government*, hlm. 211.

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1971*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1976, hlm. 302.

<sup>24</sup> Murugesu Pathmanaban, 'Dasar luar Malaysia: Cabaran masa depan', dalam *Berita Harian*, 16 Oktober, 1990, hlm. 10.

persahabatan yang lama dan bertolak ansur.<sup>25</sup> Langkah-langkah yang diambil oleh Tun Razak telah memberi impak kepada era Dr. Mahathir kerana lebih mementingkan hubungan dengan ASEAN dan ZOPFAN pula secara tidak langsung telah menolak campurtangan Britain dalam soal keselamatan di Asia Tenggara, manakala pihak Britain pula memberi keutamaan kepada hubungan dengan negara komuniti Eropah telah merenggangkan hubungan Malaysia dengan Britain.<sup>26</sup> Berbeza dengan Dr. Mahathir yang telah bertindak dengan lebih agresif dan berani. Ramai sarjana yang berpendapat bahawa tindakan berani Mahathir tidak dapat dipengaruhi oleh pihak Britain kerana beliau tidak terhutang budi dengan Britain secara langsung seperti Tunku dan Tun Razak.<sup>27</sup>

Di bandingkan dengan Tunku, pihak Britain bukan sahaja memberi bantuan dalam bidang ekonomi tetapi mereka juga menjaga kepentingan politik Parti Perikatan dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada Parti Perikatan terutama pada waktu menghadapi pilihan raya. Tujuan pihak Britain menyebelahi Parti Perikatan adalah bagi membantu supaya Parti Perikatan kekal memerintah Malaya. Ini dapat dirujuk pada tahun 1959, di mana firma-firma Britain telah membantu dana Parti Perikatan dalam pilihan raya pada tahun tersebut dengan alasan kerajaan di bawah Parti Perikatan memberi layanan istimewa kepada mereka. Menurut sumber jumlah yang dikutip tidak diketahui jumlahnya. Amalan memberi sumbangan politik membantu Parti Perikatan adalah besar dan tersebar luas dalam firma Britain.<sup>28</sup> Berbeza dengan era pentadbiran Dr. Mahathir yang tidak mendapat layanan yang baik dari pihak Britain sehingga beliau telah mengambil tindakan yang agak serius dengan mengisytiharkan BBL. Dasar ini bukanlah satu tindakan yang dirancang secara rapi oleh Dr. Mahathir tetapi tindakan tersebut telah berjaya membuka mata pihak Britain yang selama ini mengambil jalan

<sup>25</sup> Mohd Yusof Ahmad, 'Continuity and change in Malaysia's foreign policy, 1981-1986', Dissertation Doctor of Philosophy, Tufts University, 1990, hlm. 317.

<sup>26</sup> 2002/00354 – Lawatan Lord Carrington, 1982, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1982, hlm. 4.

<sup>27</sup> Faridah Jaafar, *Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif*, hlm. 145.

<sup>28</sup> Shakila Parween Yacob (terjemahan), Nicholas J. White, *Perniagaan British di Malaysia pascapenajajah 1957-70, 'Neokolonialisme' atau 'Pengunduran'*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010, hlm. 79.

mudah dalam menyelesaikan beberapa masalah dan turut memberi tekanan kepada Malaysia. Mereka tidak memberi perhatian serius terhadap rasa tidak puas hati Malaysia dalam hubungan kedua-dua negara.<sup>29</sup>

Mohd Yusof Ahmad telah merumuskan tiga sebab pelaksanaan BBL sebagai titik perubahan dalam hubungan Malaysia dengan Britain. Pertama, buat pertama kali Malaysia berusaha untuk membebaskan secara psikologi dan ekonomi dari bergantung dengan Britain; kedua, menyaksikan buat pertama kali Malaysia berusaha untuk menterjemahkan secara realiti dari sudut ekonomi dan politik supaya hubungan Malaysia dengan Britain adalah sama; dan ketiga, Malaysia berusaha untuk mengubah imej bias yang terlalu condong ke Barat dengan negara bukan tadisional terhadap Barat dan Timur.<sup>30</sup> Selain itu, keputusan untuk melaksanakan dasar BBL kerana tidak mahu bergantung lagi dengan Britain dan Malaysia mahu berdikari serta mencari alternatif negara lain terlebih dahulu sebelum memilih Britain. Tindakan sebegini telah mengejutkan pihak Britain kerana bantahan sedemikian tidak pernah dilaksanakan oleh Malaysia terhadap Britain yang secara tidak langsung telah meminggirkan Britain dan meletakkan status Britain sebagai sebuah negara yang tidak penting lagi bagi Malaysia. Ini juga bagi membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang benar-benar merdeka. Ia tidak lagi dibelenggu oleh ikatan sejarah dan hubungan sentimental dengan Britain.<sup>31</sup> Persepsi terlalu bergantung kepada Britain dan memandang tinggi terhadap pemimpin Britain diubah dan Malaysia mahukan kedudukan hubungan yang sama rata. Tengku Ahmad Rithauddeen menyatakan: "I sincerely welcome the recent move taken by the British-Malaysian Industry and Trade Association (BMITA) towards remedying the trade relationship between Malaysia and British businesses."<sup>32</sup> Tindakan Dr. Mahathir mendapat perhatian daripada pihak Britain dan dibincangkan dalam mesyuarat

---

<sup>29</sup> *New Straits Times*, 23 May, 2000, hlm. 12, 'Australia must know its place'.

<sup>30</sup> Mohd Yusof Ahmad, 'Continuity and change in Malaysia's foreign policy, 1981-1986', Dissertation Doctor of Philosophy, Tufts University, 1990, hlm. 317.

<sup>31</sup> *Berita Harian*, 10 November, 1983, hlm. 4.

<sup>32</sup> *Ibid.*; *The New Sunday Times*, 18 Oct. 1981, hlm. 1, 'Minister: No change in trade policies'.

kabinet Britain. Laporan kabinet menyatakan: “A worrying situation had arisen in Malaysia, where the new Prime Minister, Dr. Mahathir appear to harbour a grudge against Britain and to be trying to steer public sector contracts away from British bidders. This would need to be watched carefully.”<sup>33</sup> Bagi Roger Kershaw BBL adalah semi-boikot oleh Malaysia terhadap Britain kerana mengenakan kenaikan yuran bagi pelajar luar negara Britain tetapi dikecualikan kepada pelajar-pelajar dari Komuniti Ekonomi Eropah<sup>34</sup> dan juga kenyataan daripada Suruhanjaya Tinggi Britain, William Bentley yang menyatakan Malaysia patut menghargai pengorbanan yang telah dilakukan oleh pihak Britain dalam sejarah Malaysia bukan sahaja dari segi kewangan tetapi nyawa dan darah bagi menjamin Malaysia menikmati kemerdekaan dengan aman dan stabil.<sup>35</sup> Firdaus Abdullah menjelaskan: “He declared ‘Buy British Last’ policy as a retaliation to the unfriendly British attitude that adversely affected Malaysia.”<sup>36</sup>

Terkejut dengan tindakan Malaysia dalam melaksanakan BBL<sup>37</sup> dan melihat kepada kepentingan ekonomi Malaysia terhadap Britain. Mereka merasakan perlu memberi perhatian yang sewajarnya bagi menangani isu-isu yang timbul supaya tidak berlarutan dan merugikan pihak Britain sendiri. Pihak Britain telah mengambil tindakan dengan melihat dan menilai semula rentak hubungan dengan Malaysia supaya dapat memperbaiki semula hubungan di antara kedua-dua negara. Menurut Mohd Yusof Ahmad, ia adalah satu tindakan untuk membebaskan Malaysia secara psikologi dan ekonomi daripada kesan penjajahan masa lalu yang terlalu bergantung kepada Britain. Dr. Mahathir juga mahu menterjemahkan dari sudut politik dan ekonomi bahawa Malaysia mahukan satu hubungan yang sama rata dengan Britain.<sup>38</sup> Memandangkan kepentingan Britain di Malaysia, mereka telah mengambil inisiatif untuk berbaik semula

---

<sup>33</sup> *Mesyuarat Kabinet Britain, CAB128/71/14, 29 October, 1981, hlm. 1.*

<sup>34</sup> Roger Kershaw, ‘Brown humanity strikes back: Confronting Britain in a good cause?’ in Bridget Welsh (editor), *Reflections: The Mahathir years*, hlm. 346.

<sup>35</sup> *Ibid.*, *New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 2.

<sup>36</sup> Firdaus Abdullah, ‘The Prime Ministers of Malaysia’, in *Malaysian development experience: Changes and challenges*, hlm. 321.

<sup>37</sup> M Rajendran, *Mahathir Mohamad: Prime Minister of Malaysia*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd, 1993, hlm. 13.

<sup>38</sup> Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 317.

dengan Malaysia yang dibincangkan dalam bab seterusnya. Ini telah membawa kepada meja perundingan dengan mengadakan satu pertemuan yang tidak rasmi kedua-dua pemimpin negara untuk berbincang masalah-masalah yang dihadapi oleh kedua-dua negara dan mencari jalan penyelesaian awal. Abdullah Ahmad menyatakan: “As a result in 1981 it had reached the point that something should be done to alter the situation.”<sup>39</sup>

Dr. Mahathir mahu menghapus ketidakadilan dalam proses pemilihan kontrak yang kebanyakan bertumpu kepada pihak Britain dan ini menyebabkan sikap bias terhadap negara lain. Ia perlu dihentikan walaupun Malaysia mempunyai hubungan tradisional dan istimewa dengan Britain bagi meningkatkan pelaburan Malaysia. Ghazali Shafie menjelaskan: “He wants to make sure that, that ‘bias for’ element wasn’t there...”<sup>40</sup> Dalam melaksanakan BBL keutamaan tender dan kontrak tidak diberikan kepada Britain tetapi memberi keutamaan kepada negara lain terlebih dahulu walaupun sebutharga tender atau kontrak daripada pihak Britain adalah lebih rendah tetapi langkah ini dikecualikan bagi barangan pembuatan daripada Britain.<sup>41</sup> Menurut akhbar *The Glasgow Herald* arahan Dr. Mahathir adalah lebih keras daripada Menteri Luar Negeri Malaysia.<sup>42</sup> Ghazali Shafie memberi penjelasan bahawa tindakan BBL lebih menjuruskan kepada firma-firma Britain dan bukan kepada kerajaan Britain. Walau bagaimanapun arahan ini tidak dihiraukan oleh firma-firma Britain. Ghazali Shafie menegur sikap firma-firma yang tidak memberi perhatian serius terhadap arahan BBL: “This was ‘not a helpful attitude’ as the businessman should instead be asking ‘please tell us where we’re wrong.’”<sup>43</sup>

Dr. Mahathir telah memberi arahan kepada Ketua-ketua Setiausaha Kementerian melalui Ketua Setiausaha Negara, Dato’ Alwi Jantan, Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 4 Tahun 1981 bertarikh 28 September 1981 supaya semua perakuan kontrak bekalan,

---

<sup>39</sup> *New Straits Times*, 23 May, 2000, hlm. 12, ‘Australia must know its place’.

<sup>40</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 331.

<sup>41</sup> *The Glasgow Herald*, 22 Oct. 1981, hlm. 13, ‘Malaya tightens up on contracts’.

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> *New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 1, ‘British traders keen to restore goodwill’.

perkhidmatan perundingan dan lain-lain urusniaga dengan firma-firma Britain atau firma-firma usahasama dengan Britain perlu dirujuk kepada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (UPP), Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu sebelum diluluskan.<sup>44</sup> Kenyataan Dr. Mahathir: “All Government departments and agencies will have to get the Prime Minister’s Department’s endorsement before they can award any tender to a British concern.”<sup>45</sup> Tiap-tiap perakuan Lembaga Tender ini memerlukan pilihan kedua dari firma bukan Britain atau firma bukan usaha sama dengan Britain sebelum merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri.<sup>46</sup> Ia bukanlah satu tindakan memboikot atau mengharamkan firma-firma Britain daripada menerima kontrak atau tender dari Malaysia. Ia adalah arahan yang dikeluarkan supaya tidak membenarkan kontrak atau tender daripada Britain sahaja tetapi perlu adanya kontrak atau tender dari negara lain sebagai pilihan lain.<sup>47</sup> Dr. Mahathir menyatakan:

Saya tidak tahu kenapa mesti timbul salah tafsir. Saya telah menerangkan dengan jelas sikap kita terhadap British. Kita tidak memutuskan hubungan dagang dengan British dan kita juga tidak melancarkan boikot barang-barang British. Apa yang kita kata hanyalah kerajaan tidak akan membeli sesuatu dari Britain sekiranya kita mempunyai pilihan lain, tetapi kita akan membeli jika tidak ada pilihan.<sup>48</sup>

Apabila BBL diisytiharkan pada 2 Oktober, 1981,<sup>49</sup> reaksi pihak Britain adalah tidak mahu mengambil sebarang tindak balas terhadap apa yang dilakukan oleh Malaysia kerana tidak mahu keadaan menjadi bertambah keruh. Setiausaha Kedua Suruhanjaya Tinggi di Malaysia, S. M. Scaddan menyatakan pihak Britain hanya tunggu

---

<sup>44</sup> R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 139; Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 318; Shakila Jacob and Nicholas J. White, ‘The ‘unfinished business’ of Malaysia’s decolonisation: The origins of the Guthrie ‘Dawn Raid’’, in *Modern Asian Studies*, United Kingdom: Cambridge University Press, 2009, hlm. 938.

<sup>45</sup> *New Straits Times*, 3 Oct. 1981, hlm. 1, ‘British goods – Malaysia act’; *Malaysian Business*, Nov. 1981, hlm. 73.

<sup>46</sup> *Surat Pekeliling Am Sulit*, Bil. 4 Tahun 1981; Roger Kershaw, ‘Brown humanity strikes back: Confronting Britain in a good cause?’ in Bridget Welsh (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 347; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, Singapore: NUS Press, 2009, hlm. 160-161; *New Straits Times*, 3 Oct. 1981, hlm. 1, ‘British goods – Malaysia act’.

<sup>47</sup> Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 318.

<sup>48</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1985, hlm. 109; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 25 dan 26 Januari, 1982.

<sup>49</sup> Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 317.

dan lihat kesan daripada polisi baru kerajaan Malaysia terhadap kontrak dan tender yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat Britain. “We do not want to get too uptight...we will take it calmly and see how it affects British companies.”<sup>50</sup> Susulan daripada arahan Dr. Mahathir telah diadakan satu mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian pada 31 Oktober 1981 yang telah membincangkan isu Bekalan dan Kontrak Firma-Firma British dan juga beberapa isu yang dibangkitkan terutama implikasi serta kesan daripada arahan ini ke atas projek pembangunan yang telah terikat perjanjian dengan firma-firma Britain sebelum dari arahan ini dikeluarkan, orang perseorangan Britain yang berkerja di sektor-sektor mahir seperti MAS, MISC dan guru-guru khas Bahasa di Maktab-maktab perguruan dan juga di universiti-universiti.<sup>51</sup> BBL melaksanakan satu tindakan untuk tidak membeli barangan Britain atau memilih khidmat daripada Britain sekiranya ada alternatif lain yang membolehkan Malaysia membuat pilihan dan jika tidak ada pilihan lain barulah barangan atau perkhidmatan Britain dipilih.<sup>52</sup> Dr. Mahathir menjelaskan: “All we are saying is that we will not buy British if we can help it. But we will buy if we cannot help it.”<sup>53</sup> Kenyataan ini dari pandangan dan penerimaan akhbar-akhbar di Britain telah membawa makna bahawa kerajaan Malaysia telah mewujudkan diskriminasi barangan dan perkhidmatan daripada Britain.<sup>54</sup> Ia telah dianggap sebagai mengamalkan diskriminasi terhadap firma-firma Britain dan ini telah mendapat liputan luas dalam akhbar-akhbar tempatan serta akhbar-akhbar luar negara terutama sekali di Britain. Bukan sahaja mereka membuat tuduhan diskriminasi malah keluaran editorial *Financial Times* pada 1 Oktober 1981 telah menyatakan Malaysia memboikot firma-firma dan barang-barang Britain.<sup>55</sup> Tindakan melaksanakan BBL telah mendapat kritikan dan kecaman dari pihak media terutama di Britain tanpa memahami kenapa

---

<sup>50</sup> *New Straits Times*, 9 Oct. 1981, hlm. 2, ‘Tender award: British to play it cool for a while’.

<sup>51</sup> Surat bertarikh 2 November 1981, rujukan PM (R) 11880/A/800.

<sup>52</sup> *Minit Mesyuarat Khas*, Mengkaji implikasi arahan YAB Perdana Menteri mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British pada 9 November 1981, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 3; *The Glasgow Herald*, 9 Feb. 1982, hlm. 6, ‘Failure of a mission’.

<sup>53</sup> *Malaysian Business*, Jan. 1982, hlm. 34; *New Straits Times*, 27 Oct. 1981, hlm. 1; ‘We’ll not buy British if we can help it’.

<sup>54</sup> *Minit Mesyuarat Khas*, Mengkaji implikasi arahan YAB Perdana Menteri mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British pada 9 November 1981, hlm. 3.

<sup>55</sup> *Ibid.*, hlm. 2.



BBL dilaksanakan dan tindakan yang dikenakan terhadap Britain. Ghazali Shafie menjelaskan: “Then the newspapers came in and said there was a boycott of British goods.”<sup>56</sup> Tambah beliau lagi: “We have never said a word about boycott.”<sup>57</sup> Begitu juga firma-firma Britain yang beroperasi di Malaysia tidak berpuas hati terhadap kerajaan Britain dan wartawan dengan mengambil tindakan tanpa memahami apa yang sebenar berlaku di Malaysia terlebih dahulu.<sup>58</sup>

Kerajaan Britain juga tidak berpuashati dengan tindakan Malaysia yang membezakan negara-negara Eropah lain bagi kepentingannya. Namun begitu Malaysia telah menarik semula perbezaan yang dikenakan supaya firma-firma Britain dapat bersaing semula dengan firma-firma dari negara lain secara saksama. Ghazali Shafie menyatakan: “...not that the British, is going to be excluded but to make sure that everybody else have the same highest level of standard that we required.”<sup>59</sup> Malaysia mahu meneruskan hubungan yang dianggap istimewa dengan Britain tetapi berasaskan status yang setaraf dan sama rata di antara kedua-dua negara.<sup>60</sup>

Perbincangan tuduhan menyatakan Malaysia mengamalkan sikap diskriminasi terhadap firma-firma Britain dengan pelaksanaan BBL telah merumuskan tidak dapat ditentukan dengan tepat sama ada dasar kerajaan telah mendiskriminasikan firma-firma Britain sebagaimana yang dianggap oleh akhbar-akhbar Britain serta juga *Attache* Perdagangan Britain di Malaysia.<sup>61</sup> Pihak Malaysia melihat tindakan menerusi BBL sebagai penarikan balik keutamaan layanan kepada Britain (removal of bias preference for the British) dan untuk menegaskan pendirian Malaysia sebagai sebuah negara yang

---

<sup>56</sup> *New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 3, ‘Ghaz: Emergence of ‘ugly attitude’ on part of Britain’.

<sup>57</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 331; Shakila Jacob and Nicholas J. White, ‘The ‘unfinished business’ of Malaysia’s decolonisation: The origins of the Guthrie ‘Dawn Raid’’, in *Modern Asian Studies*, United Kingdom: Cambridge University Press, 2009, hlm. 939.

<sup>58</sup> *New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 1, ‘UK firms furious over Time report’.

<sup>59</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, 1981, Vol. 14, hlm. 331.

<sup>60</sup> *Minit Mesyuarat Khas*, Mengkaji implikasi arahan YAB Perdana Menteri mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British pada 9 November 1981, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 3; *Times Daily*, 24 January, 1984, hlm. 4; ‘Anglo-Malaysian Relations Warming’.

<sup>61</sup> *Ibid.*, hlm. 4.

berdaulat, bebas dan berkecuali dalam kumpulan negara-negara di dunia.<sup>62</sup> Ia adalah sebagai notis kepada Britain bahawa mereka bukan lagi dianggap istimewa. Walaupun Malaysia pernah dijajah oleh Britain tidak bermakna perlu tunduk kepada Britain. Oleh itu, Malaysia tidak mahu menilai tender Britain mengikut merit daripada “past sentimentality”<sup>63</sup> yang memberi kelebihan kepada Britain.

Di dalam mesyuarat khas pada 9 November 1981 telah memutuskan arahan Dr. Mahathir melaksanakan BBL adalah merupakan satu dasar kerajaan dan telah berkuatkuasa mulai tarikh Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 4 Tahun 1981 bertarikh 28 September 1981.<sup>64</sup> Di dalam melaksanakan BBL, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri telah memberi tiga prinsip digunakan untuk membuat pilihan iaitu: pertama, firma bukan daripada Britain adalah menjadi pilihan utama sekiranya ada alternatif tawaran selain daripada firma Britain.<sup>65</sup> Dr. Mahathir menyatakan:

Ministries, departments and agencies would have to submit to his department any award to be made to a British firm together with a non-British alternative choice. The procedure also applies to British joint-venture companies including those with Malaysian interests.<sup>66</sup>

Sebagai contoh pembelian traktor bagi Syarikat Gula Padang Terap. Walaupun terdapat model Britain dan murah lebih kurang 20 peratus daripada model Jepun, model Jepun akan dipilih.<sup>67</sup> Kedua, arahan ini tidak meliputi bagi pelabur Britain yang telah melabur dan mengeluarkan barang-barang atau khidmat dalam negara ini tidak kira sama ada syarikat-syarikat itu merupakan syarikat usaha sama Britain dengan orang tempatan atau syarikat-syarikat dimiliki seratus peratus pihak Britain.<sup>68</sup> Ketiga, arahan

---

<sup>62</sup> Ibid.

<sup>63</sup> Mohd Yusof Ahmad, 'Continuity and change in Malaysia's foreign policy, 1981-1986', hlm. 318.

<sup>64</sup> *Minit Mesyuarat Khas*, Mengkaji implikasi arahan YAB Perdana Menteri mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British pada 9 November 1981, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 2.

<sup>65</sup> *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 26.

<sup>66</sup> *New Straits Times*, 3 Oct. 1981, hlm. 1, 'British goods – Malaysia act'.

<sup>67</sup> *Minit Mesyuarat Khas*, Mengkaji implikasi arahan YAB Perdana Menteri mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British pada 9 November 1981, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 4.

<sup>68</sup> Ibid.

ini meliputi bukan sahaja kerja-kerja khidmat dan barang-barang buatan Britain, tetapi juga orang perseorangan Britain. Satu contoh dalam kes ini ialah berkaitan dengan permohonan dari Kementerian Pengangkutan untuk menggunakan khidmat “Crown Agent” bagi mengambil pegawai-pegawai untuk Jabatan Laut. Perdana Menteri menolak permohonan ini dan sebaliknya mengesyorkan supaya pegawai-pegawai itu diambil dari negara Asia seperti Indonesia, Pakistan, India dan Bangladesh. Terdapat kes yang lain pula tetapi ianya berbeza di mana Kementerian Kewangan telah memohon untuk melantik kumpulan konsultan Britain bagi mengkaji insuran, Perdana Menteri telah membenarkannya kerana sejarah dan sistem insuran di Malaysia telah terikat dengan sistem yang diamalkan oleh Britain.<sup>69</sup> Ia bergantung kepada keperluan negara dari masa ke semasa kerana Malaysia tidak boleh mengeneipikan terus semua barangan dan khidmat dari Britain.

Objektif jangka pendek pelaksanaan BBL adalah untuk mengubah sikap dan lagak Britain yang tidak menghiraukan cita-cita dan aspirasi Malaysia.<sup>70</sup> Dari segi politik, objektif utama Malaysia adalah ke arah pencapaian kerjasama serantau dan perhatian dan keutamaan adalah lebih diberi kepada negara-negara ASEAN, negara-negara Islam dan negara-negara berkecuali sebelum dari negara-negara Komanwel.<sup>71</sup> Britain tidak diberi keutamaan lagi tetapi hubungan di antara kedua-dua buah negara masih diteruskan. Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri telah melihat terdapatnya perbezaan objektif yang mahu dicapai dengan memberi dua senario sidang akhbar iaitu sidang akhbar semasa Mesyuarat ASEAN-EEC di London (13-15 Oktober 1981), Menteri Luar Negeri telah membuat kenyataan bahawa hubungan kerajaan dan rakyat Malaysia masih merasakan hubungan mesra dengan Britain tetapi perasaan ini tidak dibalas dengan sebaiknya malah seringkali diperkecilkan dan diketepikan untuk faedah

---

<sup>69</sup> Ibid.

<sup>70</sup> Ibid.

<sup>71</sup> Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara*, Jilid II, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1997, hlm. 323-324; *Minit Mesyuarat Khas*, Mengkaji implikasi arahan YAB Perdana Menteri mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British pada 9 November 1981, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 5.

dan keuntungan negara-negara sekutunya. Malaysia perlu melakukan penilaian semula hubungan yang dilalui bersama dan kebetulan pula ianya berlaku dalam tempoh kepimpinan Dr. Mahathir. Tujuan adalah untuk memberitahu pihak Britain bahawa firma-firma dari Britain perlu bersaing antara satu sama lain dengan firma-firma dari negara lain. Malaysia masih meneruskan hubungan istimewa dengan Britain tetapi hanya dengan status yang sama rata.<sup>72</sup> Manakala satu sidang khas akhbar bersama Dr. Mahathir pada 26 Oktober 1981 telah menjelaskan Malaysia tidak bercadang memutuskan hubungan perdagangan dengan Britain atau mengenakan boikot ke atas barangan Britain. Kerajaan Malaysia turut mengalu-alukan syarikat-syarikat Britain yang ingin melabur di Malaysia. Dr. Mahathir menegaskan: “Malaysia is not cutting off trade relations with Britain nor carrying out a general boycott of British goods.”<sup>73</sup> Perlaksanaan BBL bertujuan untuk memberitahu kepada Britain bahawa Malaysia tidak lagi boleh diperkecilkan dan telah menjadi satu tamparan kepada Britain supaya menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang telah lama merdeka. Dr. Mahathir menyatakan: “It becomes a constant cause of irritation which is not good for our relations.”<sup>74</sup> Ia juga secara tidak langsung telah memerdekakan Malaysia daripada belenggu penjajah dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang telah merdeka, berpendirian sendiri dan bebas dari mana-mana pengaruh.<sup>75</sup>

Soal imbangan pembayaran yang berat sebelah sekian lama antara Malaysia dengan Britain juga menjadi faktor Dr. Mahathir bertindak dengan begitu berani mengisytiharkan BBL. Ini dapat dirujuk apabila melihat jumlah perdagangan di antara Malaysia dan United Kingdom pada tahun 1975 yang mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM1,406.12 juta dan pada tahun 1980 berjumlah RM2,053.1 juta. Walaupun jumlah dagangan pada tahun 1980 menampakkan peningkatan tetapi pada tahun 1978

---

<sup>72</sup> Ibid., hlm. 3; *Foreign Affairs Malaysia, 1981*, Vol. 14, hlm. 331.

<sup>73</sup> *New Straits Times*, 27 Oct. 1981, hlm. 1, ‘We’ll not buy British if we can help it’.

<sup>74</sup> *New Straits Times*, 21 Jul. 1987, hlm. 7, ‘PM: Bilateral woes due to lack of understanding’.

<sup>75</sup> *Berita Harian*, 10 November, 1983, hlm. 4, ‘Tak ada kaitan dengan “Neo-kolonialisme”’: Dr. M perjelaskan hubungan kita dengan Jepun’.

perdagangan dengan United Kingdom berjumlah enam peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan dan jatuh kepada lima peratus pada tahun 1979. Seterusnya pada tahun 1980 ditahap hanya empat peratus sahaja. Walau bagaimanapun pihak Britain masih kekal menjadi penyumbang terbesar perdagangan dalam EEC.<sup>76</sup> Corak perdagangan Britain terhadap Malaysia telah menurun. Melihat kepada imbalan pembayaran pada tahun 1976 Malaysia mengalami defisit dagangan sebanyak RM57.4 juta dan bertambah pada tahun 1977 sebanyak RM77.1 juta dan pada tahun 1980 bertambah sebanyak RM475.1 juta. Pada tahun 1981, Malaysia terus mengalami defisit dagangan dengan Britain tetapi berkurangan daripada tahun 1980 iaitu sebanyak RM332.6 juta.<sup>77</sup> Pada tahun 1980, jumlah import sebanyak RM1,274.1 juta iaitu 5.4 peratus dan jumlah eksport sebanyak RM779.0 juta sebanyak 2.7 peratus. Jumlah perdagangan sebanyak RM2,053.1 juta iaitu 3.94 peratus. Manakala pada tahun 1981, jumlah import sebanyak RM889.2 juta iaitu 4.5 peratus dan jumlah eksport sebanyak RM556.6 juta iaitu 2.9 peratus. Jumlah perdagangan RM1,445.8 juta iaitu 3.69 peratus.<sup>78</sup> Dibandingkan di antara dua tahun iaitu tahun 1980 dan 1981 turut menunjukkan corak jumlah perdagangan yang menurun. Malaysia terus mengalami defisit dagangan dengan Britain. Kos import Britain adalah tinggi manakala kos eksport adalah rendah kerana nilai matawang Britain yang tinggi. Ini juga menyebabkan imbalan pembayaran Malaysia dengan Britain tidak seimbang. Menurut kajian yang dilakukan oleh Khadijah Md. Khalid pada tahun 1980, import Malaysia adalah sebanyak RM1,270 juta atau lima peratus daripada jumlah import dan eksport Malaysia ke Britain sebanyak RM779 juta atau tiga peratus daripada jumlah eksport.<sup>79</sup> Jumlah Tahunan Perdagangan Malaysia adalah RM11,800 juta pada tahun 1980.<sup>80</sup> Ini

---

<sup>76</sup> *Minit Mesyuarat, Bahagian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>77</sup> *Ibid.*

<sup>78</sup> *Ibid.*

<sup>79</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 53.

<sup>80</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 45.

memberikan kelebihan kepada pihak Britain dengan imbalan pembayaran lebih memihak kepada Britain sebanyak RM491 juta (dua peratus).

Dr. Mahathir menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap kedudukan imbalan perdagangan di antara Malaysia dan Britain. Kedudukan tidak seimbang ini telah dinyatakan oleh Dr. Mahathir: "There is obviously a need to redress this imbalance."<sup>81</sup> Pada tahun 1983, kedudukan Britain di tempat ke lapan sebagai rakan perdagangan dengan 3.1 peratus daripada keseluruhan perdagangan Malaysia. Malaysia mengeksport ke Britain sebanyak 2.7 peratus manakala import Malaysia daripada Britain sebanyak 3.5 peratus.<sup>82</sup> Kedudukan perdagangan antara Malaysia dan Britain lebih menguntungkan pihak Britain. Menjelang akhir 1984, jumlah modal pelaburan Britain dalam bidang pengeluaran berjumlah RM765 juta iaitu ketiga terbesar selepas Singapura sebanyak RM1.42 juta dan Jepun sebanyak RM1.12 juta.<sup>83</sup> Dalam lapan bulan pertama pada tahun 1986 berbanding tempoh yang sama pada tahun 1985, pelaburan Britain yang telah diluluskan meningkat 216 peratus daripada RM5.2 juta kepada RM18.7 juta.<sup>84</sup> Melihat kepada imbalan perdagangan, Malaysia telah berjaya mengurangkan defisit pada tahun 1985 sebanyak RM220 juta kepada RM29 juta pada tahun 1986.<sup>85</sup>

Britain merupakan salah sebuah pelabur terbesar di Malaysia hanya mempunyai sebelas projek sahaja dengan pelaburan berjumlah \$863.8 juta yang diluluskan pada tahun 1990 berbanding dengan Taiwan yang memperolehi 235 projek yang diluluskan dan Jepun pula hanya 112 projek yang diluluskan. Taiwan dan Jepun mempunyai jumlah pelaburan sebanyak \$9,500 juta. Prestasi ini menunjukkan Britain tidak memberi sumbangan yang besar dalam peningkatan pelaburan luar di Malaysia.<sup>86</sup> Dari sudut hubungan perdagangan dua hala bagi tempoh empat bulan pertama 1990 terdapat

---

<sup>81</sup> Ibid.

<sup>82</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 88.

<sup>83</sup> *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8.

<sup>84</sup> Ibid.

<sup>85</sup> Ibid.

<sup>86</sup> *Utusan Malaysia*, 1 Disember, 1990, hlm. 26, 'Eropah ketinggalan di belakang Taiwan dan Jepun – Rafidah'.

peningkatan tiga puluh satu peratus. Statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perdagangan Malaysia di London menunjukkan nilai jumlah perdagangan dua hala sehingga bulan April 1990 adalah £434 juta (RM2.17 bilion) dengan Malaysia memperolehi lebih sebanyak £60 juta (RM300 juta). Dibandingkan pada tahun lepas (1989) memperolehi kira-kira RM5.59 bilion dengan lebih sebanyak RM1.17bilion.<sup>87</sup> Eksport Malaysia ke Britain sehingga bulan April 1990 meningkat sebanyak 24 peratus bernilai kira-kira RM1.23 bilion, sementara import dari Britain pula meningkat sebanyak 41.6 peratus dengan jumlah sebanyak RM935 juta. Sektor utama yang mengalami peningkatan adalah pakaian dan aksesori pakaian meningkat sebanyak 76.5 peratus dengan jumlah RM101.5 juta. Kayu yang bergergaji sebanyak 67.3 peratus dengan jumlah RM87 juta dan peralatan telekomunikasi sebanyak 57 peratus dengan jumlah RM98.5 juta.<sup>88</sup> Walau bagaimanapun eksport getah jatuh sebanyak 24 peratus dengan jumlah daripada RM83.5 juta kepada RM63.5 juta. Tekstil yarn dan fabrik jatuh sebanyak 19 peratus dengan jumlah dari RM18 juta kepada RM14.5 juta dan minyak sayur dan lemak jatuh 10.4 peratus dari RM48 juta kepada RM43 juta. Kejatuhan eksport Malaysia adalah kerana saingan hebat daripada negara-negara lain.<sup>89</sup>

**Jadual 4.1: Import/Eksport Malaysia-Britain 1981-1990 RM juta**

Tahun	1981	1982	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989	1990
<b>Eksport</b>	804	772	895	988	986	1155	1432	1933	2540	3137
<b>Import</b>	1214	1185	1088	1186	1108	1087	1359	2136	3280	4327
<b>Imbangan</b>	-410	-413	-193	-198	-122	68	73	-203	-740	-1190

Sumber: i) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1983*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

ii) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1985*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

iii) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1986*, Jabatan Perangkaan Malaysia.


<sup>87</sup> *New Straits Times*, 25 Aug. 1990, hlm. 17, 'Trade with Britain heading for record high'.

<sup>88</sup> *Ibid.*

<sup>89</sup> *Ibid.*

iv) *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1990*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai 1991.

**Carta 4.1: Import/Eksport Malaysia-Britain 1981-1990 RM juta**



Sumber: i) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1983*, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
ii) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1985*, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
iii) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1986*, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
iv) *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1990*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai 1991.

Menurut sumber Jadual 4.1 dan Carta 4.1, pada tahun 1981 sehingga 1985, Malaysia telah mengalami defisit imbangan perdagangan dengan Britain kecuali pada tahun 1986 dan 1987 iaitu surplus sebanyak RM68 juta dan RM73 juta. Kemudian kembali mengalami defisit pada tahun 1988 sehingga tahun 1990. Walau bagaimanapun, bermula tahun 1986 sehingga 1990 menampakkan ada peningkatan perdagangan antara kedua-dua negara dan Malaysia masih mengalami defisit dalam imbangan perdagangan.

Pihak syarikat-syarikat Britain telah mengalami kerugian sebanyak £15.5 juta dalam tempoh beberapa bulan pertama dilaksanakan BBL. Anthony Kershaw, *British*



*House of Commons Foreign Affairs Select Committee Chairman*, menganggarkan kerugian antara £20 juta hingga £50 juta. Begitu juga dengan eksport ke Malaysia telah jatuh daripada RM1,215 juta pada tahun 1981 kepada RM1,117 juta pada tahun 1984.<sup>90</sup>

Kesan daripada BBL ini kerajaan Malaysia telah melonggar sedikit syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru bagi menarik lebih ramai pelabur asing. Pada 30 September 1986, Dr. Mahathir telah menyatakan pelaburan baru bermula Oktober 1986 sehingga Disember 1990, syarikat asing dibenarkan memiliki seratus peratus syarikat di Malaysia<sup>91</sup> sekiranya eksport lima puluh peratus atau lebih produk-produk Malaysia atau ke zon perdagangan bebas Malaysia. Syarat pengambilan pekerja Malaysia oleh syarikat asing yang mengambil seramai 350 orang atau lebih akan diberi kuasa untuk mendapat sebanyak mana ekuiti yang mereka mahukan.<sup>92</sup> Walau bagaimanapun sekiranya ekuiti syarikat asing kurang daripada seratus peratus, maka ia akan tertakluk kepada Dasar Ekonomi Baru iaitu memerlukan penyertaan orang Melayu sebanyak tiga puluh peratus.<sup>93</sup> Tolak ansur perlu dilakukan bagi menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di Malaysia.<sup>94</sup> Disebalik perlaksanaan BBL, Karminder Singh pula melihat BBL dengan menyatakan ia dilaksanakan kerana mahu menamatkan perniagaan antara kaum Cina dengan pihak Britain. Ini bagi memberi peluang kepada pihak bumiputera mengurus niaga dengan pihak Britain.<sup>95</sup> Pihak Britain telah menilai Dr. Mahathir dengan menyatakan bahawa: “He was a Malay chauvinist by temperament who disliked the local Chinese community’s disproportionate position of resented the recent decision of certain local British firms (eg. Dunlop Estates and Guthrie) sell out to Malaysian Chinese rather than Malay interests.”<sup>96</sup>

---

<sup>90</sup> Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 319.

<sup>91</sup> Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 86; Syarikat asing hanya boleh memiliki paling maksimum ekuiti sebanyak 49 peratus; *Malaysian Business*, Oct. 16, 1986, hlm. 5.

<sup>92</sup> *Malaysian Business*, Oct. 16, 1986, hlm. 5; Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, Dissertation Doctor of Philosophy, hlm. 258.

<sup>93</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, March 1987, Vol. 20, No. 1, hlm. 64; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 140; Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 87.

<sup>94</sup> Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, hlm. 88; *Malaysian Business*, Oct. 16, 1986, hlm. 5.

<sup>95</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 172.

<sup>96</sup> *Mesyuarat Kabinet Britain, CAB128/71/03*.

BBL telah menyedarkan beberapa ahli perniagaan dari kedua-dua negara untuk mengambil langkah bagi menyelesaikan beberapa isu yang telah menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi tegang dan mengelakkan daripada ia berlaku terlalu lama. Suasana sedemikian ditakuti akan menjejaskan hubungan dagangan di antara kedua negara. Bagi memulihkan hubungan antara Malaysia dengan Britain terdapatnya usaha-usaha yang dilakukan oleh ahli perniagaan kedua-dua negara dengan cara memberi ruang kepada kedua-dua ahli perniagaan untuk berinteraksi supaya dapat memahami antara satu sama lain. Dr. Mahathir berharap dengan penubuhan persatuan ahli perniagaan di antara kedua negara dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam membantu dan mengatasi masalah-masalah yang akan dihadapi nanti.<sup>97</sup>

Ada yang berpendapat pelaksanaan BBL telah merugikan Malaysia kerana kemungkinan besar Malaysia akan kehilangan rakan dagang utama dan juga pelaburan serta perdagangan di antara kedua negara. Mahathir mempunyai idea dan strategi yang tersendiri: Mahathir menyatakan: “Saya tidak nampak kepentingan British begitu besar dalam ekonomi negara kita. Sebenarnya bergantung kepada kita sama ada kita hendak membeli barang-barang mereka ataupun tidak. Mereka memang mempunyai kepentingan, tetapi kita mempunyai pilihan dalam membeli barang, baik kereta mahupun barang-barang ketenteraan.”<sup>98</sup> Dr. Mahathir seorang yang berpandangan jauh dan tindakan beliau adalah melihat kekuatan Malaysia yang ada iaitu “purchasing power”. Ini memberi kelebihan kepada Malaysia kerana mempunyai pilihan tetapi tidak kepada Britain. Menurut Dr. Mahathir semasa dasar BBL dilaksanakan, negara tidak mengalami apa-apa kerugian oleh kerana pembelian masih dibuat berasaskan kepada persaingan tawaran (competitive bidding) dan pemilihan dibuat bagi tawaran yang

---

<sup>97</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 88.

<sup>98</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, hlm. 110; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 27 Oktober, 1981.

paling menguntungkan.<sup>99</sup> Secara amnya, barang-barang buatan Britain telah menjadi lebih kompetitif kerana kejatuhan nilai pound. Kejatuhan nilai pound telah meletakkan harga kepada paras yang hampir sama dengan negara-negara lain.<sup>100</sup> Walaupun terdapat barang-barang buatan negara lain sebagai alternatif kepada barang-barang Britain tetapi terdapat juga barangan Britain yang dikecualikan daripada persaingan seperti alat-alat ganti yang jentera asalnya dibeli dari Britain dan juga alat-alat yang mempunyai ‘patent right’. Juga terdapat agensi-agensi kerajaan Malaysia yang memilih untuk membeli barang-barang Britain disebabkan oleh hubungan perdagangan yang sedia wujud di antara kedua negara dan memberi alasan yang menyatakan barang-barang bukan buatan Britain tidak menepati spesifikasi yang diperlukan.<sup>101</sup> Kewujudan hubungan tradisi yang lama antara Malaysia dengan Britain dan kebergantungan Malaysia terhadap Britain telah menyukarkan Malaysia untuk memisahkan kebergantungan terhadap Britain secara keseluruhan. dan terpaksa akur dengan situasi demikian. Oleh itu tindakan Dr. Mahathir menguatkuasakan perlaksanaan BBL bukanlah sebagai keputusan yang diambil secara muktamad dalam menamatkan hubungan dengan Britain. Ia hanyalah sebagai satu tamparan sebagai tanda amaran supaya pihak Britain tidak mengambil mudah dan tidak menghormati Malaysia lagi.<sup>102</sup> Dr. Mahathir menjelaskan:

The BBL policy has been reviewed because the British now have decided to treat us on equal terms. Formerly, they seemed to think that we were still their colony. The policy costs us, sure, but the British stopped taking us for granted. And when they stopped, we reviewed our policy.<sup>103</sup>

Melihat kepada sejarah hubungan Malaysia dengan Britain telah memberi kelebihan kepada pihak Britain. Oleh sebab itu, Britain tidak memberi perhatian secara serius dan wajar terhadap rungutan dan rasa tidak puas hati Malaysia. Tindakan

<sup>99</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 39, 5 November, 1985, hlm. 6300.

<sup>100</sup> *The New Straits Times*, 4 Apr. 1983, hlm. 1; ‘Britain happy with Dr. M’s decision’.

<sup>101</sup> *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kntrek firma-firma British, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 5.

<sup>102</sup> Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, hlm. 151.

<sup>103</sup> *Malaysian Business*, Jan. 1, 1988, hlm. 10.

perlaksanaan BBL sebenar adalah untuk membuktikan kepada pihak Britain bahawa Malaysia tidak lagi terlalu bergantung kepada Britain dan pada bila-bila masa boleh mengeneipkan Britain terutama dalam soal ekonomi. Malaysia boleh bertindak secara rasional dan praktikal. Dr. Mahathir dikenali sebagai seorang anti-Barat namun sebenarnya beliau adalah seorang yang pragmatik dan tidak terlalu beremosi. Dr. Mahathir berkata:

Malaysia has always welcomed foreign investors. We may impose conditions in order that we share in the benefits but we have never been anti-foreign. We have never indulged in nationalization. Even we were saying “Buy British Last” we still laid out the welcome mat for British investors.<sup>104</sup>

Dr. Mahathir menjelaskan kedudukan Malaysia sebagai negara kecil tetapi perlu dilayan sama rata dalam ucapan di London pada 23hb Julai 1987 sempena makan tengahari dikendalikan oleh Konfederasi Industri Britain.<sup>105</sup> Britain pernah menjadi pelabur terbesar di Malaysia dan hubungan Malaysia dengan Britain adalah hubungan yang mempunyai nilai sejarah tersendiri dan tidak dinafikan banyak kebaikan yang telah dilakukan oleh Britain sebagai penjajah. Dalam ucapan tersebut Dr. Mahathir terus menyatakan walaupun terdapat banyak peluang untuk melabur di Malaysia tetapi ia masih kekurangan pelaburan Britain di Malaysia. Sikap rakyat Malaysia memandang Britain terlalu tinggi memberi kelebihan kepada Britain. Dr. Mahathir menegaskan: “Malaysia, of course, is not in the same league as Britain, but young nations do tend to take equality seriously.”<sup>106</sup>

BBL ditamatkan dan telah dimansuhkan kerana Malaysia telah berpuas hati dengan tindak balas Britain yang telah mahu memahami tujuan utama pelaksanaan

---

<sup>104</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 51.

<sup>105</sup> *Koleksi Ucapan Mahathir*, Kuala Lumpur: Jabatan Pencetakan Negara, 1992, hlm. 496; Ucapan Dr. Mahathir di London pada 23hb Julai 1987 sempena makan tengahari dikendalikan oleh Konfederasi Industri British.

<sup>106</sup> *Ibid.*

BBL dan aspirasi Malaysia.<sup>107</sup> Ia telah dapat menyampaikan mesej kepada Britain dan ia juga telah dapat memulihkan hubungan dagangan yang lebih baik di antara kedua-dua negara.<sup>108</sup> Terdapat syarikat-syarikat di Britain yang melabur di Malaysia, terutama yang bergantung kepada tender-tender kerajaan Malaysia telah menerima kesan negatif semasa pelaksanaan BBL telah berjaya dipulihkan semula selepas penamatan BBL.<sup>109</sup> Melihat daripada tindakan Dr. Mahathir yang telah melaksanakan BBL dan menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi lebih renggang kerana beberapa isu yang timbul dan masih tidak diselesaikan akan dibincangkan. Seterusnya pelaksanaan BBL telah menyedarkan pihak Britain bahawa mereka perlu memberi perhatian terhadap sensitiviti dan aspirasi Malaysia bagi menjaga kepentingan ekonomi mereka di Malaysia. Kedua-dua negara masih saling memerlukan dan ia juga kerana Malaysia mahu mendapatkan pelabur daripada pelbagai negara tanpa mengira ideologi bagi meningkatkan ekonomi negara.

### **London Metal Exchange (LME)**

Salah satu isu yang membuatkan hubungan Malaysia dengan Britain renggang kerana mengawal harga pasaran bijih timah dan telah merugikan Malaysia. Malaysia mengambil tindakan untuk mengatasi masalah harga timah yang tidak memberangsangkan dan hanya menguntungkan kepada pedagang-pedagang bijih timah. Bijih timah adalah bahan mentah eksport utama Malaysia telah dimanipulasikan dalam Pasaran Logam London (London Metal Exchange).<sup>110</sup> Ia telah menyebabkan harga bijih timah menjadi rendah dan tidak stabil. Ini membimbangkan kerajaan Malaysia<sup>111</sup> dan

---

<sup>107</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 99, 1 Disember, 1987, hlm. 16272.

<sup>108</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 13, 23 Mac, 1989, hlm. 2267-2268; Tahun 1985 jumlah perdagangan antara kedua-dua negara telah bertambah iaitu daripada RM2,191.8 juta kepada RM2,515.2 juta pada tahun 1986, RM2,820.1 juta pada tahun 1987 dan RM4,065.0 juta pada tahun 1988.

<sup>109</sup> *Ibid.*

<sup>110</sup> Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, hlm. 57; LME diasaskan apabila kebanyakan lombong bijih timah dimiliki oleh orang Inggeris.

<sup>111</sup> Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir : Triumph after trials*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed and Co., 1990, hlm. 52.

menyukarkan ekonomi Malaysia.<sup>112</sup> Memandangkan ekonomi Malaysia bergantung dengan eksport bijih timah tindakan diambil bagi mengelak harga jatuh dan tidak stabil kerana ia akan merugikan Malaysia malah sektor bijih timah di Malaysia turut terjejas.

Usaha untuk mengatasi masalah harga timah yang tidak menentu dan ada pihak yang mengaut keuntungan hasil timah, Dr. Mahathir telah diperkenalkan kepada seorang pedagang logam Switzerland bernama David Zainer<sup>113</sup> oleh rakannya seorang ahli perniagaan dari Melaka yang bernama H. M. Shah. Zainer menyatakan bahawa beliau berupaya menaikkan semula harga bijih timah dengan cara membeli semua bekalan bijih timah yang ditawarkan di pasaran dengan harga yang murah dan menjualkannya semula apabila harga bijih timah naik dan ini akan memberikan keuntungan.<sup>114</sup> Beliau telah dilantik bagi urusan bijih timah. Beliau berbangsa Yahudi tetapi menggunakan passport Swiss dan mempunyai rekod yang kurang baik kerana pada tahun 1975 beliau telah dipecat oleh Amalgamated Metals Corporation di atas kesalahan merasuah pihak atasan Indonesia.<sup>115</sup> Strategi ini telah menimbulkan tanda tanya dan melabelkan pembeli timah misteri sebagai “pembeli tidak kenal” yang muncul di LME.<sup>116</sup> Sejak Julai 1981, jumlah timah yang besar telah dibeli untuk mengekalkan harga pada peringkat relatif. Awal Julai 1981, harga timah telah naik dari RM27 sekilo kepada RM28 sekilo sebelum pembelian besar-besaran dilakukan. Selepas pembelian secara besar-besaran, harga timah telah kekal dalam lingkungan RM32 – RM35 sekilo sehingga Februari, 1982.<sup>117</sup> Pembeli tidak kenal menjadi tanda tanya dan dipercayai dari salah sebuah negara pengeluar timah dan media Barat telah menuduh Malaysia. LME telah menuduh

---

<sup>112</sup> *The Malay Mail*, 26 Jul. 2012, ‘Why I said ‘Buy British Last’.

<sup>113</sup> Jomo K. S., *Warisan ekonomi Mahathir*, hlm. 145; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 150.

<sup>114</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 520; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 151.

<sup>115</sup> Jomo K. S., *Warisan ekonomi Mahathir*, hlm. 145.

<sup>116</sup> Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara, Jilid II*, hlm. 404; Dr. Mahathir menyatakan: “Kerajaan mengaku kita telah cuba menyelamatkan perniagaan timah dengan memasuki pasaran dan membeli timah; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 152.

<sup>117</sup> *Fokus*, 15 Mac, 1982, hlm. 17.

Malaysia mahu menjadi kartel untuk menentukan harga timah di pasaran.<sup>118</sup> Dr. Mahathir menyatakan: “We [Malaysia] had cornered the tin market.”<sup>119</sup> Walau bagaimanapun tiada tindakan undang-undang diambil terhadap kerajaan Malaysia.<sup>120</sup> Dr. Mahathir menyatakan kesan daripada pengalaman ini: “I was annoyed. The episode influenced my decision to Buy British Last and not to give contracts to British firms.”<sup>121</sup>

Sekumpulan ahli LME telah sengaja menjatuhkan harga bijih timah dengan strategi yang digunakan menjual bijih timah secara singkat dan tidak memiliki timah secara fizikal.<sup>122</sup> Apabila harga bijih timah jatuh, mereka dapat membelinya dengan harga murah dan membekalkan bijih timah kepada pelanggan mereka setelah genap tempoh yang dijanjikan dengan harga yang tinggi.<sup>123</sup> Bagi Malaysia kejatuhan harga bijih timah di pasaran telah membebankan ekonomi Malaysia kerana bijih timah adalah bahan mentah eksport utama. Bagi mengelakkan harga daripada jatuh, Malaysia telah bertindak dengan menstabilkan harga melalui broker yang berdaftar dengan LME. Ianya dengan cara membeli timah yang dijual secara serahan hadapan. Apabila sampai tempoh mereka terpaksa membeli timah dan disebabkan tiada bekalan timah yang mencukupi pada waktu itu mereka terpaksa membelinya daripada Malaysia walaupun dengan harga yang tinggi bagi memenuhi syarat-syarat yang telah dijanjikan.<sup>124</sup> Dalam situasi ini Malaysia, melalui broker yang telah didaftar dengan LME dikenali sebagai Maminco Sdn Bhd dengan modal berbayar hanya RM2.00 digunakan sebagai wakil membeli timah bagi pihak kerajaan Malaysia dan Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) menyediakan kredit kepada Maminco<sup>125</sup> telah membeli bijih timah tersebut dan

---

<sup>118</sup> Ibid.

<sup>119</sup> *The Malay Mail*, 26 Jul. 2012, ‘Why I said ‘Buy British Last’.

<sup>120</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 119; Kerajaan Malaysia cuba menyelamatkan sektor timah daripada mengalami kerugian.

<sup>121</sup> *The Malay Mail*, 26 Jul. 2012, ‘Why I said ‘Buy British Last’.

<sup>122</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 119.

<sup>123</sup> Ibid., hlm. 120; Aziz Zariza Ahmad, *Mahathir: Triumph after trials*, hlm. 52.

<sup>124</sup> Aziz Zariza Ahmad, *Fasa kedua*, Kuala Lumpur: Firma Malaysia Publishing, 1988, hlm. 60; *The Malay Mail*, 26 Jul. 2012, ‘Why I said ‘Buy British Last’; Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara, Jilid II*, hlm. 404.

<sup>125</sup> Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 151.

menyimpannya bagi mempertahankan harga tinggi dalam pasaran.<sup>126</sup> Pada bulan Jun 1981 bagi menaikkan harga timah, Malaysia telah membeli timah bernilai USD750 juta di LME. Stok bijih timah ini disimpan sehingga harga bijih timah naik semula. Apabila penjualan dilakukan Malaysia akan mendapat keuntungan.<sup>127</sup>

Menurut peraturan LME, bagi mereka yang telah menandatangani kontrak terpaksa menyerahkan bijih timah secara fizikal untuk memenuhi kontrak yang telah dilakukan supaya tidak melanggar kontrak yang telah dibuat (*breach of contract*).<sup>128</sup> Apabila sampai masanya, pihak LME telah mengubah peraturan dengan membenarkan penjual bijih timah tersebut tidak perlu memenuhi perjanjian kontrak yang telah dibuat.<sup>129</sup> Ini menyebabkan strategi Malaysia untuk mendapat keuntungan telah membawa kepada kerugian disebabkan pedagang timah tidak perlu membeli timah dan strategi Malaysia gagal memaksa mereka membeli timah dari Malaysia dengan harga yang tinggi.<sup>130</sup> Ini juga telah menjatuhkan harga simpanan stok bijih timah menjadi rendah.<sup>131</sup> Kejayaan menstabilkan harga timah adalah dalam jangka masa pendek tetapi dalam jangka masa panjang adalah tidak praktikal kerana untuk menstabilkan harga timah perlunya membeli timah dengan harga yang tidak menentu. Sekiranya pembelian dihentikan harga timah pula akan turun.<sup>132</sup> Dr. Mahathir merasa tidak puas hati dengan tindakan LME yang telah mengubah peraturan dengan melonggar syarat iaitu pedagang timah tidak perlu memenuhi perjanjian kontrak yang telah dibuat dan dikenakan denda sahaja.<sup>133</sup> Dr. Mahathir menyatakan apabila kerajaan atau agensi mereka boleh

---

<sup>126</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 120.

<sup>127</sup> Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara, Jilid II*, hlm. 404–405; Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981–2003*, hlm. 167.

<sup>128</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 120.

<sup>129</sup> Ibid.; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 520; Jomo K. S., *Mahathir way: Mahathir's economic legacy*, Kuala Lumpur: Forum, 2003, hlm. 22; Aziz Zariza Ahmad, *Fasa kedua*, hlm. 60; Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981–2003*, hlm. 167; Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara, Jilid II*, hlm. 405.

<sup>130</sup> Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 152.

<sup>131</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysia foreign policy in Mahathir era, 1981–2003*, hlm. 167; Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara, Jilid II*, hlm. 404.

<sup>132</sup> Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara, Jilid II*, hlm. 405; *Fokus*, 15 Mac, 1982, hlm. 17.

<sup>133</sup> Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 153.



mengubah mekanisme pasaran sesuka hati maka pasaran tidak boleh dianggap bebas lagi. Pengalaman yang dilalui semasa cuba untuk meraih keuntungan daripada spekulator bijih timah di LME adalah satu rangka peraturan pasaran yang tidak adil malah menghalalkan tindakan bagi negara-negara yang kaya.<sup>134</sup> Dr. Mahathir mengkritik tindakan mengubah peraturan yang sedia ada bagi menyelamatkan pedagang-pedagang LME dari memenuhi permintaan serahan hadapan.<sup>135</sup> Malaysia mengalami kerugian melebihi RM400 juta dan tindakan ini telah membuat pembayar cukai Malaysia menanggung kerugian sebanyak US\$260 juta<sup>136</sup> serta terdapat sebanyak 60,000 tan bijih timah yang tidak dijual. Ini dinyatakan oleh Dr. Mahathir: “Malaysia is said to have lost more than \$400 million and was left with 60,000 tons of unwanted tin.”<sup>137</sup> Dr. Mahathir menyatakan apabila harga boleh ditentukan ini akan menyebabkan negara pengeluar tidak dapat mengawal harga dan biasanya akan mengalami kerugian kerana spekulator akan mengaut keuntungan sama ada harga pasaran jatuh ataupun naik. “It is us who have to pay the price”.<sup>138</sup> Kerajaan Malaysia cuba menyelamatkan sektor timah daripada mengalami kerugian yang besar.<sup>139</sup> Bagi menyelamatkan daripada kerugian Makuwasa telah ditubuhkan dan dimiliki seratus peratus milik kerajaan Malaysia.<sup>140</sup> Dr. Mahathir menyatakan: “If Malaysia is suffering now, it is not because of our policies. It is because all commodities have now undergone a radical structural change.”<sup>141</sup>

Tindakan susulan dilakukan kerana kedua-dua pertubuhan yang dikenali dengan nama International Tin Agreement (ITA) dan London Metal Exchange (LME) telah mengawal harga bijih timah di pasaran dunia. Pada Februari, 1982, Musa Hitam telah

---

<sup>134</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 516.

<sup>135</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 120.

<sup>136</sup> *The Sydney Morning Herald*, 14 May, 1987, hlm. 17, ‘Malaysia on the brink’.

<sup>137</sup> *EIR*, Vol. 13, No. 41, Oct. 17, 1986, hlm. 8, ‘Malaysia’s for Mahathir takes on the Wall Street Journal’s lies’.

<sup>138</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 18, No. 2, Jun, 1985, hlm. 102.

<sup>139</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 2009, hlm. 119.

<sup>140</sup> *Ibid.*, hlm. 120.

<sup>141</sup> *EIR*, Vol. 13, No. 41, Oct. 17, 1986, hlm. 8, ‘Malaysia’s for Mahathir takes on the Wall Street Journal’s lies’.

mencadangkan pengelompokan negara pengeluar timah. Cadangan pengelompokan dilakukan kerana kesan daripada kegagalan kerjasama antara negara industri yang tidak mahu menaikkan harga penimbal timah. *Financial Times* London membuat kenyataan bahawa cadangan pengelompokan negara pengeluar timah sebagai kartel yang akan gagal. Dr. Mahathir membidas kritikan tersebut dengan menyatakan: “Orang yang bercakap tentang perdagangan bebas dan menentang monopoli telah banyak mengganggu pasaran dengan cara menjual simpanannya dan sebagainya.”<sup>142</sup> Negara pengeluar tidak mempunyai kuasa dan pengaruh untuk menstabilkan harga bijih timah di pasaran dunia. Malaysia, Indonesia dan Thailand sebagai negara pengeluar terbesar bijih timah dunia telah mengambil tindakan dengan menubuhkan Pertubuhan Pengeluar Bijih (Association of Tin Producing Countries) pada 11 Jun 1983 supaya dapat mengawal harga bijih timah tanpa bergantung kepada LME dan ITA.<sup>143</sup>

Ini telah menimbulkan bibit rasa tidak puas hati terhadap pihak Britain. Malaysia tidak dapat berbuat apa-apa apabila LME telah mengubah peraturan pasaran secara mengejut. Pihak pedagang-pedagang hadapan bijih timah sepatutnya mengalami kerugian telah diselamatkan oleh LME. Secara tidak langsung, tindakan LME ini dianggap sebagai penindasan kepada negara-negara pengeluar bijih timah dan menyokong amalan spekulasi yang mengaut keuntungan hasil daripada pasaran bijih timah. Negara maju mengawal pasaran timah dan memberi syarat yang terus berat sebelah.<sup>144</sup> Pihak pengeluar bijih timah yang terpaksa menanggung kerugian hasil daripada tindakan LME yang tidak mementingkan negara pengeluar daripada spekulator timah.

---

<sup>142</sup> *Fokus*, 15 Mac, 1982, hlm. 17.

<sup>143</sup> Abu Hassan Adam, *Menebus Maruah*, hlm. 56; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 154.

<sup>144</sup> Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara, Jilid II*, hlm. 405; *Fokus*, 15 Mac, 1982, hlm. 17.

## Pengambilalihan Syarikat Guthrie Corporation

Selain daripada isu LME yang telah menggagalkan usaha Malaysia untuk mendapat keuntungan hasil penjualan timah, hubungan terus menjadi tegang apabila kerajaan Malaysia berhasrat untuk mendapatkan semula aset-aset utama secara terbuka adalah agak sukar kerana mendapat tentangan dan halangan daripada pihak Britain.<sup>145</sup> Kebiasaannya usaha-usaha ini akan berakhir dengan kegagalan. Britain tidak memberi perhatian serius tujuan Malaysia untuk mendapatkan semula aset yang dikuasai oleh Britain adalah untuk memerdekakan syarikat-syarikat yang dahulunya dimiliki oleh negara daripada penjajah.<sup>146</sup> Kejayaan PNB pada tahun 1972 membeli syarikat bijih timah yang terbesar di dunia iaitu *London Tin Corporation* telah membuka mata pihak Britain akan kemampuan kerajaan Malaysia dan mereka bertindak dengan tidak memberi laluan mudah untuk memiliki syarikat-syarikat perladangan.<sup>147</sup> Percubaan Sime Darby untuk menguasai Guthrie Corporation gagal.<sup>148</sup> Malah Malaysia telah dituduh mahu memilikkan negara atau “back door nationalization” oleh pihak Britain dan tuduhan ini dijawab oleh Dr. Mahathir:

He was “hurt” at the time because of the tone of the *London Financial* press. They were alleging, quite without foundation, that Sime Darby bid for Guthrie was both Government inspired and a form of “back door nationalization”. The decision to bid for Guthries had however been Sime Darby’s alone and Malaysians were surely free to buy quoted shares on the London market, like anyone else. The Malaysian could have nationalized as other government had, but this was not their policy and he felt that they did not received sufficient credit for their moderate and restrained policies.<sup>149</sup>

Dr. Mahathir berpendapat walaupun negara sudah merdeka namun sektor perladangan dan perlombongan masih dikuasai oleh kebanyakan syarikat-syarikat dari Britain. Walaupun cukai dikenakan ke atas syarikat-syarikat dari Britain namun ianya

---

<sup>145</sup> Halangan seperti Akta Industri 1975 Bahagian II.

<sup>146</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 513.

<sup>147</sup> Ibid.

<sup>148</sup> *New Straits Times*, 15 Sep. 1981, hlm. 27, ‘PNB’s future looks exciting’.

<sup>149</sup> *FCO15/2504/0010*; Surat bertarikh 20 November, 1979 bertajuk “Call on Dr. Mahathir”.

tidaklah menguntungkan negara kerana kutipan cukai tidaklah sebanyak keuntungan yang diperolehi dan dibawa balik ke Britain. Malah wang yang dibawa keluar itu tidak dapat digunakan untuk kesejahteraan rakyat Malaysia sendiri. Pihak syarikat Britain menguasai kira-kira 80 peratus sumber pendapatan hasil dari sektor perladangan dan perlombongan. Ini telah membantu meningkatkan ekonomi Britain.<sup>150</sup> Mahathir bercita-cita mengambil semula asset-aset kepunyaan Malaysia yang berada di bawah pengaruh Britain. Walaupun terdapat kesukaran untuk memperolehi kembali aset Malaysia di Britain Mahathir tetap berusaha dengan pelbagai cara bagi mendapatkan semula aset tersebut. Pihak Britain tidak mahu berkompromi dengan Mahathir malah ada aset yang dijual kepada pihak asing dan juga syarikat yang diwakili oleh kaum Cina di Malaysia. Ini telah membuatkan Mahathir merasakan pihak Britain tidak memberi layanan yang sepatutnya dan membelakangkan hak Malaysia.<sup>151</sup>

Pembelian Guthrie Holding terpaksa dilakukan di London dengan tujuan untuk membawa balik syarikat ini kepangkuan Malaysia semula. Oleh itu satu strategi telah dirancang dengan begitu rapi bagi memperolehi saham syarikat Guthrie.<sup>152</sup> Strategi yang dilakukan ialah apabila sahaja pasaran saham London dibuka, tawaran terus dilakukan kepada pemegang-pemegang saham Guthrie Corporation dengan tawaran harga yang lebih tinggi daripada harga yang dibuka di pasaran saham London.<sup>153</sup> Strategi ini telah berjaya memikat ramai pemegang saham Guthrie Corporation menjual saham mereka kepada PNB.<sup>154</sup> Ini dinyatakan oleh Peter Rees Menteri Negara Perdagangan (Minister of State for Trade) kerana tidak berpuas hati dengan strategi tersebut yang telah menyebabkan ada pemilik saham Guthrie tidak dapat menjual saham dengan harga yang sama:

---

<sup>150</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 512.

<sup>151</sup> *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 30, 'Rubbing out the past'.

<sup>152</sup> Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 207; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 514.

<sup>153</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 20 October 1981, Vol. 10, cc227-33.

<sup>154</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 330-331; *Utusan Malaysia*, 5 April, 1985, hlm. 8.

Companies or individuals will build up an interest and sometimes, if they can, sadly, they will do so covertly. They will go into the market early one morning to bring their interest well above that which has to be notified and at a price that is much lower than would perhaps have been the case if they had made a general offer to all shareholders. In so doing, they act very much to the detriment of other shareholders who do not necessarily have the opportunity to subscribe to shares at the same price.<sup>155</sup>

Strategi bermula apabila harga saham Guthrie Corporation ditutup pada harga 662 pence. Apabila keesokan hari pasaran saham dibuka dengan harga 662 pence dan pihak PNB telah menawarkan kepada pemegang saham Guthrie dengan harga pembelian saham Guthrie Corporation sebanyak 901 pence. Harga saham yang lebih tinggi daripada harga pasaran saham semasa. Kenaikan harga saham ini telah menarik ramai para pelabur untuk menjualnya kepada PNB kerana mereka telah memperolehi keuntungan sebanyak 239 pence.<sup>156</sup> Dalam masa dua jam strategi ini telah berjaya menarik ramai pembeli sehingga mencapai jumlah 29.87 peratus.<sup>157</sup> Mengikut undang-undang saham Britain apabila sesuatu saham telah berjaya dimiliki sebanyak 30 peratus, pembeli boleh membuat tawaran seterusnya secara terbuka dengan harga saham yang sama. Ia dikenali dengan nama 'tawaran umum wajib' (mandatory general offer).<sup>158</sup> Pada pukul 11:30 pagi PNB telah berjaya memperolehi hampir empat juta saham dan menjadikan jumlah saham telah meningkat sebanyak 42 peratus. Kejayaan PNB membeli saham Guthrie Corporation sebanyak 7,995,500 telah menjadikan kesemua jumlah saham yang telah dimiliki oleh PNB sebanyak 15,790,500 saham iaitu kira-kira 50.4 peratus. Pihak PNB membeli sebanyak lapan juta saham dengan kos RM131 juta bagi memiliki saham Guthrie Corporation sebanyak 50.41 peratus dan dengan peratusan tersebut telah membolehkan PNB menguasai Syarikat Guthrie Corporation sebagai

---

<sup>155</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 20 October 1981, Vol. 10, cc227-33.

<sup>156</sup> Chew Huat Hock, 'Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia's bilateral relations with Britain and Singapore in 1981', in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982, hlm. 352.

<sup>157</sup> *New Straits Times*, 9 Sep. 1981, hlm. 1, 'Takeover of giant UK company'; Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, hlm. 150.

<sup>158</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 514.

pelabur terbesar.<sup>159</sup> Pada 7 September, 1981, PNB berjaya menguasai syarikat Guthrie Corporation.<sup>160</sup> Salah satu faktor kejayaan PNB memperolehi saham Guthrie Corporation adalah dengan mendapat khidmat nasihat daripada *N. M. Rothschild and Sons* dan broker saham iaitu *Rowe and Pitman* untuk melaksanakan strategi yang dikenali sebagai “dawn raid”.<sup>161</sup> Harga komoditi yang jatuh telah memberi kelebihan kepada Malaysia untuk membeli saham Guthrie Corporation kerana ramai pemegang saham mahu menjual saham mereka. *M and G Investment Trust* menjualkan sahamnya kepada PNB. *M and G Investment Trust* sebagai pengurus amanah lebih berminat kepada mendapat keuntungan. Apabila harga komoditi jatuh M and G tidak berminat dengan saham syarikat Guthrie Corporation.<sup>162</sup>

Tindakan secara mengejut ini menyebabkan pihak Guthrie Corporation tidak berpeluang untuk menghalang penjualan saham mereka kepada PNB.<sup>163</sup> Ian Coates, pengerusi Syarikat Guthrie Corporation telah merasa tidak puas hati dengan tindakan PNB dengan menyatakan: “...that people should be allowed to achieve control of a business in the space of four hours without the majority of shareholders being advised is grotesque.”<sup>164</sup> PNB telah bertindak dengan begitu cepat menguasai saham Guthrie Corporation sehingga pihak Guthrie Corporation tidak sempat berbuat apa bagi mempertahankan daripada saham dijual dengan begitu cepat. Ini telah membuat pihak Britain merasa tidak puas hati dan telah menyatakan ia adalah sebagai langkah kerajaan Malaysia mahu memiliknegerakan melalui pintu belakang (Back door

---

<sup>159</sup> *New Straits Times*, 9 Sep. 1981, hlm. 1.

<sup>160</sup> Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 207; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2010, hlm. 94; Zainuddin Maidin, *The other side of Mahathir*, hlm. 96; Hajrudin Somun, *Mahathir: The secret of Malaysian success*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2003, hlm. 98; Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 321.

<sup>161</sup> *The Age*, 2 Oct. 1981, hlm. 23, ‘Malaysia retaliates in Guthrie takeover row’; *The Star*, 26 Sep. 1981; ‘Dawn Raid’ adalah situasi di mana syarikat telah dibeli dengan bahagian saham yang besar dengan menawarkan harga lebih tinggi daripada harga pasaran saham semasa dan dilakukan dengan tempoh yang singkat.

<sup>162</sup> *New Straits Times*, 15 Sep. 1981, hlm. 27, ‘PNB’s future looks exciting’.

<sup>163</sup> *New Straits Times*, 9 Sep. 1981, hlm. 1, ‘Takeover of giant UK company’.

<sup>164</sup> *Asiaweek*, 25 Sep. 1981, hlm. 32; *The Glasgow Herald*, 8 Sep. 1981, hlm. 11, ‘Malaysian win control of Guthrie in market raid’.

nationalization).<sup>165</sup> Pengarah Urusan Guthrie Corporation, Ian Coates, melabelkan kejayaan pihak PNB sebagai “nationalization front door”<sup>166</sup> dan menuduh usaha tersebut didalangi oleh pihak Perbendaraan Malaysia.<sup>167</sup> Kenyataan ini dibalas oleh Tengku Razaleigh dengan menyatakan pengambilalihan Guthrie Corporation oleh PNB adalah “right course of action to protect Malaysian interest”.<sup>168</sup> Tengku Razaleigh menegaskan bahawa tindakan PNB itu bukanlah luar biasa dan pihak Britain perlu menunjukkan kepada Malaysia perlaksanaan “free enterprise”.<sup>169</sup> Ini dijelaskan lagi oleh Ghazali: “...you cannot by any stretch of imagination defend the free enterprise system if that system is only run by one race.”<sup>170</sup>

Pengambilalihan saham syarikat Guthrie Corporation telah membuatkan pihak Britain menuduh usaha Malaysia itu adalah bagi memiliknegarakan modal asing. Pembelian saham secara besaran di awal pasaran saham London dibuka dengan tujuan menguasai sesebuah syarikat telah dianggap oleh pihak Britain sebagai satu cara untuk memiliknegarakan melalui pintu belakang dan strategi ini digelar sebagai “Dawn Raid” atau “serangan subuh”.<sup>171</sup> Pihak Malaysia menafikan usaha tersebut sebagai memiliknegarakan modal asing kerana pembelian saham-saham Guthrie mengikut saluran pasaran dan berlandaskan undang-undang Suruhanjaya Sekuriti British.<sup>172</sup> Malaysia merasa tidak puas hati dengan kritikan daripada pihak Britain kerana pengambilalihan syarikat Guthrie Corporation adalah urusan perniagaan biasa menurut peraturan yang sah dan ia adalah cara yang dilakukan oleh pihak Britain sendiri.<sup>173</sup> Rees menyatakan pembelian saham Guthrie dilakukan oleh PNB: “It was interesting to see

---

<sup>165</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 330-331; *Utusan Malaysia*, 5 April, 1985, hlm. 8; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 94; Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, hlm. 36; Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 322.

<sup>166</sup> Shakila Yacob and Nicholas J. White, ‘The ‘unfinished business’ of Malaysia’s decolonisation: The origins of the Guthrie ‘Dawn Raid’’, in *Modern Asian Studies*, United Kingdom: Cambridge University Press, 2009, hlm. 920-921; *New Straits Times*, 9 Sep. 1981, hlm. 2, ‘It was a bargain for PNB, says Guthrie MD’.

<sup>167</sup> *New Straits Times*, 9 Sep. 1981, hlm. 2; ‘It was a bargain for PNB, says Guthrie MD’; *Asiaweek*, 25 Sep. 1981, hlm. 32, ‘Guthrie comes home’.

<sup>168</sup> *Ibid.*, 10 Sep. 1981, hlm. 1.

<sup>169</sup> *Ibid.*

<sup>170</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 329.

<sup>171</sup> *Ibid.*; *Utusan Malaysia*, 5 April, 1985, hlm. 8; Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, hlm. 36.

<sup>172</sup> *Berita Minggu*, 19 April, 1987, hlm. 11; *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8, ‘Malaysia-Britain: Hubungan lebih seimbang’; Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, hlm. 150.

<sup>173</sup> *Ibid.*

that one major Malaysian company—I think that it was called Permodalan—took a major interest in the Guthrie Corporation here.”<sup>174</sup> Pengambilalihan oleh PNB bukanlah secara paksa tetapi mengikut “Provision Britain’s City Code on Takeovers and Mergers.”<sup>175</sup> Ini telah mengajar Malaysia untuk melakukan cara yang sama “a commercial transaction following the normal rules of the games”.<sup>176</sup> Tengku Razaleigh tidak menafikan penglibatan kerajaan Malaysia dalam usaha untuk mendapatkan syarikat Guthrie Corporation kerana PNB ditubuhkan dengan mendapat pembiayaan dari kerajaan dan melalui Amanah Saham Nasional telah berjaya mengutip sebanyak RM335 juta. PNB diberikan sebanyak RM1.5 bilion daripada tabung persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Keempat<sup>177</sup> dan ia adalah syarikat pelaburan utama di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputra.<sup>178</sup>

Tindakan mengambil alih syarikat Guthrie Corporation secara mengejut adalah kerana pihak Britain telah bertindak membelakangkan kerajaan Malaysia apabila melakukan penjualan saham Guthrie Berhad sebanyak 73 peratus kepada Multi-Purpose Holding Berhad dengan perjanjian sebanyak £24.4 juta dalam bulan Jun 1981 dan pembelian *Page Airways New York*, sebuah syarikat penerbangan di Amerika Syarikat tanpa berbincang dengan PNB terlebih dahulu. Ini telah menyebabkan kemarahan kepada pengarah-pengarah Guthrie Corporation dengan menyatakan “colonial arrogance does not pay anymore.”<sup>179</sup> Pihak PNB berasa tidak puas hati dengan tindakan tersebut dan menyatakan: “...viewed with disquiet the course upon which the management of Guthrie would appear to be set.”<sup>180</sup> Perbuatan tidak menawarkan terlebih dahulu kepada PNB sebelum penjualan saham Guthrie Berhad kepada Multi-Purpose Holding Berhad yang dimiliki oleh pihak Malaysian Chinese Association

<sup>174</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 20 October 1981, Vol. 10, cc227-33.

<sup>175</sup> *Asiaweek*, 25 Sep. 1981, hlm. 32; *New Straits Times*, 9 Sep. 1981, hlm. 1.

<sup>176</sup> *Ibid.*; *New Straits Times*, 10 Sep. 1981, hlm. 1. ‘Guthrie take over right course of action’.

<sup>177</sup> *New Straits Times*, 15 Sep. 1981, hlm. 27, ‘PNB’s future looks exciting’.

<sup>178</sup> *Ibid.*, 10 Sep. 1981, hlm. 1; *Asiaweek*, 25 Sep. 1981, hlm. 32, ‘Guthrie comes home’.

<sup>179</sup> *Ibid.*, 15 Sep. 1981, hlm. 27; *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 28; Chew Huat Hock, ‘Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia’s bilateral relations with Britain and Singapore in 1981’, in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No. 3, December 1982, hlm. 352.

<sup>180</sup> *New Straits Times*, 9 Sep. 1981, hlm. 1, ‘Takeover of giant UK company’.



(MCA) adalah salah satu tindakan yang dianggap tidak menghormati Dasar Ekonomi Baru yang mahu dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia. Ghazali Shafie menjelaskan: “But if these foreign companies begin to sell their equity to the Chinese group, then it makes it very difficult for us to fulfill the 30 percent within 20 years.”<sup>181</sup> Bagi Malaysia ia adalah satu cara pihak Britain yang tidak mahu membantu malah mensabotaj pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Ghazali menyatakan: “You see, and this is done behind our back ...”<sup>182</sup>

Strategi pengambilalihan Guthrie Corporation telah menyebabkan pihak Britain merasa tidak puas hati. Ia telah menjadi satu tamparan kepada mereka kerana berkeras tidak mahu menjual syarikat-syarikat Malaysia yang dimiliki oleh mereka kepangkuan Malaysia semula. Pihak Britain cuba memanipulasikan kesahihan pembelian Guthrie Corporation sebagai satu cara Malaysia memiliknegerakan menerusi pintu belakang.<sup>183</sup> Malaysia mempertahankan tindakan tersebut dengan menyatakan semuanya dilakukan secara sah mengikut undang-undang Suruhanjaya Sekuriti Britain yang dilaksanakan oleh pihak Britain.<sup>184</sup> Guthrie Corporation diperolehi melalui pasaran saham di London secara sah<sup>185</sup> dan tidak merampas saham-saham Guthrie Corporation malah mendapat persetujuan daripada pemegang-pemegang saham yang mahu menjualkannya secara sukarela apabila ditawarkan dengan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran saham London.<sup>186</sup> Ini diakui sendiri oleh Oliver Page, Setiausaha Majlis Industri Sekuriti Britain: “It was a perfectly legal transaction – Permodalan Nasional Berhad followed each and every rule in the book.”<sup>187</sup> Tindakan Britain cuba menjatuhkan imej Malaysia telah disangkal oleh Tengku Razaleigh dengan menyatakan: “A commercial

---

<sup>181</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 330.

<sup>182</sup> *Ibid.*

<sup>183</sup> Robin Adshead, *Mahathir of Malaysia*, London: Hisbiscus Publishing Company, 1989, hlm. 80; Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, hlm. 150.

<sup>184</sup> *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8.

<sup>185</sup> *Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Publishing, 2014, hlm. 27; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 168.

<sup>186</sup> *Asiaweek*, 25 Sep. 1981, hlm. 32, ‘Guthrie comes home’; Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, hlm. 36; *Asiaweek*, 30 Oct. 1989, hlm. 84; Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, hlm. 36.

<sup>187</sup> *Ibid.*

transaction following the normal rules of the games.”<sup>188</sup> Pihak Britain yang tidak berpuas hati telah cuba memburukkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak baik untuk membuat pelaburan kerana risiko akan dimiliknegerakan. Tuduhan tersebut bagi menakutkan pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Dr. Mahathir sendiri tidak bersetuju dengan tindakan memiliknegerakan dan berpendapat tindakan untuk memiliknegerakan adalah langkah yang tidak baik kerana ini akan memberi impak yang negatif kepada pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di dalam negara. Imej Malaysia akan tercalar dan kesannya adalah berpanjangan serta dibayangi ketakutan pelabur asing untuk melabur di Malaysia kerana pelaburan mereka akan dimiliknegerakan.<sup>189</sup>

Bagi Dr. Mahathir tuduhan Malaysia memiliknegerakan adalah satu tuduhan yang amat berat dan tidak boleh dipandang ringan kerana ia akan memberi satu imej Malaysia yang tidak baik kepada dunia. Tuduhan seperti ini perlu dilenyapkan bagi membolehkan Malaysia menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia.<sup>190</sup> Tuduhan tersebut dinafikan oleh Malaysia kerana tindakan memiliknegerakan tidak wujud kerana belum ada syarikat di Malaysia yang telah dimiliknegerakan.<sup>191</sup> Dr. Mahathir menyatakan: “I have no fear, no worry that we can explain that what we have done in buying shares in British companies does not amount to nationalization.”<sup>192</sup> Tindakan Malaysia ini boleh dikategorikan sebagai nasionalisme ekonomi. Menurut William Shaw, apabila sesebuah negara membebaskan bahagian yang penting yang pernah dijajah dan dikuasai oleh kapitalis asing dibebaskan atau

---

<sup>188</sup> Ibid.

<sup>189</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 513; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 168-169; Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, hlm. 36.

<sup>190</sup> Ibid.; Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 322; *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 27.

<sup>191</sup> *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 27.

<sup>192</sup> *New Straits Times*, 27 Oct. 1981, hlm. 1, ‘We’ll not buy British if we can help it’.

melaksanakan pembelian saham syarikat dan menjualkannya kepada masyarakat dominan di negara tersebut.<sup>193</sup>

Apabila berlakunya pengambilalihan syarikat Guthrie Corporation oleh Malaysia suasana menjadi kecoh dan tegang. Pihak Britain telah menuduh Malaysia mengambilnya dengan cara yang mengejut dan ia adalah satu taktik untuk memiliknegerakan secara sah. Pihak Britain telah bertindak dengan mengubah peraturan pasaran saham mereka bagi mengelak peristiwa pengambilalihan syarikat secara mengejut berulang lagi. Ini adalah kali kedua pihak Britain mengubah peraturan. Sebelum ini peraturan London Metal Exchange diubah bagi menggagal usaha Malaysia mengawal harga timah.<sup>194</sup> Ini telah membuatkan pihak Malaysia berasa tidak puas hati. Dr. Mahathir menyuarakan rasa tidak puas hati dengan menyatakan selepas Malaysia mahir dengan selok belok pembelian saham di London, pihak Britain telah mengubah peraturannya. Bagi Tengku Razaleigh pihak Britain yang telah mengajar Malaysia untuk berbuat demikian: “The British taught us those rules.”<sup>195</sup> Walau bagaimanapun, pihak Britain telah menafikan bahawa perubahan peraturan yang dilakukan bukanlah dilakukan secara langsung disebabkan oleh kejayaan Malaysia membeli saham-saham Guthrie Corporation.<sup>196</sup> Oliver Page, Setiausaha Majlis Industri Sekuriti telah menafikan tindakan mengubah peraturan pembelian saham di London. “I don’t know how the Malaysian Government got the idea our action was directed against them.”<sup>197</sup>

Malaysia berpendapat bahawa pihak Britain melalui Majlis Industri Sekuriti Britain telah mengubah peraturan London Stock Exchange akibat kejayaan pengambilan saham syarikat perladangan Guthrie Corporation secara mengejut yang dilakukan oleh

---

<sup>193</sup> Jamaie Hamil, *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*, hlm. 28.

<sup>194</sup> Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 322; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 63.

<sup>195</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 331; *Asiaweek*, 25 Sep. 1981, hlm. 32; Cheah, *Malaysia: The making a nation*, hlm. 207; Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 322; *Asiaweek*, 16 Oct. 1981; *The Star*, 29 Sep. 1981; *The Age*, 2 Oct. 1981, hlm. 23, ‘Malaysia retaliates in Guthrie takeover row’.

<sup>196</sup> *New Straits Times*, 30 Sep. 1981, hlm. 11; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 514; *The Age*, 2 Oct. 1981, hlm. 23, ‘Malaysia retaliates in Guthrie takeover row’.

<sup>197</sup> *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 27.

pihak Malaysia.<sup>198</sup> Pihak Britain menafikannya dan menyatakan tujuan perubahan peraturan tersebut dilaksanakan adalah bagi melindungi kepentingan pemegang-pemegang saham kecil.<sup>199</sup> Peraturan baru London Stock Exchange telah menghadkan pembelian saham sebanyak lima peratus sahaja dan wajib mengisytiharkan pemilikan secara terbuka.<sup>200</sup> Ini bagi mengelakkan ada usaha-usaha untuk menguasai syarikat Berhad awam Britain melalui pembelian saham di pasaran.<sup>201</sup> Pihak Britain turut menyatakan perubahan yang dilakukan ini telah lama dirancang sejak lapan belas bulan lalu bagi mengelak tuduhan adalah kerana kejayaan Malaysia mengambil alih Syarikat Guthrie Corporation.<sup>202</sup> Dalam bil syarikat no. 2 ada menyatakan: “to close an existing loophole in the law”.<sup>203</sup> Ghazali Shafie berpendapat: “...But the timing of its announcement, although now you explained that it was planned 18 months ago, makes us feel hurt...”<sup>204</sup> Ini berbeza dengan pandangan Michael Leifer yang menyatakan Majlis Sekuriti Industri telah mengambil tindakan segera selepas kejayaan Malaysia mengambil alih syarikat Guthrie Corporation.<sup>205</sup> Bagi Oliver Page, Setiausaha Majlis Sekuriti Industri perubahan undang-undang tersebut adalah: “We haven’t outlawed take overs, we’ve only slowed down the rate at which a company can acquire controlling interest.”<sup>206</sup> Pelbagai alasan telah diberikan bagi menafikan tindakan Britain mengubah peraturan kerana kejayaan Malaysia memperolehi saham Guthrie Corporation.

Malaysia telah membuktikan bahawa walaupun pihak Britain menggalakkan “free enterprise” tetapi apabila gagal mempertahankan Guthrie Corporation, pihak Britain telah mengambil tindakan dengan mengubah undang-undang sedia ada kepada

---

<sup>198</sup> Ibid., hlm. 26; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 66; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2010, hlm. 94; *New Straits Times*, 3 Oct. 1981, hlm. 1; ‘British goods – Malaysia act’.

<sup>199</sup> *The Glasgow Herald*, 22 Oct. 1981, hlm. 13, ‘Malaya tightens up on contracts’; *The Age*, 2 Aug. 1982, hlm. 13, ‘A blunt decisive nationalist’; R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, London: Routledge, 1999, hlm. 139; *Asiaweek*, 16 Oct. 1981, hlm. 49, ‘Malaysia fixes England’s wicket’; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 207.

<sup>200</sup> *New Straits Times*, 20 Oct. 1981, hlm. 1, ‘Coming UK law to stop dawn raid...’.

<sup>201</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 514; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 94; *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 27.

<sup>202</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 333; *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 26.

<sup>203</sup> *New Straits Times*, 20 Oct. 1981, hlm. 1, ‘Coming UK law to stop dawn raid...’.

<sup>204</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 333; *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 26.

<sup>205</sup> Chin Kim Wah and Leo Suryadinata, (edited), *Michael Leifer: Selected works on Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2005, hlm. 474.

<sup>206</sup> *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 27; *New Straits Times*, 26 Sep. 1981, hlm. 1.

yang lebih ketat bagi menghalang pengambilalihan saham-saham syarikat di pasaran saham London secara mendadak sehingga tidak dapat menghalang daripada terjual kepada syarikat yang telah membeli saham yang terbanyak. Pada prinsipnya pihak Britain gagal meletakkan pasaran saham London sebagai “Free Enterprise”<sup>207</sup> dan menerima kejutan apabila Malaysia bertindak sedemikian kerana selama ini mereka menganggap Malaysia sebagai bekas tanah jajahan yang sederhana dan tidak mungkin mengambil tindakan yang drastik terhadap Britain.<sup>208</sup> Sikap tidak memberi perhatian terhadap rasa tidak puas hati Malaysia telah menyebabkan pihak Britain gagal mempertahankan Syarikat Guthrie Corporation daripada diambil oleh Malaysia secara kejutan. Layanan daripada pihak Britain yang tidak melihat kedudukan Malaysia secara sama rata dengan lain-lain negara telah menyebabkan Malaysia merasa tidak puas hati terutama dalam usaha untuk mengambil alih syarikat-syarikat Malaysia yang masih lagi dipegang oleh pihak Britain. Ini diperjelaskan oleh Dr. Mahathir supaya Malaysia tidak dibeza-bezakan dengan negara lain dalam usaha mendapatkan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh pihak Britain.<sup>209</sup>

We can buy any shares we can even buy foreign companies and bring them here, if we find there is no law against it. If they are up for sale, we will buy. After all the Arabs are buying, lots of other people are buying. At one time, the Japanese were buying British companies and American companies. Now why can't Malaysians buy? We are like anybody else!<sup>210</sup>

Usaha Malaysia mengambil alih syarikat Guthrie Corporation juga adalah bagi menyelamatkan syarikat tersebut daripada jatuh kepada syarikat lain terutama pihak asing. Tindakan-tindakan sebelum ini yang dilakukan oleh pihak Britain menampakkan ada usaha untuk menggagalkan usaha Dasar Ekonomi Baru dengan penjualan cara tertutup. Ghazali menyatakan: “That’s all we are saying and if you prepared to sell why not sell

---

<sup>207</sup> Ibid., hlm. 26, ‘Rubbing out the past’.

<sup>208</sup> *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8.

<sup>209</sup> *New Straits Times*, 27 Oct. 1981, hlm. 1, ‘We’ll not buy British if we can help it’.

<sup>210</sup> Ibid.

to the highest bidder.”<sup>211</sup> Apa yang dilakukan oleh pihak Britain adalah sebaliknya. Pihak Britain tidak memberi keutamaan kepada Malaysia walaupun syarikat-syarikat yang mahu dijual itu, sebelumnya adalah milik Malaysia. Akhbar *The Age* menyatakan: “However, he has intensified moves to put control of Malaysian resources in Malaysian hands by buying up equity of foreign owned corporation. This is one of the things that has been brought a severe chill in the past year to relations between Britain and Malaysia.”<sup>212</sup> Terdapat media Britain yang membesarkan isu pengambilalihan Guthrie Corporation<sup>213</sup> seperti *The Financial Times* meletakkan tajuk utama di muka hadapan: “Malaysians snap up Guthrie in four hour raid”. *The Times* pula di muka surat bisnes meletakkan tajuk “Malaysians take over Guthrie in three hours.” *The Guardian* pula: “Guthrie falls to Malaysians”.<sup>214</sup> Cara pengambilalihan yang dilakukan oleh Malaysia telah disalah anggap oleh pihak Britain terutama pihak media di Britain yang melabelkan sebagai “Back Door Nationalisation”. Roger Kershaw berpendapat: This kind of comment seemed deeply unfair...<sup>215</sup> Ini telah menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi hangat dan meretakkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara.

Kejayaan Malaysia mengambil alih syarikat Guthrie Corporation telah membuka mata pihak Britain dan terdapat usaha untuk berbincang dengan kerajaan Malaysia. Mereka telah menghantar Peter Rees, ke Malaysia selama tiga hari bagi mencari punca ketegangan hubungan antara kedua negara dan membincangkan kesan hubungan terhadap Bumiputera. Berkenaan dengan isu pengambilalihan syarikat Guthrie Corporation, Rees menyatakan isu “Dawn Raid” adalah perkara biasa kerana terdapat juga beberapa syarikat Britain melakukan taktik tersebut.<sup>216</sup> Manakala suasana pasaran

---

<sup>211</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 333.

<sup>212</sup> *The Age*, 2 Aug. 1982, hlm. 13, ‘A blunt decisive nationalist’.

<sup>213</sup> *New Straits Times*, 9 Oct. 1981, hlm. 1, ‘Snapped up in a 4-hour raid’.

<sup>214</sup> *Ibid.*

<sup>215</sup> Roger Kershaw, ‘Brown humanity strikes back: Confronting Britain in a good cause?’ in Bridget Welsh (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 346.

<sup>216</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 20 October 1981, Vol. 10, cc227-33.

saham London dan pertukaran wang asing telah memberikan kelebihan pada PNB untuk membeli saham Guthrie. Rees berpendapat: “we see that the low level of share prices at present, combined with the relatively low exchange rate, makes it doubly attractive for foreigners to come and examine the possibility of acquiring shares in British companies.”<sup>217</sup> Sebagai langkah supaya tidak berlaku lagi pengambilalihan syarikat-syarikat di Britain secara mengejut, pihak Britain terpaksa melakukan perubahan peraturan bagi menangani kejutan pengambilalihan syarikat dan memberi peluang kepada pemegang-pemegang saham syarikat mengkaji terlebih dahulu sebelum membenarkan pengambilalihan syarikat.<sup>218</sup>

Kejayaan mengambil alih Guthrie Corporation amat bermakna bagi Malaysia kerana selama ini pihak Britain tidak memberi keutamaan kepada Malaysia dalam penjualan semula saham-saham milik Malaysia. Malaysia tidak lagi mahu tunduk kepada Britain dan usaha telah dilakukan sebaik mungkin bagi mendapatkan syarikat Guthrie Corporation. Ini telah menyebabkan berlakunya pergeseran hubungan antara Malaysia dan Britain. Suhaimi Kamaruddin, Ketua Pemuda UMNO menyatakan: “It is not a boycott or a retaliatory attack.”<sup>219</sup> Dengan pengambilalihan syarikat Guthrie Corporation adalah sebahagian daripada tindakan untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru.<sup>220</sup>

Pihak Britain pula mengambil tindakan selepas kejayaan Malaysia memperolehi syarikat Guthrie Corporation dengan menjual saham Dunlop Estate Berhad kepada Multi-Purpose Holdings sebuah syarikat pelaburan Malaysian Chinese Association (MCA),<sup>221</sup> sebuah parti komponen Barisan Nasional. Multi-Purpose Holdings telah membuat penawaran untuk membeli saham sebanyak 49 peratus saham Dunlop Estate

---

<sup>217</sup> Ibid.

<sup>218</sup> *New Straits Times*, 30 Sep. 1981, hlm. 11; Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 514; Chew Huat Hock, ‘Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia’s bilateral relations with Britain and Singapore in 1981’, in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982, hlm. 353.

<sup>219</sup> Ibid., 16 Oct. 1981, hlm. 2, ‘Support for PM to vet awards to UK firms’.

<sup>220</sup> Ibid.

<sup>221</sup> Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, hlm. 323.

Berhad yang dipegang oleh bank-bank di Malaysia, dan institusi-institusi pelaburan, termasuk 30 peratus yang dipegang oleh badan penaja negeri (state-sponsored bodies) yang mempromosikan kepentingan etnik kaum Melayu. Ini telah membuatkan rasa tidak puas hati pihak UMNO kerana penjualan saham Dunlop Estate Berhad kepada Multi-Purpose yang secara langsung telah memberikan hak tersebut kepada kaum Cina di Malaysia dan menyebabkan pembahagian ekonomi antara kaum Melayu dan Cina menjadi jurang yang luas.<sup>222</sup> Dunlop Estate Berhad tidak ditawarkan kepada PNB dengan alasan bahawa Multi-Purpose telah menawarkan harga yang sesuai. Pengarah Urusan Dunlop Holdings, Alan Lord menyatakan: “It was purely a commercial deal. We had discussions with other companies. As far we were concerned the price was the relevant factor not the buyer.”<sup>223</sup>

Alan Lord turut menyatakan ianya berlaku secara tidak sengaja kerana Dunlop Estates Berhad dijual selepas PNB memperolehi Guthrie. Perbincangan yang telah dilakukan dengan Multi-Purpose telah mencapai tahap persetujuan. Tambah beliau lagi kerana mereka memerlukan wang secara tunai untuk membayar hutang mereka di United Kingdom dan menjangkakan harga komoditi dalam tempoh 18 bulan tidak akan ada peningkatan. Alan Lord turut menyatakan: “We’ve been nearly a century and we hope to be there for a long time.”<sup>224</sup> Kenyataan ini telah membuatkan pihak UMNO merasa tidak puas hati dengan sikap yang mahu mengekalkan pegangan terhadap aset di Malaysia.<sup>225</sup> Tindakan ini telah membuatkan Malaysia merasa tidak puas hati dengan layanan pihak Britain yang telah membelakangkan Malaysia dalam penjualan saham Dunlop Estates Berhad. Tindakan sedemikian sengaja dilakukan bagi tidak

---

<sup>222</sup> Ibid.

<sup>223</sup> *Asiaweek*, 27 Nov. 1981, hlm. 44, ‘Malaysia’s London Shopping list!’.

<sup>224</sup> Ibid., 30 November, 1981, hlm. 30-31.

<sup>225</sup> Ibid.



menghormati permintaan Malaysia yang mahu pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dicapai.<sup>226</sup>

Dari permulaan kejayaan Malaysia mengambil alih syarikat Guthrie Corporation secara sah mengikut peraturan yang sedia ada di London telah menyebabkan pihak Britain merasa tidak puas hati terhadap Malaysia. Bagi menutup kelemahan sistem pasaran saham London telah mengubah peraturan yang sedia ada bagi menyukarkan pembelian saham secara mengejut. Pihak Britain telah menuduh Malaysia mahu memiliknegerakan dan cara pengambilalihan syarikat Guthrie adalah satu muslihat yang dikenali dengan nama “Dawn Raid”, walaupun kejayaan Malaysia itu adalah sah di sisi undang-undang Pasaran Saham London dengan menggelarkan sebagai “Back Door Nationalization”. Ini telah menyebabkan ketegangan dalam hubungan Malaysia dengan Britain. Malaysia tidak berpuas hati apabila pihak Britain bertindak dengan mengubah peraturan (kali kedua) bagi menggagalkan usaha mengambil alih secara kejutan. Disebalik tindakan pihak Britain ini telah mengganggu usaha Malaysia untuk mencapai sasaran Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun, Malaysia telah memiliki dan menguasai beberapa buah syarikat besar seperti Harrisons Malaysian Plantations Berhad, Kumpulan Guthrie Sdn Bhd dan United Plantation Berhad dalam sektor perladangan. Manakala sektor perlombongan menguasai sebahagian besar Malaysia Mining Corporation (MMC).<sup>227</sup>

### **Penerbangan Tambahan MAS ke London**

Salah satu isu yang menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi tegang kerana usaha Malaysia untuk mendapatkan tambahan pendaratan MAS di Heathrow, London. Malaysia rasa tidak puas hati dengan layanan yang diterima sejak syarikat penerbangan *British Overseas Airways Corporation* (BOAC) dibenarkan mendarat di

---

<sup>226</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 167.

<sup>227</sup> *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, hlm. 128.

Kuala Lumpur tetapi *Malaysia Airlines System* (MAS) gagal menandatangani perjanjian timbal balas yang memuaskan. Penerbangan MAS untuk mendarat di London dibenarkan tetapi terhad.<sup>228</sup> Sikap Britain memberi kelebihan kepada *Singapore International Airlines* (SIA) berbanding dengan MAS selepas syarikat penerbangan yang dikenali sebagai *Malaysia/Singapore Airlines* (MSA) berpisah pada tahun 1972. Sikap Britain yang meletakkan MAS di tempat kedua (second best) dan kedudukan yang tidak adil menyebabkan Malaysia tidak berpuas hati dengan layanan tersebut.<sup>229</sup>

Isu ini telah dibincangkan oleh Mahathir dan Thatcher dalam pertemuan pada tahun 1983. Diikuti lawatan Margaret Thatcher ke Kuala Lumpur pada 20 dan 21 Mei 1985 telah memberi ruang untuk Malaysia membincangkan tambahan pendaratan MAS yang kelima di lapangan terbang Heathrow, London.<sup>230</sup> Pada dasarnya Thatcher bersetuju dengan penambahan pendaratan MAS di lapangan terbang Heathrow.<sup>231</sup> Thatcher bersetuju dengan menyatakan: "A similar right would be given to British Airways if a request is made." Walau bagaimanapun ia akan mengambil masa dalam tempoh satu atau dua tahun.<sup>232</sup> Perjanjian Udara di antara Malaysia dan United Kingdom membolehkan MAS dan British Airways masing-masing mengadakan sebanyak empat penerbangan seminggu di antara Kuala Lumpur dan London. Selaras dengan Perjanjian ini MAS dan British Airways mempunyai jumlah penerbangan yang seimbang pada jalan tersebut iaitu 4 penerbangan B747 seminggu oleh MAS dan empat penerbangan B747 oleh British Airways.<sup>233</sup> Bagi mendapatkan kebenaran mendarat untuk penerbangan kelima, perjanjian yang membolehkan MAS dan juga British Airways masing-masing mengadakan penerbangan tambahan yang kelima itu sekiranya terdapat pencapaian "joint seat factor" yang melebihi paras 67 peratus. Syarat

---

<sup>228</sup> Mahathir Mohamad, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 517.

<sup>229</sup> FCO15/2682/1364; Laporan Britain bertajuk "Discussion with Malaysian minister of home affairs".

<sup>230</sup> *New Straits Times*, 8 Apr. 1985, hlm. 4, 'Sore' issues between us are healing, says Thatcher'.

<sup>231</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 10 June 1985, Vol 80, cc301-2W.

<sup>232</sup> *The Glasgow Herald*, 6 Apr. 1985, hlm. 1; *The Star*, 10 May, 1985, hlm. 6.

<sup>233</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 5, 1 April, 1985, hlm. 699-700; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 8, 4 April 1985, hlm. 699-700.

pencapaian “seat factor” mengikut peratusan perlu dilihat terlebih dahulu sebelum rundingan boleh dilakukan.<sup>234</sup> Seajar dengan syarat tersebut, Malaysia telah memohon kelulusan Kerajaan British untuk MAS melaksanakan penerbangan kelima kerana mengikut perangkaan trafik, MAS telah memenuhi syarat yang berasaskan kepada pencapaian peratus “joint seat factor”. Walau bagaimanapun, kerajaan British belum lagi bersetuju dengan permintaan yang dikemukakan oleh pihak Malaysia dan dengan demikian secara tidak langsung telah tidak memberi kelulusan kepada MAS untuk mendapatkan penerbangan tambahan itu.<sup>235</sup> Isu permintaan Malaysia untuk mendapatkan tambahan pendaratan MAS yang kelima di lapangan terbang Heathrow telah menimbulkan pelbagai masalah dan telah tidak mendapat layanan yang sewajarnya dan merumitkan lagi hubungan Malaysia dengan Britain.<sup>236</sup>

Bagi mencari jalan penyelesaian jumlah penumpang yang menentukan permintaan penambahan penerbangan dibenarkan bagi kedua-dua syarikat penerbangan, rundingan antara kedua-dua syarikat penerbangan telah dilakukan pada 14 Februari, 1985 di London. Syarat untuk mendapatkan penambahan penerbangan adalah penumpang mestilah melebihi 67 peratus. Dalam tempoh tiga tahun MAS telah cuba untuk mendapatkan hak penambahan pendaratan MAS yang kelima di lapangan terbang Heathrow, London tetapi telah dinafikan oleh pihak British Airways (BA) dengan memberi alasan bahawa penumpang yang diberikan oleh MAS sebanyak 67 peratus adalah bukan keseluruhan dari Kuala Lumpur tetapi dari Australia. Pihak Britain menyatakan jumlah penumpang Australia adalah 32 peratus dan pihak MAS menafikannya dengan menyatakan bahawa sebenarnya hanya 26 peratus penumpang

---

<sup>234</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 5, 1 April, 1985, hlm. 699-700; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 97, 27 November, 1987, hlm. 1599.

<sup>235</sup> *Ibid.*; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 97, 27 November, 1987, hlm. 15995.

<sup>236</sup> *Berita Harian*, 5 April, 1985, hlm. 1, ‘Malaysia ukur sikap Thatcher’.

dari Australia. Data baru yang diperolehi MAS menunjukkan purata jumlah penumpang (Pool Load Factor) antara kedua-dua syarikat penerbangan adalah 69.5 peratus.<sup>237</sup>

Pihak BA terus menekan MAS dengan mengenakan syarat untuk mendapatkan tambahan penerbangan, pihak MAS perlu menyelesaikan soal undang-undang cukai yang melibatkan pengecualian untuk perjalanan udara.<sup>238</sup> Selain itu, dalam perbincangan seterusnya pihak BA terus berdegil dan kali ini mereka meminta pampasan dari MAS kerana pihak BA memberi hak kelima penerbangan tambahan kepada MAS lebih awal dari bulan April 1987.<sup>239</sup> Pihak BA juga turut memberikan tiga syarat lagi iaitu penerbangan tambahan MAS kelima akan bermula pada bulan November 1986, penerbangan antara Kuala Lumpur ke Bangkok dan Kuala Lumpur ke Abu Dhabi diberi hak kepada BA dan BA turut mahukan satu persetujuan perdagangan dengan MAS.<sup>240</sup> Pihak MAS tidak bersetuju dengan cadangan permulaan tarikh kebenaran pendaratan MAS di Heathrow pada bulan November 1986. MAS mahukan tarikh pada bulan Jun 1986 kerana pada waktu itu adalah musim panas dan dijangkakan permintaan akan bertambah. Tambahan pula MAS pula akan mendapat sebuah kapal terbang baru jenis Boeing 747 yang maksimum penumpang seramai 390 orang.<sup>241</sup> Bagi mengadakan perjanjian perdagangan dengan BA, pihak MAS meletakkan syarat selepas MAS mendapat kebenaran mendarat di lapangan terbang Heathrow bagi tambahan yang keenam dan ketujuh dipersetujui.<sup>242</sup> Pihak MAS merasakan tindakan BA mengenakan pelbagai syarat dalam rundingan hanya untuk mempermainkan MAS dan tidak berpuas hati dengan syarat-syarat yang dikenakan. MAS mahukan dalam rundingan dengan BA tidak perlu adanya sebarang syarat perdagangan.<sup>243</sup> BA mengambil keputusan dengan bersetuju memberi kebenaran pendaratan kelima MAS di lapangan terbang Heathrow

---

<sup>237</sup> *Utusan Malaysia*, 16 Januari, 1985, hlm. 19.

<sup>238</sup> *Mingguan Malaysia*, 3 Mac, 1985, hlm. 1.

<sup>239</sup> *The Star*, 22 May, 1985, hlm. 6.

<sup>240</sup> *Berita Harian*, 23 Mei, 1985, hlm. 1.

<sup>241</sup> *The Star*, 10 May, 1985, hlm. 6.

<sup>242</sup> *Berita Harian*, 15 Jun, 1985, hlm. 3.

<sup>243</sup> *Ibid.*, 24 Mei, 1985, hlm. 1; *Utusan Malaysia*, 24 Mei, 1985, hlm.2; *The Star*, 25 May 1985, hlm. 2.

bermula pada Julai 1986. MAS pula tetap dengan pendirian bahawa penerbangan kelima bermula pada Jun 1986 dan tanpa sebarang syarat perdagangan.<sup>244</sup>

Pada dasarnya BA bersetuju dengan tambahan kelima penerbangan MAS ke lapangan terbang Heathrow tetapi sebagaimana biasa pihak BA cuba melambatkan usaha untuk mendapatkan hak pendaratan kelima di lapangan terbang Heathrow dengan mengenakan syarat MAS hanya dibenarkan membawa penumpang seramai 1,240 orang dalam empat penerbangan seminggu ke London. Ini bermakna setiap penerbangan hanya 310 orang penumpang sahaja yang dibenarkan. Pihak BA bertegas mempertahankan jumlah penumpang yang dibenarkan kerana menurut pihak BA terdapatnya satu memorandum persefahaman sulit yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara pada tahun 1982.<sup>245</sup> Manakala MAS bertegas bahawa perlunya penambahan penumpang dan bukan sekadar hanya penambahan kelima pendaratan MAS di lapangan terbang Heathrow.<sup>246</sup> Pada mulanya isu ini hanya diperbincangkan di antara pihak MAS dan BA dan tidak perlu campurtangan daripada kedua-dua buah kerajaan. Apabila berlakunya kesukaran dalam mendapat kata persetujuan telah melambatkan persetujuan yang telah dicapai oleh Margaret Thatcher dan Dr. Mahathir. Perbincangan antara BA dengan MAS sampai ke tahap tiada kata putus dari pihak BA yang sentiasa meletakkan beberapa syarat untuk menyukarkan pihak MAS walaupun pada dasarnya telah dipersetujui antara kedua-dua syarikat penerbangan. Isu-isu yang ditimbulkan oleh pihak BA telah menyebabkan perkara ini telah di bawa ketahap perbincangan oleh kabinet Malaysia bagi mencari jalan penyelesaian.<sup>247</sup> Ini telah membawa kepada rundingan ke peringkat antara kedua-dua kerajaan.<sup>248</sup> Hubungan Malaysia dengan Britain yang telah dipulihkan telah dicemari oleh kedegilan pihak BA yang tidak mahu memudahkan rundingan bagi MAS mendapatkan hak penerbangan

---

<sup>244</sup> *The New Straits Times*, 29 Jul. 1985, hlm. 4.

<sup>245</sup> *Ibid.*

<sup>246</sup> *Ibid.*

<sup>247</sup> *Utusan Malaysia*, 29 Mei, 1985, hlm. 7.

<sup>248</sup> *Berita Minggu*, 2 Jun, 1985, hlm. 4.

kelima ke Heathrow, London. Bagi menjaga kepentingan hubungan Malaysia dengan Britain, Margaret Thatcher telah mengecam Colin Marshal, Ketua Eksekutif British Airways di satu majlis meraikan lawatan Persatuan Malaysia-Britain, di Downing Street, London.<sup>249</sup> Beliau tidak berpuas hati dengan tindakan Colin yang cuba melambatkan perjanjian tambahan kelima penerbangan dengan menyukarkan keadaan bagi MAS mendapatkan hak pendaratan yang kelima. Margaret Thatcher telah campurtangan dengan menggesa Colin supaya menyelesaikan isu yang berbangkit dengan segera. Ini adalah kerana Thatcher mempunyai agenda tersendiri dan tidak mahu isu pendaratan kelima MAS di lapangan terbang Heathrow akan menjadi punca hubungan Malaysia dengan Britain yang semakin pulih akan membawa semula keretakan dalam hubungan Malaysia dengan Britain.<sup>250</sup> Ini juga akan mengganggu pelaksanaan yang telah dipersetujui bersama.

Seterusnya, rundingan antara kedua-dua kerajaan pada 30 hingga 31 Julai 1985<sup>251</sup> dan persetujuan telah dicapai pada 1 Ogos 1985.<sup>252</sup> Kerajaan Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan, Ishak Tadin dan pihak Britain pula diwakili oleh Setiausaha Rendah Pengarah Penerbangan Awam, Jabatan Pengangkutan Britain, Hadley M. G. Stevens.<sup>253</sup> Hasil daripada rundingan tersebut MAS mendapat hak pendaratan kelima dengan jumlah penumpang yang dibenarkan adalah seramai 1,550 penumpang seminggu iaitu 310 penumpang x 5 minggu ke London. MAS juga tidak perlu membayar pampasan kepada BA dan juga tidak mengenakan apa-apa syarat perdagangan.<sup>254</sup> Atas arahan Dr. Mahathir, Daim telah pergi ke London dan mencadangkan kepada Britain permintaan BA untuk Malaysia membayar pampasan hendaklah dibayar oleh pihak Britain kerana Malaysia tidak akan membayar pampasan

---

<sup>249</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Julai, 1985, hlm. 1.

<sup>250</sup> *The New Straits Times*, 30 Jul. 1985, hlm. 1.

<sup>251</sup> *Utusan Malaysia*, 30 Julai, 1987, hlm. 4; *The New Straits Times*, 30 Jul. 1985, hlm. 1.

<sup>252</sup> *Ibid.*, 2 Ogos, 1985, hlm. 2; *The New Straits Times*, 2 Aug. 1985, hlm. 3; *The Star*, 2 Aug. 1985, hlm. 2.

<sup>253</sup> *Berita Harian*, 1 Ogos, 1985, hlm. 1.

<sup>254</sup> *The New Straits Times*, 1 Aug. 1985, hlm. 2; *The Star*, 2 Aug. 1985, hlm. 3.

tersebut.<sup>255</sup> Ini disahkan oleh Daim dalam temubual dengan penyelidik bahawa beliau telah diarahkan oleh Dr. Mahathir bagi menyelesaikan masalah penerbangan tambahan ke London.<sup>256</sup> Akhirnya pihak BA terpaksa akur atas kehendak Thatcher demi menjaga kepentingan dalam hubungan Malaysia dengan Britain. Thatcher pula tidak mahu isu ini menjadi penyebab kepada hubungan yang pulih akan retak semula. Satu perjanjian antara kerajaan Britain dengan BA bagi membenarkan MAS mendapatkan pendaratan kelima di lapangan terbang Heathrow dengan membayar pampasan lebih daripada £2 juta kepada BA.<sup>257</sup> MAS dibenarkan membuat pendaratan kelima pada bulan Julai 1986.<sup>258</sup>

Isu yang begitu lama tidak diselesaikan antara MAS dan pihak BA. Pihak BA sentiasa mencari jalan bagi menyukarkan usaha Malaysia untuk mendapatkan pendaratan kelima di lapangan terbang Heathrow, London. Campurtangan Thatcher telah membawa kepada meja rundingan antara MAS dengan BA. Namun, kedua-dua pihak tidak dapat mencapai kata sepakat. Ini telah membawa kepada campurtangan antara kedua kerajaan bagi menyelesaikan masalah yang timbul dalam rundingan di antara MAS dan BA. Kedua-dua kerajaan lebih mementingkan usaha untuk memulihkan hubungan di antara kedua-dua negara.

### **Dasar Pandang ke Timur (DPT)**

Dasar Pandang ke Timur<sup>259</sup> yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir dan mengumumkan DPT ketika berucap di Persidangan Tahunan Persatuan Ekonomi Malaysia Jepun (MAJECA) di Kuala Lumpur pada 8 Februari, 1982. Ia dicadangkan pada 15 Disember 1981 untuk mempelajari daripada negara Jepun dan Korea Selatan dan dilaksanakan

---

<sup>255</sup> Wawancara penyelidik dengan Daim di pejabat beliau di Wisma YPR, Kuala Lumpur, pada 4 September, 2009.

<sup>256</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 01 March 1994, Vol. 238, cc801-48; pihak Britain telah membayar pampasan lebih £2 juta kepada BA.

<sup>257</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 01 March 1994, Vol. 238, cc801-48.

<sup>258</sup> *Berita Harian*, 1 Ogos, 1985, hlm. 1.

<sup>259</sup> Ahmad Sohaimi Lazim, *Hubungan Malaysia-Jepun: Diplomasi dan pendidikan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013, hlm. 57; Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew pada tahun 1978 telah memulakan rancangan belajar dari Jepun "Learn from Japan's"; Jomo K. S., *Warisan ekonomi Mahathir*, hlm. 43.

pada tahun 1982.<sup>260</sup> Ini telah memberi kejutan kepada pihak Barat terutama Britain yang telah mengikat hubungan sejarah yang begitu lama dengan Malaysia. Ia adalah sebagai satu cara untuk mengubah pemikiran rakyat Malaysia yang sejak dulu lagi telah dipengaruhi oleh Britain.<sup>261</sup> Menurut Katayama: “Malayan business communities, mostly controlled by British and Chinese at that time, were not very enthusiastic about promoting trade relations with Japan because of the still lingering and bitter memory of the Japanese occupation.”<sup>262</sup> Negara Jepun memang telah lama melabur di Malaysia sejak zaman Tunku Abdul Rahman. Pertemuan Tunku dengan Kishi di Tokyo pada 26 Mei 1958 telah membawa kepada kenyataan bersama komitmen untuk berkerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan dan juga perjanjian pelaburan serta mengeksport modal pasaran ke Malaya untuk pembangunan ekonomi. Malaya pula menyediakan pasaran untuk produk industri Jepun.<sup>263</sup> Hubungan terus rapat dari masa ke semasa.<sup>264</sup> Tunku menyatakan: “We on the other hand are new Nation which has much to learn from our elder brothers.”<sup>265</sup> Ini dijelaskan oleh Dr. Mahathir: “Before the Japanese invasion of Malaya, we had all believe that Westerners were superior, cleverer and all powerfull...”.<sup>266</sup> Penerapan nilai-nilai baik daripada Jepun tidak diberi galakan kerana pengalaman pahit yang dialami oleh penduduk Tanah Melayu semasa pihak Jepun memerintah walaupun tidak lama tetapi memberi kesan yang mendalam sehingga sukar dilupakan.<sup>267</sup> Ini telah membuatkan ianya terpinggir sehinggalah Dr. Mahathir

---

<sup>260</sup> Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, hlm. 14; *Malaysia: Official Year Book, 1988*, Vol. 26, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1989, hlm. 241; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 175.

<sup>261</sup> Ahmad Sohaimi Lazim, *Hubungan Malaysia-Jepun: Diplomasi dan pendidikan*, hlm.. 4; Memori kekejaman oleh tentera Jepun yang menindas rakyat Tanah Melayu pada waktu itu terutama peristiwa buruh paksa landasan keretapi maut yang telah membawa kepada persepsi negatif terhadap negara Jepun dan ini telah memberi kelebihan kepada pihak Britain.; Jomo K. S., *Warisan ekonomi Mahathir*, hlm. 41.

<sup>262</sup> Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, hlm. 10.

<sup>263</sup> Ibid.

<sup>264</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastern Productions Sdn Bhd, 1984, hlm. 112; *Lihat Ahmad Sohaimi Lazim, Hubungan Malaysia-Jepun: Diplomasi dan pendidikan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.

<sup>265</sup> *Ucapan-ucapan Tunku Abdul Rahman Putra 1957*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1981, hlm. 147. *The Rocket*, Vol. XVII, No. 4, October, 1983, hlm. 3; Pada waktu ini Jepun adalah sebuah negara yang termaju di Asia dan telah membuktikan kepada dunia bahawa orang Asia juga boleh melakukan dan berkebolehan. Jepun bangun selepas kekalahan dalam peperangan pada tahun 1945. Akibat daripada bom atom yang dijatuhkan di Hiroshima dan Nagasaki, tidak sampai seabad, Jepun telah bangun semula sebagai kuasa ekonomi dunia.

<sup>266</sup> Mahathir Mohamad, *A doctor in the house: The memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 339.

<sup>267</sup> Mahathir Mohamad, *A new deal for Asia*, hlm. 83.



mengumumkan Dasar Pandang ke Timur.<sup>268</sup> David Lazarus berpendapat: “In doing so he is being wise and pragmatic”<sup>269</sup> kerana telah mengubah pendirian Malaysia selama ini terhadap negara Jepun.

Sebelum DPT diperkenalkan Barat dianggap sebagai ‘role model’ kepada rakyat Malaysia. DPT telah memecah tradisi pengaruh dan monopoli Barat terhadap Malaysia selama ini.<sup>270</sup> Dr. Mahathir menjelaskan: “Kita telah lama memandang ke Barat di masa lalu. Jadi memandang ke Timur ertinya melihat ke arah yang bertentangan dengan apa yang lepas. Apa juga yang kita telah lakukan sebelum ini dengan Barat, saya fikir kita perlu lakukan juga dengan Timur.”<sup>271</sup> Malaysia perlu mempelbagaikan hubungan dengan negara-negara lain bagi mengimbangi kedudukan negara supaya tidak terlalu bergantung kepada negara tertentu sahaja.<sup>272</sup> Tengku Ahmad Rithauddeen menjelaskan: “I know that some of you have been apprehensive about coming into Malaysia because you think Malaysia is a British preserve because of our colonial association or a Japanese preserve because of our Look East Policy.”<sup>273</sup> Malaysia tidak mahu politik dan ekonomi dikuasai dan terlalu bergantung dengan satu-satu negara sahaja.<sup>274</sup> Ahmad Atory Hussain menyatakan DPT adalah merupakan dasar yang tidak terlalu bergantung kepada Barat.<sup>275</sup> Bagi Ahmad Sohaimi Lazim pelaksanaan DPT adalah jalan keluar bagi mengurangkan pergantungan tradisi kepada Britain memandangkan kemajuan

---

<sup>268</sup> *Berita Harian*, 4 September, 1989, ‘Apakah faedahnya menyertai NAM?’, hlm. 10; Khadijah Md. Khalid, ‘Malaysia-Japan relations under Mahathir: “Turning Japanese?”’ in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 328; Ahmad Sohaimi Lazim, *Hubungan Malaysia-Jepun: Diplomasi dan pendidikan*, hlm. 60.

<sup>269</sup> David Lazarus, ‘Foreign policy is people’, in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 21.

<sup>270</sup> Rusdi Omar dan Mohamad Afifi, ‘Abdul Razak, Dasar luar Malaysia dalam konteks hubungan Malaysia-Jepun’, dalam Zulhilmu Paidi dan Asrar Omar, *Hubungan antarabangsa*, Bentong: PTS Publications and Distributors, 2003, hlm. 134; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003*, Tun Dr. Mahathir Mohamad, 2009, hlm. 28.

<sup>271</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1985, hlm. 164; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 16 Julai, 1982.

<sup>272</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, March 1986, Vol. 19, No. 1, hlm. 78.

<sup>273</sup> *Ibid.*

<sup>274</sup> *Utusan Malaysia*, 27 September, 1983, hlm. 3; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2009, hlm. 92; Mahathir berusaha mengubah paradigma rakyat Malaysia khusus kaum Melayu untuk mengurangkan pengaruh “long-gone British”.

<sup>275</sup> Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2002, hlm.163.

Barat bukan lagi menjadi model yang sesuai bagi Asia.<sup>276</sup> Walaupun setelah mencapai kemerdekaan, kehadiran Britain masih dirasai lagi dan DPT dapat memberi ruang alternatif hala-tuju negara yang sebenarnya telah lama wujud hubungan dengan negara Jepun sejak zaman Tunku<sup>277</sup> lagi tetapi tidak diambil perhatian secara serius.<sup>278</sup> Shamsul Amri Baharuddin menyatakan:

Ini terang-terang memperlihatkan bahawa rancangan-rancangan pembangunan kita dilaksanakan atas filsafat dan orientasi teoritis yang bertunjangan sistem ekonomi *laissez-faire*. Ini tidak memeranjatkan memandang “pakar-pakar” dan penasihat-penasihat yang memainkan peranan “dalang” dalam proses perencanaan setiap rancangan pembangunan kita adalah dari negara sahabat karib kita selama ini, Britain atau Amerika Syarikat. Kemungkinan untuk kita berkiblat ke Jepun adalah cerah.<sup>279</sup>

Adanya Persatuan MAJECA<sup>280</sup> dan JAMECA<sup>281</sup> telah merapatkan lagi kerjasama dan hubungan di bidang sosio-ekonomi, perdagangan pelaburan, pelancungan dan sebagainya. Penubuhannya adalah berasaskan kepada dasar-dasar kepentingan bersama antara Malaysia dengan Jepun, terutama sekali dalam bidang perdagangan. Jepun adalah rakan perdagangan terpenting Malaysia dan juga merupakan pelabur luar negara yang banyak sekali melabur modal di Malaysia. Sebaliknya, Malaysia adalah salah sebuah negara pembekal utama bahan-bahan mentah kepada Jepun. Kewujudan persatuan ini diperkuatkan lagi dengan adanya penglibatan kerajaan secara langsung di dalam usaha merapatkan perhubungan dua-hala di antara kedua-dua negara sama ada melalui rundingan dua-hala ataupun aktiviti-aktiviti rantau ASEAN-Jepun. Terdapat

---

<sup>276</sup> Ahmad Sohaimi Lazim, *Dua dekad Dasar Pandang ke Timur: Satu penilaian aspek pendidikan (1982-2002)*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2011, hlm. 26; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 68.

<sup>277</sup> Ahmad Sohaimi Lazim, *Hubungan Malaysia-Jepun: Diplomasi dan pendidikan*, hlm. 4; Perdana Menteri yang pertama di dunia melawat Malaya selepas mencapai kemerdekaan adalah perdana menteri Jepun, Nobusuke Kishi yang datang melawat Malaya pada 24 November 1957. Sebagai membalas lawatan, Perdana Menteri Jepun Kishi, Tunku telah mengadakan lawatan rasmi ke Jepun pada 21-27 Mei, 1958.

<sup>278</sup> *New Straits Times*, 21 Mar. 1985, ‘Japan’s \$3.13b that helped us to Look East (and good)’, hlm. 17; Sejak tahun 1966, Jepun telah memberi pinjaman sebanyak 310.6 bilion Yen (RM3.137 bilion) kepada Malaysia. Pada tahun 1966, sebanyak 18 bilion Yen diperuntukan kepada Kilang Gula Perlis dan pelbagai projek oleh Telekom.

<sup>279</sup> Shamsul Amri Baharuddin, ‘Perancangan pembangunan negara selepas merdeka 1957-1975: Tinjauan sejarah perkembangan sosio-ekonomi Malaysia’, dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: Salam Press, hlm. 61.

<sup>280</sup> Lihat Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 66-70; Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 111.

<sup>281</sup> *Ibid.*; Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 111.

forum tahunan yang diadakan bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dan ia diadakan secara bergilir-gilir antara Tokyo dan Kuala Lumpur. Di dalam forum ini beberapa tokoh-tokoh perdagangan dan perindustrian dari kedua-dua buah negara berpeluang bertukar-tukar fikiran serta berbincang mengenai aspek-aspek kepentingan bersama, terutama sekali aspek-aspek yang berkaitan dengan bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan dan kewangan. Ini bagi mewujudkan interaksi di antara individu-individu bagi mempereratkan lagi hubungan mereka secara lebih dekat.<sup>282</sup>

Begitu juga dengan bantuan yang telah diberikan oleh Jepun kepada Malaysia dalam bentuk pinjaman berterusan dalam membantu meningkatkan ekonomi dan pembangunan negara Malaysia. Pada tahun 1972, 36 bilion Yen telah diperuntukan untuk projek hidroelektrik Temenggor, perkapalan di Johor Baru dan projek tangki minyak kelapa sawit. Pada 1974, Jepun telah memberi pinjaman sebanyak 36 bilion Yen untuk projek 'Crocker Range Road' di Sabah, projek perkapalan di Johor Baru, projek hidroelektrik Temenggor dan projek Stesen Tenaga Termal Prai. Pada tahun 1978, sebanyak 21 bilion Yen untuk projek turbin gas, Stesen Tenaga Termal Pasir Gudang, dan stesen hidroelektrik Tenom Pangi di Sabah dan pada tahun yang sama Jepun turut memberi pinjaman sebanyak 21 bilion Yen untuk projek kabel bawah laut Timur-Barat Malaysia, projek hidroelektrik Terengganu dan projek hidroelektrik Kenering. Pada tahun 1979, sebanyak 21 bilion Yen untuk projek hidroelektrik Terengganu, projek pembinaan pelabuhan Bintulu dan projek hidroelektrik Bersia. Pada tahun 1982, 21 bilion Yen untuk projek hidroelektrik Pelabuhan Kelang dan pada tahun yang sama sebanyak 33.6 bilion Yen untuk projek Baja Asean Bintulu yang diusahakan sama oleh Jepun dan Malaysia.<sup>283</sup> Lihat Jadual 4.2.

---

<sup>282</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 5, 15 Mac, 1982, hlm. 654-656.

<sup>283</sup> *New Straits Times*, 21 Mar. 1985, 'Japan's \$3.13b that helped us to Look East (and good)', hlm. 17.

**Jadual 4.2: Bantuan Pinjaman Jepun kepada Malaysia, 1972-1982**

Tahun	Nama Projek	Amaun Yen Bilion
1972	i) Hidroelektrik Temenggor ii) Perkapalan di Johor Baru iii) Projek tangki minyak kelapa sawit	36
1974	i) 'Crocker Range Road' di Sabah ii) Perkapalan di Johor Baru iii) Hidroelektrik Temenggor iv) Stesen Tenaga Termal Prai	36
1978	i) Turbin Gas ii) Stesen Tenaga Termal Pasir Gudang iii) Stesen hidroelektrik Tenom Pangi di Sabah	21
1978	i) Kabel bawah laut Timur-Barat Malaysia ii) Hidroelektrik Terengganu iii) Hidroelektrik Kenering	21
1979	i) Hidroelektrik Terengganu ii) Pembinaan pelabuhan Bintulu iii) Hidroelektrik Bersia	21
1982	i) Hidroelektrik Pelabuhan Kelang	21
1982	ii) Baja Asean Bintulu yang usahasama Jepun dan Malaysia	33.6

*Sumber: New Straits Times, 21 March. 1985, 'Japan's \$3.13b that helped us to Look East (and good)', hlm. 17.*

Jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Jepun telah meningkat dan Jepun merupakan satu-satunya rakan dagang Malaysia yang terbesar di mana 21 peratus dari jumlah eksport Malaysia adalah ke Jepun dan 23 peratus jumlah import Malaysia dari Jepun. Dari segi jumlah perdagangan jumlah perdagangan untuk sembilan bulan pertama dalam tahun 1981 ialah 8,951.6 juta ringgit dalam jangkamasa yang sama dalam tahun 1980. Dalam sembilan bulan pertama tahun 1981 lebih telah menurun menjadi US\$251.8 juta berbanding dengan US\$1,410 juta dalam tahun 1980. Hubungan ekonomi dengan Jepun telah meningkat dengan baiknya dan pelaburan Jepun di Malaysia terus menerus meningkat dengan 267 projek yang disertai oleh Jepun dan diluluskan sehingga penghujung bulan Jun, 1981. Jepun juga telah menunjukkan kesediaan memberikan berbagai bantuan kewangan antara lain seperti Kredit Yen.

Malaysia telah menerima tujuh bantuan Kredit Yen berjumlah Yen 123.68 billion (lebih kurang RM1,200 juta).<sup>284</sup>

Mengenai hubungan dagangan dengan Korea Selatan pula, hubungan dua hala telah meningkat sejak tahun 1976, jumlah perdagangan hanya \$307.9 juta tetapi telah bertambah menjadi \$702.8 juta pada tahun 1979 dan bertambah lagi menjadi \$1,009.1 juta pada tahun 1980. Kedudukan perdagangan ini menguntungkan Malaysia untuk sembilan bulan pertama tahun 1981 ianya berjumlah \$430.2 juta. Langkah-langkah bagi mengeratkan lagi hubungan dagangan dua hala, kedua-dua buah negara bersetuju mengadakan mesyuarat tahunan peringkat Menteri dan sebuah pejabat perdagangan telah ditubuhkan di Seoul, Korea Selatan dalam bulan Ogos, 1981. Berhubung dengan kerjasama ekonomi, Korea Selatan telah bersetuju membantu Malaysia dalam mewujudkan industri-industri bidang kecil dan sederhana. Korea Selatan akan menghantar satu pasukan ke Malaysia untuk mengenal pasti projek-projek untuk pembangunan industri-industri dan untuk melihat kemungkinan kerjasama dalam bidang usahasama. Dari aspek pendidikan, kerajaan Korea Selatan telah mengumumkan bahawa mereka bersedia untuk membantu Malaysia dalam usaha pembangunan dengan menawarkan tempat-tempat di berbagai institusi pengajian tinggi mereka kepada rakyat Malaysia. Korea Selatan juga mencadangkan untuk mengadakan kelas-kelas bahasa Korea di Malaysia. Korea Selatan juga bersetuju menawarkan perkhidmatan kepakaran untuk membantu Malaysia dalam pembangunan luar bandar dan pertanian di bawah Gerakan Saemul Undong (Gerakan Komuniti Baru). Konsep Saemul Undong di Korea Selatan adalah salah satu daripada contoh bagi pembangunan di negara ini. Walaupun begitu hanya ciri-ciri yang sesuai sahaja dalam konsep Saemul Undong akan digunakan. Ciri-ciri Saemul Undong yang boleh disesuaikan adalah seperti semangat bergotong-royong, semangat kerajinan dan semangat ketaatan, kesemua ciri-ciri ini adalah

---

<sup>284</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 9 Mac, 1982, hlm. 65-66.

digalakkan oleh Malaysia melalui latihan penerangan dan saranan-saranan melalui perantaraan media masa. Latihan bekerja di kalangan belia di Malaysia berdasarkan kepada faktor-faktor kerajinan, ketaatan dan kerjasama, konsep-konsep ini sentiasa ditanam dalam latihan-latihan di pusat-pusat belia seperti Pusat Latihan Belia Pelupor Negara di Dusun Tua dan di Pertak Kuala Kubu Bharu.<sup>285</sup> Malaysia bercadang mendapatkan kepakaran Korea Selatan dalam mewujudkan industri-industri kecil dan sederhana di kawasan luar bandar.<sup>286</sup>

Malaysia yang telah turut menjadi rakan dagang dengan Jepun. Pada tahun 1970, eksport Malaysia ke Jepun sebanyak RM939 juta iaitu 18 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Manakala import Malaysia dari Jepun berjumlah RM768 juta iaitu 20 peratus daripada jumlah keseluruhan import Malaysia. Apabila dibandingkan dengan eksport Malaysia ke Britain berjumlah RM340 juta iaitu tujuh peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Manakala import Malaysia dari Britain berjumlah RM580 juta iaitu 13 peratus daripada jumlah keseluruhan import Malaysia.<sup>287</sup> Pada tahun 1980, eksport Malaysia ke Jepun sebanyak RM6,429 juta iaitu 23 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Manakala import Malaysia dari Jepun berjumlah RM5,365 juta iaitu 23 peratus daripada jumlah keseluruhan import Malaysia. Apabila dibandingkan dengan eksport Malaysia ke Britain berjumlah RM779 juta iaitu tiga peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Manakala import Malaysia dari Britain berjumlah RM1,270 juta iaitu lima peratus daripada jumlah keseluruhan import Malaysia.<sup>288</sup> Jika dibandingkan di antara kedua-dua negara, Jepun mengatasi Britain dalamimbangan perdagangan. Peningkatan eksport dan import jelas menunjukkan jurang yang besar antara Jepun dengan Britain. Bermula pada tahun 1970,

---

<sup>285</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 45, 15 Mac, 1983, hlm. 6029-6030; Ceramah dan seminar di mana beberapa penceramah daripada Korea Selatan diundang untuk memberi syarahan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Selain daripada itu, siri latihan dan kursus mengikut kaedah Saemul Undong kepada pemimpin-pemimpin masyarakat dari seluruh negara di Institut SEDAR Kelang.

<sup>286</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 9 Mac, 1982, hlm. 66.

<sup>287</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 52-53.

<sup>288</sup> *Ibid.*, hlm. 53.

eksport Malaysia ke Britain hanya tujuh peratus dan Jepun pula 18 peratus. Manakala import Britain hanya 13 peratus dan Jepun hanya 20 peratus telah mengatasi import Britain tetapi jurangnya tidaklah begitu besar. Pada tahun 1980 telah membuktikan bahawa imbalan perdagangan yang seimbang antara Malaysia dan negara Jepun iaitu 23 peratus. Manakala Britain telah bertambah kurang kedudukannya, eksport Britain hanyalah tiga peratus dan import Britain hanya tujuh peratus berbeza daripada tahun 1970 walaupun terdapat penambahan jumlah eksport dan import Britain.<sup>289</sup> Sejak tahun 1970-an dan 1980-an lagi terdapat banyak negara di dunia ini teruja dengan kejayaan ekonomi negara Jepun. Banyak negara kagum melihat ekonomi Jepun yang tidak terjejas dengan suasana kemelesetan ekonomi. Mereka melihat teknologi Jepun yang semakin meningkat dan cara pengurusan yang dilaksanakan adalah yang terbaik sehinggakan Jepun dapat bersaing dengan negara-negara maju di Barat.<sup>290</sup>

DPT diperkukuhkan lagi apabila kerajaan Jepun menjemput Dr. Mahathir melawat ke negara Jepun pada 23 Januari hingga 29 Januari 1983. Pada 25 Januari 1983 kenyataan akhbar bersama telah dibuat antara perdana menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone dan Dr. Mahathir. Nakasone mengalu-alukan pelaksanaan DPT oleh kerajaan Malaysia. Ia bukan sahaja hubungan kerjasama bilateral dalam bidang ekonomi tetapi meluaskan hubungan bilateral dalam perindustrian, latihan teknikal, akademik dan penyelidikan teknikal dan pemindahan teknikal demi untuk pembangunan Malaysia dan selari dengan kerjasama dalam polisi pembangunan manusia di Malaysia. Kedua-dua pemimpin bersetuju penghantaran pelatih-pelatih Malaysia ke Jepun untuk mempelajari pengurusan industri dan teknologi. Begitu juga dengan kemudahan latihan, universiti dan kolej teknikal termasuk mempelajari bahasa Jepun di Malaysia.<sup>291</sup>

---

<sup>289</sup> Ibid.

<sup>290</sup> Ibid., hlm. 53-54; Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 7.

<sup>291</sup> Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, hlm. 15.

Dr. Mahathir berpendapat walaupun negara sudah lama mencapai kemerdekaan pengaruh Britain masih wujud lagi dan dirasai serta mendominasi pemikiran kebanyakan rakyat Malaysia. Mentaliti sedemikian perlu diubah dan ia adalah sebagai penghalang untuk Malaysia dihormati sebagai sebuah negara yang merdeka.<sup>292</sup> Kemerdekaan sepenuhnya adalah bebas dari segala pengaruh penjajah terutama mentaliti. Ghazali Shafie berpendapat bahawa kebanyakan rakyat Malaysia dilatih di Britain dan minda pula masih lagi terikat dengan Britain:

We have been trained ever since we became independence, to think of having a very special relations with United Kingdom and indeed we had. And if ever we were buying anything, we used to think “let’s look at the British goods first.” To us they were always the best.<sup>293</sup>

Negara-negara Barat mengalami masalah kemerosotan pengaruh dan ekonomi mereka di pasaran dunia<sup>294</sup> dan bukan lagi boleh dianggap sebagai model kepada negara lain. Musa Hitam mengkritik pihak Barat yang dianggap sudah gagal menunjukkan tauladan baik dari segi disiplin dan daya pengeluaran untuk dicontohi oleh sesebuah negara membangun seperti Malaysia. Beliau turut yakin bahawa Malaysia mampu mencapai kemajuan berdasarkan prinsip dan dasar sendiri tanpa mencontohi amalan kebanyakan negara-negara Barat.<sup>295</sup> Musa Hitam berpendapat: “Apa yang baik kepada negara Barat tidak semestinya baik kepada kita. Barat adalah Barat dan kita tetap kita yang mencapai kemajuan menerusi dasar dan prinsip sendiri.”<sup>296</sup>

Dr. Mahathir melihat pelan pembangunan negara bukanlah merupakan kejayaan dalam pembangunan tetapi pengisian dalam pelan pembangunan negara itu menentukan sama ada pelan tersebut berjaya atau tidak. Malaysia perlu mencari jawapannya walau di mana sama ada dalam negara atau luar negara dan didapati DPT adalah

---

<sup>292</sup> Ibid., hlm. 14.

<sup>293</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, hlm. 326.

<sup>294</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 110.

<sup>295</sup> *Berita Harian*, 14 Mac, 1985, hlm. 2, ‘Malaysia tak perlu contoh Barat: Musa’.

<sup>296</sup> Ibid.



jawabannya.<sup>297</sup> Walau bagaimanapun, Malaysia tidaklah mencontohi ke semua yang ada di Jepun. Kejayaan yang menyumbang kepada kejayaan Jepun adalah etika kerja.<sup>298</sup> Etika kerja Jepun adalah berbeza daripada etika di negara Barat, terutama Britain dan Australia. Rakyat Jepun kuat bekerja dan rakyat Malaysia mahu mencontohnya berbanding dengan negara Barat<sup>299</sup> yang mula kurang berminat untuk bekerja dan upah mereka yang diperolehi tidak selari dengan produktiviti yang dikeluarkan.<sup>300</sup> Dr. Mahathir menyatakan: “We want to emulate and learn from the main factor in their rapid growth and industrialization.”<sup>301</sup> DPT ini mendapat protes daripada negara Barat yang tidak berpuas hati dan menyalahkan pemimpin negara. Mereka menyatakan pemimpin Malaysia tidak memberi kebebasan kepada rakyat sendiri. Seheinggakan Malaysia dianggap telah melupakan kawan lama di Barat.<sup>302</sup> Ini ditegaskan lagi oleh Lim Kit Siang yang menyatakan: “Sekalipun kita menekankan tentang perlunya memandang ke Timur, kita tidak boleh lupa bahawa kita mesti berikhtiar mempelajari elemen yang terbaik dari kedua-dua Timur dan Barat.”<sup>303</sup> Malaysia merasa tidak puas hati terhadap negara Barat kerana menjadikan pasaran Malaysia sebagai tempat mereka memasarkan produk perkilangan yang mudah dan menjadikan tempat buangan produk mereka. Pihak Barat tidak mahu terdapat saingan terhadap produk mereka dalam pasaran mereka sendiri.<sup>304</sup>

Musa Hitam menyatakan DPT adalah konsep pro-Malaysia yang tidak anti-Barat dan tidak anti Timur. Dasar ini juga tidak akan menyebabkan Malaysia berperanan “sebagai negara bawahan” kepada Jepun ataupun Korea Selatan. Apa yang Malaysia mahukan adalah tabiat bekerja dan segala sikap yang baik untuk mencapai kejayaan

---

<sup>297</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, December 1983, Vol. 16, No. 4, hlm. 409; Mahathir Mohamad, *A new deal for Asia*, hlm. 84

<sup>298</sup> *Ibid.*, hlm. 410; *Berita Harian*, 10 November, 1983, hlm. 4; *Lihat* Mahathir Mohamad, *A new deal for Asia*, hlm. 84-87; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 69.

<sup>299</sup> *Mesyuarat Kabinet Britain*, CAB128/73/05, 11 February, 1982, hlm. 2.

<sup>300</sup> *Ibid.*, hlm. 411; Mahathir Mohamad, *A new deal for Asia*, hlm. 84; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 69.

<sup>301</sup> *Ucapan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, 1982*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1989, hlm. 197.

<sup>302</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 49.

<sup>303</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 5, 15 Oktober 1982, hlm. 589; Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 1999, hlm. 96-97.

<sup>304</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, December 1983, Vol. 16, No. 4, hlm. 410.

sama atau lebih seperti mana yang telah dicapai oleh Jepun dan Korea Selatan. Bagi mencapai kejayaan seperti Jepun dan Korea Selatan bukanlah mudah kerana terdapat perbezaan pandangan dan fahaman mengenai dasar ini. Kebanyakan rakyat Malaysia telah lama mencontohi Barat dan untuk menukar sikap dalam masa yang singkat adalah sukar. Ini telah menyebabkan ada tentangan daripada pihak yang tidak sukakan perubahan yang berlaku.<sup>305</sup> Mahathir berpendapat bahawa “Barat tidak lagi menjadi contoh sepenuhnya. Malaysia tidak wajar menjadi ‘Pak Turut’ selama-lamanya.”<sup>306</sup> Malaysia mahu mempelajari dan mencontohi sikap dan etika kehidupan orang-orang Jepun dan Korea Selatan yang telah wujud dan berkembang sekian lama sehingga menjadi sebahagian daripada kebudayaan rakyat Malaysia.<sup>307</sup> Paling penting sikap rajin kerja yang perlu ada bagi meningkat ekonomi Malaysia menjadi sebuah negara yang maju.<sup>308</sup> Berbeza dengan Jepun dan Korea Selatan yang telah mengalami proses pembangunan yang lebih rumit dan penuh cabaran telah dilalui dan telah membawa perubahan daripada masyarakat pertanian kepada masyarakat perindustrian. Ia telah melalui proses pembangunan ekonomi yang bergerak secara beransur-ansur dari "import substitution" kepada "export orientation".<sup>309</sup> Sejak tahun 1970-an dan 1980-an lagi terdapat banyak negara di dunia ini teruja dengan kejayaan ekonomi negara Jepun. Banyak negara kagum melihat ekonomi Jepun yang tidak terjejas dengan suasana kemelesetan ekonomi. Mereka melihat dari aspek teknologi Jepun yang semakin meningkat dan cara pengurusan yang dilaksanakan adalah yang terbaik sehinggakan Jepun dapat bersaing dengan negara-negara maju di Barat.<sup>310</sup> Negara-negara Barat sendiri memandang tinggi kepada Jepun sebagai sebuah negara yang paling maju dari

---

<sup>305</sup> *Berita Minggu*, 22 Mei, 1983, hlm. 2; *Utusan Malaysia*, 30 April, 1983, hlm. 1.

<sup>306</sup> Hambali Abdul Latif, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, Batu Caves: Penerbit Wadah Karya, 2001, hlm. 29.

<sup>307</sup> *Berita Minggu*, 22 Mei, 1983, hlm. 2; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 69.

<sup>308</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 69.

<sup>309</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 6, 16 Mac, 1982, hlm. 835.

<sup>310</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 53-54.

segi ciptaan teknologi moden dan berjaya mengubah corak hidup masyarakat dunia.<sup>311</sup> Khoo Kay Kim menjelaskan Jepun sebagai: "...the only Asian nation which, in terms of economic performance, has not only rivalled but has, in fact, surpassed many Western nations."<sup>312</sup>

Tujuan DPT bukanlah untuk menamatkan hubungan dengan pihak Barat dan bukanlah semata-mata untuk mencontohi negara Jepun. Korea Selatan, Singapura dan Taiwan selain dari negara Jepun, turut dicontohi.<sup>313</sup> Ia juga bermakna melihat negara-negara Asia yang lain yang telah berjaya dalam soal pembangunan.<sup>314</sup> Kenyataan Mahathir: "Looking East does not mean total Japanisation, or a complete break with the West. But it certainly means the almost total dependence on the West will be replaced by a more balance attitude towards both East and West."<sup>315</sup> Ini diperjelaskan lagi oleh Anwar Ibrahim: "The Look East policy does not mean that the Government is "obsessed" with the Japan or that it is "Japanising" Malaysia."<sup>316</sup> Karminder Singh turut menyatakan bahawa pada asasnya DPT bukan semata-mata melihat negara Jepun tetapi juga negara lain seperti Korea Selatan, Singapura dan Taiwan tetapi penumpuan lebih kepada negara Jepun<sup>317</sup> dan beliau telah merumuskan bahawa DPT adalah memberi fokus kepada negara Jepun: "The use of the word "East" helped to undercut such difficulties by implying that the policy was not about any single nation but about reorientating Malaysia towards a highly successful region consisting of a gamut of different nations. In practice, the focus remained on Japan."<sup>318</sup> Begitu juga dengan Ahmad Atory yang turut menyatakan DPT lebih memberi tumpuan kepada negara

---

<sup>311</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 6, 16 Mac, 1982, hlm. 835.

<sup>312</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 7.

<sup>313</sup> Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 210; Lee Poh Ping, 'The Look East policy, The Japanese model, and Malaysia' in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 318.

<sup>314</sup> Mahathir Mohamad, *Achieving true globalisation*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2004, hlm. 73.

<sup>315</sup> *Ucapan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, 1982*, hlm. 197.

<sup>316</sup> *New Straits Times*, 6 Dec. 1982, hlm. 2, 'Anwar: Government not to trying Japanese Malaysia'.

<sup>317</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 175.

<sup>318</sup> *Ibid.*, hlm. 176.

Jepun sebagai contoh dalam usaha membangunkan negara.<sup>319</sup> Ini telah dinafikan oleh Mahathir dengan menjelaskan:

Look East also does not mean that we will do business only with particular countries in the East. We will continue with our traditional trading partners as long as it pays to do so. It should be clear that looking East will not result in the kind of lop-sided policy that we had when we used to “Look West”. In fact it will mean a much more equitable policy in which the best of the East and West will guide the development of Malaysia.<sup>320</sup>

Khoo Kay Kim menyatakan dasar ini dilakukan kerana mahu mengurangkan pergantungan ekonomi dengan negara-negara Barat dan ia adalah negara Jepun.<sup>321</sup> DPT ini telah menjadi satu kejutan kepada pihak Barat yang beranggapan bahawa Malaysia telah memberi kelebihan kepada pihak Jepun. Majalah-majalah asing memberi perhatian kepada DPT dengan memaparkan cerita menyatakan DPT tidak akan berjaya kerana ianya menumpukan kepada kerajinan bekerja dan kebanyakan penduduk Melayu adalah pemalas dan tidak sesuai.<sup>322</sup> Ramai para sarjana menyatakan DPT adalah untuk mengubah sikap orang Melayu supaya melakukan perubahan yang drastik bagi menyahut cabaran kerajaan Malaysia.<sup>323</sup>

Salah faham pihak Barat terhadap DPT telah menimbulkan isu bahawa pihak Malaysia lebih berat sebelah dalam pemberian kontrak kepada negara Jepun.<sup>324</sup> Protes dari pihak Barat adalah kerana mereka merasa tidak senang dengan DPT yang akan menyebabkan peluang mereka untuk melabur di Malaysia adalah sukar dan memberi kelebihan kepada negara Jepun dan Korea Selatan. Mereka tidak dapat lagi mengawal

---

<sup>319</sup> Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2002, hlm. 131.

<sup>320</sup> *Ucapan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, 1982*, hlm. 197-198.

<sup>321</sup> Khadijah Md. Khalid, ‘Malaysia-Japan Relations under Mahathir: “Turning Japanese”?’ in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years, Washington: Southeast Asia Studies Program*, 2004, hlm. 328.

<sup>322</sup> *Business Times*, 30 Apr. 1983, hlm. 20.

<sup>323</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 117; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 210; Jomo K. S., *Warisan ekonomi Mahathir*, hlm. 46.

<sup>324</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 54.

dan mempengaruhi Malaysia.<sup>325</sup> Majalah *Far Eastern Economic Review* telah mendakwa bahawa kontrak Sabah Gas Grid telah diberikan kepada Marubeni Corporation, Nippon Kokan, Brown dan Roots of the United States dan dua syarikat dari Malaysia iaitu Promet Berhad dan Malaysian Shipyard and Engineering.<sup>326</sup> Pendedahan ini menunjukkan kerajaan Malaysia lebih memberi peluang kepada pihak Jepun. Walau bagaimanapun Malaysia menyangkal tuduhan tersebut dengan menyatakan pihak Barat perlu bersaing dengan Jepun dan Korea Selatan. (The best bidder wins).<sup>327</sup> Murugesu Pathmanathan menyatakan pelaksanaan DPT adalah: "...a veering away of Malaysia's traditional linkages with Britain."<sup>328</sup> Beliau menegaskan lagi: "...not just appreciative and accommodative of Japanese success and values but being distinctly anti-British."<sup>329</sup> Ini adalah kerana berlakunya beberapa insiden yang telah merenggangkan hubungan dengan Britain. Britain tidak lagi memberi perhatian kepada rungutan-rungutan dari Malaysia. Kenaikan yuran pengajian di Britain umpamanya telah mendiskriminasikan pelajar Malaysia dengan pelajar-pelajar dari Kesatuan Eropah.<sup>330</sup> Yuran yang dikenakan adalah berbeza dari pelajar Malaysia dan Komanwel yang terpaksa membayar lebih berbanding dengan pelajar-pelajar dari negara-negara Kesatuan Eropah. Selain itu isu pengambilalihan syarikat Guthrie Corporation oleh Malaysia menurut aturan undang-undang Sekuriti di London tetapi pihak Britain terutama pihak media telah mengecam dan telah menggelarnya sebagai "Dawn Raid". Pelbagai lagi masalah yang ditimbulkan oleh pihak Britain dalam hubungan Malaysia

---

<sup>325</sup> *Utusan Malaysia*, 30 April, 1983, hlm. 1; *New Straits Times*, 30 Apr. 1983, hlm. 2; *Utusan Malaysia*, 27 September, 1983, hlm. 3.

<sup>326</sup> *New Straits Times*, 29 Apr. 1983, hlm. 3.

<sup>327</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 54.

<sup>328</sup> Murugesu Pathmanathan, 'The new dimensions of Malaysia's foreign policy', in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 44.

<sup>329</sup> *Ibid.*

<sup>330</sup> Mohd Yusof Ahmad, 'Continuity and change in Malaysia's foreign policy, 1981-1986', Dissertation Doctor of Philosophy, hlm. 319.

dengan Britain telah tidak mendapat layanan dan perhatian yang sepatutnya dari kerajaan Britain seperti lalu yang memberi perhatian secara politik.<sup>331</sup>

Dr. Mahathir seterusnya telah mengambil tindakbalas dengan melaksanakan polisi BBL. Malaysia telah mengambil tindakan dengan tidak lagi memberi layanan istimewa kepada Britain kerana telah beberapa kali mengecewakan Malaysia. Tindakan ini bagi menyedarkan Britain supaya tidak lagi memandang ringan terhadap Malaysia dan perlu membuat perubahan jangka masa panjang.<sup>332</sup> Britain tidak lagi relevan untuk diikuti sebagai model untuk masa hadapan sama ada dalam pembangunan ekonomi mahupun politik.<sup>333</sup> Murugesu menjelaskan: “The Look East policy framed Japan as a pattern for Malaysia’s future growth.”<sup>334</sup> Hubungan Malaysia dan Jepun antara kerajaan dengan kerajaan dan bukan kerajaan sangat menggalakkan. Pelbagai projek telah diberikan kepada Jepun dan Korea Selatan antaranya pembinaan Kompleks Dayabumi di Kuala Lumpur oleh syarikat dari Jepun iaitu Takenaka Kumagai Consortium,<sup>335</sup> Jambatan Pulau Pinang oleh syarikat Korea Selatan iaitu Hyundai Corporation,<sup>336</sup> usahasama Heavy Industries Corporation of Malaysia (HICOM)<sup>337</sup> dan Mitsubishi<sup>338</sup> Jepun dalam pengeluaran kereta nasional pertama.<sup>339</sup> Dr. Mahathir menjelaskan tujuan DPT diperkenalkan adalah bukan semata-mata untuk memberi kontrak atau membeli barangan.<sup>340</sup>

---

<sup>331</sup> Murugesu Pathmanathan, ‘The new dimensions of Malaysia’s foreign policy’, in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 45.

<sup>332</sup> Ibid.

<sup>333</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 116.

<sup>334</sup> Murugesu Pathmanathan, ‘The new dimensions of Malaysia’s foreign policy’, in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 46.

<sup>335</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 176; Rekabentuk Islam; *New Straits Times*, 21 May, 1983, hlm. 2; ‘Key turn for local builders’; Projek “turnkey” pertama.

<sup>336</sup> Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 211; Anne Munro-Kua, *Authoritarian populism in Malaysia*, London: MacMillan Press Ltd, 1996, hlm. 114; Kontrak tersebut bernilai RM850 juta, sepanjang 18.5 km. Rancangan pelan oleh bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu.

<sup>337</sup> *Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1987*, Jilid 19, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1988, hlm. 94; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 177.

<sup>338</sup> Jomo K. S., *M way: Mahathir’s economic legacy*, Kuala Lumpur: Forum, 2003, hlm. 21.

<sup>339</sup> *Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1987*, Jilid 19, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1988, hlm. 94; Murugesu Pathmanathan, ‘The new dimensions of Malaysia’s foreign policy’, in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 46; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 211; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 177; Dr. Mahathir bercita-cita untuk membina kereta tempatan sejak tahun 1979 semasa beliau menjadi Menteri Perdagangan dan Industri. Ia menjadi kenyataan pada 1 April 1985, kereta Proton Saga pertama telah dikeluarkan oleh kilang Proton di Shah Alam, Selangor.

<sup>340</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3; Dr. Mahathir menyatakan: “Look East does not, I repeat, does not mean giving contracts or buying goods exclusively from the East.”

Look East. I have said it time and time again that this policy has nothing, and I repeat, nothing to do with giving contracts or buying things from the Japanese or the Koreans. If we do give them contracts then it's because they had the best offer. But that's completely irrelevant. Look East is all about the work ethics, the management methods of the Japanese, the Koreans and the Taiwanese. These people work with all their heart and soul. That's why they have surpluses in the midst of a recession.<sup>341</sup>

Malaysia memerlukan lebih ramai pelabur bagi melabur dalam pelbagai sektor ekonomi<sup>342</sup> dan ia juga memerlukan pelabur-pelabur yang berpotensi sebagai alternatif supaya tidak hanya terlalu bergantung dengan pihak Barat. DPT adalah sebagai salah satu alternatif yang dapat membantu Malaysia mempelbagaikan pelabur-pelabur yang melabur di Malaysia. Syed Hamid Albar menyatakan: "...we began to diversify and expand our relations as manifested in the Look East policy."<sup>343</sup> Malaysia perlu membuat perubahan bagi mengelakkan imej yang telah lama dipengaruhi oleh Britain. Imej Britain menjadi faktor kepada kurangnya persaingan dan prasangka wujudnya "layanan istimewa" yang diberikan oleh Malaysia kepada Britain berbanding daripada negara lain. Malaysia mempunyai hubungan yang begitu lama dengan Britain dalam bidang perlombongan dan perladangan. Bagi menjadi sebuah negara maju, Malaysia perlu membuat satu perubahan dan tidak lagi bergantung kepada sektor perlombongan dan perladangan kepada sektor pembuatan yang dapat membantu meningkatkan dan memajukan ekonomi Malaysia.<sup>344</sup>

Dr. Mahathir berpendapat mencontohi Barat adalah satu langkah kebelakang kerana sikap mereka tidak lagi berminat untuk bersaing dan perkembangan ekonomi mereka tidak begitu memberangsangkan. Berbeza dengan negara Jepun kerana telah berjaya bersaing dengan negara maju melalui etika kerja, metod pengurusan dan strategi

---

<sup>341</sup> *Malaysian Business*, Jan. 1, 1988, hlm. 10; *Malaysian Business*, Sep. 1983, hlm. 41.

<sup>342</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, 1981, Vol. 14, No. 1, hlm. 52.

<sup>343</sup> Syed Hamid Albar, 'Malaysia in world politics: The challenges ahead', in Ruhanas Harun, (edited), *Malaysia's Foreign Relations: Issues and challenges*, hlm. 7.

<sup>344</sup> *Ibid.*

perniagaan.<sup>345</sup> DPT adalah satu langkah Malaysia dalam menghadapi beberapa kejutan dan tekanan ekonomi. Dr. Mahathir menjelaskan: “We have to programme ourselves for quantum leaps.”<sup>346</sup> Walau bagaimanapun Malaysia tidak memutuskan terus hubungan dengan negara Barat.<sup>347</sup> Ini dijelaskan oleh Dr. Mahathir: “We hope our friends will understand why we do these.”<sup>348</sup>

Abdullah Ahmad Badawi menyatakan semenjak DPT dilancarkan, masyarakat telah mempunyai model atau contoh alternatif kepada model Barat. Rakyat Malaysia mulai menumpukan perhatian kepada kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh negara-negara Timur seperti Jepun dan Korea Selatan. Mereka tidak lagi hanya mendewa-dewakan Negara-negara Barat serta meniru cara mereka. Ada rakyat Malaysia telah mendapat semangat baru dan contoh-contoh baru untuk diikuti terutamanya di bidang kemajuan teknologi, bidang perdagangan, perusahaan dan juga di bidang pengurusan. Negara-negara Jepun dan Korea Selatan memberikan contoh-contoh kejayaan yang dapat diikuti bahawa orang-orang Asia juga boleh mencapai tahap kemajuan yang setanding atau lebih tinggi dari orang-orang Barat. Kesedaran ini mula menunjukkan kesan dalam segala usaha pembangunan Malaysia. Dalam bidang perusahaan dan perdagangan, teknologi-teknologi moden mulai digunakan dengan mencontohi cara-cara Jepun seperti dalam teknik pembinaan, cara-cara mengendalikan perusahaan dan perniagaan, dan sebagainya.<sup>349</sup> Lim Kit Siang turut memberi peringatan bahawa kepentingan negara-negara barat tidak boleh dipinggirkan begitu sahaja dengan menyatakan: “Di samping mempelajari dari Timur kita juga hendaklah mempelajari dari Barat. Saya tidak nampak sebab-sebab mengapa kita mesti jauhkan diri dari Barat

---

<sup>345</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 180-181; Ahmad Mokhtar Selat, ‘New directions in Malaysia’s foreign policy: From Tunku to Abdullah Badawi’, in Ruhana Harun (edited), *Malaysia’s*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2006, hlm. 23.

<sup>346</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3.

<sup>347</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, hlm. 96-97; Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, hlm. 132.

<sup>348</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3.

<sup>349</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 54, 25 Julai, 1983, hlm. 7715-7716.



sekalipun kita tidak dapat menerima setengah dari nilai-nilai mereka.”<sup>350</sup> Tujuan DPT dilaksanakan adalah untuk mempelajari secara sistematik unsur-unsur yang berjaya dalam amalan pengurusan dan perniagaan Jepun berbanding dengan sentiasa melihat ke Barat.<sup>351</sup> Mahathir tidak menolak Barat terus tetapi mencari hala tuju baru selain daripada Barat.

Selain itu, DPT bukanlah merupakan satu strategi atau cara khusus untuk memudahkan pengeksportan barang-barang Malaysia ke pasaran Jepun. Sebaliknya dasar itu adalah merupakan satu cara untuk rakyat Malaysia mempelajari serta mencontohi nilai-nilai positif masyarakat Jepun tentang etika kerja, semangat keorganisasian, sistem pengurusan, daya pengeluaran dan sebagainya. Dalam pelaksanaan DPT, Malaysia bersikap berhati-hati khususnya dengan Jepun supaya dasar ini tidak disalah tafsirkan atau disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Dr. Mahathir menjelaskan: “...when I introduced the Look East Policy, many people believe it was connected to our Buy British Last policy, but that was quite another matter and the two had distinctly different objectives.”<sup>352</sup>

Beberapa langkah-langkah tertentu telah diambil oleh Malaysia untuk mengelakkan sebarang masalah. Antaranya ialah mengadakan perbincangan dua hala, dialog serta forum dan sebagainya dengan kerajaan Jepun. Sementara itu agensi kerajaan yang terlibat dengan DPT seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Perkhidmatan Awam dan sebagainya sentiasa mengkaji masalah dan kelemahan-kelemahan yang wujud dan rundingan-rundingan diadakan dengan pihak Jepun untuk memperbaikinya.<sup>353</sup> DPT tidak mempengaruhi tahap pelaburan Jepun di Malaysia kerana dasar tersebut bukan digubal untuk memberi keistimewaan kepada

---

<sup>350</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 5, 15 Oktober 1982, hlm. 589.

<sup>351</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, hlm. 95.

<sup>352</sup> Mahathir Mohamad, *A doctor in the house: The memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 369.

<sup>353</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 5, 15 Oktober 1982, hlm. 589; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 8, 4 April 1985, hlm. 1208-1210.

Jepun<sup>354</sup> dari segi peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Ghazali Shafie berpendapat bahawa: “the purpose was not copy blindly what Japan was doing which brought her economic success.”<sup>355</sup> Mahathir telah menjelaskan DPT bertujuan untuk menyemaikan etika kerja yang baik di kalangan rakyat Malaysia.<sup>356</sup> Dasar ini bertujuan untuk menyedarkan rakyat Malaysia tentang etika kerja, menanam semangat setia kepada syarikat, menambahkan mutu kerja, daya pengeluaran dan sebagainya.<sup>357</sup> Khadijah Md. Khalid menjelaskan:

Japanese firms would clearly still have invested in Malaysia without adopting a pro-Japan orientation. The same could be said about the trade patterns between Malaysia and Japan. Since 1970s, Japan has become an important trade partner not only to Malaysia but also the other Southeast Asian countries. The pro-Japan orientation of the Mahathir regime has not necessarily directly contributed to the expansion in trade between the two countries in the post 1981 period.<sup>358</sup>

DPT dilaksanakan adalah mahu mencontohi etika kerja rakyat Jepun namun kritikan terus diajukan terutama pelaburan yang dilakukan oleh Jepun di dalam negara.<sup>359</sup> Dr. Mahathir menjelaskan: “...I concluded very early on that it was their work ethics – their intense dedication to their work – that enable the Japanese to recover...to emulate how the Japanese worked”.<sup>360</sup> Johan Saravanamuttu pula berpendapat bahawa disebalik DPT, Malaysia turut mahu menjadikan negara sebagai sebuah negara perindustrian dan sikap Barat yang mengeksploitasi ekonomi tidak boleh diikuti:

The policy was iconoclastic in two ways. The Malay world view never resonated with “Eastern” work ethics or its aggressive economics. Nor did previous prime minister ever see a Japan, South Korea, Taiwan or let alone, a Singapore as role models. But behind the Look East policy was the clear message that these late and newly industrializing success stories

<sup>354</sup> *Malaysian Business*, Sep. 1983, hlm. 41.

<sup>355</sup> Ghazali Shafie, *Malaysia, Asean and the new world order*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 82.

<sup>356</sup> Mahathir Mohamad, *Kebangkitan semula Asia*, hlm. 97; *Commonwealth*, Vol. 25, No. 2, October, 1982, hlm. 47, ‘The Malaysia-Britain rift’.

<sup>357</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 44, 13 November 1985, hlm. 6990.

<sup>358</sup> Khadijah Md. Khalid, ‘Malaysia-Japan relations under Mahathir: “Turning Japanese”?’ in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: the Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 330.

<sup>359</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 18.

<sup>360</sup> Mahathir Mohamad, *A doctor in the house: The memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 371.

were the ones Malaysia should emulate. Secondly, “Western” economic success was to be debunked as implicitly non adaptive to new times and more harshly as exploitative (even worse still, unrealistic) and therefore not worth following.<sup>361</sup>

Hitoshi Shiraishi, wakil Industrial Bank of Japan (IBJ) telah membuat kenyataan menggesa pelabur-pelabur Jepun mengkaji semula sikap tentang pelaburan mereka di Malaysia supaya memenuhi tujuan untuk membantu dalam perkembangan ekonomi dan perindustrian Malaysia apabila mereka merundingkan projek-projek usaha sama. Beliau menyatakan selama ini usaha sama dan pelaburan Jepun di Malaysia telah tidak menguntungkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia, selain daripada Jepun membawa balik keuntungan daripada Malaysia bagi menambahkan perkembangan ekonomi di Jepun.<sup>362</sup> Kenyataan Hitoshi ini telah dinafikan oleh Malaysia yang menyatakan bahawa pelaburan Jepun di Malaysia tidak menguntungkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pada keseluruhannya pelaburan asing termasuk negara Jepun telah memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi Malaysia dari segi peningkatan paras teknologi dan kepakaran pengurusan, menjimatkan pertukaran asing melalui projek-projek gantian import serta menambah pertukaran asing melalui projek-projek berorientasikan eksport, dan juga mewujudkan peluang pekerjaan.<sup>363</sup> Negara Jepun merupakan salah satu sumber penting bagi pelaburan asing di Malaysia. Usahasama dengan pelabur-pelabur Jepun dalam sektor perkilangan telah memberi faedah kepada Malaysia dan pelaburan Jepun telah menjadi sumber utama bagi kewangan. Melihat dari aspek modal, pelaburan Jepun dalam syarikat-syarikat yang telah memulakan pengeluaran sehingga Disember, 1983, adalah sebanyak \$572.5 juta yang merupakan 17 peratus dari jumlah modal asing yang dibayar. Jumlah pekerjaan yang diwujudkan oleh syarikat-syarikat tersebut adalah 60,191

---

<sup>361</sup> J. Saravanamuttu, ‘Iconoclasm and foreign policy – The Mahathir years’, dalam Bridget Welsh, (editor), *Reflection: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004, hlm. 308.

<sup>362</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 8, 4 April 1985, hlm. 1212-1213.

<sup>363</sup> *Ibid.*, hlm. 1214.

pekerjaan atau 14.7 peratus dari jumlah pekerjaan dalam sektor perkilangan. Pelabur-pelabur Jepun juga telah memberi pengetahuan teknikal yang perlu bagi penubuhan berbagai-bagai industri. Di samping itu melalui hubungan dan kepakaran Jepun, Malaysia dapat mengeksport barang-barang perkilangan yang dikeluarkan sendiri.<sup>364</sup>

Tujuan asas pelaburan asing sama ada dari Jepun atau lain-lain negara adalah untuk mencari keuntungan dan kedua-dua pihak menikmati faedah bersama. Dr. Mahathir menjelaskan: “Tidak ada bangsa dalam dunia ini yang menolong kita kerana ingin mengorbankan kepentingan mereka. Setiap yang datang menawarkan sesuatu kepada kita, sudah tentu mempunyai sesuatu dalam fikirannya.”<sup>365</sup> Usaha-usaha untuk menarik pelaburan asing termasuk dari Jepun adalah untuk membangunkan ekonomi negara berkonsepkan kepentingan bersama.<sup>366</sup> Harapan Mahathir adalah:

It is our hope that in time to come, our people will be calculated with the same sense of dedication, responsibility and loyalty towards work that we find in the Japanese people. However, our “Look East” policy should not just be a one way traffic. For this we seek the close cooperation, understanding and assistance not only from the Japanese Government but also from the Japanese public in general in order to make this policy of our success.<sup>367</sup>

Tanggapan yang mahu mengubah DPT berasaskan kepada jumlah pelaburan Jepun yang ada di Malaysia berbanding dengan pelaburan rakyat Malaysia di Jepun tidak timbul sama sekali<sup>368</sup> kerana tujuan DPT dilaksanakan adalah untuk memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia tentang perlunya mengambil contoh-contoh kerja dan amalan kerja yang baik dan etika kerja yang baik dilakukan di negara Jepun.<sup>369</sup> Malaysia mengamalkan hubungan perdagangan antarabangsa dengan memberi layanan

---

<sup>364</sup> Ibid.

<sup>365</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1985, hlm. 166-167; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 16 Julai, 1982.

<sup>366</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 8, 4 April 1985, hlm. 1214.

<sup>367</sup> *Ucapan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad 1982*, hlm. 198.

<sup>368</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 44, 13 November 1985, hlm. 6991.

<sup>369</sup> Ibid.; Salah satu cara bekerja di Jepun dijadikan contoh oleh Malaysia adalah QCC, Malaysia telah pun mengadakan QCC ataupun Kumpulan Mutu Kerja yang telah dijalankan dan ditaja oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara dan dijalankan oleh beberapa badan-badan perancangan untuk dilaksanakan di semua peringkat pentadbiran dan usaha ini juga telah pun dijalankan di peringkat sektor swasta dalam bidang perkilangan.

yang sama kepada semua negara yang berdagang dengan Malaysia. Walaupun DPT dilaksanakan oleh Malaysia namun pihak Jepun tidak menjadi penghalang kepada dasar perdagangan bebas Malaysia. Begitu juga dengan Britain yang turut mendapat layanan yang sama. DPT dilaksanakan bukan untuk menggantikan Britain dan Jepun juga tidak diberi keutamaan. Layanan adalah sama rata.<sup>370</sup> Malaysia telah pun mengambil langkah-langkah bagi merealisasikan DPT sama ada di dalam aspek pentadbiran.<sup>371</sup> Kesungguhan rakyat Jepun dalam membangunkan negara amat dikagumi dan Dr. Mahathir telah menyatakan: “Orang Jepun nampaknya telah membangun dengan menakjubkan sejak kekalahan mereka dalam Perang Dunia Kedua dan kita ingin mempelajari dari pengalaman mereka.”<sup>372</sup>

Dari segi imbalan perdagangan Jepun dengan Malaysia memberi kelebihan kepada Jepun. Sejak tahun 1981 hingga 1984,<sup>373</sup> Jepun mengalami surplus imbalan perdagangan dan defisit pada tahun 1985 hingga 1987. Pada tahun 1988 hingga 1990 memberi kelebihan kepada Jepun. (*Lihat Jadual 4.3 dan Carta 4.2*).

**Jadual 4.3: Import/Eksport Malaysia-Jepun 1981-1990 RM juta**

Tahun	1981	1982	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989	1990
<b>Eksport</b>	5728	5726	6429	8633	9386	8117	8911	9348	10904	12591
<b>Import</b>	6516	7253	7769	8646	7038	5736	6918	10153	14722	19071
<b>Imbalan</b>	-788	-1527	-1340	-13	2348	2381	1993	-805	-3818	-6480

Sumber: i) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1983*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

ii) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1985*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

iii) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1986*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

iv) *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1990*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai 1991.


<sup>370</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 65, 12 Oktober, 1987, hlm. 11006.

<sup>371</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 44, 13 November 1985, hlm. 6991.

<sup>372</sup> *Berita Harian*, 10 November, 1983, hlm. 4.

<sup>373</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 46, 16 Mac, 1983, hlm. 6032-6034.

**Carta 4.2: Import/Eksport Malaysia-Jepun 1981-1990 RM juta**



Sumber: i) Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1983, Jabatan Perangkaan Malaysia.

ii) Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1985, Jabatan Perangkaan Malaysia.

iii) Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1986, Jabatan Perangkaan Malaysia.

iv) Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1990, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai 1991.

Pada tahun 1981 dan 1982 lagiimbangan perdagangan antara Malaysia dengan Jepun mengalami defisit kerana kemerosotan jumlah eksport bahan-bahan utama Malaysia ke Jepun. Struktur eksport Malaysia ke Jepun adalah dari lebih 90 peratus bahan-bahan utama. Kejatuhan harga bahan-bahan utama yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi di Jepun dan dunia amnya telah memburukkan lagi kekurangan dagangan yang dialami oleh Malaysia dalamimbangan perdagangannya dengan Jepun.<sup>374</sup> Malaysia telah merayu kepada Jepun secara rasmi supaya melonggarkan

<sup>374</sup> Ibid.; Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah berusaha menggalakkan eksport barang-barang lain terutama barang-barang keluaran kilang dan separa perkilangan ke pasaran Jepun. Di antara usaha-usaha galakan eksport yang telah dijalankan seperti berikut: (i) Penyertaan Malaysia dalam Pamiran-pamiran Perdagangan di Tokyo anjuran bersama oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan ASEAN Promotion Center, Tokyo: (a) Pertunjukan Antarabangsa Barang-barang Cenderamatan Tokyo (8-10hb Februari 1983). (b) Pamiran Antarabangsa Barang-barang Perabot Tokyo (21-25hb November 1983); (ii) Penyertaan Malaysia dalam Pamiran Perdagangan Malaysia (Malaysia In-Store Promotion) anjuran bersama Oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Odakyu Departmental Store-Tokyo (10hb-15hb Jun 1983); (iii) Lawatan Rombongan Perdagangan khusus barang-barang buatan getah ke Jepun anjuran bersama oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan Persatuan Pekilang-pekilang Barang-barang Buatan Getah Malaysia (Mei/Jun 1983); (iv) Seminar-seminar yang dikelolakan oleh MEXPO bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pekilang-pekilang dan pengeksport-pengeksport Malaysia mengenai peluang-peluang pasaran di negara Jepun: (a) Seminar mengenai Pembungkusan dan Rekabentuk untuk

sekatan-sekatan tarif terhadap kemasukan import barang-barang Malaysia ke pasaran Jepun. Kenaikan harga eksport bahan-bahan utama Malaysia seperti getah dan bijih timah akan dapat memperbaiki lagi kedudukanimbangan perdagangan Malaysia dengan Jepun. Malaysia telah mula mengeksport gas asli cecair (LNG) ke Jepun.<sup>375</sup> Pada awal DPT diperkenalkanimbangan perdagangan Malaysia dengan Jepun memang telah mengalami defisit.

Melihat kepada Jadual 4.4 dan Carta 4.3,imbangan perdagangan Malaysia dengan Korea Selatan menunjukkan kelebihan kepada Malaysia. Ini membuktikan bahawa Korea Selatan lebih memerlukan barangan Malaysia berbanding dengan eksport Malaysia ke Korea Selatan. Eksport Malaysia ke Korea Selatan terus meningkat dari tahun 1981 hingga 1990. Begitu juga dengan import Malaysia dari Korea Selatan. Dari segi jumlah eksport Malaysia lebih berbanding dengan Korea Selatan.

**Jadual 4.4: Import/Eksport Malaysia-Korea Selatan 1981-1990 RM juta**

Tahun	1981	1982	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989	1990
<b>Eksport</b>	990	772	895	988	986	1862	2397	2736	3407	3677
<b>Import</b>	374	608	554	592	686	637	841	1120	1526	2038
<b>Imbangan</b>	616	164	341	396	300	1235	1556	1616	1881	1639

Sumber: i) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1983*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

ii) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1985*, Jabatan Perangkaan Malaysia.


iii) *Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1986*, Jabatan Perangkaan Malaysia.

iv) *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1990*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai 1991.

Eksport (Januari 1983); (b) Seminar mengenai peluang pasaran bagi barang-barang buatan getah di Jepun (April 1983); dan (c) Seminar mengenai Sistem Keutamaan Am (Generalised System of Preferences) Jepun (Oktober 1983).

<sup>375</sup> Ibid.

**Carta 4.3: Import/Eksport Malaysia-Korea Selatan 1981-1990 RM juta**



Sumber: i) Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1983, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
ii) Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1985, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
iii) Angka-angka anggaran bagi perdagangan luar bagi tempoh Januari hingga Disember 1986, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
iv) Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1990, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai 1991.

Bagi meningkatkan lagi pelaburan Korea Selatan di Malaysia, pada 11 hingga 14 September 1990 Dr. Mahathir telah membuat lawatan rasmi ke Korea Selatan.<sup>376</sup> Pertemuan Dr. Mahathir dengan Presiden dan Perdana Menteri Korea Selatan telah membincangkan isu hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkaitan dengan kepentingan bersama. Mahathir juga memberitahu mengenai peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia kepada usahawan-usahawan Korea Selatan. Antara hasil-hasil yang dicapai semasa lawatan tersebut ialah dari segi hubungan perdagangan dan ekonomi, kedua-dua negara telah menyatakan kesediaan masing-masing untuk berusaha dengan lebih giat lagi bagi mempertingkatkan hubungan itu dengan mengeksploitasikan potensi yang sedia ada. Malaysia telah membuat permintaan kepada pihak Korea Selatan untuk menurunkan cukai import ke atas minyak kernel kelapa sawit

<sup>376</sup> *Utusan Malaysia*, 7 September, 1990, hlm. 2, 'Lawatan PM ke Seoul kukuhkan lagi Dasar Pandang kr Timur'.



daripada 13 peratus kepada 10 peratus. Pihak Korea Selatan bersetuju dengan permintaan Malaysia itu. Pelaburan Korea Selatan di Malaysia telah menampakkan adanya peningkatan selepas kerajaan Korea Selatan melonggarkan syarat-syarat pelaburan mereka di luar negara. Presiden Korea Selatan telah memberi jaminan kepada Mahathir bahawa Kerajaan Korea Selatan akan terus menggalakkan usahawan-usahawan Korea Selatan untuk melabur di Malaysia dan telah memberi jaminan bahawa ianya akan terus menyokong program DPT Malaysia. Seterusnya juga mengumumkan keputusan kerajaan Korea Selatan menyumbangkan US\$1 juta kepada kerajaan Malaysia sebagai sumbangan untuk pembinaan Pusat Bahasa Korea di Institut Teknologi Mara. Lawatan Mahathir ke Korea Selatan dianggap telah mencapai objektifnya. Selain daripada mengeratkan lagi hubungan peribadi mereka turut mengukuhkan hubungan kedua-dua buah negara terutama di dalam bidang perdagangan dan ekonomi.<sup>377</sup>

Melihatkan imbangan perdagangan antara kedua negara, Jepun dan Korea Selatan dengan Malaysia lebih menguntungkan perdagangan Malaysia dengan Korea Selatan berbanding perdagangan Malaysia dengan Jepun. Perdagangan Malaysia dengan Korea Selatan memberi kelebihan imbangan perdagangan kepada Malaysia. Berbanding dengan perdagangan Malaysia dengan Jepun yang hanya pada tahun 1985 hingga 1987 memperolehi surplus dalam imbangan perdagangan. Walau bagaimanapun, tujuan utama DPT bukanlah untuk meningkatkan perdagangan dua hala dan tidak mempunyai kaitan secara langsung. DPT bertujuan mencontohi etika kerja rakyat Jepun dan Korea Selatan yang telah berjaya membangunkan negara mereka dalam keadaan musnah. Etika kerja adalah dititik beratkan kepada kerajinan bekerja, disiplin bekerja, memberi keutamaan kepada kumpulan kerja bukan untuk kepentingan diri sendiri, kesetiaan kepada tempat bekerja (organisasi) dan juga negara, memberi penekanan kepada mutu

---

<sup>377</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 3, 19, Disember, 1990, hlm. 299-300.

pengeluaran, mutu bekerja, peningkatan kecekapan, mengurangkan perbezaan dan jurang antara pekerja eksekutif dengan pekerja bawahan.<sup>378</sup>

Di dalam perjumpaan Dr. Mahathir dengan ahli-ahli perniagaan di London pada 23 Julai 1987, beliau telah menjelaskan usaha Malaysia melaksanakan DPT. Ada pihak yang menyatakan DPT adalah memberi semua kontrak dan membeli barangan daripada negara Timur seperti Jepun dan Korea Selatan<sup>379</sup> tetapi DPT sebenarnya adalah mempelajari etika bekerja, cara pengurusan, pelaksanaan perniagaan dan kerajaan atau perniagaan rakan kongsi di Jepun dan kejayaan NIC di Timur. Dr. Mahathir menyatakan bahawa Malaysia masih melihat Barat: “We have not ceased to look at the West.”<sup>380</sup>

DPT yang diperkenal pada tahun 1982 masih lagi relevan dan wajar diteruskan oleh Malaysia. DPT masih lagi boleh diteruskan tetapi perlu lebih selektif dan banyak memilih untuk mendapatkan sesuatu nilai yang terbaik. Menurut Dr. Mahathir selain bijak memilih nilai yang baik, rakyat Malaysia juga lebih selektif dalam soal etika kerja dan inovasi.<sup>381</sup> Dr. Mahathir berpendapat: “Selain itu etika kerja yang diamalkan di Jepun juga masih lagi boleh dipakai tetapi perlu dinilai. Mana yang baik boleh diteruskan dan mana yang tidak baik jangan diikuti.” Dr. Mahathir mencadangkan supaya membina Universiti Jepun di Malaysia bagi rakyat Malaysia mempelajari budaya dan etika negara Jepun<sup>382</sup> dan dengan cara ini Malaysia dapat mempelajari dan mengenali secara lebih dekat lagi dengan etika dan budaya kerja rakyat Jepun serta turut dapat menjimatkan kos pendidikan pelajar dan kerajaan Malaysia.<sup>383</sup>

Ada beberapa sarjana yang berpendapat bahawa tujuan disebalik Mahathir melaksanakan DPT adalah mahu mengubah sikap orang Melayu supaya dikenali

<sup>378</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 17, 4 April, 1984, hlm. 2495-96.

<sup>379</sup> *Koleksi Ucapan Mahathir*, Kuala Lumpur: Jabatan Pencetakan Negara, 1992, hlm. 497; Ucapan di London pada 23hb Julai 1987 sempena makan tengahari dikendalikan oleh Konfederasi Industri British; M Rajendran, *Mahathir Mohamad: Prime Minister of Malaysia*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd, 1993, hlm. 13.

<sup>380</sup> *Ibid.*

<sup>381</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 6, 2 April, 1985, hlm. 886-888; Terdapat lapan buah sogoshosha iaitu: (1) Malaysian International Trading Corporation Sdn Bhd (MITCO); (2) Sime Darby Pemas Trading Corporation Sdn Bhd; (3) Malaysia Overseas Investment Corporation Sdn Bhd; (4) Perdana Corporation Sdn Bhd; (5) Malaysia Transnational Trading Corporation Sdn Bhd; (6) Mulpha International Trading Corporation Bhd; (7) Pemas Trading Sdn Bhd dan (8) Guthrie Malaysia Trading Corporation Sdn Bhd.

<sup>382</sup> *Utusan Malaysia*, 11 Oktober, 2012, ‘Masih relevan tapi perlu selektif – Dr. Mahathir’.

<sup>383</sup> *Ibid.*

sebagai kaum yang kuat dan rajin bekerja.<sup>384</sup> Dibalik rancangan beliau yang mahu mengubah dasar pandang ke Barat iaitu Britain kepada DPT khususnya Jepun turut juga mengubah paradigma dan pemikiran rakyat Malaysia terutama orang Melayu<sup>385</sup> supaya tidak meniru sikap orang Barat yang dianggap bersikap pemalas kerana negara mereka telah mencapai sebagai sebuah negara maju. Mahathir membuat kenyataan dengan menyatakan "...remarked that British workers seemed lazy and were always asking for less work and more pay."<sup>386</sup> Manakala rakyat negara Jepun bekerja keras untuk mencapai ke tahap sebagai sebuah negara maju dan setaraf dengan negara-negara maju di Barat.<sup>387</sup> Ini dijelaskan lagi oleh Khadijah Md. Khalid:

This desire to build up the confidence of the Malay community was tied a cooling of ties with Britain. For Mahathir, the time had come for all Malays to free themselves psychologically from the colonial past. Japan emerged as the most suitable candidate to "replace" Britain.<sup>388</sup>

Khadijah berpendapat usaha untuk mengikut nilai positif rakyat Jepun seperti etika bekerja, disiplin dan jujur tidak tercapai sepenuhnya.<sup>389</sup> Dari segi perdagangan Jepun adalah antara negara yang sukar untuk ditembusi ke pasaran mereka. Jepun menggunakan dasar Perlindungan yang lebih ketat.<sup>390</sup> Bukan sahaja Malaysia mengalami kesukaran untuk berdagang dengan Jepun malah negara Amerika Syarikat sendiri turut mengalami kesukaran untuk menembusi pasaran Jepun sehingga dilabelkan sebagai "Japanese market as among the more difficult and restrictive in the world to break into."<sup>391</sup> DPT adalah strategi Dr. Mahathir untuk mengalih pandangan dan persepsi rakyat Malaysia terhadap Britain ke negara Jepun. Musa Hitam menyatakan:

---

<sup>384</sup> Khadijah Md. Khalid, 'Malaysia-Japan relations under Mahathir: "Turning Japanese"?' in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, hlm. 328.

<sup>385</sup> *Utusan Malaysia*, 23 Mei, 1983, hlm. 1.

<sup>386</sup> Mahathir Mohamad, *A doctor in the house: The memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 370.

<sup>387</sup> Khadijah and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 116-117; Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, hlm. 14.

<sup>388</sup> Khadijah Md. Khalid, 'Malaysia-Japan relations under Mahathir: "Turning Japanese"?' in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, hlm. 328.

<sup>389</sup> *Ibid.*, hlm. 329.

<sup>390</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1990, Vol. 23, No. 2, hlm. 27.

<sup>391</sup> *Ibid.*, hlm. 8.

When we talked about the "Look East" policy, the whole idea was to reorientate the minds of our people, from looking towards whatever was Western was good to be emulated for economic development towards the East because we feel that whatever has been carried out in the West is not necessarily good.<sup>392</sup>

Usaha Dr. Mahathir ini bukanlah mudah kerana kesan daripada hubungan Malaysia dengan Britain yang telah terjalin begitu lama adalah menyukarkan bagi mengubah sikap yang telah lama diterapkan oleh pihak Britain. Ia adalah suatu perkara yang mengambil jangka masa yang lama untuk menyesuaikan diri dengan suasana baru yang asing. Walau bagaimanapun, usaha ini perlu diteruskan supaya Malaysia tidak bergantung kepada Barat sahaja dan ini memberikan kelebihan kepada Malaysia sebagai alternatif lain dan dapat menjalinkan hubungan dengan pelbagai negara.

### **Antah-Biwater**

Bagi mengeratkan hubungan Malaysia dengan Britain, satu projek usaha sama telah dimeterai. Usaha sama itu adalah satu projek membekalkan air ke kawasan luar bandar yang diberikan kepada sebuah syarikat Britain yang dikenali dengan nama Biwater dan projek ini dikendalikan secara usahasama antara syarikat Malaysia yang dikenali sebagai Antah.<sup>393</sup> Oleh itu wujudlah sebuah syarikat usaha sama antara pihak Britain dan Malaysia yang dinamakan Antah-Biwater.<sup>394</sup>

Dalam bulan Mei, 1983 pihak Antah Biwater telah menawarkan kepada Malaysia untuk menjalankan satu kajian bekalan air untuk kawasan luar bandar bagi semua negeri-negeri secara percuma. Kajian ini melibatkan kos lebih kurang \$4 juta dan ianya telah dibiayai oleh pihak Britain dan syarikat Biwater United Kingdom. Dalam pembiayaan projek ini, pihak Britain telah memberi bantuan geran sebanyak £59.46 juta (\$225 juta) dan "soft loan" sebanyak Deutchmark 500 juta dengan mengenakan faedah

---

<sup>392</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, March 1985, Vol. 18, No. 1, hlm. 52.

<sup>393</sup> *Aliran*, Vol. 9, No. 4, 1989, hlm. 39; Syarikat dimiliki oleh kerabat diraja Negeri Sembilan.

<sup>394</sup> *Utusan Malaysia*, 21 Julai, 1987, hlm. 2.

yang rendah sebanyak 6.51 peratus. Malaysia pula perlu menyediakan pembiayaan tempatan sebanyak 60 peratus daripada kos projek atau \$840 juta. Tawaran yang dikemukakan ini adalah menarik dan Malaysia telah memberikan projek ini kepada Syarikat Antah Biwater Joint-Venture secara "negotiated tender". Walau bagaimanapun rundingan telah dilakukan dengan pihak Antah Biwater dan hasilnya harga kontrak asal sebanyak \$1.7 billion telah dapat dikurangkan sebanyak \$1.4 billion. Daripada jumlah kos sebanyak \$1.4 billion ini, 40 peratus kos projek adalah untuk pembayaran barang-barang asing seperti paip-paip pam, *switch gears* dan *valves* dan perkhidmatan Juru Perunding yang dibiayai melalui *grant* dan pinjaman dari pihak Britain. Baki kontrak iaitu 60 peratus atau \$840 juta adalah untuk bayaran barang-barang dan perkhidmatan tempatan dan kerja-kerja pembinaan dalam negeri. Projek bekalan air ini dapat membantu penduduk tempatan yang menerima bekalan air bersih meningkat dari 57.6 peratus kepada 72.8 peratus pada tahun 1990.<sup>395</sup>

Pada 24hb Mac, 1986 kerajaan Malaysia telah menandatangani satu kontrak bernilai RM1.4 billion tanpa sistem tender terbuka kepada Antah Biwater, bagi rancangan-rancangan bekalan air luar bandar.<sup>396</sup> Antah Biwater dimiliki oleh Antah Holdings<sup>397</sup> sebanyak 51 peratus dan 49 peratus dimiliki oleh pembekal air British Biwater Limited.<sup>398</sup> Walau bagaimanapun pihak Britain telah menyediakan 'pinjaman murah' bagi melaksanakan projek tersebut.<sup>399</sup> Kebanyakan kerja mereka dan kejuruteraan dikendalikan oleh pihak Biwater kerana syarikat Antah tidak mempunyai pengalaman dalam mengendalikan projek bekalan air.<sup>400</sup>

---

<sup>395</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 45, 9 Mac, 1987, hlm. 6575-6576.

<sup>396</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 62, 8 Julai, 1987, hlm. 10372; Jomo K. S., *Warisan ekonomi Mahathir*, hlm. 107; *Aliran*, Vol. 9, No. 4, 1989, hlm. 39.

<sup>397</sup> Jomo K. S., 'Privatisation', in Jomo K. S., (edited), *Malaysia's economy in the nineties*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1994, hlm. 278; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 83.

<sup>398</sup> Jomo K. S., *Warisan ekonomi Mahathir*, hlm. 107-108.

<sup>399</sup> *Ibid.*, hlm. 131; Jomo K. S., 'Privatisation', in Jomo K. S., (edited), *Malaysia's economy in the nineties*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1994, hlm. 275.

<sup>400</sup> Jomo K. S., 'Privatisation', in Jomo K. S., (edited), *Malaysia's economy in the nineties*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1994, hlm. 278; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 83.

Karminder berpendapat bahawa usaha sama ini adalah bagi menunjukkan sikap Britain yang telah berubah terhadap Dasar Ekonomi Baru. Kedua-dua buah syarikat yang terlibat dengan kontrak Antah-Biwater mempunyai hubungan politik. Biwater Limited mempunyai hubungan politik dengan Margaret Thatcher.<sup>401</sup> Usaha sama ini bagi memulihkan hubungan dan mengekalkan hubungan yang berterusan.

## **Kesimpulan**

Di dalam bab ini didapati bahawa pelaksanaan BBL dan DPT adalah merupakan satu strategi yang telah membawa pihak Britain ke meja perundingan dan menyedari aspirasi Malaysia dalam usaha untuk melaksanakan DEB yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya iaitu aspek politik. Pengisytiharan pelaksanaan BBL adalah rentetan daripada beberapa peristiwa yang turut melibatkan pergeseran dalam usaha Malaysia mahu meningkatkan ekonomi dan berlakunya persaingan di antara Malaysia dengan Britain. Ia adalah berpunca dari rasa tidak puas hati Malaysia terhadap Britain yang telah mengubah peraturan LME dan LSE. Ditambah pula beberapa isu yang berbangkit seperti penambahan pendaratan MAS di lapangan terbang Heathrow, London yang tidak diberi layanan yang sewajarnya.

Malaysia merasa tidak puas hati apabila LME mengubah peraturan dan telah menggagalkan usaha Malaysia untuk mengaut keuntungan dalam sektor bijih timah dan menyebabkan Malaysia mengalami kerugian yang besar. Begitu juga setelah Malaysia berjaya mendapatkan syarikat Guthrie Corporation, pihak Britain telah mengubah peraturan bagi menangani masalah tersebut tidak berulang lagi di masa hadapan serta diperlekehkan oleh Britain dengan menyatakan kejayaan Malaysia mengambil alih syarikat Guthrie adalah satu usaha untuk memiliknegerakan melalui pintu belakang (Back Door Nationalisation). Ini telah menyebabkan Malaysia tersinggung dengan sikap

---

<sup>401</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 173; Tim Lankester, *The politics and economics of Britain's foreign aid*, London: Routledge, 2013, hlm. 35.

Britain yang tidak mahu memberi laluan Malaysia untuk mendapatkan syarikat di Britain. Selain itu usaha Malaysia untuk menambahkan pendaratan yang kelima di Lapangan Terbang Heathrow, London telah tidak dilayan oleh pihak Britain. Ini telah menyebabkan Malaysia tidak berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh pihak Britain yang memberi pelbagai alasan untuk menggagalkan usaha MAS mendapatkan pendaratan tambahan di Lapangan Terbang Heathrow, London. Setelah pemulihan hubungan Malaysia dengan Britain sebagai simbolik kerjasama Malaysia dengan Britain, wujudnya usahasama antara Malaysia dengan Britain iaitu kerjasama antara Antah Holding dan Bi-Water yang dikenali sebagai Antah Bi-Water.

## BAB 5

### HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN ASPEK POLITIK

#### Pengenalan

Hubungan politik di antara Malaysia dengan Britain telah terjalin begitu lama sehinggakan ramai pentadbir dan pemerintah Malaysia masih turut di pengaruhi oleh sistem Barat.<sup>1</sup> Sistem politik yang kekal begitu lama dan telah menjadi sebahagian daripada mereka dan adalah amat sukar bagi Dr. Mahathir Mohamad untuk mengubah pendirian dan persepsi mereka terhadap Barat.<sup>2</sup> Walaupun Dr. Mahathir tidak menerima Barat sepenuhnya, beliau juga lebih berhati-hati dalam menjalinkan hubungan dengan blok Komunis dan Sosialis. Pada permulaan pentadbiran beliau masih lagi ragu-ragu dengan keikhlasan pihak komunis dan sosialis dalam menjalinkan hubungan dengan Malaysia. Beliau telah menyatakan China dan Soviet Union adalah “equally disruptive” dan “we want to keep them at arm’s length.”<sup>3</sup>

Semasa pentadbiran ketiga-tiga perdana menteri Malaysia sebelum Dr. Mahathir, hubungan Malaysia dengan Britain melalui tahap yang baik berbeza dengan hubungan Malaysia dengan Britain pada awal pentadbirannya yang bermula dengan pelbagai isu yang boleh meretakkan hubungan yang baik selama ini.<sup>4</sup> Ini terbukti apabila pada awal pentadbiran beliau telah berlakunya ketegangan hubungan dengan pihak Britain yang dikatakan tidak menghormati pentadbiran negara serta rasa tidak puas hati Dr. Mahathir terhadap layanan yang diterima daripada Britain. Pihak Britain tidak menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang telah lama merdeka dan masih menganggap sebagai sebuah negara yang pernah dijajah oleh mereka.<sup>5</sup> Ini dijelaskan

---

<sup>1</sup> Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hlm. 3.

<sup>2</sup> *Ibid.*, hlm. 14.

<sup>3</sup> *Far Eastern Economic Review*, 30 Oct. 1981.

<sup>4</sup> *Utusan Malaysia*, 4 September, 1993, hlm. 1.

<sup>5</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 137.



oleh Thatcher: "...the prime minister of Malaysia, Dr. Mahathir felt that in the past we had not treated his country with sufficient respect as an independent nation."<sup>6</sup>

Tindakan Dr. Mahathir melaksanakan dasar *Buy British Last* (BBL) dan juga Dasar Pandang ke Timur (DPT) di awal pentadbiran beliau dianggap berani.<sup>7</sup> Pertama, kedua-dua dasar ini adalah bertentangan dengan dasar yang biasa dilakukan oleh pemerintah sebelum ini dan kedua; ianya satu persepsi baru kepada rakyat Malaysia yang selama ini memandang tinggi terhadap Barat. Walau bagaimanapun, Mahathir melaksanakan kedua-dua dasar tersebut bagi memberi isyarat kepada kerajaan British bahawa pentadbiran era Dr. Mahathir bukan lagi sama seperti pentadbiran sebelum ini yang selalu menjaga hubungan baik dengan pihak Britain. Hubungan tradisi yang begitu lama dan bersejarah serta dianggap mempunyai nilai sentimental bukan lagi penyebab Malaysia untuk terus tunduk kepada kemahuan pihak Britain. Pelbagai isu yang timbul dalam hubungan Malaysia dengan Britain telah menyebabkan Dr. Mahathir meletakkan hubungan dengan Britain sebagai sebuah negara yang tidak penting lagi. Sikap Britain memandang rendah terhadap Malaysia dan tidak sensitif terhadap rungutan Malaysia telah menyebabkan Dr. Mahathir mengambil tindakan secara tidak langsung dengan memboikot barangan Britain. Ia dilakukan secara diplomasi dengan menjadikan pilihan barangan Britain adalah yang terakhir sekiranya Malaysia tiada pilihan lain.<sup>8</sup> BBL pada mulanya merupakan dasar ekonomi tetapi kemudiannya telah membawa kepada dasar politik dan kerjasama antarabangsa.<sup>9</sup>

Hubungan dengan pihak Britain tidak ditamatkan tetapi kedudukannya tidak lagi diletakkan dalam kategori "istimewa". Hubungan dengan Britain masih diteruskan seperti biasa hanya dalam soal pengimportan barangan dari Britain, Malaysia meletakkannya sebagai barangan yang terakhir untuk dijadikan pilihan. Manakala DPT

---

<sup>6</sup> Margaret Thatcher: *The Downing Street years*, New York: Harper Collins Publishers, 1993, hlm. 502.

<sup>7</sup> Yusof Harun, *Dr. Mahathir Mohamad: Perjuangan tanpa sempadan*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd, 2001, hlm. 49.

<sup>8</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 149.

<sup>9</sup> *Ibid.*, hlm. 137.

adalah simbolik kepada arah tuju baru pentadbiran di bawah Dr. Mahathir. Pentadbiran Malaysia jelas kelihatan condong ke Barat terutama Britain. Dalam soal perdagangan antarabangsa, Malaysia memerlukan pelbagai negara untuk berdagang dengan Malaysia tanpa mengira ideologi. Sebagai langkah pertama Dr. Mahathir mengisytiharkan DPT. Jepun menjadi pilihan utama dan negara yang perlu dicontohi oleh Malaysia. Kedua-dua dasar ini adalah manifestasi hala tuju baru di bawah pentadbiran Dr. Mahathir yang berbeza dan menyimpang dari tradisi pentadbiran yang lepas. Terdapat pelbagai persepsi dengan tindakan Dr. Mahathir namun beliau menegaskan bahawa DPT adalah untuk mencontohi etika kerja rakyat Jepun dan BBL pula adalah hanya menjadikan barangan Britain sebagai pilihan terakhir sekiranya tiada pilihan dari lain negara. Dr. Mahathir telah mengubah corak hubungan tradisi lalu yang selama ini berjalan dengan baik dan tidak ada isu-isu yang boleh merenggangkan hubungan baik Malaysia dengan Britain. Ianya satu isyarat dan kejutan kepada Britain yang selama ini telah mendapat banyak keuntungan dan faedah daripada Malaysia tetapi tidak mahu melayan Malaysia dengan baik.<sup>10</sup>

Britain tidak melihat pentadbiran Dr. Mahathir sama seperti dengan pemimpin-pemimpin Malaysia yang lepas<sup>11</sup> dan memandang ringan rasa tidak puas hati Malaysia terhadap layanan yang diberikan oleh pihak Britain.<sup>12</sup> Pentadbiran Dr. Mahathir adalah kesinambungan daripada pemimpin yang lalu tetapi corak hubungannya berbeza dan periodisasinya juga turut berbeza.<sup>13</sup> Dr. Mahathir tidak pernah merasa terhutang budi dengan Britain dan beliau tidak mempunyai ikatan sentimental dengan Britain serta tidak mendapat pendidikan di London,<sup>14</sup> tidak bermakna layanan yang diberikan oleh

---

<sup>10</sup> R.S. Milne and Diane K. Mauzy, *Malaysian politics under Mahathir*, hlm. 139; Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 149; Ahmad Mokhtar Selat, 'New directions in Malaysia's foreign policy: From Tunku to Abdullah Badawi', in Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 20; Ahmad Sohaimi Lazim, *Dua dekad Dasar Pandang ke Timur: Satu penilaian aspek pendidikan (1982-2002)*, hlm. 13.

<sup>11</sup> Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, hlm. 3.

<sup>12</sup> *Commonwealth*, Vol. 25, No. 2, October, 1982, hlm. 47, 'The Malaysia-Britain rift'.

<sup>13</sup> Lebih kurang setelah 24 tahun Malaysia merdeka.

<sup>14</sup> Faridah Jaafar, *Dasar Luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, hlm. 145; *The Age*, 2 Aug. 1982, hlm. 13, 'A blunt decisive nationalist'; Hussein Onn dan perdana menteri

Britain turut berbeza.<sup>15</sup> Rasa tidak puas hati Malaysia terhadap Britain apabila pihak Britain tidak memberi perhatian terhadap Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan terutama oleh syarikat-syarikat Britain yang melabur di Malaysia. Kebanyakan mereka tidak peka kepada kehendak kerajaan Malaysia yang mahu meningkatkan penyertaan bumiputera dalam kegiatan ekonomi.<sup>16</sup> Isu ini telah berlaku sejak era pentadbiran Tun Razak apabila beliau memperkenalkan DEB<sup>17</sup> selepas peristiwa 13 Mei meletus. Tun Razak memperkenalkan DEB bagi mengelakkan peristiwa 13 Mei berlaku lagi dan bagi mengimbangi ekonomi kaum Melayu yang jauh ketinggalan berbanding dengan kaum Cina.<sup>18</sup> Pihak Britain tidak memberi perhatian yang serius dan beranggapan ianya sebagai tindakan mendiskriminasikan kaum di Malaysia.<sup>19</sup> Perkara ini berlarutan sehingga ke pentadbiran Dr. Mahathir dan pelbagai isu yang timbul tidak diselesaikan. Pihak media Britain sering menggambarkan bahawa kerajaan Malaysia memberi layanan buruk terhadap kaum Cina dan India terutama dari sudut ekonomi dan pendidikan.<sup>20</sup> Ini memberikan imej Malaysia yang tidak baik kepada masyarakat antarabangsa dan melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar diskriminasi.

Terdapat beberapa isu yang telah menyebabkan Malaysia merasa tidak puas hati terhadap Britain. Faridah Jaafar merumuskan enam isu yang menyebabkan Dr. Mahathir rasa tidak puas hati terhadap Britain iaitu pertama, kenaikan yuran pelajar Malaysia yang menuntut di Britain; kedua, keengganan membenarkan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) menambahkan penerbangan ke London; ketiga, negara-negara maju

---

sebelum beliau berpendidikan di London dalam jurusan undang-undang dan mempunyai hubungan sentimental dengan Britain. Mereka percaya kepada nilai untuk mengekalkan hubungan yang rapat dengan Barat.

<sup>15</sup> Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2002, hlm.163; Ahmad Sohaimi Lazim, *Dua dekad Dasar Pandang ke Timur: Satu penilaian aspek pendidikan (1982-2002)*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2011, hlm. 13.

<sup>16</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 150; Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan selepas peristiwa 13 Mei 1969.

<sup>17</sup> *Malaysian Business*, Jul. 1983, hlm. 25; Shamsul A.B., 'The "Battle Royal": The UMNO elections of 1987', in *Southeast Asian Affairs 1987*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1987, hlm. 170-171; membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

<sup>18</sup> Affifudin Omar dan Shafiee Salleh, 'Perubahan entiti Melayu: Antara ketuanan dan tuntutan global dalam kerangka wawasan ekonomi-politik' dalam Mohamed Anwar Omar Din, (disunting), *Dinamika bangsa Melayu: Menongkah arus globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 87; Mensasarkan pemilikan Melayu dalam sektor korporat dinaikkan daripada 1.4 peratus kepada 30 peratus pada tahun 1990.

<sup>19</sup> *Berita Harian*, 28 Julai, 1987, hlm. 10.

<sup>20</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 150; *Berita Harian*, 28 Julai, 1987, hlm. 10.

tidak mahu memberi bantuan teknikal kepada negara-negara membangun di Asia Tenggara; keempat, sikap media massa Britain yang provokatif; kelima, prosedur “Stock Exchange” dan; keenam, sikap firma-firma Britain di Malaysia yang tidak sensitif dengan dasar-dasar kerajaan Malaysia.<sup>21</sup> Dua isu yang diberi perhatian oleh Dr. Mahathir adalah isu kenaikan yuran pendidikan bagi pelajar Malaysia di Britain yang dinaikan jauh lebih tinggi daripada pelajar Eropah tanpa mengambil kira Malaysia sebagai sebuah negara yang pernah dijajah oleh Britain.<sup>22</sup> Keputusan Britain menaikkan yuran pendidikan telah menyebabkan Malaysia terpaksa menanggung kos yang meningkat.<sup>23</sup> Isu kedua pula ialah penerbangan Concorde Britain melalui ruang udara Malaysia tanpa kebenaran Malaysia yang benar-benar telah mencabar maruah dan kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas dan merdeka.<sup>24</sup>

Isu Concorde dibincangkan pada tahun 1978 di antara Malaysia dan Britain. Semasa rundingan dilakukan pihak Britain telah membuat perjanjian dengan Singapura tanpa pengetahuan Malaysia untuk membenarkan Concorde mendarat di Singapura tetapi melalui ruang udara Malaysia. Keputusan ini dilakukan tanpa pengetahuan pihak Malaysia dan tanpa mendapatkan kebenaran dari Malaysia kerana memasuki ruang udara Malaysia. Dalam laporan oleh pihak Britain bertajuk “Discussion with Malaysian Minister of Home Affairs” menyatakan “On Concorde, it became once again absolutely clear that what sticks in the throats of the Malaysians more than anything else is the fact that we have done a deal with Singapore, as they put it, “behind their backs”.<sup>25</sup> Ini telah menimbulkan kemarahan daripada pihak Malaysia kerana kedua-dua negara tersebut telah tidak menghormati hak ruang udara Malaysia.<sup>26</sup> Tindakan Britain ini dianggap

---

<sup>21</sup> Faridah Jaafar, *Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif*, hlm. 212; Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, Selangor: Kumpulan Rusa Sdn Bhd, 1994, hlm. 34.

<sup>22</sup> Mohd Yusof Ahmad, ‘Continuity and change in Malaysia’s foreign policy, 1981-1986’, Dissertation Doctor of Philosophy, Tufts University, 1990, hlm. 320.

<sup>23</sup> Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, hlm. 150.

<sup>24</sup> *Ibid.*, hlm. 149; Faridah Jaafar, *Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif*, hlm. 212.

<sup>25</sup> FCO15/2682/1364; Laporan Britain bertajuk “Discussion with Malaysian Minister of Home Affairs”.

<sup>26</sup> Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, hlm. 149-150.

sebagai tidak menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang telah lama mencapai kemerdekaan. Malaysia perlu memberitahu kepada Britain bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang telah merdeka dan perlu dihormati sebagai sebuah negara yang berdaulat.<sup>27</sup> Dr. Mahathir berpendapat: “Jadi kerana itu saya berpendapat eloklah kita memberi notis kepada Britain agar negara tersebut tidak boleh menganggap kita sebagai sebuah negara yang Britain boleh buat apa saja.”<sup>28</sup>

### **Hubungan Renggang Malaysia dengan Britain**

Hubungan lalu Malaysia dengan Britain adalah dalam keadaan yang baik dan sejak mula merdeka lagi Malaysia memerlukan bantuan dan tunjuk ajar daripada pihak Britain. Hubungan Malaysia dengan Britain terlalu lama dan hubungan menjadi rapat sehinggakan Malaysia terlalu condong ke Britain. Jalinan hubungan istimewa ini dianggap sebagai hubungan yang sentimental dan mempunyai ikatan sejarah. Kebanyakan rakyat Malaysia memandang tinggi terhadap Britain. Apabila Dr. Mahathir mengambil alih pentadbiran Malaysia sikap Britain telah mula berubah. Terdapat pelbagai isu yang timbul dan membuatkan pemimpin Malaysia berkecil hati terutama Dr. Mahathir apabila pandangan dan rayuan dari Malaysia tidak diambil perhatian oleh pihak Britain.<sup>29</sup> Dr. Mahathir merasakan Malaysia perlu memberi isyarat kepada Britain bahawa Malaysia tidak boleh lagi bersikap lembut dengan pihak Britain dan Malaysia perlu mempelbagaikan hubungan dengan negara lain. Ini bagi mengimbangi kuasa supaya tidak ada satu-satu negara yang boleh mempengaruhi dan berkuasa terhadap Malaysia. Malaysia perlukan suasana politik dan ekonomi yang bebas bagi meneruskan pembangunan negara tanpa diganggu gugat oleh mana-mana pihak.<sup>30</sup>

---

<sup>27</sup> *Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Publishing, 2014, hlm. 26.

<sup>28</sup> Faridah Jaafar, *Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif*, hlm. 212; Temubual Faridah Jaafar dengan Dr. Mahathir di pejabat beliau di Tingkat 86, KLCC, Kuala Lumpur pada 9 Jun, 2009.

<sup>29</sup> *Berita Harian*, 10 November, 1983, hlm. 4.

<sup>30</sup> *Utusan Malaysia*, 27 September, 1983, hlm. 3.

Hubungan yang renggang di antara Malaysia dan Britain bukanlah baru berlaku. Ia berlaku sejak zaman Tun Razak lagi dalam usaha beliau melaksanakan Dasar Ekonomi Baru setelah berlakunya peristiwa 13 Mei. Ini bagi menangani rasa tidak puas hati orang Melayu terhadap dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh Tunku terutama bidang ekonomi. Tunku dianggap terlalu terbuka sehingga membiarkan ekonomi negara dikuasai oleh kaum Cina manakala orang Melayu menguasai politik negara.<sup>31</sup> Tun Razak masih mengekalkan hubungan yang baik dengan pihak Britain walaupun masih tidak lagi memberi kerjasama dan menghormati aspirasi kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Tun Razak. Dasar Ekonomi Baru bertujuan supaya orang Melayu menguasai tiga puluh peratus ekonomi negara. Ini dilaksanakan sehingga tahun 1990. Apabila Tun Razak memperkenalkan dasar ini pihak Britain masih tidak dapat menerimanya. Dalam surat bertarikh 13 Januari, 1975 yang dihantar oleh Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur ke Pejabat Luar Negara dan Komanwel di London ada menyatakan:

So long as they still need foreign investment, both of money and more particularly expertise they cannot afford to do anything which would scare of investors. Certainly if they were to introduce draconian measures aimed inter alia against British companies than they might as well pack up their new investment office in London.<sup>32</sup>

Pada waktu itu Malaysia masih memerlukan bantuan daripada pihak Britain dan mereka menunjukkan sikap angkuh dan tidak mahu berkerjasama dengan Malaysia dalam menjayakan DEB. Begitu juga dengan Hussein Onn terus menjaga hubungan baik dengan pihak Britain walaupun terdapat beberapa isu yang berbangkit dan boleh menyebabkan ketegangan dalam hubungan di antara kedua-dua buah negara. Mereka tidak mahu mengikut peraturan yang mahu dilaksanakan oleh Malaysia dan memandang ringan DEB sehingga ke era Dr. Mahathir. Tindakan Britain yang tidak memberi

---

<sup>31</sup> Hajrudin Somun, *Mahathir: The secret of the Malaysian success*, hlm. 54.

<sup>32</sup> FCO15/2075/0068; Surat bertarikh 13 Januari, 1975 antara British High Commission dengan FCO – British Companies and Malaysianisation.

kerjasama dan perhatian terhadap DEB telah mengecewakan Malaysia.<sup>33</sup> Selain itu, pihak media Britain sering menggambarkan kerajaan Malaysia telah menindas dan memberi layanan buruk terhadap kaum Cina dan India terutama dalam soal ekonomi dan pendidikan.<sup>34</sup> Hubungan Malaysia dengan Britain menjadi bertambah hangat apabila Dr. Mahathir telah bertindak mengisytiharkan polisi BBL. BBL memberi keutamaan kepada negara lain dan sekiranya tiada lagi barangan pilihan di negara lain, barulah pihak Britain diterima.

Pada 15 Oktober 1981, satu sidang akhbar telah di adakan di London oleh Menteri Luar Negeri dan menjelaskan tindakan kerajaan Malaysia bukanlah ditujukan kepada Kerajaan Britain tetapi kepada firma-firma Britain sahaja<sup>35</sup> dan hanya berkaitan dengan kontrak dan tender kerajaan Malaysia sahaja.<sup>36</sup> BBL ini ditekankan kepada firma-firma Britain kerana mereka tidak mahu mematuhi DEB.<sup>37</sup> Ini telah membuat Dr. Mahathir merasa tidak puas hati terhadap firma-firma Britain. Tindakan ini diambil bagi menunjukkan ketegasan kerajaan Malaysia dalam melaksanakan DEB dan mahu Britain menghormati DEB. Seterusnya mematuhi kehendak Malaysia yang mahukan pihak Britain menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang telah merdeka dan tidak sebagai sebuah negara jajahan mereka lagi.<sup>38</sup>

Suasana hubungan dengan Britain era Dr. Mahathir telah berbeza dan tidak terlalu condong kepada Britain. *The London Times* dalam satu artikel bertajuk: 'A quarrel that could cost Britain dear' menyatakan hubungan yang renggang disebabkan oleh perubahan dalam peraturan mengambil alih stok saham setelah kejayaan Malaysia berjaya memperolehi saham syarikat Guthrie. Kejayaan mendapatkan semula Syarikat Guthrie Corporation telah membuka mata pihak Britain supaya tidak memandang ringan terhadap Malaysia, kenaikan yuran pelajaran bagi pelajar luar Britain dan isu pendaratan

<sup>33</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 97, 27 November, 1987, hlm. 15992.

<sup>34</sup> Faridah Jaafar, *Perdana Menteri*, hlm. 50.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 99, 1 Disember, 1987, hlm. 16272.

<sup>37</sup> 2002/00354 – Laporan Lawatan Lord Carrington, 1982, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 3.

<sup>38</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 192.

tambahan MAS di Heathrow telah memberi impak besar kepada Malaysia.<sup>39</sup> Ada yang berpendapat implikasi tindakan Dr. Mahathir ini adalah kerana sikap Dr. Mahathir yang anti-Barat<sup>40</sup> dan merupakan punca kemerosotan hubungan dengan Britain serta menyebabkan pelabur-pelabur Britain melabur ke negara-negara ASEAN yang lain. Sikap Dr. Mahathir yang berterus terang dan lantang telah menyebabkan ada pihak yang merasa tersinggung atau marah.<sup>41</sup> Walau bagaimanapun tindakan Dr. Mahathir terhadap Britain adalah suatu titik perubahan dalam hubungan Malaysia dengan Britain. Beliau berani menyuarakan rasa tidak puas hati dan menentang Britain yang selama ini tidak mendapat protes sedemikian.

### **Pertemuan awal dalam memperbaiki hubungan Malaysia dengan Britain**

Apabila Malaysia melaksanakan BBL pihak Britain merasakan satu kejutan yang selama ini tidak menghadapi sebarang masalah dalam menjalinkan hubungan dengan Malaysia. Kejutan tersebut telah menyebabkan pihak Britain telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan penjelasan dari pihak Malaysia. Selepas diumumkan polisi BBL, ia mendapat respon yang menggalakkan dan menjadi tajuk perbincangan utama bagi Menteri-Menteri Britain yang datang melawat Malaysia. Begitu juga dengan Suruhanjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur turut membincangkannya dengan pihak Wisma Putra di Kuala Lumpur.<sup>42</sup>

Dalam menangani kemelut yang melanda hubungan Malaysia dengan Britain, pada 10 November 1981, Pesuruhjaya Tinggi Britain, William Bentley telah bertemu dengan Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri, Zakaria Mohd Ali di Wisma Putra.<sup>43</sup> Beliau telah diminta untuk memperbaiki hubungan Malaysia dengan Britain

<sup>39</sup> *New Straits Times*, 15 Oct. 1981, hlm. 1, 'UK Press reel over 'that' directive'.

<sup>40</sup> Faridah Jaafar, *Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif*, hlm. 146; *Mesyuarat Kabinet Britain*, CAB128/73/05, 11 February, 1982, hlm. 2.

<sup>41</sup> *Mingguan Malaysia*, 23 Ogos, 1987, hlm. 7, 'Lawatan Mahathir ke Britain akhiri "zaman gelora"'.  
<sup>42</sup> *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kontrol firma-firma British, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 4.

<sup>43</sup> 2002/00354 – Laporan Lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 9.



dan memohon maaf serta mengaku kesilapan lalu.<sup>44</sup> Beliau turut meminta kebenaran untuk bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa kerajaan Britain menyedari akan kemahuan pihak kerajaan Malaysia yang menitik beratkan dan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Dalam konteks ini, Malaysia menyatakan tidak ingin melihat firma-firma Britain menjadi penghalang dengan bertindak secara songsang terhadap Dasar Ekonomi Baru. Pesuruhjaya Tinggi Britain memberitahu bahawa telah memberi ingatan terhadap firma-firma Britain bahawa mereka perlu memahami sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dan mereka juga perlu merujuk kepada Suruhanjaya Tinggi bagi membincang terlebih dahulu sebelum mengambil apa-apa langkah yang mungkin menyentuh Dasar Ekonomi Baru dan sekiranya sebarang firma Britain mahu memindah milik saham-saham mereka perlulah memberi peluang kepada firma-firma Bumiputra membuat pilihan utama untuk menolak (right of first refusal).<sup>45</sup> Ini adalah bagi menjamin hubungan Malaysia dengan Britain berkekalan dan menghormati aspirasi Malaysia. Tindakan BBL adalah manifestasi Dr. Mahathir yang merasa tidak puas hati dengan tindakan pihak Britain yang dianggap telah mensabotaj aspirasi orang Melayu melalui Dasar Ekonomi Baru. Tindakan Britain ini dianggap sebagai mengeksploitasi ekonomi dan layanan yang tidak adil yang diberikan kepada orang Melayu dari pihak Britain. Pihak Britain perlu mengambil tindakan bagi mengubah situasi ini supaya ia tidak berlarutan dan menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi tegang.<sup>46</sup>

Pada 3 Februari 1982, Pesuruhjaya Tinggi Britain telah melawat Menteri Luar Negeri Malaysia dan memberitahu bahawa beliau telah berbincang dengan pihak firma-firma Britain yang turut mengambil berat tentang masalah yang ada dan mereka yang

---

<sup>44</sup> Ibid.

<sup>45</sup> *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kntrek firma-firma British, hlm. 4; 2002/00354 – Laporan lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 9.

<sup>46</sup> Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*, hlm. 115; Faridah Jaafar, *Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif*, hlm. 146.

mempunyai kontrak-kontrak di Malaysia. Antara firma-firma Britain yang beroperasi di Malaysia adalah General Electric Co., Guinness Malaysia Berhad, Beecham Malaysia Sdn Bhd, Malaysia Tobacco Co., LCI Agriculture (M) Sdn Bhd, Dunlop Malaysian Industries Berhad, Raleigh Cycles (M) Sdn Bhd, Lever Brothers (M) Sdn Bhd and MEM Malaysia Sdn Bhd.<sup>47</sup> Tujuan mereka ialah untuk memberi penjelasan atas Dasar Ekonomi Baru dan juga untuk mencari jalan penyelesaian masalah-masalah yang berkaitan.<sup>48</sup> Dalam perjumpaan ini, Menteri Luar Negeri Malaysia menegaskan masalah hubungan yang dihadapi bukanlah masalah diplomatik tetapi jika tidak diselesaikan dengan segera akan mengakibatkan ketegangan hubungan di antara kedua-dua negara. Ianya perlu diberi perhatian secara serius dan Menteri Luar Negeri telah memberi ingatan bahawa langkah-langkah pemulihan yang disenaraikan tidak akan bermakna sekiranya pihak Britain tidak mengubah sikap terutama ahli-ahli perniagaan Britain.<sup>49</sup>

Dalam usaha untuk memulihkan hubungan yang sedia ada, kerajaan Britain telah menawarkan pinjaman sebanyak £20 juta sebagai 'soft loan' tanpa faedah dan sebanyak £57 juta sebagai 'commercial credit' yang dikenakan kadar faedah sebanyak 7.75 peratus berkuatkuasa dari Januari 1981 hingga 1984. Walau bagaimanapun pinjaman ini tertakluk kepada pembelian alat-alat kelengkapan perkhidmatan dan barang-barang dari Britain. Pihak kerajaan Malaysia telah mengesan beberapa projek bagi mendapat pinjaman daripada kerajaan Britain.<sup>50</sup> Tindakan ini tidak dianggap sebagai satu cara tindak balas pihak Britain bagi menangani polisi BBL. Namun begitu pinjaman tersebut memerlukan pihak Malaysia membeli barangan dan perkhidmatan dari Britain.<sup>51</sup> Secara tidak langsung ia membantu pihak Britain untuk menjual barangan dan perkhidmatan kepada pihak Malaysia walaupun ada usaha dari kerajaan Malaysia untuk tidak membeli barangan dan perkhidmatan dari Britain.

---

<sup>47</sup> 2002/00354 – Laporan Lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 29.

<sup>48</sup> *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kontrol firma-firma British, hlm. 5.

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm. 10.

<sup>51</sup> *Ibid.*, hlm. 5; 2002/00354 – Laporan Lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 3.

Pihak Britain juga turut menambahkan bantuan teknik bagi tahun 1982/83 kepada Unit Perancang Ekonomi sebanyak £800,000 daripada Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur. Ianya ditafsirkan sebagai satu kesan yang positif kerana sebelum ini tawaran bantuan teknik ini hanya £500,000. Kerajaan Britain bermurah hati untuk menambah bantuan sebanyak £300,000.<sup>52</sup> Walau bagaimanapun, tindakan ini menyebabkan kerajaan Malaysia masih bergantung kepada kerajaan Britain. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini gagal untuk mengubah pendirian Dr. Mahathir untuk menarik semula tindakan mengenakan BBL. Ini telah membawa kepada pertemuan John Nott<sup>53</sup> dengan Dr. Mahathir pada 5 Oktober 1981, perjumpaan telah diadakan oleh John Nott (Setiausaha Pertahanan Britain) dengan Dr. Mahathir bagi menjelaskan isu-isu berhubungkait dengan hubungan yang telah menyebabkan ketegangan dan kemerosotan dalam hubungan luar antara kedua-dua negara.<sup>54</sup> Isu yang menjadi topik perbincangan adalah pengambilalihan syarikat Guthrie Corporation yang dianggap secara mengejut. Dalam pertemuan ini John Nott telah menjelaskan bahawa peraturan baru yang dilakukan ke atas pasaran saham London bukanlah kerana tindak balas ke atas kejayaan Malaysia mengambil alih syarikat Guthrie Corporation dan sama sekali tidak mengamalkan sikap diskriminasi terhadap Malaysia.<sup>55</sup> Nott menyatakan: “It was purely a domestic issue and in no possible way could the new rules have anything to do with the Guthrie takeover.”<sup>56</sup> Perubahan peraturan itu dalam pertimbangan sejak lapan belas bulan lalu untuk menghalang syarikat-syarikat Britain yang membeli saham di pasaran tanpa memberi tawaran harga yang sama kepada pemegang-pemegang saham kecil.<sup>57</sup> Nott

---

<sup>52</sup> Ibid., hlm. 10.

<sup>53</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 162; Menteri Pertahanan.

<sup>54</sup> Johan Saravanamuttu, *Malaysia's foreign policy: The first fifty years*, hlm. 187; 2002/00354 – Laporan Lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 7.

<sup>55</sup> 2002/00354 – Laporan lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 7.

<sup>56</sup> *New Straits Times*, 6 Oct. 1981, hlm. 5, ‘Our military offers will continue, says Nott’; *Asiaweek*, 16 Oct. 1981, hlm. 50.

<sup>57</sup> 2002/00354 – Lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 7.

menyatakan: “The new rules applied to everyone equally and were merely intended for the protection of the small shareholders.”<sup>58</sup>

John Nott menyatakan rasa tidak puas hati dengan tindakan pelaksanaan BBL kerana kerajaan Malaysia telah membezakan (diskriminasi) terhadap firma-firma Britain. Sebagai menjawab rasa tidak puas hati, Dr. Mahathir menegaskan tindakan tersebut adalah disebabkan tindakan yang telah dilakukan oleh pihak Britain dan sikap pihak Britain terhadap Malaysia. Hubungan ini boleh dipulihkan sekiranya pihak Britain mengambil langkah untuk membetulkannya.<sup>59</sup> Turut menjadi isu dalam hubungan Malaysia dengan Britain adalah rasa tidak puas hati dan memandang serius terhadap Britain yang lebih memberi tumpuan dan mementingkan pasaran ekonomi EEC<sup>60</sup> dan ini telah meminggirkan Komanwel dan khususnya Malaysia. Dr. Mahathir berpendapat Britain tidak lagi memberi layanan istimewa kepada Malaysia.<sup>61</sup> Nott mengakui bahawa penglibatan Britain dalam EEC telah menyebabkan syarikat-syarikat Britain lebih memberi tumpuan kepada pasaran baru di EEC daripada pasaran tradisi Komanwel seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, perdagangan antara kedua-dua negara adalah besar dan perlu diteruskan bagi kepentingan kedua-dua negara. Dalam pertemuan tersebut, Nott berpuas hati hasil pertemuan dengan Dr. Mahathir dan menyatakan: “friendly, courteous and sensible.” dan Dr. Mahathir memberi jaminan hubungan Malaysia dengan Britain akan diteruskan dengan baik.<sup>62</sup> Pertemuan Nott adalah untuk mencari punca yang membawa kepada ketegangan hubungan Malaysia dengan Britain dan mencari jalan penyelesaian bagi menamatkan hubungan yang terganggu dengan pelbagai isu.

---

<sup>58</sup> *New Straits Times*, 6 Oct. 1981, hlm. 5, ‘Our military offers will continue, says Nott’; *Asiaweek*, 16 Oct. 1981, hlm. 50; 2002/00354 – Laporan Lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 7.

<sup>59</sup> *Ibid.*; 2002/00354 – Laporan lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 4.

<sup>60</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2009, hlm. 26; Chamil Wariya, ‘Supremacy Inggeris luntur dalam era kepimpinan baru Malaysia’ dalam *Utusan Malaysia*, 5 April, 1985, hlm. 8.

<sup>61</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1985, hlm. 111; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 27 Oktober, 1981.

<sup>62</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2009, hlm. 26.

Pertemuan tersebut yang dianggap penting bagi memulihkan hubungan yang tegang telah disensasikan oleh *Times of London* dengan menyatakan pertemuan Dr. Mahathir dan Nott telah menggunakan jurubahasa sebagai perantara untuk menyampaikan isu kepada Dr. Mahathir. Beliau menggunakan bahasa Melayu kerana mahukan Nott merasa tidak selesa.<sup>63</sup> Laporan *The Times* menyatakan: “Yesterday, Department of Trade officials stressed how friendly and constructive their discussions with various Malaysians Ministers had been, in contrast to Dr. Mahathir’s attitude – he insisted on talking in Malay, translated by an interpreter.”<sup>64</sup> Kenyataan ini adalah bertujuan mengeruhkan lagi keadaan hubungan Malaysia dengan Britain yang tegang serta tidak menghormati pemimpin Malaysia. Tuduhan tersebut telah dinafikan oleh pihak Nott di London dengan menyatakan: “they understood the interview was in English and that there was no record of an interpreter being present.”<sup>65</sup> Ini adalah bagi mengelakkan hubungan menjadi bertambah tegang dan Malaysia berpendapat Britain masih lagi bersikap angkuh. Bagi menjawab tuduhan ini, Malaysia telah menafikan dan menganggap ianya sebagai “mischievous fabrications”.<sup>66</sup> Impak kepada kenyataan tersebut telah membawa kepada hubungan menjadi semakin tegang dan Malaysia beranggapan bahawa pihak Britain tidak serius dalam usaha untuk memulihkan hubungan yang telah renggang dan tidak menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka.<sup>67</sup> Usaha pertemuan dengan Dr. Mahathir bagi mencari punca kepada ketegangan hubungan dan mencari jalan untuk memulihkan semula hubungan Britain dengan Malaysia telah gagal untuk mengubah pendirian beliau.<sup>68</sup> Dr. Mahathir bertegas tidak mahu mengubah pendirian beliau dalam soal hubungan Malaysia dengan Britain.

---

<sup>63</sup> *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 27; *New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 1, ‘UK firms furious over Times report’.

<sup>64</sup> *New Straits Times*, 15 Oct. 1981, hlm. 1, ‘It’s mischievous’ – that Times of London report on Dr. M’; V. Selvaratnam, ‘Malaysia in 1981: A year of political transition’, in *Southeast Asian Affairs 1982*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1982, hlm. 267.

<sup>65</sup> *Ibid.*, 17 Oct. 1981, hlm. 1, ‘UK Press scenario on Malaysia all wrong’.

<sup>66</sup> *Ibid.*

<sup>67</sup> *Asiaweek*, 30 Oct. 1981, hlm. 27.

<sup>68</sup> *Ibid.*; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 162.

Kegagalan Nott untuk menyelesaikan masalah hubungan Malaysia dengan Britain tidak berakhir. Hasil pertemuan Nott dengan Mahathir sekurang-kurangnya pihak Britain dapat mengetahui pendirian Dr. Mahathir terhadap Britain yang tegas dan punca yang membawa kepada ketegangan hubungan Malaysia dengan Britain. Pihak Britain dalam menyelesaikan masalah hubungan dengan Malaysia supaya tidak berpanjangan telah menghantar Setiausaha Luar Britain, Lord Carrington ke Malaysia bertemu dengan Dr. Mahathir.<sup>69</sup> Dalam rangka lawatan ke Malaysia pada 6 Februari hingga 8 Februari 1982,<sup>70</sup> beliau telah bertemu dengan Dr. Mahathir selepas lima bulan BBL dilaksanakan dan selepas pertemuan Nott dengan Dr. Mahathir.<sup>71</sup> Hubungan yang tegang dan masih tidak nampak jalan penyelesaian telah membimbangkan pihak Britain kerana kepentingan ekonomi dan pelaburan di Malaysia adalah besar.<sup>72</sup> Ini telah menyebabkan pihak Britain telah mengalami kerugian dan memberi suasana yang tidak menentu dan keresahan kepada pelabur Britain terutama kepada mereka yang banyak melabur di Malaysia. Lord Carrington menyatakan: “The British stake in Malaysia was so large that the scope of retaliation was limited.”<sup>73</sup> Bagi Dr. Mahathir sumbangan Britain terhadap ekonomi Malaysia adalah tidak besar, beliau berpendapat: “Kalau kita buat perbandingan di tahun-tahun kebelakangan ini, pelaburan British sangat kecil kalau dibandingkan dengan pelaburan Amerika, Jepun mahupun Singapura. Kalau hendak dijumlahkan sejak merdeka hingga sekarang, memanglah mereka banyak kerana dahulu mereka melabur banyak...”<sup>74</sup> Keadaan ini menunjukkan bahawa usaha Malaysia untuk mempelbagaikan negara yang melabur di Malaysia mendapat perhatian dari lain-lain negara. Malaysia tidak lagi hanya bergantung kepada Britain dan perhatian utama tidak

---

<sup>69</sup> 2002/00354 – Lawatan Lord Carrington, 1982, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia; Nama sebenar beliau adalah Peter Alexander Rupert Carrington, lahir pada tahun 1919 dan menuntut di Kolej Eaton dan *Royal Military College Sandhurst*.

<sup>70</sup> Khadijah Md. Khalid, ‘Malaysia-Japan relations under Mahathir: “Turning Japanese”?’, in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: the Mahathir years*, hlm. 324.

<sup>71</sup> *New Straits Times*, 3 Oct. 1981, hlm. 1, ‘British goods – Malaysia act’; Dr. Mahathir menyatakan keputusan telah dilakukan dalam mesyuarat kabinet; Johan Saravanamuttu, *Malaysia’s foreign policy: The first fifty years*, hlm. 186; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 162.

<sup>72</sup> *Mesyuarat Kabinet Britain*, CAB/128/73/05, 11 February, 1982, hlm. 2.

<sup>73</sup> *Mesyuarat Kabinet Britain*, CAB/128/71/14, 29 October, 1981, hlm. 1.

<sup>74</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1985, hlm. 111; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 27 Oktober, 1981.

lagi kepada Britain semata-mata. Malaysia mempunyai pilihan lain selain daripada Britain.

Satu pertemuan diadakan bagi Britain melihat situasi sebenar yang telah menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi tegang. Dalam pertemuan Lord Carrington dengan Dr. Mahathir, ia tertumpu kepada kedudukan hubungan dua hala antara Malaysia dan Britain. Beliau ingin mengetahui kesilapan yang telah berlaku sehingga menjejaskan hubungan antara Britain dengan Malaysia.<sup>75</sup> Di samping itu turut mencari jalan penyelesaian menamatkan pertikaian yang wujud di antara kedua negara.

Lord Carrington berkata:

What I'm going to try to do is to remove the misunderstanding between our two governments and I hope that if Prime Minister Dato Sri Mahathir Mohamad speaks frankly to me about what his feelings are, they may be ways of means we can clear up the misunderstanding. It is certainly my hope to do so because we have a long outstanding friendship with Malaysia which I would be sad to see in any way damaged.<sup>76</sup>

Dalam pertemuan itu, Dr. Mahathir telah menjelaskan bahawa perkembangan terbaru yang berlaku dalam hubungan Malaysia dengan Britain bukanlah disebabkan apa yang berlaku semalam tetapi telah wujud sekian lama.<sup>77</sup> Ia bukanlah satu perkara yang baru berlaku tetapi tidak diberi perhatian sewajarnya oleh Britain. Ini telah menyebabkan ia menjadi bertambah buruk. Isu yang telah membawa Carrington ke Kuala Lumpur adalah terdapat rasa tidak puas hati kerajaan Malaysia dalam soal perubahan peraturan Pasaran Saham London yang dilakukan oleh pihak Britain dalam hubungan pembelian saham Guthrie oleh Permodalan Nasional Berhad. Beliau menyatakan:

---

<sup>75</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 9 Mac, 1982, hlm. 75; 2002/00354 – Lawatan Lord Carrington, 1982, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>76</sup> 2002/00354 – Laporan lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 11.

<sup>77</sup> *Berita Harian*, 25 Mac, 1983, hlm. 10; *Asiaweek*, 19 Mar. 1982, hlm. 31.

The Government are naturally in touch with the Malaysian Government over a wide field, including economic matters, and we have already sought to dispel misunderstandings about the changes in the London Stock Exchange rules in relation to the purchase of the Guthrie Corporation by Permodalan Nasional Berhad.<sup>78</sup>

Britain mahu memberi penjelasan tentang masalah yang dihadapi dalam hubungan Malaysia dengan Britain apabila timbulnya ketegangan antara kedua negara kerana pihak PNB berjaya mengambil alih syarikat Guthrie dan pihak Britain telah mengubah peraturan LSE dengan mengetatkan lagi syarat pengambilalihan syarikat di Britain. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati Malaysia terhadap Britain yang mengubah peraturan LSE selepas pengambilalihan syarikat Guthrie.

Dr. Mahathir turut menerangkan bahawa masalah tersebut adalah berkaitan dengan sikap, di mana pihak Britain kurang memahami masalah yang dihadapi oleh Malaysia dan usaha-usaha yang dijalankan untuk menyelesaikan masalah tersebut.<sup>79</sup> Beliau merasa kesal bahawa institusi-institusi Britain seperti pihak akhbar dan ahli-ahli perniagaannya yang tidak menunjukkan pengertian dan mahu membantu dalam mencapai pelaksanaan DEB.<sup>80</sup> Carrington memahami dan bersimpati dengan aspirasi Malaysia yang mahu melaksanakan DEB dan pihak Britain tidak memberi perhatian yang sewajarnya selama ini. Beliau menjelaskan: “The Government understand and sympathise with the goals of the Malaysian Government's economic policy and will continue to take every opportunity to discuss current aspects of, and future prospects for, economic co-operation against that background.”<sup>81</sup>

Malaysia pula tidak mengharap pihak Britain menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Malaysia dalam melaksanakan DEB kerana Malaysia sendiri sedang menjalankan usaha-usaha untuk menyelesaikannya tetapi sekurang-kurangnya tindakan-

---

<sup>78</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 November 1981, Vol. 425, cc921-2WA922WA.

<sup>79</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 6, 17 Mac, 1982, hlm. 979.

<sup>80</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 November 1981, Vol. 425, cc921-2WA922WA; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 6, 16 Mac, 1982, hlm. 822-824.

<sup>81</sup> *Ibid.*



tindakan pihak Britain tidak sampai menghalang pelaksanaan DEB.<sup>82</sup> Lord Carrington menyatakan bahawa kerajaan Britain memahami sepenuhnya dan bersimpati dengan usaha-usaha kerajaan Malaysia untuk melaksanakan DEB dan pihak Britain telah membuat perubahan serta berjanji akan berusaha supaya pihak Britain lebih memahami dan sedar aspirasi Malaysia yang mahu mencapai objektif DEB.<sup>83</sup> Selanjutnya beliau menyatakan bahawa masyarakat Britain juga memahami perkara ini dan telah berusaha untuk menyesuaikan diri mereka dengan suasana pelaksanaan DEB. Beliau memberi jaminan kepada Dr. Mahathir bahawa beliau akan berusaha sedaya upaya supaya pihak Britain lebih memahami dan menyedari akan masalah dan hasrat Malaysia dalam usaha Malaysia mencapai sasaran DEB.<sup>84</sup>

Lord Carrington berpendapat hubungan yang agak tegang adalah kerana Dr. Mahathir sebagai perdana menteri baru telah melaksanakan BBL. Dr. Mahathir juga telah menarik perhatian Lord Carrington mengenai arahan pelaksanaan BBL terhadap barang-barang Britain yang mana keputusan tersebut bukanlah suatu keputusan yang mendadak tetapi adalah akibat dari sikap Britain yang telah berakar umbi begitu lama. Sikap kurang faham Britain terhadap dasar-dasar Malaysia dan masalah yang unik yang dihadapi oleh Malaysia telah menyebabkan tindakan Britain tidak mengambil kira sensitiviti Malaysia.<sup>85</sup> Selain itu, apabila Malaysia memberi arahan supaya pembelian barang-barang Britain adalah juga bertujuan untuk mengelakkan pemberian keistimewaan kepada barang-barang Britain yang selama ini diperolehi oleh pihak Britain.<sup>86</sup> Walaupun terdapat perselisihan faham antara kedua negara tetapi ini tidak memutuskan sama sekali hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara. Hubungan perdagangan dan pelaburan masih diteruskan seperti biasa dan tidak

---

<sup>82</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 9 Mac, 1982, hlm. 75-76.

<sup>83</sup> *Ibid.*; *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kontrek firma-firma British, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 5.

<sup>84</sup> *Ibid.*; *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kontrek firma-firma British, hlm. 5.

<sup>85</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 6, 17 Mac, 1982, hlm. 979; 2002/00354 – Laporan Lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 7.

<sup>86</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 5, 16 Mac, 1982, hlm. 823.

menjadi satu krisis yang besar. Malaysia tidak mempunyai masalah dalam hubungan diplomatik dan perdagangan serta pelaburan dengan Britain. Ia berjalan sepertimana biasa.<sup>87</sup>

Dr. Mahathir menyatakan bahawa Malaysia ingin mempunyai hubungan yang lebih baik dengan Britain tetapi Britain perlu menukar sikap terlebih dahulu terhadap layanan yang telah diberikan kepada Malaysia terutama pelaksanaan DEB. Beliau menyatakan bahawa kerajaan Britain amat faham dan bersimpati terhadap usaha-usaha Malaysia dalam melaksanakan DEB.<sup>88</sup> Lord Carrington menghargai penjelasan yang telah diberi oleh Dr. Mahathir dan kebimbangan yang dirasakan oleh beliau.<sup>89</sup> Ini telah memberikan kefahaman kepada Carrington punca dan sebab mengapa Malaysia mengambil tindakan BBL dan sebagai satu cara untuk menunjukkan rasa tidak puas hati Malaysia terhadap layanan pihak Britain. Ia juga telah menyedarkan pihak Britain supaya lebih berhati-hati dalam menjalinkan hubungan dengan Malaysia dan tidak lagi boleh menanggapi Malaysia tidak akan melakukan protes terhadap Britain.

Dalam hubungan ini Lord Carrington telah mencadangkan penubuhan sebuah Suruhanjaya Bersama pegawai-pegawai kanan kerajaan dalam usaha untuk mengatasi masalah yang sedia ada sebelum masalah itu tidak dapat dikawal lagi dan membawa kepada ia menjadi krisis.<sup>90</sup> Bagi cadangan penubuhan Suruhanjaya Bersama pula Malaysia terlebih dahulu perlu mengkaji perkara itu dan melihat sama ada ia mempunyai kepentingan kepada Malaysia. Malaysia memandang soal kerjasama bersama adalah perkara mudah untuk menubuhkan Suruhanjaya Bersama dan membiarkannya bergerak bagi memastikan hubungan antara kedua-dua negara tidak merosot.<sup>91</sup> Walaupun demikian, selepas pelaksanaan BBL telah menampakkan ada kemajuan di dalam hubungan kedua-dua negara dalam proses saling memahami.

<sup>87</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 6, 17 Mac, 1982, hlm. 979.

<sup>88</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 9 Mac, 1982, hlm. 76.

<sup>89</sup> *Ibid.*; *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kontrek firma-firma British, hlm. 5.

<sup>90</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 6, 16 Mac, 1982, hlm. 822-824.

<sup>91</sup> 2002/00354 – Laporan Lawatan Lord Carrington, 1982, hlm. 3.

Carrington telah menyatakan bahawa mereka akan mengambil langkah-langkah untuk memahami dan menyedari masalah-masalah yang dihadapi serta polisi negara Malaysia. Ghazali Shafie berpendapat lawatan Carrington ini adalah: “Apa yang penting adalah lawatan Setiausaha Luar British ini telah membuat pihak British mengerti bahawa perubahan sikap adalah penting dan mereka telah pun mula menyesuaikan diri. Memandangkan perkara ini saya rasa soal pihak Britain mengambil sikap *hostile* tidak timbul.”<sup>92</sup>

Walau bagaimanapun, lawatan Lord Carrington dalam usaha untuk merapatkan semula hubungan di antara kedua buah negara dan mengubah pendirian Dr. Mahathir untuk menarik balik dasar BBL telah gagal.<sup>93</sup> Sebaliknya dasar BBL masih diteruskan.<sup>94</sup>

Dalam Laporan Kabinet Britain pada 11 Februari 1982 telah melaporkan:

He had refused to end his present discriminatory policy against British firms tendering for public contracts, except where their bids were actually better than all others, but in the view of some observers including the Prime Minister of Singapore, Lee Kuan Yew, this discrimination could be expected in practice to diminish with time.<sup>95</sup>

Pihak Britain berpendapat tindakan Dr. Mahathir itu adalah sementara waktu sahaja dan Britain masih tidak berubah. Mereka menganggap Malaysia tidak serius dengan tindakan tidak memberi kontrak kepada syarikat-syarikat Britain. Mereka menjangkakan tindakan tersebut tidak akan memberi kesan kepada mereka dan seterusnya akan hilang begitu sahaja.<sup>96</sup> Ini berbeza dengan pandangan Tunku yang beranggapan ketegangan hubungan Malaysia dengan Britain adalah serius.<sup>97</sup> Malaysia pula mengambil tindakan dengan tidak akan mengubah sikap terhadap Britain kerana

---

<sup>92</sup> Ibid.; *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British, hlm. 5.

<sup>93</sup> Chin Kim Wah and Leo Suryadinata, (edited), *Michael Leifer: Selected works on Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2005, hlm. 476.

<sup>94</sup> *The Glasgow Herald*, 9 Feb. 1982, hlm. 6, ‘Failure of a mission’; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 162.

<sup>95</sup> *Mesyuarat Kabinet Britain*, CAB/128/73/05, 11 February, 1982, hlm. 3.

<sup>96</sup> Ibid.

<sup>97</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, hlm. 193; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Tunku Abdul Rahman, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 8 dan 9 Februari, 1983.

yang perlu berubah ialah Britain. Dr. Mahathir menjelaskan sikap Malaysia terhadap Britain: “Sejauh yang saya dapat melihat, ianya akan seperti ini bagi tempoh yang panjang, kerana saya tidak nampak sebarang tindakan baik di pihak British. Jadi semua boleh anggap yang ianya akan terus begini, kecuali satu faktor yang kuat mempengaruhi, yang dilakukan oleh pihak mereka.”<sup>98</sup> Pihak Britain perlu menyesuaikan sikapnya itu dengan dasar yang mahu dilaksanakan oleh Malaysia. Malaysia sebenarnya tidak mahu memutuskan hubungan Malaysia dengan Britain tetapi ingin mempunyai hubungan yang lebih baik dan erat dengan Britain tetapi perkara yang penting adalah Britain perlu menukar sikap angkuh terhadap Malaysia.<sup>99</sup>

Dalam pertemuan ini, Dr. Mahathir telah menyampaikan rasa tidak puas hati Malaysia dengan tindakan Britain menangani isu pengambilalihan syarikat Guthrie Corporation dan persoalan DEB yang telah lama dilaksanakan tetapi tidak mendapat perhatian serius daripada pihak Britain malah ada usaha untuk menggagalkan pelaksanaan DEB. Ini telah menyebabkan Malaysia rasa kecewa terhadap sikap Britain yang melambatkan usaha Malaysia untuk “restructuring” pegangan saham tempatan di syarikat-syarikat Britain.<sup>100</sup> Ini adalah disebabkan sikap Britain yang tidak menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka.

### **Pertemuan Dr. Mahathir dengan Margaret Thatcher**

Malaysia tetap berkeras dengan pendirian untuk meneruskan pelaksanaan BBL telah membuatkan Britain merasa bimbang. Pelbagai usaha diplomatik daripada pihak Britain telah dilakukan tetapi gagal memulihkan hubungan dengan Malaysia.<sup>101</sup> Akhirnya satu pertemuan tidak rasmi telah dilakukan di antara Margaret Thatcher dengan Dr. Mahathir

---

<sup>98</sup> Ibid., hlm. 111; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 27 Oktober, 1981.

<sup>99</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 6, 16 Mac, 1982, hlm. 824-826.

<sup>100</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 97, 27 November, 1987, hlm. 15992.

<sup>101</sup> *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8, ‘Malaysia-Britain: Hubungan lebih seimbang’.

di London pada bulan Mac, 1983.<sup>102</sup> Pertemuan ini bukan secara tiba-tiba tetapi telah terdapat beberapa Menteri Malaysia dijemput untuk berbincang semasa mereka berada di London dan juga beberapa individu yang turut bertemu dengan pegawai-pegawai Britain yang mahukan hubungan Malaysia dengan Britain segera dipulihkan. Pertemuan yang dirancang apabila Mahathir dalam perjalanan ke New York untuk hadir di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pihak Britain mahukan Dr. Mahathir datang lebih awal ke London bagi temu janji dengan Margaret Thatcher tetapi Dr. Mahathir sibuk dengan urusan lain dan tidak dapat datang awal untuk temujanji pertemuan tersebut. Thatcher yang juga pada waktu itu ada temu janji dan tidak dapat mengubah jadual beliau. Kedua-dua pemimpin ini sibuk dengan urusan masing-masing dan ini menyukarkan untuk melakukan temujanji antara kedua pemimpin tersebut. Pertemuan yang dirancang telah gagal menemukan kedua-dua pemimpin kerana kedua-dua pemimpin dalam keadaan sibuk dengan urusan masing-masing.<sup>103</sup> Pihak Britain dan Malaysia masih tidak putus asa dan berusaha untuk terus melakukan pertemuan antara Dr. Mahathir dengan Margaret Thatcher. Akhirnya, pertemuan yang singkat dan perbincangan tidak rasmi telah diadakan pada bulan Mac 1983 di antara Dr. Mahathir dan Margaret Thatcher di London.<sup>104</sup> Pemergian Dr. Mahathir ke London secara tidak rasmi ini berlaku apabila hubungan Malaysia dengan Britain masih tidak ada jalan penyelesaian.<sup>105</sup> Semasa memberi ucapan dalam jamuan makan malam dianjurkan oleh Persatuan Malaysia-British pada 18 September, 1984, Dr. Mahathir menyatakan: “When I accepted a dinner invitation by Ms Thatcher during a private visit to Britain in March

---

<sup>102</sup> Ibid.

<sup>103</sup> *New Straits Times*, 14 Mar. 1983, hlm. 16, ‘Dr. M’s response gives hope to British businessmen’.

<sup>104</sup> *Berita Harian*, 25 Mac, 1985, hlm. 10, ‘Lawatan Thatcher dianggap penting’; *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8, ‘Malaysia-Britain: Hubungan lebih seimbang’; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 162; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 178; Johan Saravanamuttu, *Malaysia’s Foreign Policy: The first fifty years*, hlm. 186.

<sup>105</sup> *Asiaweek*, 19 Apr. 1985, hlm. 15; *Dewan Masyarakat*, Mei 1985, hlm. 33; *Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Publishing, 2014, hlm. 26.

1983, I did not think that it would lead anything substantial. However, I found the British Prime Minister was sincere in her desire for better relations with Malaysia.”<sup>106</sup>

Secara dasarnya dalam pertemuan ini kedua-dua pemimpin bersetuju mencari jalan penyelesaian dan terdapat beberapa isu yang dicapai secara positif.<sup>107</sup> Selepas pertemuan kedua pemimpin ini hubungan Malaysia dengan Britain beransur pulih dan Dr. Mahathir membuat kenyataan: “Nampaknya keadaan sekarang bertambah baik.”<sup>108</sup> Begitu juga pihak Britain yang bersikap positif tentang adanya peluang untuk memperbaiki hubungan di antara kedua-dua buah negara dengan kenyataan: “the Prime Minister of Malaysia, Dr. Mahathir, had apparently been very pleased with his recent visit to London and his reception by the Prime Minister. It looked as if the visit might mark the start of a welcome thaw in relations between Malaysia and the United Kingdom.”<sup>109</sup> Sekembalinya Dr. Mahathir daripada lawatan tidak rasmi ke London dan selepas pertemuan beliau dengan Thatcher, Dr. Mahathir mengambil keputusan untuk menarik balik tindakan BBL.<sup>110</sup> Mahathir berkata: “The Prime Minister’s Department will no longer vet any contract or tender awards involving British firms in any project for Government agencies and departments.”<sup>111</sup> Ketegangan hubungan luar antara Malaysia dan Britain berakhir dan arahan dikeluarkan melalui surat bertarikh 31 Mac 1983. Semua perakuan kontrak bekalan, perkhidmatan, perundingan dan lain-lain urusan dengan firma Britain atau firma usahasama dengan Britain tidak perlu lagi dirujuk kepada Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri tetapi kepada Lembaga Tender.<sup>112</sup> BBL hanya bertahan selama lapan belas bulan dengan

---

<sup>106</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 17, No. 3, September, 1984, hlm. 237.

<sup>107</sup> *Asiaweek*, 19 Apr. 1985, hlm. 15; *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8.

<sup>108</sup> *Berita Harian*, 25 Mac, 1985, hlm. 10, ‘Lawatan Thatcher dianggap penting’; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 162; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 178; Johan Saravanamuttu, *Malaysia’s foreign policy: The first fifty years*, hlm. 187.

<sup>109</sup> *Mesyuarat Kabinet Britain*, CAB128/76/10, 17 March, 1983, hlm. 1.

<sup>110</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 104.

<sup>111</sup> *Malaysian Business*, May 1983, hlm. 87.

<sup>112</sup> *Surat JPM*, bertarikh 31 Mac 1983, PM. (R) 11880/A/800; *New Straits Times*, 4 Apr. 1983, hlm. 1, ‘Britain happy with Dr. M’s decision’.

perubahan sikap Britain yang positif telah merapatkan semula hubungan Malaysia dengan Britain.<sup>113</sup>

BBL telah ditamatkan sebelum kedatangan Margaret Thatcher ke Malaysia pada tahun 1985.<sup>114</sup> Walau bagaimanapun ini tidak bermakna pihak Malaysia akan membeli barangan Britain dahulu tetapi barangan Britain akan bertanding sama rata dengan barangan lain dan tidak akan ada diskriminasi. Mahathir menjelaskan lagi: “Well we stopped that after my return from London during which I had dinner with Mrs Thatcher and we talked things over and decided that we would call off that “BBL”. Now, of course, we are buying British according to prices they quote and in competition with others.”<sup>115</sup> Margaret Thatcher berpendapat pertemuan ini telah dapat memberikan persefahaman antara kedua negara dalam menghadapi masalah hubungan Malaysia dengan Britain. Begitu juga dengan Suruhanjaya Tinggi Britain menyambut baik dengan keputusan Malaysia menamatkan polisi BBL.<sup>116</sup> Pertemuan ini adalah penting kerana titik permulaan era baru hubungan Malaysia dengan Britain. Rasa tidak puas hati Malaysia terhadap sikap Britain yang selama ini tidak diberi perhatian kepada beberapa isu telah mendapat perhatian serius daripada perdana menteri Britain sendiri. Ini membuktikan bahawa pelaksanaan BBL dapat menyedarkan pihak Britain supaya menerima kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan pandangan serta rasa tidak puas hati Malaysia perlu diberi perhatian sewajarnya. Ada pihak tertentu yang sengaja menakutkan pelabur-pelabur Britain supaya tidak melabur di Malaysia dengan menuduh Malaysia mengamalkan dasar memiliknegerakan serta akan menukar syarat-syarat baru bagi pelabur-pelabur asing selepas setiap lima tahun.<sup>117</sup> Ini adalah usaha untuk mengurangkan pelabur untuk melabur di Malaysia.

---

<sup>113</sup> *New Straits Times*, 4 Apr. 1983, hlm. 1, ‘Britain happy with Dr. M’s decision’.

<sup>114</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 27 July 1988. Vol. 138, c303W.

<sup>115</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 18, No. 2, June, 1985, hlm. 104.

<sup>116</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 27 July 1988. Vol. 138, c303W.

<sup>117</sup> *Utusan Malaysia*, 11 Ogos, 1987, hlm. 4, ‘Ada pihak tabor tohmah untuk takutkan pelabur Britain – PM; Apabila Dr. Mahathir ditanya oleh wartawan siapakah pihak tertentu tersebut. Dr. Mahathir menjawab: “Terpulanglah kepada saudara untuk meinterpretasikannya.”

Sebelum kedatangan Margaret Thatcher ke Kuala Lumpur terdapat beberapa usaha memulihkan perdagangan antara kedua-dua negara telah dilakukan seperti misi lawatan ke Malaysia yang telah di ketuai oleh Lord Jellicoe,<sup>118</sup> lawatan oleh Kenneth Baker<sup>119</sup> dan Lord Bellwin.<sup>120</sup> Protes Dr. Mahathir telah memberi isyarat kepada Britain supaya lebih berhati-hati dan tidak lagi memandang remeh pendirian Malaysia.<sup>121</sup> Bagi Margaret Thatcher, Dr. Mahathir beranggapan layanan pada masa lalu yang diterima Malaysia daripada Britain adalah tidak memuaskan dan tidak menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang telah lama merdeka. Pihak Britain sedar bahawa kedudukan Malaysia tidak lagi sebagai sebuah negara jajahan mereka dan kedudukan ini telah lama berakhir ditinggalkan sejarah masa lalu.<sup>122</sup> Malaysia tidak mahu lagi diperlecehkan oleh pihak Britain dan mahukan layanan yang sama rata sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka serta menghormati pandangan dan aspirasi Malaysia.<sup>123</sup> Dr. Mahathir mahukan hubungan Malaysia dengan Britain berasaskan “equal partnership”. Pihak Britain juga sedar keperluan menghormati pemimpin sesebuah negara sama ada daripada Komanwel atau mana-mana negara-negara asing dalam menjalinkan hubungan yang lebih bermakna dan saling hormat menghormati antara negara.<sup>124</sup> Malaysia juga tidak mahu diletakkan sebagai sebuah negara kelas kedua.

Apabila Dr. Mahathir ditanya oleh wartawan di London selepas pertemuan beliau dengan Margaret Thatcher dalam jamuan makan tengahari oleh Lord Jellicoe pengerusi London Chamber of Commerce and Industry tentang perkara yang dibincangkan antara mereka berdua, Dr. Mahathir hanya memberitahu pertemuan mereka berdua hanyalah: “Actually there is no negotiation. Mrs Thatcher and I met to

---

<sup>118</sup> *Times Daily*, 24 Jan. 1984, hlm. 4; ‘Anglo-Malaysian relations warming’; Pengerusi, Lembaga Perdagangan Luar Negara Britain; *Foreign Affairs Malaysia*, September 1984, Vol.17, No. 3, hlm. 238.

<sup>119</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1984, Vol.17, No. 3, hlm. 238; Menteri Industri dan Informasi Teknologi Maklumat.

<sup>120</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 88; *Foreign Affairs Malaysia*, September 1984, Vol.17, No. 3, hlm. 238; Menteri Alam Sekitar.

<sup>121</sup> David Lazarus, ‘Foreign policy is people’ in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 14.

<sup>122</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 7.

<sup>123</sup> *Times Daily*, 24 Jan. 1984, hlm. 4; ‘Anglo-Malaysian relations warming’; *Berita Harian*, 21 Julai, 1987, hlm. 1, ‘Mesti memahami aspirasi Malaysia: PM Britain harus lebih peka’.

<sup>124</sup> *Mesyuarat Kabinet Britain*, CAB128/76/11, 24 Mac, 1983, hlm. 3.



exchange views on various world affairs which include the non-aligned movement. She wanted to know what I think.”<sup>125</sup> Ini adalah pertemuan yang penting sebagai titik perubahan dalam hubungan Malaysia dengan Britain kerana Thatcher berusaha untuk bertemu dengan Dr. Mahathir secara peribadi di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London bagi membincangkan isu-isu ketegangan yang timbul dan langkah-langkah pemulihan hubungan antara dua buah kerajaan.<sup>126</sup> Ia juga bagi menjamin hubungan kekal lama dan berterusan antara kedua negara yang telah mempunyai hubungan tradisi yang begitu lama. Pertemuan ini telah mengubah pendirian kerajaan Britain, pemimpin-pemimpin Britain dan juga ahli perniagaan di Britain dalam soal hubungan Malaysia. Mereka menampakkan sikap mahu memperbaharui dan memperbaiki hubungan mereka dengan Malaysia.<sup>127</sup> Usaha untuk memulihkan hubungan di antara Malaysia dengan Britain turut melibatkan Ismail Mohamed Ali atau lebih dikenali dengan nama Tun Ismail. Chandran Jeshurun menyatakan Ismail Mohamed Ali,<sup>128</sup> bekas gabenor Bank Negara Malaysia dan pengerusi PNB yang juga merupakan abang ipar kepada Dr. Mahathir telah berjaya mempengaruhi keputusan untuk berbaik semula dengan pihak Britain.<sup>129</sup> Hasil pertemuan ini jelas menampakkan Britain tidak lagi memperlecehkan Malaysia terutama dalam soal ekonomi.<sup>130</sup>

Pada tahun 1985, Margaret Thatcher telah melawat Malaysia secara rasmi selama tiga hari.<sup>131</sup> Lawatan yang dimulakan bagi membincang pelbagai isu dan ini adalah untuk memulihkan semula hubungan yang telah renggang disebabkan salah faham yang berlaku antara kedua pemimpin negara dan beberapa permintaan Malaysia

---

<sup>125</sup> *New Straits Times*, 14 Mar. 1983, hlm. 16, ‘Dr. M’s response gives hope to British businessmen’; Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 162.

<sup>126</sup> *Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 26.

<sup>127</sup> *New Straits Times*, 14 Mar. 1983, hlm. 16, ‘Dr. M’s response gives hope to British businessmen’.

<sup>128</sup> Shakila Yacob and Nicholas J. White, ‘The ‘unfinished business’ of Malaysia’s decolonisation: The origins of the Guthrie ‘Dawn Raid’’, in *Modern Asian Studies*, United Kingdom: Cambridge University Press, 2009, hlm. 923.

<sup>129</sup> Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 182; Shakila Yacob and Nicholas J. White, ‘The ‘unfinished business’ of Malaysia’s decolonisation: The origins of the Guthrie ‘Dawn Raid’’, in *Modern Asian Studies*, hlm. 940.

<sup>130</sup> *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8, ‘Malaysia-Britain: Hubungan lebih seimbang’; Menjelang akhir tahun 1984, Britain telah kembali kepada kedudukan nombor ketiga bagi jumlah modal yang dilaburkan dalam bidang pengeluaran sebanyak RM765 juta selepas Singapura sebanyak RM1.42 ribu juta dan Jepun sebanyak RM1.12 ribu juta.

<sup>131</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 162.

yang perlu diambil perhatian oleh pihak Britain.<sup>132</sup> Dalam pertemuan ini, Margaret Thatcher berpendapat bahawa Malaysia masih mahu meneruskan hubungan perdagangan dengan Britain. Walau bagaimanapun, pihak Malaysia tidak lagi memberi kelebihan kepada Britain seperti yang dijelaskan oleh Ghazali Shafie: “The Malaysian Prime Minister wanted to remove this special bias to put Britain on par with other countries in government tenders.”<sup>133</sup> Thatcher memahami kehendak Malaysia yang mahukan setiap kontrak dari Britain juga perlu bersaing dengan negara-negara lain secara adil.<sup>134</sup> Tiada lagi keistimewaan diberikan kepada kontrak dari pihak Britain yang telah diperolehi selama ini. Bagi pihak Britain bahawa perselisihan Malaysia dengan Britain bukanlah disebabkan isu tidak sama rata tetapi ada banyak lagi isu yang perlu diutamakan. Margaret Thatcher menyatakan: “I do differ with you about sentiment. I am not sure whether it is because you are Malaysian and I am British. I think it is much more fundamental than that.”<sup>135</sup> Lawatan Thatcher itu disambut baik oleh Dr. Mahathir dan menyatakan hasil lawatan Thatcher dapat menyelesaikan beberapa masalah antara Malaysia dengan Britain. Sebelum Thatcher mengakhiri lawatan beliau sebelum berangkat ke Singapura sempat memberitahu wartawan bahawa isu-isu yang ‘melukakan’ hubungan Malaysia dengan Britain beransur pulih dan boleh menumpukan sepenuhnya usaha-usaha untuk memperbaiki dan meluaskan dagangan dua hala. Mereka berdua telah membincangkan pelbagai isu mengenai hubungan dua hala dan antarabangsa. Juga isu pendaratan Syarikat penerbangan Malaysia (MAS) untuk menambahkan satu lagi penerbangan mingguan ke London turut dibincangkan. Margaret Thatcher menjelaskan: “Dr. Mahathir and I agreed in principles to the additional frequency and that details would be discussed between the two sides.”<sup>136</sup> Lawatan Thatcher ke Kuala Lumpur dapat membantu Malaysia terutama isu hak

---

<sup>132</sup> *Asiaweek*, 19 Apr. 1985, hlm. 15; *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8; *Dewan Masyarakat*, Mei 1985, hlm. 33.

<sup>133</sup> *New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 3, ‘Ghaz: Emergence of ‘ugly attitude’ on part of Britain’.

<sup>134</sup> *The Glasgow Herald*, 6 Apr. 1985, hlm. 1.

<sup>135</sup> *Ibid.*

<sup>136</sup> *Hansard Debate*, House of Common, 10 June 1985, Vol. 80, cc301-2w.

pendaratan MAS di London yang sekian lama menjadikan hubungan Malaysia dengan Britain tidak rapat. Campurtangan secara langsung daripada Thatcher dapat membantu merapatkan lagi hubungan Malaysia dengan Britain.<sup>137</sup> Thatcher juga telah menyuarakan minat Britain untuk menambahkan pelaburan di Malaysia setelah mendapat penjelasan daripada Dr. Mahathir bahawa semua negara yang mahu melabur di Malaysia akan diberi layanan yang sama rata.<sup>138</sup> Begitu juga dengan pelaburan dari pihak Britain di Malaysia yang dianggap telah diboikot dan didiskriminasikan tidak timbul lagi kerana layanan yang sama rata diberikan dan tidak lagi diletakkan disenarai yang terakhir atau alternatif.

Dr. Mahathir juga telah membangkitkan isuimbangan pembayaran antara Malaysia dengan Britain yang selama ini tidak seimbang. Britain adalah merupakan rakan dagang Malaysia yang ke lapan menyumbang keseluruhan perdagangan sebanyak 3.1 peratus. Pada tahun 1983 jumlah import Malaysia 3.5 peratus tetapi jumlah eksport Malaysia hanya 2.7 peratus.<sup>139</sup> Malaysia mengalami defisit sebanyak RM1.2 bilion. Situasi ini memerlukan langkah-langkah diambil bagi mengimbangi perdagangan antara kedua-dua negara. Keadaan yang berat sebelah selama ini lebih menguntungkan pihak Britain. Walau bagaimanapun Dr. Mahathir menyatakan: “We do not expect trade to be balanced between every country but continuous and substantial imbalances should be corrected.”<sup>140</sup> Dr. Mahathir memahami bahawa ketidak seimbangan dalam perdagangan adalah bukan mudah untuk diperbetulkan tetapi jurang ketidak seimbangan tersebut tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa usaha untuk memperbetulkan atau mengurangkan jurang tersebut.

Sehubungan isu kenaikan yuran pelajar Malaysia yang menuntut di Britain, Dr. Mahathir merasa tidak berapa puas hati walau bagaimanapun setelah adanya usaha-

---

<sup>137</sup> *Berita Harian*, 9 April, 1985, hlm. 1; *New Straits Times*, 9 Apr. 1985, hlm. 2; *The Star*, 27 Apr. 1985, hlm. 3.

<sup>138</sup> *Ibid*; *New Straits Times*, 9 Apr. 1985, hlm. 2; *The Star*, 27 Apr. 1985, hlm. 3.

<sup>139</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 275; *Dewan Masyarakat*, Mei 1985, hlm. 33.

<sup>140</sup> *Ibid*.

usaha dari pihak Britain yang mahu membantu pelajar Malaysia terutama dari ahli perniagaan Britain dan juga pihak kerajaan Britain terutama kepada mereka yang tidak dapat bantuan daripada kerajaan Malaysia,<sup>141</sup> sedikit sebanyak dapat mengurangkan ketegangan hubungan Malaysia dengan Britain. Ia juga dapat membantu pelajar Malaysia dan mengurangkan kesusahan dan kos pembiayaan kerajaan Malaysia dan juga pelajar-pelajar yang menuntut di Britain.

Rasa tidak puas hati Malaysia terhadap layanan Britain telah mendapat respon daripada Thatcher. Beliau menyatakan bahawa ikatan sejarah dan ekonomi antara kedua-dua negara tidak berakhir walaupun selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Hubungan yang bersejarah ini sentiasa dijalinkan dengan baik. Berkenaan dengan soal perdagangan yang tidak seimbang, Thatcher menyatakan bahawa eksport Malaysia ke Britain mendapat pasaran yang baik. Manakala isu penuntut Malaysia juga turut diterima baik oleh universiti-universiti di Britain. Thatcher juga memahami keperluan dasar-dasar Malaysia yang mahu dilaksanakan seperti menyambut baik pelaburan asing dan mempelbagaikan eksportnya meliputi banyak barangan dengan harga yang bersaing bagi meningkatkan ekonomi Malaysia.<sup>142</sup> Dr. Mahathir pula menjelaskan bahawa hubungan Malaysia dengan Britain adalah baik sebagaimana hubungan antara kedua-dua negara yang telah merdeka walaupun terdapat beberapa perselisihan faham yang berlaku dan ini tidak menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain terputus. Dr. Mahathir menyatakan: “The relations between us have improved and I believe we understand each other’s point of view better which must contribute to good relations.”<sup>143</sup>

Thatcher memahami kehendak Malaysia yang mahukan kedudukan yang sama rata dalam hubungan luar dengan Britain. Beliau menganggap Malaysia sebagai rakan

---

<sup>141</sup> Ibid., hlm. 103.

<sup>142</sup> *Mingguan Malaysia*, 9 April, 1984, hlm. 3.

<sup>143</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 103.

utama dan mengiktiraf sebagai sebuah negara yang bebas.<sup>144</sup> Hasil lawatan Thatcher telah menampakkan hasil yang baik kepada Malaysia kerana kesannya bertambah ramai pemimpin kerajaan dan pelabur Britain datang ke Malaysia. Ini menandakan minat pelabur Britain terhadap Malaysia mendapat sambutan dan terus meningkat. Ini boleh dilihat melalui pelaburan Britain yang telah diluluskan dan meningkat pada lapan bulan pertama pada tahun 1986 dibandingkan dengan pada tahun 1985 iaitu meningkat kepada 216 peratus dengan jumlah sebanyak RM18.7 juta dibandingkan pada tahun 1985 iaitu hanya RM5.2 juta. Kenaikan jumlah pelaburan yang begitu mendadak dan melonjak sehingga kepada kelebihan sebanyak RM13.5 juta.<sup>145</sup> Margaret Thatcher menyatakan: “When I left Malaysia I felt that Dr. Mahathir and I had established a good understanding, and so indeed it proved.”<sup>146</sup>

Dr. Mahathir telah melawat secara rasmi ke Britain selama enam hari bermula 20 hingga 25 Julai 1987 sebagai membalas lawatan Thatcher ke Malaysia.<sup>147</sup> Dalam lawatan tersebut Dr. Mahathir menegaskan pendirian Malaysia perlu dihormati terutama soal Dasar Ekonomi Baru dan isu perhubungan kaum di Malaysia. Beliau juga turut membidas akhbar-akhbar di Britain yang selalu memberi pandangan berat sebelah terhadap Malaysia.<sup>148</sup> Dr. Mahathir menjelaskan soal Dasar Ekonomi Baru adalah: “The NEP can be compared to the American programme of “affirmative action”, whereby communities that are less economically developed are given an opportunity to catch up with the rest.”<sup>149</sup> DEB adalah satu tindakan bagi menyamakan kedudukan ekonomi antara kaum di Malaysia yang telah mengalami jurang perbezaan yang ketara antara kaum di Malaysia sehingga menyebabkan berlakunya peristiwa 13 Mei. Bagi mengelakkan ia berlaku lagi jurang perbezaan ekonomi ini perlu dikurangkan supaya

---

<sup>144</sup> *Utusan Malaysia*, 6 April, 1985, hlm. 1, ‘Thatcher janji rakan kongsi sama rata’.

<sup>145</sup> *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8, ‘Malaysia-Britain: Hubungan lebih seimbang’.

<sup>146</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, London: Harper Press, 1993, hlm. 503.

<sup>147</sup> *Malaysia: Official Year Book, 1988*, Vol. 26, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1989, hlm. 230; *Berita Harian*, 24 Julai, 1987, hlm. 1.

<sup>148</sup> *Ibid.*; *Berita Harian*, 28 Julai, 1987, hlm. 10; *Berita Minggu*, 19 Julai, 1987, hlm. 8.

<sup>149</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 53; Ucapan di Seminar Pelaburan yang dianjurkan oleh Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) di London pada 22 Julai 1987.

tidak berlaku lagi rasa tidak puas hati di kalangan rakyat Malaysia. Manakala isu hubungan kaum yang semakin baik selepas peristiwa 13 Mei dan tidak memerlukan negara luar untuk campurtangan atau memperbesarkan masalah perkauman di Malaysia dan masih boleh mengatasi tanpa bantuan luar.<sup>150</sup> Terdapatnya tuduhan yang menyatakan kerajaan Malaysia telah melakukan penindasan terhadap kaum lain adalah tidak berasas dan mahu memburukan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.<sup>151</sup> Ini dinafikan oleh pihak Malaysia adanya penindasan terhadap kaum lain kerana suasana politik Malaysia masih stabil lagi dan tidak ada lagi huru hara perkauman yang berlaku di Malaysia. Berita penindasan kaum biasanya mendapat perhatian dan liputan meluas terutamanya daripada media Barat yang gemar memberikan publisiti luas kepada dunia. Dr. Mahathir mahukan pihak Britain membetulkan keadaan tersebut bagi menjamin imej Malaysia supaya tidak tercalar di peringkat antarabangsa dan peristiwa 13 Mei yang telah lama berlaku di Malaysia tidak disensasikan oleh pihak media Barat terutama Britain. Malaysia juga tidak mahu masyarakat antarabangsa beranggapan Malaysia sebagai sebuah negara yang zalim menindas dan mendiskriminasikan kaum lain.<sup>152</sup> Dari sudut ekonomi imej Malaysia sedemikian akan menjatuhkan pelaburan dan perdagangan Malaysia.

Imej Dr. Mahathir adalah sebagai seorang yang anti-Barat dan ada pendapat yang menyatakan bahawa beliau sebagai seorang pemimpin yang telah menamatkan “Dasar Pandang ke Barat”.<sup>153</sup> Sebenarnya beliau tidak menamatkan hubungan dengan mana-mana negara Barat. Beliau cuma memberi pandangan dan rasa tidak puas hati kepada seluruh dunia kerana sikap beliau yang suka berterus terang. Pandangan dan kritikan beliau melalui beberapa saluran dan pertubuhan seperti Pertubuhan Bangsa

---

<sup>150</sup> *Berita Harian*, 28 Julai, 1987, hlm. 10.

<sup>151</sup> *Ibid.*, 24 Julai, 1987, hlm. 1.

<sup>152</sup> *Ibid.*, 28 Julai, 1987, hlm. 10.

<sup>153</sup> *Utusan Malaysia*, 21 Julai, 1987, hlm. 2, ‘Lawatan Dr. M ke London tanda pulih hubungan dengan Britain’; Joseph Liow, ‘Keperibadian, tuntutan dan luar-jangkaan: Penentu dasar luar Malaysia’, dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, hlm. 143.

Bersatu, ASEAN, OIC, NAM dan Komanwel.<sup>154</sup> Bantahan dan saranan beliau mendapat perhatian kebanyakan dunia kerana sikap beliau yang suka berterus terang dan berani menyatakan sesuatu yang dianggap sensitif. Beliau juga turut menentang ketidakadilan pihak Barat terutama Amerika Syarikat dan ini telah meletakkan nama Malaysia di peta dunia.<sup>155</sup> Lawatan beliau ke London juga telah membuktikan bahawa beliau bukanlah seorang yang terlalu ekstrim dan anti kepada dunia Barat. Beliau tidak memutuskan hubungan dengan negara Barat dan hanya menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu perkara yang dianggap tidak adil terutama yang dilakukan oleh pihak Barat terhadap negara-negara yang sedang membangun. Ini telah menyebabkan beliau dilabelkan sebagai seorang yang anti-Barat dan jurucakap dunia ketiga.<sup>156</sup> Sikap terbuka dan berterus terang membuatkan ada negara yang tidak dapat menerima teguran dan kritikan Dr. Mahathir terutama negara Barat. Beliau sebenarnya mahukan satu hubungan yang adil dan seimbang dengan semua negara.

Dr. Mahathir menggunakan platform ekonomi dalam menangani masalah hubungan dengan Britain dan menyatakan rasa tidak puas hati terhadap Britain selepas berlakunya beberapa isu yang tidak menyenangkan Malaysia. Perisytiharan BBL adalah memberi 'signal' kepada Britain supaya tidak memandang remeh terhadap rungutan dan rasa tidak puas hati Malaysia. Britain berusaha mengambil inisiatif untuk mencari punca kepada masalah hubungan Malaysia dengan Britain dan mencari jalan penyelesaian untuk memulihkan keadaan yang tegang. Hubungan di antara kedua negara telah lama terjalin dan telah pun mempunyai asas hubungan yang baik tetapi Malaysia mahu mengkaji semula hubungan dengan Britain yang dianggap berat sebelah kepada pihak Britain. Malaysia mahukan suatu kedudukan yang saling hormat menghormati pendirian

---

<sup>154</sup> Ibid.; Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, hlm. 115; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 27 Oktober, 1981; Dr. Mahathir menyatakan: "Saya sudah nyatakan pendirian kita berhubung dengan hubungan antarabangsa, dari segi keutamaan."

<sup>155</sup> Ahmad Kamil Jaafar, *Growing up with the nation*, Singapore: Marshall Cavendish, 2013, hlm. 118.

<sup>156</sup> Mohd Noor Yazid, *Hegemonic powers, radical politics and development state: The case of Indonesia-Malaysia political relations during the Cold War*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 1; Zatul Himmah Adnan, 'Isu Palestin dari perspektif Malaysia: Perkembangan dan kepentingan', dalam Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 180.

negara masing-masing dan hubungan hendaklah berlandaskan kepada keutamaan negara. Malaysia mahukan Britain lebih peka kepada hasrat dan aspirasi Malaysia.<sup>157</sup> Bagi Thatcher hubungan dengan Malaysia perlu berkembang dan berkekalan: “Ia adalah suatu hubungan yang bersejarah dan kita hendaklah memastikan ia berkekalan.”<sup>158</sup>

Hasil pertemuan oleh kedua-dua pemimpin tersebut telah memulihkan semula dan mempererat lagi hubungan Malaysia dengan Britain tetapi Malaysia tetap dengan pendirian mahukan hubungan yang sama rata dan tidak berat sebelah.<sup>159</sup> Malaysia perlu dianggap sebagai negara yang telah lama merdeka dan layanan terhadap Malaysia bukan lagi di antara negara yang dijajah. Sebaliknya layanan yang istimewa diterima oleh pihak Britain tidak dapat diteruskan lagi dan bermulanya satu era baru hubungan Malaysia dengan Britain yang berprinsip sama rata dan saling hormat menghormati.<sup>160</sup> Syarikat-syarikat Britain terpaksa melalui proses persaingan dengan syarikat-syarikat negara lain kerana pintu pelaburan Malaysia terbuka kepada semua negara dan tidak dibeza-bezakan.<sup>161</sup> Soal DPT juga turut dibincangkan dan Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa DPT bukanlah “buy only from the east”.<sup>162</sup> Ia adalah bagi mengimbangi antara negara-negara Barat dan Timur. Malaysia berusaha untuk mempamirkan imej yang tidak berat sebelah kepada mana-mana pelabur-pelabur asing dalam persaingan untuk melabur di Malaysia. Ini dapat menarik lebih ramai lagi pelabur melabur di Malaysia dan dapat meningkatkan ekonomi Malaysia. Malaysia tidak memberi layanan istimewa kepada mana-mana negara yang mahu melabur di Malaysia kerana ia akan mewujudkan suasana yang tidak menyenangkan dan rasa tidak puas hati di kalangan pelabur-pelabur. Seterusnya mewujudkan imej Malaysia yang berat sebelah

---

<sup>157</sup> *Berita Harian*, 21 Julai, 1987, hlm. 1, ‘Mesti memahami aspirasi Malaysia: PM Britain harus lebih peka’; *Utusan Malaysia*, 21 Julai, 1987, hlm. 2, ‘Lawatan Dr. M ke London tanda pulih hubungan dengan Britain’.

<sup>158</sup> *Utusan Malaysia*, 22 Julai, 1987, hlm. 1, ‘Thatcher mahu hubungan Britain – Malaysia berkembang Kekal’.

<sup>159</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 47; *Mingguan Malaysia*, 26 Julai, 1987, hlm. 1.

<sup>160</sup> *Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Publishing, 2014, hlm. 25.

<sup>161</sup> *Berita Harian*, 8 April, 1985, hlm. 1, ‘Jaminan kepada Britain’; *New Straits Times*, 8 Apr. 1985, hlm. 3, ‘British PM: Malaysia a land of opportunity’.

<sup>162</sup> *The Star*, 6 May, 1985, hlm. 3, ‘Thatcher makes pledge on equal partnership’.



dan memberi imej yang tidak baik kepada seluruh dunia. Ini menyebabkan Malaysia akan mengalami kesukaran mendapatkan ramai pelabur untuk melabur di Malaysia.

Dasar Ekonomi Baru yang menjadi salah satu faktor masalah dalam hubungan Malaysia dengan Britain. Isu yang telah lama bermula sejak zaman Tun Razak lagi. Selepas peristiwa 13 Mei, perbincangan dan penyelidikan telah dilakukan dan Malaysia memutuskan untuk melaksanakan DEB bagi kepentingan menstabilkan politik dan suasana negara supaya tidak bergolak lagi. Ia juga menjaga kepentingan orang Melayu terutama dalam bidang ekonomi yang ketinggalan jauh kerana tidak dapat bersaing dengan kaum Cina. DEB merupakan satu paradigma baru bagi pihak syarikat-syarikat Britain dan mereka tidak dapat menerima DEB kerana mereka tidak mahu mematuhi peraturan yang mengenakan kuota dan ditentukan oleh kerajaan Malaysia. Mereka tidak memahami objektif dan keperluan Malaysia melaksanakan DEB dan keengganan pihak Britain menerima DEB berlarutan sehingga ke era Dr. Mahathir.<sup>163</sup> Dr. Mahathir memberi perhatian serius dalam melaksanakan DEB demi kepentingan untuk menarik pelabur asing melabur di Malaysia: “As for foreign investors, I can assure them that any inconvenience will be minimal. In any case those who invest between now and 1990 will not be affected, whatever may be the decision on the future of the NEP.”<sup>164</sup> Dr. Mahathir mempunyai strategi dalam menangani masalah hubungan Malaysia dengan Britain. Kepentingan pelaburan asing tetap dijaga dan diperlukan oleh Malaysia bagi pertumbuhan ekonomi dalam negara bagi mencapai sebagai sebuah negara yang telah membangun. Britain sebagai rakan dagang yang begitu lama tetap dijaga tetapi tidak terlalu diberi muka dan tidak perlu terlalu bergantung kepada Britain. Ini adalah kerana Malaysia memerlukan ramai pelabur asing untuk melabur di Malaysia tanpa mengira

---

<sup>163</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 53.

<sup>164</sup> *Ibid.*; Ucapan di Seminar Pelaburan yang dianjurkan oleh Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) di London pada 22 Julai 1987.

mana-mana ideologi dan juga memastikan Malaysia tidak dipengaruhi oleh mana-mana negara terutama negara-negara maju.<sup>165</sup>

Turut dibincangkan hubungan dua hala dan juga isu-isu yang berkaitan dengan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang akan diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan Oktober 1989.<sup>166</sup> Perbincangan juga ditumpukan kepada isu Palestin yang sama diperjuangkan oleh Malaysia. Percubaan Perdana Menteri Israel, Yitzhak Shamir yang mahukan rakyat Palestin dipisahkan dari dunia luar dengan cara membenarkan mereka memerintah di Tebing Barat sahaja dan enggan mengembalikan semula negara Palestin<sup>167</sup> kepangkuan rakyat Palestin telah ditolak oleh Thatcher. Pihak Britain telah bersama dengan pendirian Malaysia dalam soal kemerdekaan Palestin iaitu kemerdekaan tanpa tanah air tidak bermakna.<sup>168</sup> Berkenaan isu Namibia, Thatcher turut sependapat dengan Dr. Mahathir perlunya memperkukuhkan peranan pasukan Pengaman di Namibia. Afrika Selatan telah menghantar tentera seramai 60,000 orang manakala pasukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu hanya seramai 4,500 orang. Ini telah menyekat proses kemerdekaan Namibia.<sup>169</sup> Mengenai isu hubungan dua hala antara Malaysia dan Britain telah bersetuju membolehkan kedua-dua negara merampas harta mereka yang didapati bersalah terlibat dengan pengedaran dadah. Thatcher turut berjanji akan meneruskan sumbangan teknikal kepada Malaysia dalam membangunkan negara.<sup>170</sup> Pertemuan kali ini lebih kepada merapatkan hubungan yang sedia ada. Pandangan dan pendapat Dr. Mahathir diambil perhatian oleh Thatcher kerana Dr. Mahathir telah diiktiraf oleh kebanyakan negara terutama Negara-negara Dunia Ketiga. Walau bagaimanapun permasalahan apartheid di Afrika Selatan, Thatcher tetap dengan

---

<sup>165</sup> *Berita Harian*, 10 November, 1983, hlm. 4.

<sup>166</sup> *Utusan Malaysia*, 25 Mei, 1989, hlm. 1, 'Mahathir mulakan lawatan di London'; *New Straits Times*, 25 May, 1989, hlm. 1, 'Dr M to meet Thatcher for talks'; *Berita Harian*, 29 Mei, 1989, hlm. 7, 'PM buka lembaran baru dasar luar Malaysia'.

<sup>167</sup> *Ibid.*, 29 Mei, 1989, hlm. 3, 'Lawatan PM buka dimensi baru dalam dasar luar Malaysia'; *New Straits Times*, 29 May, 1989, hlm. 11, 'New dimension in our foreign policy'; *Berita Harian*, 29 Mei, 1989, hlm. 7, 'PM buka lembaran baru dasar luar Malaysia'.

<sup>168</sup> *Ibid.*; *New Straits Times*, 29 May, 1989, hlm. 11, 'New dimension in our foreign policy'; *Berita Harian*, 29 Mei, 1989, hlm. 7, 'PM buka lembaran baru dasar luar Malaysia'.

<sup>169</sup> *Ibid.*; *New Straits Times*, 29 May, 1989, hlm. 11, 'New dimension in our foreign policy'; *Berita Harian*, 29 Mei, 1989, hlm. 7, 'PM buka lembaran baru dasar luar Malaysia'.

<sup>170</sup> *Utusan Malaysia*, 29 Mei, 1989, hlm. 3, 'Lawatan PM buka dimensi baru dalam dasar luar Malaysia'; *New Straits Times*, 29 May, 1989, hlm. 11, 'New dimension in our foreign policy'.

pendirian beliau dan tidak sependapat dengan Dr. Mahathir.<sup>171</sup> Ini tidak mengganggu gugat hubungan antara kedua-dua buah negara kerana kedua-dua negara saling menghormati pendirian masing-masing. Malaysia tetap dengan pendirian sendiri dan tidak perlu menerima pendirian Britain.

Akhir lawatan Dr. Mahathir ke London telah menyedarkan pihak Britain supaya memberi perhatian dan tidak menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang masih dijajah. Sikap Dr. Mahathir yang kritikal dan berterus terang terhadap Britain disambut baik oleh Thatcher.<sup>172</sup> Kebanyakan isu utama telah dibincangkan di Kuala Lumpur dan lawatan balas ini adalah bagi mengeratkan lagi hubungan yang telah terjalin dan membincangkan beberapa isu yang masih belum diselesaikan. Setelah hubungan yang retak diperbaiki, hubungan Malaysia dan Britain mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kedua-dua pihak. Mahathir dan Thatcher berpuas hati dengan pencapaian rundingan-rundingan yang dilakukan. Kedua-dua negara saling menghormati antara satu sama lain. Dasar luar Malaysia era Dr. Mahathir lebih diasaskan kepada soal ekonomi, walaupun tumpuan lawatan adalah ke London, Dr. Mahathir turut melawat dua buah negara blok Sosialis iaitu Hungary dan Soviet Union.<sup>173</sup> Lawatan tersebut dapat digambarkan bahawa Malaysia tidak hanya bertumpu kepada Britain tetapi membuka pintu negara terutama dalam soal ekonomi kepada negara blok Sosialis dan Komunis.<sup>174</sup> Usaha ini dilakukan supaya dapat menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia tanpa mengira perbezaan ideologi.<sup>175</sup> Dr. Mahathir telah berusaha untuk memperkenalkan

---

<sup>171</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 50; *Berita Minggu*, 26 Julai, 1987, hlm. 8, 'Mesej PM dapat perhatian'.

<sup>172</sup> *Mingguan Malaysia*, 26 Julai, 1987, hlm. 1, 'PM: Lawatan yang amat berguna'; *Mingguan Malaysia*, 23 Ogos, 1987, hlm. 7, 'Lawatan Mahathir ke Britain akhiri "zaman gelora"'; Dalam masa yang sama Dr. Mahathir mahukan dua penerbangan tambahan MAS ke London, selepas MAS berjaya memperolehi penerbangan kelima ke London. Permintaan tambahan ini telah ditolak oleh pihak Britain kerana menjaga kepentingan British Airways.

<sup>173</sup> *Berita Harian*, 11 Julai, 1985, hlm. 9, 'PM lawat Britain, Hungary dan Russia mulai 20 Julai'.

<sup>174</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen keenam, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 15, 2 April, 1984, hlm. 2177; Lebihan perdagangan pada tahun 1982 dengan Rusia sebanyak RM494.2 juta, Yugoslavia sebanyak RM35.8 juta, Bulgaria sebanyak RM8.1 juta dan Czechoslovakia sebanyak RM23.4 juta. Import Malaysia terdiri dari baja kimia, bahan kimia dan kimia bukan organan, *polymerization* dan *copolymerization* dan lain-lain barang pengguna.

<sup>175</sup> Faridah Jaafar, *Dasar Luar Tunku Abdul Rahman dan Dasar Luar Mahathir Mohamad: Suatu Kajian Komparatif*, hlm. 77.

kepada dunia bahawa Malaysia boleh berdagang dengan mana-mana negara tanpa mengira ideologi kecuali Afrika Selatan dan Israel.<sup>176</sup>

Margaret Thatcher meletak jawatan dan tidak mahu meneruskan pertandingan bagi pusingan kedua untuk memilih pucuk pimpinan baru parti Konservatif.<sup>177</sup> Beliau telah digantikan oleh John Major sebagai perdana menteri Britain yang baru dan merupakan perdana menteri Britain yang paling muda dalam sejarah negara Britain.<sup>178</sup> Walaupun Margaret Thatcher telah meletakkan jawatan, hubungan Malaysia dengan Britain masih diteruskan tetapi kali ini telah retak semula.<sup>179</sup>

### **Isu Bukit Carcosa**

Terdapat satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir iaitu menggesa pihak Britain memulangkan semula Bukit Carcosa kepada Malaysia.<sup>180</sup> Kediaman di Bukit Carcosa ini telah dibina pada tahun 1890 dengan perbelanjaan sebanyak \$25,000. Ia terletak di kawasan meliputi 7.2 hektar. Bukit Carcosa digunakan sebagai tempat kediaman rasmi Residen Jeneral British pertama, Frank Swettenham pada tahun 1896.<sup>181</sup> Selain daripada kediaman Residen, bangunan ini pernah digunakan oleh tentera Jepun sebagai mes pegawai Jepun dan sebagai balai pertabalan Sultan Selangor, Tengku Kelana oleh pihak Jepun pada tahun 1941.<sup>182</sup>

Tunku telah mengemukakan cadangan untuk menyerahkan Carcosa kepada Britain dalam Mesyuarat Majlis Undangan Persekutuan. Carcosa diserahkan kepada pihak Britain pada 20 Julai 1956 oleh kerajaan Selangor dengan syarat bayaran tahunan seringgit. Carcosa kemudian dipindahkan kepada Kementerian Bangunan Awam dan

---

<sup>176</sup> *Utusan Malaysia*, 18 Julai, 1987, hlm. 8, 'Lawatan Mahathir ke Eropah'.

<sup>177</sup> *Ibid.*, 24 November, 1990, hlm. 2.

<sup>178</sup> *Berita Harian*, 29 November, 1990, hlm. 3, 'Perlantikan John Major, PM baru Britain disokong'.

<sup>179</sup> *Berita Harian*, 13 Mei, 1989, hlm. 17, 'Laporan *Observer* boleh jejas hubungan'; *Star*, 13 May, 1989, hlm. 4, 'Malaysia may act against The Observer'.

<sup>180</sup> Mohd Noor Yazid, *Hegemonic powers, radical politics and development state: The case of Indonesia-Malaysia political relations during the Cold War*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 166.

<sup>181</sup> Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, hlm. 15; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 95; *Berita Harian*, 25 Julai, 1989, hlm. 2.

<sup>182</sup> *Dewan Masyarakat*, Jun 1984, hlm. 27.

Kerja Raya, United Kingdom, Great Britain dan Ireland Utara.<sup>183</sup> Pada bulan September, 1956, menurut Pemegang Mohor Raja-raja Melayu yang mengadakan persidangan akhbar telah memberitahu penyerahan tersebut tanpa pengetahuan mereka.<sup>184</sup> Pada bulan September 1956, Tunku Abdul Rahman bermurah hati memberi Bukit Carcosa kepada kerajaan Britain sebagai menghargai dan membalas jasa pihak Britain terhadap Malaya.<sup>185</sup> Pada waktu itu Tunku adalah Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu menyatakan bahawa hadiah tersebut adalah lambang penghargaan dan persahabatan dengan British.<sup>186</sup> Tunku menyatakan pemberian Carcosa adalah kecil berbanding dengan jasa yang telah diberikan oleh Britain terutama memberi bantuan pertahanan. Tunku menyatakan: “Bukit Carsosa itu hanyalah hadiah kecil terhadap jasa-jasa British.”<sup>187</sup>

Bukit Carcosa melambangkan asas persamaan hak<sup>188</sup> dan kedudukan Carcosa yang strategik dapat melihat pemandangan sekitar Kuala Lumpur dan juga bangunan parlimen. Ia dikatakan sebagai simbolik pengaruh penjajah yang masih wujud lagi walaupun Malaysia telah lama merdeka.<sup>189</sup> Menurut Mantan Menteri Kewangan, Daim Zainuddin keadaan ini mencerminkan pemikiran rakyat Malaysia yang masih dijajah. Dr. Mahathir pula tidak bersetuju dengan penyerahan Carcosa kepada pihak Britain kerana ia terletak di tempat paling tinggi di ibu negara Kuala Lumpur. Ia telah mencalarakan kemerdekaan negara yang telah dicapai begitu lama.<sup>190</sup>

Dr. Mahathir telah mengarahkan supaya pihak Britain memulangkan semula kepada Malaysia. Dr. Mahathir telah menghantar Daim ke London bagi menyuarakan permintaan Malaysia supaya pihak Britain memulangkan kembali Carcosa kepada

---

<sup>183</sup> Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, hlm. 25-27.

<sup>184</sup> *Ibid.*, hlm. 29.

<sup>185</sup> Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 207; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 182; Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, 1994, hlm. 26; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 48.

<sup>186</sup> Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, 1994, hlm. 26.

<sup>187</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, hlm. 193; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Tunku Abdul Rahman, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 8 dan 9 Februari, 1983.

<sup>188</sup> *Dewan Masyarakat*, Jun 1984, hlm. 27; *Berita Harian*, 25 Julai, 1989, hlm. 2, ‘Ratu Elizabeth tetamu pertama Carcosa’.

<sup>189</sup> Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, hlm. 15.

<sup>190</sup> Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 208; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 95.

Malaysia.<sup>191</sup> Ini adalah kerana maruah Malaysia tercalar dengan adanya kediaman pihak Britain yang tersergam di dalam kawasan Kuala Lumpur. Walaupun negara telah lama merdeka, pengaruh Britain masih kekal di atas Bukit Carcosa. Kemerdekaan yang dicapai adalah mutlak dan tidak boleh lagi dijajah semula.<sup>192</sup> Bagi menyahut saranan Dr. Mahathir, semasa Perhimpunan Agung UMNO yang ke 33 Rahmah Osman mewakili Pergerakan Wanita UMNO telah menyuarakan bantahan kerana pemberian tersebut dianggap tidak memberi faedah kepada rakyat Malaysia.<sup>193</sup> Pihak Britain tetap tidak memulangkan semula Carcosa kepada kerajaan Malaysia.<sup>194</sup> Pihak Britain tidak mahu memulangkan Carcosa kerana kedudukannya yang strategik. Memandangkan pada waktu itu Tunku masih hidup lagi, pihak Britain tidak mahu memulangkannya sebagai menghormati Tunku.<sup>195</sup> Tindakan mendesak pihak Britain memulangkan semula Carcosa kepada Malaysia telah secara tidak langsung mencemar nama baik Tunku.<sup>196</sup> Tunku menyatakan: “At one time I had been accused of selling this country to the Chinese, now Carcosa to the British,…” Dr. Mahathir telah bertindak sedemikian bagi mendapatkan semula Carcosa memandangkan kedudukannya yang begitu strategik.<sup>197</sup> Akhirnya pada 12 Mei 1984, pihak Britain mengalah dan telah bersetuju untuk memulangkan semula kepada kerajaan Malaysia tanpa sebarang pampasan dan sebagai ganti Malaysia telah menawarkan sebidang tanah yang terletak di Jalan Ampang untuk menjadi kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi British.<sup>198</sup> Walau bagaimanapun penyerahan rasmi telah dilakukan pada 13 Julai, 1986 dengan satu memorandum

---

<sup>191</sup> Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 49.

<sup>192</sup> Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 94.

<sup>193</sup> Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 49; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 95.

<sup>194</sup> Ibid., Zainuddin Maidin, *The other side of Mahathir*, hlm. 97; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 95.

<sup>195</sup> Cheah, *Malaysia: The making of nation*, hlm. 208; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 49; Zainuddin Maidin, *The other side of Mahathir*, hlm. 98; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 95.

<sup>196</sup> Ibid., hlm. 207-208; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 95.

<sup>197</sup> Ibid., hlm. 208; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 95.

<sup>198</sup> Ibid., hlm. 208; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 49; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 96.

penyerahan semula ditandatangani di Wisma Putra.<sup>199</sup> Tindakan mendesak Britain supaya menyerah semula Bukit Carcosa adalah satu tekanan kepada Britain. Mahathir merupakan seorang yang dikenali sebagai nasionalis telah meminta semula penyerahan Bukit Carcosa supaya menjaga imej Malaysia yang sudah lama merdeka. Pihak Britain tidak lagi diberi layanan istimewa dan Bukit Carcosa yang dianggap kedudukannya yang strategik tidak perlu diberikan kepada Britain walaupun pihak Britain dianggap telah banyak berjasa terhadap Malaysia terutama dalam soal keselamatan.

### **Pandangan Mahathir terhadap Komanwel**

Penubuhan Komanwel mendapat sambutan yang amat menggalakkan kerana banyak negara di bawah empayar Britain yang telah mencapai kemerdekaan terus menjadi ahli anggota Komanwel.<sup>200</sup> Pada asasnya Komanwel<sup>201</sup> ditubuhkan dengan tujuan untuk menyatukan semula tanah jajahan Inggeris yang telah merdeka dan secara tidak langsung pihak Britain masih dapat menjaga kepentingan ekonomi mereka.<sup>202</sup> Semua persidangan diadakan di London dan menjadi tanggungjawab pihak Britain sehinggalah pada tahun 1965 Sekretariat Komanwel ditubuhkan.<sup>203</sup> Persidangan pertama yang diadakan di luar London adalah di Singapura pada tahun 1971.<sup>204</sup> Persidangan Komanwel adalah unik<sup>205</sup> dan diadakan secara sosial dan stail kekeluargaan yang dihadiri oleh negara-negara yang kaya dan miskin.<sup>206</sup>

---

<sup>199</sup> *Berita Harian*, 25, Julai, 1989, hlm. 2; Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 97.

<sup>200</sup> *Malaysia and the Commonwealth CHOGM 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990, hlm. 1; Pada tahun 1950, Komanwel mempunyai anggota terdiri lapan negara iaitu dari negara Australia, Britain, Kanada, Ceylon, India, New Zealand, Pakistan dan Afrika Selatan; *Berita Harian*, 19 Jun, 1989, hlm. 3, 'Komanwel menjadi pertalian istimewa.'; pada tahun 1960, Komanwel hanya terdiri 11 negara dan pada tahun 1970, ia meningkat kepada 30 negara.

<sup>201</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 95; Keahlian Komanwel terbahagi kepada tiga jenis iaitu negara-negara ahli yang masih mengiktiraf Ratu Britain sebagai ketua negara seperti Australia, New Zealand dan Fiji; Negara-negara Republik seperti India, Pakistan dan Singapura dan negara yang mempunyai raja sendiri seperti Malaysia dan Brunei Darussalam.

<sup>202</sup> Chamil Wariya, *Pergolakan antarabangsa: Perkembangan dan isu utama sejak 1945*, hlm. 46.

<sup>203</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 95; Sekretariat Komanwel telah ditubuhkan di London pada tahun 1965 sebagai pusat pentadbiran Komanwel. Ia diketuai oleh Setiausaha Agung Komanwel.

<sup>204</sup> *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990, hlm. 2.

<sup>205</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 95-96; Komanwel tidak mempunyai perlembagaan atau piagam. Negara-negara ahli mempunyai kebebasan untuk keluar daripada menjadi ahli Komanwel. Taraf keahlian adalah sama rata tidak mengira saiz ataupun kedudukan ekonomi sesebuah negara. Walau bagaimanapun Prinsip-prinsip Deklarasi Komanwel Singapura 1971 diwujudkan pada

Kebanyakan negara-negara ahli Komanwel mempunyai persamaan dari segi sejarah dan pengalaman menuntut kemerdekaan. Begitu juga dengan peninggalan British terhadap institusi politik dan birokrasi serta sistem ekonomi. Penggunaan bahasa Inggeris secara meluas dalam kalangan negara-negara ahli Komanwel dan ianya merupakan suara penghubung antara negara-negara Komanwel. Kebanyakan negara-negara ahli Komanwel dalam keadaan miskin dan dalam proses pembangunan. Salah satu objektif penyertaan negara-negara membangun adalah untuk memperolehi bantuan serta kerjasama dari negara-negara yang telah maju seperti Britain, Australia dan Kanada.<sup>207</sup>

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia menjadi anggota ahli Komanwel. Komanwel adalah sebuah badan runding yang tidak terikat dengan sebarang perjanjian dan menjadi forum perbincangan ahli-ahli anggota bagi mencari persefahaman isu-isu bersama. Keanggotaan ahli Komanwel adalah secara sukarela.<sup>208</sup> Dalam dasar luar Malaysia, Komanwel menjadi pertubuhan yang kedua terpenting selepas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pada tahun 1960-an, hubungan Malaysia dengan Komanwel adalah erat dan meliputi tiga aspek utama iaitu keselamatan, ekonomi dan pembangunan. Komanwel berperanan sebagai forum antarabangsa bagi negara-negara membangun bersuara.<sup>209</sup>

Mahathir menjelaskan perkataan Komanwel membawa makna berkongsi kemewahan antara ahli-ahli,<sup>210</sup> pada hakikatnya bukanlah bermakna kongsi kemewahan.<sup>211</sup> Negara-negara yang kaya dalam Komanwel tidak mahu berkongsi

---

Persidangan Ketua-ketua Komanwel di Singapura yang mempunyai empat belas prinsip utama. Prinsip-prinsip ini telah disahkan pada Deklarasi Komanwel Harare 1991.

<sup>206</sup> *The Star*, 15 May, 1985, hlm. 2, 'Jaqueline Tow, How CHOGM came to be'.

<sup>207</sup> *Ibid.*, hlm. 96.

<sup>208</sup> *Utusan Malaysia*, 14 Oktober, 1989, hlm. 4.

<sup>209</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 93.

<sup>210</sup> Chamil Wariya, *Pergolakan antarabangsa*, hlm. 49; Istilah Komanwel digunakan untuk menggambarkan satu bentuk kerajaan yang ditubuhkan oleh Oliver Cromwell di mana kekayaan negara dinikmati bersama.

<sup>211</sup> Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, hlm. 115; Temuramah Rosnah Majid (Wartawan Utusan Malaysia) dengan Dr. Mahathir, disiarkan pada akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu pada 27 Oktober, 1981.



kekayaan mereka dengan negara-negara miskin dalam Komanwel.<sup>212</sup> Ahli-ahli Komanwel perlu membayar sekiranya memerlukan sesuatu dan sekiranya bukan ahli perlu membayar lebih, mereka dapat memperolehi apa yang mereka mahukan. Sebenarnya, bagi negara yang miskin pasti tidak dapat membayar apa yang mereka mahukan di Komanwel. Ia adalah kedudukan yang tidak seimbang antara negara yang kaya dengan negara yang miskin dan jurangnya amatlah besar.<sup>213</sup> Oleh kerana itu Malaysia meletakkan kedudukan Komanwel di tempat keempat dalam hubungan luar negara selepas ASEAN, OIC dan NAM.<sup>214</sup> Dr. Mahathir menjelaskan: “It is because of this that Malaysia has relegated the Commonwealth to fourth place in order of priority in its foreign relations.”<sup>215</sup> Selain daripada kesamaan yang terdapat antara negara-negara Komanwel tidak ada apa kelebihan yang boleh dikongsi kemewahan di Komanwel.<sup>216</sup> Dr. Mahathir menyatakan: “We appreciate the ambience created by the knowledge of common language. We do feel comfortable in surroundings which are often familiar, but beyond that there is really very little.”<sup>217</sup>

Dr. Mahathir beranggapan Komanwel adalah sebagai sebuah pertubuhan yang ‘hidup segan’ dan adalah “creature of the past”.<sup>218</sup> Kenggan Dr. Mahathir menghadiri persidangan negara-negara Komanwel yang dianggap oleh Malaysia sebelumnya sebagai pertubuhan agung telah menggemparkan dunia terutama ahli Komanwel sendiri.<sup>219</sup> Anggota Komanwel sendiri telah mengecam dan mengutuk sikap Perdana Menteri yang dianggap memboikot persidangan Komanwel, terutama dari Australia.<sup>220</sup> Walaupun dikritik Dr. Mahathir tetap berkeras dan enggan hadir ke Persidangan

---

<sup>212</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 274.

<sup>213</sup> *Ibid.*

<sup>214</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, ‘Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa’, dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia’s foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 103; *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 274; *Amanat Presiden: Demi agama, bangsa dan negara: 1981-2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, hlm. 27; Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 74.

<sup>215</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 274.

<sup>216</sup> *Ibid.*, hlm. 86.

<sup>217</sup> *The Glasgow Herald*, 6 Apr. 1985, hlm. 1.

<sup>218</sup> *Ibid.*; *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990, hlm. 9; Jomo K. S., *Warisan ekonomi Mahathir*, hlm. 44; *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 274.

<sup>219</sup> *Berita Harian*, 4 September, 1989, ‘Apakah faedahnya menyertai NAM?’, hlm. 10.

<sup>220</sup> *New Straits Times*, 17 Sep. 1981, hlm. 1, ‘Stupid item on Dr. Mahathir – Aussie Minister’, menerusi Brisbane Radio of Australia Broadcasting Commission; (sebuah stesen pemancar di Queensland telah mengkritik sikap Perdana Menteri itu pada 4 September 1981), Menteri Luar Australia Tony Street menyatakan: Dr. Mahathir sebagai “stupid and offensive”.

Komanwel di Melbourne, Australia. Beliau berpendapat pendirian Komanwel tidak banyak memberi faedah kerana lebih banyak bercakap daripada bekerja.<sup>221</sup> Dr. Mahathir memberitahu: “there is a lot more work to do here in Malaysia.”<sup>222</sup> Ghazali menjelaskan lagi: “...we have not been able to produce greater success story in the economic and social cooperation in the Commonwealth.”<sup>223</sup>

Ketidakhadiran Dr. Mahathir dalam persidangan Komanwel yang diadakan sebelum ini iaitu persidangan Komanwel di Melbourne, Australia pada tahun 1981<sup>224</sup> dan persidangan Komanwel di New Delhi, India pada tahun 1983<sup>225</sup> dikatakan protes Dr. Mahathir terhadap Britain. Ini juga telah merenggang hubungan diplomatik Malaysia dengan Britain serta turut menjejaskan hubungan Malaysia dengan Komanwel.<sup>226</sup> Secara tidak langsung Komanwel dianggap di bawah pengaruh pihak Britain.<sup>227</sup> Keengganan beliau menghadiri persidangan Komanwel di Melbourne, Australia<sup>228</sup> telah ditafsirkan oleh banyak pihak sebagai anti-Britain<sup>229</sup> kerana pada anggapan sesetengah pihak persidangan itu terlalu rapat kaitannya dengan Britain. Apabila beliau memperkenalkan dasar BBL yang terang-terang merupakan protes terhadap Britain. Seiring dengan dasar itu juga, Dr. Mahathir memperkenalkan pula DPT.<sup>230</sup> Namun begitu Malaysia terus menjadi ahli Komanwel<sup>231</sup> kerana setiap ahli Komanwel mempunyai kedudukan tersendiri sama ada kaya atau miskin dan

---

<sup>221</sup> Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, hlm. 33.

<sup>222</sup> *New Straits Times*, 16 Sep. 1981, hlm. 1, ‘Why Dr. M is not going to meeting’.

<sup>223</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, 1981, Vol.14, hlm. 324.

<sup>224</sup> Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 168; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 49.

<sup>225</sup> *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990, hlm. 9; *Utusan Malaysia*, 17 Oktober, 1985, hlm. 1, ‘Apartheid: PM akan jelas pendirian di sidang Komanwel’; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 49.

<sup>226</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, ‘Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa’, dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 99; *Utusan Malaysia*, 15 Oktober, 1985, hlm. 4, ‘Usaha bebaskan kulit hitam dari kekejaman apartheid tajuk utama perbincangan’.

<sup>227</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, New York: Harper: Collins Publishers, 1993, hlm. 52; Mengkritik Komanwel dan melihat Komanwel sebagai sebuah institusi pos koloni.

<sup>228</sup> *Asiaweek*, 16 Oct. 1981, hlm. 50; Bermula pada 30 September, 1981 hingga 7 Oktober, 1981.

<sup>229</sup> Johan Saravanamuttu, *Malaysia's foreign policy: The first fifty years*, hlm. 186; Barry Wain, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, hlm. 49.

<sup>230</sup> Syed Husin Ali, *Orang Melayu: Masalah dan masa depan*, hlm. ix; Kazuki Katayama, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, hlm. 4.

<sup>231</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, ‘Komanwel dan pengurusan Isu-isu antarabangsa’, dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 93; Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2009, hlm. 27.

mempunyai kebebasan untuk melakukan apa sahaja.<sup>232</sup> Ia merupakan sebagai satu forum untuk negara-negara kecil yang baru merdeka dan ramai ketua-ketua negara yang hadir dari negara-negara kecil.<sup>233</sup> Situasi ini membolehkan Malaysia berperanan dalam pembangunan negara-negara kecil.<sup>234</sup> Dilaporkan ada beberapa perkara yang menyebabkan Perdana Menteri kurang senang dengan tindakan pertubuhan dunia itu. Antaranya ialah sifat persidangan itu yang lebih banyak bercakap daripada bekerja<sup>235</sup> yang pada pendapat Dr. Mahathir lebih menguntungkannya berada di Malaysia dari membuang masa menghadiri persidangan itu.<sup>236</sup> Peluang yang boleh diambil dalam Komanwel oleh negara-negara membangun bagi meningkatkan ekonomi masing-masing adalah dengan saling membantu tetapi di Komanwel tidak menampakkan usaha-usaha saling membantu malah negara maju dalam Komanwel sendiri tidak mahu membantu negara-negara membangun.<sup>237</sup> Persoalan yang ditimbulkan oleh Malaysia: “Are they fully utilising the potential of the Commonwealth or are they merely paying lip-service to the Commonwealth ideals of cooperations.”<sup>238</sup>

Hala tuju perdagangan Malaysia dengan Komanwel telah berubah dan lebih memberi perhatian terhadap negara-negara luar dari Komanwel. *Commonwealth preference* yang dikenali tidak lagi menjadi sebahagian besar perdagangan dengan Malaysia kerana ia tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kekuatan dan bantuan dari negara-negara Komanwel. Malaysia telah terikat dengan ASEAN<sup>239</sup> dan Britain pula melibatkan perdagangan mereka dalam Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC).<sup>240</sup> Penglibatan Britain dalam EEC mengecewakan Dr. Mahathir kerana beranggapan

---

<sup>232</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No.2, hlm. 86.

<sup>233</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2009, hlm. 27.

<sup>234</sup> *Berita Harian*, 11 September, 1982, ‘Malaysia tetap anggota Komanwel: Mahathir’, hlm. 6.

<sup>235</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1989, Vol. 22, No. 3, hlm. 52.

<sup>236</sup> *Ibid.*; *New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 4, ‘We have no reason to pull out’; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 168.

<sup>237</sup> *Utusan Malaysia*, 7 Januari, 1987, hlm. 1, ‘Ada anggota Komanwel sendiri mengamalkan sikap diskriminasi: PM tegur negara hanya pandai kutuk’.

<sup>238</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, December 1985, Vol. 18, No. 4, hlm. 415.

<sup>239</sup> *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990, hlm. 13.

<sup>240</sup> *Ibid.*; Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, hlm. 148; Britain menganggotai EEC pada Januari, 1973.

pengasas Komanwel sendiri telah membelakangkan Komanwel. Eksport barangan ke Britain tertakluk kepada skim tarif EEC. EEC telah membenarkan kemasukan barangan pertanian dan perindustrian tanpa cukai dan tanpa sekatan ke atas negara Afrika, Caribbean dan Pasifik (ACP). Malaysia menghadapi persaingan dan ini telah menjejaskan eksport Malaysia ke Britain. Malaysia telah membuat rayuan dan tidak dihiraukan oleh pihak Britain malah Komanwel turut tidak dapat membantu kerana Komanwel dikuasai oleh Britain. Britain melaksanakan *protectionist* dengan alasan mahu melindungi industri tempatan mereka daripada bersaing dengan lain negara. Tindakan Britain ini bersikap negatif dan telah menjejaskan hubungan Malaysia dengan Britain.<sup>241</sup> Mahathir berpandangan EEC merupakan satu kuasa yang mahu mengawal ekonomi dunia dan menjadi batu penghalang terutama kepada blok Timur untuk lebih maju lagi. Mahathir menyatakan: “In the economic field they set up the E.E.C., or European Economic Community, as a means of controlling the world market so that the East would not be able to reverse the economic oppression the West had inflicted on it.”<sup>242</sup>

Malaysia tidak lagi menjadikan bahan mentah seperti bijih timah dan getah sebagai komoditi utama dan tidak lagi bergantung hanya kepada kedua-dua komoditi tersebut. Malaysia telah mempelbagaikan sektor ekonomi dengan menjadi pengeluar minyak kelapa sawit, petroleum, kayu balak dan barang-barang pembuatan.<sup>243</sup> (Lihat Jadual 5.1 di bawah).

---

<sup>241</sup> Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara*, Jilid II, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1997, hlm. 323; Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, hlm. 148.

<sup>242</sup> Mahathir Mohamad, *Mahathir Mohamad: The challenge*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986, hlm. 48.

<sup>243</sup> Hambali Abdul Latif, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 tahun)*, Batu Caves: Penerbit Wadah Karya, 2001, hlm. 29.

**Jadual 5.1: Malaysia: Struktur Eksport 1970-1989 (peratus)**

<b>PRODUK</b>	<b>1970</b>	<b>1975</b>	<b>1980</b>	<b>1985</b>	<b>1989</b>
<b>GETAH</b>	33.4	21.9	16.4	9.6	5.8
<b>TIMAH</b>	14.6	13.1	8.9	3.0	1.7
<b>KAYU BALAK</b>	16.5	12.1	14.1	10.3	10.7
<b>KELAPA SAWIT</b>	5.1	14.3	9.2	11.8	6.9
<b>PETROLEUM</b>	3.9	0.2	23.8	22.6	11.6
<b>PEMBUATAN</b>	11.9	21.4	21.7	31.2	54.0
<b>LAIN-LAIN</b>	9.6	8.0	5.9	11.5	9.3
<b>JUMLAH</b>	100	100	100	100	100

*Sumber:* Lukman Thaib, *The politics and governments of South East Asia*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn Bhd, 1997, hlm. 130.

Sektor pembuatan di antara tahun 1970 hingga tahun 1989 telah meningkat dengan mendadak sekali iaitu daripada 11.9 peratus kepada 54.0 peratus. Begitu juga petroleum daripada 3.9 peratus kepada 11.6 peratus. Kedua-dua sektor ini telah mengambil alih kedudukan getah dan bijih timah. Pada tahun 1970, getah telah menyumbangkan sebanyak 33.4 peratus dan pada tahun 1989 telah merosot kepada 5.8 peratus. Manakala bijih timah pula pada tahun 1970, sebanyak 14.6 peratus kepada 1.7 peratus pada tahun 1989.<sup>244</sup> Pasaran Malaysia tidak lagi tertumpu kepada pasaran Komanwel dengan adanya pelbagai komoditi. Malaysia memerlukan pasaran yang lebih besar bagi memasarkan pelbagai komoditi yang ada dan perlunya keluar dari lingkaran Komanwel.

Mahathir melihat dalam Komanwel sendiri terdapat sikap setengah negara ahli Komanwel yang mengutuk perbuatan diskriminasi tetapi mereka sendiri yang mengamalkannya. Ada negara yang berjuang untuk menuntut hak yang sama bagi kumpulan minoriti di negara lain tetapi tidak bersedia memberikan hak kepada komuniti minoriti negara sendiri. Mereka pula menjadi pencetus kepada kumpulan minoriti untuk membuat kekacauan. Bagi Dr. Mahathir pertubuhan Komanwel adalah sebuah

<sup>244</sup> Lihat Jadual 4.1

pertubuhan yang berbentuk kelab sosial dan mempunyai pertuturan yang sama iaitu bahasa Inggeris dan tidak lebih daripada itu. Komanwel dianggap tidak mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dunia dan juga tidak mampu menyumbang apa-apa kepada dunia.<sup>245</sup>

Komanwel adalah satu forum untuk negara-negara kecil berinteraksi dengan negara-negara maju dan berpeluang menyatakan pendirian dan masalah-masalah serta meminta bantuan daripada negara-negara lain anggota Komanwel tetapi negara maju mengamalkan dasar perlindungan bagi melindungi ekonomi mereka daripada negara-negara sedang membangun daripada menembusi pasaran negara mereka dengan cara menguatkuasakan pelbagai peraturan dan sekatan bagi menyukarkan serta menggagalkan masuknya barangan negara sedang membangun ke pasaran mereka. Komanwel adalah simbol negara-negara yang pernah dijajah telah bebas tetapi mereka menghadapi imperialisme ekonomi oleh negara-negara maju.<sup>246</sup> Komanwel yang menjanjikan penyertaannya mendapat faedah tetapi gagal memenuhi hasrat tersebut. Dr. Mahathir mahu mengubah paradigma Komanwel mengikut arus perubahan dunia dan tidak kekal di tahap mula ditubuhkan. Komanwel tidak lagi dikuasai oleh negara-negara pengasas dari negara-negara maju seperti Britain, Kanada, Australia dan New Zealand.<sup>247</sup> Sebaliknya Komanwel telah dikuasai oleh negara-negara yang pernah dijajah oleh Britain dan sedang berusaha untuk membangunkan negara. Oleh itu bagi mengekalkan kewujudan Komanwel perlunya usaha-usaha yang lebih agresif dan bermakna. Semua ahli mendapat faedah bersama sesuai dengan nama Komanwel iaitu Kemakmuran Bersama.

---

<sup>245</sup> *Berita Harian*, 18 Oktober, 1985, hlm. 18, 'Sidang Komanwel bukan tempat untuk berehat, kata Mahathir'; *New Straits Times*, 18 Oct. 1985, hlm. 1, 'Mahathir leads the charge'; *The Star*, 18 Oct. 1985, hlm. 20, 'Commonwealth: Time to face the realities'.

<sup>246</sup> *Ibid.*

<sup>247</sup> *Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Publishing, 2014, hlm. 119.

Malaysia telah dianggap akan menarik diri daripada Komanwel.<sup>248</sup> Ini berbeza dengan pandangan Dr. Mahathir yang mahu melihat keberkesanan Komanwel sebagai sebuah organisasi yang positif.<sup>249</sup> Ghazali Shafie menjelaskan: “When Dr. Mahathir used the word “reconsider”, it was not a question of reconsidering Malaysia’s membership of the Commonwealth. Dr. Mahathir was going to reconsider what our views are on the actual Commonwealth itself.”<sup>250</sup> Walaupun Dr. Mahathir tidak hadir dalam persidangan Komanwel namun Malaysia masih menghantar wakil bagi menghadiri sidang Komanwel. Dr. Mahathir tidak menolak terus Komanwel kerana terdapat juga beberapa kebaikan yang telah dilakukan oleh Komanwel untuk ahli-ahlinya. Sebagai contoh Rancangan Colombo dan Program Kerjasama Teknikal Kewangan Komanwel (Commonwealth Financial Technical Cooperation) dapat memainkan peranan yang lebih besar bagi merealisasikan potensi Komanwel.<sup>251</sup>

Dalam perjumpaan ketua-ketua kerajaan Komanwel di Melbourne telah menunjukkan bahawa pendapat Malaysia masih dihormati oleh kalangan negara-negara Komanwel. Kebanyakan ahli-ahli Komanwel menunjukkan sikap positif terhadap beberapa cadangan Malaysia bagi mengukuhkan kerjasama antara ahli-ahli Komanwel. Malaysia masih percaya kepada Komanwel tetapi mahukan ahli-ahli Komanwel memberi komitmen yang lebih dalam memberi bantuan kepada negara-negara membangun.<sup>252</sup> Komanwel terdiri daripada 48 negara yang mempunyai pelbagai latar belakang ekonomi dan sosial. Malaysia berpendapat Komanwel boleh memberi sumbangan dan peranan yang besar dalam menjalinkan hubungan dialog Utara-Selatan dan telah membuktikan kebolehan dalam memainkan peranan politik seperti di Afrika

---

<sup>248</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1989, Vol. 22, No. 3, hlm. 52.

<sup>249</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, 1981, Vol.14, hlm. 324.

<sup>250</sup> *New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 3, ‘Ghaz: Emergence of ‘ugly attitude’ on part of Britain’.

<sup>251</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1989, Vol. 22, No. 3, hlm. 52; Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastern Productions Sdn Bhd, 1984, hlm. 154; *Utusan Malaysia*, 13 Mac, 1990, ‘Komanwel kini pertumbuhan paling berjaya – Mahathir’.

<sup>252</sup> *New Straits Times*, 16 Oct. 1981, hlm. 4, ‘We have no reason to pull out’; *New Straits Times*, 17 Oct. 1989, hlm. 2, ‘PM: We must still pressure S. Africa’; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 169.

Selatan dan Namibia.<sup>253</sup> Bagi merealisasikan Komanwel sebagai pertubuhan yang ahlinya bersatu memerlukan negara-negara anggota Komanwel terutama yang menjadi pengasas perlu berdiri teguh dan tidak mudah berputus asa apabila dikritik atau terdapat halangan terutama dalam bidang ekonomi. Mereka adalah sebagai contoh kepada negara ahli-ahli baru Komanwel dan sebagai simbol semangat Komanwel.<sup>254</sup>

Sekembali Dr. Mahathir daripada Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas, Dr. Mahathir telah menggesa supaya diadakan satu kajian tentang objektif dan kepentingan Malaysia di dalam Komanwel. Pada tahun 1986, Kementerian Luar Negara berserta dengan Institut Kajian Strategik dan Hubungan Antarabangsa telah membuat kajian semula rasional keanggotaan Malaysia dalam Komanwel.<sup>255</sup> Laporan Kementerian Luar telah memberi contoh negara Pakistan yang telah menarik diri<sup>256</sup> dari menjadi keanggotaan ahli Komanwel pada tahun 1972,<sup>257</sup> walaupun Pakistan merupakan salah sebuah negara pengasas pertubuhan Komanwel pada tahun 1940-an.<sup>258</sup> Pakistan telah terpinggir dari masyarakat antarabangsa kerana tidak menjadi ahli Komanwel. Oleh itu, keanggotaan Malaysia dalam Komanwel masih relevan dan penting sebagai sebuah negara membangun, Malaysia masih memerlukan kerjasama dalam kalangan negara-negara Komanwel. Malaysia turut melihat adanya potensi kerjasama antara Komanwel yang menguntungkan Malaysia.<sup>259</sup> Kajian yang telah dilakukan oleh Malaysia mendapati kegunaan dan keunikkan Komanwel sebagai sebuah forum perbincangan di antara Ketua-Ketua Kerajaan. Begitu juga peranan

---

<sup>253</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1989, Vol. 22, No. 3, hlm. 52.

<sup>254</sup> *Utusan Malaysia*, 7 Januari, 1987, hlm. 1, 'PM tegur negara hanya pandai kutuk'.

<sup>255</sup> *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, hlm. 10.

<sup>256</sup> *Berita Harian*, 19 Jun, 1989, hlm. 3, 'Komanwel menjadi pertalian istimewa.'; Pada tahun 1972, sebuah negara lagi telah meninggalkan Komanwel kerana tidak berpuas hati dengan beberapa negara anggota Komanwel yang telah mengiktiraf kewujudan Pakistan Timur yang dikenali dengan nama Bangladesh.

<sup>257</sup> *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, hlm. 99-100.

<sup>258</sup> *Dewan Masyarakat*, Oktober 1989.

<sup>259</sup> *Utusan Malaysia*, 14 Oktober, 1989, hlm. 4; Terdapat tiga faedah menjadi keanggotaan Komanwel. Pertama, wujudnya Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang diadakan setiap dua tahun dapat memberi ruang kepada ahli-ahli anggota untuk bertukar pendapat dan mencapai kata sepakat mengenai pelbagai masalah yang dihadapi. Jika dibandingkan dengan badan dunia lain seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi memenuhi tujuan bertukar pendapat dan mencari kata sepakat. Suasana Komanwel yang lebih selesa dan akrab dapat membantu memberikan suasana yang harmoni antara ahli anggota Komanwel. Kaitan sejarah masa lalu dan bahasa yang digunakan lebih menyenangkan para pemimpin berhubung antara satu sama lain dan mencapai persefahaman dalam isu-isu yang dibincangkan. Kedua, Komanwel bukanlah sebuah 'Kelab Sosial' sahaja dan ia adalah sebuah 'Kelab Kerja' yang berusaha mengatasi masalah dunia melalui rundingan bagi mencari persefahaman dan ketiga, Urusetia Komanwel sentiasa menggalakkan dan merancang berbagai program usahasama untuk ahli-ahli anggota khususnya dalam bidang kerjasama teknikal dan pendidikan.



Komanwel di peringkat antarabangsa yang mempunyai pengaruh sebagai satu kumpulan yang mewakili kuasa moderat dan konstruktif bagi keamanan dunia dan kerjasama. Komanwel juga dapat memainkan peranan penting di peringkat antarabangsa sebagai perunding multilateral. Terdapat juga pengiktirafan pelbagai badan di dalam Komanwel sendiri dan potensi bagi pembangunan kerjasama intra-Komanwel. Malaysia boleh memainkan peranan yang lebih aktif dan membuat perubahan yang konstruktif dalam Komanwel.<sup>260</sup>

Memandangkan keadaan politik dunia yang mengalami perubahan yang sangat memberangsang membolehkan Komanwel memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa.<sup>261</sup> Peranan Komanwel dapat memberi sokongan moral dalam perjuangan mendapatkan hak mereka bagi mendapat faedah terutama negara-negara kecil di bawah undang-undang antarabangsa.<sup>262</sup> Negara-negara kecil diberi peluang dalam memberi sumbangan besar bagi menentukan nasib dunia dalam dialog-dialog yang diadakan di antara negara-negara maju. Negara kecil juga dapat menggunakan pertubuhan Komanwel sebagai perlindungan keselamatan negara mereka. Ini terkandung dalam Laporan 1985 yang bertajuk 'Ketidakupayaan negara kecil dalam masyarakat sedunia'.<sup>263</sup>

Dr. Mahathir lantang mengkritik dan mempersoalkan kewibawaan Komanwel<sup>264</sup> tetapi beliau akur dengan peranan Komanwel dibandingkan sebelum ini. Komanwel sebagai sebuah forum antara bekas negara-negara penjajah dengan negara-negara yang dijajah. Ia sudah berbeza kerana Komanwel adalah tempat pertemuan ketua-ketua negara yang setaraf, mempunyai persamaan idea dan aspirasi dalam banyak perkara. Ia telah dapat mengikis sikap negatif lama dan sanggup menerima program-program yang mencerminkan aspirasi negara-negara ahlinya terutama negara-negara membangun.

<sup>260</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1989, Vol. 22, No. 3, hlm. 52.

<sup>261</sup> *ISIS Focus*, No. 56, November 1989, 1989, hlm. 21.

<sup>262</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, December, 1985, Vol. 18, No. 4, hlm. 415.

<sup>263</sup> *Berita Harian*, 7 November, 1989, hlm. 4, 'Peranan Komanwel lebih besar jelang '90-an'.

<sup>264</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 99.

Sebelum ini memang terdapat kerjasama antara negara-negara ahli Komanwel sendiri khususnya dalam Rancangan Colombo dan Tabung Komanwel untuk kerjasama teknikal, dalam isu-isu besar ekonomi dan politik dunia tetapi pendapat Komanwel adalah sangat berbeza dan tidak berkesan. Tambahan pula negara-negara maju dalam Komanwel sendiri tidak peka dengan rayuan dan penderitaan negara ahli Komanwel yang tidak maju apabila menghadapi masalah.<sup>265</sup> Sikap dan keadaan telah berubah, negara-negara maju mula menyedari hakikat bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu mana-mana negara yang kurang maju.<sup>266</sup>

Komanwel juga perlu mengubah sikap anggotanya supaya lebih jujur dan adil di kalangan anggota Komanwel dalam menangani tekanan ekonomi dunia terutama dari negara-negara maju. Ia perlu bertindak untuk mengatasi tekanan dari negara-negara maju dengan berusaha mencari jalan keluar terutama dasar perlindungan yang dikenakan oleh negara-negara maju. Negara-negara maju hanya mahukan barangan komoditi daripada negara-negara Komanwel dengan harga yang murah dan menjual barangan siap kepada negara-negara Komanwel dengan harga yang tinggi.<sup>267</sup> Sebaliknya, apabila negara Komanwel mahu menjual barangan siap di pasaran negara maju pelbagai sekatan telah dikenakan bagi menyukar untuk bersaing dengan barangan siap mereka. Negara-negara maju menggunakan strategi bersaing dalam mengeluarkan bahan mentah dengan memberi subsidi dan sengaja mengeluarkan bahan mentah secara berlebihan dengan tujuan menjatuhkan harga di pasaran.<sup>268</sup>

Komanwel masih penting walaupun terdapat beberapa isu yang masih belum dapat diselesaikan. Dr. Mahathir menyatakan: “Malaysia holds the view that the Commonwealth is still a useful forum although personally I feel that it has not risen to the occasion when it is most needed. I refer to despicable policy of apartheid practiced

---

<sup>265</sup> *Utusan Malaysia*, 13 Mac, 1990, hlm. 2, ‘Komanwel kini perubahan paling berjaya – Mahathir’.

<sup>266</sup> *Ibid.*

<sup>267</sup> Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism*, hlm. 59.

<sup>268</sup> *Ibid.*, hlm. 76.

by the white regime in South Africa.”<sup>269</sup> Ini adalah merujuk kepada keengganan pihak Britain bersetuju bersama ahli Komanwel yang lain mengenakan sekatan ekonomi terhadap rejim Afrika Selatan.<sup>270</sup> Akhirnya Malaysia mengambil pendirian untuk meneruskan keahliannya dalam Komanwel.<sup>271</sup>

### **Dr. Mahathir dan Dasar Aparteid di Afrika Selatan**

Majoriti penduduk di Afrika Selatan adalah penduduk kulit hitam tetapi negara Afrika Selatan dikuasai oleh rakyat kulit putih yang penduduknya adalah minoriti. Isu aparteid<sup>272</sup> di Afrika Selatan telah melibatkan Malaysia bersaing pendirian dengan Britain. Kedua-dua negara mempunyai pendapat dan perbezaan pandangan dalam menangani masalah aparteid di Afrika Selatan dan saling menghormati pendirian satu sama lain. Di Afrika Selatan, kerajaan pemerintahan rakyat kulit putih telah mendiskriminasikan rakyat kulit hitam dan terus menindas mereka sehingga mereka tidak dibenarkan berpolitik.<sup>273</sup> Penindasan yang dilakukan berleluasa dan rakyat kulit hitam tidak dapat menentang kerajaan kulit putih. Mereka memerlukan bantuan dan sokongan daripada negara luar. Rakyat kulit hitam di Afrika Selatan mahu bebas dari belenggu aparteid dan semakin hari semakin ditindas. Rejim Afrika Selatan bertindak ganas bagi menakutkan rakyat kulit hitam di Afrika Selatan dan mengekalkan sistem aparteid.<sup>274</sup> Sistem aparteid yang mahu dipertahankan oleh rejim Afrika Selatan merupakan satu penghinaan kepada rakyat kulit hitam yang ditindas dan diperlakukan sebagai hamba kepada rakyat kulit putih Afrika Selatan.

Sebelum Dr. Mahathir melibatkan diri secara serius dalam mendesak Afrika Selatan dan terdapat bantahan dari kebanyakan negara dengan pelbagai tindakan

---

<sup>269</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 53; Ucapan di Seminar Pelaburan yang dianjurkan oleh Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) di London pada 22 Julai 1987.

<sup>270</sup> *Berita Harian*, 21 Julai, 1987, hlm. 1.

<sup>271</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, 99-100.

<sup>272</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1986, Vol. 19, No. 3, hlm. 57; Aparteid adalah satu sistem yang mengamalkan fahaman perkauman.

<sup>273</sup> *Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, No. 2, June 1981, hlm. 25.

<sup>274</sup> *Ibid.*, No. 1, hlm. 25.

daripada masyarakat dunia terutama daripada pertubuhan Komanwel yang sentiasa mendesak Afrika Selatan supaya menghapuskan dasar aparteid tetapi ia tidak menampakkan keberkesanan. Rejim Afrika Selatan tidak tergugat atau diancam dan mereka meneruskan dasar aparteid.<sup>275</sup> Malaysia tetap dengan pendirian menentang dasar aparteid yang dilaksanakan di Afrika Selatan.<sup>276</sup> Usaha menghapuskan dasar aparteid di Afrika Selatan menjadi lebih berkesan dengan pembabitan Dr. Mahathir kerana sikap ketegasan Dr. Mahathir menangani masalah keengganan Afrika Selatan untuk menurut kehendak dunia supaya menghentikan dasar aparteid mula menampakkan adanya perubahan yang positif.<sup>277</sup>

Pembabitan Dr. Mahathir pada persidangan Komanwel bermula di Nassau, Bahamas yang berlangsung dari 16 Oktober hingga 22 Oktober, 1985. Pada mulanya Dr. Mahathir tidak begitu berminat untuk menghadiri ke persidangan tersebut dan tempat beliau telah diberikan kepada Musa Hitam sebagai wakil Malaysia<sup>278</sup> tetapi kabinet Malaysia telah mengambil keputusan setelah menerima rayuan dari Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shridaht Ramphal<sup>279</sup> dan beberapa orang ketua kerajaan yang mahukan Dr. Mahathir turut sama di dalam Persidangan Komanwel di Nassau, Bahamas.<sup>280</sup> Beliau telah bersetuju kerana melihat kepada perkembangan di Afrika Selatan dan negara-negara Afrika.<sup>281</sup> Perkembangan yang berlaku di Afrika Selatan dan negara-negara Afrika secara keseluruhannya telah menarik perhatian Dr. Mahathir untuk turut serta bersama dalam persidangan kali ini dan dianggap paling sesuai bagi mencari langkah-langkah yang lebih berkesan untuk memperhebatkan lagi desakan dan

---

<sup>275</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1986, Vol. 19, No. 3, hlm. 57; Ada negara yang berkuasa tidak menyertai untuk menghapuskan dasar aparteid.

<sup>276</sup> *Berita Harian*, 16 September, 1985, hlm. 23, 'Apartheid: Malaysia berusaha dapatkan sokongan antarabangsa'.

<sup>277</sup> *Ibid.*; *Foreign Affairs Malaysia*, March, 1986, Vol. 19, No. 1, hlm. 21.

<sup>278</sup> *Berita Harian*, 16 September, 1985, hlm. 23, 'Apartheid: Malaysia berusaha dapatkan sokongan antarabangsa'; *Berita Harian*, 21 September, 1985, hlm. 1, Sidang Komanwel: Kita utamakan isu aparteid'.

<sup>279</sup> *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990, hlm. 111; *Utusan Malaysia*, 17 Oktober, 1985, hlm. 1, 'Apartheid: PM akan jelas pendirian di sidang Komanwel'; *New Straits Times*, 21 Sep. 1985, hlm. 2, 'PM to condemn South Africa at CHOGM'.

<sup>280</sup> *Utusan Malaysia*, 21 September, 1985, hlm. 1, 'Komanwel rayu Dr. M'.

<sup>281</sup> *Berita Harian*, 21 September, 1985, hlm. 1, 'Sidang Komanwel: Kita utamakan isu aparteid'; Musa Hitam pula telah diberi tugas untuk menghadiri dua persidangan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu Sidang Pleno biasa dan persidangan khas Ulang Tahun ke 40 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. *Dewan Masyarakat*, November 1985, hlm. 36.

tekanan ke atas rejim Afrika Selatan dalam menghapuskan dasar apartheid.<sup>282</sup> Dr. Mahathir merasakan perlunya kesinambungan dalam usaha Malaysia mahu menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan. Komen Dr. Mahathir: “Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman adalah seorang pemimpin yang berjaya mendesak Komanwel memecat Afrika Selatan dari pertubuhan itu. Kita berpendapat usaha Tunku itu perlu diteruskan dengan memberikan pandangan Malaysia mengenai perkembangan dasar apartheid di Afrika Selatan sekarang. Malaysia harus menunjukkan pendirian yang tegas terhadap perkara itu.”<sup>283</sup> Mahathir berpendapat usaha Tunku perlu diteruskan lagi dan kali ini pendirian Malaysia menentang dasar apartheid perlu lebih tegas.<sup>284</sup>

Kelantangan dalam membuat beberapa saranan yang berkesan dalam forum-forum antarabangsa telah menarik perhatian ramai pemimpin terutama pemimpin-pemimpin dari Afrika yang mahukan Dr. Mahathir turut hadir<sup>285</sup> terutama Setiausaha Agung Komanwel, Shridath Ramphal yakin Dr. Mahathir dapat memberi sumbangan yang berguna dalam persidangan tersebut.<sup>286</sup> Beliau berkata: “I feel that he can make some valuable contributions.”<sup>287</sup> Dr. Mahathir telah menggunakan platform Komanwel dengan mencadangkan agar sekatan ekonomi yang lebih tegas dikenakan ke atas Afrika Selatan<sup>288</sup> dan Malaysia turut memberi tumpuan khusus kepada pelbagai isu politik dan ekonomi. Dr. Mahathir dianggap dapat memberikan tekanan yang lebih berkesan lagi<sup>289</sup> dan beliau lebih dikenali oleh ahli-ahli negara Komanwel sebagai seorang pemimpin yang pragmatik dan aktif dalam menyelesaikan masalah dunia.<sup>290</sup> Saranan dan kritikan

---

<sup>282</sup> Ibid., 21 September, 1985, hlm. 1, ‘Sidang Komanwel: Kita utamakan isu apartheid’; *New Straits Times*, 15 Oct. 1985, ‘Apartheid issue to top agenda at C’wealth talks’.

<sup>283</sup> *Berita Harian*, 20 September, 1985, hlm. 1; *Utusan Malaysia*, 21 September, 1985, hlm. 1; *New Straits Times*, 21 Sep. 1985, hlm. 1, ‘PM to condemn South Africa at CHOGM’.

<sup>284</sup> Ibid.; *The Star*, 20 Sep. 1985, hlm. 3; Sejak zaman Tunku lagi penglibatan Malaysia dalam Komanwel telah bermula dengan usaha untuk menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan dan Tunku merupakan salah seorang pemimpin yang telah mendesak Afrika Selatan supaya menghapuskan dasar apartheid.

<sup>285</sup> *Utusan Malaysia*, 21 September, 1985, hlm. 1, ‘Komanwel rayu Dr. Mahathir’.

<sup>286</sup> Ibid., 17 Oktober, 1985, hlm. 1, ‘Apartheid: PM akan jelaskan pendirian di sidang Komanwel’; *New Straits Times*, 15 Oct. 1985, hlm. 1.

<sup>287</sup> *New Straits Times*, 15 Oct. 1985, hlm. 1; *Utusan Malaysia*, 15 Oktober, 1985, hlm. 4, ‘Usaha bebaskan kulit hitam dari kekejaman apartheid tajuk utama perbincangan’.

<sup>288</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, March 1986, Vol. 19, No. 1, hlm. 29; *New Straits Times*, 18 Oct. 1985, hlm. 1.

<sup>289</sup> *Berita Harian*, 11 Oktober, 1985, hlm. 1, ‘Malaysia akan syor langkah menentang Apartheid’; *The Star*, 11 Oct. 1985, hlm. 4, ‘Apartheid: PM to seek a definite plan’.

<sup>290</sup> *Utusan Malaysia*, 11 Oktober, 1985, hlm. 1, ‘Mahathir antara pemidato utama di Sidang Komanwel’.

oleh Dr. Mahathir berdasarkan kepada kenyataan yang sedang berlaku dan isu yang dibawa mendapat perhatian dunia dan memberi kesan secara langsung. Di persidangan Komanwel ini beliau telah melabelkan negara Afrika Selatan adalah sebuah negara seperti Israel yang tidak mematuhi dan menghormati peraturan antarabangsa.<sup>291</sup> Ini telah memberi tamparan kepada imej Afrika Selatan yang selama ini tidak dihiraukan.

Dr. Mahathir telah menyuarakan rasa tidak puas hati di atas sikap pemimpin Britain yang tidak mahu turut bersama dengan anggota Komanwel yang lain mengenakan sekatan ke atas Afrika Selatan dengan memberi alasan sekatan yang dikenakan akan menyebabkan rakyat kulit hitam Afrika Selatan akan menderita.<sup>292</sup> Britain adalah sebagai sebuah negara yang disegani dalam Komanwel dan dunia, sepatutnya bersama-sama berpendirian tegas dan berserta mengambil tindakan yang diambil ke atas Afrika Selatan dalam satu suara. Amerika Syarikat bersama Britain tidak bersetuju dengan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan.<sup>293</sup> Walaupun pengaruh Britain masih kuat di kalangan negara-negara Komanwel namun suara Malaysia tidaklah dipinggirkan langsung terutama dalam soal anti-apartheid di Afrika Selatan di mana kepentingan ekonomi Britain di Afrika Selatan terlalu banyak.<sup>294</sup>

Diskriminasi wujud terhadap negara-negara sedang membangun kerana wujudnya perkauman tetapi tidak kepada Afrika Selatan malah terdapat negara-negara yang mampu mengenakan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan tetapi tidak mahu melakukannya dengan memberi pelbagai alasan. Alasan yang menyatakan sekatan ekonomi akan menyebabkan rakyat kulit hitam Afrika Selatan akan menderita<sup>295</sup> sebagai satu alasan yang tidak boleh diterima kerana pada waktu yang sama rakyat kulit hitam sememangnya telah menderita akibat penindasan rakyat kulit putih terhadap

---

<sup>291</sup> *Berita Harian*, 18 Oktober, 1985, hlm. 1, 'Komanwel perlu bertindak atasi masalah, PM: Buktikan kewujudan'; Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, London: Harper Press, 1993, hlm. 512.

<sup>292</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 22 July 1986, Vol. 102, cc204-10; *Malaysian Business*, Nov. 1-15, 1989, hlm. 5, 'Single note of discord'.

<sup>293</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 50; *Margareth Thatcher The autobiography*, London: Harper Press, 1995, hlm. 536.

<sup>294</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 99.

<sup>295</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, hlm. 513; *ISIS Focus*, No. 37, April, 1988, 1988, hlm. 12.

rakyat kulit hitam.<sup>296</sup> Dr. Mahathir dengan lantang mengecam Margaret Thatcher yang dikatakan begitu degil mempertahankan Afrika Selatan daripada diambil tindakan sekatan ekonomi. Dr. Mahathir menyatakan: “Despite the desire of all Commonwealth countries to apply sanction, I cannot understand how Britain alone can insist on having her way.”<sup>297</sup> Semasa Kesatuan Ekonomi Eropah mengambil keputusan mengenakan sekatan ke atas Afrika Selatan, Britain tidak turut serta dengan alasan tindakan tersebut akan melibatkan ekonomi negara yang berjiran dengan Afrika Selatan kerana mereka bergantung kepada negara Afrika Selatan sebagai saluran keluar ekonomi<sup>298</sup> terutama mereka yang menyokong dan membiayai parti Konservatif.<sup>299</sup>

Komanwel merasakan Britain dapat memainkan peranan yang lebih berkesan terhadap rejim Afrika Selatan kerana pihak Britain mempunyai tiga puluh peratus daripada jumlah syarikat asing yang melabur di Afrika Selatan. Menurut sumber Wisma Putra Malaysia diyakinkan Britain sepatutnya dipengaruhi mesyuarat kali ini untuk melaksanakan tekanan yang lebih ke atas rejim Afrika Selatan. Ini adalah salah satu sebab utama kehadiran Dr. Mahathir dalam Persidangan Komanwel di Nassau, Bahamas.<sup>300</sup> Bagi Thatcher ia adalah satu pengalaman baru dan paling sukar: “It was clear that the Commonwealth Heads of Government Meeting in the Bahamas at Nassau that October would be a difficult one for me.”<sup>301</sup> Dr. Mahathir menegaskan perlunya bersikap bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan. Cadangan ini telah mendapat pelbagai reaksi.

---

<sup>296</sup> *Berita Harian*, 18 Oktober, 1985, hlm. 18, ‘Sidang Komanwel bukan tempat untuk berehat, kata Mahathir’; *New Straits Times*, 18 Oct. 1985, hlm. 1, ‘Mahathir leads the charge’; *Utusan Malaysia*, 15 Oktober, 1985, hlm. 4.

<sup>297</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1986, Vol. 19, No. 3.

<sup>298</sup> *Ibid.*, Oktober 1989, hlm. 34, ‘CHOGM mencari kata sepakat’; Sejak tahun 1979, Britain telah menukarkan bentuk bantuan pinjaman berjumlah \$4.71 bilion kepada geran untuk digunakan oleh 22 buah negara termasuk tiga belas negara di Sahara, Afrika. Pada tahun 1986, Britain telah memberi bantuan sebanyak \$6.1 bilion dalam bentuk program bantuan kasar kepada negara-negara yang miskin sebahagian besarnya dari negara Komanwel. Sejumlah \$2.5 bilion bantuan melalui Komanwel termasuk \$207 juta kepada wilayah-wilayah di bawah jajaan Britain. Alasan sebenarnya adalah kerana terdapatnya kepentingan pelabur Britain di Afrika Selatan.

<sup>299</sup> *Dewan Masyarakat*, November 1985, hlm. 37, ‘Persidangan Nassau: Bersantai di Lyford Cay’.

<sup>300</sup> *New Straits Times*, 11 Oct. 1985, ‘Fresh impetus against apartheid’, hlm. 6.

<sup>301</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, London: Harper Press, 1993, hlm. 515; *Margareth Thatcher The autobiography*, London: Harper Press, 1995.

If sanctions can help destroy a despicable policy like apartheid, then sanctions must be applied and they must be applied by those who can hurt most, by the countries with the biggest economic clout. Failure to do so would mean hypocrisy on the part of these countries and that will rub off on the Commonwealth.<sup>302</sup>

Kegagalan usaha mengenakan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan menjelaskan sikap pura-pura anggota Komanwel yang tidak komited terhadap perjuangan membebaskan rakyat kulit hitam Afrika Selatan daripada sistem apartheid.<sup>303</sup>

Karminder Singh berpandangan bahawa:

The continuance of Apartheid in modern times was a sign of double standards of the Western world which pressed for human rights and democracy in the Third World but allowed institutionalized racial discrimination persist in South Africa. In particular, Britain's refusal to participate in trade sanctions on Pretoria signaled to Mahathir the West's hypocrisy.<sup>304</sup>

Kebanyakan negara-negara Komanwel bersetuju dengan tindakan sekatan ekonomi tetapi Britain menolak cadangan tersebut dengan memberi alasan ini akan membuatkan yang lebih terseksa adalah penduduk kulit hitam di Afrika Selatan.<sup>305</sup> Saranan Dr. Mahathir tidak mendapat kata putus daripada ahli-ahli Komanwel supaya sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan dilakukan tetapi ada pihak yang enggan melakukan kerana tidak mahu melihat rakyat kulit hitam menderita. Sikap sedemikian telah dikritik oleh Dr. Mahathir dengan menyatakan: "Are they better off now because we do not apply sanctions? Are the shooting, killing, jailing and torture of the blacks today evidence that they are better off because sanctions are not applied? Has Nelson Mandela been released because no sanctions have been applied? Would Steve Biko<sup>306</sup> be alive today?" Steve Biko telah dibunuh semasa dalam tahanan polis.<sup>307</sup> Walau

<sup>302</sup> *The Star*, 18 Oct. 1985, hlm. 1, 'Mahathir lashes out'; *New Straits Times*, 18 Oct. 1985, hlm. 1.

<sup>303</sup> *New Straits Times*, 18 Oct. 1985, hlm. 1, 'Mahathir leads the charge'; *Berita Harian*, 18 Oktober, 1985, hlm. 1, 'Komanwel perlu bertindak atasi masalah, PM: Buktikan kewujudan'; *The Star*, 18 Oct. 1985, hlm. 20.

<sup>304</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 203.

<sup>305</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, hlm. 513.

<sup>306</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 13 November 1987, Vol. 122, cc676-741.

<sup>307</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1986, Vol. 19, No. 2, hlm. 30.



bagaimanapun, Afrika Selatan telah diberi kata dua supaya membuat perubahan dasar apartheid dalam tempoh enam bulan.<sup>308</sup>

Kesan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan, bukan sahaja ke atas rakyat kulit putih sahaja turut sama menderita rakyat kulit hitam yang sememangnya telah lama menghadapi penyeksaan dan penderitaan yang diterima daripada kekejaman pemerintah rejim Afrika Selatan.<sup>309</sup> Begitu juga dengan negara-negara yang berjiran dengan Afrika Selatan dan negara-negara yang bergantung ekonomi dengan Afrika Selatan turut mendapat kesan yang dialami oleh Afrika Selatan. Thatcher menyatakan:

It has the strongest economy in Africa. Many people vote with their feet and go to work in South Africa in order to get a better living there and they remit a good deal of their earnings to the front-line states. If the economy of South Africa were to collapse, the economies of the front-line states would quickly follow. It is important to keep that economy strong and not to cause more poverty.<sup>310</sup>

Sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan terus dilaksanakan bagi memberi tekanan ke atas Afrika Selatan yang telah beberapa kali diberi peluang untuk mengubah dasar apartheid tetapi tidak dipedulikan oleh Afrika Selatan dan tetap berdegil meneruskan penindasan yang lebih teruk lagi ke atas rakyat kulit hitam di Afrika Selatan.<sup>311</sup> Penindasan dan diskriminasi kaum yang dilaksanakan oleh rejim Afrika Selatan telah mengakibatkan kesengsaraan dan penderitaan ke atas kaum kulit hitam di Afrika Selatan.<sup>312</sup> Banyak negara tidak bersetuju dengan tindakan rejim Afrika Selatan yang mengamalkan dasar apartheid. Dr. Mahathir dengan sinis telah mengkritik

---

<sup>308</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 99; *Berita Harian*, 23 Oktober, 1985, hlm. 3, 'Dasar apartheid: Malaysia kekal pendirian tegas'; *New Straits Times*, 22 Oct. 1985, hlm. 1, 'South Africa gets ultimatum'.

<sup>309</sup> *Berita Harian*, 18 Oktober, 1985, hlm. 1; *New Straits Times*, 18 Oct. 1985, hlm. 1; *Star*, 18 Oct. 1985, hlm. 20.

<sup>310</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

<sup>311</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September 1986, Vol. 19, No. 3, hlm. 58; *Foreign Affairs Malaysia*, March, 1986, Vol. 19, No. 1, hlm. 21.

<sup>312</sup> *New Straits Times*, 18 Oct. 1985, hlm. 1, 'Mahathir leads the charge'; *Berita Harian*, 18 Oktober, 1985, hlm. 18, 'Sidang Komanwel bukan tempat untuk berehat, kata Mahathir'; *The Star*, 18 Oct. 1985, hlm. 20, 'Commonwealth: Time to face the realities'.

Komanwel dalam menyelesaikan kemelut yang dihadapi oleh Afrika Selatan dengan menyatakan:

If the Commonwealth refuses to do so something definite, then the club should cease to pretend. It should admit that it really cannot contribute towards solving the problems faced by its members, if not the world. Then we can relax and enjoy our get together.<sup>313</sup>

Penentangan dan desakan serta tekanan dari beberapa negara anggota Komanwel termasuk Malaya yang pada waktu itu diwakili oleh Tunku hanya berjaya memaksa Afrika Selatan keluar dari keanggotaan Komanwel adalah tidak membawa perubahan yang besar terhadap dasar aparteid tetapi dasar aparteid terus hidup sehinggalah ke beberapa persidangan Komanwel yang diadakan setiap dua tahun tidak menampakkan dengan jelas bahawa rejim Afrika Selatan akan berubah dan menghapuskan dasar aparteid. Penduduk kulit hitam Afrika Selatan terus menderita dan kekejaman rejim Afrika Selatan terus berlaku. Penindasan dan diskriminasi terhadap hak rakyat kulit hitam Afrika Selatan telah dinafikan dan terus menjadi hamba kepada rejim Afrika Selatan yang sepatutnya tidak wujud lagi dalam keadaan dan suasana politik dunia yang telah berubah dan mengiktiraf hak asasi individu.<sup>314</sup> Dr. Mahathir menyatakan: "There is no Government like the regime in South Africa. It is a total pariah. It legalises the morally illegal. Minority is majority. Slavery is freedom. Ghettos are nations."<sup>315</sup>

Sekatan ekonomi<sup>316</sup> adalah satu-satu cara yang lebih berkesan untuk mengubah pendirian rejim Afrika Selatan terhadap dasar aparteid yang dilaksanakan di Afrika Selatan. Desakan dan tekanan dikenakan ke atas rejim Afrika Selatan telah mula menampakkan kesan yang positif dan momentum ini diteruskan bagi terus melemahkan rejim Afrika Selatan. Dr. Mahathir berpendapat: "We must strike while the iron is hot.

<sup>313</sup> *Berita Harian*, 18 Oktober, 1985, hlm. 18, 'Sidang Komanwel bukan tempat untuk berehat, kata Mahathir'; *New Straits Times*, 18 Oct. 1985, hlm. 1, 'Mahathir leads the charge'; *The Star*, 18 Oct. 1985, hlm. 1, 'Mahathir lashes out'; *The Star*, 18 Oct. 1985, hlm. 20, 'Commonwealth: Time to face the realities'.

<sup>314</sup> *Ibid.*, 18 Oktober, 1985, hlm. 1, 'PM: Buktikan kewujudan'; *Berita Harian*, 19 Oktober, 1985, hlm. 1, 'Gema ucapan Dr. Mahathir'.

<sup>315</sup> *The Star*, 18 Oct. 1985, hlm. 20, 'Commonwealth: Time to face the realities'; *ISIS Focus*, No. 37, April, 1988, 1988, hlm. 12.

<sup>316</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, December 1987, Vol. 20, No. 4; Resolusi PBB 435/1978.

There has never been a similar moment like the present when the white South Africans are most susceptible to international pressure.”<sup>317</sup> Persidangan ini juga membuat beberapa tindakan bagi memberi tekanan kepada rejim Afrika Selatan antaranya mengharamkan semua bentuk pinjaman baru, mengenyepikan import krugerrand (syiling wang emas Afrika Selatan), mengharamkan penjualan dan eksport peralatan komputer bagi kegunaan tentera, polis dan pasukan keselamatan, dan mengharamkan kontrak baru bagi penjualan dan eksport barangan nuklear, bahan-bahan dan teknologi ke Afrika Selatan.<sup>318</sup> Selepas tempoh enam bulan sekiranya Afrika Selatan masih berdegil, tindakan seterusnya adalah mengharamkan hubungan udara dengan Afrika Selatan, mengharamkan pelaburan baru atau pelaburan semula, mengharamkan import barangan pertanian, membatalkan perjanjian pencukaian dua kali, mengharamkan hubungan dengan kerajaan Afrika Selatan dan mengharamkan promosi pelancungan ke Afrika Selatan.<sup>319</sup> Persetujuan bersama diambil oleh semua negara anggota Komanwel kecuali Britain.<sup>320</sup> Keengganan Britain turut serta dalam mengenakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan dianggap sebagai “hiprokasi barat”.<sup>321</sup> Britain telah melabur di Afrika Selatan sebanyak USD14 bilion (RM35 bilion) dan merupakan rakan dagang Komanwel yang terbesar.<sup>322</sup> Ini diakui sendiri oleh Thatcher dengan menyatakan: “It was also true that Britain had important trading interest in the continent...”<sup>323</sup> Demi menjaga kepentingan pelaburan Britain di Afrika Selatan,<sup>324</sup> Thatcher telah mengecam negara-negara Komanwel yang menyokong sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan dan mengugut sekiranya negara-negara Komanwel menghadapi masalah kewangan, pihak

---

<sup>317</sup> *New Straits Times*, 19 Oct. 1985, hlm. 1, ‘Dr. M: There’s no alternative to economic sanctions’.

<sup>318</sup> *Commonwealth*, Vol. 28, No. 3, January, 1986, hlm. 111; *Berita Harian*, 23 Oktober, 1985, hlm. 3.

<sup>319</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 22 July 1986, Vol. 102, cc204-10; *New Straits Times*, 23 Oct. 1985, hlm. 3, ‘Dasar apartheid masih kekal pendirian tegas’; *New Straits Times*, 22 Oct. 1985, hlm. 1; *The Star*, 23 Oct. 1985, hlm. 7, ‘KL to maintain strong stand on apartheid’; *Commonwealth*, Vol. 28, No. 3, January, 1986, hlm. 111; *Berita Harian*, 23 Oktober, 1985, hlm. 3.

<sup>320</sup> *Berita Harian*, 23 Oktober, 1985, hlm. 3, ‘Dasar apartheid: Malaysia kekal pendirian tegas’; *New Straits Times*, 23 Oct. 1985, hlm. 1, ‘South Africa gets ultimatum’.

<sup>321</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 203.

<sup>322</sup> *New Straits Times*, 22 Oct. 1985, hlm. 1.

<sup>323</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, hlm. 513.

<sup>324</sup> *Ibid.*

Britain tidak akan memberi bantuan.<sup>325</sup> Dr. Mahathir menarik perhatian dunia dengan menyatakan: “..But it is not revenge and killing that we are asking for. We are merely asking for sanctions now by those whose economic clout has the necessary force.”<sup>326</sup>

Bermula dengan desakan oleh Dr. Mahathir di Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas pada tahun 1985 supaya sekatan ekonomi yang lebih tegas dikenakan ke atas Afrika Selatan telah menyebabkan ianya berlanjutan kepada setiap persidangan Komanwel yang diadakan bagi memberi tekanan kepada Britain supaya bersama-sama ahli negara Komanwel yang lain mengambil tindakan bersama menyekat ekonomi Afrika Selatan.<sup>327</sup> Persidangan Komanwel seterusnya diadakan di Vancouver, Kanada pada tahun 1987<sup>328</sup> dan isu utama adalah penyingkiran Fiji dari menjadi anggota Komanwel yang dikatakan mengamal dasar perkauman seperti yang dilakukan oleh Afrika Selatan. Tindakan ini cuba dipertikaikan oleh Malaysia tetapi masih tidak dapat menahan Fiji daripada disingkirkan daripada Komanwel.<sup>329</sup> Walau bagaimanapun, isu dasar apartheid di Afrika Selatan turut dibincangkan.

Dr. Mahathir telah menggesa negara anggota Komanwel yang dianggarkan seramai satu perempat daripada penduduk dunia mengenakan sekatan ekonomi secara menyeluruh ke atas Afrika Selatan. Kesemua negara anggota Komanwel bersetuju untuk mengenakan sekatan ekonomi kecuali Britain yang masih tidak mahu bersama negara anggota Komanwel yang lain menyekat ekonomi Afrika Selatan.<sup>330</sup> Thatcher menjelaskan: “So as the 1987 CHOGM at Vancouver approached I was still in no mood

---

<sup>325</sup> *New Straits Times*, 22 Oct. 1985, hlm. 1.

<sup>326</sup> *Ibid*; Di Persidangan Sekatan ke atas Perkauman Afrika Selatan yang diadakan pada 16-20 Jun, 1986, di Paris, Perancis, Lim Taik Choon Duta Malaysia di Perancis telah mewakili Malaysia menegaskan pendirian Malaysia supaya sekatan ekonomi diteruskan secara mandatori. Beliau juga menyatakan bahawa Malaysia tidak mempunyai hubungan dagangan dan melarang rakyat Malaysia melancong ke Afrika Selatan.

<sup>327</sup> Roy Anthony Rogers, Malaysia, ‘Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa’, dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia’s foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 99.

<sup>328</sup> *Ibid.*, December 1987, Vol. 20, No. 4, hlm. 95.

<sup>329</sup> *New Straits Times*, 27 Oct. 1987, hlm. 2, ‘tried my best to defend Fiji: PM’; *The Star*, 22 Oct. 1987, hlm. 2, ‘Unfair of Commonwealth to sack Fiji: Mahathir’; Chandran, *Malaysia: Fifty years of diplomacy*, hlm. 186-187.

<sup>330</sup> *Utusan Malaysia*, 2 November, 1987, hlm. 14, ‘Pendirian Mahathir di Vancouver patut dipuji’; *New Straits Times*, 10 Oct. 1989, hlm. 2, ‘Apartheid the crunch issue’.

to compromise.”<sup>331</sup> Ada yang berpendapat bahawa sekatan ekonomi tidak berapa berkesan dan ada juga negara anggota Komanwel yang enggan turut bersama mengambil langkah dengan mengenakan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan.<sup>332</sup> Perkara ini amat membimbangkan kerana ia boleh memecah belahkan ahli-ahli Komanwel sendiri dalam menangani masalah di Afrika Selatan dan juga boleh melemahkan impak tekanan ke atas rejim Afrika Selatan. Sekatan ekonomi ini adalah untuk memberi isyarat kepada rakyat Afrika Selatan khususnya rakyat kulit hitam bahawa mereka tidak lagi bersendirian dalam menghadapi kekejaman rejim Afrika Selatan. Ini juga dapat menggalakan semangat untuk bangkit dan bangun untuk bertindak dengan membuat perubahan bagi membela nasib sendiri dari ditindas terus oleh rejim Afrika Selatan.<sup>333</sup> Dr. Mahathir telah menggesa negara-negara anggota Komanwel menghentikan perbincangan mengenai pro dan kontra tindakan untuk mengenakan sekatan ekonomi terhadap rejim Afrika Selatan dan memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk mencari jalan penyelesaian segera terhadap dasar apartheid di Afrika Selatan.<sup>334</sup> Ini amat penting kerana rakyat kulit hitam masih lagi ditindas oleh rejim Afrika Selatan dan hak mereka sebagai rakyat Afrika Selatan masih dinafikan.<sup>335</sup>

Di persidangan ini Dr. Mahathir sempat membidas akhbar di Britain yang berat sebelah dalam melaporkan laporan persidangan Komanwel. Mereka beranggapan bahawa dengan protes Britain terhadap tindakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan sebagai satu kejayaan. Dr. Mahathir menyatakan: “This is strange since 48 countries had voted for sanctions. It was still considered a victory for Great Britain, the only country that vetoed it.”<sup>336</sup>

Seterusnya, pada tahun 1989 persidangan Komanwel diadakan di Kuala Lumpur. Ini telah memberi kelebihan kepada Dr. Mahathir dalam menyuarakan

---

<sup>331</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, London: Harper Press, 1993

<sup>332</sup> *ISIS Focus*, No. 37, April, 1988, 1988, hlm. 12.

<sup>333</sup> *Berita Harian*, 16 Oktober, 1987, hlm. 1, ‘Segera hapus apartheid: PM’.

<sup>334</sup> *The Star*, 16 Oct. 1987, hlm. 6, ‘Dr. M to rich nations: Don’t exploit others’.

<sup>335</sup> *Berita Harian*, 16 Oktober, 1987, hlm. 1, ‘Segera hapus apartheid: PM’.

<sup>336</sup> *New Straits Times*, 27 Oct. 1987, hlm. 2, ‘tried my best to defend Fiji: PM’.

mendesak serta memberi tekanan kepada anggota negara Komanwel supaya bertindak dengan lebih realistik dan tegas dalam usaha menghapuskan dasar aparteid di Afrika Selatan. Tekanan terhadap sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan diteruskan lagi. Semua ahli negara Komanwel bersetuju dengan tindakan tersebut kecuali Britain.<sup>337</sup> Kedegilan Britain untuk bersama dengan Komanwel untuk mengenakan sekatan ekonomi dijelaskan oleh Nicholas Spreckley bahawa dalam isu aparteid di Afrika Selatan, kerajaan Britain masih tidak berganjak dengan keputusan yang telah dibuat dalam CHOGM ke 26 di Vancouver, Kanada pada tahun 1987.<sup>338</sup>

Dr. Mahathir meneruskan tekanan ke atas rejim Afrika Selatan secara lebih efektif lagi dan selepas persidangan Komanwel 1989 telah berjaya menarik masyarakat dunia untuk turut bersama dalam menangani dasar aparteid di Afrika Selatan. Di persidangan khas PBB telah mengambil sepuluh ketetapan bagi menamatkan dasar aparteid dan memberi tempoh enam bulan iaitu sehingga 1 Julai, 1990 untuk mengambil langkah yang lebih tegas bagi membolehkan rundingan dilaksanakan.<sup>339</sup> Beliau menegaskan kebimbangan kesan pelaksanaan sekatan ekonomi terhadap rakyat kulit hitam di Afrika Selatan adalah tidak tepat. Beliau mahukan tindakan sekatan ekonomi diteruskan lagi dan diperhebatkan lagi serta turut menggesa pelaburan dan pengaliran kewangan ke Afrika Selatan dihentikan sepenuhnya.<sup>340</sup> Bagi Thatcher sekatan ekonomi yang dikenakan terhadap Afrika Selatan adalah tidak menyeluruh dan ada negara lain yang telah mengambil kesempatan berdagang dengan Afrika Selatan.

One of two things happens with economic sanctions. If they do not work, it is because other countries take up the trade. To some extent, that has already happened in South Africa. Our share of the trade in South Africa is less than it was, and Germany and Japan have taken up that trade.<sup>341</sup>

---

<sup>337</sup> Ibid., hlm. 10, 'African tipped for top post in Commonwealth'; *New Straits Times*, 17 Oct. 1989, hlm. 2, 'PM: We must still pressure S. Africa'.

<sup>338</sup> *Utusan Malaysia*, 14 Oktober, 1989, hlm. 4.

<sup>339</sup> *Berita Harian*, 16 Disember, 1989, hlm. 1, '10 Ketetapan akhiri aparteid'.

<sup>340</sup> Ibid., 19 Oktober, 1989, hlm. 1.

<sup>341</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

Walaupun Malaysia dan negara anggota Komanwel adalah bekas tanah jajahan Britain telah mendesak supaya pihak Britain mengubah polisi negaranya terhadap Afrika Selatan dan mendesak bank-bank di Britain tidak menjadualkan semula pinjaman yang diberikan kepada Afrika Selatan<sup>342</sup> akan dapat melemahkan ekonomi Afrika Selatan dan seterusnya memberi impak kepada rejim Afrika Selatan untuk mempercepatkan proses menghapuskan dasar aparteid. Bagi mempertahankan dasar aparteid di Afrika Selatan, ianya memerlukan kedudukan ekonomi yang kuat dan memerlukan modal dari luar negara terutama bank-bank Britain seperti Standard Chartered dan Barclay adalah pemberi pinjaman paling besar kepada Afrika Selatan berbanding dengan negara-negara lain.<sup>343</sup> Britain berpendapat pemboikotan ekonomi terhadap rejim Afrika Selatan bukanlah jawapan kepada masalah rakyat kulit hitam di Afrika Selatan.<sup>344</sup>

Sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan telah menampakkan impaknya melalui satu laporan yang telah dikeluarkan oleh Laporan Jawatankuasa Menteri-Menteri Luar Komanwel mengenai Afrika Selatan bertajuk “Afrika Selatan: Laporan Sekatan” diterbitkan pada 6 Oktober, 1989 telah menyatakan bahawa iklim ekonomi Afrika Selatan sudah berubah dan meramalkan dalam tempoh dua tahun akan datang dijangkakan ekonomi Afrika Selatan dalam keadaan bahaya iaitu pada tahun 1990 dan 1991. Masalah dan beban hutang yang sedang dihadapi oleh Afrika Selatan akan menambah sulitkan negara itu seperti apa yang telah berlaku pada tahun 1985. Ini akan berlaku apabila beberapa pihak Bank tidak mahu memperbaharui pinjaman yang telah dilakukan oleh Afrika Selatan. Laporan itu turut meramalkan rejim Afrika Selatan akan menghadapi masalah dalam usaha untuk membayar balik semula pinjaman jangka masa pendek yang dianggarkan berjumlah US\$14,000 juta (RM37,380 juta).<sup>345</sup>

---

<sup>342</sup> *New Straits Times*, 27 Sep. 1989, hlm. 10, ‘Pressure on Thatcher to impose sanction’.

<sup>343</sup> *Ibid.*

<sup>344</sup> *Utusan Malaysia*, 14 Oktober, 1989, hlm. 4.

<sup>345</sup> *Berita Harian*, 18 Oktober, 1989, hlm. 2.

## Bantahan Thatcher Terhadap Sekatan Ekonomi Rejim Afrika Selatan

Thatcher pada awal lagi telah mempunyai agenda tersendiri dalam menangani isu aparteid di Afrika Selatan. Beliau berpendirian bahawa tindakan Britain dalam menangani isu aparteid adalah betul dan perlu dilaksanakan dengan secara aman dan memberi bantuan kepada Afrika Selatan. Ada negara-negara Komanwel yang telah memberi bantuan kepada Afrika Selatan secara diam-diam dan turut berpendapat bahawa tindakan melalui sekatan akan gagal.<sup>346</sup> Menurut Thatcher lagi kebanyakan rakyat kulit hitam Afrika Selatan tidak menyokong sekatan dilakukan kerana ini menyebabkan mereka hilang pekerjaan. Walau bagaimanapun, Britain tidak menolak tindakan *embargo* persenjataan dan perjanjian Gleanegles yang menghalang hubungan menerusi sukan. Britain juga turut mendesak Afrika Selatan menghapuskan aparteid apabila tidak dapat menarik pelaburan baru dan menggalakan mereka supaya melakukan perubahan dengan memansuhkan perundangan yang melibatkan aparteid, membebaskan rakyat kulit hitam dan berunding dengan wakil sah kulit hitam. Beliau berpendapat masalah dalaman negara Afrika Selatan hanya boleh diselesaikan oleh rakyat Afrika Selatan juga dan bukan dari dunia luar.<sup>347</sup> Begitu juga F. W. De Klerk, Presiden Afrika Selatan<sup>348</sup> mengkritik Komanwel dengan menyatakan: “interfering in the internal affairs of a sovereign country.”<sup>349</sup> Hubungan Britain dengan Afrika Selatan memang telah lama wujud terutama hubungan dagang emas sebagai pengimport emas Afrika Selatan, Thatcher berpendapat ia tidak bermakna Britain akan menjadi penyokong Afrika Selatan. Beliau tetap tidak bersetuju adanya campurtangan dari luar dan jalan penyelesaian adalah melalui rundingan.<sup>350</sup> Thatcher menegaskan: “I did not believe that it was for outsiders to impose a particular solution.”<sup>351</sup> Berpandukan kepada pilihanraya

---

<sup>346</sup> *Mingguan Malaysia*, 15 Oktober, 1989, hlm. 9, ‘Kita Seia Sekata atas banyak perkara – Thatcher’.

<sup>347</sup> *Ibid.*

<sup>348</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, hlm. 529.

<sup>349</sup> *Malaysian Business*, Nov. 1-15, 1989, hlm. 2, ‘Single note of discord’.

<sup>350</sup> *Mingguan Malaysia*, 15 Oktober, 1989, hlm. 9, ‘Kita Seia Sekata atas banyak perkara – Thatcher’.

<sup>351</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, hlm. 513.



umum yang diadakan di Afrika Selatan telah memberi petunjuk bahawa 70 peratus pengundi kulit putih telah memberikan sokongan kepada parti yang mahu membawa perubahan dan de Klerk telah memberi komitmen untuk membuat perubahan. Bagi Britain kejayaan ini adalah sesuatu yang memberansangkan dan menampakkan ada usaha untuk menghapuskan dasar aparteid di Afrika Selatan.<sup>352</sup> Thatcher menjelaskan: “In the light of this and other recent steps, our aim must surely be to reward progress and encourage South Africa further down the path of reform, rather than to respond with more punitive sanctions.”<sup>353</sup> Thatcher mengkritik sidang Komanwel di Kuala Lumpur sebagai sebuah persidangan ‘parti teh’ dibandingkan dengan persidangan Komanwel yang diadakan di Nassau pada tahun 1985.<sup>354</sup> Mahathir berpendapat: “I no longer think it is a genteel tea party where everyone sits around speaking English.”<sup>355</sup> Thatcher tidak percaya sekatan yang dikenakan dapat mengubah dasar aparteid Afrika Selatan. Sekatan yang dikenakan secara tidak langsung adalah berlawanan dengan Kenyataan Komanwel yang menyatakan untuk menghasilkan kejayaan secara politik dengan mengenakan tekanan: “to increase resistance rather than to encourage change.”<sup>356</sup> Thatcher berpendapat sekatan ini juga akan menyebabkan negara Afrika Selatan jatuh miskin dan dalam keadaan yang menderita.<sup>357</sup> Beliau menolak cadangan untuk menubuh satu agensi bebas bagi memantau jalinan kewangan Afrika Selatan atau mempersetujui kesinambungan jawatankuasa Menteri-Menteri Luar Komanwel.<sup>358</sup> Turut tidak dipersetujui oleh Thatcher adalah *embargo* terhadap senjata menurut Resolusi Majlis Keselamatan PBB 418 dan 558<sup>359</sup> termasuk peralatan tentera dan teknologi semasa.<sup>360</sup>

Thatcher yakin sebelum persidangan Komanwel di Zimbabwe pada tahun 1991, Afrika Selatan telah berubah dan pendirian beliau menentang hukuman sekatan ke atas

<sup>352</sup> *Mingguan Malaysia*, 15 Oktober, 1989, hlm. 9, ‘Kita Seia Sekata atas banyak perkara – Thatcher’.

<sup>353</sup> *Hansard*, House of Commons, 26 October 1989, Vol 158, cc1049-61.

<sup>354</sup> *Daily Telegraph*, 25 Oct. 1989.

<sup>355</sup> *Malaysian Business*, Nov. 1-15, 1989, hlm. 5.

<sup>356</sup> *Morning Star*, 24 Oct. 1989, ‘Outrage at PM’s torpedo.’; *Morning Star*, 23 Oct. 1989, ‘Britain alone on apartheid’.

<sup>357</sup> *Ibid.*, 23 Oct. 1989, ‘Britain alone on apartheid.’

<sup>358</sup> *Ibid.*; *New Straits Times*, 14 Dec. 1989, hlm. 8.

<sup>359</sup> *Commonwealth*, Vol. 28, No. 3, January, 1986, hlm. 111.

<sup>360</sup> *Morning Star*, 23 Oct. 1989, ‘Britain alone on apartheid.’

Afrika Selatan dapat dibuktikan adalah benar. Apabila kerajaan Afrika Selatan telah berubah dan dasar apartheid akan turut ditamatkan. Thatcher yakin kerajaan baru Afrika Selatan akan berterima kasih dengan Britain.<sup>361</sup> Thatcher menyatakan: “When South Africa gets its constitution reformed and a new Government, that Government will inherit a strong economy. For that there will be one country in the Commonwealth that it can thank-Britain.”<sup>362</sup> Thatcher cuba mempengaruhi negara Komanwel untuk tidak mengenakan sekatan tetapi tiada negara yang bersetuju dengan cadangan Thatcher. Margaret Thatcher berkata: “If it is once again one against 48, then I am very sorry for the 48.”<sup>363</sup> Beliau mendapat sokongan daripada Presiden Afrika Selatan, de Klerk yang mengutuk persidangan Komanwel 1989 kerana mahu meneruskan lagi sekatan ke atas Afrika Selatan dan mengalu-alukan pendirian Britain menentang sekatan ke atas Afrika Selatan.<sup>364</sup>

Matlamat rundingan adalah bagi mewujudkan sebuah negara baru yang teguh dan bersatu padu yang ditadbirkan oleh rakyat Afrika Selatan tanpa mengira warna kulit dan kedudukan. Thatcher turut mempunyai pandangan yang sama: “But simply because I recognized them did not mean that I held any brief for apartheid. The colour of someone’s skin should not determine his or her political rights.”<sup>365</sup> Rejim Afrika Selatan perlu mengamalkan demokrasi dengan menjamin hak dan kebebasan rakyat untuk bersuara serta dilindungi undang-undang. Ia juga perlu menghormati hak dan kedaulatan negara-negara jiran bagi menjamin suasana yang aman.<sup>366</sup> Pertelingkahan pendapat ini tidak membawa apa-apa impak secara langsung kepada hubungan Malaysia dengan Britain. Kedua-dua negara saling menghormati pendirian yang telah diambil oleh kedua-dua negara.

---

<sup>361</sup> *Daily Telegraph*, 25 Oct. 1989.

<sup>362</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

<sup>363</sup> *Malaysian Business*, Nov. 1-15, 1989, hlm. 2, ‘Single note of discord’.

<sup>364</sup> *Daily Telegraph*, 24 Oct. 1989.

<sup>365</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, hlm. 513.

<sup>366</sup> *Berita Harian*, 16 Disember, 1989, hlm. 1, ‘10 Ketetapan akhiri apartheid’.

## **Kenyataan Kuala Lumpur 1989**

Setelah beberapa kali persidangan Komanwel diadakan usaha untuk membentaras dasar apartheid tidak nampak ada kesungguhan oleh kebanyakan negara-negara anggota Komanwel dan impak ke atas rejim Afrika Selatan tidak jelas. Apabila Dr. Mahathir mula menghadiri diri di persidangan Komanwel 1985 di Nassau, Bahamas, tekanan mula dapat dirasakan oleh rejim Afrika Selatan, termasuk juga Britain. Tentangan dari satu-satu negara anggota Komanwel adalah dari Britain. Britain yang menjadi penghalang kepada usaha menamatkan dasar apartheid sebenarnya boleh menamatkannya dengan lebih berkesan lagi tetapi sikap Thatcher yang cuba memperlahankan proses sekatan dan tekanan ke atas rejim Afrika Selatan. Beliau mahukan satu proses pelaksanaan yang lembut dikenakan ke atas rejim Afrika Selatan.<sup>367</sup> Thatcher menyatakan: “What I wanted to achieve was step-by step reform – with more democracy, secure human rights and a flourishing free enterprise economy able to generate the wealth to improve black living standard.”<sup>368</sup> Ini amat berbeza dengan cadangan tindakan dari Dr. Mahathir yang mahu menggunakan sekatan ekonomi untuk melumpuhkan rejim Afrika Selatan dan seterusnya menurut kehendak kebanyakan negara di dunia yang mahu menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan.

Di dalam memperjuangkan pembebasan apartheid di Afrika Selatan semakin memuncak di Persidangan Komanwel 1989 di Kuala Lumpur dan telah mencetuskan “Kenyataan Kuala Lumpur”.<sup>369</sup> Kenyataan ini telah merumuskan beberapa langkah yang perlu diambil oleh pihak Komanwel dan Afrika Selatan dalam menyelesaikan masalah penindasan rejim Afrika Selatan terhadap rakyat kulit hitam Afrika Selatan.<sup>370</sup> Terdapat 27 kenyataan telah digubalkan bagi memantapkan lagi desakan dan tekanan terhadap

---

<sup>367</sup> *New Straits Times*, 23 Oct. 1989, hlm. 2, ‘Shock greets move by the British’.

<sup>368</sup> Margaret Thatcher, *The Downing Street years*, hlm. 513.

<sup>369</sup> Lihat *Foreign Affairs Malaysia*, December 1989, Vol. 22, No. 4, hlm. 12-14; *ISIS Focus*, No. 56, November 1989, 1989, hlm. 24.

<sup>370</sup> *Utusan Malaysia*, 23 Oktober, 1989, hlm. 4, ‘Kenyataan Kuala Lumpur’; *New Straits Times*, 23 Oct. 1989, hlm. 1, ‘Tightening of sanctions’.

rejim Afrika Selatan.<sup>371</sup> Kenyataan Kuala Lumpur ini turut menyokong daya usaha yang dibuat oleh Jawatankuasa Menteri Luar Komanwel mengenai Afrika Selatan untuk mengukuhkan lagi sekatan senjata dan meneruskan usaha itu dalam Jawatankuasa 421 Bangsa-bangsa Bersatu.<sup>372</sup>

Kenyataan Kuala Lumpur ini telah tidak dipersetujui oleh pihak Britain dan Thatcher tidak dapat meyakinkan pemimpin Komanwel yang lain bahawa kerajaan pimpinan Afrika Selatan ada membuat beberapa perubahan.<sup>373</sup> Dr. Mahathir mengakui terdapat hanya sedikit sahaja perubahan yang dilakukan oleh de Klerk tetapi tidak menjuruskan kepada usaha penghapusan dasar aparteid mahupun membawa ke meja perundingan.<sup>374</sup> Selepas Kenyataan Kuala Lumpur satu sidang akhbar diadakan bagi menjelaskan agenda Kenyataan Kuala Lumpur dengan tajuk “Southern Africa: The way ahead”.<sup>375</sup> Thatcher sendiri telah membuat satu persidangan akhbar yang menentang dan menyatakan bahawa Britain tidak bersetuju dengan Kenyataan Kuala Lumpur dan mahukan tindakan dilakukan secara perundingan dan bukan dengan cara menghukum rejim Afrika Selatan. Thatcher menyatakan: “What ever their (Commonwealth leaders) intentions, the effect of sanctions is punitive. Sanctions contribute to poverty and misery whereas Britain wants to relieve poverty and misery throughout Africa as a whole.”<sup>376</sup>

Mesyuarat CHOGM yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1989 telah mengambil keputusan untuk memberi tekanan kepada kerajaan Afrika Selatan dengan mengenakan sekatan ekonomi dan kenyataan telah ditandatangani oleh 49 buah negara

---

<sup>371</sup> *New Straits Times*, 14 Dec. 1989, hlm. 8; Antara gesaan dan ketetapan yang telah diambil oleh kesemua negara anggota Komanwel kecuali Britain adalah mewujudkan satu lagi bentuk tekanan kewangan ke atas rejim Afrika Selatan dengan cara memperhebatkan dan meluaskan sekatan ekonomi khususnya dengan cara menggesa semua bank yang berkaitan dan institusi kewangan mengenakan syarat-syarat lebih ketat terhadap pembiayaan perdagangan harian, khasnya dengan cara mengurangkan kemudahan maksimum kredit kepada 90 hari, menggesa kerajaan berkaitan agar menyulitkan kemudahan mendapatkan kredit perdagangan dengan membiarkan Afrika Selatan “tidak meliputi” agensi-agensi rasmi kerajaan bagi tujuan mendapat kemudahan kredit perdagangan dan insuran; *Foreign Affairs Malaysia*, December 1989, Vol. 22, No. 4, hlm. 13; *ISIS Focus*, No. 56, November 1989, 1989, hlm. 24.

<sup>372</sup> *Utusan Malaysia*, 23 Oktober, 1989, hlm. 4, ‘Kenyataan Kuala Lumpur’; *New Straits Times*, 23 Oct. 1989, hlm. 1, ‘Tightening of sanctions’; *Foreign Affairs Malaysia*, December 1989, Vol. 22, No. 4, hlm. 14; *ISIS Focus*, No. 56, November 1989, 1989, hlm. 24.

<sup>373</sup> *The Star*, 23 Oct. 1989, hlm. 3, ‘A slight shift in British stand on South Africa’.

<sup>374</sup> *New Straits Times*, 23 Oct. 1989, hlm. 1, ‘PM: Statement on South Africa timely’.

<sup>375</sup> *Ibid.*, hlm. 2, ‘Southern Africa: The way ahead’; *The Star*, 23 Oct. 1989, hlm. 2, ‘Southern Africa: The way ahead’; *Foreign Affairs Malaysia*, December 1989, Vol. 22, No. 4, hlm. 12.

<sup>376</sup> *Ibid.*, ‘Shock greets move by the British’; *The Star*, 23 Oct. 1989, hlm. 3, ‘Sanctions won’t help S. Africa, claims Britain’.

di dalam Komanwel.<sup>377</sup> Margaret Thatcher telah mengeluarkan kenyataan mengkritik tindakan tersebut kerana Britain masih menganggap kerajaan Afrika Selatan masih menjadi rakan kepada kerajaan Britain. Dalam kenyataan Thatcher menyebut Britain percaya Komanwel dapat membantu kerajaan baru Afrika Selatan dengan cara yang lebih positif daripada kenyataan yang dibuat di Kuala Lumpur.<sup>378</sup>

Thatcher merasa tidak puas hati dan bertindak mengeluarkan satu lagi kenyataan berasingan dengan tajuk “Afrika Selatan: Jalan di hadapan: Pandangan Britain”<sup>379</sup> Kenyataan Kuala Lumpur dianggap sebagai satu tindakan yang keras dan tidak perlu dilaksanakan kerana Thatcher mahu Afrika Selatan diberi peluang untuk mengubah dan bukan menghukum rejim Afrika Selatan.<sup>380</sup> Di dalam mempertahankan tindakan beliau, Thatcher telah menyatakan kenyataan berasingan adalah tidak salah dan menurut asas pergerakan Komanwel adalah hak dan kebebasan bersuara.<sup>381</sup> Mereka terpaksa mengeluarkan satu kenyataan yang berasingan kerana jawatankuasa sementara yang terdiri daripada 10 orang dan dipengerusikan oleh Menteri Luar Kanada, Joe Clark<sup>382</sup> yang merangka Kenyataan Kuala Lumpur tidak memberi peluang kepada pihak Britain untuk mengemukakan pandangan lain yang berbeza ke atas beberapa perkara. Britain mahu menggalakkan reformasi ke atas Afrika Selatan dan bukan membuli rejim Afrika Selatan atau melumpuhkan ekonomi. Thatcher juga bimbang dengan melakukan sekatan ekonomi akan menyebabkan ramai rakyat Afrika Selatan yang akan menganggur<sup>383</sup> dan turut menyebabkan rakyat Afrika Selatan bertambah menderita. Dalam kenyataan beliau menyatakan:

---

<sup>377</sup> *Morning Star*, 23 Oct. 1989, ‘Britain alone on apartheid.’

<sup>378</sup> *Ibid.*

<sup>379</sup> *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990, hlm. 23; *Utusan Malaysia*, 24 Oktober, 1989, hlm. 7, ‘Britain dianggap menikam negara-negara anggota Komanwel dari belakang’; Di keluarkan oleh jurucakap, perdana menteri Britain, Ben Ingham dalam satu sidang akhbar pada pukul 6:45 petang. Sidang ini berlaku selepas sejam 45 minit, Kenyataan Kuala Lumpur diumumkan.

<sup>380</sup> *Utusan Malaysia*, 24 Oktober, 1989, hlm. 7, ‘Britain dianggap menikam negara-negara anggota Komanwel dari belakang’; *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990, hlm. 23; *Morning Star*, 23 Oct. 1989, ‘Britain alone on apartheid.’

<sup>381</sup> *Ibid.*, hlm. 7, ‘Saya tak perlu beri alasan khusus – Thatcher’.

<sup>382</sup> *Ibid.*, hlm. 1, ‘Sebab Britain keluarkan kenyataan berasingan’.

<sup>383</sup> *Daily Telegraph*, 25 Oct. 1989, hlm. 18, ‘Pulpit diplomacy’.

We note that some of those who are most ardent about sanctions do not impose them. I find utterly repugnant the fact that the only way the trade sanctions can work is by being punitive on black South Africans. I gave a specific example of a pineapple canning factory that closed a few days ago because it no longer had the demand from Canada and the United States it was not able to keep going. That put 40 white South Africans out of work - and 1,100 black South Africans.<sup>384</sup>

Bantahan Thatcher mendapat perhatian daripada pemimpin-pemimpin Komanwel yang tidak bersetuju dengan pendapat dan cadangan beliau. Antaranya, Robert Mugabe, presiden Zimbabwe menyatakan tindakan Thatcher sebagai: “despicable and unacceptable.”<sup>385</sup> Begitu juga dengan perdana menteri Kanada dan Australia tidak boleh menerima tindakan Thatcher. Perdana Menteri Kanada, Brian Mulroney menyatakan seseorang tidak boleh menandatangani sesuatu pada pukul lima petang dan menyangkalnya pada pukul enam petang.<sup>386</sup> Cadangan tersebut dicadangkan oleh Thatcher sendiri.<sup>387</sup> Kedua-dua perdana menteri meminta Thatcher menjelaskan kenapa beliau bertindak dengan mengeluarkan kenyataan lain yang tidak bersetuju dengan keputusan persidangan Komanwel ke atas Afrika Selatan. Margaret Thatcher menjawab dengan menyatakan: “no explanation was called for.” Thatcher menyatakan tindakan beliau adalah kerana hak beliau dalam demokrasi membenarkan beliau untuk bersuara.<sup>388</sup> Mugabe dalam sidang akhbar telah membidas tindakan Thatcher yang dikatakan “torpedoing” kedudukan Komanwel dengan menyatakan “a funny aspect of democracy” selepas perbincangan telah dilakukan dan semua telah bersetuju tetapi terdapat satu delegasi yang mengeluarkan satu dokumen yang bertentangan dengan apa yang telah dipersetujui. Mugabe menjelaskan: “Dalam sistem demokrasi suara minoriti mestilah mengikut suara majoriti. Ini suara minoriti mengeluarkan kenyataan sendiri

---

<sup>384</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

<sup>385</sup> *Malaysian Business*, Nov. 1-15, 1989, hlm. 5, ‘Single note of discord’; *The Star*, 24 Oct. 1989, hlm. 2, ‘Thatcher blasted’.

<sup>386</sup> *Morning Star*, 24 Oct. 1989, ‘Outrage at PM’s torpedo’; *Utusan Malaysia*, 24 Oktober, 1989, hlm. 1, ‘Thatcher lidah bercabang – Mugabe’; *The Star*, 24 Oct. 1989, hlm. 1, ‘Thatcher blasted’.

<sup>387</sup> *Malaysian Business*, Nov. 1-15, 1989, hlm. 5, ‘Single note of discord’.

<sup>388</sup> *Daily Telegraph*, 24 Oct. 1989, ‘Leaders attack Thatcher’s alone sanctions stand’.

yang bercanggah dari suara majoriti.”<sup>389</sup> Tindakan ini dianggap sebagai satu manifestasi kepada Afrika Selatan bahawa Britain menyokong apartheid.<sup>390</sup> Ketua parti Buruh Britain, Kinnock mempersoalkan tindakan Thatcher sebagai penghalang kepada penghapusan dasar apartheid di Afrika Selatan apabila akhbar Parti Kebangsaan Afrika Selatan mengeluarkan berita utama bertajuk “Thanks, Maggie?”. Beliau mempersoalkan dengan menyatakan: “Does that not say all that needs to be said about a Prime Minister who has moved from being an appeaser of apartheid to being the agent for it?”<sup>391</sup> Bagi mempertahankan tindakan Thatcher menyatakan:

...we have made clear our abhorrence of apartheid and did so in the statement. We not only oppose sanctions but give practical help to black South Africans and to the front-line states. For example, we are supporting financially about 1,000 black South Africans on graduate or postgraduate work. We also support black South Africans who wish to purchase houses and special housing for black South Africans. We have given about £1.1 billion to the front-line states so that they may be better able to deal with their economic problems.<sup>392</sup>

Pihak pembangkang Britain mempersoalkan tindakan Thatcher di Kuala Lumpur dan mempertikaikan tindakan Thatcher yang dikatakan tidak sama dengan John Major, Setiausaha Luar Britain.<sup>393</sup> John Major adalah salah seorang daripada sepuluh orang Menteri Luar yang bersetuju untuk meneruskan lagi tindakan sekatan ke atas Afrika Selatan sehingga “clear and irreversible change” sebagai bukti untuk Komanwel menarik balik sekatan yang dikenakan ke atas Afrika Selatan.<sup>394</sup> Kinnock menyatakan:

In the wake of the Commonwealth meeting, is it not clear that it is difficult for anyone to trust a Prime Minister who signs a document at 5 and repudiates it at 6 o'clock? Does the Prime Minister understand that

---

<sup>389</sup> *Utusan Malaysia*, 24 Oktober, 1989, hlm. 2, ‘Thatcher lidah bercabang – Mugabe’.

<sup>390</sup> *Daily Telegraph*, 24 Oct. 1989, ‘Leaders attack Thatcher’s alone sanctions stand’; *Utusan Malaysia*, 24 Oktober, 1989, hlm. 2, ‘Thatcher lidah bercabang – Mugabe’.

<sup>391</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61

<sup>392</sup> *Ibid.*

<sup>393</sup> *Daily Telegraph*, 24 Oct. 1989, ‘Leaders attack Thatcher’s alone sanctions stand’; *Utusan Malaysia*, 24 Oktober, 1989, hlm. 2, ‘Thatcher lidah bercabang – Mugabe’.

<sup>394</sup> *Ibid.*; *Malaysian Business*, Nov. 1-15, 1989, hlm. 5.

nobody doubts her right to free speech, but what disgusts people is the way in which she exercises that right with a forked tongue?<sup>395</sup>

Kinnock mengkritik tindakan Thatcher dengan menyatakan tindakan tersebut sebagai 'double dealing' terhadap Setiausaha Luar Britain. John Major sendiri tidak mengetahui Thatcher akan membuat kenyataan lain. Ketua parti Demokrat Liberal, Ashdown berkata bahawa tindakan Thatcher telah memalukan Major dan terdapat beberapa wakil rakyat dari parti konservatif yang beranggapan imej Major telah dirosakkan kerana pendirian pertama beliau sebagai Setiausaha Luar Britain. Kinnock telah mengkritik Thatcher dengan tindakan tersebut.<sup>396</sup> Kinnock menyatakan:

How can the Prime Minister reconcile that with her action a short time later when she put out a statement, apparently without reference to her Foreign Secretary, which was hostile to all sanctions and which stated that the effect of such sanctions would be to "increase resistance to change"? Is that not a gross inconsistency? Would it not be more honest if in future the Prime Minister were to sign all international agreements with invisible ink.<sup>397</sup>

Kenyataan ini dinafikan oleh Thatcher dengan menyatakan: "We both wrote and we both issued the statement."<sup>398</sup> Thatcher juga memperkecilkan pemimpin-pemimpin Komanwel dengan menyatakan mereka hanya bercakap sahaja dan tidak berani melakukan apa yang dicakapkan dan menyelar pemimpin Komanwel seperti Robert Mugabe daripada Zimbabwe yang mengkritik beliau dibelakang dan dalam masa yang sama minta lebih pertolongan ketenteraan dan bantuan kewangan. Thatcher masih merasakan bahawa kebanyakan negara-negara Komanwel masih mempunyai hutang budi terhadap Britain dengan menyatakan: "They were "jolly lucky" thay had been

---

<sup>395</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

<sup>396</sup> *Daily Telegraph*, 24 Oct. 1989, 'Leaders attack Thatcher's alone sanctions stand'; Beliau telah menggantikan Sir Geoffrey Howe dalam bulan Julai 1989.

<sup>397</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

<sup>398</sup> *Ibid.*



colonized by Britain in the first place and not by another power.”<sup>399</sup> Thatcher mengakui yang beliau juga menentang dasar apartheid.<sup>400</sup>

Selepas persidangan Komanwel 1987 di Vancouver tidak menampakkan dengan jelas perubahan yang dilakukan oleh rejim Afrika Selatan dalam usaha menghapuskan dasar apartheid dan masih meneruskan penindasan ke atas rakyat kulit hitam Afrika Selatan dengan meletakkan keadaan negara dalam darurat, tahanan politik masih dalam penjara, organisasi politik diharamkan dan kesalahan berpolitik dihukum. Tindakan rejim Afrika Selatan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda usaha untuk meruntuhkan sistem apartheid. Berbeza dengan Britain dalam mempertahankan rejim Afrika Selatan menyatakan terdapat perubahan yang penting dan positif dalam masa tempoh dua tahun yang lalu dilakukan oleh rejim Afrika Selatan.<sup>401</sup> Britain mahukan Komanwel lebih memberi perhatian kepada perubahan yang dilakukan oleh rejim Afrika Selatan daripada meneruskan hukuman secara sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan.<sup>402</sup> Thatcher menjelaskan: “I repeat that we give practical help to black South Africans. Those who wish to impose economic sanctions will create poverty and hardship in South Africa, and that is not our way.”<sup>403</sup>

Thatcher juga mengkritik masyarakat dunia yang tidak bersama mengenakan sekatan ekonomi terhadap rejim Afrika Selatan malah mengambil kesempatan berdagang dengan rejim Afrika Selatan dengan menyatakan:

I find it repugnant that people at the Commonwealth conference should sit round a table, having been entertained in excellent hotels with excellent facilities, and decide who will suffer poverty and starvation in another country. We support Operation Hunger, which is aimed at relieving poverty in South Africa. It is absurd that other people in the Commonwealth are trying to magnify what we are trying to relieve.<sup>404</sup>

<sup>399</sup> *The Glasgow Herald*, 28 Oct. 1989, hlm. 21, ‘Carry-on in Kuala Lumpur’.

<sup>400</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

<sup>401</sup> *Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990, hlm. 23; *New Straits Times*, 14 Dec. 1989, hlm. 8.

<sup>402</sup> *Morning Star*, 23 Oct. 1989, ‘Britain alone on apartheid.’

<sup>403</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

<sup>404</sup> *Ibid.*

Margaret Thatcher mendapat kritikan daripada anggota Komanwel dan ini tidak dapat mengubah pendirian beliau.

We have disagreed before on South Africa within the Commonwealth, indeed many times, but this has not damaged our relations with individual Commonwealth countries or the institution itself. The Government will persevere with their present policy on South Africa, because it offers the best prospect of peaceful negotiations and of achieving a new South Africa which will inherit a strong economy.<sup>405</sup>

Malaysia sendiri sebagai sebuah negara kecil mampu melakukan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan kerana tidak berdagang dengan Afrika Selatan sejak tahun 1965 lagi dan mengalami kerugian berbilion dolar. Apa yang telah dilakukan oleh Britain adalah sebaliknya. Britain tidak mahu melakukan sekatan ekonomi terhadap rejim Afrika Selatan dengan alasan pihak kulit hitam akan menderita. Dr. Mahathir menjawab: "I don't think so...Britain has a moral duty to join the majority to bring about the end of minority rule and apartheid in South Africa."<sup>406</sup> Ada negara maju yang mampu mengenakan sekatan ekonomi tetapi tidak berbuat demikian.<sup>407</sup> Mereka memberi pelbagai alasan untuk mempertahankan supaya tindakan sekatan ekonomi tidak dilakukan terhadap Afrika Selatan tetapi sanggup melakukan sekatan ekonomi ke atas negara-negara miskin tanpa mengira penderitaan rakyat negara miskin. Negara maju melihat penderitaan rakyat negara miskin bukanlah merupakan masalah bersama yang perlu diberi perhatian.<sup>408</sup>

Dr. Mahathir menyatakan kebimbangan kesan daripada sekatan ekonomi terhadap orang kulit hitam adalah tidak tepat. Beliau menggesa supaya sekatan ekonomi diteruskan dan diperhebatkan lagi. Pelaburan dan pengaliran kewangan ke Afrika Selatan perlu dihentikan sepenuhnya bagi melemahkan lagi ekonomi Afrika Selatan.<sup>409</sup>

---

<sup>405</sup> Ibid.

<sup>406</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, September, 1987, Vol. 20, No. 3, hlm. 53; Ucapan di Seminar Pelaburan yang dianjurkan oleh Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) di London pada 22 Julai 1987.

<sup>407</sup> *New Straits Times*, 3 Nov. 1990, hlm. 1, 'Sanctions must continue, says PM'.

<sup>408</sup> *The Star*, 3 Nov. 1990, hlm. 3, 'Mandela: Pretoria not doing enough to end the violence'.

<sup>409</sup> *Berita Harian*, 19 Oktober, 1989, hlm. 1.

Malaysia sendiri menentang dasar apartheid di Afrika Selatan tidak akan berjaya dengan apa cara desakan dan tekanan ke atas rejim Afrika Selatan tetapi dengan penglibatan negara-negara lain dapat mempercepatkan usaha menamatkan dasar apartheid di Afrika Selatan. Mahathir telah menggesa supaya desakan dan tekanan ke atas rejim Afrika Selatan diteruskan walaupun telah menampakkan rejim Afrika Selatan mahu melakukan perubahan tetapi Mahathir berpendapat: "But we are not convinced and will continue to pressure South Africa."<sup>410</sup> Era Dr. Mahathir mencorakkan tentangan yang berbeza dengan rentak dan tindakan yang lebih agresif dan lantang dalam mempersoalkan tindakan pihak Britain yang mahu memperlahankan proses penghapusan dasar apartheid di Afrika Selatan. Tindakan sekatan ekonomi yang digesa oleh Dr. Mahathir adalah sesuatu yang berani kerana risikonya turut melibatkan rakyat kulit hitam Afrika Selatan.<sup>411</sup> Margaret Thatcher masih mempertahankan rejim Afrika Selatan dengan mengiktiraf peranan de Klerk yang dikatakan telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan tekanan ke atas dasar apartheid di Afrika Selatan.<sup>412</sup> Thatcher menyatakan:

The de Klerk Government have done extremely well, first, in making it quite clear that the demonstrations could take place without interference, which they have. Secondly, the South African Government have released political prisoners. Thirdly, even while some people were trying to curb our freedom of speech in Kuala Lumpur, the South African Government were agreeing to an ANC demonstration at which Mr. Sisulu could speak freely. It was an ironic juxtaposition of events.<sup>413</sup>

Terdapat sesetengah negara Barat yang memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada de Klerk kerana dikatakan usaha beliau dalam membawa perubahan di Afrika Selatan telah tidak dipersetujui oleh Dr. Mahathir kerana selagi dasar apartheid benar-benar tidak dihapuskan, tekanan terhadap rejim Afrika Selatan perlu diteruskan dan

---

<sup>410</sup> *New Straits Times*, 3 Nov. 1990, hlm. 2, 'Mandela is fighting for justice, says Dr. Mahathir'.

<sup>411</sup> Temubual dengan Tun Daim Zainuddin di Wisma YPR, Kuala Lumpur, pada 4 September, 2009.

<sup>412</sup> *The Star*, 19 Oct. 1989, hlm. 4, 'Mrs T argues against more sanctions'; membenarkan demonstrasi secara aman dan membebaskan tahanan politik.

<sup>413</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

tidak boleh lari dari fokus sebenar.<sup>414</sup> Dr. Mahathir menyatakan: “I believe it is important that we maintain the momentum of development in South Africa.”<sup>415</sup> Pandangan Malaysia adalah perjuangan menentang sistem apartheid di Afrika Selatan perlu diteruskan sehingga ia benar-benar dihapuskan.<sup>416</sup> Terdapat usaha rejim Afrika Selatan yang menampakkan mahu melakukan perubahan tetapi ia adalah tidak mencukupi selagi dasar apartheid masih dilaksanakan.<sup>417</sup> Dr. Mahathir menjelaskan:

We must be vigilant that recent developments in Southern Africa do not obscure the central issues of apartheid. We must not allow the racist Pretoria regime to deflect us. The establishment of a democratic, truly non-racial, unitary and representative government in South Africa must remain the principal objective of the Commonwealth. We must not think of settling old scores. Whites, blacks and coloured must live together in amity.<sup>418</sup>

Dr. Mahathir menegaskan walaupun rejim Afrika Selatan telah membebaskan Nelson Mandela tidak bermakna sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan turut dihentikan kerana sistem apartheid masih wujud lagi.<sup>419</sup> Ketegasan Malaysia dalam usaha menamatkan dasar apartheid di Afrika Selatan turut dinyatakan oleh Musa Hitam: “Should remain until there is clear evidence of profound and irreversible changes in South Afrika. This will include the full observance of the mandatory arms embargo to ensure speedy end to apartheid.”<sup>420</sup> Hak penduduk kulit hitam Afrika Selatan untuk mengundi telah dinafikan di bawah rejim Afrika Selatan.<sup>421</sup> Tujuan rejim Afrika Selatan berbuat demikian bagi melenyapkan suara rakyat kulit hitam Afrika Selatan dan tidak

---

<sup>414</sup> *Mingguan Malaysia*, 4 November, 1990, hlm. 12, ‘M serah bantuan RM13 juta kepada ANC’; *New Sunday Times*, 4 Nov. 1990, hlm. 1, ‘Don’t reward de Klerk just yet’; *Utusan Malaysia*, 3 November, 1990, hlm. 1, ‘Malaysia terus kenakan sekatan ke atas rejim Afrika Selatan’; *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 23, No. 4, December 1990, hlm. 13.

<sup>415</sup> *New Sunday Times*, 4 Nov. 1990, hlm. 1, ‘Don’t reward de Klerk just yet’.

<sup>416</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, December, 1989, Vol. 22, No. 4, hlm. 46.

<sup>417</sup> *Berita Harian*, 3 November, 1990, hlm. 1; Roy Anthony Rogers, Malaysian, ‘Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa’, dalam Ruhana Harun (edited), *Malaysia’s foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 101; *New Straits Times*, 17 Oct. 1989, hlm. 2, ‘PM: We must still pressure S. Africa’; *New Straits Times*, 3 Nov. 1990, hlm. 1, ‘Sanctions must continue says PM’; *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 23, No. 4, December, 1990, hlm. 13.

<sup>418</sup> *The Star*, 19 Oct. 1989, hlm. 16; *New Straits Times*, 19 Oct. 1989, hlm. 14.

<sup>419</sup> *Utusan Malaysia*, 3 November, 1990, hlm. 1, ‘Malaysia teruskan sekatan ke atas rejim Afrika Selatan!’; *Foreign Affairs Malaysia*, June, 1990, Vol. 23, No. 2, hlm. 51; Terdapat beberapa akta yang menindas rakyat kulit hitam Afrika Selatan masih dikekalkan seperti *Colour Bar Act, the Native Lands Act, the Areas Group Act, the Population Registration Act, the policy of Bantustan and the separate educational system*. Darurat masih dilaksanakan dan sekatan terhadap aktiviti politik masih diteruskan.

<sup>420</sup> *New Straits Times*, 18 Sep. 1990, hlm. 9, ‘South Africa not doing enough, Musa tells UN’; *Foreign Affairs Malaysia*, December, 1989, Vol. 22, No. 4, hlm. 85; ‘one man one vote’.

<sup>421</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1990, Vol. 23, No. 2, hlm. 51.

dapat mengambil alih pemerintahan daripada mereka. Rakyat kulit hitam Afrika Selatan terus ditindas oleh kaum minoriti kulit putih Afrika Selatan.<sup>422</sup> Mandela menyatakan perjuangan yang utama adalah: “We are adamant about guaranteeing one man, one vote in one common voters role.”<sup>423</sup> Rejim Afrika Selatan terpaksa tunduk dengan desakan dan tekanan daripada masyarakat antarabangsa<sup>424</sup> dan memberi peluang kepada rakyat kulit hitam Afrika Selatan mengundi dan memilih parti mana yang memerintah Afrika Selatan.<sup>425</sup>

Sridath S. Ramphal pernah menyatakan:<sup>426</sup> “We cannot only talk of crisis in South Africa. We have to act to end it – or accept the tolling of the bell for everyone: black and white alike in South Africa, and ultimately for everyone, everywhere.”<sup>427</sup> Dr. Mahathir menggesa supaya meneruskan tekanan terhadap rejim Afrika Selatan: “We feel sanctions must go on until all the (black) people are liberated. We will apply and urge others to apply as much pressure as possible against the government of South Africa.”<sup>428</sup> Sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas rejim Afrika Selatan telah memberikan kesan yang positif dan diteruskan sehingga rejim Afrika Selatan benar-benar tunduk kepada tekanan dunia.<sup>429</sup> Rejim Afrika Selatan mengambil langkah-langkah bagi menghapuskan dasar apartheid dan mewujudkan sistem demokrasi di negara itu serta membebaskan tahanan-tahanan politik yang masih dalam tahanan dan menarik balik undang-undang darurat.<sup>430</sup>

Dr. Mahathir adalah di antara pemimpin dunia yang lantang bersuara dalam usaha menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan<sup>431</sup> dan menjadi salah sebuah negara yang mendesak Afrika Selatan dibebaskan dengan segera dari cengkaman rejim

---

<sup>422</sup> Ibid.

<sup>423</sup> *The Star*, 3 Nov. 1990, hlm. 3, ‘Mandela: Pretoria not doing enough to end the violence’.

<sup>424</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, December, 1989, Vol. 22, No. 4, hlm. 45.

<sup>425</sup> *Utusan Malaysia*, 13 November, 1990, hlm. 5.

<sup>426</sup> Pembentangan kertas kerja bertajuk *South African crisis* pada 29 Februari, 1988 dianjurkan oleh ISIS Malaysia.

<sup>427</sup> *ISIS Focus*, No. 37, April, 1988, 1988, hlm. 21.

<sup>428</sup> *New Straits Times*, 3 Nov. 1990, ‘Sanction must continue, says PM’.

<sup>429</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 19, Mac, 1990, hlm. 73-74.

<sup>430</sup> Ibid.

<sup>431</sup> *New Straits Times*, 10 Mar. 1990, hlm. 11, ‘Malaysia’s unwavering stand against apartheid’; *Berita Harian*, 8 Mac, 1990, hlm. 10, ‘Komitmen berterusan’.

Afrika Selatan didokong oleh Britain yang mahukan satu usaha secara perlahan yang diambil bagi memulihkan Afrika Selatan.<sup>432</sup> Malaysia tidak lagi terpengaruh dengan Britain dan telah mengambil pendirian yang berbeza daripada pendirian Britain dalam usaha menghapuskan apartheid di Afrika Selatan. Thatcher telah berusaha untuk membantah usaha-usaha Komanwel untuk melaksanakan tekanan dan desakan terhadap rejim Afrika Selatan tetapi gagal. Britain telah menarik balik beberapa sekatan tertentu termasuk sekatan pelaburan di Afrika Selatan tetapi usaha Britain ini tidak dapat menahan proses penghapusan dasar apartheid. Malah usaha Britain untuk mendapat sokongan dari negara-negara anggota Eropah turut gagal.<sup>433</sup>

Kejayaan menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan telah menaikkan nama Malaysia dan Dr. Mahathir. Beliau telah berjaya meningkatkan imej Malaysia sebagai juara kepada anti-apartheid. Ini telah menyebabkan Malaysia makin dikenali kebanyakan negara di dunia terutama bagi Negara-negara Dunia Ketiga.<sup>434</sup> Britain tidak bersetuju dengan pendirian Komanwel dalam usaha menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan. Malaysia dan juga Komanwel tetap menentang pendirian Britain. Ini merupakan satu kejayaan membebaskan dari mental belunggu penjajah yang tidak lagi memandang tinggi terhadap pihak Britain. Hubungan Malaysia dengan Britain masih diteruskan seperti biasa. Margaret Thatcher menyatakan: “Despite the difference of views on South Africa, this was a valuable and successful meeting and its success owes much to the very skilful chairmanship of Prime Minister Mahathir.”<sup>435</sup>

---

<sup>432</sup> *New Straits Times*, 14 Dec. 1989, hlm. 8.

<sup>433</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 19, Mac, 1990, hlm. 74.

<sup>434</sup> Sity Daud, ‘Negara, pemerintah dan perlembagaan’, dalam Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 192; Dunia Pertama adalah negara yang mengamalkan sistem kapitalisme dan demokrasi, Dunia Kedua adalah negara Sosialis dan Komunis dan Dunia Ketiga adalah negara yang pernah dijajah dan mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua.

<sup>435</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

## **Kesimpulan**

Bermula dengan beberapa isu yang tercetus telah menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi tegang. Ekoran daripada kepentingan Britain yang masih wujud lagi, Britain terpaksa bertindak terlebih dahulu dengan menghantar beberapa wakil bagi mencari jalan penyelesaian. Namun usaha tersebut tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dan polisi BBL masih diteruskan. Tekanan BBL memberi impak kepada Britain yang telah mengalami kerugian daripada tindakan BBL. Akhirnya Margaret Thatcher terpaksa campurtangan dengan membuat pertemuan yang tidak rasmi dengan Mahathir di London pada tahun 1983. Ini adalah titik pertemuan yang membawa kepada perubahan sikap Britain dengan memberi perhatian rasa tidak puas hati terhadap layanan yang diterima oleh Malaysia secara tidak rasmi.

Berikutan daripada pertemuan tersebut, Margaret Thatcher telah membuat lawatan rasmi ke Malaysia pada tahun 1985 bagi mengukuhkan lagi hubungan Malaysia dengan Britain dan membincangkan beberapa isu yang perlu diselesaikan. Britain tidak lagi memandang rendah terhadap Malaysia dan rasa tidak puas hati Malaysia diberi perhatian oleh pihak Britain. Pada tahun 1987, Mahathir membuat lawatan secara rasmi ke London. Lawatan ini telah memberi satu lembaran baru kepada Malaysia kerana secara tidak langsung Malaysia telah diiktiraf sebagai sebuah negara yang telah merdeka. Pada pertemuan ini usaha mencari jalan penyelesaian bagi mengukuh hubungan Malaysia dengan Britain. Namun begitu hubungan Malaysia dengan Britain tidak lagi seperti sebelum era Mahathir. Keistimewaan yang selama ini diperolehi oleh Britain telah diberhentikan dan diberi layanan sama seperti negara-negara lain.

Dalam soal hubungan antarabangsa, Malaysia telah memainkan peranan penting dalam Komanwel dan isu apartheid turut melibatkan peranan Britain. Komanwel telah menjadi pentas Malaysia memperlihatkan kebolehan dalam menangani masalah isu apartheid di Afrika Selatan dan menjalinkan hubungan dengan negara-negara Afrika.

Britain tidak lagi dapat mempengaruhi dan menguasai Komanwel. Britain terpaksa menghadapi tekanan daripada anggota Komanwel sendiri. Kedudukan Britain telah berubah dan bukan lagi sebagai sebuah kuasa yang dihormati dan perlu dipatuh. Peranan Mahathir sebagai sumber inspirasi dan pendesak dapat dilihat dalam menangani isu apartheid di Afrika Selatan. Perjuangan menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan oleh kedua-dua pemimpin adalah berbeza. Thatcher lebih mementingkan usaha yang lebih lembut dan Mahathir pula mahukan satu tindakan yang lebih tegas lagi. Walaupun berbeza pendekatan dalam usaha menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan, hubungan Malaysia dengan Britain tidak terganggu. Hubungan antara kedua-dua negara dan secara peribadi antara Thatcher dengan Dr. Mahathir adalah baik dan saling menghormati antara satu sama lain.



## BAB 6

### HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN ASPEK PENDIDIKAN

#### Pengenalan

Semasa di bawah pemerintahan British penumpuan terhadap pendidikan adalah kurang dan tidak semua rakyat Malaya mendapat pendidikan formal. Hanya mereka yang tertentu sahaja berpeluang untuk belajar. Pihak Britain mahukan penduduk Malaya terutama masyarakat Melayu mengekalkan kedudukan seperti biasa.<sup>1</sup> Sekiranya bapa seorang petani anaknya akan menjadi petani yang lebih baik daripada bapanya dan seterusnya cucu turut menjadi petani. Sama juga dengan seorang nelayan yang turun temurun akan menjadi nelayan.<sup>2</sup> Putaran hidup yang dilalui oleh kaum Melayu di waktu awal pentadbiran British.<sup>3</sup> Awang Had Salleh menyatakan: “However, education for the Malays was for a narrow and limited objective of maintaining their *status quo*.”<sup>4</sup> Tindakan demikian adalah bagi menyekat kaum Melayu daripada mendapat pendidikan yang lebih baik. Pengalaman pihak British di India yang telah memberi pendidikan kepada rakyat India telah membawa kepada penentangan terhadap British oleh kumpulan yang dikenali sebagai *Intelligentsia* yang mahukan hak berpolitik.<sup>5</sup> Oleh itu, pihak British cuba melambatkan usaha memberi pendidikan yang sewajarnya terutama kepada masyarakat Melayu. G. P. Means menyatakan: “These Malay schools were designed to meet the minimal educational needs of the rurals Malay.”<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2001, hlm. 278-280.

<sup>2</sup> Ibid, hlm. 279; Ghazali Shafie, *Malaysia, Asean and the new world order*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 45.

<sup>3</sup> Mahathir Mohamad, *Achieving true globalisation*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2004, hlm.

92; Awang Had Salleh, ‘Phases of development of modern education in Malaysia’, in *Malaysian development experience: Change and challenges*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration, Malaysia, (INTAN), 1994, hlm. 88; Azmah Abdul Manaf, *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*, hlm. 279.

<sup>4</sup> Awang Had Salleh, ‘Phases of development of modern education in Malaysia’, in *Malaysian development experience: Change and challenges*, 1994, hlm. 88.

<sup>5</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*, hlm. 279; Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 4.

<sup>6</sup> Gordon P. Means, *Malaysian politics*, London: University of London Press, 1970, hlm. 18.

Sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh British adalah mengikut struktur dan hierarki sosial masyarakat Melayu. Ia berbentuk feodal dan anak-anak golongan atas diberi peluang untuk belajar di sekolah-sekolah Inggeris dan golongan bawahan pula di sekolah Melayu bertujuan melatih mereka supaya menjadi petani atau nelayan yang cekap dan berbekalkan boleh membaca, menulis dan mengira. Abdul Rahman Ismail menyatakan bahawa pendidikan untuk orang Melayu semata-mata memudahkan dan melicinkan pemerintahan British ke atas orang Melayu, menanamkan perasaan berpuas hati, menggalakkan kekal dalam kehidupan tradisional dan menjadikan mereka penghasil bahan makanan asasi serta mengawal supaya jangan menjadi terlalu pandai.<sup>7</sup>

Awang Had Salleh membahagikan kepada enam tahap pendidikan di Malaysia. Pertama, pendidikan di bawah pemerintahan British sehingga 1941, kedua, pendidikan semasa pendudukan Jepun daripada tahun 1942 hingga 1945, ketiga, pendidikan selepas Jepun sehingga sebelum mencapai kemerdekaan iaitu tahun 1945 hingga 1957, keempat, selepas kemerdekaan sehingga tertubuhnya Malaysia iaitu dari 1957 hingga 1963, kelima, pendidikan sehingga 1970 dan keenam, pendidikan sehingga 1980.<sup>8</sup> Sebelum kedatangan pihak British pendidikan telah memang wujud di Tanah Melayu iaitu pendidikan agama.<sup>9</sup> Sekolah Melayu<sup>10</sup> diperkenalkan oleh mubaligh Kristian dan sekolah Melayu pertama diadakan pada tahun 1821 di Pulau Pinang setelah Penang Free School ditubuhkan pada tahun 1816.<sup>11</sup> Kemudian sekolah Melayu vernakular ditubuhkan di Gelugur sebagai cawangan kepada Penang Free School. Seterusnya, pada tahun 1834 terdapat Singapore Free School. Sekolah Melayu vernakular dibiayai oleh Syarikat Hindia Timur dan selepas 1858 ia diambil alih oleh kerajaan. Pada tahun 1884, sekolah Melayu perempuan diadakan di Teluk Belanga, Singapura dan di Pulau

---

<sup>7</sup> Abdul Rahman Ismail, *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan, Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 273.

<sup>8</sup> Awang Had Salleh, 'Phases of development of modern education in Malaysia', in *Malaysian development experience: Change and challenges*, hlm. 85.

<sup>9</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*, hlm. 258.

<sup>10</sup> *Ibid.*, hlm. 277-293.

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm. 275.

Pinang.<sup>12</sup> Pada awal sekolah Cina dibuka oleh persatuan-persatuan pendakwah Kristian.<sup>13</sup> Sekolah Cina vernakular<sup>14</sup> bermula pada tahun 1829 di Kampong Glam dan sebuah sekolah lagi di Perkin Street.<sup>15</sup> Di Perkin Street juga terdapat sekolah Hokkien. Manakala sekolah Tamil<sup>16</sup> pertama dikendalikan oleh Singapore Free School dalam tahun 1834.<sup>17</sup>

Pendidikan aliran Inggeris bermula seawal pertengahan abad ke sembilan belas di Pulau Pinang, kemudian Singapura dan Melaka. Pada awal abad ke dua puluh pendidikan aliran Inggeris diperkenalkan di Negeri-negeri Melayu. Kebanyakan sekolah Inggeris terletak di kawasan bandar. Ini telah memberi kelebihan kepada golongan bukan Melayu. Sekolah Inggeris<sup>18</sup> pertama adalah Penang Free School ditubuhkan oleh Reverend R.S. Hutchings pada tahun 1816.<sup>19</sup> Kemudian Singapore Free School. Ia bermula di Negeri-negeri Selat. Pada abad ke 19, terdapat beberapa sekolah Inggeris ditubuhkan antaranya Malacca Free School (1926), Singapore Free School (1934), Victorian Institution (1894), King Edward VII School (1905). Sekolah-sekolah ini diambil alih oleh kerajaan pada awal abad ke dua puluh<sup>20</sup> kerana masalah kewangan.<sup>21</sup> Kebanyakan sekolah Inggeris yang diuruskan oleh mubaligh Kristian. Ini menyebabkan kebanyakan ibubapa golongan Melayu tidak menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris dan beranggapan sekolah Inggeris tidak sesuai untuk anak-anak mereka.<sup>22</sup> Dr. Mahathir berpandangan bahawa: “They viewed with suspicion the development of the school system introduced by the British, regarding such education as foreign and ‘secular’. They were particularly worried about its effects on the religion, Islam.” Dr.

---

<sup>12</sup> Awang Had Salleh, ‘Phases of development of modern education in Malaysia’, in *Malaysian development experience: Change and challenges*, hlm. 86-87.

<sup>13</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*, hlm. 276.

<sup>14</sup> *Ibid.*, hlm. 288-293.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm. 276.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 293-296.

<sup>17</sup> Awang Had Salleh, ‘Phases of development of modern education in Malaysia’, in *Malaysian development experience: Change and challenges*, hlm. 86; Azmah Abdul Manaf, *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*, hlm. 276.

<sup>18</sup> Azmah Abdul Manaf, *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*, hlm. 296-301.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 275.

<sup>20</sup> Awang Had Salleh, ‘Phases of development of modern education in Malaysia’, in *Malaysian development experience: Change and challenges*, hlm. 90.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Mohd Daud Mat Din (Penterjemah), Wan Hashim, *Hubungan etnik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2011, hlm. 18.

Mahathir berpendapat kebanyakan orang Melayu telah ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan dari sekolah Inggeris kerana beranggapan bahawa bertentangan dengan ajaran Islam.<sup>23</sup>

It is not surprising, therefore, that most Malays thought all education given through English schools was about Christianity or based on Christianity. They felt that such education, besides being worthless and opposed to Islam, might undermine their faith in Islam. This view gave rise to a generally negative attitude towards the systematic modern education and schooling provided by the British colonial Government.<sup>24</sup>

Pada tahun 1904, *Malay College Kuala Kangsar*<sup>25</sup> ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengisi jawatan-jawatan kerajaan. Mereka yang dipilih adalah dari keluarga golongan aristokrat untuk menjadi pentadbir elit.<sup>26</sup> Awang Had Salleh berpendapat: “This, again, was consistent with the policy of preserving the status quo in the Malay social structure.”<sup>27</sup> Pada tahun 1922, *Sultan Idris Training College* (SITC) ditubuhkan di Tanjong Malim, Perak.<sup>28</sup> Ia bertujuan untuk melatih anak golongan bawahan dan golongan miskin untuk melanjutkan pelajaran dan juga bertujuan untuk menjadi guru sekolah Melayu pada peringkat rendah.<sup>29</sup>

Tunku menyatakan keadaan prasarana pendidikan iaitu hanya ada satu universiti sahaja yang terletak di Singapura dan dua kolej untuk pendidikan tinggi. Ramai yang berminat untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya di Singapura tetapi Universiti Malaya tidak dapat menampung ramai pelajar kerana untuk mendapatkan tempat adalah terhad. Pilihan lain adalah melanjutkan pelajaran ke Britain atau negara-negara Komanwel. Mereka tiada pilihan lain kerana ijazah selain dari Britain dan

---

<sup>23</sup> Mahathir Mohamad, *Mahathir Mohamad: The challenge*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986, hlm. 22.

<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> Mohd Daud Mat Din (Penterjemah), Wan Hashim, *Hubungan etnik di Malaysia*, hlm. 18; Kolej ini digelar sebagai “Eton Timur”; Gordon P. Means, *Malaysian politics*, London: University of London Press, 1970, hlm. 18.

<sup>26</sup> Ibid.; Gordon P. Means, *Malaysian politics*, London: University of London Press, 1970, hlm. 18.; Paridah Abd Samad, *The myth of Dato' Onn Jaafar: The forgotten hero*, hlm. 38.

<sup>27</sup> Awang Had Salleh, ‘Phases of development of modern education in Malaysia’, in *Malaysian development experience: Change and challenges*, hlm. 90.

<sup>28</sup> Gordon P. Means, *Malaysian politics*, hlm. 18.

<sup>29</sup> Mohd Daud Mat Din (Penterjemah), Wan Hashim, *Hubungan etnik di Malaysia*, hlm. 18; Paridah Abd Samad, *The myth of Dato' Onn Jaafar: The forgotten hero*, hlm. 39.

negara-negara Komanwel adalah tidak diiktiraf.<sup>30</sup> Setelah mencapai kemerdekaan, Malaya perlu memenuhi keperluan negara yang sememangnya amat memerlukan tenaga mahir dan cerdik pandai. Pendidikan yang terbaik adalah satu pelaburan yang dapat membantu Malaya mencapai pembangunan negara dan pertumbuhan ekonomi seterusnya.<sup>31</sup>

Selepas mencapai kemerdekaan, Malaya pada waktu itu masih meneruskan usaha menghantar pelajar-pelajar ke Britain dan negara-negara Komanwel seperti Australia, New Zealand dan Kanada. Ini dapat mengukuhkan kedudukan ekonomi dan politik Britain dengan penghantaran pelajar-pelajar setiap tahun. Bagi Malaysia ianya penting untuk mencapai pengisian pembangunan negara yang pesat.<sup>32</sup> Malaya memerlukan ramai tenaga pekerja mahir bagi meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Sebagai negara yang baru merdeka dan tidak mempunyai kepakaran dalam semua bidang, Malaya perlu melahirkan tenaga mahir melalui pendidikan sama ada dalam negara mahupun luar negara. Memandangkan pendidikan di luar negara terutama Britain adalah menjadi tumpuan rakyat Malaysia kerana sistem pendidikan dan pentadbiran diguna pakai di Malaya.<sup>33</sup> Menurut Mohd Noor Yazid:

The Malaysian education policy of sending Malaysian students to the United Kingdom, and the Commonwealth countries (Australia, Canada and New Zealand) after independence continued. Hence the education policy strengthened the British economic model and political philosophy in Malaysia for a few decades after independence. The economic achievement and level of development were important to continue sending students overseas.<sup>34</sup>

Ramai pelajar Malaysia yang berminat untuk melanjutkan pelajaran di Britain.

Ini berlaku sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi ramai pelajar-pelajar digalakkan

---

<sup>30</sup> Tunku Abdul Rahman, *Lest we forget: Further candid reminiscences*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd, 1983, hlm. 102.

<sup>31</sup> *Berita Harian*, 25 Mac, 1985, hlm. 10.

<sup>32</sup> Mohd Noor Yazid, *Hegemonic powers, radical politics and development state: The case of Indonesia-Malaysia political relations during the Cold War*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 110.

<sup>33</sup> Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, hlm. 161.

<sup>34</sup> Mohd Noor Yazid, *Hegemonic powers, radical politics and development state: The case of Indonesia-Malaysia political relations during the Cold War*, hlm. 110.

untuk meneruskan pelajaran mereka di Britain terutama golongan aristokrat dan elit termasuklah ketiga-tiga Perdana Menteri sebelum Dr. Mahathir telah melanjutkan pelajaran mereka di Britain. Apabila mereka pulang ke negara, mereka telah dilantik sebagai pegawai kerajaan. Kebanyakan rakyat Malaysia memandang reputasi belajar di Britain adalah sangat tinggi terutama dari segi teknologi dan kepakaran.<sup>35</sup> Bagi Britain pendidikan pelajar Malaysia di Britain turut memberi kelebihan kepada mereka kerana apabila pelajar yang menuntut di Britain pulang ke Malaysia telah membawa pengalaman dan pengaruh Britain dan ini telah membawa imej Britain ke Malaysia. Timothy Renton ahli parlimen Mid-Sussex, Britain menyatakan: “It would be tragic for Malay students and for the United Kingdom if their education here were interrupted. When former students return to their country of origin, they usually—I stress the word “usually”—prove to be sympathetic, understanding, sometimes critical, but friends of Britain, to our political and commercial advantage”.<sup>36</sup>

### **Isu Kenaikan Yuran**

Hubungan Malaysia dengan Britain telah terjejas ekoran daripada kenaikan yuran pengajian tinggi bagi pelajar luar oleh pihak Britain.<sup>37</sup> Isu yang mencabar Malaysia kerana sejak selepas merdeka Malaysia telah menghantar ramai pelajar Malaysia ke Britain untuk melanjutkan pelajaran. Kebanyakan rakyat Malaysia beranggapan bahawa Britain adalah sebuah negara yang mempunyai pendidikan berkualiti. Keputusan Britain pada tahun 1981, menaikkan lagi yuran pendidikan yang terlalu tinggi telah menjejaskan kira-kira enam belas ribu pelajar Malaysia yang sedang belajar di Britain. Tindakan menaikkan yuran ini impaknya turut melibatkan kerajaan Malaysia yang terpaksa menghadapi pelbagai masalah antaranya perlu membayar yuran pendidikan

---

<sup>35</sup> Ibid., hlm. 349.

<sup>36</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 01 March 1994, Vol. 238, cc801-48.

<sup>37</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 97, 27 November, 1987, hlm. 15992; Keadaan menjadi runcing dalam hubungan Malaysia dengan Britain.

lebih tinggi bagi pelajar-pelajar yang ditaja oleh kerajaan.<sup>38</sup> Kenaikan yuran pengajian ini juga turut melibatkan anggota Komanwel yang kebanyakannya menghantar pelajar mereka ke Britain. Tindakan menaikkan yuran pengajian ini oleh pihak Britain telah dikritik oleh anggota Komanwel dalam persidangan Komanwel pada tahun 1987 yang di adakan di Melbourne, Australia.<sup>39</sup> Persidangan Komanwel turut menubuhkan Pusat Pendidikan Komanwel di mana ibu pejabatnya terletak di Vancouver, Kanada untuk mempromosi kerjasama pendidikan jarak jauh.<sup>40</sup>

Kenaikan yuran pelajar-pelajar luar Britain bermula sejak tahun 1979 lagi.<sup>41</sup> Pada tahun 1975, yuran pendidikan hanya £325 dan pada tahun 1979 yuran ini telah dinaikkan kepada £940.<sup>42</sup> Ini berlaku apabila pada waktu itu kerajaan yang memerintah Britain adalah dari parti Konservatif telah menaikkan kadar yuran sehingga 20 peratus bagi pelajar-pelajar luar negara yang belajar di universiti-universiti dan kolej-kolej di Britain berkuatkuasa pada tahun 1980. Negara lain seperti Australia dan New Zealand turut menaikkan yuran pendidikan bagi pelajar-pelajar luar yang belajar di negara mereka.<sup>43</sup> Bagi Musa Hitam tindakan menaikkan yuran pendidikan itu adalah strategi pihak Barat yang mengamalkan dasar perlindungan pendidikan. Ada negara di Barat yang menaikkan yuran sehingga hampir tiga kali ganda. Ini telah menyebabkan pelajar-pelajar di negara-negara membangun seperti Malaysia sukar untuk melanjutkan pelajaran di negara Barat.<sup>44</sup> Musa Hitam semasa menjadi Menteri Pelajaran telah meminta jasa baik kerajaan Britain untuk menimbangkan permintaan untuk tidak menaikkan yuran ke atas pelajar-pelajar Malaysia bagi mengelak ramai pelajar Malaysia

---

<sup>38</sup> *Berita Harian*, 25 Mac, 1985, hlm. 10.

<sup>39</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 27 April 1983, Vol. 41, cc921-709.

<sup>40</sup> Mony Malhoutra, 'Me and my boss: the Sony experience', in Richard Bourne (edited), *Shridath Kamphal, The Commonwealth and the world, Essays in honour of his 80<sup>th</sup> birthday*, London: Hansib Publication Limited, 2008

<sup>41</sup> Mark Phythian, *The politics of British arm sales since 1964*, Manchester: Manchester University Press, 2000, hlm. 172.

<sup>42</sup> Johan Saravanamuttu, *Malaysia's foreign policy: The first fifty years*, hlm. 187.

<sup>43</sup> Chew Huat Hock, 'Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia's bilateral relations with Britain and Singapore in 1981', in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1982, hlm. 348.

<sup>44</sup> *New Straits Times*, 31 May, 1980, hlm. 9, 'Musa: More students to be sent to Indonesia'.

di Britain yang menghadapi masalah kewangan kembali semula ke Malaysia.<sup>45</sup> Kenaikan yuran ini akan memberikan kesan kepada rakyat Malaysia dan juga beliau sebagai Menteri Pelajaran di mana kebanyakan pelajar swasta di United Kingdom terdiri dari kaum Cina dan universiti-universiti tempatan tidak mampu menampung ramai pelajar. Ini akan membawa kepada hubungan tradisional yang tidak baik antara kedua-dua buah negara.<sup>46</sup> Walau bagaimanapun wakil Britain, Peter Blaker, Menteri Hubungan Luar dan Komanwel telah melawat Malaysia pada 20-23 Januari, 1980 dan beliau tetap dengan pendirian tidak mahu melayan rayuan Malaysia. Dalam laporan beliau menyatakan: “Without offering the slightest hope on any change, undertook to convey Malaysian views to the British Government.”<sup>47</sup>

Seterusnya rayuan dibuat lagi dengan menyatakan pelajar Malaysia dikenakan kenaikan yuran tetapi tidak bagi pelajar dari Kesatuan Eropah sedangkan mereka juga dianggap pelajar-pelajar dari luar negara. Pihak Britain menolak permintaan Malaysia walaupun kedua-dua negara mempunyai hubungan sentimental dan sejarah. Bagi Britain negara-negara Kesatuan Eropah dapat memberi faedah kepada Britain tetapi tidak Malaysia.<sup>48</sup> Secara tidak langsung pihak Britain telah mendiskriminasi pelajar-pelajar Malaysia.<sup>49</sup>

Menurut anggaran pelajar pada tahun 1978-1979 pelajar Malaysia yang menuntut di Britain seramai 13,308 pelajar tidak termasuk pelajar di bawah 18 tahun yang belajar di Britain. Majoriti pelajar Malaysia yang menuntut di Britain adalah kaum Cina yang tidak mendapat tempat pengajian tinggi di Malaysia dan juga bagi mereka yang mahukan dan beranggapan pendidikan di Britain adalah lebih baik dari yang ada di

---

<sup>45</sup> FCO15/2690/0027; Surat dari British High Commissioner to FCO/SEAD dated 15 July, 1980; Chew Huat Hock, ‘Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia’s bilateral relations with Britain and Singapore in 1981’, in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982, hlm. 349.

<sup>46</sup> Ibid.

<sup>47</sup> Ibid.

<sup>48</sup> Chew Huat Hock, ‘Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia’s bilateral relations with Britain and Singapore in 1981’, in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982, hlm. 350.

<sup>49</sup> Mohd Yusof Ahmad, ‘Foreign policy of developing states: The Malaysian experience’, in *Malaysian development experience: Changes and challenges*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration, Malaysia, 1994, hlm. 379.



Malaysia.<sup>50</sup> Musa Hitam telah memberi amaran kepada Britain melalui Suruhanjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur bahawa tindakan mengenakan kenaikan yuran pelajar oleh Britain boleh menyebabkan hubungan di antara kedua-dua negara renggang. Isu kenaikan yuran pelajar ini menjadi salah satu isu yang menyumbang kepada keretakan hubungan yang sedia ada.<sup>51</sup>

Pada tahun 1981, kenaikan yuran telah hampir dua kali ganda daripada tahun 1979 telah sedikit sebanyak memberi kesan kepada pentadbiran Dr. Mahathir.<sup>52</sup> Dianggarkan seramai lebih 13,000 pelajar Malaysia yang menuntut di Britain dan kebanyakan mereka adalah pelajar yang ditaja oleh kerajaan Malaysia.<sup>53</sup>

**Jadual 6.1: Kenaikan yuran mengikut kursus, 1980/81 – 1981/82**

Kursus	1980-1981 £	1981-1982 £	Kenaikan Peratusan %
Sastera	2,000	2,647	32.4
Sains	3,000	3,672	22.4
Perubatan	5,000	6,000	20.0

*Sumber: 2002/00354 – Lawatan Lord Carrington, 1982, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, hlm. 45.*

Kenaikan yuran di antara 20 peratus hingga 32.4 peratus seperti Jadual 6.1 telah membebankan pelajar Malaysia yang terpaksa menanggung kos yang bertambah. Kenaikan bagi kursus perubatan walaupun hanya 20 peratus tetapi amaun yang perlu dibayar adalah tinggi iaitu sebanyak £6,000 berbanding dengan kursus Sastera hanya £2,647.

Tindakan pihak Britain menaikkan yuran tidak sama rata di antara pelajar-pelajar dari Komanwel dengan pelajar-pelajar dari Kesatuan Eropah. Pihak Britain telah

<sup>50</sup> *Asiaweek*, 30 Nov. 1981, hlm. 31, 'Making them pay'.

<sup>51</sup> *Ibid.*; *Hansard Britain*, House of Commons, 03 February 1983, Vol. 36, cc527-34.

<sup>52</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm.17; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 207-208.

<sup>53</sup> Diane K. Mauzy and R. S. Milne, 'The Malaysian administration: Discipline through Islam', in Bruce Gale (editor), *Malaysian politics*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986, hlm. 84.

mengamalkan diskriminasi terhadap pelajar-pelajar daripada Komanwel dengan membeza-bezakan yuran pendidikan dengan pelajar-pelajar daripada Kesatuan Eropah. Yuran pendidikan bagi pelajar dari Kesatuan Eropah tidak dinaikkan.<sup>54</sup> Terdapat dua skim kenaikan yuran dikenakan iaitu pertama, bagi pelajar dalam negara dan skim kedua pula bagi pelajar dari luar negara yang bukan dari Kesatuan Eropah. Kedua-dua skim ini yuran yang dikenakan adalah berbeza, skim kedua jauh lebih murah daripada skim pertama.<sup>55</sup> Britain memberi alasan bahawa mereka tidak lagi mampu untuk meneruskan pembiayaan terhadap pendidikan memandangkan ekonomi yang tidak meningkat, inflasi yang tinggi, kekurangan pengeluaran dan seramai tiga juta rakyat Britain tidak mempunyai pekerjaan yang lebih memerlukan bantuan. Bagi Tengku Rithauddeen tindakan Britain adalah tidak adil kerana walaupun mereka tidak memberi bantuan kepada negara anggota Komanwel tetapi tetap membantu negara-negara anggota Kesatuan Eropah. Tindakan Britain tidak menaikkan yuran pendidikan terhadap pelajar-pelajar dari Kesatuan Eropah adalah satu tindakan diskriminasi terhadap negara-negara membangun kerana kebanyakan negara-negara anggota Eropah adalah terdiri dari negara-negara maju dan mereka mampu untuk membayar kenaikan yuran yang dikenakan berbanding dengan negara-negara anggota Komanwel yang terdiri dari negara-negara sedang membangun yang memerlukan bantuan daripada pihak Britain.<sup>56</sup> Bagi Britain dengan memberi keistimewaan kepada pelajar Eropah akan dapat menarik pelajar Eropah menuntut di Britain dan ramai pelajar dari Britain yang keluar menuntut di Eropah daripada pelajar dari Eropah yang menuntut di Britain. Tambahan pula, kebanyakan pusat pengajian tinggi di Eropah memperoleh pendapatan tidak dari yuran pelajar.<sup>57</sup>

---

<sup>54</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 1, 17 Mac, 1981, hlm. 70; Chamil Wariya, 'Supermacy Inggeris luntur dalam era kepimpinan baru Malaysia', dalam *Utusan Malaysia*, 5 April, 1985, hlm. 8.

<sup>55</sup> *Ibid.*, *Dasar luar era Mahathir*, hlm. 59; Mokhtar Muhammad, 'Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dari tahun 1970-1990: Kesenambungan dan perubahan', hlm. 429.

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 27 April 1983, Vol. 41, cc921-709.

Pada akhir 1960-an, tentera British di Timur Suez telah berundur dan kejatuhan Sterling British telah menjadi punca kemelesetan ekonomi Britain. Pada tahun 1981 kesannya mula dirasakan dan tambahan pula ekonomi dunia turut meleset telah menyebabkan inflasi meningkat, buruh mogok, pengangguran yang tinggi dan defisit dalam imbalan pembayaran. Dalam keadaan negara sebegini, kerajaan Konservatif telah mengambil tindakan dengan menaikkan yuran pendidikan pelajar luar negara dan ini dapat menyelamatkan subsidi sebanyak £100 juta setahun.<sup>58</sup> Bagi Britain pula kedudukan di bawah pentadbiran Margaret Thatcher sedang menghadapi Perang Falkland, peningkatan pengangguran dalam negara dan inflasi telah menyebabkan rayuan Malaysia tidak diberi perhatian sewajar. Malaysia merasakan hubungan istimewa dan tradisional dengan Britain telah tiada.<sup>59</sup>

Salah satu sebab kenaikan yuran dikenakan kerana adanya peningkatan kos dalam pembayaran gaji bulanan kepada tenaga pengajar.<sup>60</sup> Kenaikan yuran ini disebabkan kerajaan Britain mahu menjimatkan perbelanjaan dalam keadaan ekonomi yang merosot. Tambahan pula negara Britain adalah kecil tetapi mempunyai penduduk yang ramai tetapi tidak mempunyai sumber asli. Britain memperolehi hasil dari negara yang dijajah terutama dari Asia dan Afrika. Apabila bermulanya kebangkitan semangat nasionalisme kebanyakan negara-negara yang dijajah telah merdeka. Ini telah menyebabkan pihak Britain kehilangan sumber pendapatan.<sup>61</sup> Ini dinyatakan oleh Dr. Mahathir: "But now, without their colonies and their areas of influence it is no longer possible for these countries to maintain their once viable economic growth."<sup>62</sup> Walau bagaimanapun Malaysia terpaksa menghadapinya kerana pendidikan adalah faktor penting dalam pertumbuhan negara. Semenjak Britain menaikkan yuran pendidikan,

---

<sup>58</sup> Chew Huat Hock, 'Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia's bilateral relations with Britain and Singapore in 1981', in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982, 1982, hlm. 348-349.

<sup>59</sup> David Lazarus, 'Foreign policy is people', in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 17.

<sup>60</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm.17; Cheah, *Malaysia: The making of a nation*, hlm. 207-208.

<sup>61</sup> Chew Huat Hock, 'Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia's bilateral relations with Britain and Singapore in 1981', in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982, hlm. 347.

<sup>62</sup> Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 158.

kerajaan Malaysia terus mencari jalan alternatif untuk pelajar-pelajar Malaysia dan mengubah persepsi untuk bertindak balas terhadap polisi perlindungan pendidikan oleh negara seperti Britain.<sup>63</sup> Begitu juga dengan Malaysia yang mempunyai ramai pelajar yang menuntut di Britain dan apabila kenaikan yuran dikenakan dengan begitu tinggi telah menyebabkan ramai pelajar Malaysia memerlukan bantuan bagi meneruskan pengajian mereka di Britain. Presiden Persatuan Majlis Pelajar-pelajar Malaysia di Britain, Marizan Basiron telah meminta bantuan daripada ahli-ahli perniagaan Britain di Malaysia dengan menyediakan tabungan bantuan bagi membantu pelajar-pelajar Malaysia di Britain. Tindak balas daripada ahli-ahli perniagaan Britain di Malaysia tidak memberangsangkan. Mereka bersikap “studied silence”.<sup>64</sup> Malaysia mengkritik Britain kerana sumbangan yang diminta oleh Malaysia adalah kecil berbanding dengan pendapatan yang mereka dapati daripada Malaysia dan dihantar pulang wang ke Britain berjumlah RM10 bilion.<sup>65</sup>

Persaingan juga wujud apabila adanya sistem *laissez faire* yang membenarkan negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jerman Barat, dan Jepun untuk bersaing dengan pihak Britain.<sup>66</sup> Apabila menaikkan yuran ini timbul telah menyebabkan ramai pelajar Malaysia tidak mampu untuk meneruskan pengajian mereka di Britain. Bagi mereka yang telah menuntut di Britain menghadapi masalah kewangan dan berpotensi untuk tidak meneruskan pengajian mereka di Britain.<sup>67</sup> Tambahan pula kelima-lima universiti yang ada iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia tidak mampu menampung pelajar yang berlebihan.<sup>68</sup> Sebagai langkah mengurangkan bebanan pelajar-pelajar Malaysia di Britain telah meminta bantuan daripada syarikat-syarikat

---

<sup>63</sup> *New Straits Times*, 31 May, 1980, hlm. 9, ‘Musa: More students to be sent to Indonesia’.

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> Chew Huat Hock, ‘Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia’s bilateral relations with Britain and Singapore in 1981’, in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982, hlm. 351.

<sup>66</sup> *New Straits Times*, 31 May, 1980, hlm. 9.

<sup>67</sup> *Ibid.*

<sup>68</sup> *Ibid.*

Britain di Malaysia. Mereka telah menubuhkan Majlis Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia (The Malaysian Students Societies Council (MSSC)) di Britain dan Eire. MSSC telah menubuhkan Yayasan Anglo-Malaysia dan telah menghantar surat rasmi kepada 163 buah syarikat British di Malaysia dan menghantar delegasi pelajar untuk bertemu dengan pihak pengurusan syarikat British di Malaysia. Pihak MSSC telah menyediakan memorandum setebal 50 muka surat dan menyenaraikan masalah kewangan pelajar-pelajar Malaysia dan memberi cadangan bagaimana tabungan tersebut diuruskan. Usaha tersebut gagal kerana sebanyak 135 syarikat Britain tidak memberi jawapan dan beberapa syarikat tidak mengendahkan surat tersebut dan tidak memulangkan semula pendua surat. Terdapat 28 syarikat yang menjawab dan terdapat 16 syarikat tidak bersetuju dengan memberi alasan adanya keperluan lain yang perlu diutamakan dan masalah pentadbiran. Mereka juga menyuarakan sekiranya mereka bersetuju dengan cadangan MSSC, mereka juga perlu komited terhadap pelajar-pelajar lain di luar negara. Dua belas syarikat lagi mengambil keputusan untuk “tunggu dan lihat” sekiranya ada syarikat-syarikat Britain yang lain bersetuju.<sup>69</sup> Keengganan syarikat-syarikat Britain tidak mahu membantu pelajar-pelajar Malaysia merupakan satu sikap yang tidak mahu bertolak ansur dan menambahkan ketegangan dalam hubungan Malaysia dengan Britain.<sup>70</sup> Sumbangan wang yang hendak diberikan kepada pelajar Malaysia adalah kecil dibandingkan dengan keuntungan yang mereka perolehi daripada Malaysia dan dibawa pulang ke Britain<sup>71</sup> Rancangan ini yang telah diilhamkan oleh Naib Canselor Universiti Malaya Profesor diRaja Ungku Aziz telah tidak mendapat sambutan daripada syarikat-syarikat Britain.<sup>72</sup>

Selepas pertemuan Mahathir dengan Thatcher keadaan mula berubah dan telah mengubah pandangan pihak Britain terhadap soal pendidikan di Malaysia dan mereka

---

<sup>69</sup> Chew Huat Hock, 'Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia's bilateral relations with Britain and Singapore in 1981', in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982, hlm. 349.

<sup>70</sup> Mohd Yusof Ahmad, 'Continuity and change in Malaysia's foreign policy, 1981-1986', Dissertation Doctor of Philosophy, hlm. 321.

<sup>71</sup> *Ibid.*, hlm. 351.

<sup>72</sup> *New Straits Times*, 15 Oct. 1981', hlm. 1; 'Pow-wow at British High Commission'.

lebih peka kepada kehendak kerajaan Malaysia. Pihak Britain bersetuju tidak akan melaksanakan polisi yang boleh memudaratkan Malaysia dan negara-negara kecil lain yang menghantar pelajar-pelajar ke Britain.<sup>73</sup> Pada tahun 1983, Tabung Khas telah diwujudkan bagi membantu pelajar Malaysia yang menuntut di Britain sebanyak £5 juta (RM17.4 juta) sehingga tahun 1987.<sup>74</sup> Pada Februari, 1983, Setiausaha Luar Britain, Francis Pym telah mengumumkan skim bantuan sebanyak £46 juta sebagai biasiswa untuk membiayai seramai enam ribu pelajar luar negara.<sup>75</sup> Pada tahun 1986, pihak Britain telah menambah \$5 juta untuk peruntukan bagi program Bahasa Inggeris di Malaysia dan merupakan tambahan kepada peruntukan \$20 juta yang diperkenalkan oleh pihak Britain pada tahun 1983 untuk tempoh tiga tahun. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Bujang Ulis, peruntukan tersebut dapat membantu Malaysia menghantar lebih ramai pelajar mengikuti kursus pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (TESL) di Britain.<sup>76</sup>

Kenaikan yuran ini bukan sahaja dirasakan oleh pihak Malaysia begitu juga negara-negara Komanwel.<sup>77</sup> Walaupun kenaikan yuran pengajian dilaksanakan namun Malaysia masih menghantar pelajar-pelajarnya menuntut di Britain tetapi dalam bilangan yang berkurangan. Memandangkan pendidikan di Britain berkualiti kebanyakan pelajar berminat ke Britain selain daripada Amerika Syarikat dan Australia. Keadaan ini tidak boleh dinafikan dan Malaysia terpaksa akur dengan kenaikan yuran pengajian yang dikenakan oleh Britain. Namun begitu bagi mengurangkan bebanan kos pendidikan Malaysia terpaksa mencari jalan keluar dan alternatif bagi menyelesaikan masalah kenaikan yuran pendidikan ini.

---

<sup>73</sup> *New Straits Times*, 14 Mar. 1983, hlm. 16, 'Dr. M's response gives hope to British businessmen'

<sup>74</sup> *Berita Harian*, 25 Mac, 1985, hlm. 10; *New Straits Times*, 4 Apr. 1983, hlm. 1; 'Britain happy with Dr. M's decision'.

<sup>75</sup> Mark Phythian, *The politics of British arm sales since 1964*, Manchester: Manchester University Press, 2000, hlm. 172.

<sup>76</sup> *Berita Harian*, 2 Julai, 1986, hlm. 3, 'Britain setuju tambah \$5 juta untuk program'.

<sup>77</sup> *Utusan Malaysia*, 18 Oktober, 1986, hlm. 6, 'Britain, Australia dikecam'.

## Usaha Kerajaan Malaysia

Pertemuan Mahathir dengan Thatcher pada tahun 1983 telah memberikan ruang kepada Malaysia dalam menghadapi krisis kenaikan yuran pendidikan yang sebelum ini tidak mendapat perhatian sewajarnya. Pihak Britain telah menambahkan tawaran biasiswa kepada pelajar Malaysia yang menuntut di Britain dan turut melibatkan diri dalam usaha memberi sumbangan kepada pelajar Malaysia adalah dari firma-firma Britain yang pada mulanya tidak mahu memberi kerjasama dan turut terlibat dalam memberikan bantuan kepada pelajar Malaysia adalah beberapa universiti di Britain. Menurut Dr. Mahathir: “Semua ini adalah petanda baik bahawa kerajaan dan orang British telah mula berubah pandangan mereka terhadap negara ini.”<sup>78</sup> Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir masih tidak berpuas hati dan beliau mementingkan perubahan sikap dan pemikiran kerajaan Britain secara menyeluruh dan menanggap Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan mempunyai maruah sendiri.<sup>79</sup>

Dalam menangani masalah kenaikan yuran pengajian di Britain, kerajaan Malaysia perlu campurtangan bagi mencari jalan penyelesaian isu ini. Memandangkan pihak Britain tidak mahu bertolak ansur, kerajaan Malaysia perlu mencari jalan bagi meringankan beban pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Britain. Tambahan pula, kesemua universiti tempatan tidak dapat menampung kemasukan semua permohonan memandangkan tempat yang terhad di universiti. Walau bagaimanapun Malaysia telah mengembangkan pusat-pusat universiti di negara termasuk mengadakan universiti.<sup>80</sup>

---

<sup>78</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 52, 24 Mac, 1983, hlm. 7307-7308.

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> *Ibid.*, *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 62, 8 Julai, 1987, hlm. 10439-10440.

**Jadual 6.2: Pengambilan pelajar ke universiti tempatan 1981 - 1989**

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Permohonan</b>	<b>Bilangan Pengambilan Pelajar</b>	<b>Bilangan Permohonan Ditolak</b>	<b>Peratusan Penerimaan</b>
1981	16,698	5,647	10,851	35.0
1982	19,522	6,127	13,395	31.4
1983	28,858	6,890	21,968	23.9
1984	32,162	7,192	24,970	22.4
1985	32,209	8,213	23,996	25.5
1986	30,973	8,397	22,576	27.1
1987	27,658	9,289	18,369	33.6
1988	24,155	9,170	14,985	37.9
1989	23,331	9,395	13,936	40.3

*Sumber: New Straits Times, 11 Jul. 1986, hlm. 8, 'Broader educational infrastructure needed'; The Star, 7 Apr. 1991, hlm. 15.*

Menurut Jadual 6.2, bilangan permohonan bertambah daripada tahun 1981 hingga 1985. Pada tahun 1986 sehingga tahun 1989 mengalami penurunan dalam bilangan permohonan. Bilangan pengambilan pelajar bertambah setiap tahun. Namun jurang perbezaan antara bilangan permohonan dibandingkan dengan bilangan pengambilan pelajar adalah sangat besar dan peratusan penerimaan tidak sampai lima puluh peratus.

Terdapat beberapa alasan permohonan kemasukan universiti tempatan ditolak kerana penawaran tempat adalah terhad berbanding dengan jumlah pemohon setiap tahun, kursus yang dipohon tidak sesuai dengan kelulusan, kursus yang dipohon melebihi hingga terpaksa menolak sebilangan pemohon bukan kerana tidak layak dan dalam memohon terdapat kesilapan teknik yang tidak disengajakan.<sup>81</sup> Ada ibubapa yang telah menghantar anak mereka belajar ke luar negara terutama ke Britain kerana tidak perlu melalui karenah birokrasi yang menyukarkan mereka dan persaingan untuk mendapatkan tempat pengajian di universiti tempatan. Tanggungjawab kerajaan Malaysia memastikan pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara mendapat perhatian sewajarnya.

<sup>81</sup> *Utusan Malaysia*, 25 Jun, 1986, hlm. 6.



Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Tabung Pusingan bagi membantu pelajar Malaysia. Jumlah pinjaman dari Tabung Pusingan yang telah dikeluarkan sehingga tahun 1985 untuk pelajar-pelajar Malaysia di Britain adalah sebanyak \$2,763,195.91. Pinjaman ini telah diberi kepada 40 orang pelajar Melayu, 527 pelajar Cina dan 271 pelajar India. Walau bagaimanapun Tabung Pusingan ini tidak dapat menampung semua yang menerima bantuan pada tahun akademik 1984/85, pinjaman tidak dapat dikeluarkan oleh sebab peruntukan yang tidak mencukupi.<sup>82</sup>

Ada cadangan mahukan Menteri Pendidikan menjemput universiti-universiti luar negeri yang terkenal untuk mendirikan kampus-kampus mereka dalam negeri ini untuk memberi lebih peluang kepada pelajar-pelajar yang layak meneruskan pendidikan mereka dalam negara. Ini dianggarkan dapat menyelamatkan kos pendidikan sebanyak lebih kurang \$1 billion dalam pertukaran asing tiap-tiap tahun.<sup>83</sup> Walau bagaimanapun cadangan ini ditolak kerana kerajaan Malaysia tidak membenarkan mana-mana universiti di luar negeri menubuhkan kampus cawangannya di negara ini. Pihak kerajaan mencadangkan peluang-peluang pengajian tinggi boleh dipertingkatkan melalui pembesaran kampus induk, penubuhan kampus-kampus cawangan dan perluasan program-program pengajian. Bagi tahun 1986 Kementerian Pendidikan telah membelanjakan lebih kurang \$16 juta untuk membiayai program pelajarannya di luar negeri.<sup>84</sup> Di dalam usaha menangani kenaikan yuran terdapat universiti-universiti di Britain yang telah mengambil tindakan untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh pelajar Malaysia dengan membenarkan pelajar-pelajar Malaysia belajar di universiti-universiti di Malaysia bagi peringkat awal pembelajaran. Tindakan ini dapat mengurangkan kos bagi pelajar Malaysia dan ini mengurangkan tempoh pembelajaran mereka di Britain.<sup>85</sup> Pada tahun 1984, bilangan pelajar-pelajar yang dihantar oleh

---

<sup>82</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 42, 8 November, 1985, hlm. 6725.

<sup>83</sup> *Ibid.*, 8 Julai, 1987, hlm. 10299-10300.

<sup>84</sup> *Ibid.*

<sup>85</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 88.

kerajaan dan lain-lain agensi kerajaan ke Australia dan lain-lain negara untuk meneruskan pelajaran pra-Universiti adalah seperti Jadual 6.3:<sup>86</sup>

**Jadual 6.3: Bilangan pelajar pra-Universiti di pelbagai negara**

Negara	Bilangan Pelajar
Australia	976
New Zealand	116
United Kingdom	3,890
Amerika Syarikat	8,105
Kanada	683
Mesir	134
Indonesia	97
<b>Jumlah</b>	<b>14,001</b>

*Sumber: Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 3, 15 Mac, 1984, hlm. 393-394.*

Mulai tahun 1984, Kerajaan telah mula mengambil langkah menjalankan kursus-kursus pra-Universiti bagi pelajar-pelajar tajaan kerajaan di institusi-institusi dan kolej-kolej tempatan, termasuk kolej swasta sebagai langkah untuk menjimatkan perbelanjaan, di samping menjadikan pelajar lebih matang dan bersedia sebelum dihantar ke seberang laut.<sup>87</sup>

Di dalam perbincangan pada tahun 1985 semasa lawatan Margaret Thatcher ke Kuala Lumpur isu kenaikan yuran turut dibincangkan dengan Dr. Mahathir. Beliau telah menyatakan bahawa kerajaan Malaysia telah mengadakan perbincangan dengan pihak universiti-universiti di Scotland bagi menerima pelajar-pelajar Malaysia menuntut di Scotland bagi tahun pertama dan kedua. Bagi tahun ketiga dan keempat pelajar-pelajar Malaysia akan belajar di Britain bagi menamatkan pengajian mereka.<sup>88</sup> Ini bagi menjimatkan kos pendidikan dan juga sara hidup pelajar-pelajar yang masih mahukan

<sup>86</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 3, 15 Mac, 1984, hlm. 393-394.

<sup>87</sup> *Ibid.*

<sup>88</sup> *The Glasgow Herald*, 6 Apr. 1985, hlm. 1.

pengiktirafan daripada pihak Britain. Dr. Mahathir menghargai usaha yang telah dilakukan oleh pihak universiti-universiti di Britain: “This cooperation by British universities is much appreciated.”<sup>89</sup>

Ada pelajar Malaysia tidak mampu untuk melanjutkan pelajaran ke Britain, mereka terpaksa mencari tempat lain yang dapat memberi kos yang berpatutan. Kerajaan Malaysia telah berusaha mencari jalan bagaimana mengurangkan kos pendidikan di Britain dengan membuat rancangan hubungan dengan universiti-universiti di Britain supaya pelajar Malaysia belajar di Malaysia untuk tahun pertama dan kedua. Kemudiannya akan ke universiti di Britain untuk menamatkan kursus mereka yang mengambil masa dua tahun. Pelajar Malaysia dapat mengurangkan kos pendidikan mereka dan ini juga dapat mengurangkan pengaliran wang Malaysia ke Britain.<sup>90</sup> Selain itu pihak Britain turut bertolak ansur dengan membenarkan langkah Malaysia untuk menghantar pelajar yang ditaja oleh kerajaan Malaysia hanya di tahun ketiga dan keempat pengajian mereka di Britain yang dikenali sebagai “Twinning Programme”. Terdapat tujuh buah institusi pendidikan swasta tempatan yang menjalankan program-program berkembar dengan kerjasama universiti-universiti luar negeri iaitu institusi-institusi tersebut adalah Kolej Taylor's, Kolej Damansara Utama, Institut HELP, Kolej Disted, Kolej Mahkota, Kolej Sunway dan Kolej Arief.<sup>91</sup> Universiti-universiti dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan juga lain-lain tempat yang kebanyakannya mengadakan kursus dalam bidang perniagaan, perniagaan pentadbiran, organisasi, pengurusan undang-undang, perakuanan dan juga dalam industri perhotelan serta catering.<sup>92</sup> Ini dapat menjimatkan kos pendidikan dan kos sara hidup pelajar tersebut disamping dapat meneruskan pendidikan dan mendapat pengiktirafan daripada

---

<sup>89</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2, hlm. 88.

<sup>90</sup> *Ibid.*, hlm. 104.

<sup>91</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 19, 15 Disember, 1989, hlm. 2707-2708.

<sup>92</sup> *Ibid.*, hlm. 2709-2710.

pihak Britain.<sup>93</sup> Begitu juga dengan Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi kebenaran pengendalian program berkembar kerana ia dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar Malaysia yang berminat untuk mendapat pendidikan di peringkat ijazah, tetapi tidak mendapat tempat di universiti-universiti tempatan. Pelajar-pelajar ini tidak perlu keluar negeri pada peringkat awal pengajian dan ini dapat menjimatkan kos perbelanjaan mereka serta mengurangkan aliran wang ke luar negara. Pelajar-pelajar dapat tinggal lebih lama lagi dalam negara sebelum melanjutkan pelajaran mereka ke Britain dan ini dapat mengurangkan kejutan budaya kerana terlalu awal terdedah kepada persekitaran asing yang baru.<sup>94</sup>

Pengendalian program-program ini dikawal oleh Kementerian Pendidikan melalui peruntukan undang-undang serta dasar-dasar yang telah ditetapkan. Pendidikan dalam negara adalah berasaskan untuk memperkembangkan dan memajukan negara berasas kepada dasar-dasar pendidikan dan juga bertujuan dalam memberi pendidikan kepada rakyat. Ia diperlukan untuk mengembangkan lagi tenaga kerja dan juga tenaga dalam negara.<sup>95</sup> Gabungan kerajaan Malaysia dan pihak swasta Britain telah mengadakan satu skim khas yang menyumbangkan antara £2 juta dan £3 juta (RM8 juta – RM12 juta) setahun dalam membantu pelajar-pelajar Malaysia di Britain. Ini dapat mengimbangi kekurangan perbelanjaan pengajian pelajar Malaysia di Britain. Dianggarkan antara 7,000 hingga 8,000 pelajar Malaysia di Britain berbelanja lebih kurang RM190 juta setahun untuk yuran dan sara hidup. Malaysia terus menghantar pelajar ke Britain kerana mutu pelajaran yang tinggi.<sup>96</sup> Pihak Britain turut memberi bantuan kepada pelajar Malaysia setiap tahun bagi mengurangkan beban kos pendidikan mereka di Britain seperti Jadual 6.4.

---

<sup>93</sup> *Berita Harian*, 25 Mac, 1985, hlm. 10; *New Straits Times*, 4 Apr. 1983, hlm. 1; 'Britain happy with Dr. M's decision'.

<sup>94</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 19, 15 Disember, 1989, hlm. 2707-2708.

<sup>95</sup> *Ibid.*

<sup>96</sup> *Berita Harian*, 25 Mac, 1985, hlm. 10; *New Straits Times*, 4 Apr. 1983, hlm. 1; 'Britain happy with Dr. M's decision'.

**Jadual 6.4: Jumlah Bantuan Britain sesi 1984-1990 (£000s)**

Tahun	Amaun
1984-85	3,063
1985-86	2,947
1986-87	2,836
1987-88	3,158
1988-89	2,560
1989-90	2,797
1990-91	2,874

*Sumber: Hansard Britain, House of Commons, 30 July 1982.*

Pihak Britain memberi bantuan bermula pada sesi 1984-85 sebanyak £3,063,000 dan berkurangan pada sesi 1985-86 sebanyak £2,947,000. Seterusnya pada sesi 1986-87 iaitu sebanyak £2,836,000. Bantuan daripada Britain meningkat semula pada sesi 1987-88 sebanyak £3,158,000. Pada sesi 1988-89 telah menurun semula sebanyak £2,560,000. Seterusnya bantuan meningkat pada sesi 1989-90 dan sesi 1990-91 sebanyak £2,797,000 dan £2,874,000. Walaupun bantuan yang diberikan oleh pihak Britain tidak dalam jumlah yang sama pada setiap sesi namun komitmen pihak Britain adalah berterusan dalam membantu pelajar Malaysia yang menuntut di Britain.

Kementerian Pendidikan telah menghantar pelajar tajaan mereka ke luar negeri sejak tahun 1986 hingga tahun 1989 adalah seramai 452 orang dan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan sehingga akhir tahun 1989 adalah sebanyak \$58.7 juta. Pelajar-pelajar ini dihantar untuk mengikuti kursus ijazah kursus bahasa Inggeris atau *Teaching English as the Second Language* di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kanada seramai 329 pelajar. Kursus bahasa Arab dan Pengajian Islam di Mesir, Morocco, Jordan dan Syria seramai 96 pelajar dan Kursus Sastera di Indonesia seramai 27 pelajar. Dasar penghantaran pelajar-pelajar tajaan Kementerian Pendidikan ke luar negeri adalah pelajar-pelajar mengikuti bidang pengajian yang tidak ditawarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan ataupun tempat-tempat yang disediakan oleh institusi-institusi

pengajian tinggi tempatan sangat terhad bilangannya.<sup>97</sup> Ini bagi menjimatkan kos kerajaan menanggung pelajar di luar negara kerana jumlah pelajar yang dihantar adalah berkurangan dan tidak membazir. Pada tahun 1990, kerajaan Malaysia telah menaikkan elaun buku dan tesis bagi pelajar yang menuntut di Britain (Lihat Jadual 6.5). Kenaikan elaun ini tidak memberi impak yang besar kerana jumlahnya adalah kecil dibandingkan dengan kos sara hidup yang dilalui oleh pelajar Malaysia di Britain. Kerajaan Malaysia mengekalkan kadar elaun sara hidup yang telah dinaikkan pada 1 September, 1988.<sup>98</sup>

**Jadual 6.5: Kadar Baru Elaun Buku dan Tesis berkuatkuasa 1 Ogos, 1990**

Elaun Buku (Setahun)	Kadar Dahulu £	Tarikh Kuatkuasa Kadar Dahulu	Kadar Baru £	Peratusan %
Pra-Universiti	45	01/10/1981	90	100
Ijazah Pertama	60	01/10/1981	120	100
Ijazah Lanjutan	80	01/10/1981	120	50
Elaun Tesis (Setahun)	Kadar Dahulu £	Tarikh Kuatkuasa Kadar Dahulu	Kadar Baru £	Peratusan %
Ijazah Pertama	40	01/10/1981	40	-
Sarjana	80	01/10/1981	150	88
Ph. D.	130	01/10/1981	210	62

*Sumber: Utusan Malaysia, 4 September, 1990, hlm. 2.*

Selain daripada Britain, kerajaan Australia juga telah beberapa kali menaikkan yuran pengajian untuk pelajar-pelajar asing yang menuntut di Australia semenjak tahun 1982. Pada tahun 1985, Kerajaan Australia telah mengumumkan kenaikan yuran pengajian untuk pelajar-pelajar asing yang menuntut di Australia bagi tahun 1986 dan 1987. Kenaikan tersebut telah diumumkan juga di dalam belanjawan Australia bagi tahun 1986/1987 yang telah dibentangkan dalam bulan Ogos 1986. Adalah menjadi hak

<sup>97</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 2, 20 Mac, 1990, hlm. 211-212.

<sup>98</sup> *Utusan Malaysia*, 4 September, 1990, hlm. 2.

Kerajaan Australia untuk menaikkan yuran pengajian ke atas pelajar-pelajar asing yang menuntut di negara tersebut. Tetapi memandangkan hubungan yang bersifat tradisional terutamanya dalam bidang pelajaran antara kedua-dua buah negara dan masalah yang dialami oleh pelajar-pelajar Malaysia akibat kenaikan yuran pengajian itu dan juga Malaysia telah mengadakan beberapa perbincangan dengan kerajaan Australia mengenai perkara ini.<sup>99</sup> Hasil dari perbincangan dengan kerajaan Australia yang banyak dikendalikan oleh Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra, Australia bagi mencari jalan untuk membantu pelajar Malaysia yang menuntut di Australia. Di samping, perbincangan juga telah diadakan semasa lawatan rasmi Perdana Menteri ke Australia pada Ogos 1984 dan lawatan rasmi Menteri Luar Australia ke Malaysia pada tahun 1985 dan lawatan Senator Susan Ryan, Menteri Pelajaran Australia pada tahun 1986.<sup>100</sup> Berikutan dengan perbincangan tersebut, kerajaan Australia telah mengurangkan kadar kenaikan yuran pengajian bagi pelajar-pelajar asing yang telah memulakan pengajian di negara tersebut sebelum bulan Januari 1986 sehingga tamat pengajian mereka. Yuran pengajian bagi pelajar-pelajar ini dinaikkan sebanyak 15 peratus sahaja bagi tiap-tiap tahun berbanding dengan pelajar-pelajar yang memulakan pengajian dalam tahun 1986 yang mana mereka ini perlu membayar 35 peratus bagi tahun 1986 dan 45 peratus pula bagi tahun 1987 dari jumlah yuran pengajian.<sup>101</sup> Walau bagaimanapun Kerajaan Australia tidak dapat memberi pengecualian sepenuhnya berbanding dengan Britain yang tidak mahu berbincang dengan Malaysia dan mencari jalan penyelesaian terbaik walaupun setelah lama mempunyai hubungan tradisi yang baik. Mereka lebih bersikap angkuh dan hanya mahu menjaga ahli-ahli negara Kesatuan Eropah.

Bukan sahaja United Kingdom telah menaikkan yuran pendidikan tetapi negara-negara maju seperti Australia, Amerika Syarikat dan Kanada telah menaikkan yuran

---

<sup>99</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 28, 13 November 1986, hlm. 3911-3912.

<sup>100</sup> *Ibid.*, hlm. 3913-3914.

<sup>101</sup> *Ibid.*, hlm. 3911-3912.

pengajian bagi penuntut-penuntut luar negeri yang berminat belajar di universiti-universiti mereka. Negara-negara ini berhak menaikkan yuran di universiti mereka dan sebarang komen di atas perkara ini akan dianggap sebagai campuran tangan dalam hal-hal negara lain. Malaysia perlu meluaskan dan meningkatkan kemudahan-kemudahan di universiti-universiti tempatan serta menambahkan penuntut-penuntut yang berminat meneruskan pelajaran tinggi. Kelayakan akademik dan kesesuaian calon-calon hendaklah diberi keutamaan tanpa sebarang pilih kasih.<sup>102</sup>

Yuran pengajian yang dikenakan oleh universiti-universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi di negara-negara berkenaan adalah untuk menampung kos pelajaran. Penentuan yuran pengajian adalah ditetapkan oleh kerajaan negara-negara berkenaan bagi pusat-pusat pengajian tinggi di bawah pentadbiran kerajaan dan bagi universiti persendirian. Yuran pengajian biasanya ditetapkan oleh universiti sendiri. Penetapan yuran pengajian yang dikenakan kepada penuntut-penuntut asing biasanya mengambil kira faktor-faktor yang berikut: Dasar luar negara berkenaan, kedudukan ekonomi negara-negara berkenaan, kemampuan kerajaan berkenaan memberi subsidi kepada pelajar-pelajar asing, kemudahan untuk pelajaran tinggi di negara berkenaan, khususnya untuk rakyat mereka sendiri. Berasaskan faktor-faktor ini negara-negara berkenaan menetapkan kadar-kadar yuran yang perlu dibayar oleh pelajar-pelajar asing. Ada negara yang mengenakan *full cost fees*, dan ada negara yang mengenakan *subsidised fees*. Bersabit dengan kiraan yuran yang dikenakan oleh negara-negara berkenaan ini, kerajaan Malaysia sebenarnya tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam menentukan kadar yang dikenakan.<sup>103</sup>

Terdapat negara yang menaikkan kadar yuran sehingga ke paras rakyat Malaysia tidak mampu membayarnya. Ini telah menjadi satu masalah kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri. Kerajaan Malaysia hanya boleh merayu kepada negara-negara

---

<sup>102</sup> Ibid., 8 Julai 1987, hlm. 10435-10436.

<sup>103</sup> Ibid., hlm. 10437-10438.



berkenaan untuk menurunkan kadar yuran dan mengambil tindakan untuk membantu pelajar Malaysia supaya masalah ini dapat diselesaikan.<sup>104</sup>

Kerajaan Malaysia turut mencari pelbagai usaha bagi mencari alternatif untuk pelajar-pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi di negara lain selain daripada Britain. Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud menyatakan:

Kerajaan telah pun memberi pertimbangan mengenai langkah menoleh ke timur, khasnya terhadap usaha mengenai pasti negara-negara yang paling sesuai untuk menampung keperluan menghantar pelajar-pelajar kita bagi mengikuti kursus-kursus, terutama sekali kursus vokasional dan teknik. Pertimbangan tersebut dibuat dari semua aspek dan bukanlah semata-mata dari segi kemajuan teknologi sahaja. Dari segi keperluan dan kepentingan negara yang meliputi bidang latihan tenaga manusia, bidang teknologi, ethika pekerjaan, sikap terhadap pekerjaan malahan sejarah pembangunan dan lain-lain lagi adalah didapati yang negara Jepun dan Korea Selatan boleh memenuhi hasrat Kerajaan dengan sebaik-baiknya. Langkah yang diambil oleh Kerajaan ini merupakan langkah pertama dalam usaha kita mengalihkan pandangan dari negara-negara barat ke negara-negara timur. Sebagai langkah permulaan ataupun perintis Kerajaan berpendapat adalah memadai buat masa ini untuk menumpukan latihan-latihan tersebut ke negara Jepun dan Korea Selatan sahaja.<sup>105</sup>

Salah satu usaha adalah mengalihkan pelajar Malaysia ke negara Jepun dan Korea Selatan. Kerajaan Jepun dan Korea Selatan telah menyambut baik pelaksanaan DPT oleh Malaysia dan bagi menyokong pelaksanaan DPT, mereka telah mengumumkan bahawa akan mengambil segala usaha untuk memenuhi dan mencapai hasrat dan cita-cita Kerajaan Malaysia. Soal pendidikan, kerajaan Jepun telah memberi sokongan dan persetujuan untuk memberi bantuan dengan membuka peluang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi mereka kepada pelajar Malaysia. Sebilangan syarikat-syarikat Jepun yang mempunyai cawangan-cawangan di Malaysia juga bersedia membantu pelatih-pelatih Malaysia dengan cara memberi "latihan sambil kerja" di

---

<sup>104</sup> Ibid., hlm. 10439-10440.

<sup>105</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 9 Mac, 1982, hlm. 60.

Jepun. Ini adalah bagi mencapai hasrat pembangunan sumber manusia. Seramai lebih kurang 140 orang pelajar telah dihantar bagi menjalani kursus intensif Bahasa Jepun di Kuala Lumpur sebelum berlepas ke Jepun.<sup>106</sup>

Sejak mula diperkenalkan DPT kerajaan Malaysia telah menghantar seramai 484 pelatih untuk menjalani latihan dalam beberapa bidang tertentu di Jepun dan Korea Selatan. Pelatih-pelatih terdiri daripada 449 bumiputera, 19 Cina dan 16 India. Kajian awal telah dilakukan ke atas pelatih 'in-plant'. Kumpulan pertama yang telah balik ke Malaysia setelah menjalani latihan selama enam bulan di negara Jepun telah mengakui bahawa pengetahuan dan kemahiran yang didapati daripada latihan di Jepun adalah memberi faedah dan boleh digunakan dalam tugas-tugas mereka.<sup>107</sup>

Kerajaan Malaysia berusaha menghantar pelatih dan pelajar ke Jepun tetapi bilangannya tidaklah ramai. Universiti-universiti dan kolej di Jepun telah pun mengambil penuntut-penuntut Malaysia sudah beberapa tahun tetapi secara terhad mengikut bilangan biasiswa di bawah rancangan MOMBUSHO Jepun. Sejak tahun 1975 seramai 86 orang penuntut telah berpeluang belajar di Jepun melalui rancangan ini.<sup>108</sup> Ini boleh dilihat kepada Jadual 6.6.

**Jadual 6.6: Bilangan Pelatih dan Pelajar Malaysia ke Jepun 1982 - 1987**

Tahun	Pelatih	Pelajar
1982	147	-
1983	427	-
1984	257	39
1985	250	45
1986 (cadangan)	250	64
1987 (cadangan)	250	98

*Sumber: Utusan Malaysia, 29 Julai, 1986, hlm. 8.*

<sup>106</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 4, 12 Mac, 1982, hlm. 546.

<sup>107</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 27, 10 Ogos, 1983, hlm. 3567.

<sup>108</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 2, 10 Mac, 1982, hlm. 224.

Bilangan pelatih yang dihantar ke Jepun adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar. Ini adalah kerana tujuan kerajaan Malaysia untuk mendapatkan latihan dari sudut etika kerja rakyat Jepun. Mereka bukan sahaja mempelajari dan melihat etika kerja di Jepun malah dapat melihat perkembangan teknologi yang terdapat di Jepun. Ia dapat membantu mereka dalam usaha mencontohi etika kerja orang Jepun dan melihat perkembangan teknologi Jepun apabila tamat kursus. Pada tahun 1986, sebuah yayasan telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu pelajar Asia Tenggara yang menuntut di Jepun. Ia dikenali sebagai Yayasan Pelajaran Sagawa yang ditubuhkan oleh pengerusi Seiwa Shoji Company Limited, Kiyoshi Sagawa. Yayasan Sagawa ini bersetuju menyumbang 500 juta Yen (RM6 juta) kepada Malaysia hasil pertemuan Daim Zainuddin dengan Kiyoshi Sagawa dan presiden syarikat, Masaaki Sagawa.<sup>109</sup> Ini dapat menggalakan lagi dan menarik pelajar Malaysia menukar haluan pembelajaran ke Jepun.

Usaha yang dilaksanakan ini masih tidak dapat menampung pelajar-pelajar Malaysia dan ianya sesuatu yang sukar bagi menukarkan paradigma pelajar Malaysia dengan begitu cepat kerana kebanyakan rakyat Malaysia terdedah dengan sistem Barat yang lebih dekat dengan mereka. Bahasa Jepun merupakan satu bahasa yang sukar dipelajari dan asing bagi kebanyakan penuntut Malaysia. Mereka terpaksa melalui satu proses pembelajaran bahasa Jepun sebelum melanjutkan pelajaran di Jepun. Ini berbeza dengan pelajar yang menuntut di Britain kerana kebanyakan pelajar Malaysia sudah terdedah dengan bahasa Inggeris di peringkat awal persekolahan mereka. Bagi menjayakan usaha ini pihak Jepun telah memperuntukan \$8 juta untuk membina bangunan tambahan fasa dua pusat penyelidikan Jepun di Universiti Malaya – Ambang Asuhan Jepun. Pembinaan pusat penyelidikan ini telah bermula pada tahun 1984 dengan perbelanjaan \$4 juta. Sejak itu, pusat penyelidikan telah berjaya menghasilkan kira-kira

---

<sup>109</sup> *Utusan Malaysia*, 16 Januari, 1986, hlm. 2; *Berita Harian*, 16 Januari, 1986, hlm. 2; 'Yayasan Jepun biayai pelajar Asia Tenggara'.

empat ratus pelajar mengikuti pelbagai kursus di Jepun. Menurut pengarah Pusat Asasi Universiti Malaya, Mohd Said Mohd Kadri bahawa pelajar-pelajar Malaysia akan melalui proses persediaan selama dua tahun sebelum dihantar ke Jepun selama empat tahun. Seramai lapan puluh pelajar telah menamatkan kursus di Jepun. Pusat penyelidikan ini mempunyai tenaga pengajar seramai dua puluh lapan orang termasuk lapan belas pengajar dari Jepun.<sup>110</sup>

Malaysia turut melihat di negara-negara ASEAN sebagai alternatif bagi pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran. Walaupun ASEAN wujud tetapi dalam soal pendidikan di rantau Asia Tenggara tidak wujudnya pusat pengajian yang dapat menarik ramai pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka di negara-negara ASEAN walaupun kos pendidikan adalah lebih murah. Sebagai contoh pada tahun 1985 pelajar Malaysia yang menuntut di Singapura hanya 4,000 pelajar, Indonesia seramai 300 pelajar, Filipina hanya 120 pelajar dan Thailand hanya 40 pelajar sahaja. Keadaan ini tidak dapat membantu pelajar Malaysia dalam menyelesaikan masalah kenaikan yuran pendidikan di Britain.<sup>111</sup> Ini juga menjelaskan kebanyakan pelajar Malaysia mahukan pendidikan yang berkualiti dan diiktiraf.

### **Implikasi selepas pelaksanaan BBL**

Kementerian Pelajaran Malaysia tidak ada sebarang perjanjian kontrak yang melibatkan firma-firma Britain atau usaha sama dengan pihak Britain selepas 1 Januari 1982. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran ada mengikat kontrak dengan firma-firma Britain sebelum 1 Januari 1982.<sup>112</sup> Kerajaan Malaysia terpaksa berbelanja lebih terhadap barang-barang yang ada pilihan kedua dari firma bukan Britain. Pihak Jabatan Perdana Menteri mengambil masa yang agak lama dalam memberi keputusan perakuan

---

<sup>110</sup> *Utusan Malaysia*, 6 Januari, 1990, hlm. 4, '\$8 juta untuk bangunan tambahan Pusat Penyelidikan Jepun'.

<sup>111</sup> *Dewan Masyarakat*, 15 Mac, 1986, Jilid 24, Bil. 3, hlm. 17.

<sup>112</sup> *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British, hlm. 11.

kontrak bekalan terhadap barang-barang keluaran firma-firma Britain. Kelewatan ini menyebabkan institusi-institusi dan sekolah-sekolah lewat menerima barang-barang.<sup>113</sup>

Memandangkan kepentingan Malaysia dan kualiti pembelajaran yang terdapat di Britain, Kerajaan Malaysia masih terus menghantar pelajar-pelajar ke Britain untuk mengikuti kursus-kursus professional seperti kejuruteraan, senibina, akauntansi dan lain-lain. Terdapat universiti-universiti tempatan telah menyediakan kursus-kursus tersebut namun tenaga untuk mengajar di Malaysia masih diperlukan terutama guru-guru bahasa Inggeris. Oleh itu, Kementerian Pelajaran masih meneruskan pengambilan guru-guru bahasa Inggeris dari Britain dengan tempoh kontrak selama tiga tahun di samping melatih lebih ramai guru-guru tempatan.<sup>114</sup> Percetakan kertas-kertas soalan peperiksaan masih lagi dijalankan di Britain atas sebab-sebab keselamatan, percetakan yang efisien dan jumlah kertas yang begitu banyak untuk dicetak. Bagi Malaysia untuk mengubah kepada percetakan baru adalah sukar kerana perlu mendapatkan negara-negara lain bagi mengganti pihak Britain untuk tujuan percetakan.<sup>115</sup> Begitu juga dengan kebanyakan daripada alat-alat sains yang digunakan di sekolah-sekolah adalah dibeli dari Britain. Kementerian Pelajaran perlu mendapatkan bekalan alat-alat tersebut daripada negara-negara lain sebagai pembekal baru.<sup>116</sup>

Dalam lawatan Lord Carrington ke Kuala Lumpur pada bulan Februari 1982, berkenaan dengan yuran persekolahan bagi pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Britain, beliau memberitahu bahawa Britain mungkin akan menggunakan wang bantuan Kerajaan sebanyak lebih kurang £40 juta untuk memberi biasiswa kepada 10,000-12,000 orang pelajar Malaysia.<sup>117</sup> Begitu juga dengan peniaga-peniaga Britain yang mahu turut membantu dengan menyertai skim bantuan menerusi *Overseas Students*

---

<sup>113</sup> Ibid.

<sup>114</sup> *Minit Mesyuarat Khas Kedua*, Mengkaji implikasi arahan Y.A.B. Perdana Menteri mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British, hlm. 5.

<sup>115</sup> Ibid.

<sup>116</sup> Ibid.

<sup>117</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal, Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 9 Mac 1982, hlm. 75-76.

*Trust*.<sup>118</sup> Selain itu, Britain turut mencadangkan penubuhan satu Jawatankuasa Bersama antara Kerajaan Malaysia dan Britain yang dikemukakan oleh Lord Carrington. Dr. Mahathir tidak memberi sebarang komen dan menyatakan kesediaannya untuk memberi pertimbangan dahulu.<sup>119</sup>

Semasa pertemuan Dr. Mahathir dengan Margaret Thatcher pada tahun 1983, Dr. Mahathir telah menyatakan bahawa dengan kenaikan yuran oleh pihak Britain akan menyebabkan pelajar-pelajar Malaysia akan mencari tempat pengajian yang baru. Ini akan merugikan pihak Britain dalam jangka masa panjang kerana sebelum ini semua pelajar yang menuntut di Britain akan membawa balik ilmu yang dipelajari di Britain ke Malaysia dan mereka ini akan memberi cadangan dan sokongan terhadap barangan Britain.<sup>120</sup> Negara Britain memperolehi pendapatan daripada kenaikan yuran pendidikan tetapi akan lebih banyak kerugian kerana kehilangan kontrak-kontrak dari Malaysia.<sup>121</sup> Ini akan membawa masalah dan beban kepada kerajaan Britain dalam menangani masalah ekonomi mereka.<sup>122</sup>

Bilangan pelajar-pelajar luar negara yang menuntut di Britain telah bertambah dan kira-kira tujuh puluh peratus datang dari negara-negara anggota Komanwel. Menurut Thatcher yuran pendidikan tidak ditentukan oleh pihak kerajaan Britain tetapi oleh pusat-pusat pengajian itu sendiri. Pihak Britain ada menyediakan hadiah biasiswa yang berjumlah £127 juta (RM523.4 juta). Tambah beliau lagi bagi pelajar-pelajar penuh masa hanya membayar 20 peratus dari cukai pintu rumah berkelompok (poll tax). Pihak Britain juga menimbangkan pada pendapatan bagi pasangan pelajar yang boleh meminta untuk potongan cukai berkelompok sehingga 80 peratus, ia adalah sama dengan apa yang dikenakan ke atas rakyat Britain sendiri.<sup>123</sup>

---

<sup>118</sup> *Ibid.*

<sup>119</sup> *Ibid.*

<sup>120</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 01 March 1994, Vol. 238, cc801-48.

<sup>121</sup> *Ibid.*, 26 October 1989, Vol. 158, cc1049-61.

<sup>122</sup> *Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Publishing, 2014, hlm. 26.

<sup>123</sup> *Mingguan Malaysia*, 15 Oktober, 1989, hlm. 9.

Ada pelajar-pelajar luar yang menuntut di Britain merasakan kenaikan yuran pendidikan oleh pihak Britain adalah tidak adil. Kemasukan pelajar luar yang menuntut di Britain telah meningkat dari 34,000 pada tahun 1970 kepada 85,000 pada tahun 1978. Jumlah kemasukan pelajar luar yang bertambah ke Britain menunjukkan adanya galakan dan faktor penarik untuk mereka datang menuntut di Britain. Pelajar luar yang datang menuntut di Britain merasakan mereka dijemput dan pihak Britain sebagai sahabat mereka. Apabila kenaikan yuran dikenakan ke atas mereka merasa terkejut kerana tidak berunding dengan mereka terlebih dahulu. Ini menyebabkan mereka merasa ditipu dan ramai daripada mereka telah memilih untuk melanjutkan pelajaran ke Kanada, Australia dan Amerika Syarikat. Mereka merasa selesa menuntut di ketiga-tiga negara tersebut sebagai alternatif kepada Britain.<sup>124</sup> Kenaikan yuran pendidikan ini telah menyebabkan pihak Britain mengalami persaingan terutama dalam pendidikan bahasa Inggeris. Walaupun mereka dapat memberi pendidikan yang terbaik namun yuran yang mahal tidak dapat menarik minat ramai pelajar-pelajar Malaysia untuk meneruskan pengajian mereka di Britain. Pendidikan di Kanada menjadi sebagai alternatif untuk pelajar Malaysia meneruskan pengajian mereka kerana menawarkan syarat yang tidak terlalu ketat dan kos pendidikan yang murah. Pihak Kanada dalam usaha untuk menarik lebih pelajar Malaysia belajar di Kanada turut mengadakan lawatan ke Malaysia selama sebulan oleh pegawai-pegawai pendidikan mereka. Ini menyebabkan keputusan kerajaan Malaysia melabur dalam bidang latihan perguruan tahun 1986/1987 di United Kingdom yang dianggarkan sebanyak £2.4 juta dan kursus selama enam tahun berkurangan memandangkan Kanada telah memberi ruang yang menarik kepada pelajar Malaysia.<sup>125</sup>

Malaysia, sejak merdeka lagi telah menghantar kebanyakan pelajar ke negara-negara Barat. Bilangan pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Barat terutama

---

<sup>124</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 3 February 1983, Vol. 36, cc527-34.

<sup>125</sup> *Asiaweek*, 30 Nov. 1981, hlm. 31 'Making them pay'.


Britain berjumlah 100,000 pelajar<sup>126</sup> berbanding dengan pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan hanya seribu orang sahaja.<sup>127</sup> Malaysia telah mengambil langkah dalam usaha untuk tidak terlalu bergantung kepada Barat terutama Britain dan juga untuk mendapat perspektif yang baru telah menukar hala tuju pendidikan baru dilakukan terutama Jepun. Ini memerlukan masa yang agak panjang bagi mencapai setaraf dengan pendidikan di Barat.<sup>128</sup> Pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di universiti-universiti dan sektor awam di Britain bagi tahun sehingga 1980-1981<sup>129</sup> seperti Jadual 6.7 dan Carta 6.1.

**Jadual 6.7: Pelajar Malaysia menuntut di Britain sesi 1976-77 hingga sesi 1980-81**

Tahun	Bilangan
1976-77	11,598
1977-78	12,856
1978-79	13,308
1979-80	14,326
1980-81	11,937

Sumber: *Hansard Britain*, House of Commons, 30 July 1982, Vol. 28, c735-6W.

**Carta 6.1: Pelajar Malaysia menuntut di Britain sesi 1976-77 hingga sesi 1980-81**



Sumber: *Hansard Britain*, House of Commons, 30 July 1982, Vol. 28, cc735-6W.

<sup>126</sup> Ucapan Dr, Mahathir semasa jamuan makan oleh Konfederasi Industri British di London pada 23 Julai, 1987.

<sup>127</sup> *Utusan Malaysia*, 21 Julai, 1987, hlm. 1.

<sup>128</sup> Mahathir Mohamad, *Mahathir Mohamad: The challenge*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986, hlm. 22.

<sup>129</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 30 July 1982, Vol. 28, cc735-6W.



Sejak sesi 1976-77, bilangan pelajar Malaysia adalah 11,598 dan meningkat pada setiap sesi daripada sesi 1977-78 iaitu seramai 12,856 pelajar, sesi 1978-79 iaitu 13,308 dan sesi 1979-1980 iaitu seramai 14,326 pelajar, walaupun kerajaan Britain menaikkan yuran pendidikan. Manakala pada sesi 1980-81 bilangan pelajar yang menuntut di Britain menurun kepada 11,937 pelajar setelah pihak Britain menaikkan yuran sekali lagi.

Di bawah ini adalah Jadual 6.8 dan Carta 6.2 menunjukkan jumlah bilangan pelajar Malaysia yang menuntut di Britain dari tahun 1980 hingga 1990. Terdapat pengurangan yang begitu drastik pada tahun 1981 dan 1982. Berlaku pada waktu kemuncak krisis hubungan Malaysia dengan Britain disebabkan oleh kenaikan yuran pengajian tinggi di Britain yang telah menjejaskan hubungan kedua buah negara.


**Jadual 6.8: Bilangan Pelajar Malaysia menuntut di Britain dari tahun 1980 hingga 1990<sup>130</sup> ('000)**

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan</b>
1980	12.9
1981	9.0
1982	6.5
1983	5.5
1984	5.0
1985	6.3
1986	6.5
1987	6.8
1988	6.4
1989	7.5
1990	7.5

*Sumber: Hansard Britain, House of Commons, 3 March 1994, Vol. 238-807W*

<sup>130</sup> *Hansard Britain, House of Commons, 3 March 1994, Vol. 238-807W.*

**Carta 6.2: Bilangan Pelajar Malaysia menuntut di Britain dari tahun 1980 hingga 1990 ('000)**



*Sumber: Hansard Britain, House of Commons, 3 March 1994, Vol. 238-807W.*

Kenaikkan yuran pendidikan telah memberi kesan kepada kemasukan pelajar Malaysia yang menuntut di Britain. Pada tahun 1980, jumlah pelajar Malaysia yang menuntut di Britain adalah 12,900 pelajar dan menurun pada tahun 1981 seramai 9,000 pelajar. Pada tahun 1982, terus berkurangan kepada 6,500 pelajar dan seterusnya berkurangan pada tahun 1983 dan 1984 iaitu seramai 5,500 dan 5,000 pelajar. Berbeza pada tahun 1985, terdapat peningkatan pelajar yang menuntut di Britain seramai 6,300 pelajar. Ini berkemungkinan wujudnya persefahaman dan kerjasama antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Britain yang mencari jalan penyelesaian kenaikan yuran pendidikan di Britain. Bermulanya peningkatan pelajar Malaysia menuntut di Britain, pada tahun 1986, seramai 6,500 pelajar, pada tahun 1987 iaitu seramai 6,800 pelajar dan pada tahun 1988, pelajar Malaysia yang menuntut di Britain berkurangan kepada 6,400 pelajar. Pada tahun 1989, peningkatan semula pelajar Malaysia kepada 7,500 pelajar dan tidak berubah pada tahun 1990.

Dari Jadual 6.7 dan 6.8 dibandingkan menunjukkan kejatuhan pelajar Malaysia yang menuntut di Britain amat ketara sekali. Dilihat dari tahun 1982 hingga 1988, dibandingkan tahun sebelum 1981 adalah kira-kira separuh penurunan pelajar yang menuntut di Britain. Antara faktor penurunan ini adalah kerana persaingan daripada negara Amerika Syarikat, Australia dan Kanada yang turut mempromosikan sistem pendidikan mereka kepada Malaysia. Kenaikan isu yuran pengajian di Britain telah memberi peluang kepada lain negara turut bersaing dengan Britain terutama Amerika Syarikat.<sup>131</sup>

### **Kesimpulan**

Salah satu isu yang menyebabkan ketegangan dalam hubungan Malaysia dengan Britain adalah kenaikan yuran pengajian di Britain bagi pelajar luar tetapi tidak kepada pelajar dari Eropah. Kenaikan yuran ini telah memberi impak kepada Malaysia dan juga negara Komanwel. Keputusan pihak Britain menaikkan yuran pengajian tinggi ini dianggap telah mendiskriminasikan pelajar Malaysia dan Komanwel kerana membezakan yuran pengajian dengan pelajar dari Eropah. Secara tidak langsung pihak Britain telah mengeneipkan semangat Komanwel yang telah lama wujud sebelum pihak Britain bergabung dengan Kesatuan Eropah. Kebanyakan negara Komanwel menjadikan Britain sebagai sumber pendidikan dalam membantu dan membina pembangunan negara. Malaysia juga tidak terlepas daripada mendapatkan pendidikan dari Britain.

Dr. Mahathir telah mengambil serius dengan tindakan Britain yang menaikkan yuran pengajian pelajar luar dengan sewenangnyanya tanpa mengambil kira kesusahan Malaysia dan hubungan yang telah terjalin begitu lama. Walaupun terdapat rayuan dari pihak Malaysia supaya memberi kelepasan dalam isu kenaikan ini tidak mendapat perhatian sewajar daripada pihak Britain. Setelah diadakan pertemuan dan

---

<sup>131</sup> *Dewan Masyarakat*, 15 Mac, 1986, Jilid 24, Bil. 3, hlm. 13; Jumlah penuntut Malaysia di Amerika Syarikat 25 peratus berbanding dengan Britain 24 peratus.

perbincangan, pihak Britain tetap meneruskan kenaikan yuran pengajian dan Malaysia tetap menghantar pelajar Malaysia ke Britain dan turut menghantar pelajar Malaysia ke lain negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Jepun dan lain-lain negara. Sebagai alternatif, pihak Britain memberi bantuan kewangan kepada Malaysia dan mengadakan program universiti berkembar bagi menjamin hubungan Malaysia dengan Britain kekal. Tindakan ini dapat mengurangkan beban kerajaan Malaysia dan Britain tidak lagi dianggap langsung tidak memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi oleh Malaysia dan meredakan kemarahan Malaysia terhadap Britain. Pihak Britain menyedari bahawa mereka tidak lagi boleh bersikap “take for granted” terhadap Malaysia.

## BAB 7

### HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN BRITAIN ASPEK PERTAHANAN

#### Pengenalan

Sebelum mencapai kemerdekaan lagi Tunku telah membuat perjanjian pertahanan dengan pihak British yang dikenali sebagai *Anglo-Malayan Defence Agreement* (AMDA).<sup>1</sup> Tunku melihat keperluan adanya perjanjian pertahanan dengan pihak British kerana sebagai sebuah negara yang baru merdeka tidak mampu untuk mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk pembiayaan pertahanan. Ada yang lebih utama untuk diberi perhatian sebagai sebuah negara yang baru merdeka iaitu pembangunan negara.<sup>2</sup> Tunku menegaskan: “Kita akan menggunakan banyak wang jika hendak mengadakan satu angkatan laut dan udara yang kuat. Menempatkan tentera-tentera British dan Komanwel di sini ialah kerana faedah kita.”<sup>3</sup>

Perang Dingin yang berlaku melibatkan Malaya dan dalam negara sedang menghadapi ancaman dari pihak komunis yang mahu mengambil alih tampok pemerintahan secara kekerasan. Tunku dikenali sebagai seorang yang pro-Barat dan anti komunis.<sup>4</sup> Tunku memandangnya serius sebagai satu persoalan yang perlu diambil berat sehingga menyatakan: “It will be a bastion of democracy and a bulwark against communism in this part of the world.”<sup>5</sup> Menurut Syed Hamid Albar selepas mencapai kemerdekaan, negara lebih menumpukan kepada pembinaan negara. Walau bagaimanapun Malaysia juga turut memberi fokus kepada ancaman daripada pihak

---

<sup>1</sup> Murugesu Pathmanathan, ‘The new dimensions of Malaysia’s foreign policy’, in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia’s foreign policy*, hlm. 36; Ahmad Mokhtar Selat, ‘New directions in Malaysia’s foreign policy: From Tunku to Abdullah Badawi’, in Ruhanas Harun (edited), *Malaysia’s foreign relations: Issues and challenges*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2006, hlm. 14; Amarjit Kaur, *Historical Dictionary of Malaysia: Asian Historical Dictionaries, No. 13*, London: The Scarecrow Press Inc., 1993, hlm. 32-33.

<sup>2</sup> Ahmad Fareed Ariffin, *Five Power Defence Arrangement – its impact on Association of Southeast Asian Nations*, (Latihan Ilmiah), Diploma, Universiti Malaya, 1998, hlm. 3.

<sup>3</sup> *Berita Harian*, 30 September, 1957, hlm. 1.

<sup>4</sup> Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia’s foreign policy, 1963-1970*, hlm. (i); Faridah Jaafar, ‘Peribadi politik Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Malaysia, 1957-1970’, dalam Mohamad Redzuan Othman, et. al., *Sejarah pembinaan negara bangsa*, hlm. 243.

<sup>5</sup> *Tunku: Pengorbanan dan kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2005, hlm. 44.

komunis<sup>6</sup> dan terlalu bergantung kepada Britain sama ada keselamatan dalam negara mahupun luar negara. Pandangan terhadap dunia dibentuk kerana hubungan Malaysia dengan Britain.<sup>7</sup>

Dr. Mahathir juga turut tidak bersetuju dengan perjanjian pertahanan bersama Britain dan penempatan tentera Britain sehingga selepas merdeka.<sup>8</sup> Permintaan Tunku Abdul Rahman untuk bantuan ketenteraan telah dipersetujui oleh pihak Britain kerana pada waktu itu penentangan terhadap komunis adalah “as part of the world menace”.<sup>9</sup> Ancaman komunis amat merbahaya kepada keselamatan Malaya. Tunku tidak teragak-agak mempertahankan usaha untuk melaksanakan perjanjian AMDA sehingga beliau mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan Perikatan tidak akan membatalkan perjanjian AMDA selagi terdapat ancaman anasir komunis.<sup>10</sup>

Pada tahun 1966 menurut laporan dari Britain iaitu *The Review of Defence Policy* menyatakan bahawa pihak Britain tidak lagi akan mencampuri konflik luar Britain.<sup>11</sup> Cadangan pihak Britain untuk menarik balik bantuan ketenteraan di Malaysia dan Singapura telah dibincangkan dan dalam fasa pertama sehingga bulan April 1968, pihak bercadang menarik balik 10,000 orang sebagai jumlah tambahan yang telah mereka lakukan setakat ini. Fasa kedua pula daripada tahun 1968 hingga tahun 1970/71 lebih kurang 30,000 orang akan ditarik balik dan fasa ketiga, fasa yang paling penting kerana pihak Britain akan keluar secara sepenuhnya dalam tempoh pertengahan 1970-an. Penarikan keluar tentera Britain dari Malaysia adalah kerana Britain mengalami masalah ekonomi dan perkembangan terbaru dalam bidang penerbangan mereka yang

---

<sup>6</sup> Syed Hamid Albar, ‘Malaysia in world politics: The challenges ahead’ in Ruhana Harun (edited), *Malaysia’s foreign relations: Issues and challenges*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2006, hlm. 6; Lihat Ahmad Mokhtar Selat, ‘New directions in Malaysia’s foreign policy: From Tunku to Abdullah Badawi’, in Ruhana Harun (edited), *Malaysia’s foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 14.

<sup>7</sup> Syed Hamid Albar, ‘Malaysia in world politics: The challenges ahead’ in Ruhana Harun (edited), *Malaysia’s foreign relations: Issues and challenges*, hlm. 6.

<sup>8</sup> Zainuddin Maidin, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, hlm. 11.

<sup>9</sup> Archana Sharma, *British policy towards Malaysia, 1957-1967*, London: Sanggam Books Limited, 1993, hlm. 33-34.

<sup>10</sup> *Berita Harian*, 7 Mac, 1959, hlm. 1.

<sup>11</sup> Ahmad Fareed Ariffin, *Five Power Defence Arrangement – its impact on Association of Southeast Asian Nations*, (Latihan Ilmiah), Diploma, Universiti Malaya, 1998, hlm. 2.

mempunyai keupayaan kelajuan dalam menghadapi serangan.<sup>12</sup> Tunku yakin pihak Britain akan membantu Malaysia walaupun setelah pengunduran tentera-tentera Britain dari Malaysia. Tunku menyatakan:

As you can see the various assurances given by the British in response to our proposals might not altogether be what we had originally hoped for but in my mind they are reasonably sufficient for our needs having regard to Britain's own economic difficulties and the fact that these assurances do not in any way detract from their own responsibilities and obligations in this part of the world.<sup>13</sup>

Dr. Mahathir telah mewarisi kerajaan Malaysia yang telah melalui pelbagai proses dalam mempertahankan kedudukan sebagai sebuah negara yang berdaulat terutama daripada ancaman pihak komunis sama ada dalam negara mahupun luar negara. Ini merupakan satu kelebihan kepada Dr. Mahathir kerana dapat menumpukan sepenuhnya tumpuan terhadap pembangunan negara dan juga dalam meningkatkan keupayaan ekonomi negara. Hubungan dengan Britain juga dapat direnggangkan kerana Malaysia tidak perlu lagi bantuan secara langsung daripada pihak Britain tidak seperti Tunku yang terpaksa berbaik dengan pihak Britain.<sup>14</sup>

Berakhirnya Perang Dingin<sup>15</sup> telah memberi kelebihan kepada Dr. Mahathir dalam menyuarakan pendapat beliau secara terbuka tanpa mengira ideologi sesebuah negara kerana tidak perlu lagi memihak kepada mana-mana blok.<sup>16</sup> Bagi Ghazali Shafie berakhirnya Perang Dingin tidak semestinya berakhir konflik dunia: "Now that the Cold War opponent is gone, new opponents will have to be found. There lie the problems of this decade".<sup>17</sup> Keadaan ini juga telah membawa kepada tamatnya perjuangan bersenjata

---

<sup>12</sup> *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 1, No. 6, September, 1967, hlm. 33.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Chamil Wariya, *Pergolakan antarabangsa: Perkembangan dan isu utama sejak 1945*, hlm. 45; Zainuddin Maidin, *The other side of Mahathir*, hlm. 111.

<sup>15</sup> Zainuddin Maidin, *The unsung heroes*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2004, hlm. 100; Runtuhnya Tembok Berlin pada tahun 1986.

<sup>16</sup> Joseph Liow, 'Keperibadian, tuntutan dan luar-jangkaan: Penentu dasar luar Malaysia', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003, hlm. 164-165.

<sup>17</sup> Ghazali Shafie, *Malaysia, Asean and the new world order*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 337.

oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang berlaku selama 41 tahun.<sup>18</sup> Anggota PKM yang terlibat dalam perjanjian damai ini ialah seramai 1,188 orang. Secara rasminya pada 2 Disember, 1989, tamatnya persengketaan antara kerajaan Malaysia dengan pihak PKM apabila satu perjanjian telah ditandatangani di antara kerajaan Malaysia dengan pihak PKM dan disaksikan oleh wakil kerajaan Thailand di Hotel Lee Gardens, Haadyai, Thailand.<sup>19</sup> Perjanjian yang termeterai adalah perjanjian damai iaitu bahawa PKM akan meletakkan senjata. Aktiviti komunis ini terbahagi kepada dua. Satu, bersenjata; dan satu lagi melalui dakwah dan propaganda. PKM masih boleh meneruskan perjuangan mereka melalui dakwah dan propaganda. Walaupun ideologi komunis boleh disebarkan bukan sahaja dengan mengangkat senjata tetapi juga dengan berbagai-bagai cara, ideologi komunis di Malaysia tetap diharamkan. Di dalam perjanjian damai tersebut yang ditekankan adalah meletakkan senjata tetapi tidak ada menyatakan aktiviti menyebarkan ideologi komunis turut ditamatkan. Termeterai perjanjian damai di antara kerajaan Malaysia dengan PKM dengan sendiri PKM adalah haram.<sup>20</sup> Kementerian Dalam Negeri telah difahamkan bahawa hanya seramai 42 orang anggota Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) yang masih ada lagi di Sarawak. Sungguhpun ancaman bersenjata penganas komunis telah tamat tetapi Malaysia tetap berwaspada terhadap sebarang bentuk ancaman subversif khususnya di dalam barisan bersatu komunis yang mungkin menyerap di dalam kegiatan politik, pertubuhan, kesatuan sekerja dan lain-lain. Kejayaan menamatkan perjuangan bersenjata PKM ini adalah kerana PKM kurang mendapat sokongan dan bantuan dari negara China.<sup>21</sup> Oleh itu perjuangan mereka tidak lagi aktif dan pihak Malaysia telah mengadakan hubungan

---

<sup>18</sup> Murugesu Pathmanaban, 'Dasar luar Malaysia: Cabaran masa depan', dalam *Berita Harian*, 16 Oktober, 1990, hlm. 11; Zainuddin Maidin, *The unsung heroes*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2004, hlm. 119-123; *Mingguan Malaysia*, 3 Disember, 1990; *Berita Harian*, 16 Oktober, 1990.

<sup>19</sup> Zainuddin Maidin, *The other side of Mahathir*, hlm. 101; Zainuddin Maidin, *The unsung heroes*, hlm. 99-111; Mohd Rizal Mohd Yaakop, 'Isu keselamatan dalam politik Malaysia', dalam Ghazali Mayudin, et. al., (edited), *Demokrasi kepimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia*, hlm. 184; Ho Hui Ling, 'Sejarah pergerakan Parti Komunis Malaya (PKM) di Malaysia, 1930-1989', dalam Zulkarnain Abdul Rahman et. al., (editor), *Dastar pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan professor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012, hlm. 205; *Berita Harian*, 16 Oktober, 1990, hlm. 10.

<sup>20</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid I, Bil. 16, 12 Disember, 1989, hlm. 2292-2296.

<sup>21</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 23, 21 Disember, 1989, hlm. 3301-3302.



diplomati dan dagang dengan negara China. Malaysia telahpun mengambil langkah-langkah bagi memperbaiki lagi perhubungan dagangan terus dengan China.<sup>22</sup>

Selain dari ancaman komunis yang telah tamat, kepentingan ekonomi Malaysia tidak lagi tertumpu kepada Britain malah Malaysia telah berusaha mempelbagaikan pelaburan dan perdagangan. Walaupun Britain dianggap sebagai rakan utama dalam perdagangan namun terdapat persaingan daripada lain negara seperti Amerika Syarikat dan Jepun.<sup>23</sup> Ini juga turut melibatkan soal pertahanan Malaysia.

Malaysia menjadi sebuah negara yang dihormati oleh dunia dan telah melangkah ke satu era yang membanggakan apabila perlantikan Malaysia sebagai Ahli Majlis Keselamatan oleh PBB bagi penggal 1989-1990. Ia mencerminkan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap keupayaan Malaysia untuk menyumbang dengan berkesannya kepada usaha-usaha bagi mengekalkan keamanan dunia. Pada bulan Januari, 1989, Malaysia telah dilantik menjadi Presiden kepada Majlis Keselamatan PBB. Malaysia telah berjaya melaksanakan tanggungjawab sebagai Presiden dan telah menerima penghargaan serta sanjungan daripada ahli-ahli Majlis Keselamatan. Isu-isu yang telah Malaysia kendalikan sebagai Presiden Majlis Keselamatan, PBB pada bulan Januari, 1989 adalah seperti berikut: penembakan dua pesawat pejuang Libya oleh Amerika Syarikat di ruang lautan Mediterranean; pengundian untuk mengisi kerusi di “International Court of Justice” yang dikosongkan akibat kematian seorang Hakim dari

---

<sup>22</sup> Mahathir Mohamad, *Achieving the globalisation*, hlm. 146; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 23, 21 Disember, 1989, hlm. 32279-3282; (a) dalam tahun 1988 Malaysia dan China telah memeterai perjanjian perdagangan bagi meningkatkan hubungan dagangan dua hala. Di bawah perjanjian tersebut eksport Malaysia ke RRC akan menikmati keistimewaan duti import; (b) perdagangan import dengan RRC telah dilonggarkan. Pengimport-pengimport yang ingin mengimport barang dari China tidak lagi diperlukan memohon lesen import; dan (c) Malaysia telah menjalankan program galakan eksport ke RRC bagi meningkatkan eksport; (d) peraturan untuk melawat ke RRC oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia telah dilonggarkan di mana mereka boleh diberi permit melawat berkali-kali (multiple entry permit) ke RRC untuk tempoh 12 bulan dan bagi mereka yang melawat buat pertama kali ke RRC telah dikecualikan dari mendapat surat jemputan di RRC; (e) sehubungan dengan dasar melonggarkan syarat-syarat lawatan ke atas rakyat Malaysia dan China untuk melawat antara satu sama lain. Kebenaran MAS untuk mengadakan perkhidmatan penerbangan antara Malaysia dan China telah diperolehi; (f) pada masa yang sama kerajaan Malaysia menggalakkan pihak China mengambil bahagian dalam pameran-pameran perdagangan di Malaysia untuk meningkatkan lagi minat dan kesedaran di kalangan ahli-ahli perniagaan di China dan Malaysia untuk membuat perdagangan secara terus antara mereka; (g) Malaysia telah membenarkan seramai 807 orang rakyat China melawat Malaysia dalam tahun 1988 dan seramai 1,015 rakyat China melawat Malaysia dalam tempoh bulan Januari-November, 1989. Semasa rombongan perdagangan ke RRC, perkara-perkara berhubung dengan pelaburan usahasama dalam projek-projek tertentu di Malaysia dan RRC adalah dibincangkan. Hasil dari perbincangan tersebut beberapa tindakan susulan telah diambil oleh kedua-dua pihak dalam melaksanakan projek-projek yang melibatkan penggunaan bahan-bahan mentah Malaysia seperti minyak kelapa sawit, getah dan buah-buahan tempatan.

<sup>23</sup> Murugesu Padmanathan, ‘New chapter in Anglo-Malaysian ties?’, in *New Straits Times*, 15 Nov. 1988, hlm. 10.

India; pelaksanaan Pelan Penyelesaian Kemerdekaan Namibia; perlanjutan mandat “United Nations Interim Force in Lebanon” (UNIFIL); dan isu Palestin. Malaysia telah mempengerusikan Majlis Keselamatan PBB sebanyak sembilan mesyuarat rasmi, lima perundingan tidak rasmi dan berbagai perundingan dua hala, dan telah berjaya mendapat kata sepakat untuk menghasilkan empat resolusi Majlis Keselamatan bagi isu-isu yang telah dinyatakan. Kejayaan yang cemerlang sekali sebagai Presiden Majlis Keselamatan PBB adalah telah mengatasi kebuntuan pada perjalanan Resolusi 629. Resolusi tersebut bertujuan untuk menetapkan 1 April, 1989 sebagai tarikh permulaan bagi pelaksanaan proses kemerdekaan Namibia di samping meluluskan penempatan pasukan keselamatan UNTAG (United Nations Transition Assistance Group) ke Namibia. Perbincangan untuk mencapai kata sepakat terhadap Resolusi 629 telah beberapa kali menemui jalan buntu kerana terdapat pendirian yang bercanggah antara pihak Ahli-ahli Tetap (Permanent Members) dan pihak Negara-negara Berkecuali berhubung dengan kos penyelenggaraan serta jumlah anggota UNTAG yang mahu dihantar ke Namibia. Kebuntuan tersebut telah dapat diatasi setelah berjaya mempengaruhi kedua-dua pihak untuk bertolak ansur dan menerima draf resolusi yang telah diubahsuai. Pada 16 Januari, 1989 Draf Resolusi 629 yang telah diubahsuai itu telah diterima dan diluluskan oleh Majlis Keselamatan. Ini adalah satu contoh yang jelas membuktikan bahawa Malaysia sememangnya mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sesuatu keputusan di Majlis Keselamatan, PBB. Selain dari menjadi Presiden Majlis Keselamatan PBB, Malaysia telah juga mengambil bahagian dengan aktifnya dalam semua perbincangan yang diadakan mengenai isu-isu yang telah ditimbulkan di Majlis tersebut. Bersama-sama dengan negara-negara berkecuali, Malaysia telah berjaya memastikan bahawa semua keputusan yang dibuat di Majlis Keselamatan, PBB mencerminkan kepentingan-kepentingan negara-negara berkecuali dan negara-negara yang membangun.<sup>24</sup> Pihak

---

<sup>24</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 23, 21 Disember, 1989, hlm. 3271-

Britain tidak boleh memperkecilkan peranan Malaysia dalam PBB dan pencapaian Malaysia juga mendapat perhatian daripada masyarakat antarabangsa. Malaysia tidak lagi terlalu bergantung terus dengan Britain dan telah mendapat pengiktirafan daripada PBB.

### **Pembelian Peralatan Pertahanan**

Setelah hubungan berjaya dipulihkan pihak Britain berusaha untuk menjualkan peralatan pertahanan kepada Malaysia dan Malaysia pula dalam usaha meningkat dan memajukan sistem pertahanannya. Semasa pertemuan awal pada tahun 1983, Dr. Mahathir menyatakan dalam pertemuan beliau dengan Thatcher, perbincangan tertumpu kepada ekonomi dalam usaha menarik pelaburan yang lebih banyak ke Malaysia dan menentukan perdagangan antara Malaysia dan Britain meningkat dan tidak berat sebelah. Soal keselamatan dan sosial tidak disentuh.<sup>25</sup> Ini adalah kerana isu utama adalah rasa tidak puas hati Malaysia terhadap layanan yang diberikan oleh Britain terutama dalam bidang ekonomi. Ia telah menjadikan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi kurang selesa dan tegang. Walau bagaimanapun, satu perjanjian telah ditandatangani bagi mendapatkan trak buatan Britain bertujuan untuk kegunaan pertahanan Malaysia.<sup>26</sup>

Malaysia telah bercadang untuk membesarkan dan memoden sistem pertahanan dalam tempoh 1981 hingga 1985 dengan nilai £2 bilion. Ini telah menarik perhatian Britain untuk mendapatkan kontrak yang ditawarkan oleh Malaysia terutama kontrak membina dua pengkalan tentera iaitu bagi tentera laut di Lumut, Perak dan tentera udara di Gong Kedak, Kelantan. Usaha ini gagal kerana tercetusnya pelaksanaan BBL.<sup>27</sup> Walau bagaimanapun, pada bulan Disember, 1981, pihak Britain telah berjaya

---

3272.

<sup>25</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 52, 24 Mac, 1983, hlm. 7309.

<sup>26</sup> Mark Phythian, *The politics of British arm sales since 1964*, Manchester: Manchester University Press, 2000, hlm. 172.

<sup>27</sup> *Ibid.*

mendapatkan kontrak membekal kereta kebal jenis *Scorpion* di antara syarikat Alvis dengan kerajaan Malaysia.<sup>28</sup> Bermula dengan penghantaran sebanyak 50 buah kereta kebal *Scorpion* dan kemudian sebanyak 30 buah lagi kereta kebal *Scorpion*. Perjanjian pembelian kereta kebal *Scorpion* bernilai £24 juta. Perjanjian ini ditandatangani selepas kerajaan Malaysia menandatangani perjanjian dengan Belgium bagi mendapatkan pengangkutan ringan tentera *Belgian Armour Vehicle* berharga £50 juta.<sup>29</sup>

Pada tahun 1988, Malaysia bercadang untuk meningkatkan keupayaan sistem pertahanan dengan tujuan untuk memperkuat lagi kawalan sempadan dan zon eksklusif ekonomi Malaysia. Memandangkan negara jiran telah melengkapkan pertahanan mereka dengan peralatan pertahanan baru dan moden, Malaysia juga tidak mahu ketinggalan dalam melengkap dan membaharui peralatan pertahanan yang baru.<sup>30</sup> Oleh kerana hubungan Malaysia dengan Britain telah lama pulih memberi kesempatan kepada pihak Britain untuk melobi bagi mendapatkan kontrak pertahanan Malaysia. Malaysia pula mengambil kesempatan daripada sambutan yang diterima dengan memberi syarat cara pembayaran adalah dengan cara "counter-trade". Malaysia telah membuat keputusan supaya mengadakan sistem dagangan secara pertukaran barang atau *barter*. Dagangan secara *barter* atau apa yang lebih dikenali dengan nama *countertrade*, secara amnya diertikan sebagai dagangan di mana pembelian import oleh negara A dari negara B di "offset" sepenuhnya atau sebahagiannya dengan pembelian eksport negara A oleh negara B.<sup>31</sup> Cara pembayaran adalah dengan menjual sebahagian dari hasil petroleum, gas asli dan lain-lain produk seperti minyak kelapa sawit, timah dan

---

<sup>28</sup> Joseph Liow, 'Keperibadian, tuntutan dan luar-jangkaan: Penentu dasar luar Malaysia', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, hlm. 152.

<sup>29</sup> Mark Phythian, *The politics of British arm sales since 1964*, hlm. 172.

<sup>30</sup> *New Straits Times*, 22 Sep. 1988, hlm. 1, 'Strengthening our defence.'

<sup>31</sup> *Ibid.*; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 46, 16 Mac, 1983, hlm. 6245-6246; *Countertrade* digunakan bukan sebagai menggantikan dagangan cara biasa tetapi sebagai peraturan dagangan tambahan sahaja, di mana ia didapati sesuai dan menguntungkan. *Countertrade* boleh digunakan sebagai satu dasar perdagangan yang dirancang (deliberate trade policy) untuk meningkatkan perdagangan Malaysia dengan negara-negara membangun seperti Bangladesh dan Pakistan dan negara-negara lain yang mengalami kekurangan pertukaran matawang asing. *Countertrade* juga boleh digunakan dengan beberapa negara di mana Malaysia mengalami imbalan dagangan berkurangan yang berulangan (persistent).

barangan getah selama 10 tahun dan ia mempunyai risiko kerana harga komoditi bergantung kepada harga pasaran yang tidak menentu.<sup>32</sup>

Hubungan Malaysia dengan Britain telah lama pulih dan wujudnya hubungan secara peribadi antara Dr. Mahathir dengan Thatcher.<sup>33</sup> Ini telah membawa kepada pertemuan di London antara Dr. Mahathir dan Thatcher yang telah menandatangani Memorandum Seahaman pada 27 September, 1988, di Bilik Kabinet, Jalan Downing, London.<sup>34</sup> Memorandum berkenaan adalah perjanjian pembelian peralatan pertahanan berjumlah £1 bilion (RM4.4 bilion) termasuk pembelian jet pejuang sistem peluru pandu, dua buah kapal selam dan lain-lain peralatan pertahanan untuk tempoh sepuluh tahun.<sup>35</sup> Walau bagaimanapun Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani tidak bermakna Malaysia sudah terikat dengan perjanjian membeli senjata dari Britain. Malaysia masih boleh mencari alternatif negara lain untuk membeli peralatan pertahanan mengikut pilihan sendiri.<sup>36</sup> Tengku Rithauddeen menjelaskan: “The MOU doesn’t prevent Malaysia from purchasing military equipment anywhere other than Britain even though the equipment and weapons are specified in the memorandum.”<sup>37</sup> Malaysia juga turut mahukan tambahan pendaratan MAS di Heathrow, London untuk penerbangan kali keenam dan ketujuh.<sup>38</sup> Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir

---

<sup>32</sup> Mark Phythian, *The politics of British arm sales since 1964*, hlm. 175; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 16, 12 Jun, 1990, hlm. 3180-3182; Dalam jangkamasa panjang ia dapat membantu syarikat-syarikat perdagangan tempatan mahir di dalam selok belok perdagangan antarabangsa; dapat meluas dan meninggikan lagi kepakaran dan pengalaman syarikat-syarikat perdagangan tempatan dalam bidang perdagangan antarabangsa, dapat menggalak dan membantu syarikat-syarikat perdagangan tempatan mempelbagaikan barang-barang pasaran mereka. Komoditi dan barang-barang pembuatan yang terlibat dalam perdagangan secara 'counter-trade' termasuklah barang-barang makanan laut yang disediakan; bijian koko dan barang-barang yang diperbuat dari koko iaitu *cocoa bulier*, *cocoa cake*, *cocoa powder*, *cocoa sugar* dan coklat; lada hitam dan lada putih; makanan ternakan; *shortening*; getah SMR; barang-barang dari getah iaitu kondom, sarong tangan dari getah, tayar, tiub, permaman kanak-kanak dan bola golf; kayu gergaji dan barang-barang yang diperbuat dari kayu iaitu *veneer*, papan lapis, pintu, *tool handles* dan *mouldings*; barang-barang *ceramic*; *ilmenite*; minyak sawit; *palm fatty acid*; *methanol*, *urea*, *cement bonded board*; *wire rods*; timah; metal containers; penghawa dingin; *valve brass tube*; *mechanical handling equipment*; *rubber processing machinery*; *sanitary-wares*; bantal dan tilam; kain baju dan kasut. Syarikat tempatan juga dapat menerokai pasaran-pasaran baru dan dapat menggalakkan pengeksporan terus kepada pengimport di luar negara. Sehingga tahun 1990, terdapat 21 buah negara-negara yang mengadakan perdagangan secara 'counter-trade' dengan Malaysia. Negara-negara yang berkenaan adalah Australia, Austria, Belgium, Brazil, Kanada, Republik Demokratik Jerman, Finland, Perancis, The Netherlands, Hungary, Indonesia, Itali, Jepun, Korea Selatan, Sweden, Switzerland, Taiwan, United Kingdom, Amerika Syarikat, Jerman Barat dan Yugoslavia. Jumlah nilai perdagangan secara 'counter-trade' yang 'diperolehi' dari tahun 1987 hingga 1989 adalah seperti berikut: - 1987 - \$210.49 juta; 1988 - \$471.18 juta; dan 1989 - \$1,576.55 juta.

<sup>33</sup> Tim Lankester, *The politics and economics of Britain's foreign aid*, London: Routledge, 2013, hlm. 34.

<sup>34</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 05 May 1993, Vol. 224, c145w.

<sup>35</sup> *Utusan Malaysia*, 28 September, 1988, hlm. 7; *New Straits Times*, 28 Sep. 1988, hlm. 1.

<sup>36</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 27, 16 Oktober, 1989, hlm. 5275; *New Straits Times*, 26 Feb. 1989, hlm. 3, 'MOU does not mean buy British arms only'.

<sup>37</sup> *New Straits Times*, 26 Feb. 1989, hlm. 3, 'MOU does not mean buy British arms only'.

<sup>38</sup> *Ibid.*, 28 Feb. 1989, hlm. 18, 'British Govt's stand on airline talks'.

menyatakan permintaan tersebut bukanlah elemen *quid pro quo*.<sup>39</sup> MAS memerlukan penambahan pendaratan di London bagi menampung permintaan yang berlebihan dan dari kehilangan pelanggan kepada syarikat penerbangan lain melalui Singapura, Bombay, Amman dan Moscow.<sup>40</sup> Bagi menjamin rundingan pembelian Tornado tidak gagal pihak Britain telah bersetuju dengan permintaan MAS itu.<sup>41</sup> Pada mulanya permintaan MAS tidak diberi perhatian secara serius dan membiarkan pihak MAS berunding dengan pihak BA. Tambahan pula pihak BA telah diswatakan dan pihak Britain tidak berminat campurtangan hal ehwal BA. Setiausaha Industri Britain, Robert Atkins menyatakan: “The British Government has an option to participate in negotiations but we rarely interfere.”<sup>42</sup> Ramon Navaratnam, Setiausaha, Kementerian Pengangkutan menyatakan persetujuan dicapai setelah tiga tahun perundingan diadakan dan Mahathir yang baru sembuh menjalani pembedahan pintasan koronari telah membuat lawatan peribadi ke London pada 15 Mac, 1989. Perbincangan beliau dengan Thatcher dalam pelbagai isu turut dibincangkan isu pendaratan MAS di Heathrow, London dan bersama adalah pengerusi BA, Lord King.<sup>43</sup> Akhbar *The Observer* menyatakan sekiranya pihak Britain tidak bersetuju dengan permintaan Malaysia untuk mendapatkan hak pendaratan MAS di Heathrow, London, pihak Malaysia akan membatalkan pembelian Tornado.<sup>44</sup>

Sebuah berita dari *The Observer* dalam ruang “Open File” bertajuk “Thatcher used aid to smooth arms deal” ditulis oleh Adam Raphael dalam keluarannya bertarikh 7hb Mei 1989<sup>45</sup> menyatakan perdana menteri Britain, Margaret Thatcher telah menyalahgunakan bantuan kepada Malaysia bagi mendapatkan perjanjian penjualan

---

<sup>39</sup> *New Straits Times*, 22 Sep. 1988, hlm. 2, ‘Strengthening our defence.’

<sup>40</sup> *Ibid.*, 29 Sep. 1988, hlm. 2, ‘Extra flights talks: No report received’; *New Straits Times*, 12 Mar. 1989, hlm. 2, ‘flights to London MAS gets two more’.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 20 Jun. 1989, hlm. 5, ‘Dr. M: No action to be taken against British daily’.

<sup>42</sup> *Ibid.*, 28 Feb. 1989, hlm. 18, ‘British Govt’s stand on airline talks’.

<sup>43</sup> *Ibid.*, 29 Sep. 1988, hlm. 2, ‘Extra flights talks: No report received’; *Berita Minggu*, 12 Mac, 1989, hlm. 1, ‘Niat MAS tercapai’; *Utusan Malaysia*, 16 Mac, 1989, hlm. 4, ‘Mahathir-Thatcher bincang masalah ekonomi’.

<sup>44</sup> *New Straits Times*, 9 May, 1989, hlm. 1, ‘Thatcher traded aid for arms deal’; *The Star*, 10 May, 1989, hlm. 3, ‘No basis to paper’s report on arms deal, says Anwar’; *Berita Harian*, 10 Mei, 1989, hlm. 1, ‘Laporan *Observer* tidak berasas: Anwar’.

<sup>45</sup> *Utusan Malaysia*, 9 Mei, 1989, hlm. 1, ‘Pembelian senjata Britain: Malaysia nafi terima bantuan tolak ansur’; Berita disiarkan di muka satu dan satu rencana di muka sepuluh di bawah ruangan *Open File*.

senjata yang berjumlah RM4.5 bilion dengan menggunakan pengaruh peribadinya.<sup>46</sup> Menurut Akta Bantuan Luar Negara (Overseas Aid Act) 1966, melarang penggunaan bantuan bagi mendapatkan penjualan pertahanan. Di dalam skim bantuan ini tidak dibenarkan untuk memberi bantuan kepada sektor pertahanan.<sup>47</sup> Pihak Britain telah menafikan tuduhan yang menyatakan pembelian senjata oleh Malaysia adalah bantuan kewangan daripada Britain. Pihak Britain juga menegaskan bahawa penjualan senjata kepada Malaysia dan bantuan kewangan adalah berbeza dan tiada kaitan.<sup>48</sup> Anwar Ibrahim juga turut menafikan tuduhan tersebut dengan menyatakan: "...but there is no basis to it (the report) as no defence contract can be tied to any aid."<sup>49</sup>

Ini telah menimbulkan ketegangan dalam hubungan Malaysia dengan Britain semula tetapi tidak menjejaskan hubungan di antara kedua buah negara. Britain masih tidak lagi menjaga sensitiviti Malaysia dan membiarkan *The Observer* meneruskan usaha untuk menjatuhkan imej kerajaan Malaysia dengan menuduh berlakunya korupsi dalam kerajaan Malaysia. Isu ini telah diperbesarkan oleh akhbar *The Observer* dengan mengeluarkan kenyataan bahawa terdapat unsur rasuah dalam cadangan pembelian senjata bernilai RM4.5 bilion yang dikenali sebagai "kickback".<sup>50</sup> Terdapat sejumlah wang sebanyak RM275 juta telah disalah gunakan dengan memberikan kepada parti UMNO<sup>51</sup> kerana keperluan wang segera bagi kempen pilihanraya umum<sup>52</sup> setelah aset-aset UMNO diharamkan dan dibekukan<sup>53</sup> dan selebihnya kepada orang perantaraan dan saudara mara elit pemerintah sebagai *kickbacks*;<sup>54</sup> pembayaran sebanyak £1 juta kepada pihak British Airways untuk hak pendaratan tambahan di Heathrow, London; satu pakej

<sup>46</sup> Ibid.; *Berita Harian*, 13 Mei, 1989, hlm. 17, 'Laporan *Observer* boleh jejas hubungan'; *Aliran*, Vol. 19, No. 4, 1989, hlm. 37.

<sup>47</sup> *Utusan Malaysia*, 29 Mei, 1989, hlm. 3, 'Lawatan PM buka dimensi baru dalam dasar luar Malaysia'; *New Straits Times*, 29 May, 1989, hlm. 11, 'New dimension in our foreign policy'; *New Straits Times*, 9 May, 1989, hlm. 1, 'Thatcher traded aid for arms deal'.

<sup>48</sup> *Utusan Malaysia*, 9 Mei, 1989, hlm. 1, 'Pembelian senjata Britain: Malaysia nafi terima bantuan tolak ansur'.

<sup>49</sup> *New Straits Times*, 15 May, 1989, hlm. 3, PM: Observer report is mischievous'; *The Star*, 10 May, 1989, hlm. 3, 'No basis to paper's report on arms deal, says Anwar'.

<sup>50</sup> *Berita Harian*, 10 Mei, 1985, hlm. 1, 'Laporan *Observer* tidak berasas: Anwar'; *New Straits Times*, 10 May, 1989, hlm. 1, 'Report on arms deal baseless, says Anwar'; *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, 19 Jun, 1989, hlm. 2631-2634.

<sup>51</sup> Ibid.

<sup>52</sup> *Utusan Malaysia*, 9 Mei, 1989, hlm. 1, 'Pembelian senjata Britain: Malaysia nafi terima bantuan tolak ansur'; *Aliran*, Vol. 9, No. 4, 1989, hlm. 39.

<sup>53</sup> Ibid.

<sup>54</sup> *The Star*, 10 May, 1989, hlm. 3, 'No basis to paper's report on arms deal, says Anwar'; *Berita Harian*, 10 Mei, 1985, hlm. 1, 'Laporan *Observer* tidak berasas: Anwar'; *The Star*, 16 May, 1989, hlm. 3, 'PM's visit not linked to arms deal: High Commission'.

bantuan bernilai £1 juta diberikan kepada Malaysia apabila Memorandum Persefahaman dimeteraikan; dan harga Tornado yang dijual kepada Malaysia dinaikkan ke £40 juta dan Malaysia bersetuju dengan harga £40 juta bagi setiap 12 buah jet pejuang Tornado buatan Britain<sup>55</sup> di bawah Memorandum Sefahaman membeli senjata British bernilai \$4.5 billion sedangkan harga biasa setiap satu jet pejuang Tornado yang dibeli oleh Tentera Udara DiRaja British dan Luftwaff dari Jerman adalah dengan harga dari harga £17 juta hingga £20 juta adalah harga penjualan biasa.<sup>56</sup> Dianggarkan pertambahan harga (mark up) sebanyak 25 peratus atau pertambahan harga sebuah Tornado sebanyak £5 juta.<sup>57</sup>

Tuduhan ini telah dinafikan oleh Dr. Mahathir dengan menyatakan tuduhan itu ditujukan kepada kerajaan Britain adalah berpunca daripada salah faham antara pemilik akhbar tersebut dengan kerajaan Britain berkenaan kegagalan pemilik akhbar membeli rangkaian kedai mewah.<sup>58</sup> Pemilik tersebut telah menggunakan akhbar *The Observer* sebagai cara untuk memburukkan imej kerajaan Britain dalam penjualan *Tornado*.<sup>59</sup> Laporan akhbar *The Observer* adalah tidak berasas dan sengaja diada-adakan oleh Tiny Rowland, iaitu seorang peniaga dan pengusaha dan juga pemilik akhbar *The Observer*.<sup>60</sup> Beliau kecewa dengan kerajaan Britain yang telah menggagalkan usaha beliau untuk membeli rangkaian kedai mewah<sup>61</sup> "The House of Fraser" daripada *Al-Fayed Brothers*.<sup>62</sup> Selepas kegagalan itu, beliau telah bertindak dengan membuat pelbagai tuduhan terhadap kerajaan Britain. Akhbar *Observer* telah menyiarkan satu laporan bertajuk *Tornado Rip-Off* berhubung dengan pembelian senjata oleh Arab Saudi. Rencana itu mendakwa bahawa industri persenjataan Britain dengan sokongan kerajaan

<sup>55</sup> *New Straits Times*, 9 May, 1989, hlm. 1, 'Malaysia and Saudi Arabia only clients'; *Aliran*, Vol. 9, No. 4, 1989, hlm. 39.

<sup>56</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, 19 Jun, 1989, hlm. 2625-2626; *Aliran*, Vol. 9, No. 4, 1989, hlm. 39.

<sup>57</sup> *Aliran*, Vol. 9, No. 4, 1989, hlm. 39.

<sup>58</sup> *New Straits Times*, 20 Jun. 1989, hlm. 5, 'Dr M: No action to be taken against British daily'; *Berita Harian*, 20 Jun, 1989, hlm. 6, 'PM nafi tunduk kepada Observer'.

<sup>59</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, 19 Jun, 1989, hlm. 2631-2634.

<sup>60</sup> *Utusan Malaysia*, 9 Jun, 1989, hlm. 2, 'Spekulasi 'Observer' terhadap Malaysia dalam pembelian senjata dari Britain'.

<sup>61</sup> *New Straits Times*, 20 Jun. 1989, hlm. 5, 'Dr M: No action to be taken against British daily'.

<sup>62</sup> *Utusan Malaysia*, 9 Jun, 1989, hlm. 2, 'Spekulasi 'Observer' terhadap Malaysia dalam pembelian senjata dari Britain'; Memiliki gedung perniagaan *Harrods*; *New Straits Times*, 5 Jul. 1989, hlm. 3; 'Rowland used paper as proxy'.



Britain telah memperhebatkan lagi perlumbaan senjata di Timur Tengah. Beliau telah membuat tuduhan dengan menyatakan kerajaan Britain telah menyogok kerajaan Arab Saudi<sup>63</sup> dan kerajaan Malaysia dalam usaha mendapatkan kontrak penjualan senjata. Rowlands bukan sahaja pemilik akhbar tetapi juga seorang penjual senjata. Beliau juga berminat dalam usaha penjualan senjata dan pernah berbincang sama ada secara langsung atau melalui orang tengah dalam penjualan jet mewah, jet pelatih dan jet pejuang termasuk jenis *Mirage 2000* dan pesawat F1 dengan negara-negara Afrika dan Timur Tengah. Kepentingan beliau dalam syarikat *Dassault* di Perancis bagi urusan penjualan senjata. Beliau dikenali sebagai seorang yang sanggup membuat apa saja untuk kepentingan dirinya di United Kingdom dan Eropah. Beliau dikenali sebagai *gladiatorial, proprietorial tyrant*.<sup>64</sup> Malaysia tidak mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap beliau.<sup>65</sup> Menurut Mahathir tuduhan itu dilakukan kepada pihak Britain<sup>66</sup> dan sekiranya pihak Malaysia mendakwa beliau akan memberi rasuah kepada pihak tertentu bagi menguatkan lagi tuduhan terhadap Malaysia.<sup>67</sup> Pada mula Malaysia bercadang mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar *Observer* sekiranya didapati tindakan undang-undang boleh diambil. Ini memandangkan tuduhan yang dikenakan terhadap Malaysia boleh menjejaskan hubungan Malaysia dengan Britain. Hubungan Malaysia dengan Britain berasaskan hubungan kerjasama ekonomi bersama dan adil.<sup>68</sup>

Menurut Ghafar Baba tuduhan menyatakan UMNO menerima *kickbacks* daripada perjanjian pembelian senjata dengan Britain adalah satu pembohongan. Kerajaan Malaysia belum lagi menandatangani sebarang perjanjian pembelian senjata tetapi tuduhan telah dikenakan terhadap pemimpin-pemimpin UMNO. Ini adalah cubaan untuk memburukkan imej Malaysia dan UMNO. Kerajaan Malaysia baru sahaja

---

<sup>63</sup> Ibid.

<sup>64</sup> Ibid.

<sup>65</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, 19 Jun, 1989, hlm. 2781-2782.

<sup>66</sup> *New Straits Times*, 20 Jun. 1989, hlm. 5, 'Dr. M: No action to be taken against British daily'.

<sup>67</sup> *Berita Harian*, 20 Jun, 1989, hlm. 6, 'PM nafi tunduk kepada Observer'.

<sup>68</sup> *The Star*, 13 May, 1989, hlm. 4, 'Malaysia may act against The Observer'.

menghantar senarai pembelian senjata dan keputusan untuk membelinya belum diambil. Sebelum Malaysia membeli senjata daripada Britain mereka perlu melihat harga yang berpatutan dan kompetitif bagi mengelakkan perbelanjaan pertahanan daripada memberi kesan buruk terhadap pembangunan dan kemajuan ekonomi negara.<sup>69</sup>

Menurut Timbalan Menteri Luar, Abdullah Fadzil Che Wan laporan akhbar *Observer* adalah tidak benar dan menyatakan: “Malaysia will not stoop to kickbacks or aid. What we want is that they buy from us and we buy from them.”<sup>70</sup> Bagi Tengku Ahmad Rithaudeen pembelian Tornado dilakukan adalah seratus peratus berdasarkan perdagangan yang berasaskan perkongsian yang adil dan saksama antara negara penjual. Laporan *The Observer* sengaja mereka bagi mengeruhkan hubungan Malaysia dengan Britain yang telah pulih. Ini juga boleh merosakkan hubungan yang erat di antara Malaysia dengan Britain.<sup>71</sup> Tengku Rithaudeen menyatakan: “the report was “utter rubbish” and baseless.”<sup>72</sup> Menurut Anwar Ibrahim dengan penafian yang dilakukan oleh Thatcher telah membuktikan dakwaan *The Observer* adalah tidak berasas sama sekali.<sup>73</sup> Turut menafikan tuduhan *The Observer* adalah Menteri Pertahanan Prokumen, Lord Trefgarne dengan menyatakan: “‘pure coincidence’. The government is not involved in ‘any skulduggery’”.<sup>74</sup>

Geran bantuan berjumlah \$346.6 juta yang diberikan oleh Britain untuk pembinaan empangan Pergau telah dikaitkan dengan kontrak pembelian senjata.<sup>75</sup> Walau bagaimanapun dakwaan ini telah dinafikan oleh George Younger, Setiausaha Pertahanan Britain yang telah bertindak secara bersendirian menandatangani protokol dengan kerajaan Malaysia (Protocol on Malaysia Defence Procurement Programme)

---

<sup>69</sup> *The Star*, 11 May, 1989, hlm. 2, ‘Ghafar: Allegations of kickbacks are lies’.

<sup>70</sup> *New Straits Times*, 11 May, 1989, hlm. 3, ‘M’sian High Commission seeks details’.

<sup>71</sup> *Berita Harian*, 13 Mei, 1989, hlm. 17, ‘Laporan *Observer* boleh jejas hubungan’.

<sup>72</sup> *The Star*, 13 May, 1989, hlm. 4, ‘Malaysia may act against The Observer’.

<sup>73</sup> *Berita Harian*, 10 Mei, 1989, hlm. 1, ‘Laporan *Observer* tidak berasas: Anwar’; *New Straits Times*, 10 May, 1989, hlm. 1, ‘Report on arms deal baseless, says Anwar’.

<sup>74</sup> *Aliran*, Vol. 19, No. 4, 1989, hlm. 37.

<sup>75</sup> Mohd Noor Yazid, *Hegemonic powers, radical politics and development state: The case of Indonesia-Malaysia political relations during the Cold War*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 162; *EIR*, Vol. 21, No. 11, Mar. 11, 1994, hlm. 13; ‘BBL! Malaysia fighting for its development’; *The New York Times*, 4 Mar. 1994, ‘Britain accused of tinkering on Malaysian dam’.

pada 23 Mac 1988.<sup>76</sup> Pihak Malaysia akan menerima 20 peratus bantuan daripada pihak Britain.<sup>77</sup> Antara kandungan protokol tersebut menyatakan:

Aid in support of non-military aspects under this Programme, the type, terms and conditions of which shall be mutually determined by both governments. Her Majesty's Government has taken note of the Malaysia Government's desire that this grant should amount to no less 20 percent of the defence equipment, and that will be discussed in the context of the Memorandum of Understanding.<sup>78</sup>

Di dalam protokol ada menyatakan cadangan program projek adalah jet pejuang *Tornado*, sistem misil *Rapier*, Radar *Martello* dan *Intergrated command, control, communications and intelligence systems* tetapi tidak menyatakan jumlahnya.<sup>79</sup>

Mengikut perundangan Britain pinjaman tersebut tidak dibenarkan,<sup>80</sup> walau bagaimanapun, ia telah diluluskan oleh Setiausaha Luar Britain, Douglas Hurd selepas berbincangan dengan John Major. Projek ini telah diberikan kepada syarikat *Balfour Beatty* dari Britain.<sup>81</sup> Oleh kerana, protokol tersebut telah ditandatangani dengan kerajaan Malaysia, pihak Britain terpaksa meneruskan perjanjian yang telah dibuat oleh Younger.<sup>82</sup> Najib Razak Menteri Pertahanan Malaysia membuat kenyataan bahawa pembelian senjata oleh pihak Malaysia tidak melibatkan pinjaman “soft” daripada pihak Britain. Tambahan Najib: “There seems to be some error but this is an internal problem of the British Government.”<sup>83</sup>

Tuduhan terhadap isu empangan Pergau telah menyebabkan kredibiliti Britain dalam soal memberi bantuan dipersoalkan. Ini adalah disebabkan pertama; projek empangan Pergau adalah satu kesalahan di mana Britain telah melibatkan wang daripada pembayar cukai; kedua, penjelasan kesilapan memberi projek empangan

---

<sup>76</sup> Tim Lankester, *The politics and economics of Britain's foreign aid*, London: Routledge, 2013, hlm. 54.

<sup>77</sup> Ibid; *EIR*, Vol. 21, No. 11, Mar. 11, 1994, hlm. 13; ‘BBL! Malaysia fighting for its development’; *The New York Times*, 4 Mar. 1994, ‘Britain accused of tinkering on Malaysian dam’.

<sup>78</sup> Ibid.

<sup>79</sup> Ibid.

<sup>80</sup> *The Star*, 16 May, 1989, hlm. 3, ‘PM’s visit not linked to arms deal: High Commission’; Akta Bantuan Luar Negara, 1966 menghalang bantuan tersebut bagi pembelian senjata untuk pertahanan.

<sup>81</sup> *Utusan Malaysia*, 26 Februari, 1994, hlm. 2.

<sup>82</sup> Tim Lankester, *The politics and economics of Britain's foreign aid*, London: Routledge, 2013, hlm. 60.

<sup>83</sup> *EIR*, Vol. 21, No. 11, Mar. 11, 1994, hlm. 13; ‘BBL! Malaysia fighting for its development’.

Pergau adalah kerana kegairahan mahu melakukan perdagangan dengan Malaysia terutama penjualan senjata; ketiga, dalam kes penjualan senjata ke Iraq, Britain mahukan satu polisi di parlimen dan awam tetapi apa yang dilakukan adalah berlainan; keempat, wujudnya amalan yang tidak sihat dalam melaksanakan program bantuan luar negeri dengan membantu penjualan senjata di serata dunia; dan, kelima, terdapat kegiatan yang tidak sihat dengan mendominasi bantuan dan perdagangan oleh syarikat-syarikat penderma kepada parti Konservatif.<sup>84</sup>

Pihak Britain mahu mengadakan hubungan perdagangan dengan Malaysia telah mengeneipkan prosedur biasa. Perjanjian ini telah direalisasikan oleh George Younger dengan pakej penjualan peralatan tentera dan dijanjikan dengan pakej bantuan. Menurut beliau telah diberikan fahaman secara lisan oleh seseorang “to link the aid to the defence contract”. Protokol yang telah ditandatangani oleh Younger semasa lawatan beliau ke Kuala Lumpur dalam bulan Mac 1988 adalah perjanjian yang menyatakan kerajaan Malaysia berkeinginan untuk membeli peralatan ketenteraan daripada Britain dengan terperinci yang akan dibincangkan dalam memorandum dan termasuk merujuk kepada bantuan dalam sokongan bukan ketenteraan di bawah program. Setelah mendapat nasihat daripada rakan menteri di London, Younger telah menulis surat kepada Menteri Kewangan Malaysia pada bulan Jun 1988 menyatakan bantuan kewangan tidak boleh melibatkan penjualan senjata. Oleh itu, isu tersebut tidak dimasukkan dalam memorandum sefahaman berkenaan prokumen pertahanan yang ditandatangani oleh kedua-dua perdana menteri yang ditandatangani pada bulan September 1988, dan tidak termasuk bantuan kewangan. Projek Pergau telah dicadangkan selepas Younger menjelaskan bahawa secara rasmi tidak dibenarkan mengaitkan penjualan senjata dengan bantuan projek pembangunan. Setahun kemudian, dalam bulan Februari 1990, ODA telah menyatakan projek empangan Pergau adalah

---

<sup>84</sup>*Hansard Britain*, House of Commons, 01 March 1994, Vol. 238, cc801-48.

“very bad buy”. Jabatan Perdagangan dan Industri Britain telah mencadangkan satu kajian terhadap sektor tenaga Malaysia. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia mahukan projek tersebut diteruskan dan Rais Yatim, sebagai Menteri Luar Negeri Malaysia telah menyatakan perjanjian tersebut adalah “gross irregularity”.<sup>85</sup> Isu ini tidak menjejaskan hubungan Malaysia dengan Britain kerana tiada bukti menunjukkan sebarang penyelewengan atau ketidakcekapan telah berlaku dalam pembelian Tornado dan alat pertahanan yang lain dari Britain. Sebarang bantuan kewangan dan kemudahan yang diterima oleh Malaysia daripada Britain tidak ada kena mengena dengan pembelian alat kelengkapan pertahanan.<sup>86</sup>

Cadangan pembelian Tornado adalah bagi menguatkan lagi pertahanan udara Malaysia bagi menghadapi sebarang ancaman untuk menggugat kestabilan Malaysia. Tambahan pula pertahanan udara Malaysia menghadapi masalah dengan jet pejuang Skyhawk yang dibeli daripada Amerika Syarikat.<sup>87</sup> Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia tidak akan membatalkan projek Skyhawk ini kerana masih boleh digunakan. Mengikut kadar jangka masa penerbangan tiap-tiap pesawat ini yang paling minima ialah 5,000 jam penerbangan (flying hours) dan kadar maksima jangka masa penerbangan (flying hours) adalah di antara 7,000 hingga 9,000 jam penerbangan (flying hours). Ia tertakluk kepada jenis tugas-tugas yang dikendalikan oleh jet pejuang Skyhawk. Pesawat-pesawat ini telah digunakan sebanyak 2,000 jam dan ini bermakna pesawat-pesawat tersebut mempunyai 5,000 jam penerbangan lagi pada kadar minimanya. Tiap pesawat ini dirancang untuk digunakan 300 jam penerbangan

---

<sup>85</sup> *Hansard Britain*, House of Commons, 01 March 1994, Vol. 238, cc801-48.

<sup>86</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, 19 Jun, 1989, hlm. 2631-2634.

<sup>87</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 17, 21 Jun, 1989, hlm. 3111-3112; Jet pejuang Skyhawk tempatkan asalnya di Davis Monthan Air Force Base, Tucson, Arizona, USA iaitu sebuah tempat yang menyimpan semua jenis pesawat-pesawat terbang ketenteraan kerajaan Amerika Syarikat yang sudah digunakan. Tempat tersebut amat sesuai untuk menyimpan jet pejuang Skyhawk kerana ianya mempunyai iklim yang paling baik dan sesuai dengan kelembapan yang rendah (low humidity) dan ini dapat menghindarkan jet pejuang Skyhawk daripada kekaratan (corrosion free) yang akan menyebabkan jet pejuang Skyhawk tidak boleh digunakan lagi. Pesawat-pesawat ini juga berada dalam keadaan 'preserved/cocoon' dan ditinggalkan di tempat ini sehingga kerja pengubahsuaian hendak dijalankan oleh kontraktor. Ini adalah kerana untuk mendapatkan kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian tersebut akan mengambil masa kerana cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pentender-pentender perlu diteliti dengan halus demi untuk mengurangkan perbelanjaan projek, dan sementara itu keperluan-keperluan yang telah ditetapkan tidak akan dikorbankan malah akan terus terjaga. Sebaik sahaja keputusan muktamad dicapai mengenai pemilihan pentender, kerja-kerja pengubahsuaian akan dimulakan.

setahun dan ini bermakna pesawat tersebut boleh digunakan untuk 10 tahun lagi pada kadar minima.<sup>88</sup> Jumlah kos pembelian 88 buah pesawat pejuang Skyhawk termasuk kos baikpulih dan penyesuaian untuk 40 buah pesawat adalah sebanyak RM403,631,660. Penggunaan 88 pesawat pejuang Skyhawk yang asal dibeli dari Amerika Syarikat adalah 40 pesawat dibaikpulih dari 46 *airframes*. Enam pesawat pejuang Skyhawk di “cannibalise” untuk mendapatkan alat ganti. Satu pesawat pejuang Skyhawk di tempatkan di AIROD<sup>89</sup> untuk tujuan R&D dan 35 buah pesawat pejuang Skyhawk masih berada di Amerika Syarikat. Tengku Rithaudeen menjelaskan bahawa pembelian pesawat-pesawat tersebut adalah selaras dengan kehendak Malaysia untuk mengukuhkan pertahanan udara di samping mengambilkira suasana pergolakan semasa yang berlaku di rantau Indo Cina. Pembelian pesawat pejuang Skyhawk dilakukan adalah berasaskan kepada kemampuan kewangan negara dan “available aircraft” yang dapat menawarkan kepada Malaysia. Ini juga adalah untuk keperluan jangka masa panjang TUDM dalam mempertingkatkan kesediaan pertahanan udara pada masa depan.<sup>90</sup>

Pembelian pejuang pesawat Skyhawk ini tidak dapat memenuhi sepenuhnya kehendak Malaysia bagi mempertahankan ruang udara sendiri. Malaysia telah mengambil keputusan untuk mencari pesawat pejuang jet yang lebih baik dan moden bersesuaian dengan suasana politik rantau Asean dan keupayaan pertahanan negara-negara jiran seperti Singapura dan Indonesia. Malaysia bercadang melihat kembali kepada Britain semula dengan membeli lapan buah jet pejuang Tornado daripada British Aerospace dan GEC kerana keupayaan jet pejuang Tornado yang mampu mempertahankan ruang udara Malaysia.<sup>91</sup> Walau bagaimanapun berita ini telah tersebar luas dalam laporan agensi berita luar yang menyatakan Malaysia telah menandatangani

---

<sup>88</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 6, 19 Oktober, 1982, hlm. 639-640.

<sup>89</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 6, 3 April, 1989, hlm. 903-904.

<sup>90</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 17, 21 Jun, 1989, hlm. 3111-3112.

<sup>91</sup> *New Straits Times*, 9 May, 1989, hlm. 1, ‘Malaysia and Saudi Arabia only clients’.

perjanjian pembelian senjata dengan British Aerospace dan GEC yang bernilai £500 juta. Dalam laporan itu turut menyatakan terdapat masalah semasa rundingan dilakukan di antara Malaysia dengan Britain. Laporan tersebut telah mengelirukan Malaysia kerana Dr. Mahathir masih belum membuat keputusan untuk bersetuju dengan pembelian pesawat Tornado tersebut. Dr. Mahathir menafikan bahawa Malaysia telah bersetuju untuk pembelian pesawat Tornado tersebut dengan menyatakan: “I don’t know what these problems are but buying an aircraft is not like buying peanuts. We have to determine what is the aircraft’s mission, its specifications.”<sup>92</sup> Bagi Malaysia pembelian sesuatu jenis pesawat pejuang adalah bergantung kepada peranan dan jenis misi (mission) yang telah dikenalpasti oleh Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), sejajar dengan strategi-strategi pertahanan negara dan strategi Angkatan Tentera Malaysia. Oleh itu, pemilihan pesawat Tornado adalah berpandukan kepada keperluan strategi dan perjanjian persefahaman di antara kedua negara. Dalam rundingan perjanjian persefahaman di antara Malaysia dengan Britain bahawa persetujuan Malaysia untuk membeli alat kelengkapan pertahanan dari Britain yang akan dibuat secara timbal balas dengan cara *counter-trade* bermakna Malaysia akan dapat mempertingkatkan lagi penjualan komoditi utama negara seperti minyak sawit, getah, bijih timah dan sebagainya.<sup>93</sup> Dr. Mahathir menjelaskan: “How can the purchase affect the development of nation when without such a move the country’s commodities might not find their way to other countries?”<sup>94</sup>

Pada 21 Mei, 1990, kerajaan Malaysia telah membatalkan pembelian jet pejuang Tornado<sup>95</sup> dan merupakan negara ketiga yang telah membatalkan perjanjian membeli Tornado selepas negara Oman dan Jordan kerana mereka mendapati ia tidak sesuai dan

---

<sup>92</sup> *New Sunday Times*, 4 Feb. 1990, hlm. 2, ‘No pact to buy arms from Britain’.

<sup>93</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 9, 5 Julai, 1989, hlm. 1283-1284.

<sup>94</sup> *New Straits Times*, 9 Oct. 1988, hlm. 2, ‘Arms deal will help boost our exports, says Dr. M’.

<sup>95</sup> Anuradha Bose, *Britain’s overseas aid since 1979: Between idealism and self interest*, Manchester: Manchester University Press, 1991, hlm. 66.

tidak boleh berfungsi dengan memuaskan.<sup>96</sup> Walau bagaimanapun bagi menjaga hubungan baik dengan Britain, Malaysia telah berjanji untuk membeli 28 buah jet pejuang Hawk dari Britain iaitu 10 buah jenis Hawk 100s dan 18 buah jenis Hawk 200s bernilai £400 juta.<sup>97</sup>

Malaysia turut membeli helikopter jenis *Westland Wasp HAS MKI* untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Helikopter ini sudah digunakan lebih 20 tahun oleh Tentera Laut British. Tujuan pembelian helikopter terpakai ini adalah kerana keperluan untuk ditempatkan di kapal-kapal TLDM yang beroperasi di laut dan dapat mempertingkatkan keupayaan atau *force multiplier* dalam bidang pengawasan, peperangan menentang musuh di permukaan air, di bawah air serta di udara dan juga berbagai tugas lain. Malaysia membeli helikopter *Wasp* bagi memulakan perkhidmatan udara dalam TLDM dan juga memulakan latihan dalam aspek mengurus suatu cawangan udara, mengendalikan penerbangan helikopter, menyelenggara pesawat dan latihan operasi. Walaupun helikopter *Wasp* telah terpakai lebih 20 tahun, keadaannya masih baik. Ia boleh digunakan untuk melatih juruterbang-juruterbang helikopter untuk TLDM<sup>98</sup> dan selamat digunakan oleh juruterbang-juruterbang. Dari segi *flying hours*, helikopter-helikopter *Wasp* adalah di antara 2,000 ke 3,000 *flying hours* daripada 6,000 *flying hours* jangka hayat.<sup>99</sup> Ini adalah bagi meningkatkan sistem pertahanan Malaysia dalam menjaga perairan negara.

### ***Five Power Defence Arrangement (FPDA)***

Menurut Murugesu FPDA bukanlah perjanjian pertahanan seperti AMDA. Di dalam perjanjian AMDA, artikel satu menyatakan:

---

<sup>96</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, 19 Jun, 1989, hlm. 2627-2628; *New Straits Times*, 9 May, 1989, hlm. 1, 'Malaysia and Saudi Arabia only clients'.

<sup>97</sup> Mark Phythian, *The politics of British arm sales since 1964*, Manchester: Manchester University Press, 2000, hlm. 180.

<sup>98</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 16, 28 Jun, 1988, hlm. 2773-2774.

<sup>99</sup> *Ibid.*, hlm. 2775-2776.



In the event of armed attack against any of the territories or forces of the Federation of Malaya or any of the territories or protectorates of the United Kingdom in the Far East or any of the forces of United Kingdom within any of those territories or protectorates or within the Federation of Malaya the governments of the Federation of the Malaya and the United Kingdom undertake to co-operate with each other and will take such action as each considers necessary for the purpose of meeting the situation effectively.<sup>100</sup>

Ia menyatakan kesanggupan pihak Britain untuk memberi bantuan pertahanan kepada Malaya sekiranya diserang.<sup>101</sup> Manakala FPDA pula merupakan satu komitmen untuk mendapat pandangan dan nasihat di antara negara-negara dalam perjanjian iaitu Britain, Australia, New Zealand, Singapura dan Malaysia<sup>102</sup> sekiranya berlaku serangan atau pencerobohan ke atas Singapura atau Malaysia.<sup>103</sup> Ia bukanlah satu perjanjian tetapi hanya sebagai perancangan.<sup>104</sup> Walau bagaimanapun FPDA dianggap sebagai bertentang dengan pendirian Malaysia sebagai sebuah negara neutral dan berkecuali.<sup>105</sup> Menurut Abdul Razak Abdullah Baginda FPDA adalah “It’s not a formal defence treaty, nor a military pact.”<sup>106</sup>

Penamatan AMDA telah menyedarkan Tun Razak bahawa perlunya satu perjanjian baru iaitu FPDA<sup>107</sup> walaupun ia bukan seperti perjanjian AMDA kerana sebagai sebuah negara yang membangun dan masih membina kekuatan pertahanan. Dalam masa yang sama ancaman komunis masih berleluasa dan perlu dihadapi secara serius. Pengunduran tentera Britain daripada Malaysia adalah kerana pengalaman Konfrontasi yang menggunakan perbelanjaan yang besar dan Britain tidak lagi mampu

---

<sup>100</sup> J. Saravanamuttu, *The dilemma of independence two decades of Malaysia's foreign policy 1957-1977*, Penang: University of Sains Malaysia, 1983, hlm. 21; Abdul Razak Abdullah Baginda, 'Five Power Defence Arrangement: Two decades and beyond' in *Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992, hlm. 48.

<sup>101</sup> Ibid.

<sup>102</sup> Hashim Mohd Ali, 'Prospect for defence and security in ASEAN', in *Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992, hlm. 4; Murugesu Padmanathan, 'New chapter in Anglo-Malaysian ties?', in *New Straits Times*, 15 Nov. 1988, hlm. 10.

<sup>103</sup> *New Straits Times*, 15 Nov. 1988, 'New chapter in Anglo-Malaysia ties?', hlm. 10; Murugesu Pathmanathan, 'The new dimensions of Malaysia's foreign policy', in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, hlm. 36.

<sup>104</sup> Abdul Razak Abdullah Baginda, 'Five Power Defence Arrangement: Two decades and beyond', in *Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992, hlm. 50; Ahmad Fareed Ariffin, 'Five Power Defence Arrangement – its impact on Association of Southeast Asian Nations', (Latihan Ilmiah), Diploma, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1998, hlm. 5.

<sup>105</sup> Ibid.

<sup>106</sup> Ibid.

<sup>107</sup> Mokhtar Muhammad, 'Dasar luar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dari tahun 1970-1990: Kesenambungan dan perubahan', Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 1998.

dan tidak berhasrat untuk melibatkan diri dalam mana-mana konflik. Menurut Kertas Putih Pertahanan 1967, pengunduran bermula pada tahun 1969 hingga 1971.<sup>108</sup> Pengunduran tentera Britain dari Malaysia memberi peluang kepada negara luar mengancam keselamatan Malaysia. Ini memerlukan bantuan daripada negara-negara bekas AMDA untuk mempertahankan negara terutama Britain. Mesyuarat FPDA di London pada April, 1971, No. 3 menyatakan:

To continue to cooperate closely in defence arrangements which are based on the need to regard the defence of Malaysia and Singapore as indivisible; the development of the defence capability of Malaysia and Singapore to which the three external powers had given assistance and to continue to station forces there after the end of 1971.<sup>109</sup>

Dr. Mahathir masih meneruskan FPDA walaupun ia tidak memberi banyak faedah kepada Malaysia kerana sekurang-kurangnya Malaysia mendapat khidmat nasihat dan latihan ketenteraan bersama daripada negara-negara anggota FPDA.<sup>110</sup> FPDA menggalakkan latihan tentera bersama dan latihan bersama udara bermula pada tahun 1971 dikenali dengan nama *Air Defence Exercise (ADEX)*. Latihan pertama yang melibatkan tentera laut adalah pada tahun 1989 dengan kod nama *Exercise Starfish* dan bagi tentera darat bermula pada tahun 1990 dengan kod nama *Exercise Summan Warrior*.<sup>111</sup> Peranan Britain dalam FPDA tidaklah begitu aktif dan boleh dianggap sebagai “sleeping partner”.<sup>112</sup> Kebanyakan latihan dilakukan oleh Australia bersama Malaysia dan Singapura.<sup>113</sup> Pada tahun 1988, pihak Britain telah menyertai latihan FPDA dalam latihan *Exercise Starfish* dan *ADEX* dengan menghantar kapal perang *HMS Ark Royal* dan jet pejuang *Tornado MK 3*. Penyertaan Britain ini adalah kerana

---

<sup>108</sup> Ibid., hlm. 49.

<sup>109</sup> Abdul Razak Abdullah Baginda, ‘Five Power Defence Arrangement: Two decades and beyond’, in *Strategi (Journal of strategic studies and international relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992, hlm. 50.

<sup>110</sup> Joseph Liow, ‘Keperibadian, tuntutan dan luar-jangkaan: Penentu dasar luar Malaysia’, dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, hlm. 152.

<sup>111</sup> Ahmad Fareed Ariffin, ‘Five Power Defence Arrangement – its impact on Association of Southeast Asian Nations’, (Latihan Ilmiah), Diploma, hlm. 6-7.

<sup>112</sup> Ibid., hlm. 23.

<sup>113</sup> Belveer Singh, ‘Confidence building security measures in Southeast Asia’, in *Strategi (Journal of strategic studies and international relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992, hlm. 38-42.

kapal perang *HMS Ark Royal* dalam perjalanan ke Australia untuk menyambut acara *bicentennial* dan jet pejuang *Tornado MK 3* kerana mahu memamerkan kehebatan *Tornado MK 3* kepada kerajaan Malaysia yang bercadang untuk membelinya. Latihan bersama tentera darat *Ex Summan Warrior*, pihak Britain hanya menghantar 180 peserta sahaja dari *5<sup>th</sup> Airbone Brigade*. Ini memamerkan komitmen Britain terhadap FPDA. Di dalam FPDA ini penglibatan Australia lebih menonjol.<sup>114</sup>

Kedudukan FPDA di antara Britain, Australia, New Zealand, Malaysia dan Singapura terdapat perselisihan faham apabila pihak Amerika Syarikat tidak mahu memberi rahsia (*share intelligence*) kepada New Zealand. Britain pula telah menyebelahi Amerika Syarikat dalam perkara ini. Ini telah menyebabkan kerjasama antara Britain dan New Zealand dalam FPDA turut terjejas. Perselisihan faham antara New Zealand dengan Amerika Syarikat adalah dalam konteks pakatan ANZUS, tidak melibatkan FPDA walaupun New Zealand adalah ahlinya. Oleh yang demikian perselisihan faham di antara New Zealand dan Amerika Syarikat tidak akan menjejaskan tanggungjawab New Zealand terhadap FPDA, malah Perdana Menteri New Zealand sendiri, David Lange telah memberi jaminan kepada Malaysia bahawa komitmen mereka terhadap FPDA tidak akan terjejas<sup>115</sup>

Amerika Syarikat telah bertindak balas ke atas dasar New Zealand yang telah mengharamkan kapal-kapal berstatus “nuklear armed” dan “nuklear powered” yang datang ke pelabuhan-pelabuhan pertahanan di bawah peraturan FPDA. Tindakan ini dianggap akan melemahkan pakatan ANZUS walaupun ini tidak akan menjejaskan FPDA dan New Zealand bersama-sama dengan kedua-dua pakatan ini.<sup>116</sup> New Zealand adalah anggota FPDA bersama dengan Britain, Australia, Malaysia dan Singapura. Walau bagaimanapun, perselisihan faham ini turut melibatkan negara Australia yang

---

<sup>114</sup> Ahmad Fareed Ariffin, ‘Five Power Defence Arrangement – its impact on Association of Southeast Asian Nations’, (Latihan Ilmiah), Diploma, hlm. 24.

<sup>115</sup> *Berita Harian*, 9 Mac, 1987, hlm. 9, ‘Jaminan PM New Zealand kepada Dr. M’; *Utusan Malaysia*, 9 Mac, 1987, hlm. 2, ‘New Zealand jamin akan terus mainkan peranan’.

<sup>116</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 6, 2 April, 1985, hlm. 869-870.

berada di dalam pakatan ANZUS. Perselisihan faham antara New Zealand dan Amerika Syarikat berlaku adalah kerana pihak New Zealand tidak membenarkan kapal perang-kapal perang Amerika Syarikat yang berkuasa nuklear dan membawa senjata nuklear melalui perairan atau berlabuh di New Zealand.<sup>117</sup> Komitmen New Zealand terhadap FPDA tidak akan terjejas walaupun berlakunya perselisihan faham New Zealand dengan mana-mana negara lain. David Lange, Perdana Menteri New Zealand sendiri telah memberi kepastian kepada Mahathir bahawa negaranya tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya sebagai anggota FPDA dan tidak akan menjejaskan keupayaan dalam memberikan bantuan pertahanan kepada Malaysia.<sup>118</sup>

Dari segi latihan ketenteraan selain daripada FPDA, Malaysia turut menghantar pelatih ke pelbagai negara bagi menimba ilmu ketenteraan daripada pelbagai negara. Seramai 189 anggota Angkatan Tentera telah mengikuti berbagai bidang kursus di Institusi-institusi Latihan Angkatan Tentera dan Awam di luar negara. Mereka terdiri dari 121 anggota tentera Darat (TDM), 38 anggota Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) dan 30 anggota Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM).<sup>119</sup> Bilangan yang mengikut kursus tersebut mengikut negara adalah seperti Jadual 7.1:

---

<sup>117</sup> *Berita Harian*, 9 Mac, 1987, hlm. 9, 'Jaminan PM New Zealand kepada Dr. M'; *Utusan Malaysia*, 9 Mac, 1987, hlm. 2, 'New Zealand jamin akan terus mainkan peranan'.

<sup>118</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 6, 2 April, 1985, hlm. 870-872.

<sup>119</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 22, 28 Jun, 1989, hlm. 4389.

**Jadual 7.1: Bilangan Anggota Tentera Kursus di Luar Negara**

No.	Negara	TDM	TLDM	TUDM	JUMLAH
1	Amerika Syarikat	35	13	12	60
2	United Kingdom	12	5	3	20
3	Australia	43	9	8	60
4	New Zealand	15	-	1	16
5	Kanada	1	1	-	2
6	Sweden	-	-	2	2
7	Perancis	-	2	-	2
8	Republik Jerman	1	-	-	1
9	Pakistan	4	1	-	5
10	Arab Saudi	1	-	-	1
11	Indonesia	1	3	2	6
12	India	2	2	-	4
13	Jepun	-	2	-	2
14	Thailand	3	-	2	5
15	Filipina	2	-	-	2
16	Singapura	1	-	-	1
	<b>Jumlah</b>	<b>121</b>	<b>38</b>	<b>30</b>	<b>179</b>

Sumber: *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 22, 28 Jun, 1989, hlm. 4389.

Anggota tentera yang dihantar ke luar negara untuk berkursus adalah kerana terdapat beberapa jenis kursus yang tidak boleh diadakan di dalam negara. Ini disebabkan ketiadaan tenaga pengajar, peralatan yang sophisticated dan juga memerlukan kos yang besar di mana ianya tidak ekonomi untuk dilaksanakan dalam negara. Kementerian Pertahanan Malaysia perlu menghantar anggota angkatan tentera untuk berkursus di luar negara dari masa ke semasa untuk meningkatkan pengetahuan dan pendedahan kepada anggota angkatan tentera dalam bidang ketenteraan yang terkini sejajar dengan perkembangan teknikal serta teknik dan teknologi peperangan dan persejataan moden. Kursus-kursus penting yang perlu diadakan di luar negeri ialah kursus-kursus untuk Pegawai-pegawai Kanan (Turus) seperti kursus *Royal College of Defence Studies* (RCDS) di United Kingdom, *National Defence College* (NDC) di India dan Pakistan, *Army War College* di Amerika Syarikat, Kursus-kursus Maktab Turus untuk pegawai-pegawai Kadet. Di samping itu anggota-anggota juga dihantar menghadiri kursus teknikal dan lanjutan (advanced courses) dalam semua bidang

kepakaran misalnya *Armament Repair Technician, Nuclear Biological Chemical Defence (NVCD), Radar Technician, Gunnery Staff Officer, Operational Research, SAS Special Operational, Electronic Warfare Operations Staff Officer, Senior International Defence Management. Aviation Medicine, Aircraft Accident Prevention* dan lain-lain kursus yang tidak dapat diadakan di dalam negeri.<sup>120</sup> Amerika Syarikat dan Australia paling ramai menerima anggota tentera Malaysia berkursus di negara mereka. Berbanding dengan Britain hanya seramai dua puluh orang. Persaingan dalam membantu angkatan tentera Malaysia telah diambil oleh pihak Amerika Syarikat dan Australia. Jumlah perbelanjaan bagi menghantar anggota-anggota tentera Malaysia berkursus di luar negara sama ada di Institusi Latihan Angkatan Tentera atau Awam ialah seperti Jadual 7.2.

**Jadual 7.2: Jumlah Perbelanjaan Kursus di Luar Negara 1986 - 1988**

Tahun	Jumlah
1986	\$4,370,462.53
1987	\$2,431,450.26
1988	\$2,610,364.26

*Sumber: Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 22, 28 Jun, 1989, hlm. 4390.*

Kos perbelanjaan bagi kursus di luar negara meningkat setiap tahun. Ini bertujuan bagi memajukan dan meningkatkan prestasi angkatan tentera Malaysia. Jumlah perbelanjaan tidak termasuk kursus yang ditaja dan dianjurkan oleh badan-badan penganjur negara asing. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara yang telah merdeka, Malaysia berupaya menubuhkan beberapa pusat latihan dalam negeri meliputi kursus kerjaya dan kursus-kursus pengkhususan mengikut jabatan masing-masing. Antara pusat latihan ialah seperti Jadual 7.3.

<sup>120</sup> Ibid., hlm. 4389-4392.

**Jadual 7.3: Pusat Latihan Dalam Negara**

<b>1. Tentera Darat Malaysia</b>
1.1 Maktab Angkatan Tentera
1.1.1 Maktab Pertahanan Angkatan Tentera.
1.1.2 Maktab Turus Angkatan Tentera.
1.2 Sekolah Panglima Tentera Darat
1.2.1 Pusat Latihan Darat (PULADA)
1.2.2 Sekolah Latihan Tentera Darat (LATEDA )
1.2.3 Pusat Latihan Peperangan Khas (PLPK)
1.2.4 Maktab Tentera DiRaja (MTD)
1.2.5 Pusat Latihan Rekrut (PLR)
1.3 Sekolah-Sekolah Kor
1.3.1 Sekolah Armor.
1.3.2 Sekolah Semboyan.
1.3.3 Sekolah Jurutera Tentera Darat.
1.3.4 Sekolah Artileri.
1.3.5 Sekolah Kesihatan.
1.3.6 Sekolah Perisikan Angkatan Tentera.
1.3.7 Sekolah Kor Polis Tentera.
1.3.8 Sekolah Kor Perkhidmatan.
1.3.9 Sekolah Ordinans.
1.3.10 Sekolah Jurutera Letrik dan Jentera.
1.3.11 Pusat Latihan Askar Wataniah.
<b>2. TLDM</b>
TLDM melatih pegawai-pegawai untuk kursus-kursus asas seperti kursus Pegawai Kadet di Pengkalan TLDM.
<b>3. TUDM</b>
3.1 Sekolah Pegawai Kadet TUDM, Kinrara, Puchong, Selangor.
3.2 Latihan Ikhtiar Hidup Pegawai di TUDM, Ipoh, Perak
3.3 Latihan Asas Payung Terjun di Pengkalan-Pengkalan TUDM.
3.4 Latihan Penerbangan Asas di TUDM Alor Setar. Kedah.
3.5 Latihan Penerbangan Lanjutan:
3.5.1 Latihan Peralihan Pejuang di TUDM Kuantan, Pahang.
3.5.2 Latihan Peralihan Multi, Engine (Transport) di Stesen TUDM, Kuala Lumpur .
3.5.3 Latihan Peralihan Helikopter di TUDM Kluang, Johor.
3.6 Kursus Kawalan dan Pertahanan Udara
3.6.1 Asas <i>fighter Controller</i> di TUDM, Butterworth.
3.6.2 Asas Kawalan Trafik Udara di Sekolah Trafik Udara dan Bomba (SEKTUB) TUDM, Kuantan, Pahang.
3.6.3 Kursus Pegawai Api Pasukan di SEKTUB TUDM, Kuantan, Pahang.
3.7 Kursus Kejuruteraan Gunaan di Institut Teknologi Udara (ITU) Kinrara, Puchong, Selangor.
3.8 Kursus Asas Pegawai Logistik di Institut Teknologi Udara Kinrara. (ITU).
3.9 Kursus Asas Pegawai Urusetia di Institut Teknologi Udara Kinrara. (ITU).
3.10 Kursus Pengkayaan di Institut TUDM.
3.10.1 Kursus Jurulatih Terbang di TUDM Alor Setar, Kedah.
3.10.2 Kursus Kaedah Mengajar di ITU Kinrara.
3.10.3 Kursus Keselamatan Penerbangan di ITU Kinrara.
3.10.4 <i>Fun</i> Rejimen d ITU, Kinrara.
3.10.5 Penyelamat Udara di Markas Rejimen Stesen TUDM, Kuala Lumpur.
3.10.6 <i>Advance Night Fighter</i> di TUDM Kluang, Johor.
3.10.7 Lanjutan Payung Terjun di Markas Rejimen Stesen TUDM Kuala Lumpur.
3.11 Kursus professional Militeri iaitu Kursus Pegawai Skwadran di ITU, Kinrara.

*Sumber: Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 22, 28 Jun, 1989, hlm. 4391-4394.*

Pihak Malaysia turut merancang memajukan dan meningkatkan pertahanan dalam bidang teknikal sendiri yang tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada negara lain. Kementerian Pertahanan telah menswastakan Depoh Baikpulih Kapal terbang TUDM yang dikenali sebagai Airod Sendirian Berhad sejak Oktober 1984 untuk melaksanakan kerja-kerja di dalam bidang baik pulih dan penyelenggaraan pesawat-pesawat TUDM serta enjin-enjin dan komponen-komponen yang berkaitan dengannya.<sup>121</sup> Airod Sdn Bhd diwujudkan bagi meningkatkan teknologi dan teknikal bagi membantu memodenkan dan meningkatkan prestasi pertahanan negara serta dapat mengurangkan kos pengangkutan dan kos penyelenggaraan.<sup>122</sup>

AIROD Sdn. Bhd. mempunyai jurutera-jurutera dan juruteknik-juruteknik yang berkelayakan dan berpengalaman dalam kerja-kerja penyelenggaraan, semua rangka (airframe) dan komponen bagi pesawat-pesawat yang digunakan oleh Tentera Udara Di Raja Malaysia. AIROD juga berkeupayaan membaikpulih jenis-jenis injin kapal terbang yang digunakan oleh TUDM seperti *Artouste III* bagi helikopter *Alouette CT 58* bagi helikopter *Sikorsky S-61, J-85* untuk pesawat *F5E* dan *J-65* untuk pesawat *A-4 Skyhawk*. Kemampuan serta prestasi yang telah dibuktikan oleh AIROD membolehkannya bersaing dengan lain-lain syarikat Antarabangsa. Menurut Tengku Rithaudeen, AIROD telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa apabila ianya berjaya mendapat kontrak untuk membaikpulih dua buah pesawat *C-10* dari Indonesia, membaiki komponen bagi pesawat *F16* dan *F-4* kepunyaan Tentera Udara Amerika Syarikat, pembuatan

---

<sup>121</sup> *Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 10, 26, Jun, 1990, hlm. 1458.*

<sup>122</sup> *Ibid.*, hlm. 1458-1460; Kos pengangkutan meliputi kos pengangkutan udara dan kapal laut dan telah dapat menjimatkan perbelanjaan kira-kira \$6 juta. Manakala kos penyelenggaraan pula ialah dari segi purata kos penyelenggaraan *per man hour*, kira-kira \$63.50 berbanding jika kerja-kerja tersebut dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor dari luar negeri. Berdasarkan kepada kerja-kerja pembaikan untuk TUDM yang dianggarkan berjumlah 995,784 *man hours* ini yang bernilai kira-kira \$64 juta dilakukan oleh Airod telah dapat menjimatkan kira-kira \$10 juta. Pada keseluruhannya, Kementerian Pertahanan telah berjaya mengurangkan kos pengendalian TUDM melalui penswastaaan Airod. Di peringkat awal penswastaaan, hampir keseluruhan Airod Sendirian Berhad dikendalikan oleh bekas tentera terutamanya dari pegawai dan lain-lain pangkat TUDM, iaitu seramai 237 orang kakitangan dan hanya seramai sembilan orang kakitangan yang bukan bekas tentera. Airod telah berkembang dan kakitangan telah meningkat kepada 654 orang di mana seramai 391 orang ialah bekas tentera, iaitu kira-kira 60 peratus.



*digital flight dat recorder* atau kotak hitam untuk syarikat Lockheed dan membaikpulih pesawat F28 dari Papua New Guinea. Syarikat tempatan yang diiktiraf oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, Thailand, Papua New Guinea dan Filipina untuk menjalankan kerja-kerja tertentu, bagi pesawat penerbangan Awam. Syarikat Lockheed Georgia telah juga mengiktiraf AIROD sebagai salah satu pusat servis bagi pesawat Hercules.<sup>123</sup> Keupayaan Airod dapat membantu mengurangkan kos dan meningkatkan lagi teknologi dan keupayaan dalam sistem pertahanan Malaysia. Ia tidak lagi bergantung sepenuhnya dengan Britain dalam membantu meningkatkan sistem pertahanan Malaysia.

### **Kerjasama pertahanan dengan lain negara**

Dari segi pertahanan Malaysia mendapat bantuan, latihan dan khidmat nasihat daripada Britain. Ramai pelajar telah dihantar ke Britain untuk menjalani latihan ketenteraan bagi memantapkan angkatan tentera Malaysia. Begitu juga dengan peralatan ketenteraan kebanyakan dibeli daripada Britain. Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir telah mempelbagaikan usaha dalam membeli peralatan dan kelengkapan ketenteraan Malaysia dengan negara lain. Ini adalah bertujuan supaya tidak terlalu cenderung untuk membeli hanya peralatan dan kelengkapan tentera daripada Britain.<sup>124</sup>

Sejak lama kebergantungan dalam bidang pertahanan terhadap pihak Britain tidak lagi menjadi asas dalam pembelian peralatan pertahanan negara. Malaysia tidak lagi melihat ideologi sesebuah negara itu untuk dijadikan sebagai penghalang untuk mendapatkan peralatan ketenteraan. Mahathir telah melihat pembelian peralatan pertahanan juga boleh dilakukan dengan negara Yugoslavia dan Rusia walaupun kedua buah negara ini dikenali sebagai negara Sosialis. Dalam usaha meningkatkan sistem pertahanan, Malaysia tidak hanya melihat Britain sahaja. Malaysia telah berkerjasama

<sup>123</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 6, 3 April, 1989, hlm. 903-904.

<sup>124</sup> *Asian Defence Journal*, Jan-Dec. 1986, hlm. 94; Pada Januari 1980, Malaysia telah membeli kapal perang yang dikenali dengan nama KD Mahamiru, KD Kinabalu, KD Jerai dan KD Ledang daripada Intermarine Shipyard of Italy berjumlah RM400 juta.

dengan Austria dalam projek membuat senjata jenis “Rifle Tempur”. Usaha ini adalah projek pengeluaran senapang tempur Steyr AUG dilaksanakan oleh Syarikat Malaysia Explosion Sdn Bhd (SME) dengan cara pemindahan teknologi yang diperolehi daripada syarikat pengeluar senjata Austria iaitu Syarikat Steyr Mannlicher (SMG). Menurut perjanjian kerjasama tersebut SME diberi lesen untuk mengeluarkan senapang tempur Steyr AUG. Manakala SMG memberi bantuan teknikal kepada SME. SME dibenarkan memberi komponen kepada SMG serta kepada pemegang lesen SMG yang lain. Dari segi pemasaran SME dan SMG berusaha secara bersama memasarkan senapang tempur sama ada ia dikeluarkan oleh SME atau SMG.<sup>125</sup> Kontrak usahasama ini telah ditandatangani antara kerajaan Malaysia dan SME untuk membekalkan sebanyak 65,000 pucuk senapang tempur dengan kos berjumlah RM182 juta untuk keperluan Angkatan Tentera Malaysia bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun 1991 hingga 1995.<sup>126</sup>

Kerjasama ini ditandatangani kerana Malaysia akan mendapat teknologi baru dalam pembuatan senjata. Ia dapat mewujudkan satu keupayaan dan kemudahan dalam negeri untuk mengeluarkan senapang tempur bagi pengeluaran sendiri dan untuk pasaran luar negara. Penggunaan bahan oleh industri senapang tempur menggunakan komponen plastik secara tidak langsung menggalakkan industri pembuatan komponen tempatan. Selaras dengan konsep berdikari dalam memenuhi keperluan peralatan pertahanan tempatan dan dalam tempoh jangka masa panjang menjimatkan pertukaran wang asing. Menurut Abang Abu Bakar Datu Bandar Abang Haji Mustapha projek tersebut untuk meningkatkan keupayaan industri teknologi tinggi dan “self sufficient”.<sup>127</sup> Lebih daripada 22 syarikat telah mengambil bahagian dalam ujian dan

---

<sup>125</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 34, 26 Oktober 1989, hlm. 6429-6430.

<sup>126</sup> *Ibid.*, hlm. 6430.

<sup>127</sup> *Ibid.*, hlm. 6431.

kemudian hanya tinggal tiga syarikat yang telah disenarai pendekkan.<sup>128</sup> Akhir sekali Syarikat Styer dari Austria telah dipilih.<sup>129</sup>

**Jadual 7.4: Latihan Bersama dengan lain negara<sup>130</sup>**

Latihan Bersama Australia. <sup>131</sup>		
Darat:	1980 – 1981	Haringgaroo 81
	1982 – 1983	Haringgaroo 4
		Haringgaroo 5
	1983 – 1984	Haringgaroo 7
		Haringgaroo 8
	1984 – 1985	Haringgaroo 9
		Haringgaroo 10
		Haringgaroo 11
	1985 – 1986	Haringgaroo 12
		Haringgaroo 13
	1986 – 1987	Haringgaroo 14
		Haringgaroo 15
	1987 – 1988	Haringgaroo 16
		Haringgaroo 17
		Haringgaroo 18
	19 Januari – 19 Februari 1989	Golden Fleece 89
	25 Januari – 6 Februari 1989	Haringgaroo 19
	28 April – 17 Mei 1989	Southern Tiger 89
	15 Mei - 25 Mei 1989	Haringgaroo 20
	13 Jun – 24 Jun 1989	Haringgaroo 21
	1 Februari – 14 Februari 1990	Haringgaroo 22
	10 Mei – 26 Mei 1990	Haringgaroo 23
	10 Jun – 22 Jun 1990	Haringgaroo 24
	1 Oktober – 31 Oktober 1990	Night Tiger
Udara:	8 April – 27 April 1989	Rapid Move 89
Latihan Bersama dengan Indonesia. <sup>132</sup>		
Darat:	Tahunan sejak Disember 1977	Ex. Kekar Malindo
	Dipertingkatkan pada tahun 1980	Ex. Aram Malindo
	Di kemaskini pada tahun 1981	Ex. Tatar Malindo
Udara:	Tahunan sejak 1975	Ex. Elang Malindo
Laut:	Tahunan sejak 1973	Ex. Malindo Jaya
	Bermula pada tahun 1982	Ex. Darsasa Malindo

<sup>128</sup> *Asian Defence Journal*, Jan-Dec. 1986, hlm. 122; Negara luar yang terlibat adalah Jerman Barat, Belgium dan Austria.

<sup>129</sup> *Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 34, 26 Oktober 1989, hlm. 6433.

<sup>130</sup> Belveer Singh, 'Confidence building security measures in Southeast Asia', in *Strategi (Journal of strategic studies and international relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992, hlm. 36.

<sup>131</sup> *Ibid.*, hlm. 38 - 46.

<sup>132</sup> *Ibid.*, hlm. 37.

Latihan Bersama dengan Singapura. <sup>133</sup>		
Darat:	Mei 1989 Oktober 1989	Ex. Semangat Bersama 1/89 Ex. Semangat Bersama 2/89
Udara:	April 1984 Februari 1985 September 1986 September 1987 Oktober 1988 Julai 1989	Sarex 1/84 Sarex 2/85 Sarex 3/86 Sarex 4/87 Sarex 5/87 Sarex 6/89
Laut:	Julai 1984 April 1985 April 1986 Januari 1987 Mac 1988 Mac 1989	Ex. Malapura 1/84 Ex. Malapura 2/85 Ex. Malapura 3/86 Ex. Malapura 4/87 Ex. Malapura 5/88 Ex. Malapura 6/89

*Sumber:* Belveer Singh, 'Confidence building security measures in Southeast Asia', in *Strategi (Journal of strategic studies and international relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992, hlm. 36.

Dari segi latihan ketenteraan Malaysia telah melakukan beberapa siri latihan dengan lain negara ianya tidak lagi bertumpu kepada Britain. Antaranya latihan bersama Singapura, Indonesia dan Australia. Latihan bersama di antara 1980 - 1990 adalah seperti Jadual 7.4. Pihak Australia telah mengambil alih peranan Britain dalam membuat latihan ketenteraan bersama dengan Malaysia. Pihak Britain kurang berminat dalam melibatkan diri dengan latihan ketenteraan bersama Malaysia.

### **Implikasi Selepas Perlaksanaan BBL**

Dari sudut pertahanan tiada kesan yang nyata dari segi perubahan atau reaksi tindak balas oleh firma-firma Britain. Mereka sentiasa menyertai tender-tender yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia. Begitu juga harga-harga yang dikemukakan oleh Kementerian Pertahanan dan harga-harga yang dikemukakan oleh pihak Britain adalah setanding dengan harga-harga yang dikemukakan oleh pihak lain yang menyertai tender yang diselenggarakan oleh Kementerian Pertahanan.<sup>134</sup> Menurut John Nott, pihak Britain akan terus membuat tawaran kepada Kementerian Pertahanan Malaysia

<sup>133</sup> Ibid.

<sup>134</sup> *Minit Mesyuarat*, Maklum balas berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British, hlm. 10.

walaupun ada arahan oleh kerajaan Malaysia untuk mengeneipkan barangan daripada Britain. Beliau percaya sekiranya pihak Britain dapat memberi kepuasan kepada pihak Malaysia bahawa barangan mereka adalah yang terbaik, harga yang berpatutan dan penghantaran yang menurut masa serta bersaing harga, penghantaran dan kualiti mereka boleh terus memenangi kontrak di pasaran Malaysia. Tambah John Nott lagi: “If they work hard and perform well, they will get the business here.”<sup>135</sup> Peluang yang wujud dan persaingan untuk mendapatkan kontrak dan penjualan senjata telah menyebabkan pihak Britain bersungguh-sungguh untuk memperbaiki dan menjaga hubungan baik dengan Malaysia. Ini adalah impak daripada pelaksanaan BBL terutama dalam mengekalkan momentum hubungan Malaysia dengan Britain berterusan. Kepentingan Malaysia terhadap industri pertahanan Britain amat penting bagi memasarkan peralatan pertahanan Britain ke Malaysia dan cabaran daripada persaingan yang wujud membuatkan kesedaran kepada Britain supaya memberi perhatian dan layanan sewajarnya terhadap Malaysia.

### **Kesimpulan**

Dari sudut pertahanan hubungan Malaysia dengan Britain tidaklah penting kerana Malaysia tidak lagi bergantung sepenuhnya dengan bantuan daripada Britain. Kedudukan Britain di rantau Asia Tenggara tidak penting lagi dan suasana Asia Tenggara adalah aman dan stabil. Tiada lagi peperangan berlaku. Britain tidak lagi memberikan tumpuan terhadap pertahanan Malaysia. FPDA yang wujud sejak tahun 1971, tidak memberi komitmen seperti AMDA. FPDA tidak pernah dicuba atau digugat. Wujudnya ASEAN dan ZOPFAN telah membantu rantau Asia Tenggara menjadi aman dan stabil. Walau bagaimanapun, dari segi latihan dan konsultan pertahanan Malaysia masih condong kepada Britain. Malaysia tidak lagi hanya membeli peralatan dan

---

<sup>135</sup> *New Straits Times*, 6 Oct. 1981, hlm. 5, ‘Our military offers will continue, says Nott’.

kelengkapan pertahanan daripada Britain sahaja. Malah telah mempelbagaikan negara dan tidak mengira ideologi sesebuah negara. Begitu juga dengan usaha membawa masuk teknologi baru ke dalam angkatan tentera bagi memajukan dan meningkatkan prestasi dan kekuatan sistem pertahanan Malaysia.

Malaysia sebagai sebuah negara yang telah merdeka perlu memperkuat sistem pertahanan negara bagi mengelakkan daripada diancam daripada dalam atau luar negara walaupun ancaman komunis telah tiada tetapi Malaysia perlu berhati-hati. Begitu juga dengan negara-negara jiran Malaysia yang turut memperkuat sistem pertahanan mereka. Britain yang melihat peluang untuk mendapatkan kontrak dan pembelian senjata telah berusaha berbaik dengan Malaysia. Namun begitu Mahathir telah mengambil kesempatan ini apabila bersetuju membeli senjata dan peralatan pertahanan melalui pinjaman daripada Britain untuk membina empangan Pergau di Kelantan. Bagi Thatcher adalah lebih penting penjualan senjata dan peralatan pertahanan kepada Malaysia. Beliau telah berusaha untuk menjual pesawat Tornado kepada Malaysia. Penjualan Tornado akhirnya gagal tetapi digantikan dengan pesawat Hawk. Hubungan Malaysia dengan Britain menjadi panas semula apabila terdapatnya tuduhan bahawa dalam isu penjualan Tornado adalah daripada bantuan luar negara yang telah disalahgunakan. Malaysia menafikan tuduhan tersebut.

Dari segi pertahanan, Britain lebih mementingkan penjualan senjata dan peralatan pertahanan kepada Malaysia bagi meningkatkan ekonomi mereka. Manakala Malaysia pula memerlukan bantuan dari Britain dari segi teknikal, latihan dan konsultan tetapi tidak hanya kepada Britain tetapi juga lain-lain negara.

## BAB 8

### KESIMPULAN

Hubungan luar Malaysia dengan Britain era Dr. Mahathir adalah satu topik yang menarik dan merupakan satu tema yang dinamik. Ia adalah satu jalinan hubungan yang paling lama dan bersejarah tetapi tidak terdapat kajian yang dilakukan secara mendalam oleh ramai sarjana. Sebelum Dr. Mahathir Mohamad memegang tampok pemerintahan Malaysia, hubungan Malaysia dengan Britain adalah baik walaupun terdapat beberapa isu yang tidak menyenangkan Malaysia. Protes secara terbuka tidak dilakukan dan kebanyakan isu di bawa berunding tetapi tidak mendapat perhatian secara serius daripada Britain. Corak hubungan Malaysia dengan Britain semasa Dr. Mahathir telah berubah dan tidak seperti sebelum ini yang berat sebelah. Beliau telah mengubah kedudukan Britain yang dahulunya adalah “rakan istimewa” kepada “rakan biasa”. Mahathir telah meneruskan usaha untuk mempelbagaikan hubungan Malaysia dengan lain-lain negara tanpa mengira ideologi. Kajian ini mendapati bahawa corak hubungan bilateral Malaysia dengan Britain era Dr. Mahathir, 1981-1990 adalah berbeza daripada pemimpin sebelum beliau dan terdapat ketegangan dalam hubungan Malaysia dengan Britain terutama dalam aspek ekonomi.

Hubungan Malaysia dengan Britain yang renggang adalah kerana terdapat beberapa isu utama yang tidak diselesaikan. Ini telah membawa kepada rasa tidak puas hati Malaysia terhadap layanan Britain. Ini bukanlah perkara baru dan jalan penyelesaian tidak diberi perhatian serius oleh Britain. Paling utama adalah sikap angkuh Britain yang tidak mahu bekerjasama dengan Malaysia dalam usaha mencari jalan penyelesaian kepada masalah hubungan Malaysia dengan Britain. Salah satu faktor utama yang menyebabkan kerenggangan hubungan Malaysia dengan Britain adalah sikap Britain yang tidak mahu bekerjasama dengan Malaysia untuk melaksanakan DEB. Aspirasi kerajaan Malaysia yang mahukan DEB dilaksanakan

bukan sahaja tidak mendapat perhatian dan kerjasama malah cuba dihalang oleh pihak Britain. Sikap mereka yang tidak menghormati dan memberi perhatian serius aspirasi Malaysia dalam melaksanakan DEB dan beranggapan adalah tidak adil serta tidak menghiraukan pencapaian pelaksanaan DEB. Ianya berlarutan sehingga ke era Dr. Mahathir. Selain itu turut terdapat beberapa isu dan masalah yang tidak dapat diselesaikan kerana keangkuhan pihak Britain yang tidak mahu menyelesaikannya dengan memberi pelbagai alasan.

Kajian ini juga melihat terdapatnya persaingan antara kedua-dua negara dalam mengendalikan hubungan ekonomi antara kedua negara. Antaranya pihak Britain telah mengubah peraturan LSE (London Stock Exchange) dan LME (London Metal Exchange) bagi menggagalkan usaha Malaysia dalam persaingan untuk mendapatkan semula hak kepentingan yang sepatutnya diperolehi Malaysia. Isu LME dan Guthrie membuktikan Malaysia mampu menyaingi Britain dan membuka mata pihak Britain untuk tidak melihat Malaysia secara “take for granted”. Ini telah menyebabkan hubungan Malaysia dengan Britain menjadi tegang. Pihak Malaysia merasa tidak puas hati dengan tindakan Britain secara tidak langsung telah cuba menggagalkan usaha Malaysia untuk mencapai sasaran DEB iaitu sebanyak 30 peratus dengan berbuat demikian ia menyukarkan dan melambatkan lagi usaha Malaysia untuk mencapai sasaran DEB.

Ketegangan hubungan Malaysia dengan Britain berpunca daripada kenaikan yuran pengajian tinggi dan permintaan Malaysia untuk mendapat tambahan pendaratan MAS di lapangan terbang Heathrow, London. Kedua-dua isu ini adalah isu yang telah lama dibincangkan dan tidak mencapai persetujuan di antara Malaysia dengan Britain dan ia berlaku sebelum Dr. Mahathir memegang jawatan perdana menteri Malaysia. Isu ini berlarutan sehingga kerajaan Malaysia turut campurtangan bagi mencari jalan penyelesaian. Selama ini Malaysia menghantar ramai pelajar untuk menuntut di Britain



dan secara tradisi Malaysia memang memandang tinggi pendidikan di Britain. Ramai pelajar yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka di Britain sama ada pelajar yang ditaja oleh kerajaan Malaysia atau swasta atau persendirian. Apabila kenaikan yuran dikenakan, ramai pelajar Malaysia turut menjadi mangsa kepada sikap Britain yang tidak lagi mahu membantu Malaysia dalam bidang pendidikan. Mereka mahu mendiskriminasikan pelajar Malaysia dengan cara menaikkan yuran pelajaran sesuka hati mereka dan tidak mengambil kira rayuan Malaysia tetapi tidak kepada pelajar-pelajar Eropah. Begitu juga dengan permintaan Malaysia untuk menambahkan penerbangan ke London turut diperlecehkan oleh pihak Britain. Terdapat usaha daripada pihak British Airways (BA) untuk menggagalkan permintaan Malaysia dengan cara memberi pelbagai alasan dan syarat untuk dipenuhi oleh MAS. Ini telah melambatkan usaha Malaysia untuk memperolehi tambahan penerbangan ke London. Isu ini juga turut berlarutan sehingga ke era Dr. Mahathir. Pihak Britain tidak berusaha untuk membantu Malaysia dalam menyelesaikan isu-isu tersebut.

Perlaksanaan BBL satu tindakan yang berani dan belum lagi ada pemimpin Malaysia yang bertindak sedemikian dan ia tidak mencerminkan corak hubungan yang lalu. Tekanan ekonomi lebih kepada pihak Britain kerana mengalami kerugian yang besar berbanding dengan Malaysia. BBL memberi tekanan kepada Britain kerana mereka mempunyai kepentingan yang besar dalam perdagangan dan pelaburan di Malaysia dan telah merugikan pihak Britain kerana barangan dan perkhidmatan dari Britain telah diletakkan ditempat kedua. Ini telah menyukarkan barangan dan perkhidmatan untuk bersaing dengan lain negara kerana keutamaan telah diberikan kepada negara lain dan barangan dan perkhidmatan Britain akan dipilih sekiranya barangan dan perkhidmatan tidak diperolehi dari lain negara. Dr. Mahathir tidak menolak terus Britain hanya apabila tiada pilihan lain barulah barangan dan perkhidmatan Britain digunakan. Konsep BBL ini pada asasnya adalah memboikot

barangan dan perkhidmatan Britain walaupun ini dinafikan oleh Mahathir. Ia adalah boikot secara tidak rasmi dan bukanlah boikot secara keseluruhan kerana Malaysia masih memberi ruang kepada Britain untuk bersaing. Tindakan ini juga melihat pandangan jauh Malaysia yang tidak menutup terus peluang Britain kerana Malaysia masih memerlukan barangan dan perkhidmatan Britain sekiranya diperlukan.

Mahathir telah menggunakan platform BBL bagi menangani kemelut pelbagai isu yang timbul dalam hubungan Malaysia dengan Britain dan menyatakan rasa tidak puas hati Malaysia terhadap layanan Britain. Tindakan beliau itu telah berjaya menarik perhatian pemimpin tertinggi untuk ke meja perundingan dan bertolak ansur. Ini telah membuktikan bahawa Malaysia tidak lagi boleh diperlecehkan oleh Britain dan Mahathir telah berjaya memulihkan semula hubungan dengan Britain kepada satu era hubungan yang baru iaitu sama rata dan saling hormat menghormati antara kedua negara. Dr. Mahathir secara diplomatik tidak menolak terus Britain hanya apabila tiada pilihan lain barulah barangan dan perkhidmatan Britain digunakan. Malaysia tidak menolak secara keseluruhan kerana menjaga hubungan antara kerajaan yang masih wujud. Impak BBL telah memberi kesedaran kepada Britain supaya lebih menghormati dan memberi layanan yang saksama kepada Malaysia. Dr. Mahathir mengambil keputusan melaksanakan BBL kerana sikap Britain yang tidak memberi perhatian dan angkuh terhadap Malaysia. Ia juga sebagai memberi isyarat kepada Britain dan sebagai protes secara diplomasi terhadap layanan pihak Britain yang tidak mementingkan rasa tidak puas hati Malaysia. Rasa tidak puas hati Malaysia terhadap layanan Britain bukanlah perkara baru dan ianya berlarutan sehingga kepada era Dr. Mahathir.

Perlaksanaan BBL ini telah memberi impak kepada hubungan Malaysia dengan Britain dan menyebabkan tumpuan terhadap Britain dikurangkan. Tindakan Dr. Mahathir dalam menangani isu-isu berbangkit terhadap pihak Britain telah membuka ruang kepada lain-lain negara untuk turut bersama bersaing dalam mendapatkan kontrak

di Malaysia. Pihak Jepun dan Korea Selatan mendapat kesempatan yang terluang oleh pihak Britain dan telah memanfaatkan hubungan dengan Malaysia apabila berlakunya krisis hubungan antara Malaysia dengan Britain. Ini dibuktikan apabila kontrak pembinaan jambatan Pulau Pinang diusahakan oleh pihak Korea Selatan dan Jepun dan pembinaan bangunan Dayabumi yang telah diusahakan oleh pihak Jepun. Malah Malaysia telah memilih Jepun dalam usaha pembinaan kereta nasional. Malaysia tidak lagi melihat kepada Barat secara menyeluruh dan berakhirnya layanan istimewa yang diperolehi pihak Britain selama ini. Dr. Mahathir telah menamatkan ‘dasar pandang ke Barat’ yang sebelum ini ia menjadi teras kepada hubungan luar negara-negara yang pernah dijajah oleh Britain. Mahathir cuba menganjukkan paradigma rakyat Malaysia yang terlalu memandang tinggi kepada Barat terutama Britain kepada sesuatu yang dianggap baru iaitu ke Timur khusus ke negara Jepun.

Perlaksanaan BBL adalah tindakan secara *protest diplomacy* bagi menangani isu-isu yang timbul dan dapat menarik perhatian serta menyedarkan Britain supaya memberi layanan yang sewajarnya kepada Malaysia dan menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka. Protes Malaysia bukanlah dilakukan secara langsung kepada Britain dan hanya kepada firma-firma Britain yang melabur di Malaysia. Ia juga dikenakan kepada kontrak dan tender yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia. Perkhidmatan dan barangan Britain tidak ditolak sama sekali dan hanya diletakkan sebagai alternatif dan masih lagi boleh bersaing dengan negara lain. Pihak Britain mengalami corak hubungan dengan Malaysia yang berbeza dan hubungan yang sentimental telah berakhir. Ia bukan lagi hubungan antara penjajah dengan negara yang dijajah. Hubungan yang bukan lagi sehala dan menguntungkan Britain tetapi dua hala iaitu hubungan yang saksama. Impak tindakan Dr. Mahathir telah memberi kesedaran kepada Britain supaya lebih menghormati dan memberi layanan yang saksama kepada Malaysia.

Tekanan ekonomi lebih memberi kesan kepada pihak Britain kerana mengalami kerugian yang besar berbanding dengan Malaysia. Ini telah merungsingkan pemimpin Britain supaya bertindak mencari jalan penyelesaian. Ia sebagai pencetus kepada Britain mengambil keputusan untuk bertolak ansur dan berunding dengan Malaysia. Dr. Mahathir melaksanakan BBL dan menggunakan sebagai platform bagi menyatakan rasa tidak puas hati Malaysia terhadap layanan Britain selama ini dan bagi menangani kemelut pelbagai isu yang timbul dalam hubungan Malaysia dengan Britain. Tindakan beliau telah berjaya menarik perhatian dan menyampaikan mesej kepada pemimpin tertinggi Britain untuk ke meja perundingan dan mencari jalan penyelesaian bagi merapatkan semula hubungan dengan Malaysia. Ini telah membuktikan bahawa Malaysia tidak lagi boleh diperlecehkan oleh Britain dan Mahathir telah berjaya memulihkan semula hubungan dengan Britain kepada satu era hubungan baru iaitu sama rata dan saling hormat menghormati antara kedua negara. Manakala Komanwel dan isu apartheid di Afrika Selatan merupakan manifestasi bahawa negara Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Pihak Britain tidak boleh lagi memandang rendah terhadap Malaysia dan kedudukan Malaysia adalah sama rata dengan mana-mana negara terutama Britain.

Kajian ini juga melihat impak pendirian politik peribadi Dr. Mahathir ke atas hubungan Malaysia dengan Britain. Dr. Mahathir mempunyai reputasi sebagai seorang anti-Barat dan jurucakap Dunia Ketiga. Walaupun Mahathir mengetuai sebuah negara yang kecil tetapi suara beliau diambil perhatian oleh masyarakat dunia terutama daripada Barat. Dr. Mahathir seorang yang berani dalam menyuarakan beberapa isu masyarakat antarabangsa dan tidak menghiraukan tindak balas yang akan diambil oleh mereka. Beliau dikenali sebagai seorang pemimpin yang berterus terang dan tegas dalam menyatakan sesuatu isu yang dirasakan terdapat ketidakadilan. Mahathir lebih berani dalam menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap layanan Britain selama ini

tanpa memutuskan hubungan dengan Britain. Beliau telah membuktikan bahawa hubungan Malaysia dengan Britain boleh berubah dan Malaysia tidak lagi memerlukan pertolongan dan bantuan daripada Britain. Personaliti Mahathir agak merisaukan pemimpin Britain kerana beliau banyak kali mengkritik Barat dan dikenali sebagai seorang anti-Barat. Impak Mahathir amat dirasakan kerana beliau seorang yang berani dan tegas serta tidak memandang tinggi terhadap pemimpin Britain. Beliau juga didapati seorang yang berterus terang dalam menangani masalah hubungan dengan Britain.

Mahathir lebih berani dalam menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap layanan Britain tanpa memutuskan hubungan antara kedua negara. Beliau membuktikan hubungan Malaysia dengan Britain boleh berubah dan Malaysia adalah sebuah negara yang telah lama merdeka tidak lagi memerlukan pertolongan dan bantuan daripada Britain. Kajian ini mendapati bahawa pada keseluruhannya hubungan Malaysia dengan Britain era Dr. Mahathir adalah merupakan satu manifestasi kerajaan Malaysia yang tidak berpuas hati dengan sikap dan layanan yang diterima daripada Britain selama ini. Malaysia mahu pihak Britain memberi layanan yang sewajarnya dan tidak bersikap angkuh serta menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang telah lama merdeka. Ia adalah merupakan satu era yang telah memberi tamparan kepada pihak Britain supaya tidak mengambil mudah terhadap Malaysia terutama dalam soal ekonomi. Corak hubungan Malaysia dengan Britain adalah baru dan berbeza daripada masa lalu. Mentaliti hubungan antara penjajah dengan negara yang dijajah telah berakhir. Hubungan yang bukan lagi berat sebelah dan menguntungkan Britain sahaja tetapi hubungan dua hala yang saksama dan sama rata antara kedua negara.

Dalam soal hubungan Malaysia dengan Britain, beliau telah mengambil keputusan untuk memprotes secara terbuka dan tegas. Walaupun terdapat usaha untuk memulihkan hubungan Malaysia yang retak namun Mahathir tetap dengan pendirian beliau yang tidak memberi jalan mudah untuk berunding. Beliau mahu menyampaikan

mesej bahawa Malaysia tidak lagi boleh dipandang rendah dan tidak memberi perhatian secara serius terhadap rasa tidak puas hati Malaysia dalam beberapa isu yang merenggangkan hubungan Malaysia dengan Britain. Pihak Britain menyedari ketegasan Dr. Mahathir dan telah bertolak ansur dengan Malaysia dalam merapatkan hubungan yang sebelum ini mereka mengambil sikap tidak mahu melayan rasa tidak puas hati Malaysia dan turut bersikap angkuh. Impak pendirian politik peribadi Dr. Mahathir memainkan peranan yang penting dalam usaha memberi kesedaran kepada pihak Britain. Melihat kepada latar belakang kehidupan dan pendidikan beliau telah menyebabkan pihak Britain terpaksa bertolak ansur dengan Malaysia dan tidak mengambil sikap seperti lalu kerana adanya hubungan sentimental. Apabila Dr. Mahathir mengambil alih tampok pemerintahan, beliau dengan tegas telah melaksanakan protes secara terbuka dengan memperkenalkan BBL. Ini telah memberi kejutan kepada Britain dan telah menyedarkan mereka tidak lagi boleh memberi layanan sambil lewa. Malaysia tidak boleh lagi dipandang rendah dan pihak Britain perlu memberi perhatian secara serius. Kajian ini mendapati bahawa BBL telah memberi tekanan kepada pihak Britain sehingga mereka terpaksa mencari jalan penyelesaian dengan berunding dan bertolak ansur dengan Malaysia. Protes yang dilakukan bukanlah menyeluruh hanya kepada firma-firma Britain sahaja tetapi impaknya telah melibatkan antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Britain. Pihak Britain mencari jalan penyelesaian bagi memulihkan hubungan dengan Malaysia terutama dalam hubungan ekonomi antara kedua negara.

Pihak Britain telah berusaha untuk memulihkan hubungan Malaysia dengan Britain yang semakin renggang kerana tindakan Dr. Mahathir dalam menangani isu-isu berbangkit terhadap pihak Britain telah membuka ruang kepada negara-negara lain untuk bersaing dalam mendapatkan kontrak di Malaysia dan tidak lagi tertumpu kepada pihak Britain. Pihak Jepun dan Korea Selatan telah memanfaatkan peluang dari krisis

hubungan Malaysia dengan Britain. Kajian ini mendapati tindakan terhadap Britain dengan memperkenalkan DPT dan BBL telah memberi kejutan kepada pihak Britain dan ini merupakan satu titik perubahan (turning point) kepada hubungan Malaysia dengan Britain yang dianggap selama ini adalah baik. Tambahan pula, pihak Britain selama ini dianggap sebagai sebuah negara sahabat kepada Malaysia. Sejak zaman sebelum merdeka lagi pemimpin Malaysia kebiasaannya apabila terdapatnya beberapa isu yang timbul akan mencari jalan penyelesaian dengan cara perundingan terlebih dahulu dilakukan dan bukan dengan cara konfrontasi. Apabila Dr. Mahathir mengambil alih tampok pemerintahan Malaysia, beliau dengan tegas telah melaksanakan BBL dan bermulanya corak hubungan yang berbeza daripada pemimpin sebelum beliau yang melaksanakan hubungan secara diplomatik. Tindakan drastik yang diambil oleh Dr. Mahathir telah membawa arus perubahan ke satu era hubungan yang baru.

Dr. Mahathir menyatakan kedua-dua dasar ini tidak sama namun ianya saling berkait. Objektifnya berbeza tetapi mempunyai kesinambungan antara satu sama lain. Ianya merupakan satu alternatif bagi Malaysia untuk membuat perubahan hala tuju pentadbiran beliau dan supaya tidak terlalu bergantung kepada Britain. Sebagai alternatif adalah ke negara Timur seperti Jepun dan Korea Selatan. Ia merupakan titik perubahan hubungan Malaysia dengan Britain dan hala tuju yang baru.

Kelantangan dan keberanian dalam menyuarakan sesuatu isu yang sensitif telah meningkatkan imej beliau dan Malaysia di peringkat antarabangsa. Mahathir lebih suka berterus terang dan mengeluarkan kenyataan yang kontroversi serta mengkritik ketidakadilan pihak Barat terhadap Negara-negara Dunia Ketiga. Ini telah menyebabkan beliau dilabelkan sebagai seorang anti-Barat terutama pihak media Barat dan sebagai jurucakap Negara Dunia Ketiga. Beliau lebih popular di kalangan Negara Dunia Ketiga, Negara-negara Islam dan juga Negara-negara Berkecuali. Beliau telah memecah tradisi dalam mencorak pentadbiran dan hubungan yang berbeza dengan pihak Britain.

Kajian ini mendapati ada usaha yang dilakukan oleh Dr. Mahathir bagi membebaskan pemikiran dan mengubah paradigma rakyat Malaysia yang terlalu memuja Barat dan pihak Britain yang melabelkan orang Melayu pemalas. Ia merupakan salah satu faktor Dr. Mahathir melaksanakan Dasar Pandang ke Timur dan menekankan kepada nilai dan sikap bekerja rakyat Jepun yang dianggap rajin berbanding dengan rakyat Britain yang dianggap sebagai pemalas. Malaysia berusaha menghantar pelajar Malaysia ke negara Jepun dan Korea Selatan bagi menimba ilmu dari kedua-dua negara tersebut dalam usaha membebaskan minda penjajah.

Menjelang tahun 1990-an, Mahathir telah memantapkan kedudukannya sama ada dalam negara atau luar negara sebagai seorang pemimpin yang berkarisme dengan reputasi sebagai seorang yang berterus terang dan berani mencabar norma yang lazim sama ada dalam negara atau luar negara. Begitu juga hubungan dalam UMNO dan juga hubungan dengan Britain. Sesuatu yang berlawanan dengan arus dan tradisi yang dilalui sebelum beliau mengambil alih tampok pemerintahan. Dr. Mahathir dalam melaksanakan hubungan Malaysia dengan Britain telah mencorakkannya dengan cara yang berbeza dari kepimpinan ketiga-tiga perdana menteri sebelum beliau. Beliau lebih berani dan tegas dalam mentadbir negara dan berurusan dengan pihak Britain. Stail kepimpinan Dr. Mahathir adalah sesuatu yang tidak terfikir oleh pemimpin Malaysia dan Britain iaitu *Think out of the box*. Beliau telah melaksanakan DPT dan BBL. Sebelum merdeka lagi kebanyakan rakyat Malaysia mengagumi Britain dan mereka dikenali sebagai “Orang Putih”. Pemikiran rakyat Malaysia masih memandang tinggi rakyat Britain dan masih belum bebas sepenuhnya daripada tanggapan bahawa apa yang datang dari Barat adalah baik. Mentaliti tradisi yang terlalu bergantung dengan Barat terutama Britain tidak lagi menjadi pegangan dan Malaysia bebas memilih mana-mana negara untuk berurusan. Walau bagaimanapun Malaysia masih mengekalkan hubungan baik dengan negara Barat. Beliau telah memecah tradisi dalam mencorak pentadbiran



dan hubungan yang berbeza dengan pihak Britain tidak lagi tertumpu kepada Britain dan tidak menolak negara lain yang mengamalkan ideologi yang berbeza seperti Rusia dan China.

Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang berkarisme dengan reputasi sebagai seorang yang berterus terang dan berani mencabar norma yang lazim sama ada dalam negara atau luar negara dan sesuatu yang berlawanan dengan tradisi yang dilalui sebelum beliau mengambil alih tampok pemerintahan. Beliau telah berjaya memberi tekanan kepada pihak Britain untuk berunding. Pihak Britain telah bertindak menghantar pegawai mereka untuk berunding dan mencari punca masalah hubungan yang tegang setelah Malaysia melaksanakan BBL tetapi usaha ini gagal. Pertemuan tidak rasmi antara Mahathir dengan Margaret Thatcher telah meredakan suasana ketegangan hubungan Malaysia dengan Britain dan ini telah membawa kepada beberapa rundingan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kedua-dua negara.

Pihak Britain telah menghantar beberapa pegawai ke Malaysia bagi merapatkan semula hubungan Malaysia dengan Britain. Kedatangan mereka ke Malaysia adalah mencari punca hubungan Malaysia dengan Britain menjadi tegang serta berunding untuk mencari jalan penyelesaian pertelingkahan yang berlaku. Pihak Britain telah menghantar John Nott bagi mencari punca dan jalan penyelesaian. Usaha John Nott gagal setelah bertemu dengan Dr. Mahathir. Disusuli pula oleh Lord Carrington bagi mencari jalan penyelesaian tetapi turut gagal. Kegagalan ini telah menyebabkan satu pertemuan tidak rasmi diatitkan di antara Dr. Mahathir dengan Margaret Thatcher. Dalam pertemuan itu pada asasnya telah menamatkan BBL tetapi terdapat beberapa isu yang perlu diperbincangkan lagi bagi mencapai jalan penyelesaian. Seterusnya Margaret Thatcher telah melawat Kuala Lumpur pada tahun 1985 bagi mengukuhkan lagi hubungan Malaysia dengan Britain. Ini telah menampakkan perubahan sikap Britain yang mula memberi perhatian terhadap Malaysia. Mahathir pula membuat lawatan

rasmi ke London pada tahun 1987 sebagai balasan atas lawatan Thatcher ke Kuala Lumpur dan terus mencari jalan persefahaman antara kedua negara bagi mengekal hubungan yang berpanjangan. Pertemuan-pertemuan ini telah merapatkan lagi hubungan Malaysia dengan Britain. Mahathir telah meletakkan hubungan Malaysia dengan Britain kepada satu era baru. Isu BBL telah ditamatkan dan hubungan Malaysia dengan Britain diteruskan. Hubungan yang telah lama wujud dipulihkan semula tetapi ia telah berubah. Pihak Britain tidak lagi mendapat layanan yang istimewa daripada pihak Malaysia. Keistimewaan yang diperolehi oleh pihak Britain tidak sama seperti dulu lagi. Barangan dan perkhidmatan mereka perlu bersaing dengan lain negara bagi mendapat kontrak atau tender dari Malaysia. Kedudukan Britain berubah dan tidak lagi diberi keutamaan.

Oleh itu kajian ini menjelaskan hubungan luar Malaysia dengan Britain era Dr. Mahathir, 1981-1990 telah mengalami satu proses perubahan corak yang turut mengejutkan Britain dan menyebabkan Britain mengambil inisiatif untuk memulihkan hubungan dengan Malaysia. Aspek ekonomi merupakan isu paling penting yang menyebabkan hubungan antara kedua negara menjadi tegang dan Malaysia bertindak memprotes secara terbuka. Ini telah membawa Britain ke meja perundingan demi menjaga kepentingan ekonomi mereka di Malaysia. Kejayaan ini memberi makna bahawa Malaysia telah bebas dari belunggu penjajah dan Britain telah menghormati Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka. Ini telah membuka satu era baru dalam hubungan Malaysia dengan Britain yang tidak berat sebelah dan saling hormat menghormati antara kedua negara.

## BIBLIOGRAFI

### Sumber Primer

#### Koleksi Arkib Negara Malaysia

- 2001/0046623 - British, Setiausaha Negara, Encik John Nott mengunjungi Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di Jalan Dato Onn, Kuala Lumpur. 05.10.1981.
- 2002/0005864 - Lawatan Lord Carrington, 1982.
- 2002/0010973 - Dato' Abdullah Ahmad personal correspondences, 1998.
- 2003/0001250 - Teks ucapan ketua pengarang kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) Tan Sri Abdullah Ahmad dalam sesi bertajuk 'Tunku Abdul Rahman pengasas perpaduan kaum' dalam seminar memperingati 100 tahun kelahiran almarhum Tunku Abdul Rahman Bapa Kemerdekaan dan pengasas perpaduan kaum di Hotel Legend Kuala Lumpur pada Isnin, 10 Februari, Jam 2:00 petang.
- 2004/0014602 - Ucaptama di seminar sehari sempena memperingati 100 tahun kelahiran almarhum Tunku Abdul Rahman Putra oleh YAB Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, 10 Februari 2003, di Hotel Legend, Kuala Lumpur.
- 2007/0027649 - Surat daripada Menteri Pelajaran Malaysia, [t.t.].
- 2010/0005978 - Program Latihan Kerjaya ke 9, 1988 (12 - 20 Mac 1988).
- 2010/0009948 - Demystifying Europe: Tun Dr. Mahathir Mohamad and the West.
- 2011/0015410 - Koleksi Keratan Akhbar UMNO – Tun Musa Hitam (18 Disember 1984 - 27 Januari 1985).
- 2011/0015411 - Koleksi Keratan Akhbar UMNO – Tun Musa Hitam (27 Januari 1985 -6 September 1986).
- 2011/0015412 - Koleksi Keratan Akhbar UMNO – Tun Musa Hitam (2 April 1986 - 20 Oktober 1988).
- 2011/0015413 - Koleksi Keratan Akhbar UMNO – Tun Musa Hitam (20 Oktober 1988- 28 November 1990).
- 2012/0007665 - Surat kepada Dato' Abdullah Ahmad mengenai ucapan Musa Hitam di London, t.t.
- 2012/0016800 - Salinan surat Dr. Mahathir bin Mohamad kepada Datuk Abdullah Ahmad (t.t.).
- 2012/0017892 - Koleksi Keratan Akhbar UMNO – Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Musa Hitam (April 1985).

#### Koleksi Arkib Negara Britain

- Britain Cabinet Meeting*, CAB128/71/03, 29 October, 1981.
- Britain Cabinet Meeting*, CAB128/71/14, 29 October, 1981.
- Britain Cabinet Meeting*, CAB128/73/05, 11 February, 1982.
- Britain Cabinet Meeting*, CAB128/76/10, 17 March, 1983.
- Britain Cabinet Meeting*, CAB128/76/11, 24 March, 1983.

BT245/1857 Malaysia: Supersonic Question.

- DO169/509* Supply of Aircraft and Equipment to Malaysia (Airforce).  
*Foreign and Commonwealth Office (FCO)15/1928* British Firms and Investment in Malaysia.
- FCO15/1929* Malaysian Relations with E.E.C.  
*FCO15/2075* Malaysia Prime Minister's visit to London.  
*FCO15/2160* The Death of Prime Minister of Malaysia.  
*FCO15/2237* Political relations between Malaysia and UK.  
*FCO15/2363* Political relations between Malaysia and UK.  
*FCO15/2453* Secretary of State's visit to SE Asia.  
*FCO15/2503* Malaysia Prime Minister's visit to London.  
*FCO15/2504* Visit to United Kingdom by Minister of Finance.  
*FCO15/2505* Defence in Malaysia.  
*FCO15/2602* Annex to Mr. Peter Blaker's visit to SE Asia Briefing.  
*FCO15/2604* Official visit to South East Asia.  
*FCO15/2605* Secretary of State's visit to SE Asia.  
*FCO15/2682* Malaysia Internal Political Affairs.  
*FCO15/2683* Malaysia Internal Political Affairs.  
*FCO15/2685* Relations Between Malaysia and the U.K.  
*FCO15/2686* Malaysia Foreign Policy Summary.  
*FCO15/2690* Ministerial visit from U.K. to Malaysia.  
*FCO15/2691* Five Power Defence Arrangement.  
*FCO15/2692* Five Power Defence Arrangement.  
*FCO15/2693* Five Power Defence Arrangement.  
*FCO24/483* Malaysia: Political Affairs: United Malays National Organisation.  
*FCO24/484* Malaysia: Political Affairs: United Malays National Organisation.  
*FCO24/486* Malaysia: Civil Disturbance for Uprising General Election.  
*FCO24/487* Malaysia: Internal Affairs Civil Disturbance following General Election.  
*FCO24/530* Malaysia: Internal Affairs Civil Disturbance following General Election.  
*FCO24/857* Visit of Malaysian Minister to UK.  
*FCO24/858* Visit of Malaysian Minister to UK.  
*FCO24/859* Visit of Malaysian Minister to UK.  
*FCO24/1753* Visits of Government Official and Ministers from Malaysia to UK.  
*FCO37/2315* Visit by Mr. Peter Blaker MP to South East Asia 12-26 January 1980.  
*FV58/360* Dunlop Overseas.  
*FV58/361* Dunlop Overseas.

### **Dokumen, Laporan dan Surat**

- Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1987*, Jilid 19, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1988.
- Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1984*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai, 1985.
- Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1985*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Jun, 1986.
- Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1986*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Jun, 1987.
- Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1987*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai, 1988.
- Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1988*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai, 1989.

- Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1989*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai, 1990.
- Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1990*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai, 1991.
- Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1991*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, Julai, 1992.

*Federation of Malaya: Year Book*, Kuala Lumpur: The Malay Mail, 1961.

*Federation of Malaya: Official Year Book*, Vol. 1, Kuala Lumpur: Perchetakan Kerajaan, 1961.

- Foreign Affairs Malaysia*, September 1967, Vol. 1, No. 6.
- Foreign Affairs Malaysia*, 1971, Vol. 4
- Foreign Affairs Malaysia* June 1975, Vol. 8, No. 2.
- Foreign Affairs Malaysia*, December 1978, Vol. 11, No. 4.
- Foreign Affairs Malaysia*, September 1979, Vol. 12, No. 3.
- Foreign Affairs Malaysia*, June 1980, Vol. 13, No. 2.
- Foreign Affairs Malaysia 1981*, Vol. 14, No. 1.
- Foreign Affairs Malaysia* June 1981, Vol. 14, No. 2.
- Foreign Affairs Malaysia*, September 1981, Vol. 14, No. 3.
- Foreign Affairs Malaysia*, March 1983, Vol. 16, No. 1.
- Foreign Affairs Malaysia*, September 1983, Vol. 16, No. 3.
- Foreign Affairs Malaysia*, December 1983, Vol. 16, No. 4.
- Foreign Affairs Malaysia*, March 1984, Vol. 17, No. 1.
- Foreign Affairs Malaysia*, June 1984, Vol. 17, No. 2.
- Foreign Affairs Malaysia*, September 1984, Vol. 17, No. 3.
- Foreign Affairs Malaysia*, March 1985, Vol. 18, No. 1.
- Foreign Affairs Malaysia*, June 1985, Vol. 18, No. 2.
- Foreign Affairs Malaysia*, March 1986, Vol. 19, No. 1.
- Foreign Affairs Malaysia*, June 1986, Vol. 19, No. 2.
- Foreign Affairs Malaysia*, September 1986, Vol. 19, No. 3.
- Foreign Affairs Malaysia*, December 1986, Vol. 19, No. 4.
- Foreign Affairs Malaysia*, March 1987, Vol. 20, No. 1.
- Foreign Affairs Malaysia*, September 1987, Vol. 20, No. 3.
- Foreign Affairs Malaysia*, December 1987, Vol. 20, No. 4.
- Foreign Affairs Malaysia*, September 1989, Vol. 22, No. 3.
- Foreign Affairs Malaysia*, December 1989, Vol. 22, No. 4.
- Foreign Affairs Malaysia*, June 1990, Vol. 23, No. 2.
- Foreign Affairs Malaysia*, December 1990, Vol. 23, No. 4.

- Hansard Britain*, House of Commons, 12 June 1969.
- Hansard Britain*, House of Commons, 26 November 1981.
- Hansard Britain*, House of Commons, 30 July 1982.
- Hansard Britain*, House of Commons, 03 February 1983.
- Hansard Britain*, House of Commons, 27 April 1983.
- Hansard Debate*, House of Commons, 10 June 1985.
- Hansard Britain*, House of Commons, 22 July 1986.
- Hansard Britain*, House of Commons, 13 November 1987.
- Hansard Britain*, House of Commons, 27 July 1988.
- Hansard Britain*, House of Commons, 26 October 1989.
- Hansard Britain*, House of Commons, 01 March 1994.

*Hansard Britain*, House of Commons, 03 March 1994.

*Laporan ekonomi 1985/86*, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1985.

*Laporan ekonomi 1986/87*, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1986.

*Laporan ekonomi 1987/88*, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1987.

*Laporan ekonomi 1988/89*, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1988.

*Laporan ekonomi 1989/90*, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1989.

*Laporan ekonomi 1990/91*, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1990.

*Malaysia and the Commonwealth CHOGM 1989*, Kuala Lumpur: Economic Research Associates, 1990.

*Malaysia: Official Year Book, 1988*, Vol. 26. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1989.

*Minit Mesyuarat*, Bahagian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

*Minit Mesyuarat Khas*, Mengkaji Implikasi Arahan YAB Perdana Menteri Mengenai Bekalan dan Kontrak Firma-Firma British pada 9 November 1981, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

*Minit Mesyuarat*, Maklum Balas Berkenaan dengan efek reaksi British terhadap dasar kerajaan mengenai bekalan dan kontrak firma-firma British, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 27, 10 Ogos, 1983.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 18, 2 Disember, 1988.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 27 - 28, 15 - 16, Disember, 1988.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15 - 17, 11 - 13, Disember, 1989.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 25 - 28, 26 - 29, Disember, 1989.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1, 19 Mac, 1990.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 3, 19, Disember, 1990

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 3 - 5, 21 - 23, Mac, 1990.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 6 - 8, 26 - 28, Mac, 1990.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Ketujuh, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 9 - 13, 25 - 29, Jun, 1990.

- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Negara, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 6, 18, Februari 1991.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 1 - 4, 17 - 20, Mac, 1981.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 10, 30 Mac, 1981.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 1 - 4, 17 - 20, Mac, 1981.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 5 - 9, 23 - 27, Mac, 1981.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 11, 31 Mac, 1981.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 12, 1 April, 1981.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 14, 3 April, 1981.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal keempat, Jilid IV, Bil. 1 - 4, 9 - 12, Mac, 1982.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 5 - 9, 15 - 19, Mac, 1982.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 3 - 5, 13 - 15, Oktober, 1982.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 6 - 9, 19 - 22, Oktober, 1982.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 10 - 14, 25 - 29, Oktober, 1982.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 15 - 16, 1 - 2, November, 1982.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 44 - 48, 14 - 18, Mac, 1983.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 52, 24 Mac, 1983.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 59 - 63, 1 - 5, Ogos 1983.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 64 - 67, 10 - 13, Oktober, 1983.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 102, 2 Disember, 1983.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil. 39, 16 Disember, 1983.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 1 - 5, 13 - 16, Mac, 1984.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 5, 19 Mac, 1984.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 15 - 19, 2 - 6, April, 1984.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 1 - 4, 26 - 29, Mac, 1985.
- Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 5 - 7, 1 - 3, April, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 8 -9, 4 – 5, April, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 10 -14, 8 – 12, April, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15 - 19, 15 – 19, Julai, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 20 - 24, 22 – 26, Julai, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 25 - 27, 14 – 16 Oktober, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 28 - 36, 21 – 31, Oktober, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 37, 1 November, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 38 -42, 4 – 8, November, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 43 - 46, 12 – 15, November, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 47 -49, 18 – 20, November, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 51, 22 November, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 52 - 55, 26 – 29, November, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 56 - 60, 2 – 6, Disember, 1985.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 19, 31 Oktober, 1986.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 20 - 24, 3 – 7, November, 1986.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 25 - 28, 10 – 13, November, 1986.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 29 - 33, 17 – 21, November, 1986.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 34 - 38, 24 – 28, November, 1986.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 39 -43, 1 – 5, Disember, 1986.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 44, 8 Disember, 1986.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 45 - 49, 9 – 13, Mac, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 50 - 54, 16 – 20, Mac, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 55 - 56, 29 – 30, Jun, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 57 - 59, 1 – 3, Julai, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 60 - 63, 6 – 9, Julai, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 65 - 69, 12 – 16, Oktober, 1987.



*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 70 - 71, 19 – 20, Oktober, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 72 - 73, 22 – 23, Oktober, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 74 -78, 26 – 30, Oktober, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 79 -80, 2 – 3, November, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 81 - 82, 5 – 6, November, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 83 - 87, 9 – 13, November, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 88, 16 November, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 89 -92, 17 – 20, November, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 93 - 97, 23 – 27, November, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 98, 30 November, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 99 -102, 1 – 4, Disember, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 103, 7 Disember, 1987.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 1 - 4, 8 – 11, Mac, 1988.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 5 - 9, 14 – 18, Mac, 1988.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 10 - 14, 21 – 25, Mac, 1988.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 15 - 18, 27 – 30, Jun, 1988.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 1 - 4 , 7 – 10, Mac, 1989.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 5 -6, 13 – 14, Mac, 1989.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 15, 19 Jun, 1989.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 27 -28, 16 – 17, Oktober, 1989.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 26 - 27, 19 – 20, Oktober, 1989.

*Penyata Rasmi Parlimen*, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 31 - 34, 23 – 26, Oktober, 1989.

*Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1986.

*Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991.

*Surat JPM*, bertarikh 31 Mac 1983, PM. (R) 11880/A/800.

*Surat Pekeliling Am*, Bil. 11 Tahun 1981.

*Surat Pekeliling Am Sulit*, Bil. 4 Tahun 1981.  
*Surat* bertarikh 2 November 1981, rujukan PM (R) 11880/A/800.

*Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1971*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1976.

*Ucapan Tunku Abdul Rahman* di Majlis Legislatif Persekutuan di Kuala Lumpur pada 9 Disember, 1957.

Wawancara penyelidikan dengan Tun Daim Zainuddin di Wisma YPR, Kuala Lumpur, pada 4 September, 2009.

## Sumber Sekunder

### Buku

Abdullah Ahmad, (editor), *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 1985.

\_\_\_\_\_, *Dr. Mahathir's: Selected letters to world leaders*, Kuala Lumpur: Marshal Cavendish, 2007.

Abdullah Dahana, *China dan Malaysia dalam arena Perang Dingin 1949-1974*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat gerakan menentang British di Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1997.

Abd. Rahim Kassim, *Mengapa saya tentang Mahathir – Tengku Razaleigh*, Petaling Jaya: AZ Distributors, 1989.

Abdul Rahman Abdul Aziz, *Koleksi ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Pemenan Pentadbiran Awam Malaysia*, Sintok: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, 2010.

Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mustapa Kassim, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1976–1981, Tun Hussein Onn*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2009.

\_\_\_\_\_, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1981–2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2009.

\_\_\_\_\_, (disusun dan diselenggarakan), *Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara, 1970–1975, Tun Abdul Razak Hussein*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2009.

Abdul Rahman Ibrahim, 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.

- Abdul Rahman Ismail, *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan, Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Abdul Razak Baginda, (edited), *Governing Malaysia*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009.
- \_\_\_\_\_, (edited), *Malaysia's , Defence and security since 1957*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009.
- Abdul Rauf Mohd Napis dan Ramlah Muhamad, (penterjemah), R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Abu Hassan Adam, *Menebus maruah*, Petaling Jaya: Kumpulan Rusa, 1994.
- Ahmad Atory Hussain, *Politik dan dasar awam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2002.
- Ahmad Kamil Jaafar, *Growing up with the nation*, Singapore: Marshall Cavendish, 2013.
- Ahmad Mustapha Hassan, *The unmaking of Malaysia: Insider's reminiscences of UMNO, Razak and Mahathir*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2007.
- Ahmad Sohaimi Lazim, *Dua dekad Dasar Pandang ke Timur: Satu penilaian aspek pendidikan (1982-2002)*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2011.
- \_\_\_\_\_, *Hubungan Malaysia-Jepun: Diplomasi dan pendidikan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- Aishah Ghani, *Aishah Ghani: Memoir seorang pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Allers, Charles, *Anwar Ibrahim: Evolution of a muslim democrat*, Singapore: Monsoon, 2014.
- Alias Mohamed, *A biography: Ghafar*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, 1993.
- \_\_\_\_\_, (editor), *Ghafar Baba, Kupasan oleh profesor dan cendekiawan Melayu*, Petaling Jaya: Gateway Publishing Home, 1993.
- Amanat presiden: Demi agama, bangsa dan negara: 1981-2003, Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2009.
- Amarjit Kaur, *Historical dictionary of Malaysia: Asian historical dictionaries, No. 13*, London: The Scarecrow Press Inc., 1993.
- Amidah Hamim and Foo Bee Leng, (compiled), *Collection of Mahathir's speeches (July 1995 – December 1996)*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1997.

- Amidah Hamim and Foo Bee Leng, (compiled), *Collection of Mahathir's speeches, 1989*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1989.
- Amoroso, Donna J., *Traditionalism and the ascendancy of the Malay ruling class in colonial Malaya*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2014.
- Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012.
- Archana Sharma, *British policy towards Malaysia, 1957 -1967*, London: Sangam Books Limited, 1993.
- Ashead, Robin, *Mahathir of Malaysia*, United Kingdom: Hibiscus, 1989.
- Aziz Zariza Ahmad, *Fasa kedua*, Kuala Lumpur: Firma Malaysia Publishing, 1988.
- \_\_\_\_\_, *Mahathir: Triumph after trials. Aftermath 1990 elections, the second phase*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed and Co., 1990.
- \_\_\_\_\_, *Mahathir's Paradigm shift: The man behind the vision*, Taiping: Firma Malaysia Publishing, 1997.
- Azmah Abd Manaf, *Sejarah sosial masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2001.
- \_\_\_\_\_, *Malaysia: Gerakan kesedaran dan nasionalisma*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2012.
- Barlow, Colin, *The natural rubber industry: Its development, technology and economy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978.
- Black, Jeremy, *Britain since the seventies*, London: Reaktion Books Ltd, 2004.
- Bose, Anuradha, *Britain's overseas aid since 1979: Between idealism and self interest*, Manchester: Manchester University Press, 1991.
- Bourne, Richard, (edited), *Shridath Ramphal: The Commonwealth and the world; Essays in honour of his 80 th birthday*, London: Hansib Publications Limited, 2008.
- Brown, Graham K., *Balancing the risks of corrective surgery: The political economy of horizontal inequalities and the end of the New Economic Policy in Malaysia*, Oxford: CRISE, 2005.
- Case, William, *Elites and regimes in Malaysia: Revisiting a consociational democracy*, Australia: Monash Asia Institute, 1996.
- Chamil Wariya, *UMNO era Mahathir*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1988.

- \_\_\_\_\_, *Pergolakan antarabangsa: Perkembangan dan isu utama sejak 1945*, Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn Bhd, 1989.
- \_\_\_\_\_, *Naik Jatuh dan bangun semula: Abdullah Ahmad Badawi dan politik Malaysia*, Shah Alam: Times Editions, Marshal Cavendish, 2005.
- \_\_\_\_\_, *Najib Razak: 30 tahun dalam politik*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix, 2006.
- \_\_\_\_\_, *Malaysia 50 fakta asas kenegaraan*, Kuala Lumpur: Matrix, 2007.
- \_\_\_\_\_, *Malaysia: Asas pembinaan negara bangsa, institusi pemerintahan, lambang kebangsaan*, Kuala Lumpur: Media Global Matrix, 2010.
- Chandran Jeshurun, *Malaysia: Fifty years of diplomacy, 1957-2007*, Singapore: Talisman Publishing Pte Ltd, 2005.
- Cheah Boon Kheng, *Malaysia: The making of a nation*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2002.
- \_\_\_\_\_, *To' Janggut: Legends, histories, and perceptions of the 1915 rebellion in Kelantan*, Singapore: Singapore University Press, 2006.
- Cheong Mei Sui dan Adibah Amin, *Daim: Insan di sebalik enigma*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1996.
- Chin Kim Wah, *The defence of Malaysia and Singapore: The transformation of a security system 1957-1971*, Cambridge: Cambridge University Press, 1983.
- Chin Kim Wah and Leo Suryadinata, (edited), *Michael Leifer: Selected works on Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2005.
- Comber, Leon, *13 May 1969: A historical survey of Sino-Malay relations*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1983.
- Cowan, C. D., *Nineteenth-century Malaya: The origin of British political control*, London: Oxford University Press, 1961.
- Dominic J. Puthucheary and Jomo K. S., (edited), *James Puthucheary, No cowardly past: Writings, poems, commentaries*, (2<sup>nd</sup> Edition), Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2010.
- Edmund Terrence Gomez, *Money politics in the Barisan Nasional*, Kuala Lumpur: Forum, 1991.
- Faridah Jaafar, *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957 – 2005*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.
- Foley, Michael, *The politics of the British constitution*, Manchester: Manchester University Press, 1999.

- Gale, Bruce, *Musa Hitam: A political biography*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd, 1982.
- \_\_\_\_\_, (editor), *Malaysian politics*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986.
- \_\_\_\_\_, (edited), *Readings in Malaysian politics*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1987.
- Ghafar Baba, *Pendamai: Antara cabaran dan pergolakan*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, 1986.
- Ghazali Mayudin, et. al., (edited), *Demokrasi kepimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Ghazali Shafie, *Malaysia, Asean and the new world order*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- Gullick, John, *Malaysia: Economic expansion and national unity*, London: Ernst Benn Limited, 1981.
- Hambali Abdul Latif, *Dr. Mahathir: Amanah dan visi (Presiden UMNO 20 Tahun)*, Batu Caves: Penerbit Wadah Karya, 2001.
- Hanna, Willard A., *Sequel to colonialism: The 1957-1960, Foundations of Malaysia*, USA: American Universities Field Staff, Inc., 1965.
- Hasan Haji Hamzah, *Mahathir: Great Malaysian hero*, Kuala Lumpur: Media Printext (M) Sdn Bhd, 1990.
- Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Government*, Singapore: Times Book International, 2001.
- \_\_\_\_\_, *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003.
- Hooker, Virginia Matheson, *A short history of Malaysia: Linking East and West*, Australia: Allen and Unwin, 2003.
- Ibrahim Saad, (Terjemahan), *Dilema Melayu: Mahathir bin Mohamad*, Kuala Lumpur: Federal Publications, 1982.
- In-Won Hwang, *Personalized politics: The Malaysian state under Mahathir*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2003.
- Ishak Saat dan Mohd Akbal Abdullah, *Isu-isu terpilih dalam sejarah politik dan perjuangan: Sumbangan kepada Profesor Madya Dr. Mohd Isa Othman*, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2010.
- Jamaie Hamil, *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

- James P. Ongkili, *Nation-building in Malaysia, 1946-1974*, Singapore: Oxford University Press, 1985.
- Jayum A. Jawan, *Malaysian politics and government*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd, 2003.
- Jejak seorang pemimpin: Sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Publishing, 2014.
- Johan Saravanamuttu, *The dilemma of Independence two decades of Malaysia's foreign policy 1957-1977*, Penang: University Sains Malaysia, 1983.
- \_\_\_\_\_, *Malaysia's foreign policy: The first fifty years, alignment, neutralism, Islamism*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2010.
- Jomo K. S., *Masyarakat Malaysia: Cabaran sosio ekonomi*, Kuala Lumpur: INSAN, 1991.
- \_\_\_\_\_, *Warisan ekonomi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2010.
- \_\_\_\_\_, *M Way: Mahathir's economic legacy*, Kuala Lumpur: FORUM, 2003.
- Jomo Kwame Sundaram and Wee Chong Hui, *Malaysia@50: Economic development, distribution, disparities*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2014.
- Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman and Abdullah Zakaria Ghazali, *E. E. C Thuraisingham: A Malaysian patriot*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2013.
- \_\_\_\_\_, *The making of the Malayan constitution*, Kuala Lumpur: MBRAS Monograph, No. 31, 2002.
- J. S. Solomon, (edited), (2<sup>nd</sup> Edition), *Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj: The Challenging Times*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 2007.
- Karminder Singh Dhillon, *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, Singapore: NUS Press, 2009.
- Katayama, Kazuki, *China's rise and Japan's Malaysia policy*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2013.
- K. Das, *May day for justice: The Lord President's version*, Kuala Lumpur: Magnus Books, 1989.
- Khadijah Md. Khalid and Lee Poh Ping, *Whither the Look East policy*: Bangi: Penerbit Universti Kebangsaan Malaysia, 2003.
- Khoo Boo Teik, *Paradoxes of Mahathirism: An intellectual biography of Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995.

\_\_\_\_\_, *Beyond Mahathir: Malaysian politics and its discontents*, United Kingdom: Zed Books Ltd., 2003.

*Koleksi Ucapan Mahathir*, Kuala Lumpur: Jabatan Pencetakan Negara, 1992.

Kua Kia Soong, (edited), *K. Das and the Tunku tapes*, Petaling Jaya: Strategic Info Research Development, 2001.

Kunaseelan Muniandy, *Hubungan Malaysia Indonesia 1957-1970*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Lankester, Tim, *The politics and economics of Britain's foreign aid: The Pergau dam affairs*, London: Routledge, 2013.

Lukman Thaib, *The politics and governments of South East Asia*, Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn Bhd, 1997.

Mahathir Mohamad, *Mahathir Mohamad: The challenge*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986.

\_\_\_\_\_, *A new deal for Asia*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 1999.

\_\_\_\_\_, *Kebangkitan semula Asia*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 1999.

\_\_\_\_\_, *Achieving true globalisation*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2004.

\_\_\_\_\_, *Dilema Melayu*, Shah Alam: Marshall Cavendish, 2009.

\_\_\_\_\_, *A doctor in the house: The memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH, 2011.

\_\_\_\_\_, *Doktor umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Petaling Jaya: MPH Publishing, 2012.

\_\_\_\_\_, *Blogging to unblock: A citizen's rights*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 2013.

Maizatul Haizan Mahbob dan Mohamad Zain bin Musa, (editor), *Tinjauan baru politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

*Malaysian development experience: Change and challenges*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration, Malaysia, (INTAN), 1994.

*Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: Salam Press Sdn Bhd, 1979.

Mansergh, Nicholas, *The Commonwealth experience: Volume two, from British to multiracial Commonwealth*, Toronto: University of Toronto Press, 1983.

Means, Gordon P., *Malaysian politics*, London: University of London Press, 1970.



- Miller, Harry, *Malaysian heritage: The story of Malaysia*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007.
- Milne, R.S. and Mauzy, Diane K., *Malaysia: Tradition, modernity and Islam*, United States of America: Westview Press, Inc, 1986.
- \_\_\_\_\_, *Malaysian politics under Mahathir*, New York: Routledge, 1999.
- Mohamad Redzuan Othman, et. al., *Sejarah pembinaan negara bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Mohamed Anwar Omar Din, (disunting), *Dinamika bangsa Melayu: Menongkah arus globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Mohammad Agus Yusoff, *Malaysian federalism: Conflict or consensus*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Mohd Bakri Jaafar (editor), *Mengenal tokoh kita sendiri, hari ini dan esok*, Shah Alam: Percetakan Mahir, 1991.
- Mohd Daud Mat Din (Penterjemah), Wan Hashim, *Hubungan etnik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2011.
- Mohd Noor Yazid, *Hegemonic powers, radical politics and development state: The case of Indonesia-Malaysia political relations during the Cold War*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007.
- Mohd Sofi Munajir, *20 tokoh politik*, Bangi: Medium Publications, 2009.
- M. Rajendran, *Mahathir Mohamad: Prime Minister of Malaysia*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd, 2003.
- Morais, J. Victor, *Mahathir: A Profile in Courage*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd, 1982.
- Muhamad Mustafa Ishak, *Politik bangsa Malaysia, Pembinaan pelbagai etnik* Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2014.
- Munro-Kua, Anne, *Authoritarian populism in Malaysia*, London: MacMillan Press Ltd, 1996.
- Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastview Production Sdn Bhd, 1984.
- Nik Anuar Nik Mahmud, et. al., *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan patriot*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- Oo Yu Hock, *Ethnic chameleon: Multiracial politics in Malaysia*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1991.
- Ooi Kee Beng, *The right to differ: A biographical sketch of Lim Kit Siang*, Kuala Lumpur: Research for Social Advancement, 2011.

\_\_\_\_\_, *Hak untuk berbeza pendapat: Lim Kit Siang, sebuah lakaran biografi*, Kuala Lumpur: Research for Social Advancement, 2012.

Paridah Abd Samad, *The myth of Dato' Onn Jaafar: The forgotten hero*, Kuala Lumpur: Partisan Publication and Distribution, 2011.

*Perjanjian dan dokumen lama Malaysia, 1791-1965*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2009.

Phythian, Mark, *The politics of British arm sales since 1964*, Manchester: Manchester University Press, 2000.

Phua Khai Lit and Soo Keing Soon, *What's ahead for Malaysia? Contemporary, challenges and emerging trends*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2004.

Poulgrain, Greg, *The genesis of Konfrontasi: Malaysia, Brunei and Indonesia, 1945-1965*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2014.

Radziah Abd Rahim (editor), *Issues in international affairs*, Sintok: University Utara Malaysia Press, 2001.

Rahim Kassim, *Mengapa saya tentang Mahathir – Tengku Razaleigh*, Petaling Jaya: AZ Distributors, 1989.

Rais Yatim, et. al., *King Ghaz: A man of his time*, Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 2010.

Ramlah Adam, *Dato Onn Jaafar: Pengasas kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

\_\_\_\_\_, *Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998.

\_\_\_\_\_, *Biografi politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Ranjit Gill, *Razaleigh: Cita-cita dan perjuangan*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1987.

Razali Kidam, (edited), *Koleksi Ucapan Mahathir (Januari – Disember 1997): Siri ucapan penting*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1998.

Rosnah Majid, *Koleksi temuramah khas tokoh-tokoh*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 1985.

Rozeman Abu Hassan, *Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein: Dasar Luar Malaysia 1970-1976*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003.

Ruhanas Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2006.

- Rusdi Omar et. al., *Hubungan Malaysia-Singapura era Mahathir*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2005.
- Shakila Parween Yacob (terjemahan), White, Nicholas J., *Perniagaan British di Malaysia pascapenjajah 1957-70, 'Neokolonialisme' atau 'Pengunduran'*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010.
- Shariff Ahmad, *Tunku Abdul Rahman: Memoir politik*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1991.
- Shaw, William, *Tun Razak: Riwayat hidup dan zamannya*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn Bhd, 1977.
- Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Sivamurugan Pandian, *Legasi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2005.
- \_\_\_\_\_, *Abdullah Ahmad Badawi: Jalan ke puncak*, Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd, 2005.
- Somun, Hajrudin, *Mahathir: The secret of the Malaysian success*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2003.
- Stephens, Philip, *Tony Blair: The making of a world leader*, New York: Viking, 2004.
- Syed Husin Ali, *Dua wajah (Tahanan tanpa bicara)*, Kuala Lumpur: Insan, 1996.
- \_\_\_\_\_, *Two faces: detention without trial*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2008.
- \_\_\_\_\_, *Orang Melayu: masalah dan masa depan*, Kuala Lumpur: Buku Harakah, 2008.
- \_\_\_\_\_, *Memoir perjuangan politik Syed Husin Ali*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2012.
- Thatcher, Margaret, *The Downing street years*, London: Harper Press, 1993.
- \_\_\_\_\_, *Margaret Thatcher: The autobiography*, London: Harper Press, 1995.
- Tunku: Pengorbanan dan kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2005.
- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, *Malaysia: The road to independence*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2007.
- \_\_\_\_\_, *Challenging times*, Subang Jaya: Pelanduk Publications, 2007.
- \_\_\_\_\_, *Looking back: Monday musings and memories*, Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd, 2011.

- Tunku Abdul Rahman, *As a matter of interest*, Kuala Lumpur: Heinemann Asia, 1981.
- \_\_\_\_\_, *Lest we forget: Further candid reminiscences*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd, 1983.
- \_\_\_\_\_, *13 Mei: Sebelum dan selepas*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2007.
- Tunku Halim, *Tunku Abdullah: A passion for life*, Kuala Lumpur: All Media Publications Sdn Bhd, 1998.
- Ucapan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, 1982*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1989.
- Ucapan-ucapan Tunku Abdul Rahman Putra 1957*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1981.
- Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1974*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1979.
- Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1971*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1976.
- Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1960*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri, 1975.
- Vasil, R. K., *Ethnic politics in Malaysia*, New Delhi: Radiant Publisher, 1980.
- Wain, Barry, *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2009.
- Wan Mohd Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, organisasi dan pelaksanaan dasar*, HPI Lecturers Sdn Bhd, 2007.
- Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof, *Amanat presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara*, Jilid II, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1997.
- Welsh, Bridget, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies program, 2004.
- Williams, Peter Alderidge, *Judicial misconduct*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1990.
- Yahaya Ismail, *Krisis UMNO: Dilema Mahathir*, Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn Bhd, 1988.
- Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim (editor), *Dasar-dasar kerajaan Malaysia: Tinjauan menyeluruh*, Kuala Lumpur: A.S. Nordeen, 2003.
- Yusof Harun, *Dr. Mahathir Mohamad: Perjuangan tanpa sempadan*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd, 2001.

Zainuddin Maidin, *The unsung heroes*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2004.

\_\_\_\_\_, *Surat daripada Dr. Mahathir: Edisi tambahan Mahathir di sebalik tabir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2008.

\_\_\_\_\_, *Di depan api di belakang duri: Kisah sejarah Utusan Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2013.

Zarina Abu Bakar and Izyan Syazwani Mohamad, *Perdana discourse series: Keynote speeches by Tun Dr. Mahathir Mohamad*, Putrajaya: Perdana Leadership Foundation, 2012.

Zulhilmi Paidi dan Asrar Omar, *Hubungan antarabangsa*, Bentong: PTS Publications and Distributors, 2003.

Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dastar pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012.

Zuraina Majid, *Masyarakat Malaysia: Tinjauan perbincangan terhadap beberapa isu dan topik semasa*, Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia, 1982.

## **Jurnal**

*Asian Defence Journal*, Jan. – Dec. 1981.

*Asian Defence Journal*, Feb. – Jun. 1982.

*Asian Defence Journal*, Jan. – Dec. 1985.

*Asian Defence Journal*, Jan. – Dec. 1986.

*Asian Journal of Political Science*, Vol. 5, No. 1, June 1997.

*Asian Survey*, Vol. 6, No. 10, October 1966.

*Asian Survey*, Vol. XXI, No. 1 - 12, January-December 1981.

*Asian Survey*, Vol. XXII, No. 1 - 12, January-December 1982.

*Asian Survey*, Vol. XXVI, No. 1 - 12, January-December 1986.

*Asian Survey*, Vol. XXVII, No. 1 - 12, January-December 1987.

*Asian Survey*, Vol. XXVIII, No. 1 - 12, January-December, 1988.

*Asian Survey*, Vol. XXIX, No. 1 - 12, January-December 1989.

*Asian Survey*, Vol. XXX, No. 1 - 12, January-December 1990.

*Asian Survey*, Vol. 31, No. 5, May 1991.

*Asian Survey*, Vol. XXXV, No. 2, Februari 1995.

*Australian Outlook*, Vol. 17, No. 1, Melbourne, April 1963.

*Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, Vol. 4, No. 3, December 1982, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1982.

*Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, Vol. 25, No. 2, August 2003, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2003.

*Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, Vol. 25, No.1, April 2004, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2003.

*Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, Vol. 26, No. 2, August 2004, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2004.

*ISIS Focus*, No. 37, April, 1988, 1988.

*ISIS Focus*, No. 40, July, 1988, 1988.

*ISIS Focus*, No. 56, November 1989, 1989.

*Journal of Contemporary Asia*, Vol. 11, No. 1 - 4, 1981.

*Journal of Contemporary Asia*, Vol. 13, No. 1 - 4, 1983.

*Journal of Contemporary Asia*, Vol. 14, No. 1 - 4, 1984.

*Journal of Contemporary Asia*, Vol. 15, No. 1 - 4, 1985.

*Journal of Contemporary Asia*, Vol. 16, No. 1 - 4, 1986.

*Journal of Contemporary Asia*, Vol. 18, No. 1 - 4, 1988.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XII, No. 1, March, 1981.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XII, No. 2, September, 1981.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XIII, No. 1, March, 1982.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XIII, No. 2, September, 1982.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XIV, No. 1, March, 1983.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XIV, No. 2, September, 1983.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XV, No. 1, March, 1984.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XV, No. 2, September, 1984.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XVI, No. 1, March, 1985.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XVI, No. 2, September, 1985.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XIX, No. 1, March, 1988.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XIX, No. 2, September, 1988.

*Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XX, No. 1, March, 1989.

*Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. LIX, No. 250, Part 1, 1986, June 1986.

*Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. LIX, No. 251, Part 2, 1986, December 1986.

*Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. LXIX, No. 270, Part 1, 1996, June 1996.

*Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. LXIX, No. 271, Part 2, 1996, December 1996.

*Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. LXXI, No. 274, Part 1, 1998, June 1998.

*Journal of the Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 72, Part 1, June 1999, No. 276.

*Jebat*, 28(2001) 1-24, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

*Kajian Malaysia*, VI, 2 Disember, 1988, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1989.

*Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. 33, No. 191, Part 3, 1961, Nov. 1960.

*Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Monograph No. 10, Kuala Lumpur: MBRAS, 1982.

*Malaysia In History*, Vol. 29, 2005, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2005.

*Modern Asian Studies*, United Kingdom: Cambridge University Press, 2009.

*Southeast Asian Affairs 1982*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1982.

*Southeast Asian Affairs 1987*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1987.

*Southeast Asian Affairs 1988*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1988.

*Southeast Asian Affairs 1989*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1989.

*Southeast Asian Affairs 1991*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1991.

*Southeast Asian Affairs 2000*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2000.

*Southeast Asian Affairs 2001*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2001.

*Southeast Asian Affairs 2002*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2002.

*Southeast Asian Affairs 2003*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2003.

*Southeast Asia Research*, Vol. 11, No. 3, November 2003, London: University of London.

*Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992.

*Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 2, No. 1, February, 1994.

*Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 3, February, 1995.

*Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 4, September, 1996.

*Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 5, September, 1997.

*Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 8, November, 2000.

*The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 4, No. 1, June 2002, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2002.

*The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 5, No. 1, June 2003, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2003.

*The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 6, No. 1/1, December 2004, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2004.

*The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 8, No. 1, July 2006, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2006.

*The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 9, No. 1, 2007, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2007.

*The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 10, No. 1, 2008, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2008.

*The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 11, No. 1, 2010, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2010.

*The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 12, No. 1, 2012, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2012.

*The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 13, No. 1, July 2013, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2013.

*UKM Pertanika Journal Social, Science and Humanities*, Vol. 5 No. 2, 1997, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.

## Tesis

- Abdullah Ahmad, 'Tengku Abdul Rahman and Malaysia's foreign policy, 1963-1970', Tesis Ijazah Sarjana Muda, University of Cambridge, 1984.
- Abdul Wahab bin Che Mat, 'Dr. Mahathir dan dasar luar Malaysia: Kajian kepimpinannya dalam mengurus isu-isu hubungan Malaysia-Singapura', Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, 1998.
- Ahmad Fareed Ariffin, 'Five Power Defence Arrangement – its impact on Association of Southeast Asian Nations', (Latihan Ilmiah), Diploma, Universiti Malaya, 1998.
- Albert Hoh Kin, 'Mahathir and Malaysian modernization', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1999.
- Danny Wong Tze-Ken, 'Vietnam-Malaysian relations during the Cold War, 1945-1990', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1993.
- Faridah Jaafar, 'Dasar luar Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Mahathir Mohamad: Suatu kajian komparatif', Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2011.
- Grace Wong, 'Malaysia-Philippine relations, 1957-1968: A study in conflict and cooperation', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1971.
- J. B. Dalton, 'The development of Malayan external policy', 1957-1963, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of Oxford, 1967.
- Khadijah Md. Khalid, 'Malaysia-Japan relations: Explaining the root cause of the pro Japan orientation of Malaysia in the post 1981 period', Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of London, 1999.
- Mohd Ali Kamarudin, 'Penaung dalam kepimpinan politik Melayu: UMNO Kelantan, 1946-1990', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1998.
- Mohd Yusof Ahmad, 'Continuity and change in Malaysia's foreign policy, 1981-1986', Dissertation Doctor of Philosophy, Tufts University, 1990.
- Mokhtar Muhammad, 'Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dari 1970-1990: Kesenambungan dan perubahan', Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 1998.
- R. J. Caird, 'New Zealand's foreign policy and Malaya/Malaysia 1955-1965', Tesis Sarjana, University of Canterbury, 1970.

## Artikel

- Abdul Aziz Bari, 'The monarchy and state governing', in Abdul Razak Baginda, (edited), *Governing Malaysia*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009.



- Abdul Latiff Abu Bakar, 'Penderitaan dan perjuangan', dalam Alias Mohamed (editor), *Ghaffar Baba, kupasan oleh profesor dan cendekiawan Melayu*, Petaling Jaya: Gateway Publishing Home, 1993.
- Abdul Razak Abdullah Baginda, 'Five Power Defence Arrangement: Two decades and beyond', in *Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992.
- Abdullah Tahir, 'Jejak-jejak seorang pemimpin', dalam Alias Mohamed (editor), *Ghaffar Baba, Kupasan oleh profesor dan cendekiawan Melayu*, Petaling Jaya: Gateway Publishing Home, 1993.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 'Kebangkitan-kebangkitan anti-British di Semenanjung Tanah Melayu', dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: Salam Press Sdn Bhd, 1979.
- Affifudin Omar dan Shafiee Salleh, 'Perubahan entiti Melayu: Antara ketuanan dan tuntutan global dalam kerangka wawasan ekonomi-politik', dalam Mohamed Anwar Omar Din, (disunting), *Dinamika bangsa Melayu: Menongkah arus globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Ahmad Atory Hussain, 'The leadership factor in administrative reform', in Malaysia, in *UKM Pertanika Journal Social, Science and Humanities*, Vol. 5 No. 2, 1997, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.
- Ahmad Mokhtar Selat, 'New directions in Malaysia's foreign policy: From Tunku to Abdullah Badawi', in Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2006.
- A. Samad Ismail, 'Perubahan besar negara berbanding 60-an', dalam *Berita Harian*, 9 September, 1989.
- Awang Had Salleh, 'Phases of development of modern education in Malaysia', in *Malaysian development experience: Change and challenges*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration, Malaysia, (INTAN), 1994.
- Azhar Md. Aros, 'Militerisme Jepun 1895-1945: Polisi penjepunan dan penentangan di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak', dalam Mohammad Redzuan Othman et. al., *Sejarah pembinaan negara bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- \_\_\_\_\_, 'Lingkungan sekemakmuran Asia Timur Raya, 1941-1945: Dari negara matahari terbit ke Tanah Melayu', dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada Jauhari: Kumpulan Esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012.
- Azhari-Karim, 'Future directions in Malaysian foreign policy', in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 13, No. 1, July 2013, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2013.
- Belveer Singh, 'Southeast Asia in 1987: Hope amidst problems', in *Southeast Asian Affairs 1988*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1988.

- \_\_\_\_\_, 'Confidence building security measures in Southeast Asia', in *Strategi (Journal of strategic studies and international relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992.
- Bourne, Richard, 'Introduction', in Bourne, Richard (edited), *Shridath Ramphal, The Commonwealth and the world, essays in honour of his 80<sup>th</sup> birthday*, London: Hansib Publication Limited, 2008.
- Case, William, 'Comparative Malaysia leadership: Tunku Abdul Rahman and Mahathir Mohamad', in *Asian Survey*, Vol. 31, No. 5, May 1991, California: University of California Press, 1991.
- Chamil Wariya, 'Supermacy Inggeris luntur dalam era kepimpinan baru Malaysia', dalam *Utusan Malaysia*, 5 April, 1985.
- \_\_\_\_\_, 'Dasar luar Malaysia berubah menurut perkembangan', dalam *Utusan Malaysia, Keluaran Khas*, 31 Ogos, 1987.
- Chandran Jeshurun, 'Malaysian defence policy under Mahathir: What has changed?', in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies program, 2004.
- Cheah Boon Kheng, 'Malay politics and the murder of J. W. W. Birch, British resident in Perak, in 1875: The humiliation and revenge of the Maharaja Lela', in *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. LXXI, No. 274, Part 1, 1998, June 1998.
- Chew Huat Hock, 'Changing directions in foreign policy trends: A comparative analysis of Malaysia's bilateral relations with Britain and Singapore in 1981', in *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 4, No.3, December 1982.
- David Lazarus, 'Foreign policy is people', in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastern Productions Sdn Bhd, 1984.
- Edmund Terence Gomez, 'Politics of the media business: The press under Mahathir', in Welsh, Bridget, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies program, 2004.
- Faridah Jaafar, 'Peribadi politik Tunku Abdul Rahman dan dasar luar Malaysia, 1957-1970', dalam Mohamad Redzuan Othman, et. al., *Sejarah pembinaan negara bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Firdaus Abdullah, 'The Prime Minister's of Malaysia', in *Malaysian development experience: Change and challenges*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration, Malaysia, 1994.
- Funston, John, 'UMNO: What legacy will Mahathir leave?', in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004.

- Hashim Mohd Ali, 'Prospect for defence and security in ASEAN', in *Strategi (Journal of strategic studies and international Relations)*, Vol. 1, No. 1, February, 1992.
- Hirschman, Charles, 'Ownership and control in the Malayan economy revisited: A review of research since the publication of J. J. Puthucheary's classic', in Dominic J. Puthucheary and Jomo K. S., (edited), *James Puthucheary, No cowardly past: Writings, poems, commentaries*, (2<sup>nd</sup> Edition), Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2010.
- Ho Hui Ling, 'Pergerakan komunis dan kesannya terhadap ekonomi di Tanah Melayu 1948-1960: Tumpuan kepada sektor getah dan bijih timah', dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012.
- Ho Khai Leong, 'Kerangka politik dan pentadbiran: Cabaran dan pembaharuan di bawah pentadbiran Mahathir', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003.
- \_\_\_\_\_, 'Pentadbiran Dr. Mahathir terkepong', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003.
- In-Won Hwang, 'Malaysia's "Presidential Premier" Explaining Mahathir's dominance', in Welsh, Bridget, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004.
- James, Kenneth, 'Malaysia in 1987: Challenges to the system', in *Southeast Asian Affairs 1987*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1987.
- Jatswan S. Sidhu, 'Malaysia's defence and security since 1957: An overview', in Abdul Razak Baginda, (edited), *Malaysia's defence and security since 1957*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009.
- Jayum Anak Jawan, 'Federalism in Malaysia', in Abdul Razak Baginda, (edited), *Governing Malaysia*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009.
- Johan Saravanamuttu, 'Malaysia in the new geopolitics: A critical constructivist perspective', in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 13, No. 1, July 2013, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2013.
- J. Saravanamuttu, 'Rupabentuk dan perkembangan dasar luar Malaysia sejak 1957', dalam Zuraina Majid, *Masyarakat Malaysia: Edisi II*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1985.
- \_\_\_\_\_, 'ASEAN in Malaysia foreign policy discourse and practice, 1967-1997', dalam *Asian Journal of Political Science*, Vol. 5, No. 1, June 1997.

- \_\_\_\_\_, 'Iconoclasm and foreign policy – The Mahathir years', dalam Welsh, Bridget, (editor), *Reflection: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004.
- Jomo K. S., 'Privatisation', in Jomo K. S., (edited), *Malaysia's economy in the nineties*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1994.
- \_\_\_\_\_, 'Mahathir's flawed economic policy legacy', in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004.
- Joseph Liow, 'Keperibadian, tuntutan dan luar-jangkaan: Penentu dasar luar Malaysia', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003.
- Joseph Liow Chinyong, 'Personality, exigencies and contingencies: Determinants of Malaysia's foreign policy in the Mahathir administration', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, *Mahathir's administration: performance and crisis in Government*, Singapore: Times Book International, 2001.
- \_\_\_\_\_, 'Vision serumpun: Tun Abdul Razak and the golden years of Indo-Malay blood brotherhood, 1967-1975', dalam *Southeast Asia Research*, Vol. 11, No. 3, November 2003, London: University of London.
- Joseph M. Fernando, 'The formation of Malaysia: Shared history, varied images', dalam *Malaysia In History*, Vol. 29, 2005, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2005.
- \_\_\_\_\_, 'British attitude towards Malayan independence, 1945-1957', dalam Mohamad Redzuan Othman, et. al., *Sejarah pembinaan negara bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- \_\_\_\_\_, 'Dato' Onn Jaafar dan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957', dalam Arbaiyah Mohd Noor, et. al., *Persada jauhari: Kumpulan esei sempena persaraan, Profesor Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff b. Haji Hashim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012.
- \_\_\_\_\_, 'Parti Perikatan dan peranannya dalam menuntut kemerdekaan', dalam Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dastar pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012.
- \_\_\_\_\_, 'Sejarah pergerakan Parti Komunis Malaya (PKM) di Malaysia, 1930-1989', dalam Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dastar Pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012.
- Kershaw, Roger, 'Brown humanity strikes back: Confronting Britain in a good cause?', in Welsh, Bridget, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004.

- Khadijah Md. Khalid, 'Malaysia-Japan relations under Mahathir: "Turning Japanese"?' , in Welsh, Bridget, (editor), *Reflections: the Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004.
- Khaw Guat Hoon, 'Dasar Malaysia terhadap persaingan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara', dalam Zuraina Majid, *Masyarakat Malaysia: Edisi II*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1985.
- Khong Kim Hoong, 'Malaysia 1990: The election show-down', in *Southeast Asian Affairs 1991*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1991.
- K. S. Balakrishnan, 'Malaysia's foreign policy in the age of globalization: Theoretical, relevance and practical responses', in *The Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 5, No. 1, June 2003, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2003.
- Lee Poh Ping, 'The Look East policy, The Japanese model, and Malaysia', in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004.
- Leong Yee Fong, 'Zaman penjajahan dan munculnya susunan politik baharu di Tanah Melayu', dalam Abdul Rahman Ismail, *Malaysia: Sejarah kenegaraan dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan, Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Malhoutra, Mony, 'Me and my boss: the Sonny experience,' in Bourne, Richard, (edited), *Shridath Ramphal, The Commonwealth and the world, Essays in honour of his 80<sup>th</sup> birthday*, London: Hansib Publication Limited, 2008.
- Mauzy, Diane K., 'The 1982 general elections in Malaysia: A mandate for change?', in Gale, Bruce, (edited), *Readings in Malaysian politics*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1987.
- \_\_\_\_\_, 'Malaysia in 1987: Decline of "The Malay Way"', in *Asian Survey*, Vol. XXVIII, No. 2, February, 1988.
- Mauzy, Diane K. and Milne, R. S., 'The Malaysian administration: Discipline through Islam', in Gale, Bruce (editor), *Malaysian politics*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1986.
- Means, Gordon P., 'Malaysia in 1989: Forging a plans for the future', in *Southeast Asian Affairs 1990*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1990.
- Mills, L. A., 'British Malaya, 1826-47', *Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. 33, No. 191, Part 3, 1961, Nov. 1960.
- Mohamad Abdah Mohamad Zain, 'Mahathir's corporatism vs Razaleigh's liberalism capitalist expansionism, class fractionalization and intra-bourgeoisie party factionalism', dalam *Kajian Malaysia*, VI, 2 Disember, 1988, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1989.

- Mohamad Jawhar bin Hassan, 'Malaysia in 1994: Staying the course', dalam *Asian Survey*, Vol. XXXV, No. 2, Februari 1995, New York: Columbia University Press.
- Mohamad Muzammi Mohamad Nor, 'Sejarah sosioekonomi dan pendidikan masyarakat Melayu Kedah tahun 1900-1950', dalam Ishak Saat dan Mohd Akbal Abdullah, *Isu-isu terpilih dalam sejarah politik dan perjuangan: Sumbangan kepada Profesor Madya Dr. Mohd Isa Othman*, Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2010.
- Mohamad Rodzi Abd Razak, 'Penyelesaian Konfrontasi Indonesia Malaysia 1966: Isu dan kontroversi', dalam Maizatul Haizan Mahbob dan Mohamad Zain bin Musa, (editor), *Tinjauan baru politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Mohammad Agus Yusoff, 'The politics of Malaysian federalism: The case of Kelantan', in *Jebat*, 28(2001) 1-24, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
- Mohammed Azhari Karim (editor), *Malaysia foreign policy: Issues on perspectives*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN), 1995.
- Mohd Isa Othman, 'Penentangan, masa peralihan dan perkembangan politik di Kedah, 1942-1946', dalam Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dastar pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012.
- Mohd Rizal Mohd Yaakop, 'Isu keselamatan dalam politik Malaysia', dalam Ghazali Mayudin, et. al., (edited), *Demokrasi kepimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Mohd Yusof Ahmad, 'Foreign policy of developing states: The Malaysian experience', in *Malaysian development experience: Changes and challenges*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration, Malaysia, 1994.
- \_\_\_\_\_, '50 years of Malaysia's 'Economic diplomacy': The continuing struggle for peace, security and developments', in *The Journal of Diplomacy and foreign relations*, Vol. 10, No. 1, 2008, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, 2008.
- Murugesu Pathmanathan, 'The new dimensions of Malaysia's foreign policy', in Murugesu Pathmanathan and David Lazarus, *Winds of change: The Mahathir impact on Malaysia's foreign policy*, Kuala Lumpur: Eastern Productions Sdn Bhd, 1984.
- \_\_\_\_\_, 'New chapter in Anglo-Malaysian ties?', in *New Straits Times*, 15 Nov. 1988.
- \_\_\_\_\_, 'Dasar luar Malaysia: Cabaran masa depan', dalam *Berita Harian*, 16 Oktober, 1990.
- Netto, Anil, 'A black eye for human rights', in Bridget Welsh, (editor), *Reflections: The Mahathir years*, Washington: Southeast Asia Studies Program, 2004.

- Nik Anuar Nik Mahmud, 'Gerakan pro-kemerdekaan di Pahang', dalam Zulkarnain Abdul Rahman, et. al., (editor), *Dastar pendeta: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012.
- Nor Azizan Idris, 'Etnisiti dan ideologi dalam hubungan Malaysia-China', dalam Sity Daud dan Zarina Othman, (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Nor Ghani Md. Nor, 'Transformasi drastik ekonomi', dalam *Berita Harian*, 31 Ogos, 2007, Keluaran Khas.
- Ooi Kee Beng, 'Krisis baru dan masalah lama di Malaysia', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003.
- Rais Yatim, 'Ghazalie Shafie: The enigmatic man', in Dr. Rais Yatim, et. al., *King Ghaz: A man of his time*, Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 2010.
- Razali Ismail, 'Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, globalisasi dan cabaran Malaysia', dalam Mohamed Anwar Omar Din (editor), *Dinamika bangsa Melayu menongkah arus globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Rohani Hj Ab Ghani, 'Perkecualian Asia Tenggara: Latar belakang sejarah', dalam Radziah Abd Rahim (editor), *Issues in international affairs*, Sintok: University Utara Malaysia Press, 2001.
- Rogers, Roy Anthony, Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa', dalam Ruhanas Harun (edited), *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2006.
- Rusdi Omar dan Mohamad Afifi, 'Abdul Razak, Dasar luar Malaysia dalam konteks hubungan Malaysia-Jepun', dalam Zuhilmi Paidi dan Asrar Omar, *Hubungan antarabangsa*, Bentong: PTS Publications and Distributors, 2003.
- Salehuddin Yusof, 'Dasar luar Malaysia', dalam Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim (editor), *Dasar-dasar kerajaan Malaysia: Tinjauan menyeluruh*, Kuala Lumpur: A.S. Nordeen, 2003.
- Samuel C. Y. Ku, 'China's changing political economy with Malaysia: A regional perspective', in Emile Kok-Kheng Yeoh and Hou Kok Chung, *China and Malaysia in a globalizing world, bilateral relations regional imperatives and domestic challenges*, Kuala Lumpur: Institute of China Studies, University Malaya, 2006.
- Shakila Yacob and White, Nicholas J, 'The 'unfinished business' of Malaysia's decolonisation: The origins of the Guthrie 'Dawn Raid'', in *Modern Asian Studies*, United Kingdom: Cambridge University Press, 2009.

- Shamsul Amri Baharuddin, 'Perancangan pembangunan negara selepas merdeka 1957-1975: Tinjauan sejarah perkembangan sosio-ekonomi Malaysia', dalam *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: Salam Press, 1978.
- \_\_\_\_\_, 'The "Battle Royal": The UMNO elections of 1987', in *Southeast Asian Affairs 1987*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1987.
- \_\_\_\_\_, 'National unity: Malaysia's model for self-reliance', in *Malaysian development experience: Changes and challenges*, Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration, Malaysia, 1994.
- Sity Daud, 'Negara, pemerintah dan perlembagaan', dalam Sity Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Stephen Chee, 'Malaysia in 1988: A fractured polity', in *Southeast Asian Affairs 1989*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1989.
- Sullivan, Patrick, 'Social relations of dependence in a Malay state', in *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Monograph No. 10, Kuala Lumpur: MBRAS, 1982.
- Sutter, J. O., 'Two faces of Konfrontasi: 'Crush Malaysia' and the 'Gestapu'', dalam *Asian Survey*, Vol. 6, No. 10, October 1966.
- Syed Hamid Albar, 'Malaysia in world politics: The challenges ahead', in Ruhana Harun (edited), *Malaysia's foreign: Issues and challenges*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 2006.
- Syed Husin Ali, 'Demokrasi di Malaysia: Satu pendidikan asas mengenainya', dalam Mohamed Anwar Omar Din, (disunting), *Dinamika bangsa Melayu: Menongkahkan arus globalisasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Silcock, T. H., 'The development of Malayan foreign policy', dalam *Australian Outlook*, Vol. 17, No. 1, Melbourne, April 1963.
- V. Selvaratnam, 'Malaysia in 1981: A year of political transition', in *Southeast Asian Affairs 1982*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1982.
- Weiss, Meredith L., 'Mengatasi politik berasaskan ras di Malaysia: Menentukan norma untuk kerjasama berbilang etnik yang lebih mendalam', dalam Ho Khai Leong dan James Chin, (edited), *Pentadbiran Mahathir: Prestasi dan krisis dalam pemerintahan*, Singapura: Times Media Private Limited, 2003.
- Wong Chin Huat and Noraini Othman, 'Malaysia at 50 – An "Electoral one party state"', in Abdul Razak Baginda, (edited), *Governing Malaysia*, Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, 2009.
- Zatul Himmah Adnan, 'Isu Palestin dari perspektif Malaysia: Perkembangan dan kepentingan', dalam Siti Daud dan Zarina Othman (editor), *Politik dan Keselamatan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.



## **Akhbar**

- Berita Harian*, 28 September, 1957  
*Berita Harian*, 30 September, 1957  
*Berita Harian*, 7 Mac, 1959  
*Berita Harian*, 4 Julai, 1971  
*Berita Harian*, 7 Mac, 1959  
*Berita Harian*, 8 Mac, 1972  
*Berita Harian*, 10 Mei, 1981  
*Berita Harian*, 18 Mei, 1981  
*Berita Harian*, 23 Mei, 1981  
*Berita Harian*, 25 Mei, 1981  
*Berita Harian*, 11 September, 1982  
*Berita Harian*, 21 April, 1983  
*Berita Harian*, 3 Mei, 1983  
*Berita Harian*, 20 Ogos, 1983  
*Berita Harian*, 10 November, 1983  
*Berita Harian*, 14 Mac, 1985  
*Berita Harian*, 25 Mac, 1985  
*Berita Harian*, 5 April, 1985  
*Berita Harian*, 23 - 24 Mei, 1985  
*Berita Harian*, 15 Jun, 1985  
*Berita Harian*, 1 Ogos, 1985  
*Berita Harian*, 16 September, 1985  
*Berita Harian*, 20 - 21 September, 1985  
*Berita Harian*, 11 Oktober, 1985  
*Berita Harian*, 18 - 19 Oktober, 1985  
*Berita Harian*, 23 Oktober, 1985  
*Berita Harian*, 16 Januari, 1986  
*Berita Harian*, 31 Januari, 1986  
*Berita Harian*, 2 Mei, 1986  
*Berita Harian*, 2 Julai, 1986  
*Berita Harian*, 21 Julai, 1987  
*Berita Harian*, 16 Oktober, 1987  
*Berita Harian*, 29 Mei, 1989  
*Berita Harian*, 19 Jun, 1989  
*Berita Harian*, 4 September, 1989  
*Berita Harian*, 9 September, 1989  
*Berita Harian*, 18 - 19 Oktober, 1989  
*Berita Harian*, 7 November, 1989  
*Berita Harian*, 16 Disember, 1989  
*Berita Harian*, 5 Mac, 1990  
*Berita Harian*, 16 Oktober, 1990  
*Berita Harian*, 29 November, 1990
- Berita Minggu*, 22 Mei, 1983  
*Berita Minggu*, 2 Jun, 1985  
*Berita Minggu*, 19 April, 1987  
*Berita Minggu*, 19 Julai, 1987  
*Berita Minggu*, 26 Julai, 1987
- Daily Telegraph*, 24 October, 1989

*Daily Telegraph*, 25 October, 1989

*Mingguan Malaysia*, 9 April, 1984

*Mingguan Malaysia*, 3 Mac, 1985

*Mingguan Malaysia*, 26 Julai, 1987

*Mingguan Malaysia*, 23 Ogos, 1987

*Mingguan Malaysia*, 15 Oktober, 1989

*Mingguan Malaysia*, 4 November, 1990

*Mingguan Malaysia*, 3 Disember, 1990

*Morning Star*, 23 October, 1989

*Morning Star*, 24 October, 1989

*New Straits Times*, 8 May, 1980

*New Straits Times*, 31 May, 1980

*New Straits Times*, 9 - 10 September, 1981

*New Straits Times*, 15 September, 1981

*New Straits Times*, 3 October, 1981

*New Straits Times*, 6 October, 1981

*New Straits Times*, 9 October, 1981

*New Straits Times*, 16 October, 1981

*New Straits Times*, 20 - 21 October, 1981

*New Straits Times*, 27 October, 1981

*New Straits Times*, 6 December, 1982

*New Straits Times*, 12 March, 1983

*New Straits Times*, 14 March, 1983

*New Straits Times*, 4 April, 1983

*New Straits Times*, 21 April 1983

*New Straits Times*, 21 May, 1983

*New Straits Times*, 29 - 30 April, 1983

*New Straits Times*, 20 August, 1983.

*New Straits Times*, 2 September, 1983

*New Straits Times*, 21 September, 1983

*New Straits Times*, 21 March, 1985

*New Straits Times*, 8 April, 1985

*New Straits Times*, 30 September, 1985

*New Straits Times*, 11 October, 1985

*New Straits Times*, 18 - 19 October, 1985

*New Straits Times*, 23 October, 1985

*New Straits Times*, 14 January, 1986

*New Straits Times*, 30 January, 1986

*New Straits Times*, 8 July, 1986

*New Straits Times*, 11 July, 1986

*New Straits Times*, 5 August, 1986

*New Straits Times*, 18 August, 1986

*New Straits Times*, 15 August, 1986

*New Straits Times*, 6 September, 1986

*New Straits Times*, 30 November, 1986

*New Straits Times*, 3 - 5 April, 1987

*New Straits Times*, 11- 12 April, 1987

*New Straits Times*, 14 April, 1987

*New Straits Times*, 14 June, 1987

*New Straits Times*, 21 July, 1987  
*New Straits Times*, 27 October, 1987  
*New Straits Times*, 11 December, 1987  
*New Straits Times*, 16 January, 1988  
*New Straits Times*, 5 February, 1988  
*New Straits Times*, 5 - 6 May, 1988  
*New Straits Times*, 2 - 3 July, 1988  
*New Straits Times*, 5 July, 1988  
*New Straits Times*, 6 August, 1988  
*New Straits Times*, 8 August, 1988  
*New Straits Times*, 18 August, 1988  
*New Straits Times*, 6 September, 1988  
*New Straits Times*, 11 September, 1988  
*New Straits Times*, 5 October, 1988  
*New Straits Times*, 7 October, 1988  
*New Straits Times*, 27 - 30 September, 1988  
*New Straits Times*, 9 October, 1988  
*New Straits Times*, 15 November, 1988  
*New Straits Times*, 26 February, 1989  
*New Straits Times*, 2 March, 1989  
*New Straits Times*, 25 May, 1989  
*New Straits Times*, 29 May, 1989  
*New Straits Times*, 20 June, 1989  
*New Straits Times*, 27 September, 1989  
*New Straits Times*, 23 October, 1989  
*New Straits Times*, 18 November, 1989  
*New Straits Times*, 21 March, 1990  
*New Straits Times*, 25 August, 1990  
*New Straits Times*, 4 September, 1990  
*New Straits Times*, 18 September, 1990  
*New Straits Times*, 3 November, 1990  
*New Straits Times*, 4 December, 1990  
*New Straits Times*, 8 February, 1991  
*New Straits Times*, 23 May, 2000

*New Sunday Times*, 27 April, 1986  
*New Sunday Times*, 2 July, 1989  
*New Sunday Times*, 4 February, 1990  
*New Sunday Times*, 4 November, 1990

*Sun Daily*, 22 September, 2012

*The Age*, 14 July, 1981  
*The Age*, 2 August, 1982  
*The Age*, 21 October, 1988

*The Glasgow Herald*, 2 March, 1979  
*The Glasgow Herald*, 8 September, 1981  
*The Glasgow Herald*, 12 September, 1981  
*The Glasgow Herald*, 22 October, 1981  
*The Glasgow Herald*, 9 February, 1982  
*The Glasgow Herald*, 22 February, 1982

*The Glasgow Herald*, 6 April, 1985

*The Malay Mail*, 26 July, 2012

*The Malay Mail*, 31 May, 2014

*The New York Times*, 14 July, 1981

*The New York Times*, 29 August, 1981

*The New York Times*, 31 August, 1982

*The New York Times*, 10 April, 1984

*The New York Times*, 28 February, 1986

*The New York Times*, 28 March, 1987

*The New York Times*, 7 February, 1988

*The New York Times*, 20 March, 1988

*The New York Times*, 7 July, 1988

*The New York Times*, 27 October, 1988

*The New York Times*, 5 March, 1989

*The New York Times*, 30 May, 1990

*The New York Times*, 4 March, 1994

*The Star*, 25 June, 1981

*The Star*, 23 May, 1984

*The Star*, 27 April, 1985

*The Star*, 6 May, 1985

*The Star*, 10 May, 1985

*The Star*, 15 May, 1985

*The Star*, 22 May, 1985

*The Star*, 25 May, 1985

*The Star*, 2 August, 1985

*The Star*, 20 September 1985

*The Star*, 30 September, 1985

*The Star*, 18 October, 1985

*The Star*, 22 October, 1987

*The Star*, 10 May, 1989

*The Star*, 23 October, 1989

*The Star*, 2 November, 1990

*The Star*, 3 November, 1990

*The Star*, 4 September, 1990

*The Star*, 7 April, 1991

*The Star*, 11 April, 1991

*The Straits Times*, 15 August, 1969

*The Straits Times*, 19 July, 1969

*The Straits Times*, 31 May, 1988

*The Sun*, 16 August, 2007

*The Sydney Morning Herald*, 10 June, 1981

*The Sydney Morning Herald*, 24 June, 1981

*The Sydney Morning Herald*, 24 June, 1981

*The Sydney Morning Herald*, 28 December, 1983

*The Sydney Morning Herald*, 4 August, 1986

*The Sydney Morning Herald*, 14 May, 1987

*The Sydney Morning Herald*, 23 February, 1988

*Times Daily*, 24 January, 1984

*Utusan Malaysia*, 30 April, 1983  
*Utusan Malaysia*, 20 Ogos 1983  
*Utusan Malaysia*, 4 September, 1983  
*Utusan Malaysia*, 27 September, 1983  
*Utusan Malaysia*, 16 Januari, 1985  
*Utusan Malaysia*, 5-6 April, 1985  
*Utusan Malaysia*, 24 Mei, 1985  
*Utusan Malaysia*, 29 Mei, 1985  
*Utusan Malaysia*, 8 Julai, 1985  
*Utusan Malaysia*, 2 Ogos, 1985  
*Utusan Malaysia*, 21 September, 1985  
*Utusan Malaysia*, 11 Oktober 1985  
*Utusan Malaysia*, 15 Oktober, 1985  
*Utusan Malaysia*, 17 Oktober, 1985  
*Utusan Malaysia*, 16 Januari, 1986  
*Utusan Malaysia*, 2 April, 1986  
*Utusan Malaysia*, 28 April, 1986  
*Utusan Malaysia*, 24 Jun, 1986  
*Utusan Malaysia*, 29 Julai, 1986  
*Utusan Malaysia*, 6 Oktober, 1986  
*Utusan Malaysia*, 18 Oktober, 1986  
*Utusan Malaysia*, 27 Disember, 1986  
*Utusan Malaysia*, 7 Januari, 1987  
*Utusan Malaysia*, 20 Januari 1987  
*Utusan Malaysia*, 18 Julai, 1987  
*Utusan Malaysia*, 21 - 22 Julai, 1987  
*Utusan Malaysia*, 30 Julai, 1987  
*Utusan Malaysia*, 11 Ogos, 1987  
*Utusan Malaysia*, 2 November, 1987  
*Utusan Malaysia*, 5 - 6 Februari, 1988  
*Utusan Malaysia*, 28 September, 1988  
*Utusan Malaysia*, 25 Mei, 1989  
*Utusan Malaysia*, 14 Oktober, 1989  
*Utusan Malaysia*, 23 - 24 Oktober, 1989  
*Utusan Malaysia*, 6 Januari, 1990  
*Utusan Malaysia*, 13 Mac, 1990  
*Utusan Malaysia*, 4 September, 1990  
*Utusan Malaysia*, 3 November, 1990  
*Utusan Malaysia*, 7 November, 1990  
*Utusan Malaysia*, 24 November, 1990  
*Utusan Malaysia*, 1 Disember, 1990  
*Utusan Malaysia*, 4 September, 1993  
*Utusan Malaysia*, 3 Januari, 1999  
*Utusan Malaysia*, 24 September, 2000  
*Utusan Malaysia*, 12 November, 2003  
*Utusan Malaysia*, 3 April, 2008  
*Utusan Malaysia*, 3 April, 2009  
*Utusan Malaysia*, 23 September, 2011

*Utusan Malaysia*, 14 Februari, 2012

*Utusan Malaysia*, 11 Oktober, 2012

## **Majalah**

*Aliran*, Vol. VI:No. 1, January/February 1986

*Aliran*, Vol. VI:No. 2, February/March 1986

*Aliran*, Vol. VI:No. 3, March/April 1986

*Aliran*, Vol. VI:No. 4, April/May 1986

*Aliran*, Vol. VI:No. 5, May/June 1986

*Aliran*, Vol. VI:6, June/July 1986

*Aliran*, Vol. VI:7, July/August 1986

*Aliran*, Vol. VI:8, August/September 1986

*Aliran*, Vol. VI:9, September/October 1986

*Aliran*, Vol. VI:No. 11, November/December 1986

*Aliran*, Vol. VI:No. 10, October/November 1986

*Aliran*, Vol. VI:No. 12, Dec. 1986/Jan. 1987

*Aliran*, Vol. 7.1 - 7:12, 1987

*Aliran*, Keluaran November/December 1987, Vol. 7:11, Stop Press 4

*Aliran*, December/January 1987/88, Volume 7:12, Stop Press

*Aliran*, Vol. 8.1 - 8:9 1988

*Aliran*, Vol. 10, No. 1 - 12, 1989

*Aliran*, Vol. 10, No. 1 - 12, 1990

*Asiaweek*, 29 May, 1981

*Asiaweek*, 5 June, 1981

*Asiaweek*, 31 July, 1981

*Asiaweek*, 25 September, 1981

*Asiaweek*, 16 October, 1981

*Asiaweek*, 30 October, 1981

*Asiaweek*, 27 November, 1981

*Asiaweek*, 30 November, 1981

*Asiaweek*, 24 September, 1982

*Asiaweek*, 19 April, 1985

*Business Times*, 30 April, 1983

*Commonwealth* October 1982, Vol. 25, No. 2, October 1982

*Commonwealth* December 1982, Vol. 25, No. 3, December 1982

*Commonwealth* April 1983, Vol. 25, No. 5, April 1985

*Commonwealth* October/November 1983, Vol. 26, No. 2, October/November 1983

*Commonwealth* December 1983, Vol. 26, No. 3, December 1983

*Commonwealth* February 1984, Vol. 26, No. 4, February 1984

*Commonwealth* December 1984/January 1985, Vol. 27, No. 3, December 1984/January 1985

*Commonwealth* June/July 1985, Vol. 27, No. 6, June 1985

*Commonwealth* September 1985, Vol. 28, No. 1, September 1985

*Commonwealth* January 1986, Vol. 28, No. 3, January 1986

*Commonwealth* March 1986, Vol. 28, No. 4, March 1986

*Commonwealth* May 1986, Vol. 28, No. 5, March 1986

*Dewan Masyarakat*, Jun 1984  
*Dewan Masyarakat*, Januari - Disember, 1985  
*Dewan Masyarakat*, Januari - Julai, 1986  
*Dewan Masyarakat*, Mei 1987  
*Dewan Masyarakat*, Oktober 1989  
*Dewan Masyarakat*, Julai - November, 1990

*EIR*, Vol. 13, No. 41, October 17, 1986  
*EIR*, Vol. 14, No. 23, June 5, 1987  
*EIR*, Vol. 21, No. 11, March 11, 1994

*Far Eastern Economic Review*, 7 January, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 14 January, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 21 January, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 28 January, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 1 February, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 15 February, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 22 February, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 28 February, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 1 March, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 8 March, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 15 March, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 22 March, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 29 March, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 5 April, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 12 April, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 19 April, 1990  
*Far Eastern Economic Review*, 26 April, 1990

*Malaysian Business*, January – December, 1981  
*Malaysian Business*, January – June, 1982  
*Malaysian Business*, January – December, 1983  
*Malaysian Business*, January – December, 1984  
*Malaysian Business*, July 1, 1985  
*Malaysian Business*, January – December, 1987  
*Malaysian Business*, January 1, 1988  
*Malaysian Business*, March 1, 1988  
*Malaysian Business*, December 16-31, 1989

*The Diplomat*, October, 1983  
*The Diplomat*, December, 1983  
*The Diplomat*, September, 1984  
*The Diplomat*, June 15 - July 15, 1985  
*The Diplomat*, July 15 - August 15, 1985  
*The Diplomat*, August 15 - September 15, 1985  
*The Diplomat*, September 15 - October 15, 1985  
*The Diplomat*, October 15 - November 15, 1985

*The Rocket*, Vol. XVII, No. 4, October, 1983  
*The Rocket*, Vol. 19, Issue No. 5, April 1986  
*The Rocket*, Vol. 21, Issue No. 6, September/October, 1988

TNB	Tenaga Nasional Berhad
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
UEM	United Engineers Malaysia
UMBC	United Malayan Banking Corporation
UMNO	United Malays National Organisation
UNIFIL	United Nations Interim Force in Lebanon
UNTAG	United Nations Transition Assistance Group
UPP	Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan
US	United States of America
USSR	Union of Soviet Socialist Republics
ZOPFAN	Zone of Peace, Freedom and Neutrality